

**PENGURUSAN PENGOPERASIAN DAN PENGAJARAN GURU PRASEKOLAH:  
SATU KAJIAN KES LUAR BANDAR**

**MARDZIAH BT ABDULLAH**

**FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2019**

**PENGURUSAN PENGOPERASIAN DAN PENGAJARAN GURU  
PRASEKOLAH: SATU KAJIAN KES LUAR BANDAR**

MARDZIAH BT ABDULLAH

TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH  
DOKTOR FALSAFAH

FAKUTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

2019

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: **Mardziah bt Abdullah**

No. Matrik: **PHA 140007**

Nama Ijazah: **Ijazah Doktor Falsafah**

Tajuk Tesis: **Pengurusan Pengoperasian Dan Pengajaran Guru Prasekolah:  
Satu Kajian Kes Luar Bandar**

Bidang Penyelidikan: **PRASEKOLAH**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

## ABSTRAK

Kajian ini memberi fokus kepada pengurusan pengoperasian dan pengajaran guru prasekolah luar bandar. Kajian dilaksanakan di dua buah sekolah kebangsaan di Daerah Jempol, Negeri Sembilan. Seramai 4 orang guru prasekolah terlibat dalam kajian ini. Hasil dapatan diguna untuk menganalisis apakah kelemahan yang terdapat dalam pengurusan pengoperasian dan pengajaran di prasekolah. Kajian ini adalah kajian kes bersifat kualitatif. Bagi mencapai objektif kajian, pengutipan data dilakukan melalui temu bual, pemerhatian dan penganalisan dokumen yang berlangsung selama tujuh bulan. Temu bual diadakan sebanyak 5 kali. Temu bual pertama dilakukan untuk mengetahui tentang pengurusan pengoperasian dan pengajaran di prasekolah. Manakala temu bual kedua pula adalah untuk mendapat respon dari peserta kajian berkenaan isu-isu sebenar yang berlaku semasa mengurus pengoperasian dan pengajaran di prasekolah. Soal selidik yang digunakan diadaptasi dan di ubah suai dari Kementerian Pendidikan Malaysia dan penyelidik terdahulu. Penganalisan data dibahagikan kepada dua tahap yang menghuraikan pengetahuan dan pelaksanaan dari aspek pengurusan pengoperasian, pengurusan pengajaran dan tugas sampingan guru prasekolah. Semua sesi temu bual dirakam secara audio dan catatan lapangan di buat oleh pengkaji. Protokol pemerhatian pula meneroka pengurusan pengoperasian prasekolah, pengurusan pengajaran dan tugas sampingan dalam kerja hakiki. Data temu bual termasuk rakaman audio dibuat transkripsi dan dianalisis secara manual. Manakala analisis dokumen dan catatan lapangan melalui kaedah interpretasi. Indeks Cohen Kappa dan kaedah triangulasi digunakan untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan data kajian. Dapatan kajian menunjukkan peserta kurang mendapat bimbingan dari pihak pentadbir dalam pengurusan pengoperasian prasekolah. Dalam aspek pengurusan pengajaran, peserta tidak mengikut kurikulum dan kurang memiliki kefahaman isi kandungan kurikulum. Walau bagaimanapun konsep pengajaran prasekolah dikuasai oleh peserta kecuali P3. Kajian juga mendapati peserta tetap melaksanakan tugas sampingan walaupun tugas hakiki di bilik darjah belum selesai. Oleh itu dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu pihak yang bertanggungjawab menyediakan platform terbaik untuk guru-guru prasekolah di Malaysia.

## ABSTRACT

This study focuses on the management of the operation and teaching of rural pre-school teachers. The study was conducted at two national schools in Jempol District, Negeri Sembilan. Classroom management which related to operational management was the main aspect to be studied. In terms of teaching, a few aspects such as preparation of teaching lesson plans, implementation of teaching and assessment were also explored in preschool classrooms. Apart of that, ad-hoc tasks carrying out by preschool teachers were also investigated. This qualitative study employed a case study methodology where data was collected using interviews, classroom observations and analysis of documentations. It involved four preschool teachers from different public preschools in Malaysia. The data collection process took approximately seven months in total. Interviews were conducted to understand the background of the participants and their knowledge in implementing operational management and teaching in preschool. Observations were done during the teaching processes to explore the knowledge and the understanding of the participant teachers regarding teaching management in preschool classrooms. In additional, documentations were analysed to answer the related research questions. Data analysing was based on Miles dan Hubermen (1994), while validity and trustworthiness of the findings were gained through triangulation, pilot study, experts' validation, Cohen Kappa's index scale of agreement and duration of the study. The study revealed participant teachers were lacking of guidance / mentoring from the administrators in terms of operational management in preschool. The findings also showed that participant teachers did not teach according to preschool curriculum due to insufficient knowledge and understanding of the content in curriculum. Classroom teaching placed much focuses on reading and writing skills. However it was found that participant teachers acquired teaching concept in preschool. The participant teachers were found carrying out the ad-hoc tasks, on top of the official responsibility in preschool. This study suggested a conceptual framework of operational management and teaching in preschool classroom.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan rahmat dan hidayahNya pengkaji dapat menyelesaikan penulisan tesis ini. Selawat dan salam keatas junjungan besar Muhammad SAW. Pengkaji mengambil peluang ini merakamkan jutaan terima kasih yang ikhlas kepada kedua-dua penyelia iaitu Profesor Datin Dr Mariani Md Nor dan Dr Fonny Dameaty Hutagalung atas bimbingan, tunjuk ajar, kritik dan kesabaran serta pengertian mereka dalam menggalakkan saya sepanjang penulisan ini. Terima kasih juga dirakamkan kepada Naib Canselor, Dekan Fakulti Pendidikan yang telah memberi kesempatan, fasiliti dan kemudahan. Terima kasih juga kepada kakitangan di fakulti pendidikan yang telah memberikan perhatian dalam penyelesaian tesis ini. Terima kasih juga kepada pihak perpustakaan Universiti Malaya atas bantuan mendapatkan rujukan. Terima kasih kepada teman-teman seperjuangan di bilik PhD Fakulti Pendidikan atas dorongan dan kebersamaan dalam pengajian. Terima kasih juga kepada Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah memberikan keizinan kepada saya meneruskan pengajian. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih untuk suamiku tersayang Murad b. Abd Karim yang telah memberikan semangat dan dorongan yang tulus ikhlas dengan penuh kesabaran dan kasih sayang sepanjang pengajian ini. Buat anak-anakku Nurul Jannah, Muhd Muizzuddin, Nurul Sabrina, Muhd Hafidzuddin dan Muhd Ariffuddin, terima kasih kerana memahami situasi pengajian umi. Terima kasih juga kepada bonda tercinta Midah bt Othman dan adik beradik yang memberi galakkan sepanjang perjalanan PhD ini. Terima kasih juga kepada rakan sepenyelian atas bantuan sepanjang pengajian. Pengkaji mengharapkan semoga Allah SWT membalas kebaikan kepada semua pihak yang memberikan bantuan dalam menjayakan tesis ini. Aamin

## Jadual Kandungan

### Bab 1 Pengenalan

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar belakang kajian.....	3
1.3	Penyataan Masalah.....	10
1.4	Objektif Kajian.....	15
1.5	Soalan Kajian.....	15
1.6	Kepentingan Kajian.....	16
1.7	Kerangka Teori dan Kerangka Konseptual.....	18
	1.7.1 Kerangka Teori Kajian	18
	1.7.2 Kerangka Konseptual Kajian.....	24
1.8	Definisi Konsep dan Definisi Operasional .....	25
	1.8.1 Pengurusan.....	25
	1.8.2 Pengurusan Pengoperasian.....	26
	1.8.3 Pengurusan Pengajaran.....	26
	1.8.4 Pengurusan Bilik Darjah.....	26
	1.8.5 Bilik darjah prasekolah.....	26
	1.8.6 Tugas Sampingan.....	27
	1.8.7 Pengajaran.....	27
	1.8.8 Pendekatan Pengajaran.....	27
1.9	Batasan Kajian.....	28
1.10	Rumusan.....	29

### Bab 2 Tinjauan Literatur

2.1	Pendahuluan.....	31
2.2	Teori Pengurusan.....	31
2.3	Fungsi-fungsi Pengurusan.....	33
	2.3.1 Perancangan.....	33
	2.3.2 Pengelolaan.....	35
	2.3.3 Pengawalan.....	36
	2.3.4 Kepimpinan.....	38
2.4	Pengurusan.....	39
	2.4.1 Pengurusan Pengoperasian.....	53
	2.4.2 Tugas guru prasekolah.....	60
	2.4.3 Penyediaan Jadual Waktu.....	63
	2.4.4 Penyediaan Jadual Menu.....	64
2.5	Pengoperasian Bilik Darjah Prasekolah.....	65
	2.5.1 Rancangan Pengajaran Tahunan.....	68
	2.5.2 Pengurusan Pengajaran.....	68
	2.5.3 Konsep Pengajaran di Bilik Darjah Prasekolah.....	74
	2.5.4 Kurikulum Prasekolah.....	78
	2.5.4.1 Pendekatan Pengajaran.....	82
	2.5.4.2 Buku Rekod Mengajar.....	89
	2.5.4.3 Pentaksiran.....	92
	2.5.4.4 LINUS.....	96
	2.5.4.5 Bahan Bantu Mengajar.....	98

	2.5.4.6	Integrasi ICT.....	100
2.6		Tugas sampingan di prasekolah.....	103
2.7		Rumusan.....	115

### **Bab 3 Metodologi Kajian**

3.1		Pengenalan.....	116
3.2		Falsafah, Reka Bentuk Dan Kaedah Kajian.....	117
	3.2.1	Reka Bentuk Kajian.....	118
	3.2.2	Kaedah Kajian.....	122
	3.2.3	Kajian Kes.....	122
	3.2.3.1	Justifikasi Pemilihan Kaedah Kajian Kes.....	125
3.3		Pesampelan Kajian.....	126
	3.3.1	Peserta Kajian.....	126
	3.3.1.1	Penentuan dan Kaedah Pemilihan Peserta Kajian.....	126
	3.3.1.2	Deskripsi Peserta Kajian.....	128
3.4		Lokasi Kajian.....	133
	3.4.1	Deskripsi Lokasi Kajian.....	135
	3.4.2	Justifikasi pemilihan lokasi kajian.....	137
3.5		Tempoh Kajian.....	138
3.6		Instrumen Kajian.....	139
3.7		Kajian Rintis.....	140
	3.7.1	Analisis kajian rintis protokol temu bual. ....	140
	3.7.2	Tujuan Menjalankan Kajian Rintis.....	141
3.8		Tatacara Pelaksanaan Kajian.....	144
	3.8.1	Peringkat Persediaan.....	144
	3.8.2	Peringkat Pengumpulan Data.....	144
3.9		Menyediakan Transkripsi dan Menginterpretasi Kandungan Dokumen... ..	148
	3.9.1	Menginterpretasi Kandungan Dokumen.....	148
3.10		Tatacara pemerolehan data sebenar.....	149
3.11		Kaedah Mengumpul Data.....	150
	3.11.1	Kaedah Temu bual.....	151
	3.11.1.1	Justifikasi Pemilihan Kaedah Temu Bual.....	153
	3.11.1.2	Protokol Soalan Temu Bual.....	153
3.12		Kaedah Pemerhatian.....	156
	3.12.1	Justifikasi Pemilihan Kaedah Pemerhatian.....	157
	3.12.2	Protokol Kaedah Pemerhatian.....	158
3.13		Kaedah Analisis Dokumen. ....	161
	3.13.1	Justifikasi Pemilihan Analisis Kandungan Dokumen.....	163
3.14		Organisasi Data.....	164
	3.14.1	Proses Memahami Data.....	164
	3.14.2	Asing dan Tapis data.....	165
	3.14.3	Pengekodan.....	166
3.15		Analisis semasa pengumpulan data.....	168
	3.15.1	Menyediakan transkripsi daripada data temu bual dan pemerhatian.....	168
	3.15.2	Analisis Data Kandungan Dokumen.....	169
3.16		Analisis Selepas Mengumpul Data.....	170
	3.16.1	Membuat Kesimpulan dan Pentafsiran.....	173
3.17		Kesahan dan Kebolehpercayaan.....	174
	3.17.1	Kesahan.....	175
	3.17.1.1	Kesahan Dalaman.....	175



13.17.1.2	Kesahan Luaran.....	176
3.17.2	Kebolehpercayaan.....	177
3.18	Triangulasi data.....	178
3.18.1	Kajian rintis.....	179
3.18.2	Pengesahan peserta kajian terhadap data temu bual dan pemerhatian.....	180
3.18.3	Pengesahan pakar melalui skala persetujuan Cohen Kappa.....	180
3.19	Laporan Dapatan.....	183
3.20	Rumusan.....	184

#### **Bab 4 Dapatan Kajian**

4.1	Pendahuluan.....	185
4.2	Pengurusan pengoperasian dan pengajaran di bilik darjah.....	185
4.3	Pengurusan Pengoperasian.....	186
4.3.1	Perkapita.....	188
4.3.2	Inventori.....	191
4.3.3	Jadual.....	193
4.3.3.1	Jadual Menu.....	193
4.3.3.2	Jadual Waktu.....	196
4.3.4	Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT).....	199
4.3.5	Takwim tahunan.....	205
4.3.5.1	Aktiviti Ko-kurikulum.....	206
4.3.5.2	Aktiviti Sukan Tahunan.....	207
4.3.5.3	Hari Anugerah Prasekolah.....	208
4.3.5.4	Mesyuarat Waris.....	209
4.3.5.5	Fasiliti.....	210
	a. Fasiliti dalam bilik darjah.....	210
	b. Fasiliti luar bilik darjah.....	212
	c. Fasiliti Peralatan ICT.....	214
4.3.5.6	Kesimpulan.....	218
	Deskripsi Dapatan Pengurusan Pengoperasian.....	222
4.4	Pengurusan Pengajaran.....	224
4.4.1	Penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH).....	224
4.4.1.1	Mengurus Penyediaan RPH.....	225
	a. Penggunaan Tema.....	230
	b. Integrasi Tunjang.....	230
4.4.2	Bahan Bantu Mengajar (BBM).....	237
4.4.2.1	Alat teknologi.....	240
4.4.2.2	Sumber Elektrik.....	241
4.4.2.3	Buat sendiri.....	242
4.5	Pelaksanaan Pengajaran.....	245
4.5.1	Panduan Mengajar.....	248
4.5.2	Melaksanakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).....	249
4.5.2.1	Melaksanakan Pendekatan Pengajaran.....	259
4.5.2.2	Kemahiran Menyampaikan Pengajaran.....	264
4.5.2.3	Integrasi ICT.....	267
4.5.2.4	Melaksanakan Integrasi Tunjang.....	269
4.6	Pelaksanaan Pentaksiran.....	275
4.6.1	Melaksanakan Kaedah Pentaksiran.....	279
4.6.1.1	Senarai Semak.....	286
4.6.1.2	Rekod anekdot.....	287

	4.6.1.3 Portfolio.....	288
	4.6.1.4 Hasil Kerja Murid.....	292
	4.6.2 Pelaporan.....	295
	4.6.3 Kesimpulan.....	300
	Deskripsi Dapatan Pengurusan Pengajaran.....	301
4.7	Tugas Sampingan dalam Pengurusan Pengoperasian dan Pengajaran.....	303
	4.7.1 Tugas ad hoc.....	303
	4.7.2.1 Arahan Pengurusan.....	304
	4.7.2.2 PPD, JPN, KPM.....	312
	4.7.2 Mengambil Alih Tugas Pembantu Pengurusan Murid (PPM).....	316
	4.7.3 Guru Relief.....	321
	4.7.4 Melaksanakan Program Sifar LINUS.....	323
	4.7.5 Tugas Bukan Rutin.....	326
	Deskripsi Dapatan Tugas Sampingan dalam Pengurusan Pengajaran.....	330
	4.7.6 Kesimpulan.....	330

## **Bab 5 Perbincangan, Implikasi dan Cadangan.**

5.1	Pendahuluan.....	331
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian.....	331
	5.2.1 Pengurusan Pengoperasian.....	332
	5.2.1.1 Pengurusan Bilik Darjah.....	335
	a. Perkapita.....	336
	b. Inventori.....	337
	c. Takwim tahunan.....	337
	d. Rancangan Pengajaran Tahunan.....	337
	e. Jadual.....	338
	f. Fasiliti.....	339
	5.2.2 Pengurusan Pengajaran.....	340
	5.2.2.1 Penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH).....	341
	5.2.2.2 Penyediaan Bahan Bantu Mengajar (BBM).....	343
	5.2.2.3 Pelaksanaan Pengajaran.....	344
	a. Melaksanakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Semakkan 2017 .....	344
	b. Tunjang Pembelajaran.....	347
	c. Integrasi Tunjang.....	348
	d. Melaksanakan Pendekatan Pengajaran.....	351
	e. LINUS.....	354
	f. Integrasi ICT.....	357
	5.2.3 Pentaksiran.....	359
	5.2.3.1 Kaedah Pentaksiran.....	363
	5.2.4 Tugas Sampingan.....	365
	5.2.4.1 Arahan Pengurusan.....	368
	5.2.4.2 Tugas Ad hoc.....	369
5.3	Implikasi Kajian.....	372
	5.3.1 Implikasi Terhadap Pengurusan Pengajaran Prasekolah.....	374
	5.3.2 Implikasi Terhadap Pengoperasian Prasekolah.....	374
	5.3.3 Implikasi Terhadap Polisi Pendidikan Prasekolah.....	375
	5.3.4 Implikasi Terhadap Perlaksanaan Pengajaran Prasekolah.....	377
	5.3.5 Implikasi Terhadap Sistem Pendidikan Prasekolah di Malaysia.....	379
	5.3.6 Implikasi Teori.....	380
5.4	Cadangan Kajian.....	381

5.4.1	Cadangan Pelaksanaan Pengajaran.....	381
5.4.1	Cadangan Pelaksanaan Pengajaran.....	383
5.4.2	Cadangan Pentaksiran Prasekolah.....	384
5.4.3	Cadangan Rancangan Mengajar Harian.....	384
5.4.4	Cadangan Tugas Sampingan.....	385
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan.....	387
	Rujukan.....	390
	Lampiran.....	409
	ARTIKEL.....	441

Universiti Malaya

## Senarai Rajah

Rajah 1.1	Model Pengurusan Stoner, Freeman and Gilbert (1995).....	19
Rajah 1.2	Tujuh Peringkat Pengetahuan Shulman (1997).....	22
Rajah 1.3	Konsep PPIK Shulman (1987).....	23
Rajah 1.4	Kerangka Teori Kajian.....	24
Rajah 1.5	Kerangka Konsep Kajian .....	25
Rajah 3.1	Rekabentuk Kajian.....	120
Rajah 3.2	Proses Kajian.....	124
Rajah 3.3	Kaedah Mengumpul Data Triangulasi.....	161
Rajah 3.4	Carta Alir keseluruhan proses analisis kajian.....	167
Rajah 4.1	Piramid Makanan.....	195
Rajah 4.2	Contoh Jadual Menu Prasekolah.....	196
Rajah 4.3	Jadual Waktu Prasekolah.....	199
Rajah 5.1	Tema Pengurusan Pengoperasian membina deskripsi kajian.....	340
Rajah 5.2	Tema dan sub tema pengurusan pegajaran membina deskripsi kajian.....	365
Rajah 5.3	Tema dan sub tema Tugas sampingan yang membina deskripsi kajian.....	372
Rajah 5.4	Cadangan Kerangka Pengurusan Pengoperasian dan Pengajaran Prasekolah Luar Bandar.....	387

## Senarai Jadual

Jadual 2.1	Tingkah laku Kepimpinan Pengurusan Pengajaran dalam Kalangan guru.....	78
Jadual 2.2	Kekerapan Tugas Ko-kurikulum Guru Prasekolah.....	108
Jadual 2.3	Kekerapan Tugas Pengurusan Luar Prasekolah.....	109
Jadual 3.1	Profil peserta kajian.....	128
Jadual 3.2	Ringkasan Penambahbaikan Kajian Rintis.....	143
Jadual 3.2	Gerak Kerja Analisis Data.....	146
Jadual 3.3	Transkripsi Data Temu bual, pemerhatian dan catatan lapangan.....	163
Jadual 3.4	Perkaitan antara konstruk dan tema.....	170
Jadual 3.5	Perkaitan antara konstruk, tema, sub tema dan kod.....	173
Jadual 3.6	Skala Persetujuan Cohen Kappa.....	181
Jadual 3.7	Nilai Persetujuan Antara Pakar Penilai Menggunakan Skala Cohen Kappa.....	182
Jadual 3.8	Contoh unit analisis skala persetujuan cohen kappa.....	183
Jadual 4.1	Perbandingan Respons Peserta.....	219
Jadual 4.2	Perbandingan Respons Peserta.....	236
Jadual 4.3	Perbandingan Respons Peserta.....	244
Jadual 4.4	Perbandingan Respons Peserta.....	273
Jadual 4.5	Perbandingan Respons Peserta.....	298
Jadual 4.6	Perbandingan Respons Peserta.....	329
Jadual 5.4	Konstruk cadangan kerangka Pengurusan Pengoperasian dan Pengajaran.....	386

## Senarai Simbol dan Singkatan

- KPM : Kementerian Pendidikan Malaysia
- P : Peserta
- LINUS : Literasi dan Numerasi
- KSPK : Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
- 4M : Membaca, Menulis, Mengira dan Menaakul
- PPPM : Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
- PIBG : Persatuan Ibu Bapa dan Guru
- JPNS : Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
- JPN : Jabatan Pendidikan Negeri
- ICT : Information and Communication Technology (Teknologi Maklumat dan Komunikasi)
- UNESCO : The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
- PPDJJ : Pejabat Pendidikan Daerah Jempol Jelebu
- BPK : Bahagian Pembangunan Kurikulum
- JNJK : Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
- APIED : Asian Programme of Educational Innovation for Development
- NKRA : National Key Result Areas
- KSSR : Kurikulum Standard Sekolah Rendah
- ABP : Amalan Bersesuaian Perkembangan
- RPH : Rancangan Pengajaran Harian
- RPT : Rancangan Pengajaran Tahunan
- LP : Lembaga Peperiksaan
- KIA2M : Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis
- 3M : Membaca, Menulis dan Mengira
- PIPP : Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
- PORTIM : Program Tiga M
- UPSR : Ujian Penilaian Sekolah Rendah
- BBM : Bahan Bantu Mengajar
- PdP : Pengajaran dan Pembelajaran

- KBSR : Kurikulum Baru Sekolah Rendah
- KBAT : Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
- TMK : Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- EPRD : Bahagian Perancangan dan Pengkajian Dasar Pendidikan
- JPA : Jabatan Perkhidmatan Awam
- PPD : Pejabat Pendidikan Daerah
- SKPK : Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan
- SMPK : Sistem Maklumat Sekolah
- BI : Bahasa Inggeris
- JERIS : Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek dan Sosial
- KPK : Kurikulum Prasekolah Kebangsaan
- IPTA : Institut Pendidikan Tinggi Awam
- PPM : Pembantu Pengurusan Murid
- ABP : Amalan Bersesuai Perkembangan
- MAKSAK : Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan
- APC : Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

## **Bab 1 Pengenalan**

### **1.1 Pendahuluan**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah berusaha untuk mewujudkan sistem pendidikan yang standard bermula daripada prasekolah hinggalah ke sekolah menengah. Oleh itu Malaysia memerlukan guru yang professional untuk melaksanakan pengajaran yang dapat memenuhi standard dan juga mengambil kira keperluan murid selaras dengan kandungan kurikulum. Bagi meningkatkan pengetahuan guru, panduan dalam bentuk program instruksi perlu dibangunkan supaya guru dapat menyesuaikan pembelajaran berpusatkan murid dengan standard yang hendak dicapai (Wortham, 2010).

Manakala tugas dan tanggungjawab memimpin pula mulai berkembang dari seorang guru besar kepada guru yang memimpin bilik darjah (Mohd Hasani, 2009). Justeru itu guru prasekolah juga berperanan sebagai pemimpin di bilik darjah. Lantaran itu mereka seharusnya memiliki gaya kepimpinan, kemahiran merancang, kecekapan mengurus, kepelbagaian dalam pengajaran dan pembelajaran, kebijaksanaan interpersonal, kemahiran berkomunikasi, kemahiran kaunseling dan mampu mengendalikan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Pelbagai kekangan dan permasalahan wujud dalam bilik darjah. Kebiasaannya guru berhadapan dengan tiga cabaran yang besar iaitu kerenah murid, memastikan hasil pembelajaran tercapai dan hambatan masa (Olga, 2012). Guru prasekolah yang berwibawa bijak bertindak sebagai penyelesai masalah, memperjelaskan objektif-objektif setiap perkara yang melibatkan bilik darjah termasuk pengajaran dan pembelajaran serta pentaksiran, keceriaan, dan pengurusan murid sebagai pelanggan utama (Rohani, 2010).

Pengurusan pengoperasian prasekolah di Malaysia adalah berkait rapat dengan corak pengurusan sekolah. Perbezaan antara keduanya hanyalah bilangan anggota dalam organisasi itu. Berjaya atau sebaliknya sesebuah prasekolah itu adalah terletak



kepada pengurusnya. Manakala pengurusan pengajaran menurut Mohd Izham (2015) ialah suatu unsur budaya dan ilmu pengetahuan yang dikenalpasti boleh memandu pengajaran guru kepada sekumpulan murid tertentu. Maka pengurusan pengajaran ialah pengurusan atau aktiviti yang menegaskan setiap fasa pengurusan untuk dilaksanakan dan perlu dipastikan hala tujunya. Perkara ini termasuklah cara atau bagaimana hala tuju ini akan dicapai serta tempoh masa untuk mencapainya. Selain itu, pentadbir perlu memastikan sama ada proses ini berjaya dicapai atau sebaliknya.

Pengurusan pengajaran guru prasekolah adalah berdasarkan kurikulum prasekolah terkini yang memberi penekanan kepada pendidikan melalui aktiviti bersesuaian dengan perkembangan, pengenalan membaca, menulis, mengira dan menaakul (4M) di samping sosial dan penerapan nilai-nilai murni dalam emosi individu (Rusli, 2001; Lumpkin, 2002; Wuest & Bucher, 2009).

Manakala daripada perspektif antarabangsa pula, pengurusan pengajaran mempunyai perubahan yang tersendiri (Wuest & Bucher, 2009; McLeod, 2003). Sumbangan daripada pengurusan pengajaran prasekolah yang berkualiti bukan sahaja dapat membantu murid menjadi cerdas dan cergas, malahan mampu meningkatkan daya pemikiran dan keyakinan diri di samping memberi impak yang mendalam terhadap kesihatan dan perkembangan seseorang kanak-kanak (Miler, 2009).

Menurut konteks prasekolah, guru yang melaksanakan pengurusan pengoperasian dan pengajaran adalah merangkap pemimpin di bilik darjah (Liethwood, 2010). Mereka juga berusaha untuk melancarkan perjalanan pengoperasian prasekolah disamping meningkatkan pencapaian akademik murid. Dapatan kajian lalu menunjukkan faktor pengurusan pengajaran di bilik darjah boleh menyumbang keberkesanan sekolah (Hussein, 1996) yang akhirnya menyumbang kepada peningkatan pencapaian akademik murid (Sharifah Nor Puteh & Ali, 2011; Bass, 1990). Sebagaimana kata-kata Bass (1990), kepimpinan guru di bilik darjah sering

dianggap sebagai faktor yang paling dominan dalam menentu kejayaan atau kegagalan sesebuah bilik darjah.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Prasekolah telah mula beroperasi di Malaysia sejak 1991 dengan menggunakan kurikulum pual. Pengoperasian prasekolah pada ketika dimulakan dengan tenaga pengajar yang ditukarkan opsyen dari Bahasa Melayu ke opsyen prasekolah. Mereka menerima latihan dan kursus selama 3 bulan di maktab-maktab perguruan seluruh Malaysia. Keluaran opsyen prasekolah pertama di Malaysia adalah dalam tahun 1994. Guru-guru ini mendapat latihan perguruan di maktab-maktab perguruan. Keluaran pertama adalah seramai 380 orang tetapi jumlah tersebut tidak cukup untuk kelas-kelas prasekolah yang telah dibuka. Oleh itu guru-guru yang telah mendapat latihan selama 14 minggu di maktab perguruan dan telah menukar ke opsyen prasekolah dikehendaki mengajar di bilik darjah prasekolah. Malah hingga kini mereka masih lagi mengajar di kelas prasekolah (KPM, 2003).

Bilangan murid prasekolah yang telah ditetapkan untuk sesebuah bilik darjah adalah seramai 25 orang sahaja, dengan dibimbing oleh seorang guru dan seorang pembantu prasekolah. Jawatan pembantu prasekolah pula pada ketika itu adalah berjawatan sementara dan dibayar gaji mengikut jumlah hari berkerja. Pada tahun 2004, jawatan pembantu prasekolah telah dinaiktaraf dan ditukar kepada nama jawatan pembantu pengurusan murid (PPM) dan berjawatan tetap bermula dengan gred N17.

Penubuhan prasekolah mendapat bantuan penuh dari kerajaan dan peruntukan perkapita prasekolah telah ditetapkan. Perkapita tersebut dibahagi kepada dua bahagian iaitu perkapita makan dan perkapita alatan. Pada awalnya kerajaan menetapkan hanya RM0.50 untuk bantuan makan tetapi mulai 2016, setiap murid prasekolah menerima bantuan makan sebanyak RM 2 (semenanjung) dan RM2.25 (Sabah dan Sarawak) sehari, RM100 untuk alatan dan RM 25 untuk aktiviti ko-kurikulum (KPM, 2010).

Bilangan bilik darjah prasekolah juga telah bertambah tahun demi tahun. Sehingga kini jumlah bilangan bilik darjah prasekolah dibawah tadbiran Kementerian Pendidikan Malaysia adalah sebanyak 9321 buah bilik darjah di 6120 sekolah (KPM, 2017). Bererti terdapat 4 atau 3 atau 2 bilik darjah prasekolah dalam sesebuah sekolah. Namun begitu bilangan guru yang opsyen prasekolah belum menyeluruh dan masih terdapat lagi guru yang belum bertukar opsyen tetapi berminat mengajar di prasekolah.

Walau bagaimanapun pengurusan pengoperasian prasekolah sama seperti pengoperasian sekolah. Menurut James Ang (2014), guru-guru kelas di aliran perdana mengurus pengoperasian bilik darjah mereka dengan memastikan penyediaan jadual waktu bilik darjah, jadual kedatangan murid, mengutip yuran PIBG dan melaksanakan pengajaran. Manakala pengoperasian prasekolah memerlukan guru menguruskan perbelanjaan makan dan minum, merancang pembelian alatan bilik darjah, merancang takwim tahunan, mengurus fail-fail inventori, merancang dan menyediakan jadual waktu, menyediakan menu mingguan, memastikan fasiliti cukup dan selamat digunakan (KPM, 2003).

Begitu juga dengan pengurusan pengajaran di bilik darjah prasekolah. Transformasi kurikulum daripada menggunakan kurikulum pukal kepada garis panduan pengajaran pada 1996. Pada 2003 ditukar kepada kurikulum prasekolah kebangsaan (KPK). Manakala pada 2010, kurikulum prasekolah telah ditransformasikan kepada Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Pendidikan prasekolah yang berfokuskan kepada kurikulum berpusatkan murid telah menghasilkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Kurikulum ini mula diaplikasi bermula 2010 dan disemak semula pada 2017 dan dilaksanakan pada 2018 (KPM, 2017). Perubahan secara holistik ini dilakukan bagi menggantikan kurikulum prasekolah sedia ada dengan mengambil kira aspek kandungan, pedagogi, peruntukan, masa, kaedah, pentaksiran, bahan dan pengurusan (KPM, 2010). Salah satu aspek penting yang ditekankan

kurikulum prasekolah kini ialah amalan yang bersesuaian dengan perkembangan (ABP). Berdasarkan ABP, fokus utama kurikulum tersebut ialah proses pengajaran dan pembelajaran berpusatkan murid (KPM, 2010).

Sungguhpun begitu pendidikan prasekolah di Malaysia di anggap remeh oleh sesetengah masyarakat. Begitu juga ibu bapa dan pihak pentadbir. Mereka berpendapat setiap murid yang pernah menduduki prasekolah adalah cemerlang apabila murid tersebut melangkah ke tahun satu. Secara tidak langsung memberi gambaran kepada guru bahawa setiap murid prasekolah perlu celik huruf sebelum ke tahun satu. Namun pada 2015 prasekolah dilaporkan menjadi penyumbang bilangan murid teramai ke program LINUS (KPM, 2015).

Salah satu faktor penyumbang murid ke program LINUS adalah disebabkan murid kurang mendapat pendedahan awal berkaitan mengenal huruf dan angka lantaran guru kerap meninggalkan bilik darjah untuk melaksanakan tugas sampingan yang diberikan oleh pihak atasan sama ada pentadbir sekolah, jabatan pendidikan atau pun daripada kementerian pendidikan sendiri.

Tugas sampingan dilihat telah mengecilkan tugas utama guru prasekolah (Norashid, 2014). Sehingga menyebabkan tugas utama iaitu penumpuan sepenuhnya tanggungjawab dan perhatian untuk mengajar dan mendidik di bilik darjah diabaikan. Anak-anak didik kini terpaksa dialihkan sedikit demi sedikit untuk menghabiskan tugas-tugas yang telah diberikan kepada mereka termasuklah tugas yang *ad hoc* (Berita Semasa, 2014). Namun sebagai penjawat awam, guru prasekolah juga perlu akur pada arahan ketua jabatan (KPM, 2010).

Walau bagaimanapun beberapa kajian berhubung pengurusan pengajaran guru telah dijalankan dan mendapati ada segelintir guru kurang mahir dalam pengurusan pengajaran di bilik darjah dan beberapa isu lain yang berkaitan pengurusan pengajaran juga diketengahkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Antaranya dalam bidang

kurikulum, buku rancangan pengajaran harian dan pentaksiran. Ini diuraikan seperti berikut:

### **1.2.1 Kurikulum.**

Secara umumnya fungsi kurikulum adalah sebagai panduan guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Kurikulum merupakan satu dokumen panduan setiap guru dalam melaksanakan pengajaran di bilik darjah. Kesediaan guru memahami kurikulum merupakan aspek penting untuk mencapai sesuatu objektif pembelajaran. Guru yang menghadapi isu pengurusan pengajaran untuk memenuhi autonomi pembelajaran murid di sebalik pengurusan sekolah yang begitu kaku dan statik dalam urusan prasekolah (Said Ambotang, 2012).

Kurikulum prasekolah sebelum 2010 ini tidak begitu menekankan penguasaan modul kemahiran asas iaitu 4M. Kurikulum tersebut menekankan perkembangan murid yang menyeluruh iaitu perkembangan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Pada peringkat prasekolah kemahiran yang di asah dari awal ialah, kemahiran motor kasar, motor halus, kemahiran koordinasi mata tangan, mengenal angka, menguasai prabaca, pratulis dan pranombor. Kurikulum tersebut juga tidak menekankan hasil pembelajaran yang tinggi seperti hari ini.

Lantaran itu kurikulum yang digunakan oleh prasekolah tidak begitu di ambil berat oleh guru (Aliza Ali dan Zamri Mahmod, 2015). Kurikulum prasekolah kini amat menekankan pengintegrasian teknologi dalam pengajaran guru di bilik darjah. Pendekatan berkenaan selaras dengan pengintegrasian teknologi dalam pendidikan di Malaysia. Namun menurut Lee (2009), guru hanya mampu mengendalikan kemudahan teknologi tanpa mampu mengetahui penggunaannya dalam pengajaran.

Untuk pengurusan pengajaran kini, fokus lebih kepada keperluan guru berbanding murid. Ini dilihat bertentangan dengan kehendak KSPK yang berkehendakkan guru memfokuskan pengajaran kepada murid (JNJK, 2013). Rentetan

itu pelaksanaan KSPK kurang menekankan pengajaran mengikut tunjang. Kurang penekanan ini disebabkan masa agak lama digunakan dalam sesuatu pelaksanaan tunjang itu. Akibatnya murid tidak menguasai sesuatu perkembangan yang disasarkan oleh guru (Aliza et. al, 2015). Kemahiran setiap tunjang itu belum dikuasai oleh guru sepenuhnya (JNJK, 2013). Guru lebih memberi tumpuan kepada pencapaian dan penguasaan 4M murid prasekolah. Tumpuan itu diberikan apabila ramai murid prasekolah terlibat program LINUS (KPM, 2015).

Sehubungan itu guru perlu tahu dan faham tentang hasrat kurikulum prasekolah. Kandungan kurikulum juga perlu dikuasai di sampingan pertambahan ilmu dari semasa ke semasa. Dengan ini memudahkan guru menulis Rancangan Pengajaran Harian (RPH).

### **1.2.2 Buku Rancangan Pengajaran Harian.**

Buku Rancangan Pengajaran Harian merupakan pelan tindakan guru sebelum mengajar. Berdasarkan SPI Bil 3/1999, RPH wajib mengandungi dua perkara penting iaitu Rancangan Pelajaran Tahunan dan Rancangan Pengajaran Harian. Rancangan Pengajaran Harian (RPH) merupakan dokumen penting yang wajib disediakan oleh setiap guru sebelum proses pengajaran berlaku termasuklah di prasekolah. Di dalamnya terkandung tajuk dan objektif yang patut dicapai oleh murid dalam sesi pengajaran tersebut (KPM, 2010). Namun begitu di Negara ini penulisan RPH prasekolah tidak selaras kerana terdapat beberapa negeri menggunakan telah menggunakan teknologi komputer untuk menyediakan RPH dan selebihnya masih menggunakan buku rekod mengajar untuk menyediakan RPH (JPNS 2014).

Walaupun setelah KSPK diperkenalkan pada 2010 penulisan RPH masih lagi tidak selaras (JPNS, 2014). Standard penulisan RPH adalah mengikut negeri. KPM perlu mengambil alternatif terbaik untuk menyelaraskan buku RPH ini. Guru-guru

masih memerlukan sokongan berterusan bagi membantu mereka menguruskan pengajaran dengan lebih teratur dan berdokumentasi (Abdul Halim 2014).

Namun begitu Rancangan Pengajaran Harian (RPH) guru prasekolah kini menggunakan rancangan yang sama seperti hari sebelumnya. Hasil penilaian yang dilakukan terhadap murid prasekolah, mendapati sebilangan besar mereka tidak menguasai 4M sepertimana yang dihasratkan dalam kurikulum. Situasi ini menggambarkan guru kurang memahami hasrat kandungan kurikulum (Chitra, 2010; Syarifah, 2011). Ini boleh memberi kesan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran murid di bilik darjah.

### **1.2.3 Pentaksiran.**

Pentaksiran merupakan salah satu aspek penting dalam pendidikan prasekolah. Guru berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran semasa. Antaranya ketelusan dan kesahihan maklumat pentaksiran yang dijalankan. Hal ini selaras dengan prinsip kedua yang dinyatakan James H. McMillan (2000) iaitu sesuatu pentaksiran itu haruslah jelas dan boleh dipercayai. Pentaksiran dan penilaian berikutnya harus dijalankan berterusan dan sesuai untuk membantu perkembangan dan penguasaan murid (Siti Saleha, 2016).

Pentaksiran adalah proses pengumpulan maklumat tentang perkembangan dan kemajuan murid dengan menggunakan pelbagai kaedah (KPM, 2013). Pentaksiran merupakan satu proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah (KPM, 2013). Oleh itu, kemahiran guru prasekolah dalam melaksanakan pentaksiran amat membantu dalam mengenalpasti tahap kecerdasan dan perkembangan murid. Sungguhpun begitu pentaksiran tidak berlaku di prasekolah setiap hari dan guru hanya menyediakan pentaksiran apabila perjumpaan bersama ibu bapa atau waris diadakan (PPDJJ, 2016).

Walaupun KPM (2010) menetapkan pentaksiran dalam pengajaran di prasekolah perlu berlaku setiap hari, guru tetap tidak melaksanakannya. Kaedah pentaksiran yang

pelbagai juga menjadikan pentaksiran tidak berlaku (Rohaty, 2012). Pentaksiran di peringkat prasekolah kini hanya menggunakan portfolio dan laporan deskriptif.

Kaedah portfolio sesuai di gunakan untuk menilai dan mentaksir murid prasekolah sejak dulu lagi (Rohaty, 2012). Walau bagaimanapun ibu bapa tidak menggemari stail penilaian dan pentaksiran itu (Norhashimah, 2005). Mereka lebih menggemari stail peperiksaan dan memberi gred kepada penilaian murid berdasarkan peperiksaan (Nor Hashimah & Yahya, 2003). Ibu bapa sering mendesak guru prasekolah memberi peperiksaan untuk menilai penguasaan 4M anak-anak mereka (Azizi & Jamaluddin, 2012).

Situasi ini menyukarkan guru mengikut peraturan yang ditetapkan oleh KPM yang tidak membenarkan kaedah peperiksaan untuk membuat penilaian dan pentaksiran terhadap penguasaan murid prasekolah. Guru-guru mengetahui bahawa pentaksiran murid prasekolah tidak boleh di nilai melalui peperiksaan kerana murid prasekolah hanya di taksir tahap penguasaan kemahiran asas sahaja (Rohaty, 2012). Mulai 2015 guru perlu merekod pentaksiran murid prasekolah secara atas talian (KPM, 2015). Rungutan yang didengari dari guru kini ialah kemudahan komputer yang disediakan tidak di lengkapi dengan talian Internet (Rosnaini, Mohd Arif & Jalalludin, 2011). Guru prasekolah perlu menyambung kerja memasukkan data itu di luar waktu persekolahan. Mereka juga tidak didedahkan cara menggunakan perisian di atas talian.

Ibu bapa lebih menekankan pencapaian akademik dan kognitif murid seperti asas matematik dan bahasa. Keadaan ini juga menyebabkan aspek-aspek yang menunjukkan perkembangan murid seperti perkembangan sahsiah dan sikap murid tidak menyeluruh perlaksanaannya dan hanya dibincangkan bersama ibu bapa yang berminat terhadap perkembangan anak-anak mereka. Menurut Muhammad (2004), guru tiada masa membuat penilaian formatif terhadap murid ketika pelaksanaan Pendidikan Islam dan Moral di prasekolah kerana guru banyak memberi tumpuan pada pengurusan



pengajaran bilik darjah akibat harapan dan kehendak ibu bapa. Oleh itu pemerhatian, senarai semak dan rekod individu jarang dilakukan (Khadijah, 2000).

Kajian yang dijalankan oleh Micheal B. Wells (2015), mendapati jangkauan ibu bapa terhadap guru adalah tinggi dan ini akan menyebabkan guru berasa tertekan sekiranya tidak dapat meningkatkan prestasi pencapaian murid. Ibu bapa perlu diberi pendedahan tentang tugas guru prasekolah tidak seperti tugas guru di aliran perdana. Guru prasekolah mengajar menggunakan kaedah ABP mengikut peringkat umur murid (KPM 2010). Situasi begini turut menjadikan guru prasekolah tiada keyakinan dalam melaksanakan kaedah pengajarannya dan akhirnya mengalami masalah tekanan kerja yang serius (Azizi et. al, 2012, Abd Said, 2012).

Justeru itu pentaksiran yang dijalankan ke atas murid prasekolah haruslah berlaku setiap hari. Tugas guru lebih mudah dengan penyediaan portfolio murid. Penilaian portfolio sesuai digunakan untuk murid prasekolah (Rohaty, 2003). Melalui penilaian portfolio dan pentaksiran harian akan memudahkan guru menyediakan laporan deskriptif yang sesuai selepas tamat pentaksiran. Penerangan kepada ibu bapa juga akan jadi lebih mudah.

### **1.3    Penyataan Masalah**

Sehingga kini terdapat 9321 buah bilik darjah prasekolah KPM di Malaysia (KPM, 2017). Bilik darjah ini berganding dengan sekolah rendah, iaitu Sekolah Kebangsaan atau Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK). Untuk memberi pendidikan percuma kepada semua kanak-kanak berusia 4+ dan 5+, jumlah bilik darjah prasekolah perlu ditambah (KPM, 2004). Oleh itu tambahan jumlah bilik darjah prasekolah diperlukan untuk menampung keperluan bilangan kanak-kanak di bandar dan luar bandar di Malaysia (KPM, 2016). Dalam hal ini KPM perlu menyediakan kelas perluasan untuk tempoh 5-6 tahun lagi dan memberi latihan perguruan yang berkualiti.

Sungguhpun begitu KPM kurang mengambil inisiatif untuk memberi kemudahan infrastruktur prasekolah secara sama rata di seluruh Malaysia (Jain, 2017). Kemudahan prasarana di prasekolah bandar tidak sama seperti di luar bandar walaupun agihan peruntukan yang diberikan oleh KPM adalah sama. Begitu juga dengan tugas guru prasekolah. Guru prasekolah mengajar 4 jam sehari dan diberi jadual *relief* (guru ganti ) oleh pentadbir. Walaupun surat siaran BPSH KP (BS-Ren) 403/10/(7) telah dikeluarkan pada tarikh 31hb Julai 2008. Kandungan surat tersebut memaklumkan pihak pentadbir tidak seharusnya memberi waktu relief kepada guru prasekolah kerana tugas sebagai guru prasekolah adalah berat dan sasaran utama mereka adalah murid prasekolah. Pentadbir seolah mengabaikan arahan KPM (Zailani, 2011).

Walau bagaimanapun pengurusan pengoperasian prasekolah telah diberi pendedahan awal oleh PPD, JPN dan KPM (KPM, 2013). Namun guru prasekolah kurang mahir dalam pengurusan pengoperasian iaitu dalam pengurusan perkapita, fasiliti dan inventori (JNJK, 2013). Guru kurang memiliki ilmu pengurusan yang menyebabkan guru tidak mampu mengurus bilik darjah dengan baik (James Ang, 2014). Pengurusan merupakan sebahagian dari proses pengoperasian (Chairil, 2005).

Manakala hal berkaitan LINUS pula, data yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS) mendapati peratus kemasukan murid tahun satu ke program literasi dan numerasi (LINUS) pada 2015 adalah tinggi iaitu 38% dan 29% datang dari murid prasekolah (KPM, 2015). Oleh itu kejayaan pembelajaran murid amat berkait rapat dengan pengetahuan dan corak pengurusan pengajaran guru (Norashikin, 2013; Sharifah Nor Puteh 2009). Lantaran itu kajian ini mengkaji apakah yang menyebabkan situasi ini berlaku. Bantuan yang diberikan adalah sama untuk semua sekolah, guru-guru yang dibekalkan adalah terlatih dari Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), kurikulum yang dibekalkan sama seluruh Negara dan bahan-bahan yang dibekalkan juga adalah standard untuk semua sekolah.

Hal berkait pelaksanaan kurikulum, guru berperanan penting merancang pengajaran dan pembelajaran dalam setiap tunjang yang diajar. Dalam sebuah bilik darjah guru bertanggungjawab memainkan peranan aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran sehingga mampu membawa perubahan tingkah laku terhadap murid. Untuk melaksanakan tugas tersebut setiap guru prasekolah perlu mempunyai kefahaman yang mendalam tentang kurikulum yang digunapakai (Yusminah, 2004) dan juga pengetahuan tentang pedagogi yang bersesuaian dengan umur murid yang diajar (Tengku Zawawi, 2009).

Pelaksanaan kurikulum juga melibatkan pentaksiran. Oleh itu guru prasekolah perlu menguasai kandungan kurikulum supaya pentaksiran yang diberi setimpal dengan kemampuan murid (KPM, 2013). Setelah guru menguasai kurikulum dan boleh mentaksir dengan adil, maka murid juga boleh menguasai perkembangan seperti yang dihasratkan. Proses pentaksiran di prasekolah hampir sama seperti pentaksiran di sekolah rendah iaitu merancang, membina instrument, melaksanakan pentaksiran, merekod, menganalisis maklumat dan melapor. Pentaksiran perlu dirancang dan dikendalikan oleh guru dan menjadi sebahagian daripada pengurusan pengajaran yang diharapkan dapat memperbaiki proses pembelajaran murid (Matsuno, 2009).

Sehubungan itu pentaksiran perlu dilaksanakan secara berterusan dan lebih bersifat formatif melibatkan guru sepenuhnya dan memberi peluang kepada murid untuk menunjukkan penguasaan mereka dalam kemahiran yang dipelajari, yang tidak boleh ditaksir melalui ujian bertulis (Mariani, 2001; Morrison, 2011). Pentaksiran yang telus membantu kecemerlangan pengajaran guru dan pembelajaran murid. Guru seharusnya mahir melaksanakan pentaksiran ke atas murid-murid prasekolah.

Namun Pentaksiran di prasekolah tidak berlaku sepenuhnya (KPM 2015). Guru menggunakan portfolio untuk mentaksir murid prasekolah tetapi tidak menyediakan

laporan deskriptif pentaksiran tersebut (JNJK, 2013). Laporan tersebut menunjukkan pentaksiran pada peringkat prasekolah kurang diberi perhatian.

Bermula dari pelaksanaan Buku Panduan Prasekolah (1986) sehingga pelaksanaan kurikulum terkini, Bahagian Pembangunan Kurikulum melaporkan guru prasekolah masih mengamalkan pengajaran secara langsung dan tidak berfokuskan kepada murid. Isu ini telah lama dipersoalkan sejak penubuhan prasekolah annex pada tahun 1992 oleh Rohaty (1999); Sharifah Nor Puteh, (2011a) dan JNJK (2013).

Malah pengurusan pengajaran di prasekolah tidak dilaksanakan dengan berkesan dan kurang menepati kehendak KSPK (JNJK, 2012). Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) juga melaporkan bahawa terdapat tiga perkara utama ketidakberkesanan pengurusan pengajaran prasekolah. Pertama, guru prasekolah kurang pengetahuan dalam pengurusan pengajaran di bilik darjah yang berkaitan dengan pengurusan bilik darjah, kefahaman pengajaran, kurikulum terutamanya dalam Rancangan Pengajaran Harian yang tidak mencapai objektif atau hasil pengajaran sebenar kerana pengulangan semula rancangan yang sama seperti hari sebelumnya.

Bagimapun terdapat beberapa percanggahan dalam proses pelaksanaan kurikulum yang tidak menekankan kepada pemupukan pemikiran kreatif, pemikiran logik dalam Amalan Bersesuaian Perkembangan (ABP) dan pendokumentasian rekod pentaksiran murid tidak lengkap (JNJK, 2012). Percanggahan dari segi kaedah pengajaran prasekolah di mana guru-guru lebih menekankan pengajaran berpusatkan guru (JNJK 2013). Terdapat juga guru yang melaksanakan pengajaran yang lebih tertumpu kepada pencapaian akademik semata-mata tanpa mengambil kira perkembangan nilai dan sahsiah murid (Berglund, 2011)

Lantaran itu, kekurangan menguasai kurikulum dan amalan pengajaran di prasekolah memberi kesan terhadap kualiti amalan pedagogi guru prasekolah. Sepertimana menurut Lihanna (2005) guru prasekolah kurang mengamalkan pendekatan

pengajaran mengikut ‘Amalan Bersesuaian Perkembangan’ (ABP). Walaupun terdapat dalam kalangan guru prasekolah yang mengetahui kepentingan ABP seperti yang terkandung di dalam kurikulum, mereka tetap menghadapi masalah untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran. Guru juga mengetahui penggunaan pendekatan belajar melalui bermain, pendekatan bertema dan penggunaan teknologi maklumat tetapi tidak mengikut ABP murid (Mariani, 2012).

Namun begitu faktor luaran banyak mempengaruhi prestasi amalan pedagogi guru prasekolah (Mohd Shahrizan, 2013). Misalannya faktor persekitaran, sebagai contoh, tekanan kerja yang berlebihan akan mempengaruhi kelangsungan hidup (*survival stage*) guru prasekolah dalam melaksanakan aktiviti pengajaran seharian di bilik darjah (Filip Van Droogenbroeck, 2014). Sungguhpun begitu kini guru prasekolah di bebani dengan tugas-tugas sampingan yang menyebabkan mereka kurang penumpuan dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah (Abdul Halim, 2014).

Hakikatnya tugas utama seorang guru adalah melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang cekap dan berkesan di dalam bilik darjah (Mohd Suhaimi, 2011). Penumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah kurang diberi perhatian. Situasi ini mengundang stres pada guru kerana mereka berpendapat objektif pengajaran dan pembelajaran mereka pada hari itu tidak tercapai dengan sempurna akibat gangguan tugas-tugas sampingan (Abd Halim, 2014).

Kebiasaannya tugas sampingan yang diberi oleh pengurusan tidak di senangi oleh guru tetapi sebagai orang bawahan mereka terpaksa akur. Keadaan ini menjadikan guru semakin terbeban dengan tugas-tugas tambahan pula jika pihak atasan terus menagih hasil murid yang lebih berkualiti setiap tahun. Guru kini berisiko dalam mendidik murid kerana terbeban akibat gabungan masalah tingkah laku murid, masa yang panjang dalam pengajaran dan tiada sokongan yang kuat dari pihak pengurusan (Chitra, 2010).

Tanggungjawab pada tugas sampingan yang diterima oleh guru-guru prasekolah, telah menyebabkan mereka tidak menyempurnakan tugas hakiki dengan baik dan menerima teguran dari pihak pentadbir. Situasi ini menyebabkan seseorang guru itu mengalami tekanan. Ketegangan yang berpanjangan boleh mempengaruhi psikologi seseorang seperti hilang keyakinan, cepat meradang, agresif dan hilang daya konsentrasi (Sapora Sipon 2007), menyebabkan seseorang guru itu kurang bersemangat dan tidak bermotivasi dalam tugas (Zulkafli, 2008). Ini turut diakui oleh Junaidah (2013) dan Norashid (2014) yang mendapati bahawa bebanan tugas sampingan di sekolah mempengaruhi keletihan emosi guru.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Secara umumnya objektif kajian ini adalah untuk meneroka pengurusan pengoperasian dan pengajaran guru prasekolah di dua buah sekolah rendah dalam Daerah Jempol, Negeri Sembilan. Kajian ini juga untuk mengenalpasti kekangan yang dihadapi oleh guru prasekolah dalam pengurusan pengoperasian dan pengajaran di bilik darjah. Berikut ialah tiga objektif kajian ini:

1. Meneroka pengurusan pengoperasian prasekolah
2. Meneroka pengurusan pengajaran guru prasekolah di bilik darjah dari aspek:
  - i. Penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH)
  - ii. Penyediaan Bahan Bantu Mengajar
  - iii. Pelaksanaan Pengajaran
  - iv. Pelaksanaan Pentaksiran
3. Meneliti tugas sampingan yang mempengaruhi tugas hakiki guru prasekolah di bilik darjah.

#### **1.5 Soalan Kajian**

Bagi memenuhi objektif kajian ini, tiga soalan kajian dibentuk iaitu:

1. Bagaimana pengurusan pengoperasian prasekolah?
2. Bagaimana pengurusan pengajaran guru prasekolah di bilik darjah dari aspek:
  - i. Penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH)

- ii. Penyediaan Bahan Bantu Mengajar (BBM)
  - iii. Pelaksanaan Pengajaran
  - iv. Pelaksanaan Pentaksiran
3. Bagaimana tugas sampingan mempengaruhi tugas hakiki guru prasekolah di bilik darjah?

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini berfokus kepada guru prasekolah. Pengkaji akan meneroka apakah pelaksanaan guru prasekolah berkaitan pengurusan pengoperasian dan pengurusan pengajaran di bilik darjah prasekolah di dua buah sekolah kebangsaan di Daerah Jempol, Negeri Sembilan. Penerokaan faktor kekuatan dan kelemahan ini akan membolehkan kajian ini mencadangkan perkara yang boleh membantu meningkatkan prestasi pengurusan pengajaran guru di bilik darjah prasekolah khususnya di luar bandar Negeri Sembilan.

Bagi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), dapatan mengenai pengurusan pengoperasian dan pengajaran di dua buah bilik darjah prasekolah di Jempol ini diharapkan boleh membantu Kementerian Pendidikan menambah baik perancangan dan pembangunan pendidikan prasekolah di Malaysia. Bersesuaian dengan penggunaan instrumen yang sama dengan kajian lepas yang diubah suai, maka dapatan kajian ini membolehkan kita melihat aspek pengurusan pengoperasian dan pengajaran yang perlu ditingkatkan demi kebaikan pendidikan untuk manusia sejagat amnya dan pendidikan di Malaysia khususnya.

Diharapkan dengan dapatan kajian ini, dapat membantu KPM merangka mekanisme untuk guru prasekolah berkaitan tugas dan tanggungjawab mereka dan amalan pengurusan pengajaran di prasekolah (Tajul Ariffin, 2004; Aliza 2013). Penerokaan ini juga boleh membantu menambak Sistem Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK) yang telah diperkenalkan pada 2012. Satu rangka kerja yang mantap dan menyeluruh dengan tujuan untuk memandu guru prasekolah mencapai

tahap pengurusan pengoperasian dan pengajaran yang terbaik demi pencapaian matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Prasekolah (KPM, 2010).

Guru harus menggunakan kekuatan diri untuk terus mengurus bilik darjah dengan berkesan (Abd Said, 2012). Kekuatan tersebut memberi peluang kepada guru untuk mengelakkan perkara yang tidak diinginkan dalam pengurusan mereka. Oleh yang demikian, proses yang sistematik perlu direncana untuk memastikan perjalanan prasekolah lebih konsisten dengan memastikan perkapita diurus dengan telus, inventori yang sistematik dan sebagainya. Pihak pentadbir seharusnya menyediakan satu bentuk borang refleksi diri untuk diisi oleh guru sebagai rujukan (Nurzatulshima, 2013). Manakala untuk mengukuh dan menambah ilmu guru boleh merujuk penyelaras prasekolah di Pejabat Pendidikan Daerah atau JPN untuk mendapatkan bantuan atau tunjuk ajar.

Manakala pentadbir pula, perlu membuat penyeliaan untuk mengesan prestasi pengurusan pengajaran yang berlaku di bilik darjah kerana dengan penyeliaan, maklumat diperolehi secara langsung selain peka dan sensitif dengan apa yang berlaku di prasekolah (Mohd Izham, 2017). Kajian ini juga secara tidak langsung memberikan kepentingan kepada guru-guru prasekolah. Guru-guru lebih memahami corak pengurusan pengajaran. Mereka boleh mengenal pasti tingkah laku pengurusan pengajaran yang diamalkan.

Dengan sokongan guru besar hasil kajian ini boleh diaplikasikan oleh semua guru prasekolah luar bandar di daerah Jempol, Negeri Sembilan. Dengan dapatan kajian ini, diharapkan guru prasekolah sentiasa membuat refleksi diri untuk menilai kekuatan dan kelemahan mereka semasa melaksanakan pengurusan pengoperasian dan pengajaran di sekolah.



## **1.7 Kerangka Teori dan Kerangka Konseptual**

Kerangka teori dan kerangka konseptual merupakan satu rangka yang menggambarkan keseluruhan kajian yang dijalankan (Corbin & Strauss, 2008). Kedua-dua rangka ini berbeza fungsinya. Kerangka teoritikal mengandungi aliran teori yang digunakan dalam sesuatu kajian, manakala kerangka konseptual mengandungi grafik yang dilukis untuk menggambarkan hubungan antara variabel yang terlibat dalam kajian.


### **1.7.1 Kerangka Teori Kajian.**

Teori adalah satu set gambar rajah yang memandu proses penyelidikan. Ianya menghubungkan antara beberapa idea dan komponen kajian. Penghubungan model pengurusan dan teori motivasi mencakupi aliran teori kajian yang digunakan termasuklah objektif kajian, soalan kajian, hipotesis kajian, literatur kajian dan metodologi kajian (Sufean, 1995). Manakala Sufean (2002) berpendapat, teoritikal adalah kunci yang mencakupi idea, prinsip, gagasan dan konsep. Semua itu dijadikan pembolehubah utama dalam mendasari sesuatu tajuk kajian. Tujuannya untuk melihat sesuatu isu, memahami latar belakang kajian dan mengesan di mana maklumat itu berada.

Sehubungan itu kajian ini didasari oleh Model Pengurusan (Stoner, Freeman and Gilbert, 1995), Model Pengurusan Bilik Darjah (Shulman, 1987) dan Teori Motivasi (Maslow, 1970). Menurut Stoner, Freeman dan Gilbert, proses yang diketengahkan dalam model pengurusan lebih bersistematik dalam mengendalikan aktiviti. Pengkaji memilih menggunakan model pengurusan kerana model ini boleh memandu pengkajian dalam pengurusan pengoperasian dan pengajaran dengan lebih mendalam. Pengurusan juga adalah satu proses berterusan kerana ia melibatkan proses yang mempunyai hubungkait dalam mencapai sesuatu matlamat.

Justeru itu Stoner, Freeman dan Gilbert (1995) mendefinisikan pengurusan sebagai proses merancang, mengelola, memimpin dan mengawal kerja anggota organisasi dan penggunaan sumber yang diberi untuk mencapai matlamat yang disasarkan. Oleh itu amalan proses pengurusan tidak berlaku secara berasingan.

Menurut Stoner, Freeman dan Gilbert (1995), sesebuah organisasi yang mensasarkan matlamat yang berfokus memerlukan perancangan yang teratur. Perancangan perlu mengambilkira dari semua aspek organisasi seperti individu dan sumber yang diperlukan dalam mencapai matlamat itu. Rajah 1.1 menerangkan perkaitan model proses Pengurusan Stoner, Freeman dan Gilbert (1995).



*Rajah 1.1*

Model Proses Pengurusan Stoner, Freeman dan Gilbert (1995)

Menurut Stoner, Freeman dan Gilbert (1995), merancang adalah proses menetapkan matlamat dan tindakan yang perlu diambil untuk mencapai matlamat tersebut. Sehubungan itu sesuatu perancangan memerlukan pengurus yang mampu dan boleh memikirkan terlebih dahulu matlamat yang hendak di capai. Seorang pengurus itu juga perlu memikirkan tindakan yang perlu diambil berpandukan pelan yang dirangka. Perancangan yang baik boleh mencapai matlamat dengan menyediakan prosedur yang baik dan berkesan.

Mengelola pula ialah proses menyusun kerja dan sumber. Ia adalah proses menggabungkan dua atau lebih manusia yang berada dalam stuktur yang sama untuk mencapai matlamat yang disasarkan. Manakala matlamat yang berbeza memerlukan struktur yang berbeza. Justeru itu pengurus haruslah memadankan struktur organisasi dengan matlamat yang ingin dicapai serta sumber yang diperlukan.

Sesuatu pengelolaan menghasilkan struktur perhubungan atau perkaitan dalam sesuatu organisasi. Memimpin memerlukan proses mengarah dan mempengaruhi aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan organisasi. Perhubungan dan masa menjadi pusat kepada aktiviti kepimpinan itu. Mereka menggunakan perhubungan itu agar orang lain boleh bekerja dengan mereka. Seseorang pengurus yang memimpin adalah merupakan usaha mempengaruhi orang lain untuk mengejar matlamat (Mohd Izham, 2006).

Mengawal pula adalah proses yang dilakukan untuk mengawal perjalanan aktiviti yang dirancang. Seseorang pengurus haruslah memastikan tindakan anggota organisasi bergerak menuju matlamat yang sama. Stoner, Freeman dan Gilbert menetapkan mengawal melibatkan empat elemen utama iaitu (i) menetapkan standard pencapaian, (ii) mengukur pencapaian semasa, (iii) mengambil tindakan pembetulan jika tersasar dan (iv) membanding pencapaian semasa. Melalui pengawalan, pengurus dapat memastikan bahawa organisasi berada pada landasan yang betul untuk mencapai matlamat yang telah dirancang.

Kemahiran kepimpinan berkait rapat dengan tugas dan tanggungjawab pengurusan pengajaran guru di bilik darjah kerana guru juga bertindak sebagai pemimpin di bilik darjah. Kemahiran pemimpin disifatkan sebagai daya inspirasi yang membolehkan subordinat bertindak dengan komitmen yang tinggi sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak pentadbir. Sesebuah bilik darjah tidak boleh beroperasi dengan pengawalan sahaja. Peranan kepimpinan dan pengurusan saling melengkapkan satu sama lain. Kedua-dua aspek ini berkesan untuk menggalakkan aktiviti yang kreatif,

inovatif dalam menyelesaikan pelbagai aspek kekangan yang bakal wujud. Kepimpinan yang baik berkait rapat dengan pengurusan yang baik.

Kajian ini juga menggunakan teori pengurusan bilik darjah yang dipelopori oleh Shulman (1987). Teori pengurusan bilik darjah digunakan kerana kajian ini melibatkan pengurusan pengajaran guru. Pengurusan pengajaran guru termasuklah menulis rancangan pengajaran, merancang penggunaan bahan bantu, melaksanakan pengajaran dan melaksanakan pentaksiran. Pengurusan bilik darjah merupakan proses yang memerlukan guru mengurus bilik darjah supaya aktiviti pengajaran dan pembelajaran berkesan dapat dilaksanakan. Tugas mengurus bilik darjah termasuk juga aktiviti menyusun atur reka letak alatan dan mewujudkan komunikasi serta interaksi dalam kalangan guru dan murid.

Pengurusan bilik darjah boleh didefinisikan sebagai set tingkahlaku yang kompleks yang digunakan oleh guru untuk menetap dan memastikan keadaan bilik darjah membawa ke pencapaian objektif pengajaran yang berkesan. Sehubungan itu James Ang (2014) berpendapat, pengurusan bilik darjah boleh ditakrifkan sebagai tindakan guru mengendalikan perjalanan bilik darjah supaya mewujudkan suasana persekitaran yang tersusun untuk menggalakkan pembelajaran dalam kalangan murid.

Shulman (1987) juga memperkenalkan empat komponen konsep pedagogi dalam pengurusan bilik darjah. Empat komponen tersebut ialah isi kandungan, pengetahuan pedagogi, pengetahuan tentang murid dan pengetahuan tentang konteks. Shulman mengilhamkan Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK). PPIK ialah pengetahuan isi kandungan secara pedagogikal yang berkesan dengan memahami konteks dalam persekitaran pembelajaran di dalam bilik darjah berdasarkan pengetahuan ciri setiap murid dan pengetahuan tentang kepercayaan terhadap pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan. Guru perlu memiliki pengetahuan yang mantap tentang

sesuatu mata pelajaran semasa merancang pelajaran dan strategi instuksional berkaitan dalam menangani keperluan belajar bagi seorang murid.

PPIK membentuk pengetahuan dan membezakan antara seorang guru yang pakar dalam bidangnya dengan seorang bukan pakar dalam bidang tersebut. Shulman (1987) juga berpendapat jika mahu menghasilkan guru yang cemerlang, berkesan, inovatif dan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran perlulah menguasai PPIK. Oleh yang demikian untuk melihat bagaimana pengurusan pengajaran guru, kajian ini melihat PPIK guru. Rajah 1.2 menunjukkan tujuh peringkat asas pengetahuan Shulman 1987.




*Rajah 1.2*  
Tujuh Peringkat Pengetahuan Shulman 1987

Menurut Shulman, PPIK adalah pengetahuan yang unik bagi seorang guru dan ia berdasarkan kepada cara guru mengaitkan pengetahuan pedagogi (cara mengajar) kepada pengetahuan isi kandungan (apa yang perlu diajar). Integrasi kedua-dua pengetahuan menghasilkan pengetahuan pedagogi isi kandungan. PPIK juga merupakan kebolehan guru menterjemah sesuatu konsep ke dalam sesi pdp untuk menjadikannya mudah difahami. Manakala pengetahuan pedagogikal kandungan adalah konstruk yang


digunakan untuk menjelaskan bidang pengetahuan guru mengenai isi kandungan dan pedagogi (strategi pengajaran).

Shulman mengemukakan enam elemen dalam proses pembinaan PPIK. Elemen tersebut adalah i) kefahaman, ii) transformasi, iii) pengajaran, iv) penilaian, v) refleksi, dan vi) kefahaman baru. Setiap guru mesti mempunyai **kefahaman** isi kandungan pelajaran dan memahami keupayaan muridnya. **Tansformasi** pula ialah isi pelajaran yang difahami dan ditukar dalam bentuk yang boleh difahami oleh murid dengan menggunakan kaedah yang sesuai dalam PdP. **Pengajaran** melibatkan aspek pedagogi, organisasi, pengurusan bilik darjah, penerangan, huraian yang jelas, tugas, motivasi dan sebagainya. **Penilaian** formatif atau sumatif berdasarkan objek dan hasil pembelajaran yang dikehendaki. Manakala **refleksi** adalah menyemak semula pengajaran dan pembelajaran yang berlaku, membina semula, melakon semula dan mengingati semula peristiwa dan pencapaian murid. Manakala **kefahaman baru** ialah satu set permulaan baru melalui langkah-langkah yang telah dinyatakan iaitu kefahaman, transformasi, pengajaran, penilaian dan refleksi. Rajah 1.3 menunjukkan konsep PPIK Shulman.



Rajah 1.3  
Konsep PPIK Shulman 1987

Rajah 1.4 menunjukkan aliran model dan teori dalam kajian ini.




Rajah 1.4:  
Kerangka teori kajian

### 1.7.2 Kerangka Konseptual kajian.

Kerangka konseptual dibina untuk memberi gambaran sepenuhnya terhadap keseluruhan kajian. Ia juga berfungsi untuk memandu kajian ini menyelesaikan masalah dan memudahkan kajian ini mengesan hubungan antara varibel kajian (Spancer & Spancer, 1993). Manakala Mayer (1997) pula mensyorkan kajian ini menggunakan tiga teori sahaja dalam sesuatu kajian agar mendapat dapatan yang signifikan. Mayer juga menjelaskan kajian yang menggunakan lebih daripada tiga teori atau model akan menghasilkan dapatan yang tidak signifikan kerana sampel kajian keliru dengan kepelbagaian teoritikal. Justeru itu kajian ini akan menggunakan model dan teori iaitu model pengurusan dan teori pengurusan bilik darjah.

Kerangka konseptual kajian ini bermula dengan meneroka tugas guru dalam pengurusan pengoperasian bilik darjah prasekolah dari aspek pengurusan perkapita, inventori, fasiliti, penyediaan jadual dan tugas-tugas sampingan yang diberi oleh pihak pentadbir. Kesemua aspek ini dilihat melalui perancangan, pengelolaan, kepimpinan dan pengawalan pengurusan tersebut. Diikuti dengan pengurusan pengajaran dari aspek

penyediaan rancangan pengajaran, penyediaan bahan bantu, pelaksanaan pengajaran dan pelaksanaan pentaksiran. Kesenambungannya adalah melihat cara pengurusan guru di bilik darjah dan tugas-tugas sampingan yang terpaksa dilakukan oleh guru semasa pengurusan pengajarannya. Rajah 1.5 menunjukkan perjalanan kajian ini berdasarkan model dan teori yang telah dijelaskan di atas.



Rajah 1.5:  
Kerangka Konseptual Kajian

## 1.8 Definisi Konsep dan Definisi Operasional

Beberapa istilah dalam kajian ini diutarakan menurut konteksnya agar pembaca membuat interpretasi yang betul dalam memahami prosedur dan hasil kajian. Oleh itu definisi konsep dan definisi operasional serta penerangannya dinyatakan di bawah untuk mengelak sebarang kekeliruan dalam konteks kajian ini.

### 1.8.1 *Pengurusan.*

Pengurusan adalah proses yang melibatkan perancangan, penyusunan, pengawalan dan pengelolaan organisasi yang menggunakan sumber dengan cekap dan berkesan untuk mencapai matlamat yang dihasratkan (Mohd Faizal, 2009; Mohd Izham, 2006). Manakala Stoner (1984) pula mengatakan pengurusan adalah satu proses merancang,



mengelola, memimpin dan mengawal daya usaha ahli dalam organisasi yang menggunakan sumber lain untuk mencapai matalmat yang ditentukan. Definisi pengurusan dalam konteks kajian ini adalah merujuk kepada pengurusan pengoperasian dan pengajaran di bilik darjah prasekolah.

### **1.8.2 *Pengurusan Pengoperasian.***

Pengurusan pengoperasian adalah proses mengurus perkhidmatan dalam sebuah organisasi (James Ang, 2014). Pengurusan pengoperasian dalam konteks kajian ini adalah merujuk kepada pengurusan perkapita, inventori, takwim tahunan, kurikulum, jadual dan kurikulum.

### **1.8.3 *Pengurusan Pengajaran.***

Pengurusan pengajaran ialah pengendalian, merancang, menilai, membuat penambahbaikan dan membuat tindakan terhadap pelaksanaan mengajar (Zati, 2013). Pengurusan pengajaran dalam konteks kajian ini ialah menyediakan RPH, menyediakan BBM, melaksanakan kurikulum dan melaksanakan pentaksiran.

### **1.8.4 *Pengurusan Bilik Darjah.***

Pengurusan bilik darjah merupakan satu konsep yang komprehensif untuk pelbagai aktiviti guru yang dirancang dengan tujuan memudahcarakan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah, merangkumi tindakan disiplin, rutin harian, penyusunan tempat duduk dan memperuntukkan masa pengajaran (James Ang, 2014). Pengurusan bilik darjah dalam konteks kajian ini adalah proses mengurus bilik darjah yang melibatkan pengurusan pengoperasian dan pengajaran yang meliputi pelaksanaan kurikulum.

### **1.8.5 *Bilik darjah prasekolah.***

Persekitaran fizikal bilik darjah prasekolah adalah selesa, laluan yang luas didalam kelas, persekitaran yang mudah untuk guru memantau, bahan pengajaran dan

pembelajaran yang disusun rapi serta memastikan murid dapat memerhati persembahan atau demonstrasi (Wortham, 2010).

Definisi operasi bilik darjah prasekolah dalam konteks kajian ini adalah merujuk kepada sebuah bilik darjah yang lengkap dengan pengurusan yang merangkumi kurikulum dan perabot yang di susun mengikut kesesuaian murid dan terdapat ruang pembelajaran yang selesa serta terdapat sudut-sudut pembelajaran. Sudut-sudut tersebut boleh diubah suai mengikut tema yang di rancang.

#### **1.8.6 *Tugas Sampingan.***

Definisi konsep tugas sampingan adalah tugas yang dilaksanakan selain dari tugas hakiki (Abd Shukor, 2006). Definisi operasi tugas sampingan dalam konteks kajian ini ialah tugas-tugas yang perlu dilaksanakan oleh guru prasekolah selain dari tugas hakiki di bilik darjah.

#### **1.8.7 *Pengajaran.***

Definisi konsep untuk pengajaran ialah cara-cara atau kaedah yang digunakan untuk menyampaikan ilmu kepada murid sama ada di dalam atau di luar bilik darjah (Noraini 2001, 2013). Hasil daripada pengajaran berlaku perubahan yang relatif kekal dalam tingkah laku atau pengetahuan hasil daripada pengalaman (Mohd Hasani, 2009). Definisi operasi pengajaran dalam konteks kajian ini ialah pengajaran belajar melalui bermain, pengetahuan dan kefahaman kandungan kurikulum, pedagogi dan kemahiran menyampaikan ilmu yang melibatkan pembelajaran murid berumur empat hingga enam tahun.

#### **1.8.8 *Pendekatan Pengajaran.***

Pendekatan merujuk kepada cara atau langkah yang diambil bagi memulakan pengajaran dan setiap pendekatan hendaklah mencerminkan satu pandangan atau pendapat tentang hakikat satu matlamat pelajaran (James Ang, 2014). Definisi operasi untuk pendekatan pengajaran dalam kajian ini ialah pendekatan belajar melalui

bermain, pendekatan bertema, kemahiran menyampaikan pengajaran, integrasi ICT dan teknik pengajaran.

## **1.9 Batasan Kajian**

Batasan kajian adalah maklumat penting yang perlu dinyatakan dalam setiap Pengkajian agar hasrat sebenar kajian ini difahami oleh pembaca (Sufean Husin, 2002). Kajian yang dijalankan ini juga mempunyai batasan tertentu seperti lokasi, peserta dan tumpuan kajian. Kajian ini merupakan satu kajian kes secara kualitatif yang terhad kepada lokasi, peserta dan tumpuan kajian yang terlibat dalam kajian ini sahaja.

Kajian ini mempunyai batasan tertentu yang mempengaruhi dapatan dan interpretasi kajian. Dari sudut lokasi kajian, prasekolah yang dipilih untuk kajian ini terbatas pada prasekolah yang berprestasi rendah sahaja dengan peningkatan peratus LINUS yang agak membimbangkan dan ditumpukan kepada prasekolah yang dicadangkan oleh pihak JPN dan PPPDJJ sebagai pusat kajian kes. Kajian kini bukanlah untuk mendapatkan generalisasi untuk semua prasekolah di Malaysia kerana ini adalah kajian kualitatif jenis kajian kes.

Oleh itu strategi pemilihan lokasi sampel kajian adalah menggunakan pendekatan secara persampelan bertujuan. Menurut Patton (2002), strategi persampelan bukan kebarangkalian lazim digunakan dalam kajian kualitatif dalam bentuk yang lebih bermakna. Prasekolah yang dipilih adalah berdasarkan peratus LINUS rendah dan tinggi.

Dari segi peserta kajian, empat orang guru prasekolah ditetapkan dalam kajian ini. Pemilihan empat orang guru ini ditetapkan oleh pihak PPDJJ berikutan laporan LINUS yang dikeluarkan oleh KPM 2015. Oleh itu kajian ini juga terbatas kepada guru prasekolah di sekolah terpilih sahaja dan ianya kurang berupaya menggambarkan keseluruhan prasekolah di Malaysia memandangkan struktur organisasi sekolah tertentu adalah berbeza secara ketara dari segi fizikal dan sosial (Nurzatulshima, 2013). Justeru

itu kajian ini hanya memberi fokus kepada pengurusan pengajaran dalam empat buah bilik darjah prasekolah sahaja.

Peserta kajian ini dipilih bagi memahami dan mendapatkan penghuraian tentang pengurusan pengajaran di bilik darjah dari perspektif mereka sendiri berdasarkan konteks semulajadi lokasi kajian (Othman, 2009; Noraini, 2013). Skop kajian ini hanyalah meneroka pengurusan pengoperasian dan pengajaran guru prasekolah di dua buah sekolah rendah di Daerah Jempol, Negeri Sembilan.

Batasan kajian ini juga dipandu oleh definisi pengurusan pengoperasian dan pengajaran. Pengurusan pengoperasian dalam bilik darjah seperti inventori, perkapita, jadual, takwim dan fasiliti. Manakala pengurusan pengajaran pula hanya terhad kepada penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH), penyediaan bahan bantu mengajar, pelaksanaan pengajaran dan pelaksanaan pentaksiran. Kajian ini juga memberi fokus kepada tugas sampingan yang diterima oleh guru dari pentadbir sekolah, PPD dan JPN.

### **1.10 Rumusan**

Bab ini memberi gambaran secara holistik tentang asas kepada kajian yang melibatkan 3 aspek utama yang menjadi teras kajian iaitu pengeoperasian, pengajaran dan tugas sampingan guru prasekolah. Penyataan masalah pula mengupas tentang senario semasa yang mendorong kearah penghasilan kajian ini yang mana dipengaruhi oleh faktor statistik LINUS yang dikeluarkan oleh KPM dan rungutan daripada guru prasekolah tentang laporan berkenaan menjadi pemangkin kepada kajian ini. Objektif dan persoalan kajian pula memfokuskan ke arah penerokaan pengurusan pengoperasian, pengurusan pengajaran dan tugas sampingan guru prasekolah terhadap kualiti prasekolah yang melibatkan pengurusan bilik darjah, pelaksanaan pengajaran, pentaksiran dan tugas sampingan yang mengganggu guru prasekolah daripada melaksanakan tugas hakiki.

Huraian latar belakang dalam kajian ini telah melahirkan beberapa persoalan kajian. Untuk itu kerangka teoritikal dan kerangka konseptual kajian dibina untuk mendasari kajian ini. Untuk memastikan kajian ini berada di landasan yang betul, tinjauan literatur dijalankan untuk mewujudkan keselarasan antara kajian ini dengan kajian lalu. Selain daripada itu kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak-pihak yang bertanggungjawab meningkatkan kualiti prasekolah di luar bandar.

Profesion guru ialah tugas profesional yang memerlukan daya tahan, daya saing dan kemahiran mengurus yang baik datang dari bakat dan kebolehan individu. Guru yang baik adalah mereka yang pakar dalam menguruskan proses pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru yang telah menjalani latihan perguruan sepatutnya memiliki kompetensi berdasarkan pengetahuan teori, latihan praktikal dan kemahiran insaniah. Kemampuan dan keupayaan para guru dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran mampu melahirkan dan mewujudkan suasana yang ceria, kondusif dan menyeronokkan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran disamping membentuk murid yang aktif dan berkeyakinan. Justeru itu, Bab 2 kajian ini menghuraikan pengurusan pengoperasian dan pengajaran di bilik darjah oleh guru prasekolah.

## **Bab 2: Tinjauan Literatur**

### **2.1 Pendahuluan**

Bab ini akan membincangkan tentang latar belakang pengurusan pengoperasian dan pengajaran di prasekolah. Bab ini juga akan menghuraikan teori dan model berkaitan dan seterusnya akan membincangkan bagaimana teori dan model ini menjadi asas kepada kajian ini. Bab ini juga akan menerangkan tentang literatur berkaitan yang menerangkan tentang model pengurusan, teori pengurusan bilik darjah dan teori motivasi di kelas prasekolah. Kewujudan teori dan model adalah perlu dalam setiap kajian untuk menyusun, menghubungkan serta menghuraikan peraturan, konsep, gagasan idea supaya kerangka konseptual kajian yang dirangka itu bermakna dan dapat dibuktikan secara deskriptif (Silins, 2012).

Oleh itu kajian ini meneroka pengurusan pengoperasian dan pengajaran dalam bilik darjah prasekolah. Tiga soalan kajian telah dirangka untuk membantu dalam penyelidikan ini iaitu meneroka pengurusan pengoperasian prasekolah, meneliti hal pengurusan pengajaran prasekolah dan mengenalpasti tugas sampingan dalam pengurusan pengajaran prasekolah. Bab ini meletakkan kajian dalam teori-teori dan konteks pendidikan prasekolah bersama-sama dengan pengurusan pengajaran yang disyorkan untuk memberikan satu konsep pengurusan pengajaran yang berkualiti untuk kumpulan murid berumur bawah 6 tahun. Bahagian berikutnya huraian lanjut mengenai teori dan model serta isu-isu yang berkaitan dalam kajian ini.

### **2.2 Teori Pengurusan**

Pengurusan adalah elemen yang selaras dengan aktiviti semasa dan masa hadapan sesebuah organisasi. Pengurusan membantu mengatasi perbezaan, menyesuaikan organisasi dengan persekitaran dan kepimpinan organisasi. Prestasi dan kualiti pengurusan menjadi penentu kejayaan atau kegagalan sesebuah organisasi.

Sepertimana menurut Brindusa Maria (2011) yang mengatakan bahawa pengurusan adalah pusat aktiviti personal dan nasional serta kaedah menguruskan institusi mencerminkan kejelasan tentang apa yang akan terjadi kepada kita dan ahli organisasi itu sendiri.

Stoner, Freeman dan Gilbert (2010) mengatakan pengurusan ialah satu proses merancang, mengelola, memimpin dan mengawal daya usaha ahli-ahli organisasi dan menggunakan sumber-sumber lain untuk mencapai matlamat yang ditentukan. Manakala menurut Muijs (2011) proses pengurusan sebagai satu cara anggota-anggota sebuah organisasi membuat keputusan dan mengambil tindakan lanjut untuk mencapai matlamat.

Terdapat beberapa definisi pengurusan yang dijelaskan. Namun tiada satu pun yang diterima secara sejagat. Brindusa Maria (2011) mendefinisikan pengurusan adalah seni yang dapat melakukan kerja melalui orang lain. Definisi ini diterima pada perbezaan asas antara pengurus dan kakitangan lain dalam organisasi. Seorang pengurus menyumbang ke arah pencapaian objektif organisasi secara tidak langsung dengan memberi arahan kepada orang lain melakukan tugas tanpa bantuan pengurus. Sebaliknya individu yang bukan pengurus menyumbang secara langsung ke arah pencapaian objektif organisasi dengan melakukan tugas itu sendiri. Adakalanya seseorang itu memikul kedua-dua tugas secara serentak.

Secara amnya, pengurusan merujuk kepada proses pencapaian matlamat organisasi mengikut cara yang berkesan dan cekap. Ini dilakukan melalui proses perancangan, pengelolaan, kepimpinan dan pengawalan sumber-sumber organisasi (Mohd Izham, 2006). Dua pendapat penting terkandung dalam definisi ini iaitu:

- i. Terdapat empat fungsi pengurusan iaitu perancangan, pengelolaan, kepimpinan dan pengawalan.

- ii. Matlamat dicapai mengikut cara yang berkesan dan cekap. Semua organisasi mempunyai orang yang bertanggungjawab untuk membantu mencapai matlamat dan orang tersebut yang digelar pengurus. Simin Ghavifekr (2011) berpendapat pemimpin atau pengurus adalah merupakan individu yang membuat perancangan, pengelolaan, kepimpinan dan pengawalan ke atas sumber-sumber manusia, kewangan, fizikal dan maklumat-maklumat organisasi.

Pengurus juga menggunakan pelbagai jenis kemahiran untuk melaksanakan peranannya. Pengurus yang gagal menjalankan fungsi dengan berkesan akan menjejaskan reputasi organisasi (Shahril, 2001). Manakala menurut Norashikin, Ramli dan Nurzaniyah (2013), terdapat tiga peringkat pengurus iaitu pengurus atasan, pertengahan dan bawahan. Pengurus atasan adalah individu yang mengurus pada peringkat atasan dalam hierarki organisasi dan bertanggungjawab ke atas keseluruhan organisasi. Manakala pengurus pertengahan pula yang bekerja pada peringkat pertengahan organisasi dan bertanggungjawab ke atas unit atau jabatan dalam organisasi dan pengurus bawahan pula ialah individu yang bertanggungjawab secara langsung ke atas pengeluaran perkhidmatan organisasi.

### **2.3 Fungsi-fungsi Pengurusan.**

Pengurus yang berjaya berupaya melaksanakan keempat-empat fungsi asas pengurusan itu perancangan, pengelolaan, kepimpinan dan pengawalan dalam organisasi. Majoriti pengurus terlibat lebih dari satu aktiviti pada satu-satu masa yang sama (Stoner et. al, 2010).

#### **2.3.1 Perancangan.**

Perancangan bermaksud kearah mana organisasi ini berada pada masa akan datang dan bagaimana mencapai sasaran matlamat yang telah ditetapkan. Pada umumnya, perancangan bermaksud mendefinisikan matlamat organisasi untuk masa



akan datan dan membuat keputusan mengenai tugas dan penggunaan sumber yang diperlukan untuk mencapai matlamat tersebut (Silins, H & Mulford, 2002).

Manakala Yilmaz, K. & Altinkurt (2012) mengatakan bahawa seseorang pengurus itu melaksanakan perancangan untuk tiga tujuan iaitu menetapkan arah yang hendak dituju oleh organisasi pada masa akan datang seperti meningkatkan keuntungan, meluaskan pasaran atau memperjuangkan tanggungjawab sosial. Kedua, mengenalpasti sumber-sumber yang diperlukan untuk mencapai matlamat dan akhir sekali membuat keputusan mengenai aktiviti-aktiviti yang diperlukan bagi mencapai matlamat.

Perancangan merujuk kepada proses formal yang merangkumi aktiviti seperti memilih misi dan matlamat keseluruhan organisasi untuk jangka masa panjang dan pendek, membentuk matlamat bahagian, jabatan dan individu berasaskan matlamat organisasi, memilih strategi untuk memilih matlamat tersebut dan memperuntukkan sumber seperti manusia, wang dan peralatan bagi mencapai pelbagai matlamat dan strategi (Norashikin et.al, 2013). Dalam pengelolaan, matlamat adalah penting kerana ia menyediakan panduan dan memberi kesatuan arah kepada ahli organisasi, menyelaraskan usaha dan aktiviti ahli organisasi, memandu perancangan dan keputusan, serta membantu menilai kemajuan yang telah dicapai. Penetapan matlamat juga haruslah berpandukan kepada misi organisasi (Wan Roslina, 2012).

Terdapat sepuluh langkah yang menjadi panduan dalam proses perancangan yang formal iaitu menetapkan matlamat, menilai faktor persekitaran, membentuk andaian, melibatkan pengurusan dan staf, merancang alternatif, memeringkat pelan, menyalurkan pelan, membentuk pelan sokongan, melaksanakan pelan tindakan dan akhir sekali menilai dan mengulangi proses perancangan (Sugarman, B., 2010). Dalam bidang pendidikan, perancangan merupakan elemen yang diberi keutamaan. Misalannya, pihak pentadbir menyediakan satu perancangan sebelum bermulanya sesi baru persekolahan.

Oleh itu semua pentadbir sekolah mengadakan mesyuarat dengan semua guru termasuk menyediakan takwim sekolah untuk sesi seterusnya serta perancangan pada sesi tersebut (Shahril, 2001). Melalui cara ini semua pentadbir dan guru mendapat gambaran awal tentang matlamat yang hendak dicapai pada tahun tersebut. Selain itu, perancangan yang disediakan juga boleh membantu guru menyediakan strategi atau bahan yang diperlukan untuk mencapai sesuatu matlamat tersebut (Abdul Ghani Kanesan & K. Anandan, 2012). Secara tidak langsung pentadbir sekolah juga boleh mendapatkan sumber seperti kewangan, sumber fizikal dan lain-lain untuk merealisasikan perancangan yang telah dibuat.

### **2.3.2 Pengeloaan.**

Setelah pelan disediakan oleh pengurus, langkah seterusnya ialah menterjemahkan idea abstrak yang terdapat dalam pelan kepada realiti. Tindakan ini memerlukan fungsi pengeloaan. Pengeloaan melibatkan pengagihan tugas, pengumpulan tugas ke dalam jabatan, pembedaan deskripsi kerja, pengagihan sumber-sumber kepada jabatan atau unit. Aktiviti ini memerlukan pembentukan struktur perhubungan yang membolehkan pekerja melaksanakan pelan yang telah diatur oleh pengurus (Abdul Ghani Kanesan et.al, 2012). Pengeloaan yang berkesan membantu pengurus dalam menyelaraskan sumber manusia dan bahan dengan lebih baik. Kejayaan organisasi bergantung keatas kebolehan pihak pengurusan menggunakan sumber organisasi secara holistik.

Pengeloaan sebenarnya boleh dijelaskan sebagai satu proses membuat keputusan tentang cara terbaik untuk mengumpulkan, mengagihkan dan menyelaraskan kesemua aktiviti dan sumber organisasi agar matlamat keseluruhan organisasi dapat dicapai. Melalui fungsi pengeloaan ini juga pengurus akan menentukan tugas mana yang perlu disiapkan, bagaimana tugas digabungkan dengan lebih baik dalam pekerjaan yang spesifik dan bagaimana pekerja boleh dikumpulkan ke dalam unit-unit yang berbeza bagi membentuk struktur organisasi (Abdul Ghani Abdullah, 2009)

Pembahagian kerja yang merupakan sebahagian daripada proses pengelolaan merujuk kepada pemecahan tugas yang kompleks kepada komponen yang lebih kecil agar individu hanya bertanggungjawab ke atas sebilangan aktiviti yang terhad. Pembahagian kerja akan membawa kepada pengkhususan. Dalam pengurusan dan pengurusan pendidikan, pengorganisasian itu perlu dilaksanakan dengan lebih teratur (Leithwood, K., Anderson, S., Mascal, B. & Strauss, T., 2010). Apabila sesuatu perancangan telah dibuat, maka pihak pentadbir sekolah akan membentuk satu jawatankuasi bagi mengurus setiap perancangan yang dibuat. Oleh itu didapati banyak jawatankuasa ditubuhkan di sekolah untuk melaksanakan sesuatu perancangan tersebut. Selain itu, pihak pentadbir sekolah juga lebih mudah mengagihkan sumber yang ada dan diperoleh sekiranya pengelolaan ini dibentuk dengan lebih teratur.

### **2.3.3 Pengawalan.**

Pengawalan merupakan fungsi keempat dalam proses pengurusan. Menurut Mohd Izham (2015), pengawalan merujuk kepada proses di mana seseorang individu kumpulan mahupun organisasi, secara sedar mengawasi prestasi dan mengambil tindakan-tindakan pembaikan. Pengurus mestilah memastikan organisasi bergerak ke arah matlamatnya. Aliran baru yang membabitkan perkongsian kuasa dan peningkatan kepercayaan pihak pengurusan terhadap golongan pekerja bawahan telah mengurangkan aktiviti kawalan yang bercorak ‘atas ke bawah’. Sebaliknya tumpuan yang lebih banyak diberikan keatas aktiviti latihan untuk membolehkan pekerja bawahan mengawasi dan memperbaiki prestasi kerja mereka sendiri (Abdul Ghani Kanesan et.al, 2012).

Dalam proses pengawalan, pengurus akan menetapkan

- i. piawaian prestasi,
- ii. mengukur prestasi masa kini berbanding dengan piawaian yang telah ditetapkan
- iii. Mengambil tindakan untuk memperbaiki apa-apa penyimpangan
- iv. Mengubahsuai piawaian jika perlu

Pengawasan boleh diterangkan sebagai proses mengawasi aktiviti yang dilaksanakan, membandingkan hasil atau prestasi dengan piawaian yang telah ditetapkan untuk memastikan hasil atau prestasi dengan piawaian yang telah ditetapkan untuk memastikan hasil atau prestasi yang diperoleh itu adalah konsisten dengan piawaian.

Pengawasan dan perancangan sebenarnya saling berkait rapat iaitu pengawasan menyediakan halacara bagi mengawasi dan memperbaiki prestasi agar matlamat yang dirancang dapat dicapai (Muijs, D. 2011). Kawalan memainkan peranan bagi membantu pengurus mengendalikan ketidakpastian dan perubahan dalam persekitaran, meningkatkan kualiti produk atau servis organisasi, mengesan peluang, mengendalikan situasi yang kompleks serta memudahkan tindakan autoriti kepada peringkat yang lebih rendah dalam hierarki organisasi.

Manakala Rosnah (2013) mengatakan bahawa umumnya proses kawalan melibatkan enam langkah yang merangkumi tindakan menentukan bidang untuk dikawal, menetapkan piawaian, mengukur prestasi, membandingkan prestasi dengan piawaian, mengambil tindakan mengiktiraf prestasi yang positif atau mengambil tindakan pembaikan jika wujud penyimpangan yang negatif. Sifat kawalan yang berkesan memenuhi lima kriteria iaitu mempunyai perkaitan dengan matlamat yang diinginkan, bersifat objektif, menyeluruh, menepati masa dan boleh diterima oleh ahli organisasi.

Pengkaji terdahulu seperti Abdul Ghani Kanesan et.al, (2012) dan Norashikin et. al, (2013) mengatakan terdapat empat fungsi asas pengurusan iaitu perancangan, pengelolaan, kepimpinan dan pengawasan. Kebanyakan pengurus terlibat dengan lebih daripada satu aktiviti kefungsiian dalam satu masa. Keempat fungsi tersebut sangat penting dalam pengurusan. Oleh itu setiap organisasi pendidikan termasuk prasekolah perlu melaksanakan fungsi-fungsi tersebut untuk mencapai matlamat dan objektif pendidikan di Negara ini.

### 2.3.4 Kepimpinan

Kepimpinan merupakan fungsi pengurusan yang semakin penting setelah pelan dibentuk, struktur perhubungan dalam organisasi diwujudkan, dan pekerja yang berkebolehan direkrutkan (Stoner, J.A., Freeman, R.E., & Gilbert, D. R., 2010) . Kepimpinan bukan sahaja dilakukan selepas proses perancangan dan pengorganisasian. Ia juga penting kepada kejayaan fungsi-fungsi berkenaan. Menurut Izham (2015), kepimpinan merujuk kepada penggunaan pengaruh untuk memotivasikan pekerja ke arah pencapaian matlamat organisasi. Kepimpinan bermaksud mewujudkan budaya dan nilai yang dikongsi bersama, menyalurkan maklumat mengenai matlamat kepada semua ahli organisasi melalui proses komunikasi dan menanamkan dalam diri pekerja semangat berusaha ke arah tahap prestasi yang tinggi.

Kepimpinan melibatkan proses memotivasikan keseluruhan jabatan, bahagian dan individu yang bekerja rapat dengan seseorang pengurus. Muijs (2011) pula mengatakan kebolehan untuk membentuk budaya, menyalurkan matlamat dan memotivasikan pekerja adalah kritikal kepada kejayaan perniagaan terutama dalam era ketidakpastian, pengecilan saiz organisasi, persaingan antarabangsa dan kepelbagaian dalam tenaga pekerja. Kepimpinan merupakan proses mempengaruhi gelagat orang lain ke arah pencapaian matlamat tertentu. Tema utama dalam kepimpinan ialah bagaimana untuk mendapatkan bantuan orang lain dalam melaksanakan dan menyiapkan sesuatu tugas.

Manakala Abdul Ghani Kanesan et.al, (2012) berpendapat kepimpinan bertujuan untuk melengkapkan dan memperjelaskan struktur organisasi, membentuk misi dan strategi baru disebabkan berlakunya perubahan dalam persekitaran luaran, menyelaraskan usaha pelbagai unit dalam organisasi serta memotivasikan pekerja ke arah pencapaian matlamat organisasi. Untuk berjaya sebagai pemimpin pula seseorang

pengurus itu perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai aspek perhubungan interpersonal seperti komunikasi, motivasi dan dinamik kumpulan.

Pendapat Abdul Ghani Kanesan et.al, (2012) dilihat menyokong kajian Izham (2015) yang mendapati kepimpinan guru boleh wujud dalam dua bentuk iaitu kepimpinan formal yang dikatakan wujud apabila seseorang individu atau kumpulan memainkan peranan kepimpinan ke atas pengikutnya berdasarkan autoriti formal yang diperolehi lanjutan daripada posisi beliau dalam hierarki organisasi sekolah.

Kepimpinan tidak formal dikatakan wujud dalam sesuatu situasi apabila seseorang individu tanpa sebarang autoriti formal berjaya mempengaruhi gelagat orang lain (Norashikin et. al, 2013) . Penghormatan dan seterusnya ikutan yang diberikan oleh orang lain kepada pemimpin tidak formal mungkin disebabkan oleh tarikan karisma yang beliau miliki atau kerana sesuatu tindakan yang telah beliau tunjukkan.

#### **2.4 Pengurusan.**

KPM telah memperkenalkan Standard Kualiti Pendidikan Prasekolah (SKPK) pada 2015. SKPK disediakan adalah untuk memastikan prasekolah di Malaysia berkualiti dari aspek pengurusan secara keseluruhannya. Instrumen SKPK yang dibangunkan adalah meliputi tadbir urus, guru dan pembantu guru, kurikulum, interaksi prasekolah, ibu bapa atau penjaga serta kesihatan, pemakanan dan keselamatan. Dari aspek tadbir urus, petunjuk objektif disediakan adalah untuk melihat peranan pemimpin institusi yakni sekolah dan petunjuk subektif pula adalah untuk melihat kualiti guru dan kepimpinan sekolah. Manakala daripada aspek dimensi kualiti guru dan pembantu guru pula, 10 item telah dibina untuk melihat kelayakan akademik, pengalaman, seminar, kursus dan bengkel yang telah dilalui oleh guru dan pembantu guru.

Dimensi kualiti kurikulum pula telah menetapkan petunjuk objektif dan petunjuk subjektif. Petunjuk objektif adalah peralatan bahan atau alat pengajaran pembelajaran dan pentaksiran. Manakala petunjuk subjektif adalah pelaksanaan

pengajaran. Manakala untuk kualiti interaksi prasekolah dengan ibu bapa atau penjaga juga telah ditetapkan petunjuk objektif dan petunjuk subjektif. Di mana petunjuk objektif memberi fokus kepada bilangan aktiviti serta komunikasi dan peratus kehadiran atau maklum balas. Manakala petunjuk subjektif pula melihat bagaimana pelaksanaan aktiviti & penglibatan ibu bapa atau penjaga prasekolah.

Oleh hal yang demikian, informasi sorotan literatur sekolah-sekolah cemerlang, menunjukkan peranan utama guru di sekolah ialah memberi pengajaran kepada murid dan peranan ini telah dibuktikan membawa kejayaan kepada sekolah-sekolah. Antara faktornya ialah amalan pengurusan pengajaran guru di dalam bilik darjah. Peranan guru mewujudkan suasana pembelajaran yang berkesan dalam bilik darjah merupakan cabaran semasa yang semakin meningkat dalam profesion keguruan kini (James Ang, 2014). Justeru itu peranan guru amatlah penting dalam pengurusan pengajaran di bilik darjah.

Pengurusan bilik darjah adalah satu proses pembentukkan suatu alam pembelajaran serta usaha mengekalkan iklimnya yang kondusif untuk pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran agar objektif yang ditetapkan tercapai. Pengurusan pembelajaran bermaksud bagaimana guru menyampaikan ilmunya dan murid bekerja menerima ilmu itu, bagaimana mereka saling berkerjasama dan bagaimana pengajaran dan pembelajaran berlaku (Kamaruddin, Z. 2008).

Pengurusan juga adalah proses yang dirancang dengan teratur (sistematik) untuk mendapatkan jawapan kepada beberapa soalan khusus yang dikemukakan tentang sesuatu masalah yang sudah dikenalpasti (Ahmad Mahdzan, 2004). Pengurusan adalah proses merancang, mengelola, memimpin dan mengawal anggota organisasi dan menggunakan beberapa sumber lain untuk mencapai matlamat yang telah dihasratkan (Mohd Izham, 2006). Pengurusan merupakan proses mendapatkan kerjasama ahli organisasi secara berkesan untuk mencapai matlamat. Pengurusan mencakupi elemen

manusia, kewangan dan fasiliti digembleng untuk mencapai matlamat organisasi (Abd Halim, 2014). Keunikan pengurusan pengoperasian dan pengajaran ini memerlukan pengurus atau pemimpin yang berpengetahuan dan berkemahiran.

Pengurusan pengajaran guru dalam bilik darjah adalah faktor utama yang menentukan kejayaan sesebuah organisasi bilik darjah (Abdul Shukor 2004; Ishak, R. (2013). Manakala kajian Jamian, A. R. (2016), mendapati guru memiliki kemahiran tinggi akan memberi dan memandu pengajaran dilaksana dengan sepenuhnya, memastikan pengajaran dan pembelajaran diutamakan pada setiap ketika, proses pengajaran dan pembelajaran sebagaimana yang dijadualkan dalam takwim tahunan, melaksanakan tugas pengajaran dengan penuh komitmen, mewujudkan kerjasama semua pihak untuk kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran, mengatasi masalah pengajaran dan pembelajaran dengan jaya semasa melaksana program berkesan untuk kecemerlangan murid (*Teacher Leadership Exploratory Consortium*, 2011).

Pengurusan pengajaran guru akan berfokuskan kepada aspek-aspek seperti kemajuan pelajaran, interaksi dan penglibatan murid yang aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Melibatkan penyampaian ilmu, kemudahan fizikal serta aktiviti yang dilaksanakan agar alam belajar yang kondusif untuk sesi pengajaran dan pembelajaran dapat diwujudkan (K.Anandan, 2012)

Ilmu yang dimiliki seseorang guru, menjadi sia-sia jika tidak mampu mengurus pengajarannya dengan baik. Pengurusan pengajaran yang berkesan sebenarnya melibatkan pelbagai aspek seperti ciri peribadi seorang guru, rutin dan peraturan bilik darjah, iklim pengajaran, dan hubungan antara aspek pengurusan (James Ang, 2014). Untuk menjadikan suasana pengajaran lebih proaktif, berkesan dan dapat diurus dengan cekap, guru prasekolah perlu mempunyai sifat-sifat seorang pengurus yang baik seperti tegas, demokratik, pengasih, prihatin dan sebagainya.



Untuk memastikan segala objektif dan matlamat yang ingin dicapai menjadi kenyataan, seorang guru hendaklah mengetahui dan memahami prinsip-prinsip pengurusan pengajaran dalam bilik darjah prasekolah (Abd Said et. al 2012). Prinsip-prinsip ini adalah gabungan daripada sikap guru, rutin dan peraturan, iklim bilik darjah, dan aspek pengurusan yang mengutamakan pengajaran dan pembelajaran (Collay, M. 2011). Hubungan yang baik antara guru dan murid perlu diwujudkan agar hubungan yang erat akan terjalin di antara guru dan murid. Guru sebagai pengurus juga perlu yakin dan percaya akan keupayaan diri mengendalikan bilik darjah (James Ang, 2012).

Guru-guru boleh mempelbagaikan kemahiran pengajaran dalam menjalankan tugas harian mereka di sekolah. Mereka perlu menjadi seorang yang pakar dalam bidang prasekolah dan juga mesti mempunyai kemahiran mengawal tingkah laku murid yang pelbagai agar proses pembelajaran dan pengajaran berjalan lancar di bilik darjah (Hamzah, H., & Samuel, J. N. (2014). Pakar dalam bidang prasekolah bererti setiap guru yang mengajar di prasekolah perlu mempunyai ilmu untuk mendekati murid yang baru menjejakkan kaki ke dunia persekolahan rasmi dan datang dari pelbagai bangsa dan agama.

Guru prasekolah juga perlu menggunakan pelbagai kaedah dalam pengajaran di bilik darjah agar dapat menarik minat murid dan seterusnya mampu mengawal tingkah laku mereka (Mohd Izham, 2015). Guru prasekolah sememangnya maklum bahawa mereka berperanan mengajar murid-murid prasekolah mengikut kurikulum yang disediakan. Secara teknikalnya guru perlu memastikan standard yang ingin dicapai melalui kurikulum seperti yang diperuntukkan dan perlu dihabiskan mengikut jangka masa yang ditetapkan (Suzana & Baharin, 2010). Justeru itu setiap guru prasekolah perlu menguasai ilmu pedagogi bidang prasekolah dan pengurusan pengajaran di bilik darjah prasekolah kerana kaedah pengajaran dan pengurusan pengajaran prasekolah memang jauh berbeza daripada arus aliaran perdana.

Pada peringkat prasekolah, guru harus memperkenalkan kemahiran membaca, menulis, mengira dan menaakul (4M) kepada murid dalam pengajaran dan pembelajaran. Hasrat ini terkandung dalam KSPK (KPM, 2010). Namun KPM 2015 melaporkan, bilangan murid prasekolah yang memasuki program LINUS ketika di tahun satu adalah tinggi berbanding murid yang mendapatkan pendidikan prasekolah dari agensi-agensi lain seperti KEMAS, Perpaduan dan prasekolah swasta. LINUS adalah singkatan dari literasi dan numerasi. Memperkenalkan literasi dan numerasi kepada murid prasekolah adalah merupakan teras yang perlu dicapai untuk keberhasilan utama dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang mensasarkan 100% murid menguasai literasi dan numerasi (LINUS). Situasi ini serba sedikit memberi tekanan kepada guru prasekolah (Nazariyah, 2014).

Menurut Hall, C. (2013), guru prasekolah berperanan sebagai pendidik, pembimbing, pemudahcara atau fasilitator di bilik darjah. Guru yang pandai mendidik akan memudahkan muridnya memahami sesuatu konsep atau sesuatu kemahiran, manakala guru yang tidak pandai mendidik atau mengajar akan menyebabkan muridnya sukar untuk memahami sesuatu konsep atau sesuatu kemahiran, malah ianya akan menyebabkan pengajaran guru akan membosankan, murid tidak akan memberi tumpuan dalam pelajarannya atau murid tidak mahu masuk ke bilik darjah.

Kaedah memudahkan guru prasekolah untuk berkomunikasi dan berinteraksi bersama murid dengan mengenali nama muridnya. Wan Roslina (2012) dan Gholami, L. (2015) mengatakan kaedah ini juga memudahkan proses mengurus pengajaran guru di bilik darjah ketika proses pengajaran dan pembelajaran. Murid akan berasa bangga dan dihargai apabila mereka dipanggil oleh guru. Perkara ini amat jelas kepentingannya dan turut ditegaskan oleh Berglund, S. R. (2011), beliau menyatakan seorang guru perlu mengingati nama dan mengetahui latar belakang murid-muridnya.

Berdasarkan huraian penulisan diatas menunjukkan seseorang guru itu mengambil berat terhadap kesemua muridnya. Murid akan merasakan hubungan yang lebih rapat dan mesra dengan guru. Guru pula akan mampu mendekati muridnya dengan memilih teknik yang paling sesuai untuk mendidik dan seterusnya mendorong mereka untuk terus berusaha ke arah peningkatan kecemerlangan di prasekolah (Abd Said, 2012).

Namun kebelakangan ini pengurusan pengajaran yang meliputi kurikulum, pentaksiran dan penilaian hasil kerja murid di prasekolah agak tidak terurus. (Muhammad Shukeri, 2008). Tiada siapa yang dapat menafikan bahawa kerjaya sebagai seorang guru banyak dibebani dengan pelbagai tugas yang rumit dan tidak profesional. Tugas yang dipertanggungjawabkan ini mungkin memberi beberapa implikasi positif dan negatif kepada kerjaya seorang guru khususnya guru prasekolah (Fatimah, 2014). Guru Prasekolah kini kerap menerima tugas-tugas sampingan seperti jurulatih sukan, setiausaha PIBG dan sebagainya. Tugas-tugas sampingan inilah yang banyak mengganggu pengurusan pengajaran guru di bilik darjah (Asraf 2013).

Pentadbir seolah-olah tidak mengambil kisah dengan pelaksanaan kelas dan kurikulum prasekolah. Kejayaan guru prasekolah mendidik dan membimbing murid prasekolah memerlukan sokongan dari pentadbir khususnya guru besar (Sidsel Skaalvik, 2009). Guru prasekolah tidak mampu bergerak sendiri dalam melaksanakan kurikulum. Mereka perlukan sokongan dan kerjasama dari rakan sekerja dan juga ketua (Asraf, 2013). Unit Prasekolah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS) melaporkan terdapat dalam kalangan guru besar berpendapat, murid prasekolah hanya perlu menguasai perkembangan 4M seperti yang dihasratkan dalam kurikulum.

Menurut Adnan, M., Ayob, A., Tek, O. E., Ibrahim, M. N., Ishak, N., & Sheriff, J. (2017), pentadbir seharusnya menjalankan tugas kepimpinan kurikulum dan bertanggungjawab ke atas perkara yang dipelajari oleh murid, alat bantuan sokongan

yang digunakan, cara guru membantu murid belajar, gaya dan kaedah penilaian dan kemudahan pembelajaran yang disediakan. Sebagai pemimpin pengajaran, guru harus secara aktif dan berkesan merancang pelbagai perkara yang berkaitan pembelajaran di bilik darjah, penyediaan bahan pengajaran, penyeliaan kaedah pengajaran dan pentaksiran (Aliza & Zamri, 2012). Tanpa sokongan dan perhatian dari pentadbir, guru prasekolah pasti tidak dapat mengurus pengajarannya dengan cemerlang.

Sehubungan itu setiap pentadbir perlu mendasari perkembangan kurikulum bagi memenuhi keperluan murid prasekolah. Mereka juga perlu mendalami perkembangan kemahiran pengurusan untuk menyampaikan dan melaksanakan kurikulum dengan cara yang berkesan dan cekap berasaskan kepada sumber yang dibekalkan. Jika semua itu dipenuhi oleh pentadbir, pengurusan pengajaran guru di bilik darjah akan lebih berkesan dan murid juga boleh di didik dan di bimbing dengan lebih cemerlang (Adnan et.al, 2017).

Pentadbir juga seharusnya memberi sokongan pada semua guru di bawah tadbirannya agar menghayati perkembangan pendekatan yang mampu membawa perubahan sebagai fenomena semula jadi di prasekolah. Segala perlakuan ini bertujuan untuk melaksanakan kurikulum yang telah ditetapkan. Pengurusan pengajaran di prasekolah disimpulkan sebagai suatu unsur budaya dan ilmu pengetahuan yang dikenali pasti untuk memandu pengajaran guru kepada kumpulan murid tertentu.

Aspek pengurusan adalah penting untuk menghasilkan kelancaran dan keberkesanan pembelajaran seseorang murid. Aspek pengurusan juga boleh menggambarkan antara pengajaran yang berjalan lancar dan berkesan dengan pengajaran yang tidak terkawal (Bakar, N. A., Basri, R., Abas, N., & Pendidikan, F. P., 2013). Bakar et.al (2013) mengemukakan beberapa konsep pengurusan pengajaran yang dapat membantu pengurusan pembelajaran murid. Menurut mereka, pengurusan dan pengajaran saling berkait rapat kerana sesuatu pengurusan yang baik perlu untuk

memastikan pengajaran berjalan lancar dan berkesan. Empat konsep pengurusan yang ditekankan mereka ialah: (i) pemilihan dan pengendalian aktiviti pembelajaran, (ii) pembentukan kumpulan, (iii) penerangan dan arahan, dan (iv) pemantauan.

Konsep pengurusan pengajaran ini amat bersesuaian dengan kaedah berpusatkan murid yang diamalkan di prasekolah (KPM, 2017). Ia bermula dengan guru sebagai pengurus atau pemimpin yang memilih kaedah yang bersesuaian dengan tema yang dirancang sebagai teknik pengajaran yang akan dilaksanakan (Mohd Hasani, 2009). Kemudian, guru merancang dan mengendalikan aktiviti. Semasa pelaksanaan pengajaran, kumpulan-kumpulan kecil dibentuk untuk memudahkan pelaksanaan aktiviti. Ia diikuti dengan penerangan peraturan aktiviti yang perlu diikuti dan pemantauan dilakukan oleh guru di sepanjang murid melakukan aktiviti pelajar (Awang, M. M., Ahmad, A. R., & Rahman, M. M. A., 2014). Pengurusan

pengajaran mencakupi beberapa aspek yang perlu dititikberatkan oleh seseorang guru. Antaranya ialah persediaan rancangan mengajar, penentuan objektif pengajaran, bahan bantu mengajar, pelaksanaan langkah pengajaran dan kaedah penilaian pengajaran serta pelaksanaan pentaksiran dalam proses pengajaran (Awang et.al, 2014). Kesemua aspek ini perlu dilaksanakan dengan berkesan agar pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah berjalan dengan lancar.

Memanipulasi teknologi dalam pengurusan pengajaran yang terancang serta berkesan adalah satu usaha yang murni (Rosnaini, 2012). Apatah lagi jika dilakukan untuk tujuan pendidikan. Justeru, dalam senario pendidikan hari ini, guru-guru prasekolah perlu lebih kreatif dan inovatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar menjadi efektif dan bermakna. Kreatif bermaksud kebolehan seseorang guru itu untuk mencipta, menghasil dan memperkembangkan sesuatu pengajaran yang mampu memperlihatkan kesan peningkatan terhadap penguasaan kemahiran murid prasekolah (Lee and Wai-Yee Margaret, 2001).

Guru juga berperanan dalam mengintegrasikan ICT dalam pengajaran adalah satu cara yang boleh digunakan oleh guru untuk memperkenalkan alatan teknologi kepada murid. Penggunaan alatan ICT adalah bergantung pada kebolehan murid dan kandungan yang ingin disampaikan oleh guru (Mohammad Shukeri, 2004). Konsep ICT dalam bidang pendidikan melibatkan pengumpulan maklumat, pengurusan, manipulasi, akses dan komunikasi dalam pelbagai bentuk. Kementerian Pendidikan Malaysia telah merumuskan tiga polisi utama untuk ICT dalam pendidikan (KPM 2001).

Polisi pertama ialah, ICT untuk semua pelajar. Ini bermakna ICT digunakan untuk mengurangkan jurang digital antara sekolah. Polisi kedua, penekanan kepada peranan dan fungsi ICT dalam pendidikan seperti pengajaran, sebagai alat bantu mengajar, sebahagian daripada subjek dan sebagai satu subjek. Polisi ketiga, penekanan penggunaan ICT bagi meningkatkan produktiviti, keberkesanan dan kelancaran sistem pengurusan dalam pendidikan (Sandra Rahman, Abu Bakar Nordin & Norlidah Alias, 2013). Justeru jika ketiga-tiga polisi ICT dalam pendidikan ini dilaksanakan sepenuhnya dalam pendidikan prasekolah, nescaya adalah tidak mustahil generasi era 2020 kelak semuanya adalah celik ICT dan boleh mengaplikasikannya dalam kehidupan harian.

Hokanson & Hooper (2004) telah mengkaji penggunaan secara efektif keperluan teknologi yang semakin bertambah dan ingin melihat cara guru menggunakan teknologi dalam bilik darjah dan sebab mereka menggunakannya. Mereka juga memfokuskan peranan utama pendekatan pedagogi yang digunakan dalam pengajaran di bilik darjah. Terdapat beberapa isu yang sering dikaitkan dalam pengajaran menggunakan komputer. Menurut Rosnaini, Mohd Arif & Jalalludin (2011) dalam kajian mereka menyatakan bahawa keadaan yang menjadikan pengajaran tersebut tidak berkesan ialah kurangnya persediaan guru untuk membangunkan pengajaran yang berbantuan komputer dan penggunaan komputer dalam pengajaran.

Di Malaysia, pengurusan pengajaran di bilik darjah juga memerlukan penggunaan ICT. Namun kekurangan kemahiran guru dalam menguasai ilmu teknologi terkini menyebabkan guru bukan sahaja tidak berupaya menghasilkan alat bantu mengajar yang menarik dan berkesan dalam pengurusan pengajarannya malah juga kurang mahir dalam mengendalikan alat bantu mengajar (Rosnaini et.al, 2011). Misalannya, penggunaan seperti internet, komputer dan LCD Projektor. Alatan ini telah dibekalkan kepada semua prasekolah seluruh Malaysia.

Impaknya alat yang dibekalkan tidak digunakan secara efektif dan perkara ini menyebabkan pengajaran dan pembelajaran menjadi kurang berkesan kerana sumber pengajaran dan pembelajaran tidak sesuai dengan keperluan murid dan peredaran masa (Mohammad Shukeri, 2008). Hal ini menyebabkan wujudnya masalah disiplin di dalam kelas dan dalam masa yang sama menyebabkan alat bantu mengajar yang dibekalkan seperti komputer riba, LCD projektor dan sebagainya akan menjadi gajah putih (Mohd Arif, 2011).

Malah KPM juga memperkenalkan program-program dalam pendidikan oleh seperti sekolah bestari, e-pembelajaran dan sebagainya yang mana menggunakan pendekatan pembelajaran berbantuan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran. Namun dapatan kajian yang dijalankan oleh Rosnaini (2011) mendapati sebanyak 70 peratus guru sekolah bestari kurang mengambil berat terhadap pelaksanaan program sekolah bestari yang dilancarkan sejak awal 1999.

Keadaan ini berlaku kerana faktor sebilangan guru yang terlibat mungkin kurang mahir mengguna dan mengendalikan alat ataupun kurang mendapat latihan secara langsung dan berkesan untuk mempertingkatkan kemahiran ICT (Damit, H. D. 2014). Situasi ini juga berlaku dalam pengajaran di prasekolah. Transformasi kurikulum prasekolah yang dilancarkan pada 2010, juga mensasarkan penggunaan alatan yang

dibekalkan secara optima oleh guru prasekolah. Namun tidak semua guru prasekolah mahir dalam penggunaan alat tersebut (Berglund, S. R., 2011).

Kajian yang dijalankan oleh Rozita (2012), mendapati guru cemerlang di Selangor menggunakan pengintegrasian ICT dalam pengurusan pengajaran Bahasa Malaysia. Penggunaan kaedah pengajaran yang lebih dinamik, sesuai dengan perkembangan teknologi maklumat diselia dengan betul dan dimanfaatkan semaksima mungkin dalam pengurusan pengajaran (Hu and Xinyun, 2015). Pengalaman belajar terus seperti ini dianggap penting kerana pembelajaran murid dihubungkan dengan aplikasi sistem komputer (Klerfelt, 2010).

Cara ini dapat menentukan tahap kecekapan murid dalam melaksanakan sesuatu tugas penulisan yang diberikan oleh Guru Cemerlang dalam jangka masa yang ditentukan. Menurut Hu, X. (2015), dalam kajiannya tentang kursus penulisan teknikal mendapati bahawa penggunaan *www (World Wide Web)* sebagai salah satu elemen dalam Internet, pembelajaran penulisan menjadi lebih berkesan berbanding kaedah tradisional. Ini menunjukkan pendekatan ICT yang digunakan oleh guru menunjukkan prestasi pencapaian murid meningkat.

Namun kajian Rosnaini et. al, (2011) mendapati guru masih kurang mahir menggunakan aplikasi internet. Situasi ini berkemungkinan berlaku kerana penggunaan internet serta komunikasi berperantara komputer sudah semakin menjadi kelaziman kepada sebahagian guru terutama golongan muda. Berbeza pula dengan kajian Mahmud, R., Ismail, M. A., & Ibrahim, J. (2011), mengatakan pengintegrasian ICT dalam pengajaran dan pembelajaran di kalangan guru berada di tahap sederhana. Mahmud et.al, juga memberi pendapat bahawa guru perlu diberikan latihan dalam pelbagai bentuk kursus dan bengkel untuk memberi peluang kepada mereka agar sentiasa mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran ICT agar sejajar dengan perkembangan teknologi semasa.



Kajian yang dilakukan oleh Puteh, S. N., & Ali, A. (2016), mendapati guru yang bijak menguruskan pengajarannya adalah guru yang mempunyai daya kreativiti dan Inovatif. Inovatif ialah kebolehan seseorang guru memulakan sesuatu yang baru sama ada dalam bentuk kaedah, teknik dan pendekatan dalam pengajaran di bilik darjah (Hazri, 2003; Rozita, 2012). Daya kreativiti yang tinggi membolehkan sesuatu amalan dalam pengajaran mencorakkan perkembangan minda, emosi, sikap dan nilai diri murid. Kurangnya inovasi dan pembaharuan yang berterusan semasa pengurusan dan pengajaran di dalam bilik darjah menyebabkan murid cepat berasa bosan dan menganggap pembelajaran itu tidak menyeronokkan.

Hasil kajian yang dijalankan oleh (Mardziah, 2017) mendapati kebanyakan proses pengajaran guru di bilik darjah masih lagi berpusatkan guru sedangkan aspek kreativiti ini perlu diberi perhatian secara menyeluruh dalam kalangan kanak-kanak prasekolah yang menjadi asas kepada pendidikan formal. Norsita (2014) yang mengkaji interaksi guru dalam pemupukan pemikiran kreatif kanak-kanak, kajian tersebut mendapati guru sedar bahawa bahan rangsangan amat perlu untuk menggalakkan pemikiran kreatif murid tetapi dalam aplikasinya guru masih mengabaikan bahan rangsangan tersebut kerana guru selesa akibat sudah lama tiada pemantauan dari pentadbir sekolah. Kajian ini juga mendapati guru masih suka mengutarakan soalan tertutup dan mengamalkan gaya pengajaran berpusatkan guru.

Dapatan kajian yang dijalankan oleh Chitra (2010) yang mengkaji pengurusan pengajaran kelas pendidikan khas, mendapati guru tidak dapat mengikut sepenuhnya kurikulum yang dibekalkan. Perlaksanaan sepenuhnya kurikulum tersebut di bilik darjah tidak dapat dijalankan kerana setiap pelajar yang hadir ke kelas tersebut berlainan kecacatan. Begitu juga dapatan kajian yang dijalankan oleh Zakaria, O (2016). Kurikulum tidak diikuti sepenuhnya kerana emosi kanak-kanak terencat akal tidak sama dengan kanak-kanak normal.

Berkaitan tugas sampingan guru pula dapatan kajian yang dilakukan oleh Kyriacou & Chein (2004), menunjukkan stres guru-guru di sekolah rendah adalah masalah utama di Taiwan, yang setanding dengan tahap tekanannya dengan negara-negara barat. Sumber-sumber dominan tekanan di Taiwan melibatkan beban kerja yang berat dalam menghadapi transformasi pendidikan. Responden memberi maklum balas lebihan tugas menyebabkan pengurusan pengajaran di bilik darjah tidak terurus.

Hasil dapatan kajian Norashid & Hamzah (2014) mendapati faktor disiplin murid adalah juga merupakan faktor yang menyebabkan guru stres selepas faktor beban tugas. Sikap murid yang membuat bising semasa sesi pengajaran adalah menjadi faktor stres kepada guru. Menurut Winefield et al. dalam Tengku Mastura dan Noraima (2006), salah satu punca yang menyebabkan stres guru adalah murid. Masalah murid ini termasuklah daripada tingkah laku murid yang buruk, tidak mahu memberi kerjasama kepada guru, tidak mahu mendengar nasihat dan tidak membawa peralatan belajar seperti buku teks, buku latihan dan alat tulis.

Kajian tersebut juga selari dengan kajian Raja Maria (2011) yang mendapati bahawa faktor salah laku murid mempunyai purata yang tertinggi yang menyebabkan stres guru. Namun berbeza dengan dapatan kajian Yusri (2007), yang menjalankan kajian ke atas 75 orang guru di Sekolah menengah Teknik di Daerah Johor Bahru. Beliau menyatakan bahawa faktor salah laku pelajar adalah yang paling kurang menyumbang stres kepada guru.

Walaupun kajian ini berbeza dengan dapatan kajian oleh Othman, N., & Omar, H. M. (2014), Mohamad, J., & Yaacob, N. R. N. (2013) di mana kajian mereka mendapati tahap stres guru di sekolah yang dikaji adalah rendah. Mereka menjalankan kajian ke atas 50 orang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Skudai. Hasil kajian mendapati kesemua faktor bebanan tugas yang dikaji berada pada tahap rendah hingga sederhana. Menurut Othman et.al (2014), sokongan sosial merupakan

suatu perkara yang amat penting dalam kehidupan seseorang individu. Sokongan sosial ini boleh dijadikan perlindungan terhadap sebarang masalah yang boleh menyebabkan stres dan tidak bermotivasi.

Tugas guru prasekolah kini bukan sahaja mengajar, mendidik dan membimbing malah turut berperanan dalam mengawal keseimbangan moral murid prasekolah. Kajian yang dijalankan oleh Michael B. Wells (2013), mendapati guru bertanggungjawab membentuk tingkah laku murid lebih besar berbanding pencapaian akademik mereka. Kajian tersebut melibatkan 65 responden dan 12 daripadanya berhasrat untuk bertukar profesion. Seseorang guru dikehendaki melaksanakan pelbagai tugas lain yang menjadi rutin pekerjaan mereka (Hamzah, H., & Samuel, J. N., 2014).

Pada 2013 statistik beban tugas guru yang dibuat oleh UNESCO menunjukkan peningkatan dalam waktu bekerja untuk semua kategori guru berbanding 2010. Jumlah jam bekerja untuk guru sekolah rendah telah meningkat sebanyak 9 jam seminggu 53.2, manakala guru sekolah menengah pula mengalami hampir satu peningkatan 6 jam kepada 55.6. Maklum balas yang diterima menunjukkan bacaan tidak menyenangkan. Kesan negatif daripada beban kerja yang tinggi pada guru, keluarga dan akhirnya kepada sistem persekolahan. 90% daripada responden telah dianggap meninggalkan pengajaran dalam tempoh dua tahun lepas, 96.5% mengatakan beban tugas mempunyai akibat yang negatif kepada keluarga atau kehidupan peribadi.

Manakala pendapat Hamzah et.al (2014) pula selari dengan dapatan Filip Van Droogenbroeck (2014), yang mendapati banyak lebihan kerja yang perlu dilakukan oleh guru. Guru perlu membuat persediaan mengajar, membuat alat bantuan mengajar, membuat kerja-kerja perkeranian, menyelia aktiviti kokurikulum, menghadiri mesyuarat, kursus, seminar atau bengkel, mengurus hal ehwal kebajikan murid dan pelbagai tugas lain. Lantaran itu pengajaran tidak diurus dengan baik.

Justeru itu seorang guru yang ingin berjaya dalam kerjaya perlulah mendalami ilmu pengurusan di bilik darjah agar murid yang diajar dan dibimbing itu mendapat ilmu yang bermanfaat untuk kehidupan mereka. Guru juga harus bijak menyusun pelaksanaan aktiviti agar semua tunjang boleh dikuasai oleh murid prasekolah.

#### **2.4.1 Pengurusan Pengoperasian**

Pengoperasian sesebuah bilik darjah yang cemerlang memerlukan pelibatan pentadbir sekolah. Pentadbir sekolah adalah bertanggungjawab menentukan pengurusan perkapita secara cekap dan berkesan (Zakaria, O. 2016). Pengurusan perkapita di sekolah rendah melibatkan elemen perancangan, penggunaan sumber perkapita, perbelanjaan, perolehan dan pengurusan asset (Suriaty & Suhaida, 2013). Lantaran itu untuk melancar perjalanan sistem pendidikan di Malaysia, kerajaan menyalurkan peruntukan yang besar. Peruntukan tersebut digunakan untuk pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta program sekolah.

Walau bagaimanapun, KPM (2003) memberi bantuan kewangan dan perkapita mengikut bilangan murid prasekolah dan bukan berdasarkan keperluan pengoperasian prasekolah sepertimana yang telah digazetkan. Sepertimana pekeliling yang telah dikeluarkan pada 2012. Namun sebelum 2012, bantuan perkapita yang diterima adalah untuk jumlah bilangan murid prasekolah yang telah ditetapkan untuk setiap prasekolah iaitu 25 orang. Bermula pada 2012, sekiranya bilangan murid prasekolah adalah 20 orang, bantuan perkapita yang diterima adalah untuk 20 orang murid sahaja (JPNS, 2015).

Namun begitu kajian Kenayathulla, H. B., Subramaniam, R., & Ghani, M. F. A. (2017) di sekolah luar bandar, mendapati kebanyakan pentadbir sekolah menghadapi masalah ketidakcukupan peruntukan yang diterima dari KPM yang mendatangkan masalah kepada pentadbir untuk mengurus sekolah. Akibat kekurangan perkapita yang diterima menyebabkan kemudahan yang sepatutnya diperlukan untuk kecemerlangan

pembelajaran murid tidak dapat disediakan. Peruntukan bantuan dan perkapita amat diperlukan untuk kerja-kerja penyelenggaraan kemudahan pembelajaran murid dengan baik (Alias, Nik Mohd. Rahimi & Ruhizan, 2001). Manakala kajian Kenayathulla et.al (2017), mendapati kekurangan kewangan menyebabkan pentadbir tidak dapat menyediakan kemudahan ruang di sekolah rendah. Hal ini menjadikan sekolah-sekolah luar bandar sukar memenuhi keperluan dan kemudahan dalam pendidikan.

Dapatan Norasiah (2001) disokong oleh kajian Husaina (2015) yang mendapati guru kurang pengetahuan dalam pengurusan kewangan sekolah kerana tanggungjawab itu diberi kepada pentadbir. Namun begitu mengikut kajian Saedah, Muhammad Faizal & Norfariza (2008) pula mendapati pihak sekolah tidak hanya bergantung kepada pembiayaan kerajaan tetapi perlu mencari sumber kewangan sendiri untuk kekal prinsip ekuiti dalam pendidikan. Dapatan pengkaji-pengkaji tersebut menunjukkan bahawa kuasa mengurus kewangan sekolah terletak ditangan pentadbir dan mereka berhak memohon apa-apa jua bentuk sumbangan dari pihak-pihak tertentu demi kepentingan sekolah.

Sungguhpun begitu guru juga adalah dianggap pemimpin di bilik darjah. Sebagai pemimpin di bilik darjah pula, Zakaria (2016) menggariskan kepimpinan dalam bilik darjah wujud dalam keadaan berikut:

- i. Setiap kali apabila terdapat pertumbuhan yang positif walaupun sedikit dalam personaliti mereka ketika kehadiran seorang guru;
- ii. Apabila seorang guru mengangkat tangan semua murid dalam bilik darjah menjadi senyap; dan
- iii. Setiap kali murid-murid mengharapkan panduan atau teladan dari seseorang guru.

Oleh itu istilah kepimpinan tersebut sinonim dengan insan bergelar guru kerana guru juga adalah pemimpin di bilik darjah. Rahmad & Shahrir (2005), mendefinisikan kepimpinan bilik darjah sebagai satu kemahiran guru menggunakan kepimpinan mereka untuk mengurus dirinya sendiri dan berkomunikasi dengan orang lain. Oleh itu

kemahiran memimpin ini perlu dikuasai oleh setiap guru prasekolah agar penyampaian pengajarannya menyakinkan murid.

Jika kemahiran ini tidak dikuasai, kemungkinan organisasi sesebuah bilik darjah tersebut akan hilang atau menumpang dengan pengurusan bilik darjah yang lain untuk beradaptasi dengan keadaan dan keperluan semasa (Eneng, 2011). Justeru itu, guru selaku pemimpin organisasi bilik darjah prasekolah perlu belajar memahami kekuatan dan kelemahan bilik darjah dari segi sumber, keupayaan dan keseluruhan sistem sebagai strategi untuk memenangi persaingan (Mageret Burchinal, 2005). Oleh itu guru prasekolah harus sentiasa belajar untuk membolehkannya kekal bersaing seiring dengan perubahan masa, persekitaran dan teknologi (Rosnah, 2013).

Sebagai organisasi kecil, sesebuah bilik darjah juga perlu mematuhi proses pengurusan (Mohd Izham, 2015). Ruang pembelajaran seperti bilik darjah juga merupakan organisasi yang kompleks (Zaidatol 2003). Oleh itu pengoperasian organisasi prasekolah perlu diuruskan dengan berkesan agar semua sumber yang dibekalkan seperti murid, pembantu pengurusan murid, kurikulum, peralatan fizikal, perabot, bahan bantu mengajar dan perkapita dapat digunakan semaksimum mungkin untuk menghasilkan objektif pengajaran dan produk bilik darjah yang berkualiti.

Tanggungjawab guru sebagai pelaksana dan pengurus di bilik darjah amat penting dan perlu dilaksanakan agar murid memperolehi pembelajaran yang bermakna. Guru yang menunaikan kedua-dua peranan utama guru ini merupakan guru yang memenuhi ciri-ciri guru berkesan (Boles, 2002). Oleh itu pengurusan organisasi bilik darjah perlu melalui perubahan seiring dengan transformasi kurikulum dan perancangan pendidikan (Mohd Hasani, 2007). Perubahan ini melibatkan banyak aspek dalam fungsi organisasi terutamanya dari segi sumber, struktur dan kepimpinan bilik darjah (Sugarman, 2010). Perubahan yang berlaku dari semasa ke semasa ini memerlukan kesediaan guru selaku

pemimpin di bilik darjah untuk menerima dan melakukan perubahan iaitu mentransformasikan hala tuju pendidikan kebangsaan (Rosnah, 2013 ).

Selain guru, pembantu pengurusan murid (PPM) turut berperanan dalam pengoperasian prasekolah. Guru dan PPM berperanan membawa prasekolah ke arah kecemerlangan atau kejatuhan. Tugas PPM telah digariskan oleh Bahagian Sumber Manusia (BSM) KPM. Antara tugas mereka adalah:

### **Urusan Pengurusan Kelas Prasekolah**

- Membantu guru mendaftar kehadiran murid-murid prasekolah setiap hari.
- Membantu guru membuat inventori peralatan dan bahan di dalam kelas prasekolah.
- Melaksanakan tugas dalam urusan surat menyurat yang berkaitan dengan prasekolah.
- Merekodkan pembelian bahan dan peralatan prasekolah.
- Mengemaskini data dan maklumat bagi murid-murid prasekolah.
- Menguruskan pendaftaran murid-murid prasekolah.
- Menghubungi agensi-agensi lain atau pihak luar yang bekerjasama atau bagi mendapatkan maklumat berkaitan prasekolah.
- Membantu guru membuat lawatan susulan ke rumah ibu bapa atau penjaga murid bagi murid-murid yang bermasalah.
- Membantu guru dalam menguruskan akaun dan perkara yang berkaitan dengan kewangan prasekolah.
- Merekodkan perbelanjaan dan sumbangan yang diterima untuk prasekolah.

### **Urusan Pengajaran/Pembelajaran Murid-murid Prasekolah**

- Membantu guru prasekolah merancang aktiviti bimbingan dan asuhan.
- Membantu menimbulkan suasana yang selesa, selamat dan menggembirakan bagi merangsang bimbingan dan asuhan.
- Membantu mewujudkan dan merangsang naluri ingin tahu, minat untuk meneroka dan menjelajah di kalangan murid-murid prasekolah.
- Membantu merangsang dan meningkatkan motivasi murid-murid prasekolah supaya bersedia untuk belajar.
- Membantu memilih dan menyediakan bahan-bahan serta peralatan yang sesuai dengan keperluan, kesediaan dan perkembangan murid-murid prasekolah.

- Membantu mengawas dan menjaga keselamatan, kesihatan dan keselesaan murid-murid sama ada di dalam atau di luar kawasan sekolah semasa murid-murid berkenaan di bawah jagaannya.
- Memberi bantuan kepada murid-murid dan mendampingi mereka semasa menjalankan aktiviti-aktiviti harian di sekolah supaya mereka dapat melibatkan diri secara aktif.
- Membantu guru prasekolah dalam penyediaan pengajaran dan pembelajaran prasekolah.

#### **Urusan Penyediaan Makanan/Mengemas/Membersih**

- Menyedia dan menghidangkan makanan dan minuman yang bersih, berzat dan seimbang bagi murid-murid prasekolah.
- Mengemas dan membersihkan perkakas seperti pinggan, piring, cawan, peralatan dapur, mangkuk, cerek, peti ais dan sebagainya.
- Menyedia dan mengemaskan bilik darjah dan bilik-bilik atau ruang yang lain sebelum dan selepas kelas termasuk menyapu, mengunci kelas dan menjaga kebersihan bilik darjah dan ruang-ruang lain.
- Mengatur kerusi dan meja serta membantu guru menyusun alat dan bahan pengajaran di dalam kelas.

#### **Urusan Menjaga Hal Ehwal Murid**

- Melayani karenah murid-murid prasekolah dan menolong memastikan murid-murid sentiasa berkeadaan bersih.
- Berusaha untuk menjadi contoh teladan yang baik kepada murid-murid dari segi tingkah laku, tutur bahasa dan kekemasan diri.
- Menyambut kedatangan murid-murid semasa menghadiri kelas dan juga memastikan murid-murid keluar kelas dalam keadaan selamat.
- Membantu murid-murid ke tandas sekiranya perlu dan membantu memerhatikan murid-murid sentiasa dalam keadaan sihat dan bersih.
- Membantu guru prasekolah menjaga keselamatan alatan dan kemudahan prasekolah di dalam dan di luar kelas.
- Membantu mengawasi murid-murid prasekolah semasa ketiadaan guru prasekolah.



Namun begitu tempoh penyediaan makanan murid yang dikeluarkan oleh BPSM adalah 90 minit (BPSM, 2018). Tugas PPM hanyalah membantu dan sebarang keputusan berkaitan prasekolah tetap diputuskan oleh guru atau pun pentadbir.

Walau bagaimana pun terdapat dalam kalangan pentadbir kurang memberi sokongan pada prasekolah (Abd Said, 2012). Mereka menganggap prasekolah hanya menggalakkan murid bersosial dan berlatih menyesuaikan diri dengan suasana sekolah sebelum mereka masuk ke tahun satu. Mereka membuat persepsi bahawa murid tidak belajar di prasekolah kerana kurikulum yang digunakan lebih banyak berunsurkan bermain (Rohaty, 2003). Namun unsur bermain yang ditekankan di prasekolah adalah di rancang dengan pengisian ilmu (Mariani, 2012).

Malah pihak pentadbir menyerahkan semua penilaian pencapaian murid pada guru prasekolah tanpa mengambil sebarang maklum balas dari guru (Mardziah, 2017). Kajian beliau mendapati pentadbir juga mengeluarkan memo untuk semua guru agar menghantar rekod pencapaian murid tahun satu hingga tahun enam tapi tidak meminta rekod pencapaian murid prasekolah. Fenomena ini sering membuatkan guru tidak bermotivasi dalam kerjaya.

Manakala kajian yang dijalankan oleh Anandan (2012), mendapati kecemerlangan pengurusan pengajaran guru berkait rapat dengan kecemerlangan pengurusan sekolah. Hal ini berlaku kerana pentadbir sekolah sering diberi pendedahan tentang pengurusan sekolah supaya melakukan perubahan dalam pengurusan. Sehubungan itu Leithwood (2010) mengatakan pengurusan pengajaran di bilik darjah menjadi *core business* di sekolah.

Sungguhpun begitu menurut Gholami, L. (2015) kesan pengurusan sekolah terhadap pembelajaran murid adalah secara tidak langsung. Pengkaji lepas (Spodek, 2007; Hamre, 2008) mendapati bahawa terdapat hubungan antara ciri-ciri guru dalam pengajaran ke atas perkembangan sosial, emosi dan kognitif kanak-kanak.

Penglibatan guru dalam proses membuat keputusan juga mempunyai hubungannya dengan sokongan pihak pentadbir yang menekankan sistem pengurusan birokrasi yang bercirikan autoriti berhierarki (KPM, 2013). Amalan birokrasi melampau dalam pengurusan pendidikan peringkat sekolah di Malaysia (Abdul Shukor, 2004) telah menyebabkan sokongan pentadbir terhadap hak dan kewibawaan guru melibatkan diri dalam membuat sesuatu keputusan tidak diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Ini disokong dengan dapatan kajian Eng, J. A. J. (2016) mendapati 91.6 peratus daripada guru dalam kajiannya menyuarakan bahawa penglibatan mereka dalam membuat keputusan di peringkat sekolah masih berada pada tahap yang rendah. Waima dalam pengurusan pengajaran di bilik darjah sendiri. Penglibatan guru dalam proses membuat keputusan juga mempunyai kaitan dengan sikap *-konservatisme*” (guru tidak suka kepada pembaharuan); *-individualisme*” (cara penyelesaian masalah dalam bilik darjah bercorak individu); dan *-presentisme*” (situasi dan kaedah kerja kekal dalam situasi yang sama) yang masih menebal dalam kalangan guru (James Ang, 2014).

Manakala kajian Baharin & Suzana (2010) pula mendapati bahawa guru yang dikajinya mengakui mereka masih lagi dalam keadaan *-menerima arahan*‘ dan bukan sebenarnya menyumbang ke arah membuat keputusan dalam pengurusan kurikulum. Malah kajian ini juga turut mendapati guru masih kabur tentang penglibatan mereka dalam membuat keputusan terhadap kurikulum. Guru-guru yang berpeluang mempengaruhi sesuatu keputusan pula akan lebih bermotivasi dan dengan itu mereka lebih komited terhadap tugas dan tanggungjawab mereka di sekolah (Fatimah, 2014).

Namun begitu tugas guru prasekolah tidak hanya mengurus pengajaran tetapi juga sebagai pemimpin di bilik darjah. Mereka berhak membuat keputusan berkaitan pengajaran terhadap murid. Oleh itu pihak pentadbir sekolah harus memberi peluang para guru membuat keputusan dalam pimpinan mereka di bilik darjah. Sokongan dan

perhatian dari pihak pentadbir akan menaikkan motivasi guru dalam menjalankan tanggungjawab mereka.

#### **2.4.2 Tugas guru prasekolah.**

Peranan dan tanggungjawab guru pada masa kini semakin berat dan mencabar. Begitu juga tugas dan tanggungjawab guru prasekolah dalam mengharungi cabaran globalisasi, pemantapan kebajikan dan kerjaya harus di beri penekanan yang sewajarnya. Perubahan kurikulum dan dasar pendidikan negara kini banyak memberi tekanan pada guru. Cabaran guru prasekolah pada hari ini bergantung pada dasar dan objektif pendidikan yang perlu dilaksanakan mengikut kurikulum yang telah digubal (Sapora Sipon, 2001). Sebarang dasar atau inovasi pendidikan yang dilaksanakan di peringkat sekolah memberikan kesan positif terhadap tingkah laku guru (Azizi, 2012).

Justeru perubahan kurikulum dapat memperincikan proses pengajaran dan pembelajaran yang menekankan pendekatan belajar melalui bermain. Ini antara lain bertujuan untuk mempertingkatkan perkembangan murid prasekolah (Aliza, 2015). Oleh itu guru prasekolah diberi peluang berkeaktiviti dalam pengajarannya berpandukan kurikulum tersebut kerana hanya guru prasekolah sahaja yang tahu minat dan tahap pencapaian murid-murid mereka (Aliza & Zamri, 2014). Pendidikan di prasekolah bukan hanya mendidik dan membimbing murid mengenal asas-asas nombor dan huruf tetapi seharusnya menghasilkan sesuatu perubahan tingkah laku murid yang boleh membuat kehidupan mereka lebih selesa dan di senangi oleh masyarakat.

Selain dari memegang tugas mengajar, guru prasekolah juga diberi tugas-tugas umum seperti menguruskan persatuan, kelab dan sukan. Jika guru prasekolah tidak melaksanakan tugas seperti yang diarahkan, mereka akan rasa tersisih dari rakan guru yang lain. Pada waktu yang sama guru prasekolah juga melaksanakan tugas-tugas lain yang diarah dari semasa ke semasa oleh Pengarah Pendidikan Negeri (JPN) serta Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Senario ini juga boleh menjadi punca guru kurang

penumpuan dalam bilik darjah sekaligus menyebabkan pengajaran menjadi tidak terurus (Mohd Shahrizan, 2013). Situasi ini akan menyebabkan sumbangan dan komitmen terhadap tugas yang dipikul semakin berkurangan dan terhakis.

Namun begitu pentadbir mula mengagihkan tugas yang tidak sekata terhadap guru prasekolah (Abd Said, 2012). Walaupun KPM 2003 telah mengeluarkan surat arahan agar guru prasekolah tidak dilibatkan secara khusus dalam sebarang jawatan penting di sekolah. Pada awalnya pentadbir akur dengan pekeliling tersebut. Kini arahan pekeliling itu seperti diketepikan. KPM juga telah mengeluarkan pekeliling 403 bil 7 yang meminta pihak pentadbir agar tidak mengarahkan guru prasekolah mengajar di kelas lain selain dari kelas prasekolah. Namun kini ada sebilangan guru prasekolah menerima arahan mengajar di kelas lain terutamanya tahun satu. Dengan alasan guru yang mengajar di tahun satu berkursus atau cuti sakit (JPNS 2014).

Berikutan menghormati dan mentaati ketua, telah mengundang konflik emosi pada guru prasekolah. Aspek hubungan sosial mereka berkemungkinan akan menjadi renggang. Jika situasi ini berlarutan dan tidak ditangani segera, ia boleh memberi kesan negatif terhadap hubungan interpersonal antara ahli dalam sesebuah sekolah. Asraf Mubarak (2013) mendapati hubungan interpersonal di antara guru dengan guru atau guru besar dengan guru yang mesra, bersikap terbuka dan mempunyai komunikasi yang baik akan meningkatkan kepuasan kerja guru-guru.

Oleh itu setiap guru prasekolah haruslah mengutamakan tugas dan tanggungjawab ke atas murid prasekolah terlebih dahulu sebelum melaksanakan tugas lain. Justeru itu rapo bersama ketua jabatan dan rakan setugas haruslah dipelihara.

Berhubung tugas guru sebagai pengurus di bilik darjah pula adalah berbeza daripada guru besar yang banyak memberi tumpuan pada urusan pengurusan sekolah (Yilmaz et. al, 2012). Guru yang menganggap dirinya sebagai pentadbir pengajaran selalunya sibuk dengan urusan pengurusan manakala guru yang dianggap sebagai

pengurus pengajaran adalah mereka yang melibatkan diri dalam menyediakan matlamat pengajaran yang jelas (K.Anandan, 2012). Begitu jugalah hakikatnya dengan guru prasekolah yang bertindak sebagai pengurus pengoperasian dan pengurus pengajaran di bilik darjah.

Menurut Katzenmeyer dan Moller (2009) guru dilihat sebagai pemimpin di dalam dan di luar bilik darjah. Di kenal pasti menyumbang bakti kepada komuniti guru dan pemimpin; mempengaruhi orang lain untuk peningkatan amalan pengajaran; dan menerima tugas dan tanggungjawab sebagai pemimpin untuk kejayaan murid. Guru yang mempunyai sifat kepimpinan sentiasa bersedia menjalankan tanggungjawab dan tugas tanpa menunggu arahan dari pihak pentadbir (Norashikin et. al, 2013). Sebaliknya mereka tahu tindakan yang harus dilakukan dan mengikut hasrat dan matlamat yang disasarkan dengan sendirinya. Guru menjadikan kualiti pengajaran sebagai keutamaan di bilik darjah dan berusaha merealisasikan visi dan matlamat sekolah (Hallinger, 2003) malah menyediakan sumber pengajaran, mengurus kurikulum, menyediakan rancangan pengajaran dan membuat refleksi (KPM, 2010).

Oleh itu kepimpinan guru adalah berbeza dengan peranan yang dimainkan oleh pemimpin sekolah seperti guru besar (Ibrahim, M. Y. 2012). Menurut *Teacher Leadership Exploratory Consortium* (2011), guru yang terlibat dalam konteks kepimpinan boleh berperanan secara formal atau tidak formal. Guru tidak semestinya mempunyai kedudukan yang formal, sebaliknya mereka menjadi pemimpin kerana mereka dihormati oleh rakan sekerja, sentiasa ingin belajar, mudah didekati dan menggunakan kemahiran dan pengaruh secara berkumpulan dalam usaha meningkatkan amalan pengajaran sesama guru yang lain (Kamarudin, N., & Halim, L. 2012). Malah, mereka menjadi model kepada amalan yang berkesan, menggunakan pengaruh sama ada formal atau tidak dan sentiasa menyokong kerja secara berkolaboratif dan

berpasukan (Muhammad, F., 2012). Ini selari dengan pendapat Muijs, D. (2011) yang menyatakan bahawa “*Teacher leaders mentor others into leadership*”.

Kini pendapat yang mengatakan guru besar adalah satu-satunya pemimpin pengajaran di sekolah telah berubah (Northouse, P. G. (2018). Kepimpinan guru akan terserlah jika guru besar menyedari bahawa kepimpinan guru ini diberi perhatian (Kamarudin et.al, 2012). Guru dapat meningkatkan prestasi dan perkembangan profesionalisme mereka. Apabila kepimpinan mereka terserlah maka sekolah dan bilik darjah berfungsi dengan lebih baik. Kejayaan kepimpinan guru di bilik darjah boleh dinilai apabila guru berjaya melahirkan murid yang kompeten, inovatif, kreatif dan berkebolehan (Popa, B. M., 2012).

#### 2.4.3 *Penyediaan Jadual Waktu.*

Prasekolah memerlukan dua jadual utama dalam pengoperasiannya. Iaitu jadual waktu dan jadual menu. Jadual waktu disediakan untuk memastikan perjalanan aktiviti dibilik darjah dapat dilaksanakan mengikut tugas yang dipertanggungjawabkan. Perancangan jadual waktu adalah aspek penting untuk memastikan proses pdp berjalan dengan lancar. Perancangan pengajaran merupakan aspek yang penting untuk memastikan proses pengajaran berjalan dengan lancar dan berkesan. Masa pengajaran yang optimum diperlukan oleh setiap guru kerana menurut Jain (2017), guru adalah penyumbang secara langsung dalam penyediaan pengalaman pendidikan yang berkualiti kepada murid.

Jadual waktu adalah pernyataan mata pelajaran yang perlu diajar oleh guru dan dipelajari oleh murid pada setiap hari persekolahan. Jadual waktu juga mengandungi tempoh dan peruntukkan masa untuk mata pelajaran yang diajar. Jadual waktu diwujudkan adalah untuk menyelaraskan empat elemen iaitu murid, guru, bilik darjah dan tempoh. Jadual waktu yang dirancang perlu mematuhi kurikulum yang ditetapkan, tunjang yang diajar dan masa yang diperlukan untuk mengajar. Namun pelaksanaan

jadual waktu prasekolah di Malaysia adalah fleksibel (KPM, 2010). Penyediaan jadual waktu prasekolah adalah mengikut sepertimana yang telah dicadangkan oleh KPM. Namun ada juga yang diubah oleh sesetengah guru.

Walau bagaimanapun dapatan pemantauan KPM (JNJK) 2012, mendapati lebih 40% proses pengajaran tidak berlaku dibilik darjah kerana kerap berlaku perubahan jadual waktu. Malah ada guru yang masuk ke dalam kelas tetapi tidak melaksanakan pengajaran dan pembelajaran. Laporan JNJK (2012) itu disokong oleh kajian Jain (2017) mendapati penyediaan jadual waktu di prasekolah hanyalah sekadar memenuhi arahan ketua jabatan

#### **2.4.4 Penyediaan Jadual Menu.**

Amalan pemakanan yang berkhasiat penting untuk murid prasekolah kerana kualiti pemakanan mempunyai kesan secara langsung keatas pertumbuhan dan perkembangan serta kesihatan mereka pada masa hadapan. Menurut Walker (2001) pemakanan yang berkhasiat menghasilkan kesihatan fizikal yang baik dan menyumbang kepada kesihatan mental yang berkualiti. Kajian Jawatankuasa Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*World Health Organisation*) mendapati bahawa Negara-negara maju menunjukkan program kesihatan yang dijalankan di sekolah boleh mengurangkan masalah kesihatan, meningkatkan keberkesanan system pendidikan dan seterusnya kesihatan masyarakat, pembangunan sosial dan ekonomi (Finegold, J. A., Asaria, P., & Francis, D. P, 2013). Oleh itu prasekolah tidak dapat merawat murid yang mengalami masalah pemakanan yang tidak sihat tetapi prasekolah boleh memainkan peranan penting dalam membantu mencegah ianya bermula.

Lantaran itu amalan makan secara sihat adalah penting untuk murid prasekolah. Ianya bukan hanya penting untuk pertumbuhan dan perkembangan murid tetap juga untuk mereka kekal sihat, cergas dan aktif. Penyediaan jadual menu di prasekolah mengambilkira penggunaan empat nutrien asas makanan iaitu karbohidrat, protein,

lemak dan vitamin. Penyediaannya perlu seimbang untuk membolehkan murid memperolehi zat makanan yang berkualiti (KPM, 2018).

## **2.5 Pengoperasian Bilik Darjah Prasekolah.**

Pengurusan pengoperasian bilik darjah berkesan dapat membantu murid belajar dalam suasana yang selesa dan menyeronokkan. Pengoperasian prasekolah melalui dua peringkat iaitu harian dan bulanan (KPM, 2003). Peringkat harian adalah seperti mengambil kehadiran, membuat pentaksiran, Manakala peringkat bulanan adalah seperti mengemaskini rekod kewangan iaitu perbelanjaan yang telah digunakan, rekod kesihatan dan sebagainya.

Suasana adalah penting bagi mewujudkan kerja berkualiti. Oleh itu, setiap guru perlu melaksanakan perubahan susunan di bilik darjah untuk mewujudkan situasi pengajaran dan pembelajaran yang lebih memberangsangkan. Menurut KPM (2017), ruang dalam bilik darjah prasekolah seharusnya dibahagi kepada pusat pembelajaran agar murid bebas membuat pilihan ruang untuk menjalankan aktiviti. Pusat tersebut diwujudkan untuk membolehkan guru mempamerkan bahan bantu dan menyimpan alatan yang bersesuaian dengan aktiviti pengajaran guru dan pembelajaran murid.

Tunjang pembelajaran juga diwujudkan untuk memberi peluang murid meneroka persekitaran mereka. Bahan berkaitan mudah diambil dan disimpan oleh murid. Secara tidak langsung boleh membantu murid menguasai kemahiran asas seperti menyusun alat mengikut jenis, bentuk, warna dan sebagainya. Sebuah bilik darjah prasekolah perlu menyediakan pusat pembelajaran berdasarkan tunjang berikut:

- i. Tunjang komunikasi
- ii. Tunjang kemanusiaan
- iii. Tunjang ketrampilan diri
- iv. Tunjang fizikal dan estetika
- v. Tunjang sains dan teknologi



vi. Tunjang kerohanian, sikap dan nilai

Namun begitu PPDJJ melaporkan segala perancangan yang disyorkan oleh pihak Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) belum dilaksanakan sepenuhnya oleh guru prasekolah. Situasi ini berlaku kerana saiz bilik darjah yang disediakan adalah sama seperti bilik darjah di aliran perdana. Ruang yang kecil dan alatan perabot yang besar menyukarkan penyusunan pusat-pusat pembelajaran itu. Manakala lapan pusat perlu diwujudkan di pusat pembelajaran prasekolah. Oleh yang demikian guru prasekolah perlu menggunakan kreativiti mereka untuk memperkenalkan enam tunjang yang ditetapkan dalam kurikulum prasekolah (KPM, 2017).

Guru perlu bersedia membuat perancangan berkaitan susun atur di bilik darjah. Susunan yang baik seharusnya membolehkan guru memerhati semua murid dan murid pula boleh melakukan aktiviti dalam keadaan selesa (Noraini, 2013). Bilik darjah prasekolah juga seharusnya ceria dengan penggunaan warna yang pelbagai. Keadaan ini boleh menarik minat murid hadir ke prasekolah (Hall, C. 2013).

Untuk memastikan pengurusan bilik darjah yang baik, guru prasekolah perlu menyediakan peraturan di bilik darjah untuk melatih murid berdisiplin (Mohd Hasani et. al, 2009). Antara contoh peraturan yang perlu diwujudkan dalam sesebuah bilik darjah prasekolah ialah seperti peraturan sebelum memulakan sesi pengajaran pada setiap pagi, peraturan ketika makan, peraturan sebelum balik dan peraturan sebelum rehat. Manakala Gholami, L. (2015) menyatakan guru perlu yakin, tegas dan mengetahui tentang haknya untuk bertindak dalam menguruskan disiplin murid di bilik darjah. Oleh itu, guru perlu konsisten dengan apa yang telah ditetapkan tanpa ada pengecualian kepada murid.

Manakala susunan ruang dan keceriaan bilik darjah yang di tukar setiap minggu dapat menarik perhatian murid hadir ke prasekolah. Susunan ruang di bilik darjah prasekolah haruslah mengikut tunjang (KPM, 2017). Namun susunan itu boleh

digabungkan mengikut kreativiti guru. Sungguhpun begitu setiap tindakan penting yang dilakukan di bilik darjah perlu berpandukan pekeliling yang dikeluarkan oleh KPM (Raedah, 2014). Setiap guru perlu merujuk pekeliling sebagai panduan dalam menjalankan tugas di sekolah. Panduan itu termasuklah pengurusan fail, kewangan, penggunaan kurikulum, pentaksiran, tempoh masa mengajar dan aktiviti luar bilik darjah.

Aspek penggunaan akta pula, setiap guru di Malaysia tertakluk dengan akta pendidikan 1996. Begitu juga dengan guru prasekolah. Oleh itu salah satu tugas yang perlu disediakan di prasekolah ialah menyediakan Rancangan Pengajaran Tahunan. Salah satu cara yang telah diperkenalkan di Malaysia ialah *e-lesson* plan yang digunakan untuk membantu guru menyediakan rancangan pengajaran mereka. *E-lesson* plan lebih menjurus kepada penyediaan rancangan pengajaran secara *online* dengan menggunakan komputer. RPT dan RPH boleh disemak oleh pihak pentadbir.

Menurut Esah Sulaiman (2003), penulisan rancangan pengajaran secara *online* telah dibuktikan lebih kemas berbanding rancangan pengajaran secara konvensional. Bagi melaksanakan penulisan secara *e-lesson* plan, komputer dan kemudahan internet amat memainkan peranan dalam konteks kemudahan untuk guru mengemaskini rancangan pengajaran mereka.

Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Kluster membuat perangkaan 66% waktu pengetua digunakan untuk bermesyuarat dan hanya 0.71% waktu digunakan untuk pemantauan di sekolah. Hal yang demikian berlaku berikutan pengetua mempunyai banyak beban tugas yang ada ketikanya pengetua terlepas pandang terhadap isu pemantauan ini. Melalui pengaplikasian *e-lesson* plan dalam pengurusan sekolah dapat mengukuhkan pemantuan dalam pdp di sekolah. Selain itu *e-lesson* plan juga membolehkan berlakunya komunikasi dan perbincangan berbentuk global seperti pihak atasan boleh memantau secara terus perkembangan pengajaran

tanpa perlu ke sekolah dengan syarat individu tersebut mempunyai maklumat verifikasi penggunaannya sendiri.

### **2.5.1 Rancangan Pengajaran Tahunan.**

Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) adalah berdasarkan minggu persekolahan. RPT perlu disediakan pada awal tahun sebelum sesi persekolahan bermula. RPT berfungsi sebagai panduan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Rancangan awal perlu dibuat untuk tempoh satu tahun bagi setiap mata pelajaran. Begitu juga dengan prasekolah, guru prasekolah perlu menyediakan RPT dan tema-tema yang akan digunakan untuk tempoh satu tahun persekolahan.

RPT merangkumi tiga skop utama iaitu (i) kemahiran untuk setahun; (ii) senarai kemahiran-kemahiran; (iii) skop pelajaran; dan (iv) rujukan. RPT adalah satu panduan yang menyeluruh kepada semua guru dalam melaksanakan pengajaran. RPT boleh mencegah guru memesongkan fokus pembelajaran. RPT juga bertujuan untuk memastikan fokus pembelajaran adalah teratur mengikut keupayaan dan perkembangan murid. Pengurusan pengoperasian dan pengurusan pengajaran di bilik darjah juga terdedah kepada keadaan konflik terutama ketika guru membuat perancangan seperti takwim tahunan prasekolah dan pelaksanaannya. Struktur organisasi dalam jawatankuasa kurikulum, panitia, jawatankuasa ko-kurikulum dan struktur-struktur organisasi lain yang terlibat dengan prasekolah perlulah mampu menentukan tugas setiap guru dalam usaha mencapai matlamat prasekolah dan sekolah.

### **2.5.2 Pengurusan Pengajaran**

Pengurusan pengajaran pula membawa maksud guru yang sentiasa bertindak ke arah mewujudkan persekitaran kerja yang produktif dan memuaskan hati setiap muridnya serta sentiasa berusaha memperkembangkan pembelajaran mereka (Lihanna, 2005). Pengurusan pengajaran mempunyai pelbagai definisi yang digunakan oleh pakar-pakar pendidikan. Namun tidak terdapat definisi tunggal yang dipersetujui bagi

pengurusan pengajaran kerana pembangunannya amat pesat dan terdapat beberapa pengaruh disiplin dalam bidang lain seperti sosiologi, sains politik, ekonomi dan pengurusan umum.

Bev, F. & Dale, V. (2006), mentakrifkan pengurusan pengajaran sebagai satu bidang kajian dan amalan yang berkait dengan corak operasi sesebuah bilik darjah. Pengurusan pengajaran sebagai suatu fungsi eksekutif untuk melaksanakan dasar yang telah dipersetujui (Junaidah 2013). Manakala menurut Suhaimi (2004), pengurusan pengajaran adalah kajian yang berkaitan dengan operasi dalaman institusi pendidikan dan hubungannya dengan persekitaran. Oleh itu, pengurusan pengajaran ialah proses mendidik dan membimbing murid dalam pengajaran dan bertindak sebagai fasilitator. Pengurus pengajaran juga perlu mengetahui penggunaan alat bantu mengajar dan pengurusan kelas (Shahril, 2000). Secara tidak langsung seseorang guru itu harus menguasai ilmu dari pelbagai aspek termasuk ICT.

Pengurusan pengajaran juga merupakan proses pembentukan sesuatu dalam proses pengajaran serta usaha untuk mengekalkannya agar objektif yang ditetapkan tercapai (Nazatulshima, 2013). Pengurusan melibatkan pembinaan suasana pengajaran dan pembelajaran yang terbaik dalam bilik darjah bagi meningkatkan minat murid dan memperkembangkan sikap tanggungjawab serta kebolehan untuk membuat perancangan sendiri (Noraini Idris, 2001). Pengurusan pengajaran merupakan satu proses yang dirancang untuk menyampaikan ilmu pengetahuan di bilik darjah (Mokhtar, 2007). Oleh itu setiap guru perlu bertindak memperbaiki kelemahan yang ada bagi meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Pengurusan pengajaran merupakan salah satu elemen input dalam sistem sesebuah sekolah. Sementara pencapaian murid merupakan salah satu produk yang boleh diukur melalui pentaksiran. Oleh itu tindakan pengurusan perlu diambil apabila berhadapan dengan masalah yang dialami semasa mentadbir dan mengurus bilik darjah (Collay,

2011). Menurut Munira (2010) dan Khairul (2004) pengurusan ialah sains kepimpinan. Pengurusan sebagai sains kepimpinan ini merujuk kepada konsep dan metodologi yang dilaksanakan oleh seseorang akan membolehkan pemimpin itu meningkatkan keberkesanan kepimpinannya. Tanpa pengurusan, kepimpinan yang hebat mana sekalipun tidak akan mampu mengekalkan kesinambungan sesuatu institusi itu (Hamzah et al, 2014).

Walau bagaimanapun kepimpinan akan menurun prestasinya andai apa yang dibuat oleh pemimpin sebelumnya tidak dapat disambung atau diperbaiki. Tanpa proses memperbaiki kesilapan yang lepas pasti tidak ada kemajuan. Untuk menyambunginya mesti ada rekod untuk dirujuk yang merupakan satu daripada proses pengurusan yang penting.

Mengikut Stoner et al (2010), terdapat empat fungsi utama pengurusan iaitu merancang, mengelola, memimpin dan mengawal. Bagi fungsi merancang, ia melibatkan strategi untuk menentukan pencapaian objektif melalui pengajaran yang dijalankan dalam bilik darjah. Konteks pengurusan pengajaran ialah aktiviti mengurus pelaksanaan kurikulum dari aspek pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu guru perlu menentukan cara yang paling sesuai untuk mencapai objektif pengajaran yang telah dirancang. Kaedah perancangan perlu jelas dan direkodkan.

KPM melaksanakan program pendidikan prasekolah annex pada tahun 1992, sebagai projek rintis berdasarkan keputusan Jemaah Menteri pada 18 Disember 1991 yang telah bersetuju mewujudkan sebanyak 1,131 buah kelas prasekolah seluruh Negara yang lebih memberi fokus kepada sekolah luar Bandar dan purata pendapatan ibu bapa di bawah RM 500. Pada 6 Jun 2001, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju supaya KPM meneruskan program peluasan prasekolah mulai tahun 2002. Sejak daripada itu peluasan prasekolah telah dijalankan dari semasa ke semasa mengikut dasar sedia ada, NKRA Pendidikan dan juga cadangan peluasan dalam RM Ke10.

Pendidikan Prasekolah adalah satu program yang menyediakan pengalaman pembelajaran kanak-kanak yang berumur 4+ hingga 6 tahun dalam jangka masa satu tahun atau lebih sebelum memasuki ke Tahun Satu (Jain, 2017). Matlamat pelaksanaannya ialah untuk menyuburkan potensi murid dalam semua aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan masuk ke sekolah rendah.

Guru prasekolah harus mempunyai kemahiran konseptual dan proaktif di samping memahami hasrat yang terkandung dalam kurikulum yang disediakan oleh KPM. Perancangan perlulah mampu membuat ramalan dan menetapkan tempoh masa perancangan bagi membolehkan ia diukur sama ada tercapai atau sebaliknya (KPM, 2017).

Kenyataan yang dikeluarkan KPM, menyokong kajian James (2014) yang menemukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, pengurusan kurikulum, pengurusan panitia dan aktiviti-aktiviti ko-kurikulum yang melibatkan prasekolah haruslah dapat memenuhi matlamat organisasi. Dalam konteks kajian ini organisasi merupakan sebuah bilik darjah dan sekolah. Berasaskan struktur organisasi yang jelas maka pastilah seorang pengurus pengajaran akan bertindak dan melaksanakan tugas dengan lebih berkesan.

Konteks pengurusan pengajaran melibatkan guru yang memimpin bilik darjah prasekolah dalam melaksanakan pengoperasian dan proses pengajaran. Pengajaran guru yang berkesan dan mengikut kurikulum boleh dinilai melalui kepimpinannya (Jaafar, 2007). Guru perlu memikirkan cara terbaik untuk melaksanakannya. Guru juga harus bijak memimpin murid di bilik darjah. Pengawasan disiplin dalam pengajaran juga perlu diberi perhatian (Munira, 2010).

Guru di bilik darjah memainkan peranan sebagai pemimpin dan pengurus. Menurut Abdullah Sani et. al, 2007, mereka adalah pemimpin dan pengurus profesional

yang memainkan dua peranan yang amat saling bergantung antara satu sama lain, yang dinamakan sebagai kepimpinan dan pengurusan. Manakala Carroline (2014), menyatakan bahawa kepimpinan dan pengurusan tidak boleh dipisahkan dan sebarang langkah untuk memisahkan peranan tersebut adalah tidak tepat. Ini kerana peranan sebagai pemimpin dengan pengurus adalah saling berkaitan antara satu sama lain.

Pengurusan pengajaran juga merupakan satu konsep yang mempunyai pendekatan mengurus yang memberi penekanan kepada tingkah laku guru dalam aktiviti yang secara langsungnya memberi kesan kepada pembelajaran murid. Pengurusan ini juga yang melibatkan guru dalam bilik darjah termasuklah pemahaman tentang konsep pengajaran, kurikulum dan pentaksiran serta keupayaan mereka mempengaruhi budaya sekolah melalui jangkaan dan piawai yang tinggi untuk murid (Hallinger, 2003).

Seseorang guru harus bertindak dalam pengurusan pengajarannya untuk meningkat dan memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah (James Ang, 2012). Justeru, melalui gabungan pendekatan, tindakan dan keupayaan mempengaruhi, guru yang banyak memberikan tumpuan kepada pengurusan pengajaran di bilik darjah dapat mewujudkan pengurusan pengajaran berkesan dan menjamin kejayaan murid (Muhammad Faizal, 2009).

Menurut Wan Zah Wan Ali (2000) pula, pengajaran sebenarnya mempunyai pelbagai pengertian dan di ketegorkan kepada empat kategori, pengajaran sebagai:

- i. Menyampaikan maklumat
- ii. Memindahkan maklumat
- iii. Mendorong pembelajaran
- iv. Membina manusia yang lebih baik.

Pengajaran adalah proses dua hala diantara guru dan murid dalam memahami pelbagai pengetahuan yang diperlukan untuk membina insan sebenar. Penyelidik lain seperti (Noor Syuhaila 2003; Sugarman, 2010) memahami pengajaran sebagai proses bekerja

bersama dengan murid untuk membantu mereka yang berkebolehan dan berkemungkinan untuk belajar.

Proses ini melibatkan usaha mencari dan mengenalpasti kesalahan atau kekurangan penyampaian terhadap sesuatu yang diajarkan, mengambil tindakan untuk memastikan perubahan penyampaian dan mencipta konteks pembelajaran yang berkesan dan berkualiti (Rosnaini et. al, 2011). Pengajaran secara keseluruhannya merupakan salah satu cara untuk membimbing murid memperolehi ilmu dan pengalaman baru dan bermutu. Murid perlu dibimbing berfikir dan berusaha untuk mencari pengertian penemuan baru dalam pengajaran guru (KPM. 2010).

Dali, M. H. (2010) menyatakan kegagalan pengurusan bilik darjah bermula dengan persepsi terhadap keperluan teori dan amalan pengurusan yang telah mempengaruhi kurikulum pengajaran di bilik darjah. Fenomena ini telah memperakukan profesion perguruan membawa imej profesional yang dapat menentukan apa yang baik dalam pengurusan pengajaran dan apakah *design* yang sepatutnya ditonjolkan dalam pengurusan pengajaran di bilik darjah (Nurzatulshima, 2013). Akhirnya guru akan bertindak melaksanakan pengajaran dengan betul dan mengikut sukatan yang dibekalkan.

Sehubungan itu untuk memantapkan penyampaian ilmu, pengurusan pengajaran juga memerlukan sentuhan teknologi untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan ke arah melahirkan murid cemerlang (Hu, Xinyun, 2015). Di samping itu, guru juga perlu mempunyai kemahiran pengajaran yang tinggi supaya dapat memberi bimbingan yang efektif dalam sesi pengajaran di bilik darjah (Wan Roslina, 2012). Justeru itu dengan pengetahuan yang tinggi dan pengalaman yang diperolehi melalui pengajaran, guru prasekolah akan lebih dihormati dan seterusnya dapat memperbaiki amalan-amalan pengajaran dan pembelajaran agar dapat melahirkan murid yang cemerlang di dalam atau di luar bilik darjah.



Pelaksanaannya menjurus kepada pembangunan modal insan melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran yang memberi keutamaan kepada pengalaman, penglibatan aktif, selamat dan menyeronokkan (KPM, 2012). Prasekolah yang cemerlang mempunyai hubungan yang rapat dengan ciri-ciri pengurusan pengajaran berkesan (JNJK, 2018). Memperkatakan tentang bilik darjah yang cemerlang pula mencerminkan keberkesanan peranan dan fungsi pengurus pengajaran itu sendiri dan sebaliknya (Eneng, M. 2011).

Dalam usaha untuk mencapai keberkesanan pengurusan pengajaran di prasekolah, kepemimpinan dan kuasa guru sering dilihat sebagai faktor utama (Abdullah Sani, 2006). Justeru itu guru prasekolah harus memainkan peranannya sebagai pemimpin dibilik darjah kerana peranan itu amat penting dalam pengurusan pengajaran agar setiap ilmu yang disampaikan kepada murid itu berkualiti.

Kecekapan pengurusan bilik darjah seseorang guru berkait rapat dengan keberkesanan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (James Ang, 2014). Pengurusan bilik darjah boleh membina serta memupuk tingkah laku murid dalam bilik darjah agar proses pengajaran dapat dilaksanakan dengan sempurna dan lancar, manakala aktiviti penyampaian ilmu bertujuan agar murid dapat mencapai objektif khusus sesuatu pengajaran (Haliza & Joy Nesamalar, 2009). Pengurusan bilik darjah bererti bagaimana guru dan murid bekerja, dalam keadaan saling berkerjasama dan bagaimana proses pengajaran dan pembelajaran itu berlaku (Anuar, 2009)

### **2.5.3 Konsep Pengajaran di Bilik Darjah Prasekolah.**

Pendidikan Prasekolah adalah program pendidikan yang disediakan kepada kanak-kanak yang berumur 4+ hingga 5+ tahun. Tujuannya adalah untuk mengembangkan potensi murid secara menyeluruh, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan masuk ke sekolah rendah (KPM, 2012). Lantaran itu guru prasekolah harus memahami konsep pengurusan pengajaran yang

sesuai digunakan untuk murid prasekolah. Pengajaran yang sesuai diaplikasikan lebih berkonsepkan belajar melalui bermain (Mariani, 2014).

Konsep pengajaran di prasekolah adalah proses mendapatkan penyertaan, kerjasama, dan campurtangan murid untuk mencapai objektif-objektif pengajaran, termasuk proses merancang, mengelola, memimpin, dan mengawal bilik darjah. Bilik darjah sebagai tempat berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran, merupakan tempat yang terpenting di sekolah. Bilik darjah juga merupakan medan perjuangan utama kerjaya seorang guru (James Ang, 2014).

Konsep pengajaran yang ditekankan oleh KPM dalam KSPK adalah berpusatkan murid. Strategi berpusatkan murid merupakan strategi pengajaran dan pembelajaran yang mana murid memainkan peranannya dan penglibatan aktif dalam proses pembelajaran (KPM, 2017). Guru menjadi pemimpin yang membimbing murid prasekolah dan memperuntukkan lebih banyak masa dalam menjalankan aktiviti pembelajaran, sama ada secara berkumpulan atau individu.

Tinjauan kajian-kajian lepas yang dijalankan oleh Eneng (2011) menyatakan peranan guru dalam pengurusan pengajaran di bilik darjah adalah menjelaskan misi pengajaran, membina iklim pembelajaran murid yang kondusif, melaksanakan kurikulum dan memantau penguasaan murid. Tujuh langkah yang membawa kepada pengurusan pengajaran yang efektif seperti matlamat mewujudkan bilik darjah yang jelas, sedia membantu dan membimbing murid, mewujudkan budaya dan iklim bilik darjah yang kondusif, berkomunikasi tentang harapan sekolah dan mengekalkan tingkah laku yang positif terhadap murid dan ibu bapa (Bartlett & Thomas, 2004).

Beberapa faktor telah dikemukakan oleh pengkaji terdahulu iaitu membantu guru dalam pengajaran seperti perkongsian bersama visi dan misi yang jelas, pengurusan pengajaran berpandukan kurikulum, program pengajaran yang efektif, penilaian dan pentaksiran yang berterusan serta berkerjasama bersama ibu bapa (Graham, K. 2018).

Guru yang pandai mengurus pengajaran memudahkan muridnya memahami sesuatu konsep atau sesuatu kemahiran, manakala guru yang tidak pandai mendidik atau mengajar menyebabkan muridnya sukar memahami sesuatu konsep atau sesuatu kemahiran itu malah ianya akan menyebabkan pengajaran guru membosankan dan murid tidak memberi tumpuan dalam pengajarannya. Maka berlakulah masalah disiplin dalam bilik darjah (Sugarman, 2010). Oleh itu pengurusan pengajaran guru prasekolah yang sistematik akan mampu membantu melancarkan proses pengajaran dan sekali gus dapat mencapai objektif pengajaran yang dirancang (Rissing, 2009).

Sehubungan itu tumpuan pada pengurusan pengajaran di bilik darjah tidak akan tercapai jika proses penyampaian isi pengajaran dan disiplin murid diabaikan (Azizah, 2002). Eleman ini perlu di kuasai oleh guru prasekolah agar objektif pengajaran tercapai dan murid menunjukkan perubahan tingkah laku. Menurut laporan daripada *Asian Programme of Educational Innovation for Development* (APIED, 1983 dalam Olga, 2012) persekitaran pembelajaran tidak selesa dan sempurna, guru tidak beminat untuk mengajar, nisbah guru dan murid adalah tinggi dan sikap guru yang tidak ketahuhi telus atau sebaliknya dalam mentaksir dan melapor adalah merupakan perkaitan masalah pembelajaran murid. Kajian di Malaysia pula mendapati, masalah keciciran murid merupakan satu fenomena yang memberi impak kepada pembangunan modal insan (Abdull Sukor & Kalaidevi, 2012).

Manakala dari aspek isu kompetensi guru untuk mengajar murid prasekolah menguasai LINUS sering diperkatakan. Hal ini berlaku kerana tidak semua guru mendapat pendedahan kurikulum terkini. Situasi ini menyebabkan pengurusan pengajaran guru yang lemah (Goh, Pauline; Wong, Kung Teck; Osman, Rosma; Lin & Chia Yin 2012). Kajian lepas juga mendapati guru prasekolah tidak berminat mengajar di prasekolah dan mereka sekadar menerima tanggungjawab kerana jawatan yang

disandang adalah pengkhususan ketika di Institut Pengajian Tinggi dan juga arahan pentadbir sekolah (Gershunsky, & Pullin, 1990).

Oleh itu pengurusan pengajaran guru yang cekap mampu mengatasi masalah literasi dan numerasi (LINUS). Penggubalan Program LINUS membuktikan keprihatinan KPM terhadap penguasaan literasi dan numerasi dalam kalangan murid-murid (*NKRA Pendidikan*, 2010). Oleh itu Program LINUS digubal dengan matlamat, murid-murid Tahun 1 pada tahun 2010 menguasai 3M pada tahun 2012.

Mengikut data LINUS saringan satu yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, mendapati 29.5% murid prasekolah KPM gagal menguasai konstruk 1 dan konstruk 2. Konstruk 1 dan 2 adalah ujian mengenal bentuk dan nama huruf. Jadual 2.1 adalah data penuh saringan LINUS Negeri Sembilan (sila rujuk lampiran). Lantaran itu pengurusan pengajaran yang berkesan mampu meningkatkan pencapaian penguasaan murid. Seorang guru seharusnya mampu mengurus pengajaran dan mengawal tingkah laku murid agar proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dengan lancar (Hasani Dali & Mohd Johdi, 2009).

Menurut Bartlet and Thomas (2014) pengajaran yang diurus dengan baik adalah tempat dimana murid sentiasa mengambil berat dan bekerjasama di antara satu sama lain, membuat pilihan yang bijak dan sering berusaha untuk menghasilkan kerja yang berkualiti, menarik dan penting bagi mereka. Malah boleh mempengaruhi motivasi, tingkah laku serta penglibatan murid secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran (UNESCO, 2000).

Kesimpulannya, setiap guru prasekolah perlu memahami konsep pengurusan pengajaran di prasekolah kerana corak pengurusan pengajaran di prasekolah berbeza dengan pengurusan pengajaran di aliran perdana. Namun hubungan dengan pembantu dan ibu bapa murid harus dititik beratkan kerana mereka juga terlibat secara langsung dalam membantu melancarkan pengurusan pengajaran guru di bilik darjah. Begitu juga

hubungan dan komunikasi dengan rakan sejawat dan panitia. Rajah 2.1 menunjukkan tingkah laku pengurusan pengajaran yang berasaskan tiga perkara penting iaitu bercakap dengan rakan sejawat, mengadakan perbincangan bersama panitia dan memupuk refleksi dalam kalangan guru prasekolah.

Jadual 2.1

*Tingkah laku Kepimpinan Pengurusan Pengajaran dalam Kalangan guru*  
*Sumber: Blasé, J. (2001), Empowering Teachers What Successful Principal*

Perkara	Tingkah laku Kepimpinan Pengurusan Pengajaran
Bercakap dengan murid	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mewujudkan kepercayaan</li> <li>- Mewujudkan kerjasama</li> <li>- Berbincang dengan rakan sejawat tentang pengajaran pembelajaran</li> <li>- Mengekalkan visibility</li> </ul>
Mengadakan perbincangan profesionalisme bersama ketua	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memberi sokongan pada rakan sejawat</li> <li>- Memberi penghargaan dan pujian, menyokong dan melicinkan kerja</li> <li>- Menyediakan sumber</li> <li>- Memberi maklum balas dan cadangan</li> </ul>
Membuat Refleksi	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Diberi kuasa autonomi oleh pentadbir sekolah</li> <li>- Bersedia dikritik pengajaran yang telah dijalankan</li> <li>- Menggunakan kemahiran refleksi</li> </ul>

#### 2.5.4 Kurikulum Prasekolah

Pada 1991 prasekolah telah dimasukkan ke dalam sistem pendidikan di Malaysia. Ketika itu KPM membekalkan kurikulum pual untuk panduan guru prasekolah. Pada 2003 KPM mengeluarkan kurikulum prasekolah yang di namakan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (KPK). Pengenalan Dokumen Standard Kurikulum & Pentaksiran (DSKP) telah dibangunkan oleh KPM pada 2009. Manakala Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) mula digunapakai mulai 2010. Kurikulum Prasekolah memberi fokus untuk melahirkan murid yang kebolehan berkomunikasi dan

bersosialisasi dengan yakin. KSPK juga, menghasratkan murid prasekolah mampu menghadapi cabaran, menyelesaikan masalah, berkeinginan untuk belajar dan bersedia ke sekolah. KPM juga membangunkan cara penulisan standard prestasi dalam dokumen kurikulum bagi memastikan guru melaksanakan pentaksiran semasa PdP dengan merujuk kepada satu dokumen (KPM, 2010).

DSKP mengintegrasikan kurikulum dan pentaksiran dengan memberi penekanan kepada penyediaan Standard Kandungan (SK), Standard Pembelajaran (SP) dan Standard Prestasi (SPi). SK adalah pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. SP adalah penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan. Manakala SPi pula adalah kriteria yang menunjukkan tahap-tahap penguasaan murid sebagai petunjuk bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai. Menurut KPM (2017), guru perlu menggunakan tiga elemen tersebut untuk memandu pengajaran di bilik darjah. DSKP berperanan membantu memudahkan kerja guru dalam melaksanakan pentaksiran dalam pengajaran.

Selain DSKP, KPM juga membangunkan KSPK yang berperanan sebagai panduan guru untuk membantu perkembangan potensi murid berumur empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan bersepadu dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Elemen itu disepadu melalui persekitaran pembelajaran yang selamat dan menyuburkan serta aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna. Tujuannya adalah untuk meningkatkan kemahiran, menanam keyakinan dan membentuk konsep sendiri yang positif pada diri murid agar mereka bersedia ke arus perdana tahun 1 (IPGKTHO, 2018).

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang diperkenalkan pada 2010 bertujuan untuk memperkembangkan potensi murid berumur empat hingga enam

tahun secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Semua perkembangan ini diintegrasikan melalui persekitaran pembelajaran yang selamat dan menyeronokkan. Melalui kurikulum ini juga, kemahiran literasi dan numerasi asas dipertingkatkan, keyakinan dibangunkan dan konsep sendiri yang positif dipupuk dalam jiwa murid prasekolah. Ini bertujuan untuk menyediakan murid agar lebih bersedia menyesuaikan diri dengan persekitaran sedia ada dan menangani cabaran kelangsungan pembelajaran di bilik darjah.

Kurikulum prasekolah ini telah digubal semula berdasarkan rekabentuk kurikulum berasaskan standard, berbentuk modular dan mengandungi enam tunjang utama dalam pendidikan prasekolah. Antara tunjang-tunjang yang terkandung dalam kurikulum tersebut ialah komunikasi, kerohanian, kemanusiaan, ketrampilan diri, perkembangan fizikal & estetika dan sains & teknologi. Penggubalan kurikulum ini juga mengambil kira keperluan untuk memastikan kesinambungan antara KSPK dan KSSR (Kurikulum Standard Sekolah Rendah).

Pada peringkat prasekolah, proses pengajaran dan pembelajaran adalah berdasarkan kepada Amalan Bersesuaian dengan Perkembangan Kanak-kanak (ABP). Kurikulum prasekolah digubal berdasarkan kepada prinsip ABP dan teori pembelajaran kanak-kanak (KPM, 2010). Pendekatan pengajaran dan pembelajaran bersifat fleksibel tetapi terancang di mana semua murid terlibat secara aktif (KPM, 2010). Penglibatan aktif melalui pelbagai aktiviti individu, kumpulan mahu pun kelas sama ada di dalam atau diluar bilik darjah. Pendekatan pengajaran berpusatkan murid juga ditekankan dalam kurikulum prasekolah ini. Termasuklah inkuiri penemuan, pendekatan bertema, belajar melalui bermain dan pendekatan bersepadu ditekankan dalam kurikulum tersebut (KPM, 2010). Kurikulum prasekolah menggunakan dua pendekatan modul dalam pengajaran iaitu pendekatan modul asas dan modul bertema.

Secara umumnya modul asas bertujuan untuk penguasaan literasi awal 4M iaitu membaca, menulis, mengira dan menaakul. Manakala modul bertema pula dilaksanakan melalui tema yang membawa makna kepada kehidupan murid. Modul ini menyepadukan kesemua tunjang yang terkandung dalam kurikulum prasekolah termasuk pendidikan islam, moral, bahasa dan matematik. Pelaksanaan modul bertema ini juga melihat persekitaran murid agar mereka mudah faham dan menguasai pembelajaran. Suasana pembelajaran yang selesa, ceria dan selamat akan menggalakkan naluri ingin tahu dan sukakan cabaran yang seiring dengan fitrah semulajadi kanak-kanak.

Kajian Abd Halim (2014), menyatakan pengetahuan kandungan kurikulum guru amat penting untuk menyampaikan pengajaran kepada murid. Manakala Lihanna (2005) berpendapat penguasaan kefahaman isi kandungan kurikulum dalam kalangan guru prasekolah perlu ditingkatkan agar dapat memberi kefahaman kepada murid dalam proses pembelajaran. Dapatan kajian yang dijalankan oleh Baxtar, (2007) ke atas 850 orang murid prasekolah di Australia mendapati, terdapat hubungan yang akrab antara tahap pembelajaran kognitif murid dengan tahap pengetahuan kefahaman isi kandungan kurikulum dan pedagogi guru.

Ashnida, (2004) juga turut berpendapat bahawa guru perlu mengetahui bagaimana mempertingkatkan amalan pedagogi di bilik darjah agar objektif pengajaran dapat dikuasai oleh murid. Kajian ini disokong oleh Bordova, (2010) yang mengkaji kefahaman guru dalam konsep bermain di prasekolah. Kajian yang dijalankan oleh Abd Halim (2014), mendapati 75% dari guru prasekolah permulaan belum menguasai kefahaman kandungan kurikulum prasekolah.

Manakala kajian yang dilakukan oleh Tengku Zawawi, (2010), ke atas guru-guru matematik sekolah rendah. Kajian tersebut mendapati, guru masih menggunakan proses matematik yang berbentuk prosedur terutama dalam topik pecahan. Guru hanya



memberi pengetahuan tentang peraturan matematik dan tidak memberi alasan yang menyokong pengetahuan.

Aspek integrasi ICT dalam pengajaran pula, dapatan kajian yang dijalankan oleh Rosnaini, (2011), mendapati pengetahuan guru masih berada di tahap sederhana dalam memahami pengintegrasian ICT dalam pengajaran. Guru didapati boleh menggunakan alatan elektornik tanpa bantuan orang lain tetapi penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran kurang dikuasai. Terutama dalam menggunakan aplikasi internet dari segi komunikasi atas talian secara sinkornis seperti telesidang video dan chat. Rosnaini (2011), berpendapat guru perlu diberi peluang dan latihan dalam pelbagai bentuk kursus agar dapat memberi mereka peluang mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran ICT agar selari dengan perkembangan teknologi kini.

Oleh itu guru harus memahami kandungan kurikulum prasekolah dan hasrat yang terkandung di dalamnya. Jika kandungan kurikulum telah difahami maka guru boleh merancang pendekatan yang digunakan dalam pengajaran mengikut perancangan tema yang telah disediakan.

#### **2.5.4.1 Pendekatan Pengajaran.**

Pendekatan pengajaran merupakan corak yang digunakan untuk memulakan proses pengajaran sesuatu isi pelajaran, sesuatu mata pelajaran atau beberapa mata pelajaran atau sesuatu kemahiran (Asmah Morni, 2001). Jenis-jenis pendekatan akan wujud berdasarkan kriteria-kriteria yang digunakan dalam meneliti proses pengajaran. Pendekatan pengajaran mengikut cara pengelolaan murid, cara aktiviti dijalankan, keaktifan pengajaran guru atau murid dan kreativiti guru dalam pengajaran (Surayah Zaidon, 2003).

Guru perlu memastikan mereka menguasai sesuatu pendekatan yang digunakan sebelum mengajar perkara yang baharu kepada murid. Jika tidak, guru akan ‘syok sendiri’, manakala murid akan ‘tenganga’ (Zamri Mahamod & Magdeline anak Nor,

2012). Pendekatan pengajaran dalam pengelolaan murid adalah seperti pendekatan individu, pendekatan berpasangan, pendekatan kumpulan kecil atau besar dan pendekatan kelas (Aliza, 2011).

Pendekatan yang dimaksudkan tidak menyentuh kaedah yang digunakan dalam pengajaran. Guru bebas memilih kaedah yang difikirkan sesuai untuk setiap pendekatan yang digunakan (Magdeline anak Nor, 2008). Bagaimanapun corak pengajaran disampaikan akan lahirlah pendekatan induktif dan pendekatan deduktif. Pendekatan yang memberi tumpuan kepada guru dikenali sebagai pendekatan berpusatkan guru manakala pengajaran yang mementingkan murid dikenali sebagai berpusatkan murid. Pendekatan berpusatkan murid ini dihasratkan dalam kurikulum prasekolah di abad ini.

Pendekatan yang dipilih atau digunakan perlulah mengikut keperluan dan keupayaan murid. Pendekatan yang baik boleh membimbing dan memberi motivasi kepada murid untuk terus minat dan mempelajari tentang sesuatu perkara (Zamri, Rahimi, & Juliawati, 2009). Setiap pendekatan mengajar memberi gambaran tentang sesuatu pendapat atau pandangan tentang matlamat pengajaran. Melalui pendekatan pastilah guru dapat membuat tanggapan asas yang dijadikan prinsip dalam amalan bilik darjah. Antara diri pendekatan yang dicadangkan oleh Edward M. Anthony (1963) ialah:

- daripada konkrit ke abstrak
- daripada mudah ke susah
- daripada keseluruhan kepada pecahan bahagian
- daripada umum kepada spesifik (deduktif)
- daripada spesifik kepada umum (induktif)
- daripada diketahui kepada belum diketahui

Namun begitu terdapat pelbagai pendekatan yang sesuai digunakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di prasekolah. Antaranya pendekatan bertema,

pendekatan induktif, pendekatan deduktif, pendekatan elektif, pendekatan konstual, pendekatan masteri pendekatan masteri, belajar melalui bermain dan pendekatan teknologi maklumat.

Di prasekolah, guru menggunakan pelbagai pendekatan dalam pengurusan pengajaran di bilik darjah yang bersesuaian dengan perkembangan diri, keperluan, kebolehan, bakat dan minat murid (Mardziah, 2017). Oleh itu perlu menyediakan aktiviti dan bahan yang konkrit dan menarik supaya murid boleh melibatkan diri secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran perlu dirancang dan dikelolakan dengan lebih teliti dan ceria untuk menjamin setiap murid mendapat peluang yang sama dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Bodrova, 2012; Morrison, 2011).

Terdapat empat pendekatan yang digunakan dalam pendidikan prasekolah yang perlu diberi keutamaan oleh guru iaitu (i) Pendekatan Belajar Melalui Bermain, (ii) Pendekatan Bertema, (iii) Pendekatan Bersepadu dan (iv) Penggunaan ICT dalam Pembelajaran (KPM, 2010). Pendekatan belajar melalui bermain adalah pendekatan yang terancang dan berstruktur bagi memberi peluang kepada murid belajar dalam keupayaan kognitif, suasana yang menyeronokkan dan bermakna (Christidou, 2006). Pendekatan ini diberi penekanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana bermain adalah fitrah kanak-kanak (Mariani 2010). Melalui aktiviti bermain murid dengan gembira dan senang hati meneroka inkuiri penemuan baru melalui pengalaman secara langsung.

Manakala pendekatan belajar melalui bermain menekankan ciri-ciri yang seronok dan menggemirakan, penerokaan dan interaksi dengan persekitaran, permainan bebas dan terancang, kelonggaran masa dan percubaan idea sendiri (Sharifah Nor Puteh et. al, 2011). Dunia dan kerja kanak-kanak adalah bermain dan pada masa yang sama mereka belajar menerusi permainan (Mariani, 2010). Berbeza pula pada

tanggapan orang dewasa yang menganggap main ialah riadah untuk kesihatan tubuh badan. Kanak-kanak bermain tanpa mengikut arahan orang dewasa. Pembelajaran akan berlaku secara tidak langsung dalam permainan. Kanak-kanak akan membina kefahaman sesuatu konsep menerusi bermain sama ada konsep sosial atau kognitif.

Pendidikan prasekolah memberi penekanan kepada belajar melalui bermain dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Tajul (2004), pendekatan meneroka bagi memenuhi perasaan ingin tahu, kemahiran motor kasar dan halus, kemahiran inovatif. Penerokaan ini menekankan ciri-ciri berikut: (i) Aktiviti yang menggembirakan, (ii) Permainan bebas dan terancang, (iii) Kelonggaaan masa, (iv) interaksi dengan persekitaran dan (v) Percubaan idea sendiri. Kanak-kanak bermain dengan di arah oleh diri mereka sendiri tanpa mengambilkira tujuan bermain (Emily, 2008). Mereka juga bebas dari segala peraturan. Melalui permainan, kanak-kanak mendapat tingkah laku yang baru (Watanabe, 2011).

Pendekatan bertema pula adalah penguasaan pengajaran dan pembelajaran melalui tema yang dipilih bersesuaian dengan minat dan latar belakang murid. Tema yang dipilih dijadikan sebagai topik utama untuk menguasai sesuatu kemahiran seperti kemahiran bertutur, membaca, menulis, asas matematik, berfikir, emosi dan sosial (Donna M. Bagley et. al, 2009). Pendekatan ini juga akan memberi peluang kepada murid meluaskan pengetahuan mereka (Rohaty, 2003).

Pendekatan pengajaran bertema menyediakan isi kandungan dan rangka untuk menyusun aktiviti pembelajaran dan mengintegrasikan tunjang (KPM, 2010). Murid dapat membina kemahiran dan mempelajari topik-topik tertentu dalam skop yang lebih luas (Hye Jung Park, 2005). Peluang lebih terbuka untuk kanak-kanak menerokai pelbagai bidang pengalaman melalui penglibatan yang aktif dalam aktiviti yang dijalankan. Sharifah, (2011a), tema disusun berdasarkan minat kanak-kanak dan sesuai dengan latar belakang pengalaman dan tahap perkembangan mereka.

Pendekatan bertema juga melibatkan bidang yang luas tetapi tidak mendalam. Kemahiran yang berbeza tetapi tidak bertujuan untuk mendalami topik. Tema boleh dianggap sebagai rangsangan kearah pembelajaran (KPM, 2010). Namun begitu terdapat beberapa faktor perlu diambilkira dalam pemilihan tema. Antaranya tema yang dipilih haruslah mampu merentas semua tunjang, bersesuaian dan berkaitan dengan pengalaman dan kehidupan murid, sesuai dengan situasi, masa dan peristiwa (Olga, 2012).

Tema yang dipilih dijadikan sebagai bahan untuk menghubungkan pengetahuan dan kemahiran daripada beberapa tunjang yang berlainan. Pendekatan bertema juga dapat membantu guru merancang, melaksanakan aktiviti dan menyediakan bahan bantu untuk pengajaran secara berfokus (Lewin-Benham, 2008). Sebelum melaksanakan pendekatan bertema, guru perlu mengenalpasti tema yang hendak digunakan, menjana idea berkaitan tema, membina peta minda tema yang mengandungi komponen yang berkaitan dengan tema, menyediakan senarai aktiviti kepada setiap komponen yang berkaitan dengan tema, merancang iklim dan menyusun persekitaran bilik darjah (Clarie Hall, 2013)

Pendekatan bersepadu pula membantu murid memahami persekitaran kehidupan mereka. Mereka berlatih memahami bahawa dalam kehidupan sesuatu itu saling memerlukan di antara satu sama lain dan tidak terpisah (New. R, 2007). Mereka juga dilatih melihat pembelajaran secara menyeluruh dan tidak memisahkan pembelajaran kepada subjek yang berbeza. Pendekatan ini juga melibatkan kesepaduan antara beberapa kemahiran, nilai murni, aktiviti dalam kelas dan luar bilik darjah, aktiviti berfokuskan guru dan berfokuskan murid serta pelbagai kaedah dan teknik (Surayah Zaidon, 2003; Norhashimah, 2003).

Pendekatan ini juga menyediakan peluang untuk meneroka sesuatu topik dengan cara yang lebih mendalam, lebih banyak pilihan dan motivasi untuk kepuasan murid,

meningkatkan daya imaginasi dan kreativiti, meningkatkan kemahiran bahasa dan komunikasi serta menanam nilai murni di jiwa murid prasekolah (KPM 2010, 2012). Aspek yang disepadukan ialah kemahiran, teori, nilai, tunjang, teknik pengajaran di luar dan di dalam bilik darjah serta kaedah yang digunakan.

Guru perlu menggunakan pengalaman harian kanak-kanak dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Lee, Wai-Yee Margaret, 2001). Semua deria kanak-kanak terlibat secara langsung dalam pelbagai situasi yang merangsang pembelajaran di dalam atau luar bilik darjah. Misalannya dalam permainan kanak-kanak dapat memupuk nilai murni seperti bekerjasama, bertolak ansur dan berdisiplin. Pendekatan ini juga menggabungkan beberapa kemahiran seperti kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis dan menaakul (Aliza,2009; Morrison,2011). Pendekatan ini menggabungkan sekurang-kurangnya dua kemahiran yang perlu dikuasai oleh setiap murid.

Pembelajaran berbantuan komputer boleh menyediakan peluang pembelajaran yang berkesan kepada murid (Berglund, 2011; Klerfelt, 2010). Ia mampu memberi pengalaman pembelajaran dalam cara dan kadar yang berlainan untuk memenuhi keperluan setiap individu. Murid boleh menggunakan komputer secara berpasangan untuk menggalakkan mereka bersama-sama meneroka dan memperolehi pembelajaran. Penggunaan ICT boleh membentuk persepsi pemikiran murid (Mohd Arif, 2001; Lee 2001; Shukri, 2004). Guru juga digalakkan menggunakan alatan ICT sebagai bahan bantu pengajaran. Secara tidak langsung masa menulis RPH juga boleh dipendekkan.

Penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah boleh menarik minat murid bergerak aktif dalam bilik darjah (Rosnaini, 2011). Murid akan seronok dan minat jika guru bijak menggunakan berbagai animasi dalam pengajaran berbantuan komputer. Secara tidak langsung memudahkan murid merangsang minat dan kreativiti pemikiran. Menurut Karimah (2005), tumpuan murid adalah tinggi

semasa menggunakan ICT. Tidak dinafikan bahawa pengajaran berbantuan ICT merupakan satu strategi menyeluruh dalam menentukan tahap pencapaian murid.

Namun begitu, gaya dan kaedah pengajaran guru memainkan peranan penting dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Guru prasekolah perlu mencari idea yang lebih kreatif untuk meningkatkan minat serta memotivasikan murid untuk belajar. Penggunaan ICT hanyalah merupakan satu alat yang boleh membantu guru dan memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran (Burnett 2010).

Guru prasekolah tidak boleh menggunakan pendekatan yang sama terhadap murid yang berlainan. Ini kerana proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan tidak akan mencapai objektifnya. Sekiranya guru dapat mengenal pasti sifat atau keperluan murid-muridnya, maka guru akan dapat memilih dan menggunakan pendekatan yang sesuai supaya proses pengajaran dan pembelajaran berlaku secara lebih efisien. Sesuatu strategi pengajaran menggabungkan pelbagai kaedah dan pendekatan pengajaran akan mencapai kesan pengajaran yang optimum (Noraini, 2001). Justeru itu guru harus bijak menggunakan pendekatan dalam pengajaran kerana setiap murid berbeza cara penerimaan pembelajaran mereka.

Sementara itu, faktor luaran seperti keperluan pengajaran berdasarkan polisi dan kurikulum pendidikan negara juga turut mempengaruhi amalan pedagogi guru permulaan (Pavia, Nissen, Hawkins, Monroe, & Filimon-Demyen, 2003). Sebagai contoh, dalam satu kajian Mariani (2006) mendapati guru prasekolah terlalu memberikan penumpuan terhadap keperluan akademik murid sebagai ukuran prestasi kerja mereka. Ini disebabkan oleh kehendak KPM yang menetapkan syarat utama pencapaian murid prasekolah adalah melibatkan kemahiran (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009b). Perkara tersebut didapati bertentangan dengan saranan yang diberikan oleh *The National Association on the Education of Young Children* (2009) yang telah menetapkan bahawa amalan pedagogi guru prasekolah perlu merangkumi

keperluan perkembangan murid, iaitu melibatkan tahap umur dan perkembangan murid dan bukannya hanya melihat pencapaian akademik semata-mata. Oleh itu, kekurangan dari segi pengetahuan dan kemahiran mengajar boleh memberi kesan terhadap kualiti amalan pedagogi guru prasekolah.

#### **2.5.4.2 Buku Rekod Mengajar.**

Buku Rancangan Pengajaran Harian (RPH) ialah himpunan pelan tindakan guru sebelum mengajar. Berdasarkan pekeliling SPI Bil 3/1999, buku rekod mengajar wajib mengandungi dua perkara penting iaitu (i) Rancangan Pengajaran Tahunan dan (ii) Rancangan Pengajaran Harian. Rancangan Pengajaran Tahunan adalah rancangan yang dirangka berdasarkan takwim minggu persekolahan. Ia mengandungi isi yang ringkas mengenai rancangan pengajaran berdasarkan sukatan pelajaran yang dibekalkan.

Butiran yang perlu ada dalam rancangan tahunan itu adalah:

- (i) Tema tahunan
- (ii) Tema mingguan

Rancangan pengajaran harian pula adalah dokumen yang digunakan untuk pengajaran harian. Rancangan tersebut berdasarkan rancangan tahunan yang telah dirangka lebih awal. RPH perlu mengandungi:

- (i) Hari dan tarikh
- (ii) Tema minggu ini
- (iii) Masa
- (iv) Tajuk dan Objektif/kemahiran yang ingin dicapai
- (v) Aktiviti yang dijalankan
- (vi) Refleksi
- (vii) Nilai dan
- (x) Bahan bantuan mengajar

RPH juga adalah milik sekolah dan mesti dikembalikan dan disimpan oleh pihak sekolah sebelum cuti sekolah akhir tahun bermula. RPH dan bahan-bahan berkaitan



dengan penyediaan rancangan pengajaran tahunan perlu dikemukakan dengan serta merta apabila dikehendaki oleh pihak yang diberi kuasa seperti JNJK, PPD, JPN dan KPM.

Rancangan pengajaran merupakan rangka kerja aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk dilaksanakan oleh guru di dalam bilik darjah atau makmal, dalam satu jangka waktu yang telah ditetapkan (Shahril Marzuki, 2012; Abdullah Sani, 2006). Tujuan utama guru menyediakan rancangan pengajaran adalah untuk menjamin murid mencapai objektif pengajaran secara berkesan, di samping meningkatkan keyakinan guru untuk mengajar (Rosnani, 1998).

Buku rekod ini akan disemak oleh guru besar seminggu sekali. Namun penulisan buku rekod mengajar secara konvensional ini menyebabkan pentadbir mengalami kesukaran menyemak kerana kekangan masa. Bagi sekolah yang mempunyai ramai guru, guru besar hanya akan memeriksa buku rekod mengajar dalam jangka masa yang lebih panjang.

Penulisan persediaan pengajaran oleh guru lazimnya berpandukan skop dan sukatan pelajaran yang telah ditetapkan oleh KPM. Langkah ini penting dalam memastikan para guru mempunyai garis panduan untuk mengajar dengan lengkap dan teratur. Oleh itu, guru haruslah memastikan pengajaran yang disampaikan mengikut seperti yang dirancang. Dengan ini, guru akan dapat menyampaikan sesi pengajaran kepada murid dengan lebih berkesan dan efektif.

Begitu juga dengan penulisan buku rekod mengajar di prasekolah. Guru prasekolah juga terlibat dalam pekeliling SPI Bil 3/1999. Namun penulisan rekod mengajar ini telah mengalami perubahan seiring dengan kemajuan teknologi maklumat. Pembangunan sistem ini memudahkan guru menulis rekod mengajar selaras dengan Surat Pekeliling Iktisas Bil. 3 Tahun 1999 yang menyatakan rekod pengajaran dan

pembelajaran boleh disediakan dalam apa jua bentuk yang munasabah dan sesuai dengan teknologi semasa (KPM, 1999)

RPH prasekolah belum selaras untuk seluruh Negara (KPM, 2010). Seharusnya hal ini perlu di beri perhatian oleh pihak KPM agar matlamat prasekolah adalah sama dan selaras. Keselarasan itu perlu untuk menetapkan satu standard pencapaian murid prasekolah. Pendekatan pengajaran juga boleh diselaraskan jika pengurusan pengajaran itu di pandu dengan betul dan jelas (Ross, 2006). Oleh itu guru harus menulis RPH mengikut sukatan pelajaran yang telah disediakan dan merancang pendekatan yang akan digunakan dalam pengajaran.

Oleh itu, guru perlu menulis RPH setiap hari walaupun buku rekod tersebut tidak dibekalkan oleh KPM. Namun guru wajib menyediakan RPH kerana dokumen inilah yang akan disemak oleh pegawai di JNJK, PPD dan JPN jika diperlukan. Ringkasnya, guru mesti memahami isi kandungan kurikulum sebelum menulis RPH. Unit Prasekolah KPM telah memperkenalkan penulisan rekod mengajar secara atas talian untuk guru prasekolah bermula pada 2013. Namun adakah ini sesuai untuk guru prasekolah yang berkhidmat di luar bandar dan pedalaman. Umum mengetahui jaringan jalur lebar ini tidak menyeluruh ke kawasan pedalaman. Malah bekalan elektrik juga sering terputus dan mereka menggunakan generator untuk mendapatkan bekalan elektrik. Namun dapatan kajian yang dijalankan oleh Esah, (2003) penulisan rekod mengajar atas talian lebih kemas dan teratur berbanding rekod mengajar secara konvensional.

Oleh hal yang demikian, penulisan rekod mengajar yang tidak standard akan memberi kesan terhadap pengurusan pengajaran guru. Kajian yang dilakukan oleh Cloke, Sabariah dan Abdul Said (2006) terhadap amalan pedagogi guru di Malaysia mendapati bahawa guru-guru lebih suka menggunakan RPH dalam aktiviti pengajaran sebagai rutin harian dan bukan sebagai satu proses penambahbaikan. Guru juga didapati kurang mengamalkan inovasi bahan bantu mengajar melalui alat teknologi dan aktiviti

pembelajaran murid secara berkumpulan (Abd Halim 2014). Namun begitu KPM tidak membekalkan buku RPH, penulisan RPH terlalu rigid kepada tunjang (PPDJJ, 2015). RPH tidak dilengkapkan dengan sempurna kerana tiada standard penulisan RPH untuk prasekolah.

Sehubungan itu pihak pengurusan sekolah juga harus memantau pelaksanaan pengajaran di prasekolah agar pencapaian penguasaan perkembangan murid juga dalam pengetahuan mereka. Setiap kelemahan perlu dibincangkan agar produk yang dihasilkan dari prasekolah berkualiti dan bersedia ke sekolah rendah (JNJK, 2013). Pihak pentadbir juga perlu menilai semula tugas yang diberi kepada guru prasekolah yang dalam masa yang sama perlu menyempurnakan tugas hakiki untuk mengajar dan mengurus pengoperasian bilik darjah (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian KP (BS-Ren) 403/10/11 (7) 31 Julai 2008).

Berikut adalah domain pentaksiran prasekolah yang perlu di fahami oleh guru prasekolah kerana pentaksiran juga merupakan salah satu elemen penting yang terdapat dalam konsep pengurusan pengajaran di prasekolah.

#### **2.5.4.3 Pentaksiran.**

Pentaksiran merupakan satu proses mendapatkan maklumat dan seterusnya membuat penghakiman serta pertimbangan tentang produk sesuatu proses pendidikan. Pentaksiran merupakan satu proses pembelajaran yang merangkumi aktiviti menghurai, mengumpul, merekod, memberi skor dan menginterpretasi maklumat tentang pembelajaran seseorang murid bagi sesuatu tujuan (LP, 2003). Pentaksiran juga merupakan satu proses untuk mendapatkan gambaran tentang prestasi pembelajaran seseorang murid dalam sesuatu subjek atau aktiviti pembelajaran (Naimah, 2011) dan pentaksiran dijalankan secara berterusan.

Tujuan pentaksiran adalah proses untuk mendapatkan gambaran tentang prestasi murid dalam pembelajaran. Menilai aktiviti yang dijalankan semasa pengajaran dan

pembelajaran. Ia juga bertujuan untuk mendapatkan maklumat secara berterusan tentang pengajaran dan pembelajaran serta memperbaiki pengajaran guru. Merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang tersusun dan sistematik bersesuaian dengan tahap keupayaan murid juga merupakan tujuan diadakan pentaksiran di prasekolah. Secara tidak langsung guru boleh merancang dan melaksanakan aktiviti susulan dengan berkesan dan dapat memperbaiki kelemahan pengajaran guru.

Kualiti pentaksiran di bilik darjah yang diamalkan oleh guru prasekolah amat diberi perhatian. Tujuan utama pentaksiran dalam bilik darjah adalah untuk mendapat maklumat tentang kemajuan dan pencapaian seseorang murid (McMillan, 2008). Pentaksiran prasekolah dilaksanakan oleh guru-guru secara berterusan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Ia juga merupakan penilaian secara holistik yang menilai aspek kognitif (intelekt), afektif (emosi dan rohani) dan aspek-aspek psikomotor (fizikal) selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Terdapat enam standard yang ditetapkan dalam pentaksiran prasekolah (KPM, 2012). Namun, guru seharusnya merancang sebelum pentaksiran dilakukan supaya pentaksiran yang dilakukan lebih telus

Standard pentaksiran pertama ialah pentaksiran harus dijalankan konsisten dengan tujuan yang ditetapkan. Pentaksiran di prasekolah bertujuan untuk (i) mengenal pasti kecerdasan dan potensi murid bagi memperkukuhkan dan mempertingkatkan perkembangan mereka secara menyeluruh, (ii) mengenal pasti kelebihan dan kekurangan murid dalam pembelajaran dari semasa ke semasa, (iii) memberi maklum balas terhadap kemajuan murid dalam semua aspek yang dirangkumi dalam kurikulum prasekolah dan (iv) mengesan keberkesanan pengajaran guru.

Hasil dari pentaksiran membantu guru merancang tindakan susulan yang berkesan untuk mengembangkan potensi murid ke tahap yang lebih optimum dalam domain

kognitif, efektif dan psikomotor. Secara tidak langsung dapat membantu pembelajaran murid dan guru juga akan dapat memperbaiki pengajaran mereka.

Standard pentaksiran yang kedua pula ialah pentaksiran harus dijalankan keatas pengetahuan, kemahiran dan sikap yang dirangkumi dalam kurikulum prasekolah. Pentaksiran ini merangkumi semua tunjang yang digunakan dalam kurikulum termasuk penerapan nilai, pembentukan sikap, kesediaan sosial, penguasaan kemahiran, status kecergasan dan kecerdasan. Walau bagaimana pun aktiviti ko-kurikulum tidak boleh di taksir pada peringkat murid prasekolah kerana mereka belum menyertai aktiviti secara berdikari (Sharifah Nor, 2011).

Standard pentaksiran ketiga ialah pentaksiran dijalankan secara berterusan sepanjang masa. Standard keempat pula ialah kaedah pentaksiran harus sah dan sahih, sesuai dengan perkembangan kanak-kanak dan berasaskan kaedah saintifik. Kaedah haruslah berdasarkan penilaian berasaskan kriteria dan bukan perbandingan antara murid. Bererti tidak menggunakan penggredan dalam pentaksiran.

Antara kaedah yang digunakan dalam pentaksiran di prasekolah ialah pemerhatian berterusan dan penilaian hasil kerja. Proses menjalankan pentaksiran di prasekolah tidaklah terlalu rumit. Merekod secara sistematik berkaitan perkembangan, kebolehan, kemajuan dan pencapaian murid. Antara rekod yang digunakan dalam pentaksiran prasekolah ialah senarai semak, skala kadar, rekod anekdot, rekod berterusan dan portfolio. Namun pentaksiran yang popular dalam kalangan murid prasekolah ialah portfolio (Rohaty, 2009).

Standard pentaksiran prasekolah yang kelima ialah merancang tindakan susulan demi meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran serta membantu meningkatkan pengajaran guru. Hasil daripada pentaksiran juga boleh digunakan untuk memberikan laporan dan maklumat kepada ibu bapa mengenai kemajuan anak mereka. Standard

pentaksiran yang keenam pula ialah pentaksiran harus dijalankan dengan penuh etika dan hak asasi murid dipatuhi.

Hasil pentaksiran itu tidak boleh didedahkan kepada sesiapa kecuali kepada ibu bapa dan pihak tertentu sahaja. Pada usia murid prasekolah, kebolehan dan kemajuan murid amat dipengaruhi oleh kadar pertumbuhan mereka. Label yang diberi pada murid pada usia ini akan meninggalkan kesan negatif dan sekaligus menyumbang pada perkembangan yang tidak sihat. Murid di usia prasekolah ini memerlukan banyak motivasi dan penghargaan daripada guru dan orang dewasa di sekeliling mereka.

Kajian yang dilakukan oleh Kajian Sylvia Chong, (2009) mendapati majoriti guru mengakui mereka kurang mahir dalam semua isi kandungan kurikulum dan ini secara tidak langsung menjejaskan pelaksanaan pentaksiran. Proses pentaksiran memerlukan guru menilai perkembangan murid secara berterusan dan menyeluruh. Masalah timbul apabila terdapat guru yang tidak mempunyai kemahiran dari segi teori dan amali serta ada sesetengahnya merupakan guru bukan opsyen (Abdul Said Ambotang dan Susie Ivangella @ Doivit. (2012).

Kajian Asmah Morni (2001), berpendapat guru perlu berilmu khususnya dalam bidang mata pelajaran yang diajar. Oleh itu, guru-guru mata pelajaran perlu sentiasa melengkapkan diri dengan kemahiran dalam bidang berkaitan bagi membolehkan mereka berkeyakinan menyampaikan isi pelajaran di bilik darjah.

Kajian yang dijalankan oleh Asraf (2013), mendapati beberapa faktor yang menghalang dan mengehadkan pelaksanaan PBS. Faktor guru adalah yang paling penting dalam melaksanakan sesuatu pentaksiran. Dapatan kajian tersebut menunjukkan guru-guru mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran yang sederhana tinggi dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Masalah yang dihadapi oleh guru-guru Kemahiran Hidup ialah tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menyelia dan membimbing murid serta menganggap proses melaksanakan pentaksiran

mengganggu tugas-tugas yang lain. Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Kyriacou, C. & Chien, P. (2004), yang menunjukkan bahawa jadual waktu guru-guru yang agak padat menyukarkan guru untuk melaksanakan pentaksiran.

Justeru, guru prasekolah perlu menguasai kandungan kurikulum sebelum melaksanakan pengajaran dan pentaksiran ke atas murid prasekolah. Guru harus adil dalam menjalankan pentaksiran dan tidak bias. Segala maklumat pentaksiran hanya boleh disampaikan kepada ibu bapa dalam perjumpaan bersama waris prasekolah. Dalam hal ini guru prasekolah perlu memiliki integriti yang tinggi.

#### **2.5.4.4 LINUS.**

Pada 2006 KPM memperkenalkan program Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M) yang bertujuan untuk memastikan murid tahun satu menguasai 3M (PIPP, 2006-2010). Namun pada 2009 seramai 85,000 murid tahun satu belum menguasai 3M. Rentetan itu KPM menetapkan semua murid normal yang bersekolah di sekolah rendah boleh menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M) ketika melangkah ke tahun empat sebelum 2013.

Menurut Tubah (2006) yang mengkaji tahap penguasaan dan bentuk kesukaran membaca dan menulis murid KIA2M, mendapati tahap dan bentuk kesukaran membaca dan menulis adalah pada aras sederhana lemah. Oleh itu beliau mencadangkan kaedah pengajaran guru perlu lebih berfokus kepada aktiviti dan murid di dalam bilik darjah. Sehubungan itu juga, Mohd Israfi (2010) telah membuat kajian untuk mengetahui tahap penguasaan murid KIA2M dalam aspek membaca dan menulis di beberapa buah sekolah di negeri Melaka. Kajian tersebut mendapati masih ramai murid yang telah menduduki kelas prasekolah tidak menguasai kemahiran membaca dan menulis.

Manakala Nazariyah (2014) pula mendapati masalah literasi dan numerasi masih berlaku dalam kalangan murid sekolah rendah di Malaysia dan luar Negara. Oleh itu beliau mencadangkan pengajaran kemahiran membaca menerusi lagu dan muzik. Oleh

itu melalui 97andate dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara/*National Key Result Area* (NKRA), KPM telah melaksanakan Program LINUS/ Literacy and Numeracy Screening (Saringan Literasi dan Numerasi). KPM telah menggubal banyak program seperti Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M), Program Tiga M (PROTIM) iaitu membaca, menulis dan mengira yang dijalankan selepas Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) sebelum Program LINUS dilaksanakan.

Definisi literasi adalah keupayaan membaca, memahami perkataan dan menulis ayat tunggal serta ayat majmuk dalam Bahasa Malaysia. Perkataan yang dibaca dan ditulis itu boleh digunakan dalam pembelajaran dan komunikasi harian. Manakala definisi Asas Numerasi pula ialah keupayaan untuk memahami idea matematik mudah, menyelesaikan operasi asas matematik dan mampu menggunakan kemahiran matematik dalam kehidupan seharian.

Oleh itu, guru prasekolah di saran untuk sama-sama bertindak sebagai penggerak program ini dan seharusnya mereka mempunyai sikap dan aspirasi yang cemerlang (Abdul Rasid Jamian, 2011). Untuk itu Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) telah membina modul pengajaran LINUS dan terdapat beberapa prinsip didalamnya. Antaranya adalah didik hibur, latihan dari mudah ke susah, ansur maju, latihan interaktif, pengulangan kosa kata dan belajar melalui bermain.

Namun mengikut laporan LINUS yang dikeluarkan oleh KPM 2015, bilangan murid yang mendapat pendidikan prasekolah KPM paling ramai mengikuti program LINUS berbanding murid yang mendapat pendidikan di prasekolah swasta, KEMAS dan Perpaduan. Semua murid yang baru melangkah ke Tahun 1 menduduki ujian LINUS Saringan 1. Tujuannya adalah untuk menilai tahap penguasaan kemahiran asas mereka pada setiap awal tahun. Program ini dikendalikan oleh guru Bahasa Malaysia, Matematik dan Pemulihan (Ruzimah, 2013).



Oleh yang demikian sebagai guru prasekolah pastinya berhadapan dengan tekanan dari murid yang datang dari pelbagai latar belakang. Penyebab tekanan kepada guru ialah prestasi diri sendiri, bebanan tugas yang melampau, kurang motivasi, persekitaran tempat kerja dan hubungan rakan sekerja (Normarini, 2011). Misalannya, tekanan guru dalam memastikan murid mereka menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira seterusnya mencapai kemahiran itu secara kekal. Guru Prasekolah juga perlu mahir mengawal emosi mereka agar dapat menjalankan tugas dengan cemerlang dan boleh mewujudkan suasana bilik darjah yang lebih ceria dan kondusif.

#### **2.5.4.5 Bahan Bantu Mengajar.**

Sejajar dengan perkembangan dunia teknologi maklumat yang semakin berkembang dewasa ini. Penggunaan BBM juga berkembang daripada menggunakan papan tulis bertukar kepada yang lebih canggih iaitu penggunaan komputer, CD, bahan elektronik dan sebagainya (Abd Aziz & Azlida, 2000). Bahan bantu mengajar (BBM) adalah alat yang dapat membantu proses pengajaran seseorang guru (Siti Fatimah & Abd Halim, 2010). BBM tidak terhad kepada buku, papan tulis 98anipul-kad bergambar sahaja tetapi merangkumi semua alat yang digunakan dalam pembelajaran yang boleh dilihat, dibaca, dipegang, dikisahkan, dirasa, didengar, dihidu, digunakan dan sebagainya. BBM merupakan apa-apa saja yang dialami oleh murid (Kamaruddin Hj. Hussin, 1986)

BBM terbahagi kepada lima kumpulan iaitu (i) alat pendengaran, (ii) Alat pandang, (iii) alat pandangan, (iv) media elektronik dan (v) media bukan elektronik. Setiap BBM boleh digunakan dengan pelbagai cara (Kamarudin Hj Husin, 1986). Kamarudin juga mengkategorikan media elektronik seperti filem pelajaran, pita video, filem jalur-slaid, LCD. Manakala bahan yang tidak menggunakan media elektronik seperti suara, gambar, carta model, buku, kad imabasan dan sebagainya. BBM yang bercorak pengalaman pula adalah seperti lakonan, lawatan, projek dan pameran.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, BBM amat penting untuk memastikan proses pengajaran guru dapat berjalan dengan lancar kerana murid akan dapat menerima isi pengajaran itu dengan bantuan BBM. Oleh itu, BBM sangat penting untuk (i) mengawal disiplin di bilik darjah; (ii) meningkatkan daya ingin tahu murid; (iii) membantu murid memahami secara lebih dalam mengenai isi pengajaran; (iv) membantu ilmu yang diperolehi kekal dalam ingatan dan (v) membantu menarik minat murid dalam pdp guru.

Sehubungan itu kemahiran mengendalikan BBM dalam pdp juga dikuasai oleh guru. Kemahiran merupakan kecekapan atau kepandaian guru untuk melakukan sesuatu. Tanpa kemahiran sukar untuk seseorang guru itu mengendalikannya. Memilih BBM guru seharusnya mahir dalam menilai keperluan atau sumbangan bahan bantu dalam pengaplikasiannya dalam pdp. Guru seharusnya menekankan semua kriteria dalam pengajaran dan pembelajaran. Antara kriteria pemilihan BBM adalah:

1. BBM seharusnya sesuai dengan isi pengajaran dan berkait rapat dengan fokus dan hasil pembelajaran.
2. BBM hendaklah hasil reka bentuk sendiri dan mengandungi idea yang menarik dan tersendiri
3. BBM perlu tahan lama dan boleh digunakan dalam aktiviti murid dalam permainan.
4. Penyediaan BBM tanpa menggunakan kos adalah digalakkan.
5. Saiz BBM haruslah sesuai dan mudah di simpan. BBM yang besar dan berat akan meyakinkan kelancaran pengajaran guru dan ruang penyimpanan juga terhad.

Oleh itu jenis BBM yang boleh di prasekolah adalah seperti Carta, Model, LCD dan Multimedia. Alat dengar seperti radio, pita rakaman amat sesuai untuk pembelajaran yang berkehendakkan penguasaan kemahiran yang tertentu seperti awal bacaan. CD dan televisyen sesuai digunakan untuk memerhatikan aspek-aspek khusus

demonstrasi yang berhubung dengan penguasaan kemahiran tertentu seperti pergerakan amali dalam sembahyang.

BBM juga berfungsi sebagai bahan tambahan kepada penyampaian pengajaran secara lisan. Penggunaan BBM turut memberi peluang kepada murid untuk memperoleh pengetahuan melalui penggunaan pelbagai deria. Kualiti sesuatu pelajaran yang berpusatkan murid amat bergantung pada keberkesanan guru memilih dan mengendalikan alat BBM yang sesuai. Walau bagaimanapun, BBM tidak akan berfungsi jika guru sendiri tidak menggunakan bahan tersebut dalam pengajaran. Oleh itu guru bertanggungjawab memberi kefahaman kepada setiap murid mengenai ilmu dan kemahiran yang disampaikan.

Penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) di prasekolah juga digalakkan menggunakan bahan 100 anipulative. Ramai dalam kalangan guru khususnya guru prasekolah mengakui bahan 100 anipulative adalah alat penting dalam pembelajaran pada peringkat umur 4+ dan 5+. Menurut Piaget (1952), kanak-kanak memerlukan pengalaman konkrit untuk memahami 100 anipu atau istilah. Pada peringkat operasi konkrit ini pemikiran kanak-kanak belum terbina sepenuhnya.

Bahan manipulatif membantu murid membina dan mengasah mental dengan lebih jelas untuk memahami idea dan konsep (Weiss, 2006). Pelbagai BBM diguna sebagai cara untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan dan berkesan. Penggunaan BBM dalam pengajaran amat penting kerana dapat membantu pengajaran guru dengan lebih mudah dan menarik.

#### **2.5.4.6 Integrasi ICT.**

Inisiatif mengintegrasikan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran adalah selaras dengan kemajuan sains dan teknologi dewasa ini. Dalam konteks pengajaran guru, ICT berperanan sebagai alat demonstrasi. Integrasi ICT dalam pdp memberi peluang kepada guru memperkenalkan pembelajaran secara kontekstual di bilik darjah.

Pembelajaran berfokus dalam konteks aktiviti masalah sebenar dan membiarkan murid sebagai penyelesaian masalah (Rosenberg, 2001). Melalui ICT murid dapat menguasai pelbagai kemahiran manipulatif seperti kemahiran memproses imaginasi dan perkataan.

Selaras dengan kemajuan sains dan teknologi ini, terdapat beberapa perubahan telah berlaku sejak kebelakangan ini di mana guru-guru di rantau Asia dikehendaki memperingkatkan kemahiran menggunakan alat teknologi maklumat dalam pengajaran mereka (Johan Eddy, 2005). Perubahan ini adalah kesan transformasi polisi kerajaan berkaitan teknologi maklumat di prasekolah. Di Negara benua Eropah, ICT dianggap sebagai ejen yang boleh membantu murid meningkatkan potensi dan kemahiran belajar murid.

Sehubungan itu, sekolah bestari yang diwujudkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia adalah satu langkah bijak seiring negara-negara lain di Asia seperti Hong Kong, Australia dan Singapura yang telah mengaplikasikan ICT di sekolah (William, 2000). Tindakan mengapikasi ICT dalam pengajaran dilihat sebagai gabungan multimedia yang boleh menjana pendidikan lebih komprehensif. Pengajaran berbantuan teknologi telah mula diperkenalkan di Malaysia sejak tahun 1992 melalui Program Komputer Pendidikan.

Melalui program ini sebanyak 21 buah komputer telah diagihkan ke 60 buah sekolah menengah di Semenanjung Malaysia yang telah dibina makmal komputer. Manakala program Computer Aided Instruction pula telah diperkenalkan di 15 buah sekolah rendah di Selangor pada 1994. Perisian Microsoft Windows 3.1 dan beberapa perisian lain juga telah diedarkan untuk pengajaran guru dengan memperuntukkan 21 buah komputer di negeri tersebut. Manakala Blue Print Pendidikan Kebangsaan, Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperuntukkan 123,725 buah komputer dan 3,205 pusat akses Internet di semua sekolah seluruh negara (The Star, Julai 2007). Ini membuktikan KPM serius dalam usaha mengintegrasikan ICT dalam pengajaran.

Sehubungan itu dunia pengajaran di prasekolah juga banyak berbantuan teknologi, sejauh manakah suasana pembelajaran yang dihasratkan boleh menjadi realiti dalam dunia pendidikan prasekolah di Malaysia. Ini juga merupakan isu yang perlu di ambil perhatian apabila teknologi diintegrasikan dalam pendidikan di prasekolah. Guru dan pentadbir perlu memahami keperluan berkenaan supaya mereka yakin pengajaran yang disampaikan berkesan dan mencapai objektifnya. Setiap guru prasekolah harus diberi peluang mengikuti kursus berkaitan untuk menambah ilmu dalam pengintegrasian ini (Karimah, 2005).

Walaupun penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran sudah lama diperkenalkan di Malaysia, namun masih terdapat guru yang tidak mengambil berat penggunaannya dalam pengajaran. Kebanyakan guru lebih selesa dengan kaedah tradisional dalam bilik darjah. Malah ramai guru mengaku tidak mengintegrasikan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran (Md. Nor Bakar & Rashita A. Hadi, 2011).

Kajian yang dijalankan oleh Rosnaini (2011) mendapati guru yang lama mengajar perlu diberi lebih perhatian kerana mereka memerlukan lebih banyak masa untuk kesediaan mengintegrasikan ICT dalam pengajaran. Hasil kajian yang dijalankan oleh Lee, (2009) mendapati guru lelaki lebih cenderung menggunakan ICT dalam proses pengajaran berbanding guru perempuan. Tahap kesediaan guru sekolah menengah masih rendah dari segi penggunaan ICT dalam pengajaran (Abd Rahman, 2000). Isu-isu seperti ini seharusnya ditangani terlebih dahulu sebelum memulakan sesuatu perubahan dalam kurikulum.

Manakala dapatan kajian yang dijalankan oleh Sandra (2013), mendapati 67% daripada responden tidak memiliki kemahiran dalam bidang pengkomputeran. Beliau berpendapat guru perlu mempunyai inisiatif melengkapkan diri dengan ilmu ICT sejajar dengan perkembangan teknologi kini. Seramai 83% responden telah menghadiri kursus jangka pendek. Kursus seumpama ini tidak cukup memberi keyakinan kepada guru

prasekolah mengaplikasikan ICT dalam pengajaran. Dapatan kajian ini menyamai dapatan kajian Rosnaini (2011) yang menyatakan guru kurang berpengetahuan dan kemahiran menggunakan komputer dan akhirnya tidak menggunakan komputer dalam pengajaran.

Justeru kolaboratif ICT dalam kurikulum prasekolah menekankan pengajaran guru menggunakan kaedah ABP seperti yang terkandung dalam KSPK. ABP ini dijalankan mengikut peringkat umur murid (KPM, 2010). Namun tidak semua guru prasekolah berpengetahuan menggunakan kaedah ini (Aliza, 2015). Akibat tidak diberi pendedahan oleh JPN dan PPD maka pengajaran di prasekolah berlaku sama seperti murid tahun satu di aliran perdana.

Rentetan itu strategi integrasi ICT dalam pengajaran dan pembelajaran bukan hanya terletak di bahu guru semata-mata tetapi juga pentadbir sekolah. Pentadbir berperanan penting dalam membentuk integrasi ICT di sekolah. Pentadbir juga perlu bertindak sebagai model pengguna ICT dalam pengurusan dan memberi respons kepada perubahan. Sehubungan itu guru dapat menguasai ICT secara lebih progresif dan pengajaran guru juga lebih menyeronokkan. Malah murid juga belajar dalam suasana yang lebih mencabar. Oleh itu pengajaran berbantuan teknologi ini juga membolehkan murid mendapatkan maklumat daripada ensaiklopedia multimedia atau bahan-bahan daripada internet (Haynes & Holmevik, 1998).

## **2.6 Tugas sampingan di prasekolah**

Di sekolah, guru besar merupakan ketua organisasi dan pentadbir yang menduduki hirarki teratas dalam struktur pengurusan sekolah. Guru besar bertanggungjawab terhadap tugas pengurusan murid. Dalam konteks pengurusan pengajaran, tugas pentadbir ialah memastikan pengajaran dan pembelajaran berlaku di bilik darjah dan semua perancangan yang disusun berjalan lancar. Namun pentadbir turut menerima tugas dari JPN dari semasa ke semasa.

Lantaran itu sekolah kini menjadi media penerapan budaya untuk pelbagai program anjuran jabatan hingga menyebabkan guru terpaksa memberi lebih tumpuan kepada program tersebut. Program yang sering diadakan di sekolah adalah kempen keselamatan jalan raya, kempen anti dadah dan sebagainya. Akibatnya pentadbir banyak terlibat dalam melayani kempen-kempen tersebut sehingga pengajaran dan pembelajaran ada kalanya terjejas.

Etika perguruan menetapkan setiap anggota pendidik perlu akur pada arahan pekeliling yang dikeluarkan. Sama ada dari KPM, JPN, PPD atau pihak pengurusan sekolah itu sendiri. Olahan dan pindaan pekeliling yang terlalu kerap boleh mengganggu kepada pelaksanaan tanggungjawab guru (Mohd Abd Rahman, 2004). Bancian yang dijalankan oleh The Star (2010) terhadap 725 orang guru, di dapati 98 peratus daripada mereka memilih untuk bersara awal. Sampel dalam kajian tersebut berpendapat bersara awal adalah lebih baik dari terus terbeban dengan tugas sampingan akibat karenah birokrasi, keadaan kerja yang tidak memuaskan dan tiada komitmen daripada rakan sejawat atau pentadbir sekolah.

Berikut adalah tugas sampingan yang dilakukan oleh setiap guru prasekolah di Malaysia dan Jadual 2.1 menunjukkan senarai tugas guru prasekolah kini

- i. Pengurusan Kokurikulum
- ii. Pengurusan Murid
- iii. Pengurusan Prasarana
- iv. Pengurusan Kewangan
- v. Pengurusan Pembantu Pengurusan Murid

*Analisis Tugas Hakiki Dan Tugas Sampingan Guru Prasekolah*

Jadual 2.1

*Kekerapan Tugas Pengurusan Guru Prasekolah*

Bil	Senarai Tugas GPS	Kekerapan Tugas GPS				
		Tahunan	Semester	Bulanan	Mingguan	Harian
A	<b>PENGURUSAN</b>					
1	SMPK		1			
2	Kewangan	1				
3	Sistem pengurusan fail		2			
4	Pengurusan Perbelanjaan Bulanan Prasekolah			4		
5	Mesyuarat Pengurusan bersama PPD			1		
6	Mesyuarat Pengurusan bersama sekolah			1		
7	Mesyuarat Waris		2			
8	Penyelenggaraan dan pelupusan	1				
9	Profail Murid prasekolah				1	
10	HRMIS		1			
11	SPLG		1			



12	Jadual Waktu Kedatangan					1
13	Rekod Kesihatan Murid		1			
14	Pengurusan 3K (Keceriaan, Kebersihan & Keselamatan)				1	
15	Kebajikan Murid Prasekolah					4 jam
16	Pemilihan kemasukan murid ke prasekolah	1				
17	Serana Ibu bapa		1			
18	Membantu belanjawan mengurus				1	
19	Transisi murid prasekolah ke tahun satu	1				
20	Merancang Menu			1		
21	Pembimbing PPM					1
22	Pengurusan Prasarana		1			
JUMLAH KEKERAPAN		5	10	7	2	3

<b>B</b>	<b>KURIKULUM</b>	Tahunan	Semester	Bulanan	Mingguan	Harian
1	Buku Rekod Pengajaran (Rancangan Tahunan)	1				
2	Buku Rekod Pengajaran (Rancangan Mingguan)				1	
3	Buku Rekod Pengajaran (Rancangan Harian)					1
4	Bahan Bantu Mengajar					1
5	Kursus KSPK		2			
6	Penilaian dan Pentaksiran		2			1
7	Menganalisa Pengajaran				1	
8	Menganalisa Penguasaan Murid		1			
<b>JUMLAH KEKERAPAN</b>		<b>1</b>	<b>3</b>		<b>2</b>	<b>3</b>

Jadual 2.2  
*Kekerapan Tugas Ko kurikulum Guru Prasekolah*

<b>C</b>	<b>KO KURIKULUM</b>	Tahunan	Semester	Bulanan	Mingguan	Harian
1	Guru Penasihat Persatuan				1	
2	Guru Penasihat Sukan dan Permainan				1	
3	Guru Penasihat Kelab				1	
4	Karnival Prasekolah / Sukan Prasekolah	1				
5	Mesyuarat Kokurikulum Sekolah		1			
<b>JUMLAH KEKERAPAN</b>		<b>1</b>	<b>1</b>		<b>3</b>	

Universiti Malaysia

Jadual 2.3

*Kekerapan Tugas Pengurusan Luar Guru Prasekolah*

<b>D</b>	<b>AKTIVITI LUAR</b>	Tahunan	Semester	Bulanan	Mingguan	Harian
1	Lawatan Prasekolah	1				
2	Jemputan Pertandingan		1			
3	Menganti Kelas					1
4	Guru Pengiring		2			
5	Juru Latih Sukan		1			
<b>JUMLAH KEKERAPAN</b>		<b>1</b>	<b>4</b>			<b>1</b>

Universiti Malaysia

Hakikatnya tugas profesional seorang guru prasekolah adalah melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang cekap dan berkesan di dalam bilik darjah (Suhaimi, 2011). Jika penumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah kurang diberi perhatian, nescaya mengundang stres pada guru kerana mereka berpendapat objektif pengajaran dan pembelajaran mereka pada hari itu tidak tercapai dengan sempurna akibat gangguan tugas-tugas sampingan (Abd Halim, 2014).

Kini tugas profesional guru prasekolah telah menjadi kecil berbanding tugas sampingan mereka. Beban tugas guru prasekolah kini dilihat semakin bertambah dengan perubahan dan kehendak semasa. Guru berasa tertekan dengan pertambahan tugas sedia ada dan proses pelaksanaan kurikulum yang baru (Norashid, 2014). Antara isu yang sering dibicarakan dalam kalangan guru ialah tiada penyelarasan dari segi pengagihan tugas guru di peringkat pengurusan sekolah. Kemungkinan yang berlaku adalah disebabkan tiada perbincangan dalam kalangan guru penolong kanan dalam mengagihkan tugas-tugas khas kepada guru. Ini menyebabkan agihan tugas yang tidak seimbang dalam kalangan guru. Malah menurut K.Anandan (2012) terdapat pengetua atau guru besar tidak berjaya berperanan dalam menstruktur organisasi.

Pengkaji-pengkaji barat telah membuat percubaan untuk memberikan penjelasan teori tentang keadaan tugas guru prasekolah yang berubah-ubah. Mereka berhujah bahawa tekanan ke atas sekolah dan guru-guru telah berkembang disebabkan oleh permintaan daripada pembuat dasar dan harapan serta kehendak masyarakat yang semakin tinggi. Pada masa yang sama, guru-guru terpaksa akur pada tanggungjawab profesion keguruan yang mereka ceburi. Oleh itu kesungguhan dan ketaatan dalam profesion itu, telah memberi tekanan luaran yang semakin meningkat terhadap guru. Fenomena ini menghadkan peluang guru berkreativiti di dalam bilik darjah.

Sehubungan itu kajian di Malaysia era 2000 mendapati guru menghadapi tekanan yang berpunca dari pelbagai pihak seperti murid, ibu bapa atau penjaga,

masyarakat, rakan sekerja dan pihak pengurusan. Manakala tekanan kerja di kalangan guru prasekolah adalah berbeza-beza mengikut kajian yang telah dijalankan. Hasil kajian Asraf (2013) konsisten dengan dapatan Baharin, (2010) dan Raja Maria (2011) yang mendapati bahawa guru-guru mengalami stres semasa mereka berada di sekolah. Tugas yang diterima dari pihak pengurusan yang memerlukan tindakan segera. Adakalanya tugas itu bukan satu yang di rancang tetapi muncul dari situasi yang tidak diduga (Mohd Izham, 2015).

Jika situasi ini di biarkan pasti suasana pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah akan menuju ke arah keadaan yang tidak terurus. Individu tidak dapat berfungsi dengan berkesan jika dalam keadaan tertekan (Raja Maria, 2011). Manakala hasil kajian Kyriacou dan Chien (2004), mendapati kajian yang dilakukan ke atas guru prasekolah di seluruh Taiwan mendapati tahap stres guru akibat tugas sampingan berlebihan adalah tinggi dan sangat tinggi.

Guru-guru sangat menitikberatkan aspek mendapatkan sokongan dan kerjasama serta kebebasan bekerja daripada pihak pengurusan (Mohd Abd Rahman, 2004). Sokongan yang dimaksudkan termasuklah sokongan moral terhadap tugas sampingan yang dipertanggungjawabkan kepada guru-guru. Begitu juga dengan guru prasekolah yang terlibat dengan kegiatan ko-kurikulum seperti sukan dan permainan, pasukan pakaian beruniform dan kegiatan kelab serta persatuan. Seharusnya mereka juga diberi sokongan yang sama untuk mendapatkan kepuasan kerja yang optimum (Suhaimi, 2011).

Malah ada segelintir guru prasekolah memikul tanggungjawab lebih luas lagi apabila mereka melibatkan diri dengan aktiviti di peringkat daerah, negeri mahupun kebangsaan. Terdapat juga guru prasekolah turut memegang jawatan guru disiplin dalam pengurusan sekolah (PPDJJ, 2015). Di peringkat daerah, guru prasekolah juga di lantik sebagai Jurulatih Prasekolah Daerah dan Pengerusi Persatuan Guru Prasekolah. Di

peringkat kebangsaan pula guru prasekolah dilantik sebagai Jurulatih Prasekolah Kebangsaan dan sebagainya. Banyak tugas sampingan perlu dilaksanakan oleh mereka. Apapun situasinya guru prasekolah juga tertakluk pada pekeliling ikhtisas yang sedang berkuat kuasa.

Beberapa insiden berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Guru meninggalkan bilik darjah apabila menerima arahan dari pihak atasan. Apabila guru tiada di bilik darjah, murid ‘terbiar’ untuk jangkamasa tertentu, seterusnya menyebabkan sikap dan tingkah laku murid mudah terpesong ke arah negatif seperti membuat bising, mengganggu rakan lain dan sebagainya (Bity Salwana et. al, 2009).

Oleh itu, untuk memastikan wujudnya hubungan baik antara guru dan murid, keberadaan guru di bilik darjah adalah penting dan sangat diperlukan. Sekiranya guru tidak hadir ke sekolah, pihak pengurusan sekolah perlu menyediakan guru ganti yang memahami corak pengajaran dan pembelajaran prasekolah agar kelas dapat berjalan seperti biasa (Hamedah & Normah, 2010). Apabila guru sentiasa berada di bilik darjah, maka masalah disiplin dapat dikurangkan.

Selain daripada pengurus, guru juga berperanan sebagai pemimpin di bilik darjah. Pemimpin yang boleh mempengaruhi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Namun begitu sifat organisasi sekolah hari ini yang semakin kompleks, guru prasekolah juga terperangkap dengan kerja-kerja biasa dan rutin seperti persatuan, mesyuarat dan sebagainya. Kerja-kerja ke arah mempertingkatkan proses pengajaran dan pembelajaran adakalanya tertinggal dari jadual tugas harian mereka (Shahrizan, 2013).

Situasi ini menimbulkan perasaan tertekan dan akan menjadikan seseorang guru prasekolah itu tidak memusatkan perhatian kepada kerja dan tidak gembira serta seronok dalam melaksanakan kerja (Sapora Sipon, 2007). Kegagalan meneruskan usaha untuk meningkatkan kemahiran pengajaran dan pembelajaran khususnya di bilik darjah

ini mengakibatkan seseorang guru itu tidak mencapai kepuasan bekerja yang optimum (Junaidah, 2013).

Umum mengetahui guru berperanan penting dalam membantu penguasaan perkembangan dan pembentukan peribadi seseorang murid (Lewin, 2008). Mereka juga menyediakan pengajaran dan pembelajarannya mengikut gaya prasekolah berdasarkan ciri-ciri perbezaan tahap IQ murid prasekolah. Keadaan ini menambah kerja guru kerana guru perlu merancang aktiviti untuk murid yang berlainan umur dan perkembangan (KPM, 2017)

Keseronokan guru prasekolah melaksanakan kurikulum berkait rapat dengan penglibatan mereka dalam membuat keputusan, autonomi yang tinggi di bilik darjah, keadaan persekitaran bilik darjah dan kemajuan dalam pencapaian murid (Perason & Moomaw dalam Junaidah 2013). Namun begitu tindakan guru prasekolah memperkenalkan 4M pada awal tahun terpaksa dilakukan untuk mengelakkan murid prasekolah tercicir dan terlibat dalam program Literasi dan Numerasi (LINUS) apabila mereka ke tahun satu kelak (Komunikasi peribadi bersama guru-guru prasekolah Daerah Seremban, 2015).

Menurut Nazariyah (2014), program LINUS adalah merupakan program celik huruf dan celik nombor. Kandungan program LINUS ini dipilih dan diatur untuk memberi pengajaran yang mencukupi kepada murid agar membina asas yang kukuh dalam pengiraan, penulisan, bacaan dan penaakulan. Hal ini secara langsungnya membolehkan murid mengikuti pembelajaran Matematik yang berkesan dan lebih bermakna. Semua murid Tahun 1 menduduki ujian LINUS Saringan 1 untuk menilai tahap penguasaan kemahiran asas mereka pada awal tahun (KPM, 2012).

Pihak pentadbir mempersoalkan kredibiliti guru apabila murid prasekolah terlibat dalam program LINUS (Memo Guru Besar, 2015). Situasi ini menambah lagi tekanan kepada guru prasekolah. Perubahan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR)



ke Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada 2010 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang diperkenalkan pada 2014 juga membawa kesan terhadap mutu kerja guru prasekolah dalam menyediakan murid prasekolah ke tahun satu. Guru perlu merancang aktiviti pengajaran yang lebih mencabar agar anak didiknya menerima pendedahan awal KBAT. Secara tidak langsung situasi ini berlaku di prasekolah. Maka konsep dan gaya pengajaran di prasekolah bertukar menjadi lebih akademik sifatnya dan tidak lagi menggunakan pendekatan bertema (Norita, 2014).

Pihak pentadbir sekolah juga seharusnya peka pada setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti ko kurikulum prasekolah. Aktiviti sukan dan aktiviti luar yang melibatkan prasekolah seharusnya diurus oleh pihak pengurusan dengan lebih teratur (Muhammad Shahrizan, 2013). Oleh itu apabila guru prasekolah dibebani kerja pengurusan sukan dan aktiviti luar, maka penumpuan mereka di bilik darjah juga terganggu.

Sekiranya guru prasekolah menghadapi masalah untuk melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan, pihak pengurusan akan menimbulkan perasaan tidak puas hati sehingga menyebabkan komitmen dan prestasi kerja guru terganggu. Tugas sampingan yang diberi oleh pengurusan sering membawa guru gagal mencapai objektif pengajaran hari itu (Abdul Said, 2012). Kebiasaannya tugas sampingan yang diberi oleh pengurusan tidak di sukai oleh guru tetapi sebagai orang bawahan mereka terpaksa melakukannya.

Keadaan ini menjadikan guru semakin terbeban tambahan pula jika pihak atasan terus menagih hasil murid yang lebih berkualiti setiap tahun. Raja Muda Perlis, mahu para guru bersedia melakukan transformasi bagi meningkatkan kualiti pendidikan negara. Baginda juga menyeru kaum guru agar bersedia berubah daripada amalan tugas biasa ke tahap yang berprestasi tinggi, sentiasa berkorban masa, tenaga dan telus dalam tugas mereka (Utusan Malaysia, 13 Jan. 2011, m.s.2).

Oleh itu guru prasekolah seharusnya berbincang bersama pentadbir berkenaan tugas dan tanggungjawab mereka pada murid di bilik darjah. Manakala pentadbir pula perlu merujuk pekeliling tugas dan tanggungjawab guru prasekolah sebelum memberi sebarang tugas kepada mereka.

## **2.7 Rumusan**

Kesimpulannya, terdapat banyak literatur berkaitan yang membincangkan pengurusan pengajaran di sekolah dan pencapaian murid. Kebanyakan kajian-kajian terdahulu memberi penekanan kepada beberapa aspek pengurusan pengoperasian dan pengajaran berasaskan kepada beberapa teori kepimpinan. Kajian tersebut merangkumi kajian dalam negeri dan luar negara. Pengurusan pengoperasian dan pengajaran merupakan satu aspek yang perlu diteroka pengurusan prasekolah yang berkualiti dan boleh dijadikan penanda aras untuk prasekolah swasta dan agensi kerajaan yang lain.

## **Bab 3: Metodologi Kajian**

### **3.1 Pengenalan**

Kajian yang dijalankan bertujuan untuk memerihalkan pengurusan pengoperasian dan pengajaran guru prasekolah di bilik darjah. Bab ini menjelaskan tentang kaedah pengkajian untuk mengumpul data dan maklumat yang digunakan dalam kajian ini. Pengumpulan data dan maklumat bertujuan untuk mencapai matlamat kajian serta menjawab soalan kajian. Kaedah pengkajian dalam kajian ini merangkumi reka bentuk kajian, tatacara pemerolehan data, kaedah pengumpulan data, tatacara pemprosesan data, analisis data dan kebolehpercayaan instrumen kajian.

Bab 1 dan 2 membicarakan pengurusan pengoperasian dan pengajaran guru prasekolah di bilik darjah. Kepentingan pengurusan pengoperasian dan pengajaran di prasekolah tidak dapat dinafikan. Melalui pengajaran yang kreatif dan berkesan boleh membantu murid menguasai 4M sebelum mereka melangkah ke tahun 1. Menguasai kemahiran 4M pula merupakan objektif yang dirangka dalam kurikulum prasekolah. Untuk mendalami pengurusan yang belum kompeten, kajian berbentuk penerokaan adalah yang paling sesuai (Creswell, 2012; Chitra, 2010; Siti Hadayana, 2012; Yin, 2003).

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif di mana rekabentuk kajian kualitatif adalah sesuai untuk kajian penerokaan (Creswell, 2012). Kajian penerokaan pula sesuai menggunakan kaedah kajian kes. Oleh itu kajian ini menggunakan kajian kes sebagai satu kaedah kajian dan protokol temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen adalah sebagai teknik kajian (Othman Lebar, 2009; Creswell, 2012; Robson et. al, 2011).

Dalam kajian ini, isu dan permasalahan yang dikaji ialah tentang pengurusan pengoperasian dan pengajaran guru di bilik darjah yang meliputi pengurusan perkapita inventori, takwim, fasiliti, kurikulum, rancangan tahunan, rancangan pengajaran harian, rekod pentaksiran dan penyediaan bahan bantu mengajar guru prasekolah di Daerah

Jempol, Negeri Sembilan. Selaras dengan kajian ini, pendekatan, kaedah, isu dan bidang kajian oleh pengkaji yang terdahulu dalam pengurusan pengoperasian dan pengajaran mata pelajaran lain di Malaysia, masih relevan dan boleh dijadikan sebagai rujukan dan panduan dalam kajian ini.

### **3.2 Falsafah, Reka Bentuk Dan Kaedah Kajian**

Menurut Yin (2003), falsafah dan reka bentuk kajian adalah dua elemen penting dalam sesebuah kajian. Pemahaman ini terhasil melalui kolaboratif yang holistik tentang maklumat yang dikumpul dari analisis kandungan dokumen, pemerhatian dan temu bual yang dijalankan. Oleh itu, kajian ini menerima maklumat sebenar melalui pemahaman hasil dari data dan maklumat yang dikumpul dari kajian lapangan yang dijalankan.

Dalam kajian ini, komponen iaitu, (i) membangunkan pernyataan masalah, objektif dan soalan kajian, (ii) membina kerangka konseptual yang dijelaskan dalam bab 1, (iii) membincangkan tinjauan literatur dalam bab 2 dan komponen (iv) membina reka bentuk kajian di bab 3. Mengumpul, menganalisis data dan membentangkan dapatan bagi komponen (v) dibincangkan dalam bab 4 dan komponen (iv), (vii) serta (viii) iaitu rumusan dapatan kajian, membincangkan dapatan, implikasi, cadangan kajian dan penutup di bab 5.

Rasional kajian ini dibentangkan dalam 5 bab adalah kerana bentuk dan sifat kajian ini yang meneroka pengurusan. Terdapat tiga konstruk yang dikemukakan dalam kajian ini yang merangkumi pengurusan pengoperasian, pengurusan pengajaran dan tugas sampingan iaitu bagaimana peserta melaksanakan tugas-tugas tersebut di prasekolah. Setiap konstruk dibincangkan menerusi tema dan sub tema yang dibentuk melalui dapatan kajian agar objektif kajian dapat dicapai dan menjawab soalan kajian yang dikemukakan.

Pengkaji terdahulu Robson (2011), falsafah dan reka bentuk kajian berfungsi untuk menukar persoalan kajian, teori, kaedah, persoalan dan strategi persampelan. Sementara pandangan Creswell (2009) pula, reka bentuk kajian berfungsi untuk menjalankan kajian yang melibatkan interaksi antara falsafah, strategi dan kaedah kajian. Oleh itu kajian ini menterjemahkan kepelbagaian maklumat dalam kajian dengan cara yang berbeza terhadap peserta melalui kombinasi protokol temu bual, protokol pemerhatian dan analisis kandungan dokumen.

Oleh yang demikian, kajian ini mengadaptasi kerangka bentuk kajian yang dikemukakan oleh Creswell (2012) kerana didapati lebih menyeluruh dan dapat menunjukkan perkaitan yang jelas antara paradigm kajian, teknik dan strategi kajian. Falsafah kajian ini adalah konstruktivis, iaitu carian kefahaman bagi masalah dalam persekitaran yang dikaji. Pemahaman ini adalah hasil dari intepretasi maklumat yang diperoleh dari pemerhatian, temu bual dan analisis kandungan dokumen. Umumnya falsafah ini melibatkan kajian kualitatif induktif iaitu pengkaji menghasilkan makna dari data dan maklumat yang dikumul dari kajian lapangan. Manakala reka bentuk penyelidikan adalah bersifat kualitatif dengan strategi kajian adalah kajian kes pelbagai tempat dan teknik kajian ini adalah kombinasi protokol temu bual, protokol pemerhatian dan analisis kandungan dokumen.


### **3.2.1 Reka Bentuk Kajian.**

Pengkajian kualitatif dalam pendidikan adalah untuk menyiasat fenomena pendidikan dalam beberapa bentuk kajian seperti fenomenologi, kajian kes, etnografi, grounded theory dan kajian secara naratif (Creswell, 2009). Namun kaedah kajian kes adalah satu bentuk kajian yang sering digunakan dalam bidang pendidikan untuk mencapai salah satu objektif.

Reka bentuk kajian bergantung pada tujuan kajian dan tidak terdapat kriteria yang standar tentang saiz sampel (Patton dalam Osman Lebar 2009; Ghazali &

Sufean, 2014), menggunakan pelbagai bentuk bukti dan data, tiada ujian statistik dalam pengukuran kesignifikanan keputusan kajian (Gorbich, 2007). Creswell (2009) berpendapat, reka bentuk kajian adalah cadangan untuk menjalankan kajian yang melibatkan interaksi antara falsafah kajian dan kaedah kajian. Contohnya reka bentuk kualitatif amat bersesuaian untuk kajian penerokaan (Creswell, 2012; Yin, 2003).

Bryman (2008) pula berpendapat reka bentuk kajian adalah kerangka yang digunakan dalam sesebuah kajian untuk mengutip, menganalisis data dan pendapat. Pendapat Robson (2011) pula, reka bentuk kajian berfungsi untuk menukar persoalan kajian kepada projek yang melibatkan komponen tujuan, teori, strategi persampelan, persoalan dan kaedah kajian. Oleh yang demikian, untuk meneroka pandangan peserta terhadap isu-isu proses yang berlaku dalam situasi sebenar, pengkaji harus berada di lokasi kajian (Noraini, 2013; Yin, 2003). Pengkaji berada di lokasi bermula jam 7.00 pagi hingga 3.00 petang dan akan berada di bilik darjah prasekolah bermula 7.30 pagi hingga 2.30 petang. Rajah 3.1 menunjukkan reka bentuk yang digunakan dalam kajian ini.



Rajah 3.1  
 Rekabentuk kajian

### 3.2.2 Justifikasi Pemilihan Kajian Kualitatif.

Rasional memilih kaedah kualitatif ini adalah untuk lebih memahami tingkah laku manusia dan pengalaman mereka (Abd Sattar, 2007). Pengkajian kualitatif ini tidak bertujuan membuat justifikasi terhadap sesuatu kes tetapi untuk memahami proses tentang bagaimana seseorang memberi makna terhadap kes yang dikaji. Kajian kes pula merupakan satu pengkajian yang mengkaji fenomena yang berlaku dalam konteks

sebenarnya yang terdapat lompang antara fenomena dan konteks yang di kaji terdapat bukti kurang jelas (Yin, 1994).

Pengkajian kualitatif menggunakan kaedah kajian kes membolehkan kajian ini memerhati sesuatu peristiwa pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan pengoperasian dan pengajaran yang berlaku dalam situasi sebenar di prasekolah. Menurut Neuman (2009), pemilihan reka bentuk boleh di rangka berdasarkan empat faktor:

- i. Pemasalahan kajian
- ii. Tujuan kajian
- iii. Pengalaman pengkaji
- iv. Kumpulan sasaran

Kelompokan maklumat berkaitan pengurusan akibat daripada kajian yang sedikit mengenai prasekolah khususnya mengenai pengoperasian bilik darjah, pengajaran dan tugas sampingan dalam kalangan guru prasekolah di Malaysia masih belum lagi ada solusinya. Lantaran itu teori, amalan dan kajian berkaitan pengurusan pengoperasian dan pengajaran kurang diberi perhatian. Walaupun pengetahuan guru tentang teori pengurusan dan pengajaran sering dipersoalkan sejak prasekolah mula beroperasi di sekolah rendah milik kerajaan melalui kajian Surayah Zaidon (2003); Lihana Borhan (2005); Sharifah Nor dan Aliza (2011a) dan laporan JNJK (2012).

Oleh yang demikian, kajian ini memilih reka bentuk kajian kualitatif berdasarkan beberapa faktor penting terutamanya kekurangan data empirikal dan kajian berkaitan pengurusan dalam pendidikan prasekolah. Pemboleh ubah bagi kajian pengurusan dalam bidang pendidikan prasekolah sukar ditentukan kerana status bidang ini masih belum lagi mencapai peringkat profesional dan amalan yang sepatutnya. Justeru tanpa kajian terdahulu yang memadai, adalah sukar untuk menggunakan pendekatan kuantitatif untuk menganalisis kajian pengurusan dalam bidang prasekolah, sekali gus



menunjukkan pendekatan kuantitatif kurang sesuai untuk kajian ini. Oleh yang demikian, reka bentuk kajian kualitatif digunakan dalam kajian ini bagi memahami konsep atau fenomena yang dikaji.

### **3.2.2 Kaedah Kajian**

Kajian ini mendasari secara terperinci peranan yang dimainkan oleh guru prasekolah selaku pengurus di bilik darjah. Kajian ini menggunakan kaedah pengkajian kualitatif secara kajian kes yang asas atau generik (Merriam, 2001), iaitu jenis yang menggambarkan ciri-ciri asas pengkajian kualitatif. Bersesuaian dengan tujuan kajian untuk meneroka pengurusan pengoperasian dan pengajaran di prasekolah, kajian ini melihat pelaksanaan pengurusan pengoperasian dan pengajaran itu di bilik darjah prasekolah secara holistik dengan tumpuan terhadap pemahaman tentang proses pengoperasian dan pengajaran itu mempengaruhi pencapaian akademik murid.

### **3.2.3 Kajian Kes.**

Pengkajian kualitatif secara kajian kes telah dipilih sebagai kaedah untuk mendasari kajian ini. Merriam (2001) mentakrifkan kajian kes sebagai proses melaksanakan kajian analisis atau sistem atau dari segi produk. Yin (2003) pula mendefinisikan kajian kes dari segi proses pengkajian. Kajian kes sesuai untuk menyelidik sesuatu yang mendalam dan menyeluruh (Abd Shatar, 2007). Strategi kajian kes digunakan dalam banyak keadaan dan menjadi strategi kajian yang biasa digunakan dalam bidang psikologi, sains politik, sosiologi, peniagaan dan perancangan komuniti (Yin, 2003).

Sehubungan itu kajian ini menggunakan kajian kes untuk mendalami masalah kajian. Beberapa kelebihan menggunakan kajian kes adalah;

- i. Kepelbagaian instrumen dan pendekatan pengumpulan data membenarkan analisis kandungan dokumen dilakukan secara kualitatif dan kuantitatif

ii. Maklumat yang diperolehi tidak hanya membantu penerokaan atau memperincikan data dalam persekitaran kehidupan sebenar tetapi membantu memperjelaskan kompleksiti situasi kehidupan sebenar yang mungkin tidak dapat ditemui melalui eksperimen.

iii. Penilaian dan analisis dokumen boleh dilakukan dalam konteks penggunaannya

Oleh yang demikian, kajian ini meneroka pelaksanaan pengurusan pengoperasian dan pengajaran guru prasekolah. Mereka terdiri daripada tiga orang guru perempuan dan seorang guru lelaki. Kajian ini merupakan jenis penerokaan, iaitu memfokuskan tentang pengurusan pengoperasian, pengurusan pengajaran dan tugas sampingan yang diterima dalam kerjaya sebagai guru prasekolah. Persekitaran seperti rakan setugas, pembantu pengurusan murid dan murid juga digunakan untuk mendapatkan data untuk menyokong dapatan temubual, analisis dokumen dan pemerhatian.

Yin (2003) menggariskan empat langkah sebelum kajian ini dijalankan, iaitu;


- i. Mengetahui protokol bidang kajian kes
- ii. Melakukan tinjauan terhadap kajian kes
- iii. Mengetahui persoalan kajian kes
- iv. Mendalami panduan menulis laporan kajian kes

Kajian kes juga memfokus kepada penghuraian yang holistik/menyeluruh dan memberikan penjelasan kepada sesuatu peristiwa yang berlaku secara mendalam (Yin, 1994). Kajian ini boleh menjawab soalan *'bila'*, *'bagaimana'* dan *'mengapa'*. Kajian kes terdiri daripada dua jenis iaitu penerokaan (*explanatory*) dan diskriptif (*descriptive*). Oleh itu kajian ini mengenalpasti isu yang dikaji dengan mendapatkan maklumat berkaitan daripada rakan-rakan guru prasekolah di Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Pahang dan Johor. Bacaan awal berkaitan pengoperasian dan pengajaran prasekolah dan isu yang dihadapi dilaksanakan hampir tujuh (7) bulan.

Pengkaji turun ke beberapa buah prasekolah di sekitar lembah kelang dan melihat situasi yang berlaku di bilik darjah prasekolah bermula jam 7.00 pagi hingga 10.00 pagi. Namun kes yang dilihat adalah berkaitan pengoperasian dan kaedah pengajaran yang digunakan guru prasekolah. Pengkaji juga membuat tinjauan ke prasekolah di pinggir bandar dan luar bandar. Mendapatkan beberapa maklumat yang difikirkan perlu untuk menyokong keperluan kajian. Setelah beberapa hari berada di lokasi tinjauan, pengkaji melihat persoalan kajian yang telah di bina. Terdapat dua daripada persoalan awal tidak menepati keperluan kajian telah digugurkan dan membina semula persoalan kajian yang baru dan berkaitan.

Kajian kes ini boleh dilakukan terhadap seorang individu, beberapa orang individu, kumpulan atau beberapa kumpulan dalam sesuatu organisasi seperti sekolah. Alat kajian yang sesuai diperlukan untuk memperoleh maklumat yang berkenaan (Chua, 2005). Oleh itu kajian ini menggunakan empat orang guru prasekolah dan dua orang pentadbir. Kajian ini juga menggunakan pembantu pengurusan murid, murid prasekolah dan beberapa orang ibu bapa yang boleh memperkayakan data yang diperolehi. Alat kajian yang digunakan adalah soal selidik, temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen.

Rajah 3.2 menunjukkan proses kajian kes yang digunakan dalam kajian ini.



Rajah 3.2  
Proses Kajian

### **3.2.3.1 *Justifikasi Pemilihan Kaedah Kajian Kes.***

Kajian kes bersesuaian dengan reka bentuk kajian kualitatif (Bryman, 2008). Strategi kajian ini dijalankan tanpa menggunakan sebarang formula. Kajian ini dilakukan hanya untuk memahami topik pengkajian diikuti dengan pungutan fakta dan data di mana teorinya membantu dalam mendapatkan keputusan pengkajian. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kaedah ini diikuti dengan kaedah soal selidik bagi mendapatkan liputan data untuk memantapkan kajian (Noraini Idris, 2013).

Pemilihan kajian kes ini adalah untuk menjawab persoalan kajian iaitu mendeskripsikan tentang sesuatu fenomena berhubung pengurusan pengoperasian dan pengajaran guru prasekolah dengan lebih terperinci. Kajian ini juga meneroka secara lebih mendalam tentang fenomena dalam konteks yang sebenar (Wolcot, 2009). Perhubungan varibel sebelumnya tidak diketahui mungkin juga boleh timbul dalam kajian ini yang boleh membawa kepada pemikiran semula fenomena yang dikaji (Noraini idris, 2013).

Dengan penumpuan lebih kepada proses pengkajian, kajian kes turut digunakan untuk memberi kefahaman interaksi bersama peserta kajian sehingga terbina dapatan yang bermakna (Creswel, 2009; Merriam, 2001). Pendekatan kualitatif boleh membantu melaksanakan kajian secara terperinci, mendalam dan melihat secara menyeluruh fenomena yang berlaku (Marohaini, 2001). Kaedah tersebut juga membantu kajian ini menerangkan fenomena sebenar melalui peserta kajian.

Penggunaan kaedah kajian kes ini juga membolehkan penelitian yang lebih teliti terhadap persoalan kajian dan boleh menghasilkan pemahaman yang jelas tentang pengurusan pengajaran dalam kalangan guru prasekolah khususnya di Daerah Jempol Negeri Sembilan. Kajian kes dalam kajian ini berkaitan dengan isu dan pemasalahan yang dibincangkan dalam Bab 1 dan melihat perkaitan antara isu atau permasalahan

yang diutarakan untuk menyediakan pemahaman terhadap pengurusan pengoperasian dan pengajaran guru di prasekolah.

### **3.3 Pesampelan Kajian**

Dalam kajian ini persampelan kajian melibatkan pemilihan peserta kajian, lokasi kajian dan tempoh menjalankan kajian. Diterangkan melalui kajian ini seperti berikut:

#### **3.3.1 Peserta Kajian.**

Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka pengurusan pengoperasian dan pengajaran guru prasekolah. Dalam konteks kajian ini, peserta adalah merujuk kepada mereka yang diminta memberi fokus kepada fakta berdasarkan soalan temu bual yang memerlukan seseorang peserta itu membina pengalaman secara aktif dalam perspektif mereka berada (Merriam, 2002; 2001). Rasional penggunaan istilah peserta selaras dengan dominasi kaedah pemerhatian pengurusan pengoperasian dan pengajaran sebelum menggunakan kaedah temu bual dan analisis dokumen ketika proses mengumpul data.

##### **3.3.1.1 Penentuan dan Kaedah Pemilihan Peserta Kajian.**

Dalam kajian kualitatif, jumlah peserta kajian tidak ditetapkan dahulu tetapi ianya bergantung pada soalan kajian (Merriam, 2002). Namun terdapat cadangan bilangan peserta kajian yang sesuai iaitu 1-30 orang (Cresswell, 2005), 2-10 orang (Eisenhardt, 1989) dan 1-40 orang (McMillan, J. & Schumacher, 2001). Peserta kajian adalah merujuk kepada guru prasekolah yang memberi fokus pada pengurusan pengoperasian dan pengajaran di bilik darjah.

Pemilihan peserta kajian untuk kajian ini dilakukan secara *purposive sampling* atau judgement sampling (Merriam, 2002; Yin, 1998). Sehubungan itu kajian ini telah menetapkan enam kriteria perlu diambil kira semasa proses pemilihan peserta kajian ini. **Pertama**, pemilihan guru sebagai peserta terdiri daripada guru opsyen prasekolah dan mengajar di kelas prasekolah dan menggunakan kurikulum sebagai dokumen

merancang dan menyediakan rancangan pengajaran harian (RPH). **Kedua**, peserta memiliki maklumat untuk kajian. Oleh itu semua peserta dalam kajian ini telah mengajar di kelas prasekolah lebih daripada 8 tahun.

**Ketiga**, opsyen guru penting kerana kajian ini melibatkan pengetahuan guru. Walau bagaimanapun seorang guru yang menyertai kajian ini bukan pengkhususan pendidikan prasekolah ketika mengikut latihan di maktab perguruan tetapi telah menukar opsyen pendidikan prasekolah semasa dalam perkhidmatan dengan mengikut kursus pendek selama 14 minggu di maktab perguruan. **Keempat**, kajian ini memastikan bahawa guru yang dipilih merupakan guru yang memiliki pengetahuan dan pengalaman dalam perkara yang dikaji.

**Kelima**, kajian ini mendapatkan persetujuan daripada peserta. Perkara ini penting kerana tempoh masa panjang dan maklumat diperlukan daripada peserta. Peserta perlu bersetuju diperhatikan, dirakam dan bersedia ditemu bual (Marohaini, 2001). **Keenam**, lokasi kajian kerana kajian ini meneroka beberapa faktor penyebab kelemahan pengurusan dalam kalangan guru prasekolah. Lokasi kajian ini yang terlibat ialah guru prasekolah yang bertugas di kawasan pinggir Bandar dan luar Bandar.

Pemilihan peserta bermula dengan merujuk data dan maklumat daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS) dan Pejabat Pendidikan Daerah Jempol/Jelevu (PPDJJ). Maklumat yang diperoleh diteliti dan beberapa calon peserta yang sesuai disenarai pendek untuk memudahkan pemilihan peserta. Kajian ini melibatkan empat orang peserta kajian. Justifikasi pemilihan peserta ini adalah mengikut pengalaman mengajar dan peratus bilangan guru yang mengajar di kawasan luar bandar di Negeri Sembilan. Bilangan bilik darjah prasekolah di daerah Jempol dan Jelevu adalah sebanyak 64 buah dan bilangan murid prasekolah adalah seramai 1033 orang. Jadual 3.1 menunjukkan beberapa faktor dan tujuan yang telah dinyatakan.

*Jadual 3.1*  
 Profil peserta kajian

Peserta	Jantina	Ikhtisas/ Opsyen	Latihan	Latar Belakang Pendidikan (tertinggi)	Tempoh Perkhidmatan sehingga tahun 2016
P1	Perempuan	Sijil Perguruan / Pendidikan Prasekolah	Maktab Perguruan	-	8 tahun (SK) 14 tahun (Pra)
P2	Perempuan	Sijil Perguruan / Pendidikan Prasekolah	Maktab Perguruan	Ijazah/ UPM	20 tahun (SK) 4 tahun (Pra)
P3	Perempuan	Sijil Perguruan / Pendidikan Prasekolah	Maktab Perguruan	Ijazah/ OUM	5 tahun (SK) 11 tahun (Pra)
P4	Perempuan	Sijil Perguruan / Pendidikan Prasekolah	Maktab Perguruan	Ijazah/ UPSI	11 tahun (Pra)

**3.3.1.2 Deskripsi Peserta Kajian.**

Kajian ini mengenal pasti latar belakang peserta secara ringkas melalui pertemuan pertama. Tiga faktor telah dikenalpasti untuk melapor latar belakang peserta, iaitu i) peribadi, latar belakang peserta seperti umur, pengalaman, kelayakan, umur dan perwatakan diri, ii) peristiwa, melibatkan pengalaman professional peserta seperti menghadiri latihan dan kursus. Latar belakang pengalaman mengurus bilik darjah yang berbeza merupakan kelebihan dan keunikan dalam kajian ini. Berikut penerangan keempat-empat faktor tersebut.

***Peserta 1***

Berusia 49 tahun dan dilahirkan di Tanjong Ipoh Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Beliau telah berumahtangga dan memilik 3 orang anak. P1 sememangnya bercita-cita menjadi seorang guru tetapi bukan guru prasekolah. Namun telah bertugas sebagai guru Bahasa Melayu selama 22 tahun. Bertugas selama 8 tahun sebagai guru Bahasa Melayu tahap 2 di sekolah rendah dan memengang jawatan sebagai guru prasekolah selama 14 tahun di sekolah berlainan. Beliau mengikuti kursus perguruan di Maktab Perguruan

Pulau Pinang pada tahun 1991 hingga 1993 dengan pengkhususan Pendidikan Prasekolah.

Beliau meminati bidang perguruan tetapi minat dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak hanya bermula pada tahun 2006. Walaupun mula mengajar prasekolah pada 2004. Minat tersebut mula dirasakan apabila murid beliau menunjukkan peningkatan menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira menggunakan kaedah yang diciptanya sendiri. Persekitaran tempat beliau bertugas 160 km dari Bandar Seremban.

Dari segi keselamatan, beliau memberi jaminan sangat selamat kerana persekitarannya terletak berhampiran taman-taman perumahan dan balai polis. Semua blok bangunan termasuk bangunan sekolah masih sempurna. Oleh yang demikian, menurut P1 beliau bersyukur ditempatkan mengajar di sekolah berkenaan. Hubungan dengan pihak pentadbir kurang memberangsangkan tetapi kerana tanggungjawab beliau masih mampu bertahan. Tambahan pula peserta telah memiliki rumah sendiri di taman perumahan berhampiran.

Dari segi latihan atau kursus yang berkaitan dengan peningkatan professional keguruan, P1 menyatakan beliau akan diberi peluang mengikuti kursus tersebut setelah guru dari kelas lagi satu menghadirinya. Walau bagaimanapun bengkel berkaitan pembinaan modul pengajaran diadakan setiap tahun dan dianjurkan oleh PPD. P1 berharap agar pentadbir melayan semua guru secara adil dan sama rata supaya dapat meningkatkan motivasi beliau dalam kerjaya.

### ***Peserta 2***

Berusia 50 tahun dan dilahirkan di Muar, Johor. Beliau telah berumahtangga dan memilik 5 orang anak. P2 sememangnya bercita-cita menjadi seorang guru. Namun telah bertugas sebagai guru Bahasa Melayu selama 5 tahun di sebuah sekolah rendah di Daerah Muar. Memegang jawatan sebagai guru prasekolah selama 15 tahun di sekolah



sekarang. Jarak sekolah antara Bandar Seremban adalah 60 km dan sekolah tempat beliau bertugas dikategorikan sebagai sekolah pinggir Bandar. P2 juga telah mengikuti kursus perguruan di Maktab Perguruan Batu Pahat pada tahun 1991 hingga 1993 dengan pengkhususan Pendidikan Prasekolah.

Beliau menyambung pelajaran ke peringkat sarjana muda dalam pengkhurusan Bahasa Melayu di Univerisiti Terbuka Malaysia (OUM). Beliau juga bercita-cita untuk mengajar Bahasa Melayu tahap satu. Namun tidak diberi peluang oleh pentadbir dengan alasan bekalan guru opsyen prasekolah di sekolah tersebut tidak ada. P2 Mula mengajar prasekolah pada 2002 hingga kini. Persekitaran tempat beliau bertugas adalah memuaskan kerana sekolah P2 bertugas di kawasan pinggir bandar iaitu kira-kira 60 km dari Bandar Seremban.

Dari segi keselamatan, beliau memberi jaminan sangat selamat kerana persekitaran sekolah terletak berhampiran taman-taman perumahan dan balai polis. Semua blok bangunan termasuk bangunan sekolah masih sempurna. Oleh yang demikian, menurut P2 beliau bersyukur ditempatkan mengajar di sekolah berkenaan. Hubungan dengan pihak pentadbir amat baik dan beliau sentiasa diberi peluang melibatkan diri dalam aktiviti ko-kurikulum luar sekolah. Dari segi latihan atau kursus yang berkaitan dengan peningkatan professional keguruan, P2 menyatakan beliau diberi peluang terlebih dahulu mengikuti kursus tersebut sebelum guru lain menghadirinya. Walau bagaimanapun bengkel berkaitan pembinaan modul pengajaran diadakan setiap tahun dan dianjurkan oleh PPD. P2 berharap agar pentadbir jujur menguruskan bantuan prasekolah dan melayan semua guru secara adil dan sama rata supaya dapat meningkatkan motivasi beliau dalam dunia pendidikan.

### ***Peserta 3***

P3 berusia 45 tahun dan dilahirkan di Batu Pahat, Johor. Beliau telah berkeluarga dan memiliki 4 orang anak. P3 sememangnya bercita-cita menjadi guru.

Namun minatnya lebih kepada menjadi guru kaunseling. Beliau mendapat latihan perguruan dari Maktab Perguruan Perempuan Melayu, Melaka dengan pengkhususan prasekolah. Setelah ditempatkan mengajar prasekolah di Selangor selama 8 tahun, beliau telah melanjutkan pelajaran di Universiti Putra Malaysia dengan mengambil bidang pengkhususan kaunseling. Setelah tamat belajar, beliau telah di tempatkan ke sebuah sekolah rendah di Kajang dengan jawatan guru kaunseling. Beliau memegang jawatan guru kaunseling selama 13 tahun.

Pada tahun 2014 beliau telah berpindah ke sekolah Sg Tua (bukan nama sebenar) kerana mengikut suami yang berpindah tempat kerja. Di sekolah Sg Tua, beliau telah ditugaskan mengajar di kelas prasekolah kerana terdapat kekosongan di sekolah tersebut. Hingga kini P3 masih lagi mengajar di prasekolah Sg Tua. Beliau berasa sangat kekok mengajar di kelas prasekolah. Keadaan hati dan perasaan beliau tidak gembira bertugas di prasekolah. Walaupun beliau meminati kanak-kanak tetapi beliau belum selesai mengajar di prasekolah.

Dari segi persekitaran sekolah, beliau mengatakan sekolah tersebut sangat selesa. Kemudahan elektrik, air juga mencukupi. Suasana persekitaran yang dikelilingi hasil-hasil tanaman dan pokok yang begitu menyenangkan. Perabot yang dibekalkan juga masih elok digunakan. Berkaitan hubungan dengan pentadbir, P3 menyatakan hubungan beliau dengan pentadbir berada dalam keadaan baik. Menurutnya lagi pentadbir memahami situasi beliau dan tetap memberi sokongan dan peluang untuk beliau menerima keadaan mengajar di prasekolah. Tambahan pula beliau ditempatkan mengajar di prasekolah adalah mengikut opsyen yang pertama. P3 tetap positifkan diri untuk wujudkan rasa gembira dan seronok mengajar di prasekolah.

Berkaitan kursus atau bengkel peningkatan profesional keguruan, P3 sering diberi peluang oleh pihak pentadbir dan beliau berpeluang belajar memahami kurikulum,

pedagogi dan pengurusan prasekolah. P3 berharap pendidikan prasekolah di Daerah Jempol bertambah baik dari segi kemudahan fasiliti dan latihan.

#### *Peserta 4*

P4 berusia 35 tahun dan dilahirkan di Bahau, Negeri Sembilan. Beliau telah berkeluarga dan memiliki 4 orang anak. P4 sememangnya bercita-cita menjadi guru. Namun minatnya lebih kepada menjadi guru kaunseling. Beliau mendapat latihan perguruan dari Maktab Perguruan Raja Melewar, Seremban dengan pengkhususan prasekolah. Setelah ditempatkan mengajar prasekolah di Johor selama 5 tahun. Beliau telah melanjutkan pelajaran di Universiti Putra Malaysia dengan mengambil bidang pengkhususan kaunseling. Setelah tamat belajar, beliau telah di tempatkan ke sebuah sekolah rendah di Negeri Sembilan dengan jawatan guru kaunseling. Beliau memegang jawatan guru kaunseling selama 8 tahun.

Pada tahun 2012 beliau telah berpindah ke sekolah Sg Tua (bukan nama sebenar) kerana mengikut suami yang berpindah tempat kerja. Di sekolah Sg Tua, beliau telah ditugaskan mengajar di kelas prasekolah kerana terdapat kekosongan guru prasekolah di sekolah tersebut. Hingga kini P4 masih lagi mengajar di prasekolah Sg Tua. Beliau berasa sangat kekok mengajar di kelas prasekolah. Walaupun beliau meminati kanak-kanak tetapi beliau belum bersedia mengajar di prasekolah.

Dari segi persekitaran sekolah, beliau mengatakan sekolah tersebut sangat selesa. Kemudahan elektrik, air juga mencukupi. Suasana persekitaran yang dikelilingi hasil-hasil tanaman dan pokok yang begitu menyenangkan. Perabot yang dibekalkan juga masih elok digunakan. Berkaitan hubungan dengan pentadbir, P4 menyatakan hubungan beliau dengan pentadbir berada dalam keadaan baik. Menurutny lagi pentadbir memahami situasi beliau dan tetap memberi sokongan dan peluang untuk beliau menerima keadaan mengajar di prasekolah. Tambahan pula beliau ditempatkan mengajar di prasekolah adalah mengikut opsyen yang pertama.

Berkaitan kursus atau bengkel peningkatan profesional keguruan, P4 sering diberi peluang oleh pihak pentadbir dan beliau berpeluang belajar memahami kurikulum, pedagogi dan pengurusan prasekolah. P4 berharap pendidikan prasekolah di Daerah Jempol bertambah baik dari segi kemudahan fasiliti dan latihan.

### **3.4 Lokasi Kajian.**

Berdasarkan data awal yang diperoleh daripada Pejabat Pendidikan Daerah Jempol/Jelevu, terdapat 51 buah sekolah kebangsaan mempunyai kelas prasekolah. Manakala bilangan bilik darjah prasekolah di daerah tersebut adalah sebanyak 64 buah. Daripada jumlah tersebut, 20 buah kelas prasekolah terletak di sekolah pinggir Bandar dan 44 buah terletak di sekolah diluar Bandar. Berdasarkan tujuan dan persoalan kajian, kajian ini memilih dua orang peserta yang bertugas di kawasan pinggir Bandar dan dua orang peserta yang bertugas di luar Bandar.

Penentuan dan Kaedah Pemilihan Lokasi Kajian. Pemilihan lokasi kajian ini dibuat berdasarkan pandangan Creswell (2009) yang menyenaraikan empat perkara perlu diambil perhatian, iaitu:

1. Mempunyai kemungkinan yang tinggi untuk melaksanakan proses mengumpul data dengan baik, wujudnya kerjasama dan minat daripada peserta. Oleh itu kajian ini membuat survey ke atas beberapa orang guru prasekolah di Daerah Jempol dan empat orang guru telah bersetuju melibatkan diri sebagai peserta kajian.
2. Yakin mendapat data yang berkualiti dan kredibiliti untuk kajian. Untuk itu kajian ini memilih peserta kajian yang disarankan oleh PPDJJ yang memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam kajian ini.
3. Tidak terdapat halangan atau masalah untuk menjalani kajian. Oleh itu kajian ini telah memohon kebenaran dari Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Pejabat Pendidikan Daerah Jempol/Jelevu dan guru besar terlebih dahulu sebelum kajian lapangan dilaksanakan.
4. Lokasi berkemampuan membina hubungan percaya mempercayai dengan peserta kajian. Untuk itu, kajian ini telah mengadakan sesi taklimat ringkas

kepada pentadbir sekolah (guru besar dan guru penolong kanan) dan peserta kajian bagi menerangkan objektif kajian, prosedur kajian, instrumen kajian serta kerahsiaan semua data yang dikutip.

Walau bagaimanapun, penetapan pemilihan lokasi kajian yang utama adalah berdasarkan Statistik LINUS yang diperoleh daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS). Statistik tersebut menunjukkan bilangan murid prasekolah dari Daerah Jempol lebih ramai terlibat dalam program LINUS apabila mereka masuk ke tahun 1 pada 2015 berbanding dari daerah-daerah lain di Negeri Sembilan. Pemilihan lokasi ini bersesuaian dengan tujuan kajian kerana beberapa isu berkaitan pengurusan pengoperasian, pengurusan pengajaran dan tugas sampingan. Ini selari dengan Othman Lebar (2014) dan Merriam (2001) yang menyatakan bahawa pemilihan lokasi lebih bererti jika lokasi dipilih telah menjana isu berkaitan dengan bidang yang dikaji.

Berdasarkan tujuan dan soalan kajian, kajian ini memilih dua orang guru dari sekolah peratus tinggi LINUS dan dua orang guru dari sekolah peratus rendah LINUS. Sekolah 1 yang terletak dalam lokasi pinggir Bandar merupakan penyumbang peratus LINUS terendah. Manakala sekolah 2 iaitu sekolah luar Bandar adalah penyumbang peratus tertinggi ke program LINUS di Negeri Sembilan. Justifikasi pemilihan dua buah sekolah tersebut adalah untuk memberi peluang kajian ini melihat kekuatan dan kelemahan antara keduanya.

Oleh yang demikian, daripada 51 buah sekolah rendah dan 64 buah bilik darjah prasekolah, dua buah sekolah kebangsaan telah dipilih sebagai lokasi kajian seperti yang dicadangkan Creswell (2009) iaitu berdasarkan sifat dan keperluan kajian, lokasi yang dipilih tidak membataskan apa yang hendak dikaji, mempunyai kemungkinan tinggi untuk melaksanakan proses mengutip data dengan baik, tiada halangan untuk menjalani kajian, hormat menghormati, sentiasa bersedia, dapat mewujudkan suasana mesra dan saling mempercayai dan yakin data yang dikutip berkualiti dan berkredibiliti untuk kajian.

### 3.4.1 Deskripsi Lokasi Kajian.

Seperti yang dinyatakan, kajian ini memilih dua orang peserta yang bertugas di sekolah pinggir bandar dan dua orang peserta yang bertugas di luar Bandar. Oleh yang demikian, secara teknikalnya dua buah sekolah terlibat dalam kajian ini iaitu sebuah sekolah yang terletak di pinggir Bandar (SK Batu Keras, bukan nama sebenar melibatkan 2 peserta kajian) dan sebuah sekolah terletak di luar Bandar (SK Sungai Tua, bukan nama sebenar yang melibatkan 2 orang peserta kajian). Berikut adalah deskripsi sekolah-sekolah yang terlibat dalam kajian ini.

**SK Batu Keras.** Sekolah Kebangsaan Batu Keras (bukan nama sebenar) atau SK Batu Keras merupakan sebuah sekolah yang terletak 60 km daripada Bandar Seremban dan dikategorikan sebagai sekolah pinggir Bandar. SK Batu Keras ditubuhkan pada tahun 1956 yang dahulunya dikenali sebagai *Standard Type Primary School* yang menawarkan sekolah aliran Inggeris yang pertama di Daerah Jempol.

Sekolah Kebangsaan Batu Keras didirikan di atas sebidang tanah yang diwakafkan oleh adik kepada Pendeta Za'ba seluas 5 ekar. Tapak sekolah ini pada awalnya ialah 100% tanah kebun getah. Sekolah ini telah dinaik taraf pada 2002 dengan menambah dua lagi blok pengurusan dan bilik darjah. Rumah guru yang sedia ada juga telah diubahsuai menjadi makmal komputer. Bilik darjah prasekolah juga telah ubah kedudukannya dan dinaik taraf ke bilik darjah yang lebih luas pada 2008.

SK Batu Keras mempunyai 623 orang murid perempuan dan 528 orang murid lelaki yang menjadikan jumlah keseluruhan murid adalah 1151 orang murid berdasarkan enrolmen tahun 2016. Pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan pada sesi pagi sahaja dan waktu pengajaran dan pembelajaran bermula jam 7.30 pagi hingga 1.00 petang. Manakala bagi kelas prasekolah pula sesi pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan pada sesi pagi bermula jam 8.00 hingga 12.00 tengahari dan kapasiti 2 orang guru dan dua orang Pembantu Pengurusan Murid (PPM). Kelas prasekolah di SK

Batu Keras telah ditubuhkan pada 1994 yang merupakan kumpulan pertama penubuhan prasekolah annex di Malaysia. Sekolah ini juga aktif dalam aktiviti ko-kurikulum dan pernah memenangi pertandingan di peringkat daerah dan negeri. Ibu bapa murid SK Batu Keras sebilangannya terdiri daripada guru, penoreh, pekebun, buruh dan kakitangan kerajaan. Majoriti murid di SK Batu Keras berbangsa melayu dan hanya 1% dari lain-lain bangsa.

#### **3.4.2 Justifikasi Pemilihan Lokasi Kajian.**

Pemilihan lokasi kajian ini tidak menggunakan sebarang formula. Lokasi ini dipilih kerana lokasi ini telah mencapai sifar LINUS sepertimana yang dilaporkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri. Populasi murid prasekolah adalah seimbang jantina lelaki dan perempuan iaitu dua belas (12) orang daripada jantina perempuan dan dua belas (12) orang daripada jantina lelaki. Lokasi ini juga berjaya mengekalkan peratus tertinggi dalam peperiksaan ujian pencapaian sekolah rendah (UPSR) lima tahun berturut-turut. Justifikasi pemilihan lokasi kajian juga adalah kerana pengkaji membuat andaian bahawa sekolah pinggir bandar mampu bersaing dengan sekolah di bandar. Berdasarkan ini, pengkaji ingin mengetahui bagaimanakah kedudukan peserta kajian dalam lokasi yang sedemikian menggunakan kemahiran mengurus dan mengajar di bilik darjah dengan kemampuan mencapai sifar LINUS dalam kalangan murid prasekolah di tahun satu.

**SK Sungai Tua.** Sekolah Kebangsaan Sungai Tua (bukan nama sebenar) atau SK Sungai Tua merupakan sebuah sekolah luar bandar dan terletak 160 km dari Bandar Seremban. Sk Sungai Tua merupakan sebuah sekolah kebangsaan yang terletak di Felda. Sekolah ini mula di tubuhkan pada 1992 dengan bilangan murid di sekolah tersebut mencecah 1200 orang pada tahun tersebut. Bangunan sekolah ini dibina secara konkrit dengan 4 buah blok pengurusan dan bilik darjah termasuk makmal komputer dan surau.

SK Sungai Tua tidak tersenarai sebagai sekolah dibaik pulih atau perluasan kerana struktur bangunan sekolah ini masih sempurna. Namun demikian penambakaan berlaku untuk landskap sekolah ini. Murid di SK Sungai Tua semakin berkurangan menjelang tahun 2012 hingga kini. Situasi ini berlaku kerana tiada pertambahan penduduk di kawasan felda.

Kini SK Sungai Tua hanya memiliki 204 pelajar lelaki dan 260 murid perempuan yang menjadikan jumlah keseluruhan murid seramai 464 orang murid berdasarkan enrolmen 2016. Pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dalam satu sesi dengan jumlah bilangan guru seramai 42 orang. Manakala bagi kelas prasekolah pula sesi pengajaran dan pembelajaran berlaku pada sesi pagi bermula jam 7.30 hingga 11.30 pagi dengan kapasiti dua orang guru dan dua orang PPM. Kelas prasekolah di SK Sungai Tua ditubuhkan pada 1997. Ibu bapa murid di SK Sungai Tua ini sebilangan besar adalah peneroka felda, pekerja kilang sawit dan kakitangan kerajaan. Majoriti murid di sekolah rendah dan prasekolah berbangsa melayu dan 5% dari lain-lain bangsa.

#### ***3.4.2 Justifikasi pemilihan lokasi kajian***

Pemilihan lokasi kajian ini juga tidak menggunakan sebarang formula. Lokasi ini dipilih kerana data yang dikeluarkan oleh JPN menunjukkan prestasi LINUS murid prasekolah meningkat saban tahun dan memberi impak yang negatif kepada prestasi lokasi secara keseluruhannya. Lapan (8) murid prasekolah mengambil bahagian dalam kelas LINUS di tahun satu. Populasi ini membimbangkan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan pengkaji di saran menjalankan kajian di lokasi ini. Lokasi ini juga merupakan sekolah yang terletak di penjuru tiga negeri iaitu Pahang, Johor dan Negeri Sembilan.

Justifikasi pemilihan lokasi kajian juga adalah kerana pengkaji membuat andaian kajian iaitu sekolah luar bandar mampu bersaing dengan sekolah di bandar. Berdasarkan ini, pengkaji ingin mendapat tahu bagaimanakah kedudukan peserta kajian



dalam lokasi yang sedemikian menggunakan kemahiran mengurus dan mengajar di bilik darjah prasekolah dan mendapatkan punca berlakunya peningkatan pelibatan murid prasekolah dalam program LINUS ketika ke tahun satu.

### **3.5 Tempoh Kajian**

Kajian kes yang sempurna tidak menetapkan masa yang sesuai untuk pengkaji menghentikan kajian kerana pengumpulan data secara kualitatif banyak melibatkan interaksi dua hala dengan peserta kajian dan pemahaman tentang latar belakang budaya sesuatu tempat (Marohaini, 2001, Merriam, 2009). Kajian dihentikan apabila pengkaji mencapai data tahap tepu dan tidak terdapat tema baru yang muncul dan teori yang dihasilkan adalah sama (Yin, 2009; Merriam, 2009).

Tempoh masa merujuk kepada had masa kajian itu dijalankan. Tempoh ini bermula pada hari pertama kajian dijalankan. Pengumpulan data untuk kajian ini adalah selama 7 bulan. Namun tempoh kajian lapangan boleh dipendekkan atau dipanjangkan mengikut keperluan kajian (Noraini Idris, 2013) dan tempoh yang ditetapkan berdasarkan data yang dikumpul itu mencukupi. Data yang diperolehi dalam tempoh itu memadai untuk kajian ini kerana dalam kaedah kualitatif, tempoh kajian bergantung kepada tahap tepu data yang telah diperolehi iaitu keadaan data yang bertindan antara satu sama lain dan tiada data baru dihasilkan (Nazariyah, 2014).

Sepanjang tempoh di lapangan, kajian ini membahagikan pemerhatian dan temu bual kepada 5 kali iaitu dalam bilik darjah bersama peserta kajian. Kajian ini juga menggunakan temu bual tidak berstruktur bersama pentadbir sekolah untuk mengukuhkan dapatan. Proses mengumpul data untuk kajian ini dijalankan dalam tujuh bulan (April-November 2016). Kajian ini, menetapkan tempoh masa yang mencukupi (Noraini, 2013), tempoh kajian juga selari dengan tempoh beberapa penyelidikan kualitatif yang menggunakan kaedah kajian kes yang pernah dijalankan di Negara

ini, yang mengambil masa tiga bulan hingga satu tahun (Abdul Shattar, 2007; Marohaini, 1996).

Kajian ini bermula dengan memohon kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS), Pejabat Pendidikan Daerah Jempol dan Jelevu (PPDJJ) dan pihak sekolah. Semua aktiviti tersebut dilaksanakan pada bulan Februari dan Mac 2016. Manakala tempoh tujuh bulan tersebut digunakan untuk aktiviti pengumpulan data secara intensif. Pengumpulan data bermula pada minggu ke-2 dengan mengadakan pemerhatian dan diikuti dengan temu bual serta analisis dokumen yang berkaitan secara berterusan.

Pengumpulan data secara intensif dilakukan selama 7 bulan adalah mencukupi setelah memperoleh semua data dan maklumat yang diperlukan. Walaupun aktiviti mengumpul data tamat pada bulan November 2016, hubungan dengan peserta tetap diteruskan. Mereka juga diminta menyemak data yang telah ditranskrip untuk tujuan pengesahan. Peserta juga dihubungi untuk meminta penjelasan lanjut tentang perkara baru yang ditemui semasa proses penganalisan data.

### **3.6 Instrumen Kajian.**

Instrumen utama kajian ini menggunakan pengurusan prasekolah KPM (2010), Chitra (2010) dan Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (2015) yang diadaptasi dan diubahsuai untuk mendapatkan maklumat dan data kajian. Instrument KPM (2010 dan 2015) diguna untuk mendapatkan data berkaitan pengurusan pengoperasian dan tugas sampingan, manakala instrumen Chitra (2010) diguna untuk mendapatkan maklumat berkaitan pengurusan pengajaran yang meliputi pengajaran, pentaksiran, rancangan pengajaran dan penyediaan BBM.

Penggunaan instrumen digunakan kerana kajian ini selari dengan hasrat dan keperluan KPM (2010 dan 2015) dan Chitra (2010) walaupun Chitra (2010) mengkaji guru pendidikan khas tetapi perkara yang dikaji adalah selari iaitu tentang pengurusan

pengajaran di bilik darjah. Oleh yang demikian, penggunaan kedua-dua instrumen yang dinyatakan dapat memberi fokus kajian yang melibatkan proses dan pemahaman yang sangat deskriptif.

### **3.7 Kajian Rintis**

Kajian rintis juga merupakan proses percubaan sebelum item-item sebenar digunakan ke atas peserta kajian (Ghazali dan Sufean, 2015). Kajian rintis bertujuan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen dan mengenal pasti latar belakang peserta kajian supaya selari dengan tujuan kajian. Melalui hasil kajian rintis, dapat memperbaiki setiap instrumen yang diuji (Merriam, 2001). Kajian rintis juga membantu kajian ini mendapatkan latihan temu bual dalam situasi sebenar atau melihat kesesuaian, ketepatan dan kejituan soalan temu bual yang ditanya kepada peserta kajian (Merriam, 2001). Menurut Fraenkel dan Wallen (2003), terdapat beberapa kebaikan kajian rintis. Antaranya;

- i. Mengurangkan kesalahan tatabahasa dan struktur instrument;
- ii. Memantapkan item-item supaya menepati objektif kajian;
- iii. Menimba pengalaman sebelum ke lapangan ; dan
- iv. Menemukan item-item bermasalah terlebih dahulu

Kajian ini membuat analisis dari soalan yang telah ditadbir dan membuat penambahbaikan pada item-item protokol temu bual agar soalan tersebut lebih berfokus. Kesimpulannya, kajian rintis dapat membantu kajian ini menangani kekurangan dan kelemahan yang dikesan sebelum menjalankan kajian di lapangan.

#### **3.7.1 Analisis kajian rintis protokol temu bual.**

Kajian ini telah melibatkan 4 orang peserta bagi tujuan rintis protokol soalan temu bual yang diadaptasi daripada kajian lepas. Kajian rintis ini penting dalam kajian ini sebagai kesahan dalam kajian kualitatif terhadap pengumpulan data (Bogdan & Biklen, 2007). Peserta penilai ini, terdiri daripada empat orang guru prasekolah dan dua orang

pegawai prasekolah di JPN. Semua peserta penilai ini mempunyai latar belakang sebagai guru prasekolah dan telah berpengalaman lebih 10 tahun dalam bidang prasekolah.

Rumusannya, semua peserta penilai bagi protokol soalan temu bual bersetuju bahawa instrumen yang diadaptasi daripada kajian Kementerian Pendidikan (2014) dan Chitra (2010) boleh diguna pakai dalam meneroka pengurusan pengoperasian dan pengajaran guru. Penggunaan perkataan dan ayat keseluruhannya ringkas, mudah dan boleh difahami peserta kajian. Soalan temu bual yang dikemukakan ini mempunyai perkaitan rapat dengan persoalan kajian.

Kajian ini telah memberi perhatian terhadap segala pandangan dan cadangan peserta penilai instrumen temu bual ini. Berikut adalah perkara penting yang diambil perhatian dalam kajian ini:

- i. Perkataan dan ayat yang diguna pakai dalam temu bual perlulah bersesuaian dengan kefahaman peserta.
- ii. Penggunaan istilah dalam kajian ini perlu difahami oleh peserta kajian.
- iii. Pengkaji perlu menerangkan objektif kajian kepada peserta kajian.
- iv. Soalan temu bual perlu disusun mengikut urutan yang difahami dan mudah untuk dijawab oleh peserta kajian.
- v. Pengkaji perlu kreatif dalam mengemukakan soalan kepada peserta kajian.

### **3.7.2 Tujuan Menjalankan Kajian Rintis.**

Kajian rintis dijalankan adalah bertujuan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan kaedah temu bual, pemerhatian analisis kandungan dokumen dan mengenal pasti latar belakang peserta kajian supaya selari dengan tujuan kajian. Selain itu juga, kajian rintis dijalankan untuk memberi gambaran proses kajian sebenar (Merriam, 2009).

Kajian rintis juga dijalankan adalah untuk menilai ketekalan (*reliability*) terhadap setiap item instrumen temu bual dan pemerhatian dari aspek objektif item,

kefahaman item, aras item, kebolegunaan item dan arahan item itu sendiri sepertimana yang disarankan oleh (Roid & Haladyna, 1982). Kajian rintis juga merupakan cara terbaik untuk menentukan kajian yang dijalankan dapat dilakukan dengan sempurna kerana dapat membantu menyelesaikan masalah sebelum sesuatu kajian sebenar dijalankan. Hasil daripada kajian rintis, boleh membantu memperbaiki setiap item instrumen yang diuji.

Untuk pelaksanaannya, kajian ini telah memilih empat orang guru prasekolah dan dua pegawai prasekolah di JPN di Negeri Sembilan sebagai peserta kajian rintis dan bukan dalam kalangan peserta kajian sebenar. Pemilihan peserta kajian rintis ini adalah berdasarkan kriteria yang dikehendaki seperti ciri-ciri yang dimiliki oleh peserta kajian sebenar. Peserta kajian rintis telah dikaji sebulan lebih awal sebelum kajian sebenar dijalankan. Kajian ini juga meminta peserta kajian rintis untuk merancang satu proses pengajaran dibilik darjah mengikut masa yang ditetapkan. Tempoh kajian rintis ini dijalankan selama satu bulan sebelum kajian sebenar dijalankan.

Soalan senarai semak pemerhatian dan protokol temu bual, diuji dari segi kebolehgunaannya. Semua temu bual dirakam menggunakan alat perakam audio dan dibuat transkripsi untuk mendapatkan tema dan kategori. Sesi temu bual kajian rintis dilakukan sebagai latihan dalam situasi kajian sebenar. Temu bual dilakukan dalam tempoh 20 hingga 25 minit dengan memfokuskan kepada soalan temu bual berstruktur dan soalan separa berstruktur untuk memperoleh maklumat yang lebih mendalam.

Manakala protokol pemerhatian dibuat rakaman video dan transkripsi pemerhatian dijalankan untuk mendapatkan tema dan kategori serta dilakukan berulang kali sehingga diyakini bahawa semua item dalam protokol temu bual dan senarai semak pemerhatian telah menepati kehendak kajian. Analisis kandungan diteliti untuk kesahan dan kebolehpercayaan kaedah temu bual dan pemerhatian.

Kajian ini membuat beberapa penambahbaikan pada protokol temu bual, protokol pemerhatian dan analisis kandungan dokumen supaya kajian lebih fokus dan memudahkan kajian ini memahami matlamat kajian serta soalan kajian yang dikemukakan dapat mengumpul data dengan lebih berkesan. Penambahbaikan hasil kajian rintis adalah seperti contoh yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1 berikut:

Jadual 3.1  
*Ringkasan Penambahbaikan Hasil Kajian Rintis*

<b>Bil</b>	<b>Tumpuan Awal</b>	<b>Penambahbaikan</b>	<b>Alasan</b>
1	Soalan temu bual utama dilakukan dalam satu sesi	Soalan temu bual utama yang melibatkan urusan pengurusan yang merangkumi perkapita dan inventori dilakukan dalam dua sesi bagi setiap peserta.	Mengikut keselesaan peserta kerana tempoh sehari membolehkan mereka
2	Tempoh pemerhatian dijalankan bermula 8.00 hingga 12.00 tengahari	Pemerhatian mengikut sesi pengajaran iaitu 40 minit	Murid kurang penumpuan dalam pengajaran kerana berlaku gangguan dalam pengajaran guru seperti menghadiri mesyuarat di pejabat dan sebagainya.
3	Analisis kandungan dokumen melibatkan surat memo, RPH, fail pengurusan, fail pentaksiran	Analisis dokumen menumpukan pada memo, surat, RPH, pentaksiran untuk sepanjang tahun dilakukan dalam empat sesi	Penelitian melalui dokumen berlaku setiap minggu dan bulan kerana berlaku penerimaan maklumat baru dari pihak atasan.

Rumusannya, kajian rintis sangat membantu kajian ini menangani segala kelemahan dan kekurangan yang dikesan sebelum menjalankan kajian sebenar. Ini melibatkan berlaku perjumpaan secara tertutup dengan guru prasekolah yang terlibat sebagai peserta kajian yang bertujuan menerangkan objektif kajian, peranan sebagai peserta kajian dan mewujudkan rapo yang mesra supaya tidak timbul rasa kurang senang dan selesa ketika kajian dijalankan.

### **3.8 Tatacara Pelaksanaan Kajian**

Secara keseluruhan tatacara pelaksanaan kajian ini terbahagi kepada tiga peringkat iaitu peringkat persediaan, peringkat pengumpulan data dan peringkat selepas pengumpulan data. Ini diterangkan seperti berikut:

#### **3.8.1 Peringkat Persediaan.**

Kajian ini mendapat kebenaran daripada beberapa pihak dalam Kementerian Pendidikan seperti Bahagian Perancangan dan Pengkajian Dasar Pendidikan (EPRD), Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS), Pejabat Pendidikan Daerah Jempol Jelebu (PPDJJ) dan sekolah yang terpilih. Permohonan kebenaran tersebut dilakukan setelah kajian ini melaksanakan pembentangan cadangan kajian kepada pihak universiti dan mendapat kebenaran dari Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya untuk melaksanakan kajian.

#### **3.8.2 Peringkat Pengumpulan Data.**

Proses pengumpulan data ini, melalui lima peringkat. Pertama, mengenal pasti peserta kajian iaitu guru prasekolah di PPDJJ, lokasi kajian, mengenal pasti sampel agar memahami fenomena yang menjurus kepada jawapan persoalan kajian. Kedua, mendapatkan kebenaran untuk ke lokasi kajian. Ketiga, menentukan proses mengumpul data samada menerusi temu bual, pemerhatian atau pun penganalisan dokumen. Keempat, mengumpul data melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan pengalisan dokumen.

Pada peringkat awal, kajian ini menyemak jadual peserta kajian. Jadual yang dimaksudkan ialah tugas dalam dan luar sekolah serta meminta peserta selaraskan berdasarkan takwim tahunan prasekolah. Perubahan jadual pengumpulan data dibuat dengan memilih tarikh atau waktu yang sesuai jika terdapat pertembungan tugas peserta kajian. Peserta juga diminta memaklumkan lebih awal kepada pengkaji jika terpaksa menangguhkan sesi pengumpulan data.

Tempoh tujuh (7) bulan diperlukan untuk proses mengumpul data secara intensif, mengumpul data dimulakan pada minggu ke-3, dengan mengadakan sesi temu bual pertama, manakala minggu pertama dan kedua akan digunakan oleh pengkaji untuk mengurus dan menerangkan perkara berkaitan dengan prosedur kajian seperti:

- i. Lawatan ke sekolah peserta kajian
- ii. Bertemu dengan pentadbir sekolah
- iii. Berjumpa dengan peserta kajian
- iv. Mengadakan perbincangan antara pentadbir dan peserta kajian
- v. Mengadakan taklimat ringkas dengan pentadbir dan peserta kajian tentang kajian yang akan dijalankan

Pengumpulan data ini dibuat melalui temu bual utama dan temu bual pra. Manakala pemerhatian perjalanan proses mengajar dilakukan selama 30 kali iaitu lima kali untuk setiap peserta. Penganalisan dokumen seperti RPH, rekod pentaksiran murid, hasil kerja murid, minit mesyuarat berkaitan pengurusan pengoperasian, pengurusan pengajaran guru dan catatan kajian lapangan pengkaji dibuat berterusan sepanjang kajian lapangan dijalankan. Repo juga dibina bersama pentadbir dan rakan sejawat peserta kajian untuk memahami dan mengenali peserta kajian dengan lebih dekat.

Tugasan utama selepas pengumpulan data adalah membuat penambahbaikan data yang ada dan memperincikan penemuan kajian. Pengkaji tidak membuat pemerhatian dan temu bual berfokus sepanjang tempoh selepas pengutipan data. Ini bertujuan untuk mengelakkan kekeliruan pada pengkaji dan memudahkan peserta kajian turut terlibat. Untuk proses pengesahan maklumat tentang eviden dokumen, pemerhatian dan temu bual, pengkaji kembali ke lapangan kajian untuk menemui peserta kajian untuk pengesahan tersebut. Jadual 3.2 menunjukkan gerak kerja penganalisan data yang digunakan dalam sesi pengumpulan data ini.



Jadual 3.2:  
Gerak Kerja Analisis Data

Kaedah	Jenis Data	Definisi Jenis Data	Analisis Data
Temu bual	Transkripsi temu bual semi struktur umum dan berfokus	Data tidak berstruktur yang diperolehi daripada temu bual.	<p>Pembersihkan data dengan menyalin rakan audio, temu bual, membentuk indeks-kod untuk bilik darjah dan peserta, menaip semula nota, mengkategorikan dan mengklasifikasikan dokumen (nota)</p> <p>Memahami data iaitu apa yang dinyatakan oleh data yang dikumpul dan dikodkan.</p> <p>Penghasilan kategori analitikal dan konsep</p>
	Rakaman audio	Mencari makna yang mendalam menerusi jawapan temu bual seperti merumuskan pernyataan, pandangan dan pendirian peserta	
	Nota		
Pemerhatian	Bilik Darjah	<p>Tingkah laku guru semasa proses pengajaran</p> <p>BBM yang menyokong proses pengajaran</p> <p>Kolaborasi pengurusan pengajaran sehari</p>	<p>Memahami data iaitu apa yang dinyatakan oleh data yang dikumpul dan dikodkan</p> <p>Penghasilan kategori analitikal dan konsep</p>
Dokumen	Dokumen bertulis	<p>Kurikulum</p> <p>Sukatan pelajaran</p> <p>RPH</p> <p>Rekod pentaksiran</p> <p>Rekod hasil kerja murid</p> <p>Memo berkaitan prasekolah</p> <p>Surat-surat rasmi KPM</p>	<p>Pembersihan data iaitu membentuk indeks-kod untuk tiap sekolah dan peserta, menaip nota, mengkategorikan dan mengklasifikasikan dokumen.</p> <p>Memahami data iaitu apa yang dinyatakan oleh data yang dikumpul dan dikodkan</p> <p>Penghasilan kategori analitikal dan konsep.</p>

Proses penganalisan data kajian dilakukan setelah selesai mengumpul data yang diperlukan. Pada peringkat inilah dapat dikesan samada berjaya atau tidak sesebuah kajian itu. Hollaway (2002) menyatakan tiada peringkat atau peraturan yang tetap dalam proses menganalisis data kualitatif. Tiada persetujuan dari kalangan pengkaji kualitatif mengenai kaedah penganalisan data kualitatif (Chua, 2012).

Proses analisis data merupakan proses mengatur, menstruktur dan mengintepretasi data yang telah dikumpul (Othaman Lebar, 2009). Analisis data kualitatif biasanya meneroka perhubungan antara kategori-kategori yang berkaitan dengan sesuatu perkara, manusia, peristiwa atau sifat-sifat dan nilai yang mencirikan peserta kajian. Creswell (2012), menggambarkan proses menganalisis data ini dalam bentuk satu gelungan yang berterusan dan berkait antara satu sama lain.

Terdapat dua peringkat penganalisan data dalam kajian ini. Kajian ini menganalisis semasa pengumpulan data dan selepas data dikumpulkan (Merriam, 2002). Analisis di peringkat pertama dilakukan serentak dan berterusan semasa dan di luar lapangan. Ini bererti kajian perlu menganalisis semasa kaedah temu bual dan pemerhatian. Misalannya, semasa melakukan pemerhatian ada perkara tersirat yang perlukan penjelasan daripada peserta kajian, kaian ini bertanya menerusi temu bual. Kajian ini juga berusaha untuk mendapatkan dokumen yang berkaitan untuk tujuan triangulasi.

Data-data yang terkumpul di lapangan disusun dalam bentuk catatan lapangan. Rakaman audio temu bual melalui peringkat pembersihan data, memahami data dan menganalisis data untuk mengkategorikan dan pengekodan. Proses penganalisan data kajian ini melalui beberapa peringkat, iaitu:

- i. mengumpul data
- ii. menyediakan transkrip dan menginterpretasi kandungan dokumen
- iii. organisasi data
- iv. proses memahami data

- v. pembersihan data (asing dan tapis)
- vi. pengkodan
- vii. tema
- viii. kebolehpercayaan dan kesahan
- ix. laporan

Kajian ini berfokuskan peristiwa dan situasi yang timbul semasa proses pengumpulan data. Hasil daripada kerja analisis data, diteliti dan disimpan dengan selamat di dalam fail induk. Pengkaji menyimpan semua dokumen berdasarkan saranan yang dicadangkan (Marohaini, 2001).

### **3.9 Menyediakan Transkripsi dan Menginterpretasi Kandungan Dokumen.**

Proses penganalisan data yang utama ialah menyalin atau menyediakan transkripsi. Data yang disalin itu adalah data temu bual yang dirakam yang mengandungi pertuturan peserta kajian dan catatan lapangan. Di tambah juga jika terdapat perbincangan bersama peserta sebelum ini.

Proses ini memerlukan lebih perhatian dalam kajian ini kerana pengkaji perlu menyalin dan menyediakan transkripsi. Abd Shattar (2007), proses menyalin atau menyediakan transkripsi data-data yang dikumpul menerusi protokol temu bual dan pemerhatian merupakan proses yang memerlukan kesabaran, masa dan perhatian pengkaji. Namun begitu proses ini memberi peluang pengkaji mendalami setiap data yang diperoleh. Oleh itu penyaringan awal dilakukan melalui proses transkripsi. Maklumat rakaman audio pula disimpan dalam *Digital Voice Editor*. Fail-fail seumpamanya boleh diulang semula untuk mendapatkan input yang lebih bermakna dalam kajian ini.

#### **3.9.1 Menginterpretasi Kandungan Dokumen.**

Setiap pengkaji perlu memahami jenis-jenis teks yang berbeza dalam keadaan dibaca dan digunakan dan kefahaman kandungan dokumen itu. Oleh itu pengkaji boleh

menginterpretasi teks dalam kerja-kerja lapangan dengan menulis semua dalam konteks lain untuk disesuaikan dengan objektif dan persoalan kajian.

Dalam konteks kajian ini, interpretasi kandungan dokumen dilakukan terhadap dokumen awam seperti kurikulum, RPH, rekod pentaksiran murid, fail hasil kerja murid, surat-surat rasmi dari KPM, JPNS, PPDJJ dan memo dari pihak pentadbir sekolah. Minit mesyuarat dan laporan aktiviti prasekolah turut diteliti untuk meneroka pengurusan pengoperasian dan pengajaran guru prasekolah.

### **3.10 Tatacara pemerolehan data sebenar.**

Jadual tentatif yang melibatkan pelbagai aktiviti mengumpul data disediakan peringkat awal. Semua peserta diberi peluang menyemak jadual tersebut untuk diselaraskan dengan aktiviti prasekolah dan sekolah mengikut ketetapan dalam takwim tahunan sekolah atau prasekolah seperti hari sukan, lawatan dan sebagainya. Perubahan aktiviti mengumpul data dilakukan dengan mengambil kira tarikh baru atau waktu lain sekiranya jadual asal tertangguh atau berubah. Peserta diminta memaklukkannya lebih awal sekiranya berlaku penangguhan atau perubahan aktiviti mengumpul data seperti penangguhan temu bual dan pemerhatian.

Tempoh tujuh (7) bulan seperti yang dinyatakan adalah untuk aktiviti mengumpul data secara produktif. Pengumpulan data dimulakan pada minggu ke-2 dengan temu bual utama. Manakala minggu pertama digunakan untuk sesi berkenalan bersama warga prasekolah dan pentadbir sekolah. Pada minggu pertama juga taklimat ringkas prosedur kajian diberikan kepada peserta seperti berikut:

- (i) bertemu dengan pihak pentadbir iaitu guru besar dan juga semua penolong kanan.
- (ii) Lawatan ke bilik darjah prasekolah
- (iii) Bertemu dengan peserta kajian
- (iv) Mengadakan taklimat dan perbincangan berkaitan kajian yang dijalankan bersama pentadbir dan peserta kajian

Pengumpulan data dilakukan melalui pemerhatian dan temu bual stuktur dan tidak berstruktur serta temu bual insiden kritikal (jika ada) kepada semua peserta. Pemerhatian pengurusan dan pengajaran dijalankan sebanyak 28 kali iaitu 7 kali untuk setiap peserta. Analisis dan penelitian dokumen seperti Rekod Pengajaran Harian (RPH), rekod pentaksiran, hasil kerja murid, minit mesyuarat, fail-fail pengurusan seperti inventori, perkapita, takwim, jadual dan lain-lain dibuat secara berterusan sepanjang tempoh kajian berlangsung. Kajian ini juga mengambil kesempatan berinteraksi dengan pentadbir dan staf sokongan sekolah untuk memahami dan mengenali peserta kajian.

### **3.11 Kaedah Mengumpul Data**

Pelbagai pendekatan pengumpulan data digunakan dalam kajian kualitatif. Kajian ini menggunakan tiga sumber kaedah iaitu temu bual, analisis kandungan dokumen dan pemerhatian. Kajian ini juga menggunakan senarai semak, catatan lapangan dan insiden kritikal sebagai maklumat tambahan.

Menurut Bogdan dan Biklen (1998), catatan lapangan terdiri daripada dua jenis iaitu deskriptif dan reflektif. Reflektif merujuk kepada sebahagian dari pemikiran pemerhati, persoalan dan ideanya. Deskriptif pula ialah catatan gambaran setting, tingkah laku, orang dan perbualan yang telah diperhatikan. Untuk mengukuh dan meningkatkan kredibiliti kajian, pendekatan multi method dan triangulasi juga digunakan dalam kajian ini. Robson (2011), kombinasi penggunaan pelbagai teknik boleh digunakan dalam kajian. Bagi pengutipan data, tiga jenis teknik digunakan iaitu temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Tiga jenis instrumen disediakan iaitu Panduan Temu Bual, Panduan Pemerhatian dan Panduan Analisis Dokumen. Proses pengutipan dan penganalisan data dibuat secara serentak supaya pengkaji boleh bergerak dalam memperoleh data dan juga untuk menjamin kebolehpercayaan terhadap data dengan mengelakkan berlakunya unsur leka dan lupa jika data lewat dianalisis.

### **3.11.1 Kaedah Temu bual.**

Temu bual merupakan satu pertemuan lisan secara berhadapan atau secara dalam talian (online) di mana mereka yang terlibat mengeluarkan maklumat, pandangan atau kepercayaan antara satu sama lain. Kajian ini yang menggunakan reka bentuk kajian kes, protokol temu bual adalah teknik yang baik bagi mengumpul data (Yin, 2009). Temu bual juga bertujuan untuk menyelami apa yang terkandung di minda seseorang terutamanya tentang perkara yang tidak dapat diperhatikan secara langsung. Istilah lainnya, temu bual adalah percubaan untuk memahami apa yang difikirkan oleh individu itu melalui pertuturannya.

Kajian ini menggunakan protokol temu bual sebagai kaedah utama mendapatkan maklumat yang khusus. Kajian ini perlu mengetahui apa yang terdapat dalam minda setiap peserta kajian (Osman Lebar, 2009). Temu bual yang digunakan dalam kajian kes hanya mengkaji beberapa individu terpilih yang terlibat sebagai peserta kajian. Temu bual juga dilakukan untuk mengetahui dan memahami perkara-perkara yang tidak dapat diperhatikan secara langsung. Kajian ini menggunakan tiga jenis kaedah temu bual iaitu temu bual berstruktur, temu bual semi berstruktur dan temu bual tidak berstruktur.

Kajian ini melibatkan temu bual dan peserta kajian dengan menggunakan soalan-soalan yang telah ditetapkan. Kajian ini juga merekodkan tindak balas mengikut skema pengkodan ditentukan yang mana ianya merupakan satu prosedur yang standard daripada segi pengurusan temu bual yang dapat mengawal perjalanan temu bual serta tindak balas peserta kajian.

Temu bual semi berstruktur pula menggabungkan ciri-ciri fleksibel temu bual terbuka atau tidak berstruktur dengan ciri mengarah dan seragam temu bual berstruktur. Soalan-soalan dalam temu bual semi berstruktur juga ditetapkan terlebih dahulu tetapi jawapan kepada soalan-soalan tersebut adalah terbuka. Namun boleh dikembangkan mengikut budi bicara kajian ini dan peserta kajian. Schensul (1999), temu bual semi

berstruktur adalah yang terbaik untuk meneroka atau menjelaskan faktor-faktor atau sub-sub faktor.

Temu bual tidak berstruktur pula memerlukan pengkaji mendalami fenomena yang hendak dikaji. Ini memaksa pengkaji lebih bersikap terbuka terhadap sebarang tindak balas dari peserta kajian. Iaitu tidak ada jawapan yang betul atau salah tetapi relevan terhadap tujuan kajian. Menurut Othman Lebar (2009), temu bual tidak berstruktur atau temu bual penerokaan memerlukan minda yang peka, pemikiran logik serta kemahiran komunikasi yang baik.

Peserta kajian dalam pengkajian ini ditemu bual untuk tiga tujuan, iaitu untuk mengumpul data berkaitan pengurusan pengoperasian prasekolah, pengurusan pengajaran di prasekolah dan tugas-tugas sampingan dalam pengurusan pengajaran. Tujuan kedua pula ialah untuk meneroka kefahaman guru dalam pengurusan pengajaran di prasekolah iaitu bagaimana guru mengintegrasikan tunjang dalam pengajaran melalui rancangan pengajaran sehari, bagaimana guru mentaksir murid dan apakah persediaan guru dalam memperkenalkan murid dengan 4M.

Tujuan ketiga teknik temu bual digunakan dalam kajian ini adalah untuk meneliti bagaimana peserta mengurus pengajaran di bilik darjah yang merangkumi pembelajaran murid, pendokumentasian hasil kerja murid dan bagaimana peserta membahagikan masa antara pengurusan pengajaran dan tugas-tugas sampingan yang diterima daripada pihak pengurusan. Ketiga tujuan ini distruktur mengikut keperluan. Proses ini dikenali sebagai temu bual utama, temu bual pra dan pos pemerhatian pelaksanaan pengurusan pengoperasian dan pengajaran serta respon terhadap insiden kritikal yang berlaku semasa proses pelaksanaan pengurusan pengajaran.

Kajian ini menggunakan teknik temu bual sebagai salah satu cara proses pengumpulan data. Peserta di temu bual untuk tiga tujuan. Pertama, mengumpul data berkaitan pengoperasian prasekolah, pengurusan pengajaran di prasekolah, tugas-tugas

hakiki dan tugas-tugas sampingan dalam menguruskan pengajaran di bilik darjah. Kedua, meneliti cara peserta kajian menyediakan RPH dan pandangan mereka dalam penguasaan 4M dan LINUS. Tujuan ketiga, untuk mendapatkan penjelasan dan pandangan peserta tentang peranan pentadbir pada prasekolah dan tugas-tugas arahan mereka. Kesimpulannya ketiga-tiga temu bual ini distrukturkan mengikut keperluan.

#### **3.11.1.1 Justifikasi Pemilihan Kaedah Temu Bual.**

Beberapa pengkaji sebelum ini berpendapat teknik temu bual ini mempunyai kelebihan. Dari segi keanjalan penemubual menyelidik dan menentukan isu yang diteroka dengan mendalam (Robson, 2011; Yin 2009). Penemubual juga bebas mengemukakan soalan baru yang tidak dirancang semasa penyediaan instrumen (Patton, 2002). Kajian ini menggunakan teknik temu bual kerana berdasarkan pandangan Robson (2011) dan Creswell (2009). Robson berpendapat teknik temu bual mempunyai potensi untuk menghasilkan bahan yang terbaik dan Creswell pula mengatakan teknik temu bual tidak berstruktur dan menawarkan kelebihan berikut;

- i. Membenarkan peserta kajian menggunakan stail sendiri ketika menjawab soalan atau mengemukakan pandangan
- ii. Tiada urutan soalan yang ditetapkan
- iii. Membenarkan peserta kajian mengemukakan pandangan atau isu yang tidak dirancang

Oleh kerana kajian ini bersifat meneroka terhadap pengurusan pengajaran, maka teknik temu bual amat sesuai digunakan dalam kajian ini.

#### **3.11.1.2 Protokol Soalan Temu Bual.**

Kaedah mengumpul data dalam kajian ini ialah teknik temu bual. Teknik ini digunakan untuk menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan dalam Bab 1. Semasa temu bual berjalan, alat rakaman suara digunakan untuk merekod perbualan antara pengkaji dan peserta kajian. Pengkaji sentiasa memastikan alat rakaman suara dalam keadaan baik dan berfungsi. Selain itu, catatan lapangan juga turut dibuat semasa



sesi temu bual, kandungan isi perbualan dan gambaran peserta kajian ketika di temu bual, mimik muka dan bahasa badan mereka juga dicatat.

Aspek yang berkaitan dengan temu bual seperti nama peserta kajian, tarikh, masa dan lokasi juga akan dicatatkan. Identiti peserta dirahsiakan. Salinan rakaman suara disimpan dalam storan yang berbeza untuk tujuan keselamatan. Hasil temubual yang dianalisis dibuat selepas pengutipan data bagi mendapatkan maklumat yang menyeluruh, terperinci dan mendalam. Tujuannya adalah untuk memastikan data diurus dengan teratur serta dapat digunakan dengan mudah, berkesan dan intensif. Tiga kaedah analisis digunakan semasa pengutipan data iaitu membuat ringkasan, membuat catatan refleksi dan membuat catatan memo, manakala selepas pengutipan data pula kaedah penyaringan data, pembentangan data dan membentuk kesimpulan telah digunakan.

Kebolehpercayaan data dibuat melalui kaedah pengutipan dan penganalisan data yang dijalankan secara serentak dengan kaedah catatan kesimpulan yang ringkas (Maxwell, 1996). Kaedah pertama adalah untuk mengelakkan lupa jika data lambat dianalisis, manakala kaedah kedua adalah menggunakan penjelasan atau huraian yang paling hampir dengan persepsi, penjelasan, komen dan perasaan yang diberikan oleh peserta kajian.

Kesahihan data dilihat melalui empat cara iaitu dengan mengulang pertanyaan, dan buat kesimpulan bagi memastikan ketepatan jawapan atau maksud yang disampaikan daripada temu bual dan pemerhatian yang dijalankan, membuat triangulasi dan berkongsi idea dengan pihak yang ada pengetahuan dan pengalaman terhadap perkara yang dikaji. Akhir sekali data dilaporkan dalam bentuk naratif dan pemaparannya dibuat dalam tiga tajuk utama dan diikuti oleh sub-sub tajuk. Penyampaian yang sedemikian adalah supaya pelaporan mudah dibaca dan difahami isinya, mudah dibuat perkaitannya dan mudah untuk mengesan isu-isu penting yang terkandung di dalamnya.

Tarikh dan masa temu bual utama ditetapkan mengikut keselesaan peserta kajian. Ini penting kerana temu bual utama biasanya memakan masa yang agak lama iaitu lebih dari satu jam. Membiarkan peserta dalam keadaan benar-benar bersedia untuk memberi respon pada sesi temu bual dijalankan. Dalam kajian ini, temu bual dijalankan untuk menjawab semua persoalan yang dikemukakan dalam kajian ini. Setiap soalan yang dikemukakan kepada peserta juga mengikut keselesaan fokus bidang yang ingin dimulakan oleh peserta.

Untuk menjawab persoalan kajian pertama, pengkaji menumpukan temu bual berkaitan dengan pelaksanaan pengurusan pengajaran dan kefahaman peserta terhadap pengajaran di prasekolah. Persoalan kajian kedua pula menumpukan cara tadbir urus rekod pentaksiran, pendokumentasian hasil kerja murid dan persediaan perancangan pengajaran guru. Persoalan ketiga pula ialah tugas-tugas sampingan yang diterima oleh guru semasa melaksanakan pengurusan pengajaran.

Soalan temu bual di struktur terlebih dahulu berdasarkan gabungan soalan yang diadaptasi dan disesuaikan dengan persoalan kajian. Soalan ini dan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C yang diadaptasi dan diubah suai dari Borang Soal Selidik Pengurusan Pengurusan Prasekolah (KPM, 2014) dan soalan kajian Chitra (2010) yang mengkaji pengurusan pengajaran murid istimewa. Walaupun soalan yang disediakan berstruktur namun peserta diberi kebebasan untuk memberi penerangan dan huraian mereka.

Dalam bahagian A, peserta diminta menceritakan latar belakang dan pendidikan peserta serta pengalaman mereka mengajar dan tempoh bertugas di lokasi kajian serta minat mereka dalam profesion perguruan bidang prasekolah. Persoalan lain yang diteroka ialah pelaksanaan pengurusan pengoperasian, kefahaman mengenai pengurusan pengajaran, masalah yang dihadapi semasa melaksana pengurusan pengoperasian prasekolah dan pengajaran di bilik darjah serta isu-isu terkini yang berkaitan dengan

dunia prasekolah. Peserta kajian juga disarankan melahirkan pendapat terhadap profesion guru prasekolah di Malaysia.

Bahagian B mengandungi soalan-soalan pengurusan pengajaran di prasekolah seperti pentaksiran murid, menulis laporan pentaksiran setiap perkembangan, rekod pengajaran harian, kesesuaian format penulisan, hasil kerja murid bagaimana di dokumenkan, apa yang di nilai daripada hasil kerja murid. Peserta kajian juga diminta menyatakan kefahaman mereka tentang penulisan laporan pentaksiran.

Bahagian C pula peserta kajian diminta menyatakan tugas-tugas sampingan yang diterima sepanjang tahun, sokongan pentadbir pada prasekolah, anugerah yang pernah diterima dan pembahagian masa dengan pengurusan pengajaran, tugas sampingan dan kehidupan peserta kajian. Peserta kajian juga diminta menyatakan perasaan mereka terhadap tugas sampingan yang diterima dalam melaksanakan pengurusan pengajaran seharian.

### **3.12 Kaedah Pemerhatian.**

Pemerhatian merupakan salah satu teknik penting dalam kajian kualitatif (Ghazali, 2014). Pemerhatian merujuk kepada aktiviti kajian yang bertujuan untuk mengetahui perkara yang dilakukan oleh seseorang (Noraini Idris, 2013). Rekod pemerhatian biasanya dirujuk sebagai nota lapangan iaitu deskripsi yang lengkap. Melalui pemerhatian, pengkaji mendokumen dan menjelaskan tindak dan interaksi yang kompleks (Othman Lebar, 2009).

Sesuaiilah seperti yang diperkatakan oleh Walcott & Harry, F (2010) bahawa pemerhatian adalah perlakuan merekod fenomena yang biasanya menggunakan instrument dan rakaman untuk tujuan saintifik. Data daripada pemerhatian mengandungi gambaran yang terperinci tentang sesuatu aktiviti atau perlakuan serta interaksi interpersonal dan proses organisasi yang menjadi sebahagian daripada pengalaman manusia yang terlibat dalam pemerhatian itu (Yin, 2003).

Pemerhatian ini memberi peluang kepada pengkaji untuk melihat perlakuan peserta kajian secara terus. Dalam konteks kajian ini, teknik pemerhatian digunakan untuk memerhati interaksi guru dengan murid yang mengkaji perlakuan dalam isu yang berkaitan dengan pengurusan pengajaran dan bagaimana kefahaman peserta kajian tentang pengurusan pengajarannya di bilik darjah prasekolah. Pengkaji hanya bertindak sebagai pemerhati dan tidak turut serta dalam pengurusan pengajaran peserta dan membiarkan perjalanan proses pengajaran guru berlangsung dalam *setting* yang biasa. Tujuannya adalah untuk mengelakkan ketidakselesaan peserta yang boleh mengurangkan kesahan dan kebolehpercayaan dan merupakan ciri utama dalam pengkajian kualitatif (Jacobi, 2004a).

Kekuatan teknik ini ialah dapat memahami situasi keseluruhan masalah yang dikaji seperti kekangan yang dihadapi oleh peserta dalam pengurusan pengoperasian, pengurusan pengajaran dan tugas sampingan yang mengganggu pengurusan pengajaran peserta kajian. Pemerhatian di prasekolah dijalankan sebanyak 5 kali bagi setiap peserta kajian adalah untuk mengenal pasti strategi yang digunakan oleh peserta untuk memperkenalkan asas huruf dan angka dalam menggalakkan murid menguasai 4M. Ini termasuklah cara pengurusan bilik darjah, reaksi ketika murid tidak memberi respon. Senarai semak pemerhatian juga disediakan.

### 3.12.1 *Justifikasi Pemilihan Kaedah Pemerhatian.*

Kaedah pemerhatian merupakan satu kaedah pengkajian yang diguna untuk mengukur pemboleh ubah pengkajian. Pemerhatian juga merupakan alternatif yang ada dalam mengumpul maklumat atau data selain soal selidik dan temu bual. Melalui pemerhatian, pengkaji dapat mengamati sesuatu tingkah laku subjek berpandukan isu yang telah dikenal pasti. Kajian ini berperanan sebagai pemerhati terhadap perubahan-perubahan tingkah laku, mendengar, serta melihat tingkah laku subjek sama ada dari jauh atau dari dekat. Pemerhatian dianggap sebagai alat kajian dalam mencapai tujuan

kajian. Oleh itu faktor utama pemilihan teknik pemerhatian dalam kajian ini adalah untuk mendapatkan jawapan kepada soalan-soalan kajian yang dikemukakan.

Kaedah pemerhatian sesuai digunakan khususnya apabila kajian ini mengkaji perkembangan tingkah laku sesuatu unit sosial, misalnya mengkaji perubahan tingkah laku guru dan perkembangan tingkah laku kanak-kanak. Penggunaan teknik ini perlu dirancang dengan teliti dan direkodkan untuk melaporkan dapatan yang boleh dipercayai. Noraini Idris (2013), teknik pemerhatian boleh mengawal dan memeriksa kesahan kajian. Ertinya, teknik ini bukan hanya sebagai alat mengumpul data semata-mata tetapi juga boleh mengesahkan dapatan kajian.

Pemerhatian terhadap sampel-sampel kajian lebih terperinci, jelas, teliti dan tepat. Ini menyumbang kepada dapatan kajian yang lebih sah serta boleh dipercayai. Maklumat yang diperolehi daripada pemerhatian sama ada dijangka atau tidak boleh menjadi bahan rujukan penting dalam kajian. Kajian ini memastikan maklumat yang diperolehi daripada pemerhatian benar-benar dari sampel yang ingin dikaji bukan wakil sampel yang telah dikenal pasti.

### **3.12.2 Protokol Kaedah Pemerhatian.**

Kaedah pemerhatian yang digunakan dalam kajian ini adalah untuk menjawab soalan kajian yang pertama iaitu meneroka pengurusan pengajaran guru prasekolah di bilik darjah. Pengkaji bertindak sebagai pemerhati sepenuhnya (Osman Lebar, 2009). Oleh itu dalam kajian ini pengkaji menjadi pemerhati sahaja dan tidak melibatkan diri dalam sebarang bentuk pengurusan pengajaran peserta kajian.

Pemerhatian ini dijalankan sebanyak 5 kali untuk setiap peserta kajian adalah untuk mengenal pasti pendekatan yang digunakan oleh peserta dalam pengurusan pengajarannya, cara yang digunakan dalam memperkenalkan huruf, angka dan cara menilai atau membuat pentaksiran terhadap murid dalam menggalakkan murid

menguasai 4M. Ini termasuklah cara pengurusan bilik darjah, reaksi ketika murid tidak memberi respon.

Senarai semak pemerhatian ini disedia berdasarkan KSPK dan dokumen yang berkaitan dengan pengurusan pengajaran di bilik darjah seperti rekod pentaksiran dan rekod portfolio murid. Perkara yang diperhatikan dalam kajian ini ialah;

- i. proses pengajaran harian
- ii. cara melaksanakan pentaksiran
- iii. penggunaan BBM dalam pengajaran
- iv. pengurusan bilik darjah
- v. interaksi peserta dengan murid
- vi. kaedah memperkenalkan 4M kepada murid
- vii. kaedah pengukuhan yang digunakan
- viii. amalan harian di bilik darjah

Banyak aspek yang menghubungkan proses pengajaran guru dengan pencapaian akademik murid prasekolah khususnya dalam penguasaan 4M. Memandangkan persoalan ketiga iaitu bentuk tugas sampingan maka perkara berikut juga diperhatikan agar data yang diperolehi lebih terperinci. Antaranya ialah;

- i. rutin dan prinsip yang digunakan dalam pengurusan pengajaran harian
- ii. apakah tugas *ad hoc* yang diberi oleh pihak pengurusan
- iii. waktu melaksanakan pengurusan kewangan
- iv. berapa kali lawatan pentadbir di prasekolah
- v. bagaimanakah hubungan peserta dengan pentadbir sekolah
- vi. apakah tugas lain yang disandang oleh peserta

Senarai semak protokol pemerhatian dan catatan lapangan juga dibuat sepanjang satu hari peserta kajian bertugas di sekolah. Kajian ini membuat catatan refleksi dan menulis memo untuk isu-isu yang timbul semasa pemerhatian dijalankan. Memo tersebut adalah

refleksi peribadi pengkaji terhadap perkara-perkara yang berlaku di lokasi kajian ataupun penelitian semula secara berterusan terhadap perkara yang menjelma semasa kajian sedang berjalan. Catatan lapangan, catatan reflektif dan memo diberikan kod tertentu dan tarikh juga dicatatkan untuk tujuan pengurusan data yang bersistematik.

Kaedah mengumpul data teknik pemerhatian dalam kajian ini adalah untuk menjawab soalan kajian pertama iaitu meneroka pengurusan pengajaran guru di prasekolah. Dalam pemerhatian tersebut, tumpuan diberikan kepada kefahaman pengajaran di prasekolah dan proses pengurusan pengajaran guru di bilik darjah. Ini termasuklah amalan ABP iaitu pengajaran mengikut perkembangan yang bersesuaian dengan umur, perkembangan dan minat murid serta strategi memperkenalkan 4M kepada murid.

Pemerhatian ini dilakukan sebanyak 5 kali untuk empat orang guru prasekolah. Pemerhatian ini juga melibatkan pengurusan seperti teknik pengajaran, kaedah penerangan, pengurusan bilik darjah, merekod dan menilai hasil kerja murid. Senarai semak protokol disediakan dan diguna pakai untuk mengesan pengurusan pengajaran guru prasekolah di bilik darjah. Walau bagaimana pun pemerhatian ini bergantung pada takwim tahunan prasekolah.

Catatan lapangan dibuat sepanjang pemerhatian dijalankan. Kajian ini memerhati dan mencatat perjalanan aktiviti pengajaran, latar belakang peserta kajian, aktiviti dan interaksi, faktor yang kurang jelas tetapi berkaitan dan penting untuk kajian (Othman Lebar, 2009). Tumpuan diberikan pada bahan bantu yang digunakan dalam pengajaran mengikut perancangan, pengintegrasian tunjang dalam pengajaran dan strategi yang digunakan untuk memperkenalkan 4M kepada murid. Perakam audio dan video digunakan dalam pemerhatian ini. Rakaman audio untuk mengumpul data tentang penyampaian pengajaran guru manakala rakaman video digunakan untuk membantu pengkaji merujuk kembali proses pengurusan pengajaran guru.

### **3.13 Kaedah Analisis Dokumen.**

Creswell (2009), dokumen merupakan sumber data yang boleh menyokong data temu bual dan pemerhatian. Data dokumen boleh menyediakan maklumat yang boleh membantu kajian ini memahami sesuatu fenomena yang berlaku. Menurut Bogdan dan Biklen (1998), dokumen terdiri daripada bahan-bahan bercetak, bertulis, rekod audio dan rakaman video yang mengandungi maklumat tentang aktiviti pengurusan pengajaran peserta kajian.

Osman Lebar (2009) dan Bryman (2008) pula berpendapat, mempunyai kelebihan yang boleh digunakan samada sebagai alat mengumpul data ataupun sebagai alat analisis dokumen untuk teknik kajian lain. Ghazali (2015), data-data daripada sumber dokumen digunakan adalah untuk mengelakkan duplikasi dengan meneroka maklumat awal kronologi sejarah yang boleh diperolehi melalui dokumen rasmi, kurikulum dan sebagainya. Strauss & Corbin (1998) menyatakan penganalisan dan pengintegrasian bahan dokumen samada daripada sumber teks atau bertulis atau bahan artifak memerlukan pertimbangan terhadap makna atau maksud kandungan dokumen disamping aspek masa atau tempoh dokumen itu. Oleh itu dalam kajian ini beberapa dokumen telah dikenal pasti untuk dianalisis:


- i. Rekod pentaksiran murid
- ii. Hasil kerja murid
- iii. RPH
- iv. Sukatan pelajaran
- v. Surat atau memo
- vi. Fail peribadi peserta kajian

Teknik analisis kandungan dokumen ini digunakan dalam mengumpul data untuk menjawab persoalan kajian pertama dan ketiga. Untuk menjawab persoalan tersebut dokumen seperti kurikulum, buku pentaksiran, memo, surat-surat rasmi, RPH, hasil



kerja murid, buku panduan, minit mesyuarat, laporan aktiviti tahunan dan sebagainya dikumpulkan dan dianalisis kandungannya. Tujuannya untuk membolehkan kajian ini menyemak sendiri maklumat dokumen berkenaan.

Analisis kandungan dokumen digunakan dalam kajian ini untuk mengetahui kefahaman pengurusan pengajaran guru. Kefahaman ini termasuklah cara mengintegrasikan tunjang dalam pengajaran mengikut kurikulum, menguruskan rekod pentaksiran dan menulis laporan pentaksiran murid serta strategi yang digunakan dalam memperkenalkan 4M kepada murid prasekolah. Mungkin terdapat beberapa salinan dokumen yang membantu memudahkan pengkaji melaksanakan kerja-kerja menganalisis kandungan dokumen. Walau bagaimana pun persetujuan peserta kajian adalah perlu. Rajah 3.3 menunjukkan kaedah mengumpul data secara triangulasi yang digunakan dalam menjawab persoalan kajian dengan menggunakan protokol temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen.



Rajah 3.3  
Kaedah Mengumpul Data Triangulasi

Triangulasi bermaksud menggunakan dua atau lebih kaedah pemungutan data dalam sesuatu kajian (Creswell, 2009). Kajian ini boleh menggunakan lebih daripada satu sumber maklumat untuk menetapkan satu-satu fakta (Bogdan & Biklen, 1992). Tujuan utama menggunakan triangulasi ialah untuk meminimakan bias pengkaji dan memastikan kesahan dalaman dan luaran sesuatu data yang diperolehi dan di analisis oleh pengkaji (Denzin, 1978).

### **3.13.1 Justifikasi Pemilihan Analisis Kandungan Dokumen.**

Teknik analisis kandungan dokumen yang digunakan dalam kajian ini adalah untuk meneroka pengurusan pengoperasian dan pengajaran guru prasekolah di Malaysia khususnya dalam kalangan guru prasekolah di Daerah Jempol, Negeri Sembilan. Teknik ini dipilih kerana data dokumen ini adalah data sokongan atau tambahan (Merriam, 1998). Maklumat tersebut bukan hanya membolehkan kajian ini menyokong dan menambahkan bukti tetapi juga menolong mengesahkan maklumat yang diperolehi daripada temu bual dan pemerhatian yang dijalankan.

Teknik analisis kandungan dokumen ini juga dipilih kerana sesuai digunakan oleh pengkaji tunggal disebabkan proses interpretasi teks melalui pembacaan adalah sukar untuk dijawab, dikomunikasikan dan diterangkan jika dibuat secara berkumpulan (Krippendorff, 2008). Teknik ini juga kerap digunakan dalam kajian kualitatif dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan sains sosial khususnya bidang pendidikan. Antara pengkaji yang pernah menggunakannya adalah Nazariyah (2014), Norashid (2014), K.Anandan (2010), Abd Shattar (2007) dan Abd Halim (2014).

Data-data dokumen adalah data bukti sebenar yang dilihat, disentuh dan di rasa, ianya adalah data skunder atau sebagai data sokongan yang boleh memberi maklumat berkaitan masalah yang dikaji dalam kajian ini. Dokumen yang di pilih adalah dokumen yang relevan dengan tajuk kajian.

### 3.14 Organisasi Data

Sebelum proses menganalisis data dimulakan, kajian ini perlu memastikan semua maklumat yang diperoleh direkod dan dilabelkan secara sistematik. Setelah menyediakan transkripsi, pengkaji menyusun data mengikut bahagian. Nombor atau kod diberi pada setiap temu bual, membahagikan nota-nota lapangan kepada bahagian tertentu mengikut tarikh data pungutan data. Kajian ini juga menyimpan data mengikut bahagian masing-masing di fail yang disediakan. Kajian ini menyusun data-data masih boleh diproses dan mengikut keperluan kajian. Teks kajian lapangan atau data temu bual disediakan di tengah-tengah antara dua lajur kiri dan kanan. Creswel (2009), menyarankan 4 lajur iaitu bilangan baris ayat, teks, kod, tema dan subtema. Oleh itu kajian ini menggunakan lajur seperti yang seperti Jadual 3.3

Jadual 3.3

*Tanskripsi data temu bual, pemerhatian dan catatan lapangan*  
*Sumber: Creswell (2008) dalam Chitra (2010)*

Bil	Teks	Kod	Tema/Sub tema
1			
2			
3			

Kajian ini membaca berulang kali data yang telah ditranskrip agar memahami maksud yang ditulis dan tema serta sub tema dikodkan secara berasingan.

#### 3.14.1 Proses Memahami Data.

Kajian ini memerlukan kemahiran dalam memahami data. Proses memahami data ini adalah seperti mendengar semula rakaman temu bual, membaca semula data-data, memo dan membuat ringkasan sebelum proses analisis secara formal dimulakan. Peringkat ini penting dalam pengumpulan dan proses intepretasi data. Kajian ini harus memahami data-data yang telah dikumpul melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen serta catatan lapangan. Faham yang dimaksudkan ialah adakah data-data

tersebut mencukupi untuk menjawab semua soalan kajian. Kajian ini juga membiasakan analisis data-data yang ada secara manual.

### **3.14.2 Asing dan Tapis data.**

Mengasing dan menapis data merupakan langkah awal dalam analisis data kualitatif. Proses pengasingan ini boleh dilakukan sebelum atau selepas membuat koding dalam sesebuah kajian (Gorbich, 2007). Tujuan pengasingan sebelum membentuk tema atau membuat koding adalah untuk mengeluarkan apa yang terdapat di fikiran yang tidak relevan dengan kajian atau data yang diperoleh itu tidak menjawab persoalan kajian.

Pengasingan dan penapisan data dilakukan sebelum dan selepas membentuk tema. Tujuannya adalah untuk mengenalpasti data-data yang diperoleh relevan dengan kajian literatur dan pengalaman pengkaji sendiri. Selepas membuat koding, kajian ini membentuk tema dan sub tema yang baharu dan data yang tidak relevan dan tidak memberi apa-apa makna diabaikan.

Kajian ini juga melakukan proses transkripsi sendiri ke atas data yang dikumpul. Hal ini membolehkan kajian ini dibiasakan dengan data tersebut. Proses ini dijalankan setelah melakukan pemerhatian, temu bual atau menganalisis dokumen berkaitan. Tindakan ini membolehkan proses memberi nilai. Dalam konteks kajian ini, pembersihan data (asing dan tapis) dibuat semasa proses menganalisis data pada peringkat awal dan diteruskan selepas selesai proses mengumpul data. Data-data yang disalin adalah data dalam bentuk rakaman audio yang mengandungi temu bual dengan peserta kajian, perbincangan dan catatan lapangan. Enam langkah digunakan dalam analisis dan interpretasi data kualitatif kajian ini:

- i. Menyediakan dan mengorganisasi data- temu bual, transkrip temu bual.
- ii. Membuat koding data - membaca transkrip, menulis nota mewakili tanggapan pertama pengkaji tentang data, ulang bacaan transkrip, bina pertanyaan dalam diri - apakah pernyataan peserta membantu pengkaji

menjawab soalan kajian. Bina kod untuk memberi gambaran umum tentang data, huraian dan tema.

- iii. Membentuk tema dan huraikan dapatan – daripada kod, bina tema, buat rumusan tema dalam jadual, nyatakan bagaimana tema refleksi atau berbeza daripada dapatan atau pengalaman pengkaji lain dalam sorotan kajian.
- iv. Melapor dapatan- melalui laporan naratif dan visual.
- v. Menginterpretasi makna dapatan - secara pantulan atas kesan dapatan kajian lalu.
- vi. Mengsah ketepatan dapatan- gunakan pelbagai strategi.

### 3.14.3 Pengkodan.

Pengekodan pula dibentuk dan dijadikan panduan untuk proses penyaringan data. Pengkodan ini dibuat berdasarkan kategori yang telah ditentukan berasaskan kerangka teori dan persoalan kajian. Menurut Creswel (2005) dan Othman (2009), pengkodan merupakan satu alat untuk menterjemah dan menyusun data-data mengikut urutan berdasarkan pecahan data dan kategori tertentu. Pengkodan membawa makna proses melabel, memberi kod pada unit tertentu.


Kod kategori kajian ini berdasarkan kerangka konseptual kajian dan daripada kategori itu dibentuk pula sub kategori. Kod kategori bagi kajian ini ialah:

- a. Pengurusan pengoperasian dari aspek pengurusan bilik darjah.
- b. Pengurusan pengajaran
  - i. Penyediaan RPH
  - ii. Penyediaan Bahan Bantu Mengajar
  - iii. Pelaksanaan kurikulum
  - iv. Pelaksanaan Pentaksiran
- c. Tugas sampingan memberi kesan terhadap tugas hakiki

Oleh kerana kajian ini berbentuk penerokaan, maka pengkodan data temu bual dan pemerhatian dilakukan secara *Axial Coding* dan *Provisional Coding*. *Axial Coding*

adalah satu set prosedur data yang dikumpul dengan cara yang baharu selepas dibuat *open coding* iaitu proses memeriksa, membanding beza, menghasil dan menggabungkan konsep dan kategori data daripada data mentah dan dibuat perkaitan antara kategori.

*Provisional coding* pula digunakan kerana tema dan kategori ditentukan lebih awal berdasarkan sorotan literatur dan konseptual kajian. Proses-proses yang dinyatakan membentuk idea baharu untuk melakukan pengumpulan data semula. Kod yang telah dibentuk dipecahkan kepada kategori lain jika perlu. Rajah 3.4 menunjukkan langkah dan tatacara proses mengalisis data kajian ini.



Rajah 3.4  
Carta Alir keseluruhan proses analisis kajian  
(Adaptasi Miles Huberman, 1994)

### **3.15 Analisis semasa pengumpulan data**

Proses penganalisan ini dijalankan sebaik saja bermulanya pengumpulan data. Permulaan temu bual, pemerhatian dan membaca dokumen adalah merupakan titik permulaan menganalisis data kualitatif (Merriam, 2001). Analisis berterusan perlu dilakukan untuk meneliti dan menilai data, mencukupi dan relevan untuk menjawab setiap persoalan kajian. Dengan menganalisis data lebih awal memberi panduan untuk proses mengumpul data seterusnya sama ada perlu di pungut dari murid atau pentadbir sekolah.

Kajian ini menggunakan pelbagai kaedah menganalisis dan penyaringan data seperti yang dicadangkan Miles & Huberman (1994). Kajian ini membuat catatan memo dan refleksi untuk dijadikan sebagai rujukan. Pengurusan data seperti ini dikenali sebagai *case study data base* (Yin, 1994). Jika data banyak diperolehi dari kajian ini maka maklumat disusun dan disimpan dalam bentuk mudah untuk di analisis pada peringkat mengumpul data.

#### **3.15.1 Menyediakan transkripsi daripada data temu bual dan pemerhatian.**

Menurut Noraini Idris (2013) dan Othman Lebar (2009) membuat transkripsi dan ringkasan merupakan proses dalam penganalisan data semasa proses mengumpul data. Kajian ini membuat transkripsi sendiri dari data yang dikumpul. Hal ini membolehkan kajian ini dibiasakan dengan data tersebut. Proses ini dilakukan sebaik tamat menjalankan sesi temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Begitu juga untuk sesi yang berikutnya. Tindakan segera perlu dibuat untuk membolehkan nilai tambah diberi kepada data yang dikumpul.

Transkripsi pemerhatian dan temu bual dilakukan secara menyeluruh tanpa meninggalkan apa juga yang didengar dan diperhatikan. Perkataan *'\_ooo'*, *'\_apa tu'* dan sebagainya adalah elemen penting dalam perbualan dan tidak boleh diabaikan. Bahasa badan juga memberi makna dan memberi kefahaman tentang apa yang dibualkan.

Catatan memo boleh menyerupai renungan tentang apa yang dilihat semasa pemerhatian dan merenung semula situasi di lapangan. Hal merupakan satu catatan idea atau pendapat.

Untuk memudahkan transkripsi rakaman temu bual, kajian ini menggunakan *Digital Voice Recorder* yang mana perisian ini lebih memudahkan proses transkripsi. Seterusnya kajian ini memilih unit yang telah di transkripsi dikelompokkan di bawah tema. Proses ini dilakukan secara manual. Pembacaan transkripsi dan pemilihan tema perlu diulangi sehingga bahagian yang memberi makna menggambarkan tema atau sub tema yang dikehendaki telah selesai dikelompokkan dan bahagian yang tidak memberi makna disingkirkan. Dari sinilah rumusan dan kesimpulan data ditulis untuk menyediakan laporan kajian.

Data pemerhatian juga memerlukan fasa analisis yang sama seperti data temu bual. Frasa-frasa ayat yang memberi maksud yang dikehendaki dan isu yang kerap kali diulangi dan menonjol yang telah dikenal pasti dipadankan dengan soalan kajian yang berkaitan. Pengekodan dibuat disebelah transkripsi.

### **13.15.2 Analisis Data Kandungan Dokumen.**

Kajian ini memilih data yang dikehendaki dan menaip semua catatan yang ditulis dalam catatan lapangan, pada masa yang sama pengkaji akan memberi kod. Kandungan dalam setiap dokumen perlu dikaji untuk melihat kesesuaiannya dan dipadankan dengan soalan kajian. Jika data dokumen yang diperolehi telah menjawab semua persoalan kajian, maka dikira sumber dokumen dalam kajian ini telah mencukupi.

Dalam konteks kajian ini, semua dokumen yang diperlukan diteliti dan dibuat catatan maklumat yang berkaitan dengan persoalan kajian. Maklumat ini penting untuk memberi gambaran bagaimana peserta kajian menerima arahan dan memahami pengurusan pengoperasian dan pengajaran di prasekolah. Bahan edaran seperti minit



mesyuarat, surat-surat rasmi dari KPM, JPNS dan PPDJJ diteliti untuk mengetahui bagaimanakah kefahaman pengurusan pengoperasian dan pengajaran guru terutamanya dalam mendokumentasikan hasil kerja dan rekod pentaksiran murid.

Manakala buku RPH pula memberi maklumat tentang pengintegrasian tunjang dalam pengajaran dan strategi yang digunakan untuk memperkenalkan 4M. Semua data yang diperolehi dirujuk sebagai refleksi rekod pentaksiran murid. Data-data ini penting untuk melihat penguasaan 4M murid dalam pengurusan pengajaran di prasekolah.

### **13.16 Analisis Selepas Mengumpul Data.**

Analisis data secara serentak semasa proses mengumpul data diteruskan dengan lebih efektif selepas berakhirnya proses mengumpul data (Creswell, 2012). Merriam (1998) menyarankan semua maklumat yang dipungut haruslah dikumpul bersama. Penganalisan peringkat kedua secara intensif melibatkan penyaringan dan pembentangan data serta membentuk kesimpulan (Miles & Huberman, 1994).

Maklumat dari dokumen yang berlainan jenis dan dalam kuantiti yang banyak boleh disimpan dalam satu ruang dan boleh dihubungkan serentak untuk memudahkan urusan mencari maklumat dan menganalisis data. Semua analisis dapatan kajian adalah untuk menjawab SK1, SK2 dan SK3. Dapatan telah disusun dalam bentuk jadual mengikut tema dan sub tema yang wujud. Ini bertujuan untuk membina deskripsi pelaksanaan pengurusan pengoperasian dan pengurusan pengajaran. Proses pengumpulan menganalisis rangka kerja selepas pengumpulan data diterangkan secara lengkap mengikut langkah seperti berikut:

Mengenal pasti tema mengikut konstruk. Setiap tema dapat dikenal pasti melalui soalan dan sub soalan dalam setiap konstruk soalan kajian yang dikemukakan dalam bab 1. Tema yang wujud dikaitkan dengan data yang diterima, sumber data dan cara menganalisis data. Bagi menjawab SK1, SK2 dan SK3, data yang dikutip melibatkan ketiga-tiga pendekatan kualitatif untuk menghasilkan tema yang berkaitan dengan

pengurusan pengoperasian dan pengajaran peserta kajian. Sementara itu penyaringan data yang membentuk tema semasa analisis peringkat awal diteruskan selepas tamatnya aktiviti pengumpulan data. Melalui kajian ini, satu set padanan tema dibentuk melalui penyaringan data sebagai panduan utama.

Padanan tema dibuat berdasarkan konstruk dan ditentukan terlebih dahulu berasaskan kerangka teoritikal dan soalan kajian. Huraian berkenaan padanan mengikut tema tersebut dihuraikan secara mendalam dalam Lampiran R mengikut dapatan kajian. Jadual 3.4 menunjukkan perkaitan antara konstruk yang mewujudkan tema.

Jadual 3.4  
*Perkaitan Antara Konstruk Dan Tema*

Soalan kajian	Konstruk	Tema
Bagaimana guru prasekoah melaksanakan pengurusan pengoperasian prasekolah dari aspek pengurusan bilik darjah?	Pengurusan Pengoperasian	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengurusan Perkapita</li> <li>2. Pengurusan Inventori</li> <li>3. Pengurusan Jadual</li> <li>4. Pengurusan Takwim</li> <li>5. Pengurusan RPT</li> <li>6. Pengurusan Fasiliti</li> </ol>
Bagaimana guru prasekolah melaksanakan pengurusan pengajaran di bilik darjah	Pengurusan Pengajaran	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penyediaan RPH</li> <li>2. Penyediaan BBM</li> <li>3. Pelaksanaan Kurikulum</li> <li>4. Pelaksanaan Pentaksiran</li> </ol>
Bagaimanakah tugas sampingan dalam pengurusan pengajaran memberi kesan terhadap tugas hakiki guru prasekolah	Tugas sampingan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tugas Ad Hoc</li> <li>2. Tugas bukan rutin</li> </ol>

Membuat padanan tema dengan sub tema dan kod. Padanan tema dengan sub tema adalah penting dalam penganalisan data secara kualitatif untuk memberi makna berdasarkan konteks dan maksud sebenar pengurusan pengoperasian dan pengajaran peserta kajian. Daripada dapatan kajian, beberapa tema yang membentuk sub tema kemudiannya dapat memberi makna kepada data kajian. Ketepuan data temu bual

soalan struktur dan separa berstruktur yang dikemukakan kepada peserta kajian dapat mengenal pasti sub tema yang wujud. Selesai dianalisis data temua bual, kajian ini meneruskan analisis pemerhatian dengan mengguankan sub tema dan kod yang wujud. Semua proses transkripsi data temu bual dan pemerhatian dimasukkan ke dalam fail data yang lengkap melalui program *excel* dan dihipunkan mengikut kekerapan setiap perkataan yang terdapat dalam data asal.

Penggunaan program *excel* sangat membantu dalam proses menyaring dan menyusun data secara sistematik dan menjimakan masa. Berpandukan kekerapan melalui tema dan sub tema mengenai pengurusan pengoperasian dan pengajaran peserta kajian, pembentangan data yang lebih bermakna dapat disusun untk membina deskripsi pengurusan pengoperasian dan pengajaran peserta kajian.

Pembentangan data seterusnya untuk memudahkan proses penganlisisan data. Misalannya, melalui konstruk pengurusan pengoperasian, tema *'\_pengurusan perkapita'* membentuk sub tema dan kod berkenaan *'\_perkapita alatan'* dan sebagainya. Begitu juga dengan sub tema dan kod-kod lain yang dapat memudahkan kajian ini menganalisis dapatan bagi mewujudkan pelaksanaan pengurusan pengoperasian dan pengajaran setiap peserta kajian ini. Jadual 3.5 menunjukkan perkaitan antara konstruk, tema, sub tema dan kod yang diwujudkan.

### Jadual 3.5

#### *Perkaitan Antara Konstruk, Tema, Sub Tema Dan Kod*

<b>Konstruk</b>	<b>Tema</b>	<b>Sub Tema Dan Kod</b>
Pengurusan Pengajaran	Pelaksanaan	- Pengetahuan kefahaman kandungan - <b>PKK</b>
	Pengajaran	- Kemahiran menyampaikan - <b>KM</b> - Integrasi tunjang - <b>IT</b> - Integrasi ICT - <b>IICT</b>
	Pelaksanaan	- Kaedah pentaksiran - <b>KP</b> - Rekod pentaksiran - <b>RP</b>
	Pentaksiran	- Pelaporan - <b>PL</b>
	Penyediaan RPH	- Penggunaan tema - <b>PT</b> - Integrasi tunjang - <b>IT</b>
	Penyediaan BBM	- Alat teknologi - <b>AT</b> - Buat sendiri - <b>BS</b> - Sumber elektrik dan internet - <b>SEI</b>

#### **13.16 Membuat kesimpulan dan pentafsiran.**

Kesimpulan yang mengenal pasti mengenai pengurusan pengoperasian dan pengajaran peserta kajian adalah menerusi penggunaan teknik yang melibatkan hitungan, penentuan tema, membuat kumpulan kod melalui rangkaian tema dan sub tema berdasarkan teori, model dan kerangka konsep seperti yang dicadangkan oleh Miles dan Huberman (1994). Tema dan sub tema yang wujud secara kerap ini dikelaskan dengan penerangan ringkas bagi menggambarkan rumusan secara keseluruhan.

Berdasarkan rumusan tersebut, kajian ini menjawab soalan kajian dengan menjelaskan setiap tema, sub tema dan membentuk jadual matriks deskripsi berkenaan, pengurusan pengoperasian, pengurusan pengajaran dan tugas sampingan. Pengurusan tersebut diterangkan melalui istilah melaksanakan atau tidak melaksanakan atau tidak melaksanakan bergantung kepada perkara konstruk, tema dan sub tema yang dianalisis dan dilaporkan.

### 13.17 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Kesahan didefinisikan sebagai ketepatan, kebenaran bermakna dan kebolehgunaan instrumen yang membolehkan data yang diperolah diinferenkan (Fraenkel & Norman, 1996). Kesahan juga bermaksud persetujuan untuk mengukur trait yang sama secara maksimum dengan kaedah yang berlainan (Campbel & Fiske, 1959), tujuan kesahan instrumen juga ialah menjamin kesahan item (instrumen) agar bersifat seperti berikut:

- i. Ketepatan iaitu menjawab persoalan kajian
- ii. Dapat dipertahankan kerana hasil kajiannya tepat dan berguna
- iii. Bererti iaitu memberi makna terhadap data mealui skor
- iv. Kebolehgunaan iaitu mampu membuat keputusan berhubung dengan apa yang cuba dicari atau dihasilkan kerana keputusan dari penilaian tersebut boleh menyediakan maklumat yang bermakna mengenai tajuk.
- v. Kesesuaian iaitu relevan dengan tujuan kajian.

Kebolehpercayaan pula ialah satu konsep yang merujuk kepada ketekalan dan kestabilan sesuatu ukuran atau alat ukur atau kajian atau soal selidik merentasi masa terhadap sesuatu gagasan. Kebolehpercayaan bertujuan untuk mengetahui sama ada ukuran itu memberi jawapan yang sama apabila ia digunakan untuk mengukur konsep yang sama kepada populasi atau sampel atau responden yang sama (Sabitha Marican, 2005).

Oleh itu kebolehpercayaan data kualitatif kajian ini berkaitan dengan penerokaan pengurusan pengoperasian dan pengajaran, sama ada mempunyai ketekalan dalaman atau luaran. Ketekalan merujuk kepada data yang diperoleh diatur dalam bentuk yang bermakna. Manakala ketekalan luaran pula dengan mengesahkan melalui penyemakan data yang diperoleh daripada pelbagai sumber dan teknik mengumpul data. Kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian ini melibatkan beberapa langkah yang

disarankan oleh Bogdan dan Biklen (2003), iaitu pengesahan kajian rintis, triangulasi data, diari, pengesahan pakar dan pengiraan Cohen Kappa terhadap persetujuan pakar berkaitan tema, sub tema dan tempoh kajian yang panjang.

### **13.17.1 Kesahan.**

Kesahan berkaitan dengan kredibiliti sesuatu deskripsi, interpretasi, kesimpulan, penerangan (Maxwell, 1996). Menurut Creswell & Miller (2000), kesahan adalah ketepatan pernyataan dalam mewakili realiti peserta kajian tentang sesuatu fenomena. Kesahan juga bergantung pada perhubungan kesimpulan dengan fenomena sebenar (Othman Lebar, 2009). Kesahan dalam kajian ini bolehlah dikaitkan dengan dapatan kajian tapi bukan merujuk kepada data semata-mata malah lebih merujuk kepada inferens yang dibuat daripada data yang diperoleh (Hammersley, 2008).

Kajian ini, mengaplikasikan kesahan dalaman dan kesahan luaran. Ini adalah berdasarkan pendapat Merriam (2009) dan Yin (2003), yang diterangkan seperti berikut:

#### **13.17.1.1 Kesahan Dalaman.**

Kesahan dalaman berkait rapat dengan makna realiti. Terdapat andaian mengatakan dalam kajian kualitatif realiti adalah holistik, pelbagai dimensi dan sering berubah (Merriam, 2001). Enam strategi dicadangkan sebagai panduan untuk meningkatkan kesahan dalaman kajian ini. Strategi yang dicadangkan oleh Merriam (2009) ialah:

- i. triangulasi
- ii. semakkan peserta kajian
- iii. bukan andaian
- iv. pemerhatian jangka panjang,
- iv. pemeriksaan rakan,
- v. membentuk kolaboratif

Strategi triangulasi menggunakan pelbagai data sumber dan metod untuk mengesahkan dapatan. Kajian ini menggunakan tiga kaedah triangulasi iaitu temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Semakkan peserta digunakan untuk data temu bual dan pemerhatian. Kajian ini meminta peserta membuat semakkan semula dan

membetulkan kesilapan yang terdapat dalam transkripsi pemerhatian sebelum menganalisis data secara manual.

Tempoh pemerhatian dilakukan dalam jangkamasa yang panjang iaitu 7 bulan. Kajian ini menyusun tempoh masa pemerhatian ini agar dapatan data lebih kukuh. Penelitian rakan setugas adalah strategi asas untuk meningkatkan kesahan. Kajian ini mendapatkan kerjasama dari 4 orang rakan untuk pemeriksaan berkenaan dengan membuat teoritikal orientasi, andaian yang rasional dan berpandangan holistik. Untuk membentuk kolaboratif, kajian ini membina repo dengan peserta dan pihak-pihak yang terlibat dalam kajian ini.

#### **13.17.1.2 Kesahan Luaran.**

Kesahan luaran dalam kajian kualitatif, merujuk kepada kekuatan sebenar hasil kajian dapat diaplikasikan pada situasi yang lain (Othman Lebar, 2009; Noraini Idris, 2013). Tindakan kajian ini menyediakan penerangan yang terperinci tentang latar belakang kajian bertujuan menentukan perhubungan rapat pengkaji dengan peserta kajian. Situasi ini boleh memberi peluang kepada yang berminat untuk menghayati dan mengaplikasikan dapatan kajian (Merriam, 2009).

Kajian ini mengaplikasikan dua strategi yang disyorkan oleh Merriam (2003) untuk mendapatkan kesahan luaran kajian. Iaitu:

- i. Penerangan yang jelas agar pembaca dapat menentukan setakat mana situasi mereka sama ada sepadan dengan situasi kajian atau sebaliknya.
- ii Memberi deskripsi tentang peserta kajian yang terlibat semasa proses kajian dalam kategori yang sama agar pembaca boleh membuat perbandingan dengan situasi mereka.

Justifikasi penggunaan dua strategi ini mampu menghasilkan keputusan berhubung dengan apa yang dikaji kerana keputusan dari penilaian tersebut boleh menyediakan maklumat yang bermakna mengenai kajian ini.

### 13.17.2 Kebolehpercayaan.

Konsep kebolehpercayaan berkait rapat dengan soal kebolehsandaran dan ketekalan keputusan atau hasil daripada data yang dikumpul. Kebolehpercayaan juga merujuk kepada setakat mana dapatan kajian boleh diulang semula. Kebolehpercayaan juga adalah sukar untuk ditentukan dengan tepat kerana peserta kajian itu adalah manusia dan tidak bersifat statik (Othman Lebar, 2009).

Menurut Merriam (2002; 2001), kebolehpercayaan merujuk kepada kemantapan, ketepatan dan kemampuan mempercayai sesuatu iaitu sedalam mana dapatan boleh diulang dan dengan andaian kajian ulangan mendapat dapatan yang hampir sama. Kebolehpercayaan adalah merujuk kepada kestabilan, ketepatan dan sumber data (Burns, 2000). Manakala Noraini Idris (2013) pula berpendapat kebolehpercayaan sesuatu skala menunjukkan sejauh mana skala tersebut bebas daripada ralat rawak.

Kebolehpercayaan merujuk sejauh mana dapatan kajian boleh diulangi (Merriam, 2002). Ketekalan item yang diuji beberapa kali kepada peserta kajian yang sama pada masa yang berlainan tetapi tetap memberi jawapan yang sama dan hampir sama (Wainer & Braun, 1988). Dalam kajian ini, protokol temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen dilihat daripada segi kesahan konstruk dan konsistensi jawapan peserta kajian. Sekiranya pengkaji leka, bias dapat dilihat dalam laporan kajian.

Dapatan dari satu kajian dianggap ‘boleh diterima’ maka ianya adalah tekal (Merriam, 2001). Kajian ini menggunakan lima strategi kebolehpercayaan yang dicadangkan oleh Merriam iaitu;

- a) Pendirian pengkaji
- b) Kaedah mengumpulkan data pelbagai menggunakan triangulasi
- c) Deskripsi terperinci tentang pegumpulan data, analisis data dan membuat keputusan
- d) Menggunakan analisis indeks *Cohen Kappa*
- e) Tema dan unit yang dianalisis tepat dan boleh di terima.



Kajian ini menjelaskan pendirian dengan menerangkan andaian, asas pemilihan peserta kajian dan teori yang diguna pakai dalam kajian. Implikasi daripada keputusan pengkaji ini membolehkan penerokaan pengurusan pengoperasian yang melibatkan pengurusan pengajaran dan tugas sampingan guru dalam pengurusan pengajaran dirungkai dengan lancar.

Dalam kajian ini pelbagai sumber digunakan dalam mengumpul data seperti transkripsi temu bual, catatan memo, catatan lapangan, pemerhatian dan analisis dokumen. Proses ini selaras dengan cadangan Othman Lebar (2009) yang mengaitkan triangulasi melibatkan integrasi pelbagai sumber untuk mengkaji sesuatu fenomena. Penggunaan triangulasi seperti pungutan data yang diperolehi melalui sumber dokumen juga boleh menyokong dan menambah bukti dari sumber lain. Ia juga akan mengesahkan maklumat yang didapati dari temu bual dan pemerhatian (Marohaini, 2001).

### **13.18 Triangulasi data.**

Wiersma (1991) berpendapat untuk menjadikan data kualitatif memiliki kepercayaan yang tinggi adalah dengan melaksanakan triangulasi antara data. Triangulasi antara data dalam kajian ini melalui beberapa teknik mengumpul data yang dipilih supaya data yang dikutip mencapai tahap kepercayaan yang optimum. Antaranya ialah triangulasi kajian kes, pelbagai kes atau *multisite studies* antara data temu bual dengan pemerhatian dan analisis kandungan dokumen.

Triangulasi antara pelbagai lapangan (pelbagai kes atau *multisite studies*) digunakan menerusi kajian ini untuk membentuk triangulasi data yang tinggi kebolehpercayaan (Merriam, 1998) kerana kajian ini melaksanakan aktiviti mengumpul data melibatkan pelbagai tempat lapangan kajian seperti lokasi kajian yang pelbagai. Data yang dikumpul dianalisis menerusi triangulasi pelbagai lapangan dapat meningkatkan lagi kesahan luaran atau generalisasi dapatan kajian.

Data pemerhatian dan data analisis kandungan dokumen dijadikan data sokongan yang disandarkan dengan data temu bual. Pemerhatian pengkaji ditumpukan kepada pelaksanaan pengurusan di kelas prasekolah sebanyak lima kali bagi setiap perkara dalam kajian ini. Melaluinya data pemerhatian pengajaran digabungkan dengan laporan diari untuk melihat ketepatan dan kesesuaian data yang diperoleh. Manakala analisis kandungan dokumen menyokong dapatan daripada data yang diperoleh, data temu bual dan data pemerhatian. Penggunaan kaedah triangulasi pengumpulan data yang diperoleh melalui sumber dokumen bukan sahaja boleh menyokong menambahkan bukti daripada pelbagai sumber lain, tetapi juga membantu untuk mengesahkan maklumat yang diperoleh daripada temu bual dan pemerhatian.

#### **13.18.1 Kajian rintis.**

Antara tujuan kajian rintis adalah untuk menjamin kesahan item dan kajian ini secara keseluruhannya. Kajian ini menyiapkan inventori soalan sebelum menyerahkan kepada penyelia untuk melihat keselarasan antara objektif kajian tema, sub tema dengan soalan kajian. Pengesahan penyelia juga merupakan satu bentuk kebolehpercayaan data kerana menurut Bogdan dan Biklen (2003), salah satu daripada kesahan data kualitatif adalah melalui pengesahan penyelia terhadap keteraturan kajian yang dilakukan. Kajian ini telah melaksanakan kajian rintis pada Oktober, 2015. Dapattannya menunjukkan terdapat keselarasan antara jawapan terhadap soalan kajian dengan objektif kajian. Dapatan kajian rintis juga diteliti oleh penyelia bagaimana kaedah kajian ini melaporkan dapatan. Daripada dapatan tersebut, kajian ini mendapat persetujuan penyelia untuk melaksanakan kajian sebenar.

#### **3.18.2 Pengesahan peserta kajian terhadap data temu bual dan pemerhatian.**

Bogdan dan Biklen (2003) berpendapat cara untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap data kajian ini adalah pengesahan peserta kajian melalui teks transkripsi temu bual dan pemerhatian. Trinskripsi yang telah siap, diserahkan

semula kepada peserta kajian untuk dibaca, dibuat penilaian dan mengesahkan teks tersebut dengan menurunkan tandatangan sebagai tanda bersetuju dengan transkrip tersebut. Sekiranya peserta tidak bersetuju, kajian ini perlu membuat pembetulan dan menyerahkan semula kepada peserta berkenaan.

Manakala *peer checker* atau kumpulan penyemak dalam kalangan peserta kajian diminta menyemak semula (counter check) data dan maklumat yang telah dianalisis sepertimana yang dicadangkan oleh Creswell (2012) dan Merriam (2001). Sekiranya peserta kajian bersetuju dengan interpretasi kajian ini, ia menunjukkan kesahan dan kebolehpercayaan dalam dapatan.

Rujukan diari dan nota lapangan. Menurut Bogdan dan Biklen (2003) nilai kebolehpercayaan yang tinggi bagi dapatan data kualitatif juga melibatkan usaha pengumpulan data yang tersusun di lapangan. Bukti pelaksanaan pengumpulan data seperti temu janji, temu bual rasmi dan tidak rasmi, pemerhatian dan pengumpulan dokumen adalah satu bentuk kebolehpercayaan yang tinggi. Oleh itu setiap pelaksanaan pengumpulan data dilapangan perlu dilaporkan dalam diari.

Manakala untuk memudahkan kerja, kajian ini juga menyediakan nota lapangan dalam bentuk borang dan buku kecil untuk catatan lapangan bagi setiap sekolah. Daripada borang nota lapangan dan buku kecil tersebut, kajian ini menyusun laporan dan ditandakan mengikut sekolah. Catatan nota lapangan juga membantu kajian ini menyusun dan memadankan data yang diperoleh daripada temu bual, pemerhatian dan analisis kandungan dokumen.

### **3.18.3 Pengesahan pakar melalui skala persetujuan *Cohen Kappa*.**

Penggunaan Index *Cohen Kappa* adalah untuk mencari darjah persetujuan unit analisis dengan tema yang dikaji dengan memadankan unit analisis dengan tema-tema yang dominan. Menurut Landis dan Koch (1977), nilai kebolehpercayaan yang melebihi 0.75 dianggap bersetuju, sementara 0.41 hingga 0.75 sebagai bersetuju tahap sederhana

dan 0.40 ke bawah sebagai persetujuan yang lemah. Jadual 3.6 menunjukkan skala persetujuan *Cohen Kappa*.

Jadual 3.6  
*Skala Persetujuan Cohen Kappa*

<i>Nilai Cohen Kappa</i>	<i>Skala Persetujuan</i>
Bawah 0.00	Sangat lemah
0.00 – 0.20	Lemah
0.21 – 0.40	Sederhana lemah
0.41 – 0.60	Sederhana
0.61 – 0.80	Baik
0.81 – 1.00	Sangat baik

**Sumber:** Cohen, J (1960)

Pengkaji mendapatkan nilai pekali persetujuan *Indeks Cohen Kappa* untuk menentukan kebolehpercayaan data. Kajian ini mendapatkan kerjasama dengan beberapa orang pakar untuk mengetahui cara pengiraan *Cohen Kappa* dan pernah menjalankan pengkajian kualitatif. Tindakan ini hampir sama seperti yang diutarakan oleh Zamri (2004), Zahrah (2002) dan Nazariyah (2014), yang mengatakan bilangan penyemak sekurang-kurangnya dua orang pengkaji bebas.

Kumpulan penyemak pula terdiri daripada peserta kajian. Mereka diminta untuk menyemak semula semua maklumat yang dianalisis (Creswell 2012; Merriam 2001). Kebolehpercayaan dalam dapatan diperoleh andai peserta kajian bersetuju dengan interpretasi pengkaji. Dapatan kajian juga boleh dibandingkan dengan kajian lampau sebagai satu kaedah mendapatkan pengesahan (Strauss & Corbin, 1990).

Untuk proses memudahkan pengiraan, pengkaji menyenaraikan senarai semak untuk pakar memberi nilai persetujuan berdasarkan definisi operasi dan contoh unit analisis seperti penjelasan di Jadual 3.7. Sebanyak 24 unit analisis daripada 8 tema digunakan untuk mencari nilai persetujuan pakar. Setelah semua pakar membuat penilaian, pengkaji membuat pengiraan nilai persetujuan itu. Untuk yang tidak dapat

persetujuan, pengkaji meminta perbincangan antara ketiga-tiga pakar bagi membincangkan semula sehingga mendapat nilai persetujuan unit yang tidak diterima sebelumnya. Kemudian kod yang sesuai diberi mengikut definisi yang diubah suai. Proses berikutnya pengkaji membuat pengiraan nilai menggunakan format *Cohen Kappa* dan jadual 3.7 adalah nilai persetujuan antara pakar.

$$K = \frac{fa - fc}{N - fc}$$

K = nilai pekali  
 Fa = unit persetujuan  
 Fc = unit kemungkinan (chance) yang ditetapkan pada paras 50% daripada N  
 N = item / unit transkripsi

Jadual 3.7

*Nilai Persetujuan Antara Pakar Penilai Menggunakan Skala Cohen Kappa*

Perkara	Pakar 1	Pakar 2	Pakar 3	Nilai Pesetujuan Keseluruhan
Persetujuan Pakar	$K = \frac{23-12}{24-12}$	$K = \frac{24-12}{24-12}$	$K = \frac{23-12}{24-12}$	$0.92 + 1.00 + 0.92$
	$K = \frac{11}{12}$	$K = \frac{12}{12}$	$K = \frac{11}{12}$	$\frac{2.92}{3}$
	N = 0.92	N = 1.00	N = 0.92	0.94

Hasil daripada penilaian pakar, menunjukkan unit analisis yang dihasilkan mencapai tahap skala persetujuan *Cohen Kappa* iaitu pada tahap 0.94 (Tahap sangat baik). Menurut *Cohen Kappa* bukti yang menentukan kebolehpercayaan yang tinggi dalam pengumpulan data kajian adalah mengikut skala persetujuan tahap sangat baik.

Jadual 3.8

Contoh Unit Analisis Skala Persetujuan Cohen Kappa

Bil	Kod	Pengurusan Pengajaran	Unit Analisis				Persetujuan Pakar	
			Pelaksanaan Kurikulum	P1	P2	P3	P4	Ya
4	PP	Pendekatan Pengajaran	Belajar melalui bermain (P1/tb-u3:32)  Jarang sekali guna berpusatkan murid (P1/tdk-u3: 48-52)  Menggunakan kemahiran asas (P1/tb-u4: 56-60)	Konsepnya belajar melalui bermain (P2/tb-u1: 110-112)  Berpusatkan murid sukar sikit sebab tempoh masa aktiviti lama (P2/tb-u4: 81-82)  Lebihkan modul bertema berbanding modul kemahiran asas (P2/tb-u3: 45-56)	Belajar melalui main (P3/tb-u2: 33-38)  Sesekali saja guna berpusatkan murid tapi lebih kepada berpusatkan guru (P3/tb-u4: 90-93)  Banyak menggunakan modul kemahiran asas (P3/tb-u3: 67-70)	Belajar melalui bermain (P4/tb-u2: 30-35)  Lebih kepada berpusatkan guru (P4/tb-u4: 92-96)  Lebih banyak guna kemahiran asas (P4/tb-u3: 65-70)	√	
	KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan	Tidak semua tunjang digunakan dalam satu pdp (P1/tb-u2: 33-38)  Tidak mahir integrasi 3 tunjang dalam satu masa pdp (P1/tb-u2: 56-59)	Integrasikan tunjang dalam pdp (P2/tb-u2: 98-103)  Kadang kala lebih guna kemahiran asas dari kemahiran bersepadu (P2/tb-u2: 114-116)	Kurang mahir integrasi tunjang dalam pdp (P3/tb-u3: 90-93)  Selalu guna satu tunjang sahaja (P3/tb-u3: 110-111)	Kurang guna tunjang dalam pdp, lebih guna kemahiran asas (P4/tb-u4: 32-35)  Integrasi tunjang bila perlu (P4/tb-u4: 56-59)	√	

### 3.19 Laporan Dapatan

Pada peringkat ini pengulasan, mentafsir dan menyebarkan dapatan berdasarkan data atau maklumat yang diperolehi. Dalam hal ini, kemahiran yang mendalam mengenai bidang yang dikaji haruslah dikuasai (Denzin & Lincoln, 2005). Oleh itu

kajian ini menyediakan laporan hasil dari analisis data dengan jelas, kemas dan hujahan yang boleh menyakinkan pembaca.

Laporan dapatan kajian ini ditulis dalam tiga bentuk. Pertama bentuk naratif iaitu menulis laporan dalam bentuk penceritaan atau menceritakan semula apa yang didengar, diperhatikan dan apa yang ditemui. Kedua bentuk deskriptif iaitu laporan yang ditulis dalam bentuk huraian, pemerhatian, penerangan dan pernyataan dengan jelas dan terperinci. Ketiga, bentuk rajah atau jadual mengikut kesesuaian dapatan data yang disediakan.

### **3.20 Rumusan**

Keseluruhan bahagian telah membincangkan kaedah yang digunakan dalam kajian ini. Pemilihan kaedah yang digunakan adalah diadaptasi daripada kajian-kajian lepas. Ini termasuklah reka bentuk kajian, kaedah kajian dan kaedah penganalisan data. Penulisan laporan kajian ini menggunakan interpretasi dan disusun berdasarkan isu yang diutarakan dalam Bab 1. Proses kerja kajian ini menyentuh peserta yang terlibat, kriteria peserta, lokasi kajian, tempoh masa kajian dijalankan, telah diterangkan dengan lebih mendalam.

## **Bab 4: Dapatan Kajian**

### **4.1 Pendahuluan**

Bab ini membincangkan dapatan kajian yang diperoleh melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen berdasarkan tiga soalan kajian berikut:

Soalan Kajian 1: Bagaimana guru prasekolah melaksanakan pengurusan pengoperasian prasekolah?

Soalan Kajian 2: Bagaimana guru prasekolah melaksanakan pengurusan pengajaran di bilik darjah dari aspek:

- i. Penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH)
- ii. Penyediaan Bahan Bantu Mengajar (BBM)
- iii. Pelaksanaan Pengajaran
- iv. Pelaksanaan Pentaksiran

Soalan Kajian 3: Bagaimanakah tugas sampingan dalam pengurusan pengajaran memberi kesan terhadap tugas hakiki guru prasekolah di bilik darjah

### **4.2 Pengurusan pengoperasian dan pengajaran di bilik darjah**

Pengurusan pengoperasian didefinisikan sebagai proses mengurus pelaksanaan perkhidmatan dalam sebuah organisasi (James Ang, 2014). Pengurusan pengoperasian dalam konteks kajian ini adalah merujuk kepada pelaksanaan pengurusan perkapita, inventori, takwim tahunan, kurikulum, jadual, RPT dan fasiliti. Manakala pengurusan pengajaran pula didefinisikan sebagai proses mengurus pengajaran dalam sesebuah bilik darjah (Noraini, 2013). Pengurusan pengajaran penting untuk guru agar dapat mengetahui dan mendalami gerak kerja pengurusan. Tindakan pengurusan perlu diambil kira apabila berhadapan dengan masalah yang dialami semasa mentadbir dan mengurus pengajaran di bilik darjah (Collay, 2011).

Dapatan kajian ini diperoleh melalui temu bual berstruktur untuk mendapatkan tema yang wujud daripada jawapan yang diberikan. Manakala temu bual tidak berstruktur pula diguna untuk mendapatkan gambaran keseluruhan pengurusan



pengoperasian dan pengajaran di bilik darjah prasekolah. Justeru soalan tidak berstruktur juga diguna untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai jawapan yang diberi. Berikut adalah analisis dapatan bagi tema dan sub tema kajian ini.

### 4.3 Pengurusan Pengoperasian

Defnisi pengurusan pengoperasian dalam konteks kajian ini adalah merujuk kepada urusan pengurusan bilik darjah yang melibatkan perkapita, inventori, jadual, RPT, takwim tahunan dan fasiliti. Untuk itu bahagian ini membincangkan dapatan sub-sub tema tersebut.

Selain daripada sub-sub tema tersebut aspek pengurusan pengoperasian pengurusan bilik darjah juga merangkumi murid prasekolah, pembantu prasekolah dan peralatan prasekolah. Semua perkara tersebut menjadi tanggungjawab guru prasekolah sepenuhnya. Dapatan ini disokong oleh petikan berikut:

—..sebagai guru prasekolah saya memang bertanggungjawab mentadbir dan mengurus bilik darjah ini..bermula dari pintu depan hinggalah ke pintu dapur”  
(P1/tb-u2: 103-105)

—..empat penjuru prasekolah ni adalah dalam tanggungjawab dan pengurusan saya..baik dalam ataupun di luar bilik darjah...murid dan pembantu juga terlibat dalam pengawasan saya”  
(P2/tb-u2: 98-103)

—..prasekolah ibarat saya yang punya...ha...ha...semua perlu ada dihujung jari saya, saya mesti tahu apa yang berlaku di prasekolah ...samada murid atau pembantu, mereka semua terletak dalam pengurusan saya”  
(P3/tb-u2: 100-106).

—..mentadbir dan mengurus prasekolah ni sama je (saja) beratnya mentadbir sebuah sekolah...dari murid, pembantu, kurikulum, peralatan, bahan bantu semua tu dalam pengurusan saya...memang itu lah tugas guru prasekolah”  
(P4/tb-u2: 101-105)

Kenyataan ini menunjukkan, peserta sangat memahami tugas mereka sebagai guru prasekolah.

Berkait perkara yang diurus pula, analisis dokumen mendapati Peserta menguruskan perkapita makan dan bahan, inventori, fasiliti dalam dan luar bilik darjah

dan jadual. Urusan inventori dikemaskini setiap kali menerima alat atau bahan baru daripada pihak pentadbir. Namun begitu melalui pemerhatian kajian ini mendapati guru merekod setiap item dan alat inventori yang diterima. Perekodan tersebut di selesaikan setelah tamat sesi pengajaran dan pembelajaran di prasekolah. Dapatan ini dikuatkan lagi dengan kenyataan berikut: —.yang paling utama bab bantuan makan, minum dan alatan, pengajaran dan murid” (P1/tb-u1: 56). Kenyataan tersebut disokong oleh P4: —.yang paling penting diuruskan di prasekolah ni adalah penggunaan perkapita, fasiliti, pengajaran dan murid...dan...pembantu juga” (P4/tb-u1: 45-47). Ini membuktikan bahawa tugas guru prasekolah bukan sahaja melaksanakan pengajaran tetapi juga melibatkan pengurusan yang menyeluruh di prasekolah.

Daripada aspek tanggungjawab, didapati guru prasekolah bertanggungjawab mengurus keseluruhan prasekolah selain daripada melaksanakan pengajaran. Sepertimana kenyataan peserta berikut: —.sebagai guru kita harus bertanggungjawab kepada murid termasuklah bilik darjah dan persekitaran mereka. Mereka mesti dididik dan dibimbing” (P1/tb-u2: 22-24). Kenyataan tersebut disokong dengan P2, P3 dan P4 berikut:

—..semua aspek pengurusan yang berkaitan dengan prasekolah adalah tanggungjawab saya” (P2/tb/-u2: 8-11). Tambahnya lagi —..mengurus prasekolah sama seperti mengurus sebuah sekolah” (P2/tb-u2: 17-22)

—..empat penjurong prasekolah ni dalam pengurusan dan pengurusan saya” (P3/tb-u2: 9)

—..semua yang berkaitan dengan prasekolah ini dalam urusan saya, baik muridnya atau pembantunya atau alatannya dan apa saja yang ada perkataan prasekolah dibelakangnya” (P4/tb-u2: 9-12)

Sungguhpun begitu, untuk melancarkan pengurusan bilik darjah prasekolah, pemerhatian mendapati semua peserta menyediakan sistem fail urusan pengurusan di bilik darjah. Sebanyak 15 fail disediakan.. Fail-fail tersebut dibekalkan oleh JPNS. Fail-

fail yang disediakan adalah seperti fail pengurusan sekolah, fail kurikulum, fail ko-kurikulum, fail hal ehwal murid, fail maklumat asas sekolah/ kelas/ guru/ PPM, fail harta modal dan inventori, fail pengurusan kewangan, fail pentaksiran, fail penyelenggaraan dan pelupusan, fail aktiviti tahunan-laporan dan dokumentasi, fail pekeliling dan surat menyurat, fail mesyuarat dan bengkel, fail aktiviti dan laporan serta fail pembelian bahan basah dan kering. Semua fail dilabel mengikut kategori.

Namun begitu analisis dokumen, mendapati ada sesetengah fail tidak mengandungi dokumen berkaitan di dalamnya seperti fail pentaksiran, fail ko-kurikulum dan fail penyelenggaraan. Fail-fail yang lain tidak dikemaskini dengan maklumat baru. Peserta hanya meletakkan dokumen berkaitan di atas meja tanpa memasukkan dokumen tersebut ke dalam fail yang berkenaan pada hari yang sama. Malah juga diperhatikan terdapat dokumen yang hilang sebelum sempat direkod. Oleh itu dirumuskan bahawa tugas penyediaan dan mengemaskini fail-fail pengurusan prasekolah menjadi tidak terurus akibat tugas yang berlebihan dilakukan oleh guru.

Kenyataan oleh P2 dan P3 menunjukkan bahawa tanggungjawab pengurusan bilik darjah prasekolah adalah tugas yang meliputi hal-hal berkaitan dalam dan luar bilik darjah. Kenyataan tersebut memberi implikasi bahawa guru prasekolah memegang tugas yang berat dan mencabar.

#### **4.3.1 Perkapita.**

Analisis dokumen mendapati surat siaran yang dikeluarkan KPM memaklumkan bahawa setiap murid prasekolah menerima perkapita makan dan minum sebanyak RM2 sehari, perkapita alatan sebanyak RM100 dan perkapita ko-kurikulum RM25. Menjadikan keseluruhan perkapita untuk seorang murid untuk setahun adalah sebanyak RM565. Manakala melalui pemerhatian didapati Peserta merancang menu dan merancang alat keceriaan serta penggunaan bahan bantu yang bersesuaian dengan

perkapita yang diterima. Peserta menggunakan dokumen seperti buku-buku kerja, RPT dan jadual menu semasa merancang penggunaan perkapita.

Dari aspek perkapita makan, minum dan peralatan, analisis temu bual menunjukkan peserta tidak berpeluang melihat jumlah perkapita yang telah dibelanjakan. Ini dibuktikan melalui petikan berikut: —.guru besar yang lama bagi peluang saya tengok akaun prasekolah. Sekarang ini tidak diberi langsung. Kalau nak beli barang isi saja borang yang disediakan” (P1/tb-u5: 29-32). Ini menunjukkan guru besar berkuasa penuh pada penggunaan bantuan yang diberi oleh KPM. Analisis dokumen juga menunjukkan fail kewangan tidak tersimpan rekod penggunaan wang perkapita yang diturunkan oleh KPM. Hanya terdapat Salinan nota minta.

Manakala dalam urusan perkapita, kajian ini mendapati peserta menyediakan rekod pembelian dan penerimaan alatan, rekod belian barang basah dan barang kering. Dua rekod tersebut didokumenkan dan simpan di ruang penyimpanan, sepertimana petikan berikut: —.saya sediakan fail-fail ini untuk memudahkan pengurusan saya. Kalau ada isu berbangkit saya ada bukti...maktumlah duit kan. Apa pun saya akan rujuk kerani kewangan sebab dia lebih mahir dalam urusan perkapita ni” (P2/tb-u5: 25-29). Kenyataan ini menunjukkan peserta bersedia dari awal untuk mempertahankan diri dalam urusan perkapita.

Walau bagaimanapun dari aspek penggunaan perkapita alatan, analisis dokumen menunjukkan alatan yang diterima tidak sama seperti yang ditempah dari pejabat sekolah, sepertimana kenyataan berikut: —.saya tak puas hati, sebab alatan tu tak boleh guna. Saya minta guru besar pulangkan semula dan beli seperti yang saya tempah tapi hingga sekarang tak dapat lagi alatan tu” (P1/tb-u5:72-74). Ini menunjukkan bahawa peruntukan perkapita prasekolah diurus dengan baik oleh peserta tetapi tidak diselesaikan dengan sempurna oleh pihak pentadbir. P3 pula mengatakan, —.saya rujuk pada kerani dan dia ajarkan saya cara mengurus penggunaan perkapita. Bila dah faham

saya ikut saja panduan itu untuk mengurus perkapita alatan pula” (P3/tb-u5: 33-35). Manakala P4 pula mengatakan: ...perkapita diurus mengikut panduan yang diberi, saya urus penggunaan perkapita mengikut panduan yang diberi oleh kerani kewangan” (P4/tb-u5: 37-39). Ini memberi gambaran bahawa bantuan dan khidmat kerani kewangan amat membantu dalam mengurus perkapita makan minum dan alatan murid.

Daripada aspek perekodan penggunaan perkapita, analisis dokumen menunjukkan rekod pembelian dan penerimaan didokumenkan. Rekod ini dinamakan rekod kewangan. Mengikut pengurusan rekod kewangan sebenar, dokumen yang terkandung didalamnya adalah rekod duit keluar masuk. Namun dalam kajian ini, antara maklumat yang terkandung dalam rekod kewangan tersebut adalah resit-resit pembelian, borang tempahan barangan basah, borang tempahan barangan kering, borang tempahan alatan. Kenyataan ini disokong petikan berikut: —.semua resit dan borang tempahan belian tak kira lah barang basah ke barang kering ke, saya masukkan dalam rekod kewangan tu. Yang duit keluar masuk tu ada di pejabat” (P4/tb-u5: 45-49). Ini membuktikan peserta tiada kemahiran merekod penggunaan bantuan perkapita dengan betul. Peserta juga tidak mewujudkan fail rekod pembelian. Keadaan ini menunjukkan peserta tidak berusaha menambah baik corak pengurusan rekod kewangan.

Berkaitan penggunaan perkapita makan dan minum, pemerhatian kajian ini mendapati perkapita makan dan minum diurus oleh kerani kewangan dan peserta hanya menyerahkan tempahan belian barangan mentah kepada pembekal. Manakala resit yang dikeluarkan oleh pembekal, diserahkan kepada kerani kewangan. Urusan pembayaran tidak berlaku di pejabat. Ini dibuktikan melalui analisis berikut: —.saya tidak tahu menahu bab duit makan dan alat ni. Yang saya tahu barang mentah sampai ke prasekolah pada setiap pagi hari Isnin” (P3/tb-u5: 110-113). Melalui pemerhatian juga didapati peserta tidak diberi peluang melihat pengaliran wang keluar masuk dari akaun perkapita makan minum dan alat prasekolah. Walaupun peserta berusaha untuk

mengetahui baki peruntukan yang diterima, pihak pentadbir tetap tidak memberi kerjasama. Situasi ini juga menunjukkan berlaku ketirisan dalam pengurusan wang perkapita prasekolah.

Manakala melalui analisis dokumen pula mendapati perkapita ko-kurikulum pula diperuntukkan untuk aktiviti ko-kurikulum murid. Aktiviti ko-kurikulum prasekolah adalah seperti karnival prasekolah, hafazan prasekolah, sukan prasekolah dan aktiviti seni prasekolah. Perkapita yang diperuntukkan oleh KPM itu diguna untuk menguruskan aktiviti luar yang melibatkan murid prasekolah. Walau bagaimanapun, analisis temu bual menunjukkan perkapita tersebut hanya akan dikeluarkan oleh pihak sekolah apabila murid prasekolah mengambil bahagian dalam aktiviti ko-kurikulum yang dianjurkan oleh PPD, JPN dan KPM. sepertimana petikan berikut: —..hanya aktiviti luar sekolah je kita guna perkapita tu, kalau aktiviti tu dalam sekolah, perkapita tu tak boleh guna. Saya minta juga untuk guna beli hadiah hari sukan tapi tak pernah dapat” (P4/tb-u5: 35-39).

Namun begitu dapatan pemerhatian menunjukkan aktiviti ko-kurikulum tidak berlaku sepanjang tempoh kajian ini di lapangan. Ini menunjukkan penggunaan perkapita ko-kurikulum hanya dikeluarkan oleh pentadbir untuk aktiviti luar sekolah sahaja. Situasi tersebut juga menunjukkan pentadbir mengawal pergerakan perkapita prasekolah walaupun guru dibenar menggunakan perkapita itu untuk membeli hadiah hari sukan dan hari anugerah murid prasekolah.

#### **4.3.2 Inventori.**

Inventori adalah dokumen yang perlu dilengkapkan untuk memastikan pengoperasian prasekolah berjalan lancar. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), telah menetapkan semua inventori dan harta modal prasekolah perlu direkodkan dari semasa ke semasa. Melalui analisis temu bual, dapatan kajian ini menunjukkan buku daftar harta modal prasekolah di rekod apabila menerima barangan yang nilainya

melebihi Dua Ribu Ringgit Malaysia (RM 2000). Perekodan ini menggunakan borang KEW.PA-2.

Melalui analisis kandungan dokumen, rekod ini tidak disemak selalu kerana penerimaan barangan bernilai 2000 tidak diterima setiap tahun sepertimana kenyataan berikut: –saya tahu keperluan merekod inventori ini...daftar harta modal ni ada satu je (saja) sejak 2003. Ini pun tak penuh lagi sebab prasekolah tidak menerima barang melebihi nilai 2000 tiap tahun tapi rekod ni bukan saya yang lengkapkan” (P4/tb-u5: 92-94).

Manakala pengurusan inventori prasekolah melibatkan stok bahan basah, stok bahan kering, borang Kew PA 5, borang Kew PA 11 dan nota minta. Inventori ialah daftar aset alih yang harga perolehan asalnya kurang daripada RM2, 000 (Ringgit Malaysia Dua Ribu) setiap satu dan tidak memerlukan penyelenggaraan berjadual seperti perabot dan pinggan mangkuk. Semua dokumen tersebut dimasukkan dalam sebuah fail dan dilabelkan. Namun begitu maklumat pemerhatian mendapati rekod inventori di prasekolah tidak dikemaskini. Hanya nota minta dikemaskini secara bulanan seperti petikan berikut: \_...saya tahu tujuan inventori ini tapi rekod-rekod lain tu saya tak berapa mahir, PPM tak mahir. PPM biasanya panggil kerani datang dan ajar dia cara merekod. Saya semak dan sahkan nombor siri saja. Tapi nota minta tu memang tiap bulan dikemaskini sebab nota minta memang kita guna untuk beli barangan basah dan barang kering” (P3/tb-u5: 76-80).

Nota minta diperlukan untuk membeli keperluan makan minum, alat tulis dan bahan bantu mengajar (BBM). Analisis temu bual kajian mendapati nota minta disediakan oleh PPM dan ditandatangani oleh peserta seperti kenyataan P1 berikut: —.borang nota minta tu memang banyak dalam fail dan PPM la yang kena isi...saya sign je” (P1/tb-u5: 89-91). Manakala menurut P2 pula —.inventori bilik darjah ni saya dan pembantu isi dan lengkapkan borang yang berkaitan. Inventori prasekolah juga di

simpan di sini” (P2/tb-u5: 66-69). Ini menunjukkan selain dari melaksanakan tugas hakiki, guru juga terlibat dalam penyediaan rekod harta modal, barang kering, barang basah dan alatan masuk dan alatan yang keluar untuk prasekolah.

Berhubung dengan penyimpanan inventori, analisis pemerhatian mendapati semua peserta menyimpan rekod tersebut di prasekolah dan melabel fail berkenaan. Sepertimana kenyataan berikut:

— .rekod ni saya simpan di prasekolah, senang bila nak semak”  
(P2/tb-u5: 72-73)

— .semua rekod yang berkaitan dengan perkapita dan inventori, saya memang simpan di prasekolah. Kalau ada isu berbangkit, senang saya buat rujukan”  
(P3/tb-u5: 110-112)

— .rekod-rekod inventori, perkapita, jadual, takwim tu memang saya labelkan dan simpan di prasekolah”  
(P4/tb-u5: 104-106)

Kenyataan tersebut membuktikan bahawa penyimpanan rekod-rekod yang berkaitan dengan pengurusan prasekolah disimpan di bilik darjah.

### **4.3.3 Jadual.**

Jadual dalam konteks kajian ini merujuk kepada jadual waktu menu dan jadual waktu. Dua jadual tersebut perlu disediakan oleh guru prasekolah sepertimana yang dikehendaki oleh KPM. Jadual berikut adalah penting untuk memastikan makanan yang disediakan di prasekolah adalah sesuai dan mengandungi zat makanan yang mencukupi untuk murid. Manakala penyediaan jadual waktu pula adalah untuk memberi maklum kepada murid atau pentadbir atau ibu bapa mengenai pengajaran yang berlaku di bilik darjah. Berikut adalah dapatan mengenai pengurusan jadual di prasekolah.

#### **4.3.3.1 Jadual Menu.**

Komponen penting untuk mengekalkan kesihatan murid adalah pemakanan. Amalan pemakanan sihat yang optimum dalam kalangan mrid adalah diperlukan untuk membantu pertumbuhan dan perkembangan secara menyeluruh dari segi fizikal,



kognitif, bahasa dan sosio emosi. Sehubungan itu KPM telah menetapkan supaya bilik darjah prasekolah menyediakan jadual menu.

Langkah yang diambil untuk merancang menu, analisis dokumen menunjukkan peserta dan PPM merujuk piramid makanan yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sepertimana kenyataan P2 berikut: —..saya menggunakan piramid makanan semasa merancang jadual menu seperti yang dicadangkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Saya juga merancang pemakanan sihat untuk murid mengikut bantuan perkapita yang diperoleh” (P2/tb-u5: 255-257). Rajah 4.1 menunjukkan piramid yang digunakan.

Kenyataan tersebut disokong malalui dapatan temu bual berikut yang menunjukkan peserta menyediakan jadual menu dengan memasukkan juga menu makan barat seperti kenyataan P2 berikut: —..menu yang dicadangkan KPM tu saya ubah sikit. Saya masukkan juga menu makanan barat yang berasaskan pasta. Misialnya spagethi bebola daging..macaroni bakar. Masa mula saya perkenalkan makanan barat ni, murid tak suka tapi saya latih mereka makan...sekarang semua dah boleh makan” (P2/tb-u5: 115-120). Ini membuktikan bahawa peserta kajian berusaha memperkenalkan makanan barat di prasekolah di samping menjaga kandungan zat yang perlu diterima oleh setiap murid. Rajah 4.2 menunjukkan jadual menu prasekolah.

Dapatan pemerhatian juga menunjukkan jadual menu disediakan untuk memudahkan PPM menyediakan makanan murid pada setiap hari. Penyediaan jadual menu adalah mengikut panduan piramid makanan supaya murid prasekolah memperolehi zat makanan yang seimbang supaya sesuai dengan tumbesaran mereka. Dapatan tersebut disokong oleh pertikan berikut: —..saya dan PPM selalunya merancang menu ni pada bulan Januari...jadual menu ini saya hantar satu salinan pada pihak pentadbir untuk simpanan mereka” (P2/tb-u2: 210-212). Ini menunjukkan pihak pentadbir maklum dengan jadual pemakanan yang diamalkan di prasekolah. Sekaligus

membuktikan kepada pentadbir bahawa perkapita makanan digunakan dengan cara yang betul.

Pemerhatian juga mendapati bahawa jadual menu disediakan secara bercetak dan dipamerkan di ruang dapur prasekolah. Jadual menu tidak disediakan diatas kad manila kerana jadual menu yang dirancang berubah selang tiga bulan, sepertimana kenyataan P2 berikut: “Kami tak sediakan diatas kad manila sebab menu itu akan berubah selang tiga bulan. Kalau makan benda yang sama je jemu pula murid dan kita perlu perkenalkan makanan lain juga pada mereka” (P2/tb-u2: 232-234). Kenyataan tersebut menunjukkan bahawa, peserta memperkenalkan makanan yang jarang diperolehi oleh murid supaya mereka terdedah dengan makanan dan minuman yang lain.



Rajah 4.1  
Piramid Makanan

**CONTOH MENU PRASEKOLAH UNTUK SEBULAN**

MINGGU	MINGGU 1	MINGGU 2	MINGGU 3	MINGGU 4
HARI				
ISNIN	Susu + Koko Krunch + Kismis Nasi Lemak Ayam Milo	Susu + Biskut + Kismis Nasi Goreng Milo	Susu + Honey Star+ Kismis Nasi Goreng Ayam Milo	Susu + Biskut + Kismis Nasi Ayam Milo
SELASA	Susu + Biskut + Kismis Mee Kari Jus Oren	Susu + Bubur Nasi + Kismis Mee Hailam Jus Oren	Susu + Biskut + Kismis Mee Hoon Sup Jus Oren	Susu + Kuih + Kismis Laksam Jus Oren
RABU	Susu + Kuih + Kismis Nasi Minyak Jus Tembikai Susu	Susu + Honey Star + Kismis Nasi Lemak Bilis Jus Tembikai Susu	Susu + Biskut + Kismis Nasi Tomato Jus Tembikai Susu	Susu + Koko Krunch + Kismis Nasi Berlauk Jus Tembikai Susu
KHAMIS	Susu + Bubur Nasi + Kismis Jemput Udang/ Sandwich Jus Tembikai	Susu + Biskut + Kismis Mee Bandung Jus Tembikai	Susu + Honey Star + Kismis Mee Tom Yam Jus Tembikai	Susu + Biskut + Kismis Mee Rebus Jus Tembikai
JUMAAT	Susu + Kuih + Kismis Mee Hoon Goreng Milo	Susu + Biskut + Kismis Kuaw Teow goreng Milo	Susu + Kuih + Kismis Nasi Beriani Milo	Susu + Biskut + Kismis Mee goreng Milo

*Rajah 4.2*  
Contoh Jadual Menu Prasekolah

#### 4.3.3.2 Jadual Waktu.

Elemen penyediaan jadual waktu merupakan satu tugas dalam mengurus bilik darjah termasuklah bilik darjah prasekolah. Analisis dokumen mendapati jadual waktu disediakan dengan memasukkan komponen mengemas bilik darjah. Dapatan ini disokong oleh kenyataan P2 berikut: —.jadual waktu prasekolah adalah fleksibel, saya masukkan juga masa balik dan bantuan kebersihan diri seperti menggosok gigi dan mengemas ruang dalam waktu transisi dan jadual ini disediakan untuk tempoh satu tahun” (P2/tb-u5: 245-248). Ini menunjukkan pelaksanaan aktiviti di prasekolah tidak mengikut sepertimana yang dijadualkan tetapi mengikut kesediaan murid. Manakala P1 pula menyatakan: —.jadual yang disediakan ini untuk tempoh satu tahun dan saya masukkan juga tunjang-tunjang pembelajaran” (P1/tb-u5: 220-221). Kenyataan tersebut memberi gambaran bahawa penyediaan jadual waktu disediakan oleh setiap guru prasekolah.

Jadual waktu prasekolah adalah bersifat fleksibel. Data temu bual menunjukkan aktiviti yang konsisten dilaksanakan mengikut jadual waktu adalah pendidikan agama Islam sepertimana kenyataan P3 berikut: —.aktiviti pendidikan Islam diajar oleh

ustazah dan saya hanya membantu ustazah melaksanakan pengajaran itu. Kalau ustazah masuk tapi aktiviti pengajaran saya belum selesai, saya akan menghentikan pengajaran untuk memberi laluan kepada ustazah kerana ustazah tersebut juga perlu mengajar di kelas tahun satu” (P3/tb-u5: 130-134). Ini menunjukkan hanya aktiviti pendidikan islam sahaja yang mengikut jadual waktu sebenar dan diajar oleh guru yang beropsyen Pendidikan Islam. Manakala guru prasekolah tetap perlu membantu pengajaran ustazah atau ustaz berkenaan.

Daripada aspek penyusunan aktiviti dalam jadual waktu, dapatan kajian menunjukkan bahawa setiap peserta menyusun aktiviti dalam jadual waktu mengikut tunjang-tunjang pembelajaran sepertimana kenyataan P1 berikut: —.jadual waktu saya susun ikut tunjang pembelajaran. Satu salinan jadual waktu saya serahkan kepada guru besar” (P1/tb-u2: 245-246). Manakala P4 pula mengatakan: —.jadual disusun mengikut seperti yang dicadangkan oleh KSPK tetapi pelaksanaannya adalah fleksibel kerana saya melaksanakan jadual rutin harian” (P4/tb-u5: 212-214). Petikan ini menunjukkan bahawa pihak pentadbir dimaklumkan dengan penyusunan jadual waktu prasekolah. Rajah 4.3 menunjukkan jadual waktu prasekolah.

Manakala analisis pemerhatian mendapati jadual waktu yang disediakan itu tidak dirujuk atau tidak diguna pakai. Malah hanya disediakan sebagai memenuhi arahan pentadbir, seperti kenyataan P3 berikut: —.jadual tu buat syarat je (sahaja), selama ni memang tak pernah ikut pun jadual waktu tu, pentadbir arah...kita buat la (P3/tb-u2: 246-248). Kenyataan ini memberi gambaran bahawa penyediaan jadual waktu yang diarahkan oleh KPM itu tidak memberi makna dalam pelaksanaan pengajaran prasekolah.

Manakala aspek melaksanakan aktiviti mengikut jadual, kajian ini mendapati peserta tidak mengikut jadual waktu kerana pengajaran mereka boleh berubah daripada apa yang telah dirancang. Sepertimana petikan P1 berikut: —.kalau tugas semalam

tak siap, saya suruh mereka sambung hari ini...macam tu la selalunya (P1/tb-u2:257-258). Kenyataan ini disokong oleh kenyataan P3: "...sekurang-kurangnya kalau ada pemantauan, orang minta jadual waktu, prasekolah juga ada jadual waktu" (P3/tb-u2: 282-283). Kenyataan tersebut menunjukkan peserta menyediakan jadual waktu sepertimana yang diarahkan oleh KPM walaupun jadual itu tidak berfungsi sepenuhnya di prasekolah.

Universiti Malaya

HARI & WAKTU	8.00 – 8.30 (30 min)	8.30 – 9.10 (40 min)	9.10 – 9.40 (30 min)	9.40 – 10.10 (30 min)	10.10 – 10.40	10.40 – 11.10 (30 min)	11.10 – 11.50 (40 min)	11.50 – 12.00 (10 min)
ISNIN MONDAY	Perhimpunan	Akt Luar	Bahasa Malaysia		R	Kemanusiaan	Fizikal & Estatika	Refleksi
SELASA TUESDAY	Routine & Morning circle	Basic English	Pendidikan Islam		E	Sains & Teknologi		Reflection
RABU WEDNESDAY	Routine & Morning circle	Basic English	Bahasa Malaysia	Bertema Bahasa Malaysia	H	Theme Bahasa Inggeris	Sosio Emosi	Reflection
KHAMIS THURSDAY	Rutin & Perbualan Pagi	Awal Matematik	Fizikal & Estatika	Basic English	A	Fizikal & Estatika		Refleksi
JUMAAT FRIDAY	Routine & Morning circle	Outdoor Activity	Pendidikan Islam		T	Sains & Teknologi	Kemanusiaan	Reflection

Bil	Perkara		Minit
1	Perhimpunan Rasmi Sekolah		30 min
2	Interaksi Bahasa Inggeris		600
3	Interaksi Bahasa Malaysia		600
<b>TERAS</b>			<b>590</b>
1	Tunjang Tunjang Komunikasi	Bahasa Malaysia	180
		Bahasa Inggeris	170
2	Tunjang Kerohanian Sikap & Nilai	Pend Islam	120
3	Tunjang Literasi Sains & Teknologi	Awal Mate	80
4	Tunjang Fizikal & Estatika	Fizikal (luar)	40
<b>MODUL BERTEMA</b>			<b>260</b>
5	Tunjang Literasi Sains & Teknologi	Awal Sains	60
6	Tunjang Perkembangan Fizikal & Estatika	Fizikal (Akt dalam kelas)	40
		Kreativiti	100
7	Tunjang Ketrampilan Diri	Sosio emosi	30
8	Tunjang Kemanusiaan	Kemanusiaan	30

Bil	Perkara	Minit
1	Rutin Hairan	50
2	Perbualan Pagi	100
3	Rehat (kudapan & memberus gigi)	150
4	Refleksi / Penutup	50
<b>JUMLAH</b>		<b>1200</b>

Rajah 4.3

Jadual Waktu Prasekolah

#### 4.3.4 Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT)

Beberapa sub tema muncul daripada tema pengurusan bilik darjah iaitu (i) Tema tahunan; dan (ii) KSPK. Bahagian ini membincangkan dapatan mengenai RPT. Melalui beberapa sesi temu bual, kajian mendapati peserta peka terhadap fail pengajaran. Perancangan pengajaran tahunan yang dihasratkan dimasukkan ke dalam fail tersebut. Peserta bersetuju mengatakan bahawa dokumen yang terkandung dalam fail pengajaran itu adalah Rancangan Pengajaran Tahunan yang digunakan pakai untuk tempoh setahun persekolahan. Didalamnya terkandung fokus pembelajaran dan tema tahunan seperti kenyataan P2: “..rancangan pengajaran tahunan merupakan rujukan utama dalam merancang tema dan rancangan pengajaran harian” (P2/tb-u2:11-12).

Daripada aspek urusan pengurusan, analisis dokumen menunjukkan peserta menggunakan alternatif sendiri untuk memudahkan urusan fail pengajaran. Fail tersebut didokumen dan dilabelkan untuk memudahkan proses mencari fail. Maklumat yang terkandung dalam fail tersebut adalah RPT prasekolah yang mengandungi tema, tajuk, standard kandungan dan standard pembelajaran. Manakala dapatan pemerhatian menunjukkan peserta mudah mendapatkan fail berkaitan apabila diperlukan. Kenyataan ini disokong oleh P1, P3 dan P4 seperti berikut:

“..RPT ni adalah panduan utama dalam pengajaran saya. Dalam rekod tu ada Rancangan Pengajaran Tahunan, RPH dan KSPK dan saya sediakan sebelum sesi persekolahan bermula”  
(P1/tb-u2: 33-35)

“..fail ini mengandungi rancangan pengajaran tahunan, tema tahunan dan jadual waktu”  
(P2/tb-u2: 26-28)

“..saya sediakan RPT ni selepas mesyuarat bersama pentadbir. Memang saya rujuk RPT kalau tak dapat idea untuk mengajar”  
(P3/tb-u4: 45)

“RPT adalah Rancangan Pengajaran Tahunan, jadi saya memang rujuk RPT dalam merancang tema”  
(P4/tdk-u3: 69-71)

Berdasarkan petikan tersebut, semua peserta bersetuju mengatakan RPT adalah penting sebagai rujukan dalam merancang pengajaran walaupun pelaksanaan pengajarannya adalah bersifat fleksibel. Walau bagaimanapun data temubual di atas meragukan lantaran fail pengajaran yang seharusnya di simpan di prasekolah tidak dokumentasikan. Keraguan ini diperoleh melalui kenyataan P1 berikut: —.fail itu sepatutnya ada dalam simpanan saya di prasekolah tapi sekarang fail tu berada di bilik guru besar untuk di audit” (P1/tdk/1: 24-28). Walau bagaimanapun sehingga minggu yang ke 4, fail tersebut masih tidak terdapat di prasekolah.

Daripada aspek pendokumenan RPT, kajian ini mendapati sebahagian peserta belum mendokumenkan RPT mereka sepertimana kenyataan P1 berikut: —.saya terus terang saja la ye, sebenarnya RPT saya belum siap di dokumenkan...ada tu ada tapi belum di dokumenkan” (P1/tdk/4: 65-67). Kenyataan oleh Peserta tersebut boleh memberi gambaran bahawa penyediaan RPT di prasekolah tidak dipantau oleh pihak pentadbir. Pihak pentadbir hanya memberi arahan penyediaan RPT tetapi tidak memantau pelaksanaannya. Walaupun RPT itu boleh di tambah baik dari RPT tahun sebelumnya, Peserta terus menggunakan RPT tahun sebelumnya.

Namun begitu P2, P3 dan P4 menyediakan RPT seperti mana yang telah diarahkan oleh pihak pentadbir, RPT didokumenkan dan telah ditandatangani oleh pentadbir, sepertimana petikan berikut: —.RPT saya telah didokumenkan dan disemak oleh pentadbir” (P2/tb-u2: 142-143). Kenyataan P3 pula: —.telah saya failkan dan ditandatangani oleh guru besar” (P3/tb-u2: 139-140) dan kenyataan P4: —.setelah dicetak, saya failkan dan hantar ke pejabat untuk disemak oleh guru besar” (P4/tb-u3: 152-153).

Manakala dalam aspek fungsi RPT, kajian ini mendapati semua peserta bersetuju mengatakan RPT adalah sebagai panduan dalam mencari tema dan hasil pembelajaran semasa merancang pengajaran harian. Ini dinyatakan seperti berikut: —.setiap guru



perlu ada rekod ni...RPT inilah yang akan dirujuk apabila tidak ada idea ketika merancang pengajaran” (P3/tb-u2: 21-22). Oleh itu kajian ini mendapati Peserta memiliki pengetahuan fungsi fail RPT. Ini dijelaskan seperti respons peserta:

—..saya tahu tujuan kita sediakan RPT ni sebab ianya boleh tolong kita kalau kehabisan idea untuk mengajar”  
(P1/tb-u2: 34-35)

—..RPT penting untuk memandu guru dalam melaksanakan pengajaran. Ia disusun mengikut seperti yang dicadangkan dalam KSPK. RPT ni penting, sebab ada masanya guru sendiri ketandusan idea”  
(P2/tb-u2: 36-40)

—..fail ni sebagai panduan tetap untuk kita mengajar, dalam ni banyak maklumat yang di simpan. Dalam ni ada kurikulum, rancangan pengajaran tahunan, ada tema tahunan dan panduan pentaksiran”  
(P3/tdk: 44-47)

—..RPT lah yang paling utama yang perlu di siapkan. Ia berfungsi sebagai panduan untuk saya merancang pengajaran sepanjang tahun, fail inilah yang akan saya siapkan terlebih dahulu. Biasanya pada awal tahun atau pada hujung bulan 12”  
(P4/tb-u2: 32-36)

Berdasarkan petikan temu bual di atas, dapatan ini menunjukkan sebagai pelaksana di bilik darjah, peserta dengan yakin mengatakan bahawa fail RPT adalah dokumen paling penting dalam sesebuah pengurusan pengajaran dan berfungsi membantu guru merancang pengajaran.

Analisis kandungan dokumen juga mendapati dokumen yang terkandung dalam RPT ialah kurikulum, tema tahunan dan tema mingguan. Ini dijelaskan oleh P2 seperti berikut: —..tiga dokumen utama yang saya masukan dalam RPT tu adalah kspk, tema untuk setahun dan tema mingguan yang dirancang berpandukan tema tahunan tu” (P2/tb-u2: 38-40). Ini menunjukkan perancangan tema untuk digunakan dalam pengajaran telah diatur sejak dari awal tahun. Situasi ini juga membuktikan guru prasekolah telah memberi maklum lebih awal kepada pentadbir mengenai tema yang digunakan untuk tempoh setahun persekolahan.

Manakala dari aspek semakan fail, analisis pemerhatian menunjukkan fail RPT disediakan sebelum sesi persekolahan bermula dan di semak oleh guru besar atau guru

penolong kanan 1. Ini dijelaskan melalui petikan berikut: —.pada minggu pertama awal tahun, fail RPT mesti di serah ke pejabat untuk ditandatangani oleh GB (guru besar) atau PK 1” (P2/tb-u2: 45-47). Ini menunjukkan guru besar maklum dengan tema yang digunakan di prasekolah untuk tempoh setahun persekolahan. Dapatan ini selari dengan cadangan pihak Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) iaitu penggunaan tema yang dirancang adalah untuk mengelakkan guru ketandusan idea merancang pengajaran harian.

Kajian ini juga mendapati RPT yang dirancang dikongsikan bersama waris murid. Perkongsian tersebut memberi peluang waris melibatkan diri dalam slot pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, seperti kenyataan P1 berikut: —.ada sesetengah ibu bapa sudi datang ke pra ini untuk berkongsi pengalaman mereka dengan membuat sesi pengajaran tidak formal seperti melukis di wakaf prasekolah dan membuat demonstrasi memasak” (P1/tb-u1: 50-55). Kenyataan tersebut memberi gambaran bahawa terdapat sebilangan ibu bapa melibatkan diri dalam pengajaran dan pembelajaran anak-anak mereka di bilik darjah.

Kenyataan tersebut menunjukkan terdapat kolaboratif yang mempunyai aura dalam menterjemah pemikiran dan tindakan. Pengamalan budaya kolaboratif mempunyai ciri organisasi yang baik, menerima transformasi dan lebih peka terhadap sebarang perubahan dalam prasekolah. Analisis kajian ini menunjukkan bahawa peserta mengetahui kepentingan penglibatan waris dalam aktiviti prasekolah. Kolaborasi bersama ibu bapa adalah penting untuk membantu pencapaian anak-anak mereka sepertimana kenyataan P2 berikut: —.ada juga ibu bapa yang sudi berkongsi pengalaman kerja mereka dengan prasekolah” (P2/tb-u1: 53-55). Data temu bual tersebut menunjukkan terdapat segelitir ibu bapa sudi menyumbang idea di prasekolah. —.ada juga ibu bapa yang membantu menyiapkan projek bumi hijau” (P2/tb-u3: 210). Kenyataan P2/tb-u3: 210 menunjukkan hubungan prasekolah bersama waris amat baik.

Silaturahmi yang terjalin membantu guru prasekolah melaksanakan takwim tahunan dengan lancar. Oleh itu penyusunan tema yang sistematik memudahkan ibu bapa membuat rujukan dan meneruskan kesinambungan aktiviti murid di prasekolah.

Melalui penganalisan dokumen, kajian ini mendapat RPT di simpan di rak yang disediakan. Antara dokumen yang terkandung dalam RPT peserta adalah, kurikulum, tema tahunan, takwim tahunan, fokus pembelajaran, item pentaksiran dan senarai nama murid. Fail RPT juga di sediakan pada awal tahun. Ini dilihat melalui tarikh yang tercatat di ruang tandatangan pentadbir.

Kurikulum adalah merujuk kepada *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)*. Mengurus KSPK merangkumi perkara yang berkaitan dengan pendekatan, pengintegrasian tunjang dan hasil pembelajaran. Manakala pengaplikasian Amalan Bersesuaian Perkembangan (ABP) ditekankan dalam pendekatan pengajaran yang disyorkan dalam KSPK. KSPK dibangunkan adalah untuk memperkembangkan kebolehan bakat dan nilai dalam kalangan murid prasekolah di samping penguasaan kemahiran asas membaca, menulis, mengira dan menaakul. Tunjang-tunjang pembelajaran diperkenalkan melalui KSPK bertujuan melahirkan insan simbang.

Hal berkaitan pengurusan KSPK, analisis data temu bual menunjukkan KSPK yang dibekalkan oleh KPM digunakan oleh peserta semasa membuat RPT dan merancang tema tahunan sepertimana kenyataan P2 berikut: —.menyediakan RPT dan tema tahunan, saya memang menggunakan KSPK. Rancang tema tahunan saya ikut RPT. KSPK yang dibekalkan KPM satu sahaja, jadi untuk kelas yang kedua saya buat salinan” (P2/tb-u1: 115-118). Kenyataan ini menjelaskan bahawa KSPK sangat diperlukan dalam menyediakan RPT agar pengajaran dan pembelajaran di prasekolah berlaku secara terancang.

Manakala dalam perancangan tema pula, dapatan kajian ini menunjukkan peserta menyusun mengikut sesuatu peristiwa yang berlaku di persekitaran murid seperti tema

hari raya, hari jadi, kenderaan, makanan, haiwan dan sebagainya sepertimana kenyataan P2 berikut: "...saya susun tema ikut benda yang terdapat di persekitaran murid dan peristiwa atau perkara yang berlaku dalam setiap bulan" (P2/tb-u1: 132-134). "...Pemilihan tema yang saya susun lebih banyak menggunakan benda-benda yang terdapat di sekeliling murid" (P4/tb-u1: 120-121). Kenyataan P2 dan P4 memberi gambaran bahawa pemilihan dan penyusunan tema amat mengambil kira sensitiviti murid.

#### **4.3.5 Takwim tahunan.**

Takwim tahunan antara elemen yang dikenalpasti termuncul sebagai sub tema kajian ini. Takwim tahunan adalah merujuk kepada aktiviti yang dirancang dalam untuk tempoh setahun. Aktiviti tersebut adalah aktiviti ko-kurikulum, sukan tahunan, hari anugerah dan mesyuarat waris. Bahagian ini membincangkan sub tajuk yang ketiga melalui sub tema ini ialah takwim tahunan. Takwim yang dirancang perlu dilaksanakan mengikut Petunjuk Prestasi Utama (KPI) setiap guru. Setiap guru menyedari bahawa merancang takwim tahunan adalah penting untuk memastikan aktiviti prasekolah berjalan dengan lancar. Perancangan ini tidak mengambil kira seseorang guru itu telah berpengalaman lama atau guru baru perlulah membuat perancangan yang teliti untuk mencapai kejayaan dalam mencapai sesuatu yang dihasratkan.

Takwim tahunan dirancang untuk memudahkan proses pengurusan. Takwim tahunan yang disusun dan dirancang dengan baik akan menghasilkan pengurusan yang cemerlang dan terancang dari aspek dalaman atau persekitaran. Pengurusan yang berpandukan perancangan membolehkan guru mengubah dan menguasai situasi baru dan membuat strategi untuk sekolah (Edaris, 2004). Semua peserta mengetahui kepentingan merancang takwim tahunan sepertimana kenyataan berikut:

"...senang nak buat aktiviti dan senang juga untuk kita maklumkan pada ibu bapa atau AJK waris tentang program prasekolah"

(P1/tb-u1: 148-151)

—..takwim kena buat, kalau tak buat camana pulak? Susahlah nak buat program. Kalau tak buat program nanti JPN tanya pulak”

(P2/tb-u1: 143-144)

—..kalau tak ada takwim, program tak buat tapi perkapita ada...nak tak nak memang kena buat juga takwim ni..sekurang-kurangnya orang atas tahu yang prasekolah pun buat juga takwim”

(P3/tb-u1: 139-142)

—..program yang kita buat, kena ikut takwim yang kita rancang. Takwim tu lah panduan kita untuk setahun”

(P4/tb-u1: 140-141)

Kenyataan semua peserta menunjukkan mereka mengetahui tujuan dan kepentingan merancang takwim. Berikut dapatan mengenai aktiviti yang terkandung dalam takwim prasekolah.

#### **4.3.5.1 Aktiviti Ko-kurikulum.**

Berhubung aktiviti ko-kurikulum prasekolah, kajian ini mendapati setiap tahun prasekolah mengambil bahagian sekurang-kurangnya satu aktiviti ko-kurikulum prasekolah yang dipertandingkan hingga ke peringkat kebangsaan. Melalui analisis kandungan dokumen dapatan menunjukkan setiap prasekolah di Malaysia mengambil bahagian dalam aktiviti ko-kurikulum selaras dengan peruntukan perkapita yang telah diberikan. Aktiviti ko-kurikulum prasekolah ini mula diperkenalkan pada tahun 2002. Aktiviti ko-kurikulum tersebut dipertandingkan di peringkat daerah dan negeri. Pada 2008 aktiviti ko-kurikulum mula dipertandingkan hingga ke peringkat kebangsaan sepertimana kenyataan P2 berikut: —..jadual pertandingan dimaklumkan oleh JPN pada awal tahun, dan aktiviti mula dipertandingkan pada hujung semester 1. Pada semester 2, aktiviti dipertandingkan ke peringkat negeri dan pada hujung semester 2 diadakan pertandingan peringkat kebangsaan...murid saya tahun ni masuk pertandingan hafazan peringkat daerah” (P3/tb-u1: 154-158).

Manakala kenyataan P1: —..aktiviti yang KPM aturkan memang dimasukkan dalam takwim tahunan dan perlu dilaksanakan” (P1/tb-u1: 230-231). P2 dan P4 juga turut mengetahui kepentingan melaksanakan aktiviti ko-kurikulum. Sepertimana petikan

berikut: —..aktiviti ko-kurikulum mesti buat setiap tahun, macam tahun ni kami buat aktiviti lawatan sambil belajar” (P2/tb-u1: 219-220). Manakala kenyataan P4 pula: —..perkapita diberi, jadi aktiviti juga perlu dibuat. Kalau tak buat, tahun depan tak dapat peruntukkan lagi...tahun ni buat aktiviti hafazan” (P4/tb-u1: 215-216). Kenyataan-kenyataan tersebut menunjukkan aktiviti ko-kurikulum prasekolah berlaku sepanjang tahun dan secara tidak langsung juga mencungkil bakat murid prasekolah.

Manakala aktiviti ko-kurikulum anjuran KPM, dapatan kajian ini menunjukkan aktiviti seperti ko-kurikulum hanya di adakan satu acara sahaja untuk satu tahun. Misalnya tahun 2015 diadakan pertandingan sukan dan permainan, pada tahun 2016 diadakan pertandingan hafazan dan pada 2017 diadakan pertandingan nyanyian. Jadual pertandingan tersebut dikeluarkan oleh pihak PPD sepertimana petikan berikut: —..aktiviti ko-kurikulum tu satu sahaja dan mengikut giliran. Kalau tahun 2015 sukan dan permainan, tahun 2016 diadakan pertandingan yang lain pula. Jadual pertandingan dikeluarkan oleh PPD dan pemilihan tuan rumah atau AJK karnival juga di lantik oleh PPD” (P2/tb-u1: 189-192).

#### **4.3.5.2 Aktiviti Sukan Tahunan.**

Berkaitan sukan tahunan, kajian ini mendapati peserta menyusun aktiviti sukan tahunan dalam takwim tahunan prasekolah, sepertimana petikan berikut: —..sukan memang diadakan tiap tahun, biasanya sukan prasekolah diadakan bersama sukan sekolah sebab tu saya perlu masukan dalam takwim” (P3/tb-u1: 145-146). Namun begitu terdapat juga prasekolah yang mengajurkan sukan tahunan sendiri dan melibatkan ibu bapa sepertimana kenyataan P2 berikut: —..saya memang rancang sukan tahunan dalam takwim prasekolah tapi ada kalanya saya tidak *join* (menyertai) sukan sekolah. Biasanya ibu bapa yang melibatkan diri dalam mengajurkan sukan prasekolah ni. Macam tahun lepas sukan prasekolah diadakan di tepi pantai Port Dickson” (P2/tb-u1: 200-206).

Berkaitan pelaksanaan sukan tahunan prasekolah, kajian ini mendapati sukan tahunan prasekolah diselesaikan sebelum cuti semester pertama sepertimana kenyataan P3: —..sukan sekolah perlu diselesaikan sebelum tamat semester 1. Apa pun bergantung pada kebenaran JPN dan PPD” (P3/tb-u1:166-167). Manakala P4 dan P1 juga turut memasukkan sukan tahunan prasekolah ke dalam takwim tahunan. Aktiviti sukan dijalankan bersama sukan sekolah sepertimana petikan berikut: —..dalam takwim memang dimasukkan sukan tahunan dan hari anugerah murid. Takwim ni dibentangkan dalam mesyuarat AJK waris” (P4/tb-u3: 301-303). Menurut P1 pula: —..dalam takwim saya masukkan aktiviti tahunan seperti sukan, hari penyampaian hadiah, mesyuarat waris dan aktiviti ko-kurikulum, memang saya susun untuk memudahkan kerja juga” (P1/tb-u3: 119-121). Berdasarkan kenyataan diatas, menunjukkan sukan tahunan wajib dimasukkan dalam takwim tahunan prasekolah dan perlu dilaksanakan dalam tahun semasa.

#### **4.3.5.3 Hari Anugerah Prasekolah.**

Peserta turut merancang aktiviti yang harus dilaksanakan di sekolah untuk tempoh satu tahun. Analisis kandungan dokumen menunjukkan Peserta menyusun aktiviti sukan tahunan, hari anugerah prasekolah dan mesyuarat waris. Perancangan tarikh pelaksanaan aktiviti adalah mengikut takwim sekolah. Sepertimana kenyataan P4 berikut: —..hari anugerah disusun bersama hari anugerah sekolah tetapi hari anugerah ini boleh berubah sebab kadang-kadang hari anugerah ni dianjurkan oleh PPD. Sekiranya PPD yang menganjurkan hari anugerah prasekolah, hari anugerah prasekolah di peringkat sekolah tidak lagi diadakan tetapi diganti dengan jamuan akhir tahun. Dalam jamuan tersebut, kami libatkan juga ibu bapa” (P4/tb-u1:142-147). Kenyataan P4 menunjukkan Peserta memasukkan hari anugerah prasekolah ke dalam takwim tahunan.

Peserta bersetuju mengatakan prasekolah yang ingin mempunyai kualiti bukan sahaja diukur dari kecemerlangan guru dan murid malah merangkumi jaringan yang baik dan istimewa dengan ibu bapa, seperti:

—..sekiranya ibu bapa sama-sama melibatkan diri dalam aktiviti di prasekolah, saya pasti prasekolah ini boleh setanding dengan prasekolah swasta”

(P2/tb-u4: 21-23)

—..melibatkan sekali setahun pun dah banyak membantu prasekolah...kalau saya sendiri yang bergerak mungkin sukar juga nak capai KPI tu”

(P4/tb-u3: 19-21)

—..hari anugerah memang dirancang dalam takwim, waris juga dimaklumkan mengenai aktiviti takwim tahunan”

(P1/tb-u3: 125-126)

Hari anugerah pada 2017 diadakan pada peringkat daerah seperti petikan berikut:

—..pada tahun 2017 hari anugerah prasekolah diuruskan oleh PPD dan tugas diagihkann mengikut sekolah” (P3/tb-u3: 401-403). Kenyataan di atas juga membuktikan peserta mengetahui bahawa hubungan interpersonal juga penting untuk menggerakkan organisasi prasekolah.

#### **4.3.5.4 Mesyuarat Waris.**

Mesyuarat AJK waris adalah mesyuarat yang melibatkan ibu bapa yang dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Prasekolah (AJK). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa semua Peserta memasukkan mesyuarat waris ke dalam takwim tahunan prasekolah.

Minimum mesyuarat waris diadakan dua kali setahun seperti kenyataan P2 berikut:

—..mesyuarat AJK waris diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun. Tetapi bergantung juga kepada penglibatan AJK waris, mana AJK yang aktif, mesyuarat diadakan pada setiap dua bulan” (P2/tb-u1: 220-224). Manakala kenyataan P1 pula:

—..AJK waris dilantik pada minggu pertama persekolahan dan mesyuarat diadakan 2 kali setahun dan perjumpaan dengan waris juga 2 kali” (P1/tb-u1: 287-280) tetapi P3

dan P4 menyusun mesyuarat waris 4 dan 2 kali setahun sepertimana petikan berikut:

—..saya memang buat mesyuarat AJK waris 2 kali dalam satu semester. Manakala



kenyataan P4 pula: —.saya mampu buat 2 kali setahun je mesyuarat AJK waris ni...tak mampu buat lebih dari tu...banyak sangat kerja” (P4/tb-u2: 324-325)

Berhubung sumbangan AJK waris dalam aktiviti prasekolah, kajian ini mendapati AJK berperanan membantu melicinkan aktiviti ko-kurikulum prasekolah sepertimana petikan berikut: —.AJK waris biasanya melibatkan diri dalam menjayakan aktiviti ko-kurikulum, sukan tahunan dan hari anugerah prasekolah. Mana-mana aktiviti yang hendak dijalankan, AJK waris biasanya akan mesyuarat terlebih dahulu untuk membincangkan perkara-perkara yang berkaitan” (P2/tb-u1: 245-249).

#### **4.3.5.5 Fasiliti**

Bahagian ini membincangkan sub tema yang keempat iaitu pengurusan fasiliti. Fasiliti dalam kajian ini adalah merujuk kepada fasiliti luar bilik darjah, fasiliti dalam bilik darjah dan peralatan ICT. Centre for Facilities Management (CFM) Universiti of Strathclyde, United Kingdom mendefinisikan pengurusan fasiliti sebagai proses sesebuah organisasi menyediakan dan mengekalkan persekitaran tempat kerja yang berkualiti dan memberikan perkhidmatan sokongan yang berkualiti untuk memenuhi objektif organisasi pada kos yang terbaik.

##### ***a. Fasiliti dalam bilik darjah.***

Fasiliti dalam bilik darjah perlu diurus dengan baik supaya dapat mewujudkan iklim pembelajaran yang memberangsangkan. Susunan yang kemas dan ceria akan menarik minat murid hadir ke prasekolah. Sehubungan itu kajian ini mendapati peserta merancang peralatan dalam bilik darjah yang perlu ditambah baik sepertimana petikan berikut: —biasanya saya akan semak alatan yang selamat digunakan. Alatan dalam bilik darjah dan luar...saya juga rancang peralatan yang perlu ditambah dan peralatan yang perlu dikurangkan dalam bilik darjah. Peralatan itu termasuklah alat-alat pengajaran, sudut pameran, sudut aktiviti” (P1/tb-u1:178-183).

Sepertimana P1, P2 juga menyatakan bahawa perancangan penyusunan alatan dalam bilik darjah perlu diberi perhatian kerana susunan alatan samada perabot mahupun BBM memberi impak pada emosi murid dalam PdP. Sepertimana petikan berikut: —.alatan perabot di bilik darjah ni saya ubah setiap 2 minggu. Saya lebih suka murid belajar dalam suasana ceria. Sama juga susunan BBM yang telah digunakan. BBM tu saya susun di setiap sudut pembelajaran. Susunan BBM pula berubah pada setiap minggu. Apa pun bergantung pada tema pengajaran saya” (P2/tb-u1: 225-230).

Manakala P3 dan P4 pula mengatakan bahawa penyusunan dan pemilihan alatan mengikut kesesuaian semasa. Sepertimana kenyataan berikut: —.saya menambah keceriaan bilik darjah ni dengan menyusun perabot dan BBM mengikut kesesuaian suasana pembelajaran. Perubahan penyusunan BBM itu bergantung pada tema tapi perabot tu saya akan ubah dua kali setahun” (P4/tb-u1: 240-244). Kenyataan diatas memberikan gambaran bahawa semua peserta prihatin dengan penyusunan alatan perabot dan BBM di bilik darjah. Mereka juga mengambil kira penggunaan tema dan emosi murid dalam merancang susunatur perabot dan BBM di bilik darjah.

Daripada aspek ketahanan dan kefungisian alatan di dalam bilik darjah, dapatan kajian menunjukkan peserta menysisihkan alatan terpakai dan tidak boleh digunakan sepertimana petikan berikut: —.alat yang dah lebih 3 tahun, saya akan sisihkan tapi mana alat yang boleh diguna saya ambil dan ubah fungsinya...kalau ada yang rosak tu saya akan buat laporan dan serahkan pada pentadbir” (P2/tb-u2: 190-193).

Kenyataan P3 dan P4 menyokong kenyataan P2 dan bersetuju menyimpan atau menysisihkan alatan yang lama seperimana petikan berikut: —.alat-alat perabot atau BBM atau alat tulis yang lama dan tidak boleh digunakan atau diubah fungsinya, saya akan ketepikan atau dibuang” (P3/tb-u2: 145-149). Manakala kenyataan P4 pula: —.alat yang lama dan tidak boleh digunakan lagi saya akan buang dan dianggap hapus

kira” (P4/tb-u2: 134-136). Kenyataan ini menunjukkan peserta kreatif menggunakan peralatan terpakai dengan mengubah fungsinya.

Selain daripada perabot dan alat BBM, dapatan kajian menunjukkan peserta mengambil kira sistem pengcahayaan dan pengudaraan yang selesa untuk kesihatan murid. Sepertimana kenyataan berikut: —.saya nak bilik darjah ni selesa dan kondusif supaya murid seronok dan saya juga selesa sebab tu penyusunan perabot mengambil kira sistem pengcahayaan dan peredaran di bilik darjah” (P2/tb-u2: 215-217). Peserta lain juga bersetuju mengatakan bahawa pengcahayaan dan pengudaraan dalam bilik darjah amat penting semasa merancang susun atur perabot dan alat. Sepertimana petikan berikut:

— .sebab tu langsir saya tak pasang langsir dalam kelas, kawasan ni gelap sikit sebab sebelah tu bangunan sekolah menengah. Kalau saya pasang langsir, bilik darjah ni jadi macam muram sikit”  
(P1/t-u1:220-223)

— .udara dan cahaya penting untuk kesihatan murid. Dalam kelas saya ni ada murid yang semput (asma). Saya akan pastikan udara bebas bergerak sebab tu perabot di kelas saya tak ada yang besar”  
(P3/tb-u1: 167-169)

— .cahaya dan udara memang saya ambil berat sebelum saya rancang susun atur alat”  
(p4/tb-u1: 178-180)

Kenyataan P1, P2, P3 dan P4 membuktikan bahawa sistem pengcahayaan dan pengudaraan dalam bilik darjah amat penting untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan.

#### ***b. Fasiliti luar bilik darjah.***

Berkaitan peralatan luar bilik darjah pula, kajian ini mendapati peserta membuat laporan kepada pihak pentadbir mengenai peralatan luar bilik darjah yang perlu disenggara atau yang perlu diganti sepertimana petikan berikut: —.sebelum sesi persekolahan bermula pada awal tahun, saya akan membuat semakan peralatan luar terlebih dahulu. Pagar juga saya akan periksa untuk memastikan murid selamat berada

di prasekolah ini” (P2/tb-u2: 214-217). Kenyataan P2 disokong oleh petikan berikut: —.sebelum cuti sekolah bermula, saya periksa semua peralatan luar. Peralatan luar tu termasuklah alat mainan luar, longkang, pagar. Jadi mana yang rosak, saya buat laporan dan hantar kepada pentadbir. Yang pasti sebelum sesi baru bermula semuanya dah ok” (P1/tb-u2: 200-206).

Sama seperti P1 dan P2, P3 dan P4 juga membuat semakan alatan luar sebelum sesi persekolahan bermula. Sepertimana petikan berikut: —.pertengahan cuti saya akan datang ke sekolah untuk semak adakah laporan kerosakan yang saya buat tu telah diambil tindakan oleh guru besar” (P3/tb-u2:160-162). Manakala menurut P4 pula: —.saya akan hubungi PPM untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai laporan kerosakan dan sekiranya tindakan telah diambil, saya akan ke sekolah seminggu sebelum sesi baru bermula untuk memastikan peralatan itu selamat digunakan” (P4/tb-u1: 188-192). Kenyataan oleh peserta tersebut membuktikan peserta telah membuat tindakan terlebih dahulu mengenai keselamatan penggunaan alatan luar bilik darjah sebelum menerima kemasukan murid baru.

Walau bagaimana pun, peralatan mainan air dan pasir yang seharusnya di letakkan di luar bilik darjah prasekolah tidak berlaku. Dapatan kajian menunjukkan alatan tersebut diletakkan di ruang antara dapur dan tandas sepertimana kenyataan peserta berikut: —.alat mainan pasir dan air tu saya tak letakkan dibahagian luar kerana diluar tidak ada sumber air” (P2/tb-u2: 230-231). Kenyataan ini menunjukkan peserta ada inisiatif untuk memberi peluang murid menggunakan peralatan main pasir dan air. Kenyataan ini juga memberi gambaran bahawa peralatan yang dibekalkan oleh KPM diguna pakai sepenuhnya.

Manakala P1, P3 dan P4 pula berpendapat, peralatan mainan air dan pasir tidak sesuai diletak di prasekolah. Sepertimana petikan berikut: —.walaupun KPM hantar alatan tu tapi saya tak guna di bilik darjah sebab nak letak di ruang dalam, tidak sesuai.

Diletak di bahagian luar tidak ada sumber air, kalau letak bahagian dapur kan mengganggu pula PPM nak masak” (P1/tb-u2-213-216). Menurut P3 pula: —.alat di hantar tapi ruang tidak disediakan. Bilik darjah saya ni kecil...tak suai letak di dalam, kalau letak diluar sumber air jauh” (P3/tb-u2: 172-174) dan pendapat P4: —.alat main pasir dan air tu saya letak je diluar tu..tak de ruang nak letak dah” (P4/tb-u2: 199-201). Ini membuktikan bahawa pihak KPM tidak mengambil kira keluasan ruang lingkup sesebuah prasekolah sebelum membekalkan keperluan alatan dan bahan.

### *c. Fasiliti Peralatan ICT.*

Hal ini berkaitan dengan kemudahan peralatan dalam pengurusan dan kemahiran guru dalam mengintegrasikan ICT dalam pengajaran. Kenyataan P1 seperti —.sekarang zaman teknologi canggih, prasekolah pun perlu juga teknologi ini” (P1/tb-u3:32-33). Ini menunjukkan kemudahan komputer yang terkini perlu di sediakan di prasekolah. Seajar dengan zaman sains dan teknologi di abad ini, penggunaan komputer menjadi salah satu sumber penting dalam pengurusan pengajaran yang efisien.

Dari aspek pengurusan data secara online, kajian ini mendapati peserta bersetuju mengatakan bahawa guru yang berjaya adalah guru yang sentiasa peka dengan tuntutan perubahan yang dirancang. Oleh itu, guru prasekolah juga perlu membuat anjakan secara realistik kepada era globalisasi yang berasaskan komputer dalam pengurusan di bilik darjah. Seperti kenyataan P2 berikut: —.teknologi makin maju, manusia pun perlu la seiring dengan teknologi. Data SKPK dan SMPK pun memerlukan teknologinya, sekarang ini semua dah online” (P2/tb-u3:34-48). Kenyataan tersebut menunjukkan Peserta peka dengan perubahan zaman teknologi canggih di abad ini.

Sehubungan itu sewajarnya guru prasekolah mempunyai pengetahuan yang luas mengenai komputer dalam pengurusan pengajaran mereka. Sikap positif guru prasekolah penting untuk mendorong mereka mempelajari apa sahaja melalui komputer. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) juga mensasarkan wawasan

mementingkan produktiviti dan kualiti serta pengurusan pengajaran yang cemerlang. Oleh itu kajian ini mendapati peserta memahami kepentingan penggunaan komputer dalam pengurusan pengurusan pengajaran seperti petikan berikut: —.komputer sangat penting dalam dunia pendidikan sekarang. Banyak perkara boleh kita siapkan dengan menggunakan komputer terutama hal mengurus *keyin data online*” (P3/tb-u2: 46-48).

Dapatan kajian ini juga menunjukkan komputer sangat diperlukan dalam era pendidikan kini terutama dalam ha-hal berkaitan pengurusan, seperti kenyataan P4: —.kalau tidak ada komputer, susah nak *key in data online*, tambahan pulak buat *lesson plan* sekarang ni taip dalam komputer saja, tu memang arahan JPN, nanti orang ke depan, kita tinggal pulak” (P4/tdk-u2:37-46). Data temu bual tersebut menunjukkan peserta bersedia melaksanakan transformasi dalam untuk kerja-kerja pengurusan. Peserta juga boleh menggunakan perisian *words*.

Dari aspek kepentingan alatan ICT, kajian ini mendapati bahawa peserta memiliki pengetahuan pentingnya menggunakan komputer dalam pengurusan pengurusan di bilik darjah. Peserta setuju mengatakan penggunaan komputer amat perlu dalam zaman sains dan teknologi di era kini. Walau bagaimanapun komputer yang ada di bilik darjah kurang berfungsi. Seperti respons P1 berikut: —.sepatutnya setiap bilik darjah ada komputer yang berfungsi dengan baik, senanglah kita nak siapkan fail-fail berkaitan. Sebenarnya penting komputer dan internet ni” (P1/tdk-u2:32-35). Petikan tersebut menunjukkan komputer yang terdapat di prasekolah tidak dibekalkan bersama talian internet dan komputer yang sedia ada juga tidak menggunakan perisian terkini.

Walaupun bagaimanapun kajian ini mendapati komputer yang dibekalkan ke prasekolah tidak dapat digunakan sepenuhnya. Melalui kenyataan P1 berikut: —.di suruhnya isi SKPK dan SMPK tapi tak diberinya komputer dan internet yang baik” (P1/tb-u3: 54-55). Ini menunjukkan peralatann ICT di prasekolah tidak terkini dan talian internet juga tidak dibekalkan. Secara tidak langsung kenyataan ini memberi gambaran

bahawa pihak pentadbir tidak mengambil berat mengenai kefungsiian peralatan komputer di prasekolah.

Dari aspek penggunaan komputer, analisis data temu bual menunjukkan komputer di prasekolah tidak langsung digunakan dalam urusan petadbiran malah juga pengajaran dan pembelajaran. Komputer dibiarkan berhabuk dan tidak disenggara. Sepertimana petikan P4 berikut: “komputer ni komputer lama, orang dah tak guna perisian window 3...zaman ni orang guna window 7 atau window 10 dah” (P4/P-3: 96-98). Ini menunjukkan komputer yang terdapat di prasekolah tidak di naik taraf. Secara tidak langsung menjadi kerja-kerja pengurusan menjadi lambat. Situasi ini menggambarkan pihak PPD, JPN dan KPM tidak prihatin dengan kekurangan atau kelemahan fungsi alatan ICT di prasekolah.

Dalam aspek kemahiran pula, analisis temu bual menunjukkan peserta tidak memiliki kemahiran menggunakan ICT dalam pengajaran tetapi boleh menggunakan ICT dalam urusan pengurusan seperti dalam urusan menaip nama murid dan menyediakan surat menyurat. Namun dalam pengajaran, peserta belum mahir menggunakan ICT walaupun menggunakan komputer riba milik sendiri seperti petikan berikut:

“..menaip dalam word tu pandailah, excel tahu la sikit-sikit tapi mengajar tu belum lagi. Dah galak kali cuba tapi tak menjadi”  
(P3/tb-u3: 110-112)

“..memang komputer di bekalkan tapi saya sendiri tak mahir guna komputer ni...jarang sangat saya guna untuk pengajaran...saya cuma guna komputer bila menyediakan dokumen pengurusan...tapi komputer ni sebenarnya tak berapa ok”  
(P1/tb-u3: 49-54)

Petikan temu bual tersebut menunjukkan peserta boleh menggunakan komputer untuk urusan pengurusan dengan memiliki kemahiran menggunakan perisian *words* dan *excel*.

Manakala dari aspek menggunakan komputer dan pencetak kajian ini mendapati peserta berupaya menggunakan komputer dan pencetak untuk urusan pengurusan yang

mudah seperti menyediakan nama murid, menyediakan surat menyurat tetapi belum begitu mahir menggunakan perisian komputer yang lain seperti *power point* dan *excel*. Memiliki kemahiran menggunakan perisian yang lain merupakan satu kelebihan dalam pengurusan sesebuah bilik darjah.

Walau bagaimanapun terdapat prasekolah yang tidak menggunakan komputer yang dibekalkan untuk kerja-kerja pendokumentasian. Malah peserta menggunakan komputer riba milik peribadi untuk kerja-kerja pendokumentasian tersebut. —.saya tak berani nak guna komputer ni sebab pendawaian letrik di kelas ni saya rasa tak selamat. Pernah keluar asap di plug utama” (P1/P-2: 78-80). Kenyataan ini menunjukkan komputer boleh berfungsi tetapi pendawaian elektrik di bilik darjah yang menyebabkan komputer tidak boleh digunakan. Situasi ini juga membuktikan pentadbir kurang memberi perhatian terhadap keselamatan guru dan murid prasekolah.

Namun begitu kajian ini mendapati tidak semua peserta mengalami sebarang masalah berkaitan peralatan komputer di bilik darjah. Terdapat juga pihak pentadbir yang peka dan memberi kerjasama dalam menentukan perjalanan prasekolah. Analisis dapatan temu bual seperti berikut:

—..komputer ni saya memang minta guru komputer yang tolong baiki kalau ada yang bermasalah. Ink printer ni saya order je dari pihak sekolah. Memang komputer ni semua berfungsi, kadang-kadang saya mengajar pun gunakan komputer ni. Urusan menaip apa-apa dokumen untuk fail pengurusan ni memang saya guna komputer ni juga, line internet pun ada, saya minta guru besar orderkan...peruntukkan mana guru besar guna tu saya tak tahu...yang pasti prasekolah saya ada internet”

(P2/tb-u3: 134-146)

Namun begitu melalui pemerhatian, didapati tidak semua peserta mahir menggunakan komputer samada dalam pengajaran mahupun dalam pengurusan bilik darjah. Dua orang peserta tidak pernah menyentuh komputer sepanjang pengkaji di lapangan dan mereka mengharapkan orang lain membantu kerja-kerja berkaitan penggunaan komputer. Ini menunjukkan integrasi ICT dalam pengajaran dan



pembelajaran guru juga tidak berlaku sepertimana yang diharapkan dalam KSPK. Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan P1 dan P4 boleh menggunakan komputer untuk tujuan pengurusan dan pengurusan bilik darjah tapi tidak mahir menggunakannya dalam pengajaran dan pembelajaran. Situasi ini menunjukkan guru prasekolah tidak ada pengetahuan menggunakan komputer dalam pengajaran tetapi ada pengetahuan untuk kerja-kerja pengurusan.

Begitu juga dengan respons yang diberikan melalui temu bual tidak berstruktur, dapatan kajian menunjukkan P1, P3 dan P4, memiliki pengetahuan kepentingan dan kegunaan komputer tetapi tidak tahu menggunakan program asas seperti excel dan power point. Rumusannya, peralatan ICT amat diperlukan dalam hal-hal pengurusan dan pengurusan. Oleh hal yang demikian, pentadbir berperanan memberi peluang dan menggalakkan guru prasekolah mendalami ilmu IT agar boleh integrasikan dalam pengajaran di bilik darjah.

#### **4.3.5.6 Kesimpulan**

Rumusan keseluruhan dapatan ini menunjukkan bahawa keempat-empat peserta memiliki kefahaman yang menyeluruh terhadap pelaksanaan pengajaran di bilik darjah, ini ditunjukkan melalui dapatan temu bual dan pemerhatian proses pengajaran yang dilakukan ke atas peserta. Walaupun terdapat beberapa perkara yang tidak diaplikasikan atau diamalkan sepenuhnya seperti yang dicadangkan KSPK, tetapi semua peserta masih melaksanakan pengajaran berpandukan pekeliling dan kurikulum sebelumnya, serta pengetahuan asas dan pengalaman yang dimiliki oleh peserta. Perbandingan respons peserta seperti di jadual 4.1.

Jadual 4.1

Perbandingan Respons Peserta Dengan Pengurusan Pengoperasian Bilik Darjah Prasekolah

Sub tema	P1	P2	P3	P4
Pengurusan perkapita	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki pengetahuan tujuan perkapita</li> <li>- Memiliki kefahaman pekeling menggunakan perkapita</li> <li>- Tidak melaksanakan pengurusan perkapita</li> <li>- Menggunakan nota minta untuk tempahan barang basah dan barang kering</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki pengetahuan tujuan perkapita</li> <li>- Memiliki kefahaman pekeling menggunakan perkapita</li> <li>- Melaksanakan pengurusan perkapita dengan bantuan kerani kewangan</li> <li>- Menggunakan nota minta untuk tempahan barang basah dan kering</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki pengetahuan tujuan perkapita</li> <li>- Memiliki kefahaman pekeling menggunakan perkapita</li> <li>- Melaksanakan pengurusan perkapita berpandukan pekeling dengan bantuan pentadbir</li> <li>- Menggunakan nota minta untuk tempahan barang basah dan kering</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki pengetahuan tujuan perkapita</li> <li>- Memiliki kefahaman pekeling menggunakan perkapita</li> <li>- Melaksanakan pengurusan perkapita mengikut pekeling dengan bantuan kerani</li> <li>- Menggunakan nota minta untuk tempahan barang basah dan kering</li> </ul>
Pengurusan inventori	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tidak memiliki pengetahuan keperluan merekod inventori</li> <li>- tidak melaksanakan proses merekod inventori dan daftar harta modal</li> <li>- Tidak melaksanakan penyimpanan rekod inventori</li> <li>- Menyediakan fail inventori tetapi hanya ada borang inventori yang belum disini</li> <li>- Tidak melaksanakan penggunaan nota minta untuk tempahan bahan dan alat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki pengetahuan keperluan merekod inventori</li> <li>- Melaksanakan proses merekod inventori dan daftar harta modal</li> <li>- Melaksanakan penyimpanan rekod inventori</li> <li>- Melaksanakan pendokumentasian rekod inventori</li> <li>- Melaksanakan penggunaan nota minta untuk bahan dan alat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki pengetahuan keperluan merekod inventori</li> <li>- melengkapkan inventori dan daftar harta modal</li> <li>- melaksanakan penyimpanan rekod inventori</li> <li>- Melaksanakan pendokumentasian rekod inventori</li> <li>- Tidak menggunakan nota minta untuk tempahan bahan dan alat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki pengetahuan keperluan merekod inventori</li> <li>- melengkapkan inventori dan daftar harta modal</li> <li>- melaksanakan penyimpanan rekod inventori</li> <li>- Melaksanakan pendokumentasian rekod inventori</li> <li>- Menggunakan nota minta untuk tempahan bahan dan alat</li> </ul>
Pengurusan RPT	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki pengetahuan kepentingan menyediakan RPT</li> <li>- Melaksanakan penyediaan RPT sebelum sesi persekolahan bermulaa</li> <li>- Melaksanakan penyediaan RPT dan tema berdasarkan KSPK</li> <li>- Tidak melaksanakan pendokumentasian RPT</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki pengetahuan kepentingan menyediakan RPT</li> <li>- melaksanakan penyediaan RPT pada awal tahun</li> <li>- Melaksanakan penyediaan RPT dan tema berdasarkan KSPK</li> <li>- Melaksanakan pendokumentasian RPT</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki pengetahuan kepentingan menyediakan RPT</li> <li>- Menyediakan RPT pada awal tahun</li> <li>- Menyediakan RPT dan tema berdasarkan KSPK</li> <li>- Melaksanakan pendokumentasian RPT</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki pengetahuan kepentingan menyediakan RPT</li> <li>- Menyediakan RPT pada awal tahun</li> <li>- Menyediakan RPT dan tema berdasarkan KSPK</li> <li>- Melaksanakan pendokumentasian RPT</li> </ul>

<p>Pengurusan takwim</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki pengetahuan kepentingan merancang takwim tahunan</li> <li>- Melaksanakan perancangan takwim tahunan</li> <li>-</li> <li><b>Mesyuarat waris</b></li> <li>- Melaksanakan mesyuarat AJK waris 2 kali setahun</li> <li>- Melaksanakan 2 kali perjumpaan bersama waris</li> <li><b>Sukan Tahunan</b></li> <li>- Melaksanakan temasya Sukan tahunan prasekolah</li> <li>- Join dengan sukan sekolah</li> <li><b>Hai Anugerah Murid</b></li> <li>- Melaksanakan majlis hari anugerah murid</li> <li>- Peringkat Daerah Jempol anjuran PPDJJ</li> <li><b>Aktiviti Ko-kurikulum</b></li> <li>- Melaksanakan aktiviti anjuran KPM</li> <li>- Aktiviti hafazan peringkat daerah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki pengetahuan kepentingan merancang takwim tahunan</li> <li>- Melaksanakan perancangan takwim tahunan</li> <li>-</li> <li><b>Mesyuarat waris</b></li> <li>- Melaksanakan mesyuarat AJK waris 4 kali setahun</li> <li>- Melaksanakan 2 kali perjumpaan waris</li> <li>-</li> <li><b>Sukan Tahunan</b></li> <li>- Melaksanakan sukan tahunan prasekolah</li> <li>- Join dengan sukan sekolah</li> <li><b>Hai Anugerah Murid</b></li> <li>- Melaksanakan hari anugerah murid</li> <li>- Peringkat Daerah Jempol anjuran PPDJJ</li> <li><b>Aktiviti Ko-kurikulum</b></li> <li>- Melaksanakan aktiviti lawatan sambil belajar</li> <li>- Aktiviti hafazan peringkat daerah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki pengetahuan kepentingan merancang takwim tahunan</li> <li>- Melaksanakan perancangan takwim tahunan</li> <li><b>Mesyuarat waris</b></li> <li>- Melaksanakan mesyuarat AJK waris 4 kali setahun</li> <li>- Melaksanakan 2 kali perjumpaan waris</li> <li><b>Sukan Tahunan</b></li> <li>- Melaksanakan sukan tahunan prasekolah</li> <li>- Join dengan sukan sekolah</li> <li><b>Hai Anugerah Murid</b></li> <li>- Melaksanakan hari anugerah murid</li> <li>- Peringkat Daerah Jempol anjuran PPDJJ</li> <li><b>Aktiviti Ko-kurikulum</b></li> <li>- Melaksanakan aktiviti anjuran KPM</li> <li>- Aktiviti hafazan peringkat daerah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki pengetahuan kepentingan merancang takwim tahunan</li> <li>- Melaksanakan perancangan takwim tahunan</li> <li><b>Mesyuarat waris</b></li> <li>- Melaksanakan mesyuarat AJK waris 2 kali setahun</li> <li>- Melaksanakan 2 kali perjumpaan waris</li> <li><b>Sukan Tahunan</b></li> <li>- Melaksanakan sukan tahunan prasekolah</li> <li>- Join dengan sukan sekolah</li> <li><b>Hai Anugerah Murid</b></li> <li>- Melaksanakan hari anugerah murid</li> <li>- Peringkat Daerah Jempol anjuran PPDJJ</li> <li><b>Aktiviti Ko-kurikulum</b></li> <li>- Melaksanakan aktiviti anjuran KPM</li> <li>- Aktiviti hafazan peringkat daerah</li> </ul>
<p>Pengurusan jadual waktu</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Melaksanakan penyediaan jadual waktu untuk tempoh setahun</li> <li>- Melaksanakan penggunaan jadual waktu fleksibel</li> <li>- Melaksanakan penyediaan jadual mengikut tunjang</li> <li>- Tidak menyediakan jadual rutin</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Melaksanakan penyediaan jadual waktu untuk setahun</li> <li>- Melaksanakan penggunaan jadual waktu fleksibel</li> <li>- Melaksanakan penyediaan jadual mengikut cadangan KSPK</li> <li>- Melaksanakan jadual rutin harian</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyediakan jadual waktu untuk tempoh setahun</li> <li>- Melaksanakan penggunaan jadual waktu fleksibel</li> <li>- Melaksanakan penyediaan jadual mengikut cadangan KSPK</li> <li>- Melaksanakan jadual rutin harian</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyediakan jadual waktu untuk setahun</li> <li>- Melaksanakan penggunaan jadual waktu fleksibel</li> <li>- Melaksanakan penyediaan jadual mengikut cadangan KSPK</li> <li>- Melaksanakan jadual rutin harian</li> </ul>

Pengurusan jadual menu	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tidak melaksanakan penggunaan piramid makanan untuk merancang menu</li> <li>- Melaksanakan penukaran jadual menu setiap bulan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Melaksanakan penggunaan piramid makanan dalam merancang jadual menu</li> <li>- Melaksanakan penukaran jadual menu setiap dua minggu</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Melaksanakan penggunaan piramid makanan dalam merancang jadual menu berdasarkan piramid makanan</li> <li>- Melaksanakan penukaran jadual menu setiap bulan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Melaksanakan penggunaan piramid makanan untuk merancang menu</li> <li>- Melaksanakan jadual menu setiap 2 minggu</li> </ul>
Pengurusan fasiliti	<p><b>Luar dan Dalam Bilik Darjah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengurus peralatan mainan di luar dan dalam bilik darjah selamat digunakan dan berfungsi</li> <li>- menyedia laporan kerosakan peralatan</li> <li>- Memeriksa perabot dan alatan sebelum sesi persekolahan bermula</li> <li>- Alatan mainan pasir dan air tidak disediakan</li> <li>- Tidak melaksanakan penggunaan alatan yang di bekalkan KPM dengan alasan alatan tersebut tidak sesuai untuk prasekolah</li> </ul> <p><b>ICT</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Melaksanakan penyediaan laporan kerosakan komputer dan tidak berfungsi</li> <li>- Tidak terdapat bekalan internet</li> <li>- Menggunakan komputer riba milik peribadi untuk mengisi data online</li> </ul>	<p><b>Luar dan Dalam Bilik Darjah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memastikan alatan luar dan dalam bilik darjah selamat digunakan dan berfungsi sebelum sesi persekolahan bermula</li> <li>- Menyediakan laporan kerosakan</li> <li>- Alatan mainan pasir dan air diletak di luar bilik darjah</li> <li>- Melaksanakan penggunaan semua alatan yang dibekalkan KPM digunakan sepenuhnya</li> </ul> <p><b>ICT</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Komputer dalam keadaan baik dan berfungsi</li> <li>- Terdapat bekalan internet</li> <li>- Menggunakan komputer di prasekolah untuk isi data online</li> </ul>	<p><b>Luar dan Dalam Bilik Darjah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memastikan alatan luar dan dalam bilik darjah selamat digunakan dan berfungsi sebelum sesi persekolahan bermula</li> <li>- Menyediakan laporan kerosakan dan pasir</li> <li>- Tidak melaksanakan penggunaan semua alatan yang dibekalkan KPM dengan alasan alatan yang dibekalkan tidak sesuai untuk peringkat umur prasekolah</li> </ul> <p><b>ICT</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Melaksanakan penyediaan laporan kerosakan komputer dan tidak berfungsi</li> <li>- Tidak terdapat bekalan internet</li> <li>- Menggunakan komputer riba milik peribadi untuk isi data online</li> </ul>	<p><b>Luar dan Dalam Bilik Darjah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memastikan alatan luar dan dalam bilik darjah selamat digunakan dan berfungsi sebelum sesi persekolahan bermula</li> <li>- Menyediakan laporan kerosakan</li> <li>- Alatan mainan pasir dan air diletak di belakang dapur</li> <li>- Tidak melaksanakan penggunaan semua alatan yang dibekalkan KPM dengan alasan tidak sesuai untuk murid prasekolah</li> </ul> <p><b>ICT</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Melaksanakan penyediaan laporan kerosakan komputer dan tidak berfungsi</li> <li>- Tidak terdapat bekalan internet</li> <li>- Menggunakan komputer riba untuk isi data online</li> </ul>

## Deskripsi Dapatan Pengurusan Pengoperasian

Bahagian ini adalah rumusan keseluruhan dapatan kajian mengenai pengurusan pengoperasian bilik darjah peserta, dengan merujuk kepada soalan kajian pertama (SK1). Deskripsi dapatan pengurusan pengoperasian oleh Peserta adalah seperti berikut:

- i. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa, semua peserta mempunyai asas pengetahuan dan kefahaman pengurusan pengoperasian di bilik darjah prasekolah. Semua Peserta juga memiliki pengetahuan tentang hal-hal pengurusan pengoperasian bilik darjah. Pengurusan utama yang mereka fokuskan ialah fail pengajaran. Penyediaan RPT disediakan di komputer. Ini berdasarkan pekeliling yang dikeluarkan oleh JPN Negeri Sembilan yang mengkehendaki semua guru prasekolah menyediakan rancangan pengajaran dalam bentuk fail pengajaran dan bukan buku rekod pengajaran.
- ii. Kajian ini mendapati semua peserta mempunyai pengetahuan berkenaan bantuan perkapita prasekolah. Seorang peserta tidak berpeluang mengurus perbelanjaan perkapita. Urusan tersebut dilaksanakan oleh pentadbir sekolah. Oleh itu kualiti dan kesesuaian alat yang diuruskan oleh pentadbir tidak sesuai untuk murid prasekolah.
- iii. Secara keseluruhannya, semua peserta mengetahui peranan pekeliling yang dikeluarkan oleh KPM. Mereka memiliki pengetahuan melaksanakan sesuatu perubahan di prasekolah adalah berdasarkan pekeliling yang diterima. 2 orang daripada mereka menyatakan pekeliling penting untuk melindungi mereka semasa menjalankan tugas. Hasil kajian mendapati semua Peserta menjadikan pekeliling sebagai panduan pengurusan pengoperasian bilik darjah.
- v. Rumusan dapatan mengenai pengurusan fasiliti di prasekolah, semua peserta memaklumkan bahawa komputer yang ada di prasekolah kini adalah komputer lama dan tidak dibekalkan dengan perisian yang baru. Semua prasekolah tidak

menerima komputer baru. Kajian juga mendapati Peserta tidak menggunakan komputer prasekolah untuk mengisi data SKPK dan SMPK secara online kerana data internet tidak dibekalkan. Berkenaan penggunaan komputer, semua Peserta memiliki pengetahuan asas menggunakan komputer. Namun begitu mereka tiada pengetahuan dalam mengintegrasikan penggunaan komputer dalam pengajaran. Hanya seorang Peserta memiliki pengetahuan mengintegrasikan komputer dalam pengajarannya dan komputernya memiliki line internet.

- vi. Kajian juga menunjukkan penyediaan jadual waktu dan jadual menu disediakan oleh Peserta. Jadual waktu yang disediakan adalah mengikut seperti yang dicadangkan dalam KSPK. Namun pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran tidak mengikut jadual yang telah disediakan. Manakala jadual menu pula disediakan mengikut keperluan zat dan vitamin yang perlu dimiliki oleh setiap murid. Jadual menu tersebut juga ditukar selang 2 minggu atau selang sebulan
- vi. Secara keseluruhannya, semua peserta menyediakan takwim tahunan prasekolah. Perkara yang dimasukkan dalam takwim adalah mesyuarat waris, mesyuarat AJK waris, sukan tahunan, hari anugerah murid dan aktiviti ko-kurikulum. Namun begitu terdapat juga pelaksanaan takwim tersebut mengikut perancangan pihak pentadbir seperti sukan dan hari anugerah murid.

#### **4.4 Pengurusan Pengajaran**

Pengurusan pengajaran yang cekap dan terbaik adalah bagaimana guru mengurus dan menangani sebarang perubahan yang berlaku. Guru yang dinamik sentiasa bersedia menerima transformasi dengan membuat penyesuaian mengikut perubahan dan kehendak semasa. Tadbir urus prasekolah KPM adalah tanggung jawab guru prasekolah sepenuhnya. Tiga tema utama muncul daripada analisis data bahagian ini. Tema-tema tersebut ialah i) Penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH), ii) Penyediaan Bahan Bantu Mengajar (BBM); iii) Pelaksanaan Pengajaran; dan iv) Pelaksanaan Pentaksiran. Tema-tema tersebut mampu menjawab soalan kajian 2.

Temu bual berstruktur dan separa berstruktur diguna untuk menjawab soalan kajian ini. Tema yang wujud di petik hasil dari soalan temu bual berstruktur. Manakala, temu bual separa struktur diguna untuk mendapatkan penjelasan berkenaan jawapan daripada soalan berstruktur yang diberikan oleh peserta. Dapatan kajian diperoleh melalui temu bual utama dan pemerhatian. Berikut adalah analisis dapatan tentang pengurusan pengajaran guru.

##### **4.4.1 Penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH)**

Bahagian ini membincangkan penyediaan RPH. KPM telah mengeluarkan pekeliling ikhtisas Bil. 3/1999 Penyediaan Rekod Pengajaran dan Pembelajaran KP (BS) 8591/Jilid XV/ (3) 9 Mac 1999 yang mewajibkan setiap guru menulis Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Pengurusan RPH yang baik ialah apabila objektif pembelajaran dicapai oleh murid dan secara tidak langsung meningkatkan keyakinan guru dalam mengajar mengikut seperti yang telah dirancang.

Melalui tema ini terbit tiga sub tema dalam penyediaan RPH peserta, iaitu i) Mengurus penyediaan RPH, ii) Penggunaan tema, dan iii) Integrasi tunjang. Temu bual tidak berstruktur dan analisis dokumen diguna untuk menjawab soalan kajian. Soalan temu bual berstruktur adalah untuk mendapatkan sub tema yang wujud daripada

jawapan yang diberikan, manakala temu bual separa struktur adalah untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai jawapan soalan berstruktur yang diberi oleh peserta. Berikut analisis dokumen dilakukan untuk menyokong dapatan kajian.

#### **4.4.1.1 Mengurus Penyediaan RPH.**

Merancang pengajaran memerlukan sumber yang boleh membantu untuk menjana idea seseorang guru. Analisis temu bual mendapati bahawa peserta memerlukan RPH untuk melaksanakan pengajaran seharian di bilik darjah. Tanpa RPH boleh mengakibatkan mereka ketandusan idea dan pengajaran membosankan sepertimana kenyataan P1 berikut: —.RPH adalah rangka aktiviti pengajaran yang kita rancang untuk mengajar dan membimbing murid, dalam RPH lah kita rancang bahan bantu yang akan digunakan, aktiviti peneguhan dan objektif pengajaran...tak perlu pun rujuk RPT” (P1/tb-u3:29-34). Kenyataan tersebut disokong petikan berikut: —.dalam RPH guru merancang kemahiran yang perlu dicapai oleh murid...merancang objektif pengajaran, merancang bahan bantu yang sesuai, rancang aktiviti peneguhan dan refleksi pengajaran guru” (P2/tb-u3-69-72).

Kajian juga mendapati guru menjadikan RPH sebagai panduan dalam pengajaran kerana dalam RPH dimasukkan juga bahan bantu yang sesuai dengan pengajaran dan aktiviti yang berkaitan. Sepertimana kenyataan berikut: —.RPH perlu untuk memandu guru dalam pengajaran... dalam RPH la kita rancang aktiviti yang sesuai, bahan bantu yang sesuai dan refleksi pengajaran kita pada hari itu. Barulah senang kita laksanakan pengajaran” (P4/tb-u3: 68-72). Kajian ini mendapati peserta memiliki pengetahuan keperluan dan kepentingan menyediakan Rancangan Pengajaran Harian. Ini menunjukkan RPH memainkan peranan dalam memandu pengajaran guru.

Manakala aspek panduan merancang pengajaran, analisis pemerhatian mendapati kurikulum dijadikan sebagai panduan dalam perancangan pengajaran di prasekolah. Sepertimana dapatan temu bual berikut: —.kalau tak ada RPH, mungkin semua guru



mengajar ‘hantam kromo’ (melakukan sesuatu sesuka hati) je kan...kalau kurikulum semata-mata memang tak boleh ingat...kita ni kadang-kadang terlupa apa yang nak diajar...sebab tu kita perlu merancang...jadi itu lah pentingnya tulis RPH ni...di situ jugalah kita rancang objektif pengajaran, rancang bahan bantu dan tulis refleksi selepas pengajaran” (P3/tb-u3:71-76). Kenyataan tersebut membuktikan peserta memiliki pengetahuan penggunaan RPH dan proses melengkapkan RPH.

Berkaitan bahan sokongan pula, pemerhatian mendapati peserta merujuk KSPK apabila mereka ketandusan idea dan pengisian pengajaran. Sepertimana petikan berikut: —.cadangan pengajaran yang disyorkan dalam KSPK tu membantu saya mencari idea” (P2/tb-u3: 84-85). Ini menunjukkan guru tidak sentiasa mempunyai idea dalam melaksanakan pengajaran.

Daripada aspek penulisan RPH, analisis pemerhatian mendapati mendapati peserta menulis RPH di komputer. RPH tersebut dicetak dan dimasukkan ke dalam fail pengajaran. Manakala melalui analisis kandungan dokumen didapati peserta tidak lagi menggunakan buku rekod untuk menulis RPH. Elemen yang terkandung dalam RPH di komputer itu sama seperti di buku rekod pengajaran iaitu tarikh, tema, tajuk, aktiviti dan refleksi. Seperti mana kenyataan P1 berikut: —.saya mula menulis RPH dalam komputer ni sejak tahun 2013.

Arahan tu dikeluarkan oleh JPN” (P1/tb-u3: 40-41). Kajian juga mendapati proses penulisan RPH di komputer sama seperti menulis RPH di buku rekod. Elemen yang terkandung dalam RPH di komputer adalah sama seperti yang terkandung dalam buku rekod. Oleh itu tidak mendatangkan masalah kepada peserta menulis RPH di komputer, seperti petikan berikut: —.sama saja seperti buku rekod cuma yang ni saya perlu taip di komputer dan cetak” (P1/tb-u3: 54-55). Ini membuktikan guru tiada masalah dalam penulisan RPH.

Namun begitu analisis pemerhatian mendapati peserta tidak menggunakan komputer yang terdapat di prasekolah tetapi menggunakan komputer milik peribadi. Ini dibuktikan dengan semakan di komputer prasekolah. Komputer di prasekolah tidak berfungsi akibat rosak dan belum dibaiki. Seperti mana petikan berikut —.komputer dalam kelas ni tak boleh diguna lagi. Semua ni dah jadi tukun, saya menaip di komputer sendiri sebab tu RPH saya disiapkan di rumah” (P1/tb-u3:64-66). Kenyataan tersebut disokong petikan berikut: —.sebab tu saya kena bawa laptop setiap hari, taip RPH di laptop sebab komputer dalam kelas ni tidak berfungsi” (P3/tb-u3: 95-96). Dapatan ini memberi gambaran bahawa peserta memiliki pengetahuan mematuhi arahan menyediakan rancangan mengajar di komputer.

Berkaitan hal senggaraan komputer di prasekolah pula, dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta telah membuat tindakan dengan menghantar komputer untuk dibaiki serta meminta bantuan guru komputer untuk tujuan yang sama. Walau bagaimana pun, mereka mengatakan komputer yang terdapat di prasekolah kini adalah komputer yang diterima pada tahun 2003 dan 2006. Mereka tidak menerima bekalan komputer yang baru sepertimana kenyataan berikut: —.arahan tulis RPH di komputer tapi komputer tak dibekalkan. Yang ada di prasekolah ni satu saja..itu pun tak berapa baik. Sejak 2010 tidak ada prasekolah yang terima komputer baru, kalau ada maknanya itu beli atas inisiatif pihak sekolah” (P3/tb-u3: 104-107). Situasi ini menunjukkan arahan yang diberi oleh pihak atasan tidak melihat kemampuan fasiliti yang terdapat di prasekolah.

Daripada aspek semakkan RPH, kajian ini mendapati setiap RPH yang telah disiapkan di hantar ke pihak pentadbir untuk ditandatangani. RPH tersebut ditandatangani oleh guru besar atau guru penolong kanan kurikulum. Sepertimana kenyataan P1 berikut: —.saya dah lama tak guna buku rekod untuk tulis RPH...saya taip dalam komputer...simpan dalam tu je...bila nak guna baru *print* (cetak)...kumpul

untuk satu minggu dan hantar ke pejabat untuk ditandatangani” (P1/tb-u3: 56-60). Ini membuktikan refleksi tidak ditulis dalam RPH setelah tamat sesi pengajaran. Kajian juga mendapati P1 menggunakan RPH tahun sebelumnya untuk melengkapkan fail pengajaran, sepertimana petikan berikut: —.kalau tak sempat tu saya print je RPH tahun lepas” (P1/tb-u3: 73). Kenyataan tersebut menggambarkan P1 mengambil mudah penyediaan RPH.

Manakala untuk penghantaran RPH, kajian ini mendapati RPH tersebut dihantar pada setiap hari Isnin atau hari Jumaat, seperti kenyataan berikut: —.pada setiap hari jumaat saya akan *print* (cetak) RPH dari hari isnin hingga hari jumaat...masukkan dalam fail dan hantar ke pihak pentadbir...hari isnin berikutnya baru saya ambil semula” (P1/tb-u3: 108-113) dan petikan berikut: —.hantar ke pihak pentadbir pada setiap hari isnin..jadi saya *print* (cetak) RPH dari hari selasa hingga jumaat...hari selasa saya ambil semula fail RPH tu” (P2/tb-u3: 111-115).

Kenyataan P1 dan P2 tersebut disokong kenyataan P3 berikut: —.masukkan dalam fail pengajaran dan hantar ke pejabat pada setiap hari jumaat lepas sesi persekolahan” (P3/tb-u3: 112-117) dan petikan berikut: —.saya akan print semua RPH dalam seminggu tu dan hantar ke pentadbir pada jumaat...hari isnin saya ambil semula” (P4/tb-u3: 114-120). Ini menunjukkan RPH tetap diambil semula pada hari-hari yang telah ditetapkan walaupun tidak ditandatangani oleh pentadbir. Situasi ini menggambarkan pengurusan RPH peserta diatur dengan baik.

Berkenaan penulisan refleksi pula, kajian ini mendapati peserta memiliki pengetahuan keperluan penulisan refleksi dalam RPH, adalah untuk menilai pengajaran mereka sendiri sepertimana kenyataan berikut: —.refleksi di tulis setelah tamat sesi pengajaran pada setiap hari..refleksi ni di buat untuk kita menilai hasil pengajaran kita pada hari itu dan penambahbaikan di buat pada penulisan RPH hari berikutnya..maksudnya kalau objektif yang kita rancang hari ini tidak tercapai atau kurang tercapai,

saya akan sambung dalam penulisan RPH esok” (P1/tb-u3:122-128). Ini menunjukkan peserta memiliki pengetahuan keperluan menulis refleksi di RPH.

Melalui aspek objektif pengajaran juga perlu menggunakan refleksi untuk penilaiannya. Oleh itu analisis temubual mendapati peserta membuat refleksi untuk menilai objektif pengajaran yang telah ditetapkan dalam RPH. Sekiranya objektif pengajaran tidak tercapai, peserta mengulangi objektif yang sama untuk pengajaran pada hari-hari berikutnya. Seperti kenyataan P2 berikut: —..saya akan tulis refleksi setelah tamat sesi pengajaran pada hari ini..saya menilai pengajaran saya dan semak adakah objektif pengajaran saya tercapai atau sebaliknya..jika tak tercapai, saya akan anjakkan dalam penulisan RPH hari esok..maksudnya saya akan rancang strategi pengajaran atau ubah bahan bantu supaya objektif pengajaran itu tercapai”(P2/tb-u3: 127-132). Ini menunjukkan peserta memiliki pengetahuan kegunaan refleksi dalam pengajaran.

Refleksi juga digunakan untuk menilai kefahaman murid tentang apa yang dipelajari. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa peserta menggunakan refleksi untuk memberi maklum balas mengenai kefahaman dan penguasaan murid tentang perkara yang diajar. Sepertimana kenyataan P2 berikut: —.. supaya kita tahu samada apa yang kita ajar tu murid faham dan kuasai atau tidak..kalau tak ada refleksi ni ..ibaratnya macam kita syok sendiri” (P2/tb-u3: 144-148). Kenyataan tersebut disokong petikan berikut: —Refleksi ni penting untuk nilai pengajaran kita, nak tahu ok ke tak ok, tengok je apa yang murid dapat pada hari itu..kalau tak ada perubahan, maknanya tak ok la tu..kalau ada perubahan kira tercapailah objektif tu”(P3/tb-u3: 130-139). Kenyataan ini membuktikan peserta mengutamakan murid supaya dapat menguasai objektif pengajaran.

Berdasarkan kenyataan P2 dan P3 menunjukkan bahawa peserta memiliki pengetahuan kepentingan penulisan dan tujuan refleksi dalam RPH. Walaubagaimana

pun peserta menulis refleksi tersebut di setiap RPH. RPH tersebut dicetak sebelum memulakan pengajaran. Refleksi di tulis setelah tamat sesi pengajaran dan sebelum menulis RPH untuk hari berikutnya. Penulisan refleksi hanya menggunakan pen dan bertulisan tangan sahaja.

Kajian juga mendapati terdapat dalam kalangan peserta membawa komputer riba ke prasekolah. Mereka merujuk komputer riba masing-masing sebelum memulakan sesi pengajaran. Analisis temu bual menunjukkan refleksi terhadap pengajaran dan pembelajaran tidak ditulis setelah tamat sesi pengajaran. Refleksi hanya ditulis apabila peserta membuat RPH baru seperti data temu bual berikut: “...kadang-kadang tak sempat menulis refleksi, tapi inshaAllah saya boleh ingat proses pengajaran yang telah dilalui” (P1/tb-u3: 140-141). Sama seperti petikan berikut: “...bukan tak nak tulis refleksi tapi kadang-kadang saya perlu menyiapkan tugas yang datang secara *ad hoc* terlebih dahulu. Jadi refleksi tu saya tulis kemudian” (P2/tb-u3: 159-161).

Ini membuktikan guru prasekolah kurang mengambil langkah selamat dalam penyediaan RPH. Walau bagaimana pun, melalui analisis dokumen didapati, ruang refleksi dalam RPH tidak ditulis apa-apa dan telah ditandatangani oleh pihak pentadbir. RPH yang telah ditandatangani disimpan dalam fail pengajaran dan dirujuk sebelum memulakan pengajaran. Terdapat juga peserta tidak mencetak RPH untuk rujukan sebelum mengajar dan mereka hanya merujuk komputer riba. Jadi ini memberi gambaran bahawa proses pengurusan RPH peserta dikategori memuaskan walaupun terdapat dalam kalangan mereka tidak menulis refleksi.

#### ***a. Penggunaan Tema.***

Penulisan RPH adalah mengikut tema tahunan. Penggunaan tema boleh memandu pengajaran guru mengikut tahap keperluan dan keupayaan murid. Bermula dengan penyediaan Rancangan Tahunan, Mingguan dan RPH. Oleh itu analisis temu bual menunjukkan semua peserta setuju bahawa penggunaan tema dalam perancangan

harian adalah mengikut keperluan pembelajaran dan keupayaan murid. Sepertimana kenyataan P1 berikut: —.dengan adanya tema saya boleh merancang pengajaran, sebab tema ni memandu perancangan saya dan kalau murid lemah, saya kena rancang objektif yang hampir boleh dicapai oleh mereka”(P1/tb-u3: 113-116). Begitu juga petikan berikut: —.penggunaan tema memang ditulis dalam RPH. Apabila kita menggunakan tema dalam penulisan, adalah lebih mudah kita merancang bahan bantu yang hendak digunakan dalam pengajaran” (P4/tb/-u3: 101-103). Kenyataan tersebut menunjukkan penggunaan tema yang terdapat dip persekitaran murid dan ditulis dalam RPH sangat membantu guru dalam merancang pengajaran.

Walau bagaimanapun dari aspek pelaksanaan aktiviti kajian ini mendapati pelaksanaan aktiviti tidak mengikut sepertimana yang dirancang dalam RPH. Dapatan temubual tersebut seperti berikut: —.tapi pelaksanaannya belum tentu ikut lagi sebab pengajaran di prasekolah ni kena ikut kesediaan murid...kalau emosinya ok hari ni, maka mudahlah saya jalankan aktiviti tapi kalau emosinya bermasalah saya kena ubah pengajaran saya, senang cakupannya rancang ikut tema laksana tak ikut” (P3/tb-u4: 106-110). Ini membuktikan pelaksanaan pengajaran di bilik darjah prasekolah adalah fleksibel.

Manakala penyusunan aktiviti juga dilihat berkaitan antara satu sama lain. Penggunaan tema mengikut seperti yang dirancang dalam RPT. Penyusunan aktiviti dalam RPH berkesinambungan antara satu aktiviti dengan aktiviti yang lain. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa peserta memiliki pengetahuan dan keperluan tujuan kesinambungan aktiviti pengajaran sepertimana kenyataan P2 berikut: —.kesinambungan itu perlu untuk memberi penjelasan kepada murid bahawa ilmu yang diajar dalam minggu ini adalah berkisar dalam kelompok yang sama” (P2/tb-u3: 114-116). Penggunaan tema dalam penulisan RPH peserta lebih tersusun dan memberangsangkan.

Walau bagaimanapun dari aspek penggunaan tema yang dirancang, analisis pemerhatian menunjukkan bahawa peserta tidak menggunakan tema yang dirancang dalam pengajaran mereka. Penggunaan tema dalam RPH tidak berlaku dan pengajaran malah Peserta lebih banyak menggunakan kemahiran asas kerana bimbang murid tidak dapat menguasai 4M. Sepertimana dapatan temu bual berikut—.dalam RPH perlulah masukkan tema, nanti jadi salah pula kalau tak tulis” (P3/tb-u3: 120-121). Disokong oleh petikan berikut —.saya fokus kemahiran asas sekarang sebab saya tak mahu anak murid saya masuk ke program LINUS tahun depan” (P3/tb-u3: 134-136). Situasi ini menunjukkan perancangan tema di RPH adalah mengikut sepertimana yang diarahkan KPM tetapi guru lebih banyak menggunakan modul teras asas dalam pengajaran untuk mengurangkan peratus LINUS sekolah.Kenyataan diatas, memberi gambaran bahawa apa yang ditulis dalam RPH tidak semestinya berlaku dalam pengajaran peserta.

Oleh itu dirumuskan bahawa penulisan tema dalam RPH tidak semestinya digunakan oleh guru kerana tumpuan pengajaran mereka lebih berfokuskan 4M. Walaupun begitu peserta masih mempunyai pengetahuan dan kefahaman memilih dan menentukan tema dalam penulisan RPH.

**b. Integrasi Tunjang.**

Integrasi tunjang adalah pengabungjalinan dua atau tiga tunjang dalam satu pengajaran. Pelaksanaannya disusun mengikut urutan peristiwa agar pengajaran dapat disampaikan dengan lebih menyeluruh. Dengan pengintegrasian ini diharap mampu membentuk keperibadian murid selaras dengan persekitaran dan kehidupannya. Lantaran itu setiap guru prasekolah perlu merancang RPH dengan teliti supaya integrasi tunjang dalam pengajaran dapat dilaksanakan dengan baik.

Daripada aspek integrasi tunjang, analisis kandungan dokumen mendapati bahawa peserta menulis 2 atau 3 tunjang dalam RPH. Namun melalui pemerhatian pula

didapati perlaksanaannya tidak berlaku dalam pengajaran tetapi berlaku dalam sesi penutup sesuatu aktiviti. Sepertimana kenyataan berikut:

—..dalam RPH memang saya tulis 2 atau 3 tunjang tapi bila laksana kadang-kadang jadi kadang-kadang tak..tapi apa yang saya perasan, bila ada murid cepat siap sesuatu tugasan tu..saya kena tunggu murid yang lambat tu juga”

(P1/tb-u4: 81-87).

—..dalam RPH memang saya tulis 2 atau 3 tunjang tapi bila laksana kadang-kadang jadi kadang-kadang tak..tapi apa yang saya perasan, bila ada murid cepat siap sesuatu tugasan tu..saya kena tunggu murid yang lambat tu juga”

(P1/tb-u4: 81-87)

—..dalam RPH memang tulis, laksana tu kadang-kadang buat kadang-kadang tidak sebab saya mengajar melihat kesediaan murid dulu..kalau murid sudah sedia menerima pengajaran lain baru saya laksanakan tunjang berikutnya”

(P2/tb-u4: 89-95)

—..dalam RPH memang tulislah integrasi tunjang tu...orang suruh tulis, kita tulis”

(P3/tb-u4: 101-102)

—..dalam RPH ada tulis integrasi tunjang tu”

(P4/tdk-u4: 96)

Kenyataan diatas menunjukkan yang ditulis dan dirancang dalam RPH itu tidak diikuti sepenuhnya oleh peserta. Perancangan yang ditulis dalam RPH tidak dilaksanakan secara total dalam pengajaran. Bermaksud yang dirancang lain yang diajar lain.

Namun begitu perubahan sesuatu kurikulum itu telah disebarluaskan kepada semua guru prasekolah sebagai pelaksana agar hasrat kurikulum itu tercapai. Dapatan kajian menunjukkan setiap peserta telah diberi pendedahan cara menulis integrasi tunjang dalam RPH. Sepertimana kenyataan P1 berikut: —..dalam kursus yang dihadiri memang ada di ajar cara menulis integrasi tunjang dalam RPH...tapi dalam kursus tu saya tak hadir. Saya terima input dari kawan-kawan lain dalam perjumpaan di PPD atau PKG” (P1/tb-u4: 125-129). Ini membuktikan berlakunya kecairan maklumat apabila guru prasekolah sendiri tidak hadir ke kursus yang dianjurkan oleh PPD atau JPN.



Manakala dari aspek pendedahan kurikulum, dapatan kajian menunjukkan PPD telah memberi taklimat kepada guru prasekolah. Tujuannya adalah untuk memberi kefahaman kepada para guru tentang kurikulum dan cara menulis integrasi tunjang dalam RPH. Sepertimana kenyataan P2 berikut: “...pada 2010 saya kerap dipanggil menghadiri kursus berkaitan KSPK ni..masa tu juga ada diajar bagaimana integrasikan tunjang dalam penulisan RPH...kalau tak silap dua kali saya menghadiri kursus tu. Dari situ saya belajar dan hingga kinilah saya ikut..apa yang saya buat ni, inilah yang saya faham ketika kursus tu. Kalau salah kefahaman saya, maka salahlah RPH saya ni” (P2/tb-u4:109-117). Disokong dengan kenyataan berikut: “PPD yang buat kursus tentang KSPK dan penulisan RPH tu” (P2/tb-u4:125-127). Kenyataan ini menunjukkan pihak yang berkepentingan telah menjalankan tanggungjawab mereka dalam menyebarkan penggunaan kurikulum prasekolah.

Berkaitan penulisan integrasi tunjang pula, analisis data temu bual mendapati guru prasekolah yang telah menerima pendedahan mengenai integrasi tunjang dan penulisan integrasi tunjang dalam RPH, telah dipantau oleh pihak yang bertanggungjawab sepertimana kenyataan P3 berikut: “...pada tahun 2010 saya telah ditaklimatkan oleh pegawai prasekolah PPD. Saya sendiri yang menghadiri taklimat tu dan saya yakin kefahaman saya sama seperti yang ditaklimatkan. Pegawai Prasekolah JPN dan PPD yang datang memantau rekod pengajaran saya tak ada komen apa-apa” (P3/tb-u4:113-117).

Kenyataan P2 dan P3 tersebut, menunjukkan pihak JPN dan PPD telah memberi pendedahan tentang penulisan RPH dan cara mengintegrasikan tunjang dalam RPH. Penulisan integrasi tunjang adalah hampir sama dengan penulisan RPH yang lain, cuma di prasekolah tidak ditetapkan tempoh masa pelaksanaannya. Situasi ini menggambarkan peserta memiliki pengetahuan dan kefahaman dalam menulis integrasi tunjang dalam menyedia RPH.

Walau bagaimanapun kajian ini mendapati terdapat dalam kalangan peserta tidak merujuk RPH sebelum melaksanakan pengajaran dan pembelajaran. Sepertimana kenyataan P1 berikut: —.mmm...saya guna RPH yang tahun lepas saja, sebab tunjangan sama cuma murid je yang berbeza, malas la pulak saya nak buat yang baru..refleksi pula tak lah penting sangat, tak tulis pun tak pe..tengok saja yang saya ajar hari ini..kalau murid respon dan boleh buat, maknanya objektif pengajaran saya tercapai”(P1/tdk-u3:101-108). Ini menunjukkan bahawa terdapat dalam kalangan guru prasekolah bersikap sambil lewa mengenai pengurusan pengajaran. Mereka memiliki pengetahuan tetapi tidak mengaplikasikan pengetahuan tersebut.

Manakala dari aspek fail pengajaran, analisis dokumen kajian ini mendapati fail pengajaran peserta masih menggunakan RPH tahun sebelumnya yang tidak ditandatangani oleh pihak pengurusan sekolah. Sepertimana kenyataan P1 berikut: —.tahun lepas guru besar tak ada sebulan sebab berpencen, GPK1 pula berkursus di IAB selama 3 bulan” (P1/tdk-u3:125-127). Kenyataan tersebut menunjukkan terdapat dalam kalangan peserta kurang memberi tumpuan prihal pengurusan pengajaran harian mereka. Perbandingan respons peserta terhadap Penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) seperti di Jadual 4.2

Jadual 4.2

Perbandingan Respons Peserta dengan Penyediaan RPH

Sub tema	P1	P2	P3	P4
Penyediaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tidak memerlukan RPT dalam menyediakan RPH</li> <li>- Menyediakan RPH di komputer</li> <li>- Menggunakan RPH tahun sebelumnya</li> <li>- Mencetak RPH seminggu sekali</li> <li>- Menyedia RPH mengikut tema yang dirancang</li> <li>- Menulis aktiviti peneguhan dan bbm yang digunakan</li> <li>- Tidak menulis refleksi di RPH</li> <li>- RPH dihantar ke pentadbir pada setiap hari isnin</li> <li>- Menyediakan fail RPH</li> <li>- Fail tidak berlabel</li> <li>- Tidak semua RPH ditandatangani oleh pentadbir</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Merujuk RPT dalam menyediakan RPH</li> <li>- Menyediakan RPH di komputer</li> <li>- Mencetak RPH setiap hari</li> <li>- Menyedia RPH mengikut tema yang berlaku di persekitaran murid</li> <li>- Kadang-kadang menggunakan tema yang dirancang</li> <li>- Menulis aktiviti peneguhan</li> <li>- Menulis bbm untuk pengajaran</li> <li>- Menulis refleksi di RPH setiap hari</li> <li>- RPH dihantar ke pentadbir pada setiap hari jumaat</li> <li>- Menyediakan fail RPH</li> <li>- Fail RPH dilabelkan</li> <li>- Semua RPH ditandatangani oleh pentadbir</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kadang-kadang merujuk RPT dalam menyediakan RPH</li> <li>- Menyediakan RPH di komputer</li> <li>- Mencetak RPH seminggu sekali</li> <li>- Menyedia RPH tidak mengikut tema yang dirancang</li> <li>- Menulis aktiviti peneguhan dan bbm yang digunakan</li> <li>- Menulis refleksi seminggu sekali</li> <li>- Menghantar RPH ke pentadbir pada setiap hari jumaat</li> <li>- Menyediakan fail RPH</li> <li>- Fail RPH dilabelkan</li> <li>- Semua RPH ditandatangani oleh pentadbir</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tidak merujuk RPT dalam menyediakan RPH</li> <li>- Menyediakan RPH di komputer</li> <li>- Mencetak RPH seminggu sekali</li> <li>- Menyedia RPH tidak mengikut tema yang dirancang</li> <li>- Tidak menulis aktiviti peneguhan</li> <li>- Tidak menulis bbm yang diperlukan dalam pengajaran</li> <li>- Tidak menulis refleksi di RPH</li> <li>- Menghantar RPH ke pentadbir pada setiap hari jumaat</li> <li>- Menyediakan fail RPH</li> <li>- Fail RPH dilebelkan</li> <li>- Semua RPH ditandatangani oleh pentadbir</li> </ul>
Penggunaan Tema	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menggunakan tema yang telah dirancang</li> <li>- Tidak menggunakan tema di persekitaran murid</li> <li>- Penggunaan tema yang berulang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kadang-kadang menggunakan tema dari RPT</li> <li>- Kerap menggunakan tema di persekitaran murid</li> <li>- Penggunaan tema tidak berulang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kadang-kadang menggunakan tema yang telah dirancang</li> <li>- Kadang-kadang menggunakan tema di persekitaran murid</li> <li>- Penggunaan tema yang berulang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kadang-kadang menggunakan tema yang telah dirancang</li> <li>- Kadang-kadang menggunakan tema di persekitaran murid</li> <li>- Penggunaan tema yang berulang</li> </ul>
Integrasi Tunjang	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menulis integrasi tunjang</li> <li>- Menulis sekurang-kurangnya 3 tunjang diintegrasikan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menulis integrasi tunjang</li> <li>- Menulis sekurang-kurangnya 3 tunjang diintegrasikan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menulis integrasi tunjang</li> <li>- Menulis sekurang-kurangnya 3 tunjang diintegrasikan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menulis integrasi tunjang</li> <li>- Menulis sekurang-kurangnya 3 tunjang diintegrasikan</li> </ul>

#### 4.4.2 Bahan Bantu Mengajar (BBM)

Dapatan temu bual menunjukkan terdapat beberapa sub tema terbit dalam aspek BBM. Antaranya i) bahan teknologi, ii) sumber elektrik dan iii) buat sendiri. Bahan bantu mengajar merupakan alat yang perlu disediakan oleh setiap guru prasekolah sebelum memulakan sesi pengajaran. Peserta menyediakan bahan bantu sebelum memulakan sesi pengajaran. Temu bual berstruktur, separa berstruktur dan analisis dokumen diguna untuk menjawab soalan kajian. Soalan temu bual berstruktur adalah untuk mendapatkan sub tema yang wujud daripada jawapan yang diberikan, manakala temu bual separa struktur adalah untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai jawapan soalan berstruktur yang diberi oleh Peserta. Analisis dokumen dilakukan untuk menyokong dapatan kajian.

Berkaitan fungsi dan peranan BBM, kajian ini mendapati peserta menggunakan BBM yang boleh membantu murid mencapai hasil pembelajaran. BBM tersebut juga disediakan dengan ceria agar dapat menarik perhatian murid. Sepertimana kenyataan P1 berikut: —.BBM boleh menarik minat murid dan mengekalkan situasi pengajaran yang berkesan dan menarik” (P1/tb-u4: 135-136). Malah penggunaan BBM maujud dan berteknologi boleh menarik minat murid mempelajari sesuatu dengan lebih mudah, sepertimana petikan berikut: —.penyediaan BBM yang menggunakan pelbagai deria mampu memberikan kesan dalam menerangkan sesuatu ilmu kepada murid. Penggunaan multimedia yang terdiri daripada slaid, video dan audio yang menarik berjaya mendorong pembelajaran secara sendirian atau berkumpulan” (P2/tb-u4: 132-135).

Salain dari membantu memudahkan kefahaman murid, BBM juga perlu di reka dengan betul dan sesuai dengan pengalaman murid dan objektif pengajaran guru tercapai. Seperti dapatan temu bual berikut: —.saya memang menyediakan bahan bantu. Bahan bantu yang saya buat adalah mengikut tema yang saya guna” (P2/tb-u4:

137-138). Petikan tersebut disokong kenyataan berikut: —.ada kalanya saya guna bahan maujud juga...dengan menggunakan bahan maujud murid lebih jelas sebab hampir dengan persekitaran mereka” (P2/tb-u4: 140-142).

Melalui aspek keperluan BBM di prasekolah, kajian ini mendapati BBM boleh membantu murid mengingat tentang apa yang telah dipelajari. Sepertimana kenyataan berikut: —.kalau mengajar tak ada BBM memang tak seronok sebab murid pra ni kalau diajar dengan bercakap saja mereka kurang faham dan kurang daya mengingat. Tapi kalau kita guna BBM, inshaAllah mereka cepat faham dan mudah ingat” (P3/tb-u4: 132-139). Kenyataan P2 dan P3 jelas menunjukkan BBM berfungsi menambah kefahaman murid.

Sungguhpun begitu BBM yang disediakan haruslah mengikut tema. Sepertimana petikan berikut: —.saya memang sediakan bahan bantu sebelum sesi pengajaran. Apa pun kena ikut tema la...kalau tema peralatan di rumah, saya akan gunalah bahan maujud yang ada di prasekolah, untuk pengukuhan mungkin saya boleh sediakan lembaran kerja” (P4/tb-u4: 130-138). Namun kajian ini mendapati terdapat dalam kalangan peserta kurang mengambil berat penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran kerana berpendapat penggunaan BBM tidak membantu, seperti menurut P1: —.bila mengajar nak kejar 4M, bahan bantu dah tak ambil kisah” (P1/tb-u4: 139-142).

Walau bagaimana pun penyediaan bahan bantu kajian mendapati ianya disediakan oleh Pembantu Pengurusan Murid (PPM). Namun peserta menunjukkan contoh BBM yang perlu disediakan sepertimana petikan berikut: —.kalau BBM yang disediakan tu tak mengikut kehendak saya, saya akan tukar dengan menggunakan gambar-gambar atau peralatan yang sedia ada sahaja” (P1/tb-u4: 158-160).

Mengajar diprasekolah tanpa menggunakan BBM sangat tidak sesuai kerana pemahaman murid tidak hanya berbentuk verbal, malah perlu juga dibantu secara audio dan sebagainya. Seperti yang dinyatakan oleh P4: —.kalau mengajar di prasekolah

tidak menggunakan bahan bantu memang susah nak bagi murid faham...biasanya BBM ni lah yang menyokong pengajaran guru. Kalau tak ada BBM, saya mengajar pun tak seronok sebab kadang-kadang murid tak faham apa yang kita cakap, jika guna BBM boleh juga membantu kefahaman mereka” (P4/tb-u4: 158-163).

Walau bagaimanapun melalui pemerhatian kajian ini mendapati terdapat dalam kalangan Peserta tidak menggunakan BBM dalam pengajaran, sebaliknya hanya menggunakan pen marker dan papan putih. Mereka menggunakan BBM apabila perlu sahaja. Sepertimana kenyataan berikut: —..saya tengok BBM yang sedia ada ni, jika bersesuaian dengan apa yang akan diajar, saya guna la. Kalau tak bersesuaian saya guna papan putih saja, mmmm.... sebenarnya saya gunakan BBM bila perlu sahaja” (P1/tdk-u3: 75-78).

Dapatan kajian ini menunjukkan setiap BBM yang telah digunakan dalam pengajaran, disusun disudut pembelajaran dan dipamerkan sehingga selesai tempoh penggunaan tema berkaitan dalam pengajaran dan pembelajaran. Dapatan adalah seperti data temu bual berikut: —..diletakkan di sudut pembelajaran dalam tempoh satu minggu supaya murid dapat mengingat dan berinteraksi dengan BBM tersebut dengan lebih dekat” (P4/tdk-u3: 89-91).

Manakala melalui analisis dokumen, kajian ini mendapati BBM seperti kad imbasan, kad bergambar dan kad perkataan dilekatkan didinding. Kad-kad tersebut diulang eja dan baca dalam tempoh satu minggu. Berdasarkan dapatan kajian juga menunjukkan Peserta setuju menggunakan BBM dalam pengajaran di prasekolah yang dapat memberi lebih kefahaman dan jelas mengenai pengajaran serta dapat mencapai objektif yang dirancang kecuali P1 yang kurang mengambil berat penggunaan BBM dalam pengajaran.

#### 4.4.2.1 Alat teknologi.

Bahagian ini membincangkan perihal alat teknologi yang digunakan sebagai BBM di bilik darjah prasekolah. Kajian ini mendapati alat teknologi yang dibekalkan oleh KPM ke prasekolah adalah seperti komputer dan LCD. Manakala alat media pula adalah televisyen, alat perakam cd dan radio. Walau bagaimana pun melalui pemerhatian, kajian ini mendapati alat tersebut tidak digunakan dalam pengajaran. Sepertimana kenyataan berikut: —.saya memang jarang sekali guna BBM alat teknologi. Untuk setakat hari ni baru dua kali saya guna alat teknologi” (P1/tb-u5: 79-80) dan —.saya guna televisyen dan perakam cd bila saya keluar ke pejabat atau mesyuarat, kalau mengajar biasa saya tak guna sebab cd atau cerita yang berkaitan dengan apa yang saya ajar tu tak semuanya ada” (P1/tb-u5: 88-91). Ini menunjukkan guru prasekolah tidak menggunakan semua peralatan yang dibekalkan KPM.

Kenyataan diatas disokong kenyataan P3: —.saya memang tak guna alat teknologi dalam pengajaran tapi diguna jika saya sibuk dengan kerja-kerja pengurusan” (P3/tb-u5: 45-46). Manakala hal berkaitan cd yang dibekalkan oleh pihak KPM, kajian ini juga mendapati cd berkenaan jarang sekali digunakan dalam pengajaran guru. Dapatan diperoleh seperti kenyataan P3 berikut: —.tak semua cd yang ada di prasekolah ni berkaitan dengan apa yang saya ajar. Saya tidak pula mencari cd berkaitan dengan pengajaran sebab ruang masa saya terhad” (P3/tb-u5: 53-55). Melalui kenyataan P3 menunjukkan penggunaan alat teknologi dalam pengajaran di bilik darjah kurang diberi perhatian. Malah kajian juga mendapati penggunaan alat teknologi seperti komputer tidak digunakan sama sekali dalam pengajaran.

Berkaitan penggunaan alat media, kajian ini mendapati peserta kerap menggunakan radio dalam pengajaran. Seperti dapatan berikut: —.radio digunakan untuk nyanyian atau muzik dan gerakan” (P2/tb-u5: 62-63) dan —.radio senang digunakan untuk menyokong pengajaran saya” (P4/tb-u5: 54-55). Kenyataan P2 dan P4

menunjukkan hanya radio yang digunakan sebagai bahan sokongan dalam pengajaran guru.

Berhubung penggunaan alat media lain, kajian ini mendapati hanya televisyen yang digunakan dalam pengajaran, sepertimana kenyataan berikut: “...saya guna juga televisyen tapi tidaklah setiap hari. Alat tu diguna mengikut keperluan” (P2/tb-u5: 88-91). Dapatan tersebut disokong kenyataan P4: “...saya guna televisyen dan radio saja. Yang lain saya tak guna sangat” (P4/tb-u5: 84-85).

#### **4.4.2.2 Sumber Elektrik.**

Penggunaan alatan ICT berkuasa tinggi seperti peralatan komputer memerlukan sumber tenaga elektrik. Oleh yang demikian keperluan sumber elektrik amat diperlukan dalam mengintegrasikan ICT dalam pengajaran. Dapatan kajian ini menunjukkan alat teknologi yang terdapat di bilik darjah seperti komputer tidak berfungsi dengan baik kerana pendawaian elektrik di bilik darjah kurang memuaskan. Sepertimana kenyataan berikut: “...saya sudah buat aduan pada pihak pentadbir berkenaan pendawaian tu dan pihak pentadbir telah membuat tindakan dengan menghubungi pihak berwajib tapi hingga kini belum dibaiki” (P1/tb-u5: 120-123). Kenyataan ini menunjukkan guru ada kesungguhan untuk mengaplikasikan alat teknologi dalam pengajaran tetapi kekangan sistem pendawaian elektrik yang menyebabkan pengaplikasian tersebut tidak dilaksanakan.

Penggunaan internet bukan sahaja diperlukan dalam pengurusan tetapi juga dalam pengajaran. Dari aspek penggunaan internet, kajian ini mendapati sumber internet tidak terdapat di prasekolah. Penggunaan jalur lebar YESS yang dibekalkan oleh KPM tidak disambungkan ke prasekolah. Malah penggunaanya hanya terhad untuk makmal komputer sahaja sepertimana kenyataan berikut: “...internet ada kat sekolah ni tapi tak sampai kat pra...saya guna data sendiri tapi tak boleh la guna hari-hari ha..ha (ketawa)” (P4/tb-u5: 231-233). Ditambah kenyataan berikut: “...saya tidak lah mahir



menggunakan internet dalam pengajaran tapi kalau sumber tu ada mungkin saya juga boleh belajar dari mereka yang mahir” (P3/tb-u5: 301-303). Kenyataan P3 dan P4 membuktikan peserta ada kesungguhan untuk menggunakan aplikasi jalur lebar dalam pengajaran. Namun keadaan aplikasi yang tidak memuaskan telah membataskan penggunaannya dalam pengajaran.

#### **4.4.2.3 Buat sendiri.**

Berkaitan penyediaan BBM pula, kajian ini mendapati peserta menggunakan BBM yang dihasilkan sendiri dan berbentuk bahan maut. Penggunaan BBM juga adalah mengikut tema. Seperti mana petikan berikut: “...menggunakan bahan maut lebih memberi kefahaman pada murid. Saya percaya penerimaan mereka lebih mudah tambahan pula bahan tersebut ada di persekitaran mereka” (P4/tdk-u3: 78-80).

Kebanyakan BBM yang terdapat di prasekolah adalah disediakan sendiri oleh peserta dan PPM. Analisis pemerhatian mendapati kad imbasan, kad bergambar, kad perkataan dan buku besar di simpan dan disusun di rak penyimpanan. Manakala perancangan menggunakan BBM adalah mengikut RPH. Penggunaan BBM adalah mengikut tema yang digunakan pada satu-satu. Dapatan adalah seperti temu bual berikut:

“...semua kad tu saya dan pembantu yang sediakan. Kad tu saya rancang untuk ajar murid mengenal huruf dan membatangkan suku kata. Memang saya akan guna kad bergambar dan kad perkataan untuk memahamkan murid”

(P2/tb-u5: 43-44)

“...buku besar tu memang dibekalkan oleh KPM, buku besar yang comot sikit tu saya dan pembantu yang buat, sebab buku yang KPM beri tu panjang sangat jalan ceritanya. Yang saya buat tu guna ayat mudah saja”

(P2/tb-u5: 51-53)

Kenyataan P2/tb-u5:51-53, menunjukkan BBM yang dibekalkan oleh KPM tidak digunakan oleh peserta secara keseluruhannya. Malah kajian juga mendapati masih terdapat BBM yang belum dibuka dan disimpan dalam almari berkunci kerana BBM

tersebut tidak sesuai digunakan pada peringkat prasekolah, sepertimana petikan berikut:  
—..BBM tu bukan tak boleh guna tapi tak sesuai untuk peringkat umur pra. *Levelnya* (tahap) tinggi” (P2/tb-u5: 60-61).

Melalui aspek bahan-bahan lain, kajian ini mendapati terdapat BBM yang dibeli dari pembekal dengan menggunakan perkapita alatan. Seperti kenyataan berikut:  
—..yang dibekalkan KPM buku besar, buku cerita bersiri dan cd interkatif saja, yang lain kami beli melalui pembekal. Kalau simpan dalam almari maknanya BBM itu tak sesuailah digunakan di prasekolah. Sebab tu disimpan” (P4/tb-u5: 43-45) dan —..saya lebih suka guna BBM yang saya buat sebab saya tahu tahap pemahaman murid saya. BBM tu biar *simple* tapi menarik” (P4/tb-u5: 52-53).

Ini menunjukkan peserta lebih menggunakan BBM yang dibuat sendiri berbanding BBM yang dibekalkan oleh KPM. Peserta menyediakan BBM mengikut kemampuan murid agar perubahan tingkah laku itu lebih cepat diperhatikan. Perbandingan respons peserta seperti di jadual 4.3.

Jadual 4.3

Perbandingan Respons Peserta dengan Penyediaan Bahan Bantu Mengajar

Sub Tema	P1	P2	P3	P4
Mengurus BBM	<p><b>Alat teknologi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tidak menggunakan alat teknologi ICT dalam pdp</li> <li>- Tidak menjadikan alat teknologi sebagai bbm</li> <li>- Alat teknologi ICT tidak berfungsi</li> <li>- Kadang-kadang menggunakan televisyen, perakam cd dan radio</li> </ul> <p><b>Sumber Elektrik dan Internet</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pendawaian elektrik di bilik darjah kerap terjejas</li> <li>- Tiada internet di bilik darjah</li> </ul> <p><b>Buat sendiri</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tidak menyediakan bbm sendiri</li> <li>- Tidak menggunakan bbm benda mautud</li> <li>- Lebih banyak menggunakan buku tulis</li> </ul>	<p><b>Alat teknologi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kadang-kadang guna alat teknologi ICT dalam pdp</li> <li>- Menggunakan alat teknologi sebagai bbm</li> <li>- Kerap menggunakan televisyen, perakam cd dan radio</li> </ul> <p><b>Sumber Elektrik dan Internet</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pendawaian elektrik di bilik darjah dalam keadaan baik</li> <li>- Ada bekalan internet di bilik darjah</li> </ul> <p><b>Buat sendiri</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyediakan bbm sendiri dan di bantu oleh PPM</li> <li>- Banyak menggunakan bbm benda mautud</li> <li>- Menggunakan lembaran kerja</li> </ul>	<p><b>Alat teknologi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tidak menggunakan alat teknologi ICT dalam pdp</li> <li>- Tidak menjadikan alat teknologi sebagai bbm</li> <li>- Kadang –kadang menggunakan televisyen, perakam cd dan radio</li> </ul> <p><b>Sumber Elektrik dan Internet</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pendawaian elektrik di bilik darjah dalam keadaan baik</li> <li>- Tiada internet</li> </ul> <p><b>Buat sendiri</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bbm disediakan oleh ppm</li> <li>- Kadang-kadang guna bbm dalam pdp</li> <li>- Banyak menggunakan buku kerja</li> </ul>	<p><b>Alat teknologi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tidak menggunakan alat teknologi ICT dalam pdp</li> <li>- Tidak menjadikan alat teknologi sebagai bbm</li> <li>- Kerap menggunakan televisyen, perakam cd dan radio</li> </ul> <p><b>Sumber Elektrik dan Internet</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pendawaian elektrik di bilik darjah dalam keadaan baik</li> <li>- Tiada internet</li> </ul> <p><b>Buat sendiri</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bbm disediakan oleh ppm</li> <li>- Kadang-kadang guna bbm dalam pdp</li> <li>- Banyak menggunakan buku buku tulis</li> </ul>

#### 4.5 Pelaksanaan Pengajaran

Bahagian ini membincangkan hal berkaitan konstruk kedua kajian ini iaitu pelaksanaan pengajaran. Pelaksanaan pengajaran didefinisikan sebagai kegiatan mengajar menggunakan kurikulum. Pelaksanaan pengajaran dalam dapatan ini merangkumi i) panduan mengajar dan ii) melaksanakan KSPK. Melaksanakan konsep pengajaran, teknik pengajaran, kaedah pengajaran amat perlu dikuasai oleh setiap insan yang bergelar guru. Begitu jugalah dengan guru prasekolah. Pengajaran di praekolah melalui proses pembelajaran tidak formal. Prasekolah lebih menekankan konsep belajar melalui bermain. Aktiviti-aktiviti yang dirancang perlu merangsang naluri ingin tahu murid, eneroka dunia pembelajaran mereka dan memupuk semangat bergaul, sifat hormat menghormati dan berdisiplin. Guru perlu mendasari kurikulum yang sedang digunapakai untuk memenuhi keperluan murid. Mereka juga seharusnya menghayati beberapa pendekatan yang mampu membawa perubahan tingkah laku dan nilai dalam diri murid prasekolah.

Walau bagaimanapun pelaksanaan pengajaran meliputi perkara berkaitan dengan prinsip, pendekatan, kesepaduan tunjang dan murid. Konsep pengajarannya lebih bersifat fleksibel. Rancangan pengajaran yang dirancang boleh berubah kerana emosi murid prasekolah juga perlu diambil kira sebelum memulakan sesuatu pengajaran. tambahan pula terdapat dua peringkat umur murid yang memasuki prasekolah iaitu 2+ dan 5+.

Daripada aspek pelaksanaan pengajaran, kajian mendapati dua sub tema digunakan iaitu, i) Melaksanakan Pendekatan Pengajaran; dan ii) Melaksanakan integrasi tunjang. Temu bual berstruktur dan tidak berstruktur digunakan untuk menjawab soalan kajian ini. Soalan temu bual berstruktur yang ditanya adalah untuk mendapatkan pola yang wujud daripada jawapan peserta. Manakala temu bual separa

struktur adalah untuk mendapatkan keterangan lanjut berkenaan jawapan soalan berstruktur dari peserta. Dapatan kajian diperoleh melalui temu bual utama.

Kajian mendapati semua peserta mengakui bahawa pendekatan belajar melalui bermain adalah pendekatan pengajaran yang sangat sesuai diaplikasikan di prasekolah. Sepertimana kenyataan berikut: —.konsep pengajaran di prasekolah adalah belajar melalui bermain, pembelajaran yang mengambirakan dan pengalaman pembelajaran yang ber makna” (P1/tb-u1:22-28).

Petikan P1/tb-u1:22-28 menunjukkan peserta memiliki pengetahuan bahawa pembelajaran di prasekolah adalah sesuatu yang seronok dan menggemirakan. Manakala aspek perubahan tingkah laku pula, kajian ini mendapati peserta dapat melihat perubahan tingkah laku murid daripada tidak mengetahui kepada mengetahui seperti kenyataan berikut : —.dari permainan mereka boleh beri pengajaran sebab kalau diajar secara formal mereka tidak boleh beri perhatian” (P1/tb-u1:135-137). Petikan tersebut menunjukkan peserta memiliki kefahaman strategi dan konsep pengajaran yang sesuai untuk murid berumur 4+ dan 5+.

Manakala dari aspek penumpuan di bilik darjah didapati peserta mengakui dan mengetahui serta memahami bahawa murid yang berumur bawah daripada 6 tahun, penumpuan mereka tidak lama, sepertimana kenyataan P2 berikut: —.kanak-kanak di peringkat umur 3-6 tahun ini otaknya sedang berkembang, ajarlah apa saja mereka boleh ingat” (P1/tb-u1: 12-14). Oleh itu dapatan temu bual ini membuktikan bahawa peserta memiliki dan memahami ilmu psikologi kanak-kanak.

Dari aspek penumpuan murid, analisis temu bual menunjukkan peserta turut memiliki keupayaan memahami tahap konsentrasi dan emosi murid prasekolah seperti kenyataan P2: —.tahap penumpuan murid khususnya murid prasekolah tidak lama kerana daya ingin tahu mereka tinggi” (P2/tb/u5: 45-46). —.murid pra fokusnya sangat singkat dan paling lama pun 3 minit. Lepas tu mulalah gelisah” (P3/tb/u2: 15-16) dan

—..penumpuan murid dalam kelas sangat singkat, lebih-lebih lagi kalau kita mengajar berpusatkan guru” (P4/tb/u4: 18-20). Daripada tiga petikan temu bual tersebut menunjukkan bahawa peserta memiliki pengetahuan pendekatan mengajar yang sesuai digunakan untuk murid prasekolah.

Walau bagaimanapun melalui pemerhatian kajian ini mendapati peserta tidak mengaplikasikan pengetahuan tersebut dalam pengajaran dan pembelajaran secara keseluruhannya. Pengajaran peserta lebih bersifat formal dan berfokus kepada akademik seperti kenyataan P1: —..saya tahu teknik yang sesuai untuk ajar murid prasekolah ni tapi kalau saya lambat mengenalkan asas huruf dan angka, saya bimbang murid ni nanti masuk ke program LINUS bila mereka ke tahun satu sebab saringan LINUS bermula bulan Mac” (P1/tb-u5: 111-117). Ini menunjukkan ilmu pendekatan mengajar prasekolah tidak diaplikasikan sepenuhnya dalam pengajaran sebenar.

Namun begitu peserta boleh menyesuaikan diri dalam aktiviti bersama murid di bilik darjah. Petikan P1/tb-u1:22-28 menunjukkan peserta memiliki pengetahuan bahawa pembelajaran di prasekolah adalah sesuatu yang menggembara dan menyeronokkan. Manakala aspek perubahan tingkah laku pula, kajian ini mendapati peserta dapat melihat perubahan tingkah laku murid daripada tidak mengetahui kepada mengetahui seperti kenyataan berikut: —..suasana pembelajaran lebih menyeronokkan kerana murid bebas berkreativiti dan boleh melahirkan perasaan” (P1/tb-u1: 129-130). Tambahnya lagi: —..dari permainan mereka boleh terima pengajaran sebab kalau diajar secara formal mereka tak boleh beri perhatian” (P1/tb-u1:135-137). Petikan tersebut menunjukkan peserta memiliki kefahaman strategi dan konsep pengajaran yang sesuai untuk murid berumur 4+ dan 5+.

Manakala dari aspek penumpuan di bilik darjah didapati peserta mengakui dan mengetahui serta memahami bahawa murid yang berumur bawah daripada 6 tahun penumpuan mereka tidak lama, sepertimana kenyataan P2 berikut: —..peringkat umur

begini memang suka bermain. Kalau diberi peluang bermain tu memang tak perlu di suruh” (P2/tb/u1: 15-17). Petikan ini menunjukkan peserta mengetahui emosi dan keupayaan murid prasekolah. Malah petikan berikut: —. .kanak-kanak di peringkat umur 3-6 tahun ini otaknya sedang berkembang, ajarlah apa saja mereka boleh ingat (P1/tb-u1: 12-14). Oleh itu dapatan temubual ini membuktikan bahawa peserta memiliki dan memahami ilmu psikologi kanak-kanak

#### **4.5.1 Panduan Mengajar.**

Bahagian ini membincangkan sub tema panduan mengajar yang terbit dari tema pelaksanaan kurikulum. Melaksanakan pengajaran dan pembelajaran memerlukan kurikulum. Melalui analisis temu bual, dapatan kajian menunjukkan peserta memerlukan panduan dalam merancang pengajaran yang melibatkan tema dan hasil pembelajaran sepertimana petikan berikut: —. .kalau tak dibekalkan susah juga sebab tidak ada *guideline* (panduan)” (P3/tb/u3:43-44). Manakala petikan berikut pula: —. .kita maklum KSPK tu adalah panduan untuk merancang pengajaran...tapi kalau tak perkenalkan KSPK ni pun tak pe sebab pengajaran di prasekolah ni mengambilkira kesediaan dan tahap penguasaan murid” (P4/tb-u3: 58-63). Ini menunjukkan peserta hanya merujuk KSPK ketika menyediakan perancangan pengajaran tahunan pada setiap awal tahun dan bukannya sebelum menyediakan rancangan pengajaran harian. Situasi ini menggambarkan kurikulum tidak diperlukan dalam merancang pengajaran harian.

Manakala dapatan kajian dari aspek penggunaan KSPK pula, kajian ini mendapati KSPK tidak digunapakai sepenuhnya oleh peserta. Secara umumnya peserta maklum matlamat utama KSPK. Iaitu menyediakan murid prasekolah ke tahun satu dengan penguasaan asas 4M iaitu membaca, menulis, mengira dan menaakul. Namun penggunaan kandungan KSPK itu menyekat percambahan idea dan melambatkan proses pengajaran guru dan pembelajaran murid. Seperti kenyataan P2 berikut: —. .memang

boleh...tapi dengan KSPK in saya tak sempat berkreativiti dalam pengajaran sebab terlalu padat” P2/tdk-u2:56-60).

Kenyataan P2/tdk-u2:56-60 membuktikan bahawa KSPK yang dibekalkan oleh KPM kurang berfungsi dengan baik. Ini menunjukkan guru prasekolah masih belum mendalami KSPK sepenuhnya walaupun telah diperkenalkan sejak 2010. Manakala dapatan kajian dari aspek penggunaan KSPK pula, kajian ini mendapati KSPK ini tidak diguna pakai sepenuhnya oleh peserta. Secara umumnya peserta maklum matlamat utama KSPK adalah untuk menyediakan murid prasekolah ke Tahun Satu dengan penguasaan asas 4M iaitu membaca, menulis, mengira dan menaakul. Namun penggunaan kandungan KSPK itu menyekat percambahan idea dan melambatkan proses pengajaran guru dan pembelajaran murid. Seperti kenyataan P2 berikut: —..memang boleh...tapi dengan KSPK ni saya tak sempat berkreativiti dalam pengajaran sebab terlalu padat” (P2/tdk-u2: 56-60).

#### **4.5.2 Melaksanakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).**

Melaksana KSPK merangkumi i) pengetahuan kefahaman kandungan, ii) melaksanakan pendekatan pengajaran, iii) melaksanakan integrasi tunjang dan iv) melaksanakan integrasi ICT. KSPK digunakan sebagai panduan mengajar berpaksikan enam tunjang utama iaitu: a) Bahasa dan komunikasi; b) Kerohanian sikap dan nilai; c) Sains dan teknologi; d) Ketrampilan diri; e) Kemanusiaan dan; f) Perkembangan fizikal dan estetika. Tunjang Sains dan Teknologi iaitu pengetahuan sains, kemahiran saintifik dan pengetahuan pendekatan inkuiri, pengetahuan matematik, pengetahuan TMK dan kemahiran saintifik. Tunjang fizikal pula adalah pengetahuan jasmani, kesihatan, bakat, kreativiti dan daya imaginasi.

Manakala tunjang kemanusiaan adalah bertujuan untuk mengembangkan pengetahuan tentang ilmu dan amalan dalam masyarakat, perpaduan, alam sekitar. Tunjang ketrampilan diri adalah untuk membimbing murid mempunyai sahsiah diri



yang baik melalui aktiviti dalam dan luar bilik darjah dan Tunjang kerohanian, sikap dan nilai adalah bertujuan untuk bimbingan amalan beragama dan kepercayaan, sikap dan nilai.

Walau bagaimanapun dari aspek menerima penggunaan KSPK, kajian ini mendapati semua peserta kurang menyenangi KSPK kerana mereka berpendapat KSPK terlalu rigid dan menyukarkan mereka untuk berkeaktiviti sepertimana petikan berikut: —.tapi kandungan KSPK ni tak sama macam KPK...KSPK terlalu rigid..susah juga saya nak ubah suai...kalau KPK dulu senang...kita sendiri yang rancang ikut kesediaan murid” (P1/tb-u2:12-17). Walau bagaimanapun dari aspek menerima penggunaan KSPK, kajian ini mendapati peserta kurang menyenangi KSPK kerana mereka berpendapat KSPK terlalu rigid dan menyukarkan mereka untuk berkeaktiviti sepertimana petikan berikut: —.tapi kandungan KSPK ni tak sama macam KPK...KSPK lebih rigid...susah juga saya nak ubah suai...kalau KPK dulu senang...kita sendiri yang rancang ikut kesediaan murid” (P1/tb-u2: 12-17). Manakala P2 pula menyatakan KSPK kurang membantu menambah kreativiti dalam pdp sepertimana kenyataan berikut: —.pecahannya terlalu banyak seolah-olah kita perlu ikut semua yang dicadangkan dan saya rasa tak kreatif bila mengajar” P2/tb-u2: 32-33). Ini membuktikan bahawa peserta tidak begitu menerima penggunaan KSPK malah KSPK hanya dirujuk apa perlu sahaja.

Dari aspek fungsi dan peranan, analisis temu bual mendapati peserta memahami fungsi dan peranan KSPK tetapi mereka tidak dapat mengiktu sepenuhnya kandungan KSPK tersebut, sepertimana kenyataan P2 berikut: —.KSPK tu saya hanya rujuk je...memang saya tak ikut keseluruhan KSPK tu” (P2/tb-u2:34-36). —.saya baru nak mahir dengan KPK, dah di tukar pulak ke KSPK” (P3/tb-u2:59-60). Ini menunjukkan kurikulum yang dibekalkan oleh KPM tidak digunakan sepenuhnya oleh peserta. Data temu bual tersebut di sokong oleh kenyataan berikut: —.KSPK dibekalkan untuk

memudahkan guru merancang pengajaran tapi dengan KSPK ni saya rasa ianya menyukarkan saya berkeaktiviti dalam bilik darjah” (P4/tb-u2: 42-45). Kenyataan P2, P3 dan P4 tersebut menunjukkan kandungan KSPK tidak begitu disenangi oleh guru prasekolah. Malah KSPK digunakan sebagai melengkapkan rancangan mengajar sahaja.

Walau bagaimanapun dari aspek memahami fungsi kurikulum, dapatan kajian menunjukkan peserta memahami fungsi kurikulum tetapi kandungan kurikulum itu seolah-olah menghadkan kreativiti mereka sepertimana kenyataan P4 berikut: —..memang tidak dinafikan fungsi KSPK tapi kandungan KSPK tu menyempitkan kreativiti saya....misalnya penggunaan tema...dalam KSPK setiap hasil pembelajaran tu perlu habis dalam satu tempoh pengajaran tapi murid saya belum mencapai hasil pembelajaran dalam tempoh yang ditetapkan” (P4/tdk-u3: 18-24). Ini menunjukkan hanya guru prasekolah yang boleh merancang hasil dan fokus pembelajaran dalam pengajaran dan bukannya kurikulum.

Melalui aspek penggunaan KSPK pula, kajian ini mendapati peserta mempunyai pendapat dan kefahaman yang sama mengenai penggunaan tunjang pembelajaran seperti kenyataan P2 berikut: —..konsep tunjang tu sama saja dengan konsep pusat dalam KPK tu tapi dalam KSPK ianya digabungkan dan didetail kan” (P2/tb-u4: 32-35). Manakala respon berikutnya: —..yang 8 dalam KPK telah digabungkan dan dikecilkan menjadi 6...tapi fungsinya sama” (P3/tb-u3: 34-39). Kenyataan ini turut selari dengan petikan berikut: —..tunjang dan pusat tu sama saja fungsinya iaitu perkembangan yang perlu diketengahkan dalam kalangan murid pra ni. Tunjang juga dijadikan panduan untuk merancang aktiviti pengajaran...tapi perlaksanaannya terpulanglah pada kreativiti kita sendiri” (P4/tb-u3: 44-49). Kenyataan P2, P3 dan P4 memberi gambaran bahawa peserta memahami keperluan kandungan KSPK serta fungsi dan peranan tunjang pembelajaran dalam kurikulum.

Hal berkaitan memahami dan menguasai KSPK, kajian ini mendapati peserta belum memahami sepenuhnya kandungan KSPK, sepertimana petikan berikut:

—..KSPK ni memang berbeza dengan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (KPK), saya baru menguasai KPK, di ubah pula dengan KSPK”

(P1/tb-u1: 110-112)

—..saya faham tapi saya tak berapa tahu macam mana nak ajar”

(P3/tb-u1: 99)

—..KSPK ni lebih detail berbanding KPK..mula-mula dulu susah juga saya nak faham tapi sekarang faham dah...nak ajar pula tak berapa nak pandai”

(P4/tb-u1: 112-124)

Petikan tersebut menunjukkan bahawa, peserta boleh memahami KSPK tetapi mereka tiada kemahiran menyampaikan pengajaran. Manakala dari aspek mengajar tanpa kurikulum, kajian ini mendapati terdapat segelintir peserta tidak menghadapi masalah sekiranya kurikulum tidak dibekalkan sepertimana petikan temu bual P4 berikut: —..kalau tak ada KSPK, lagi senang saya mengajar sebab saya hanya perlu rujuk tema untuk merancang pengajaran mingguan dan harian saya...dalam KSPK pun sebenarnya sama saja dengan KPK tu cuma di detailkan dalam pengajaran, tu yang kadang-kadang menyekat idea saya” (P4/tb-u3: 36-42).

Kenyataan tersebut selari dengan kenyataan P2 berikut: —KSPK yang dibekalkan tu memang elok tapi saya merancang pengajaran dan pembelajaran mengikut kesediaan murid dan tahap penguasaan mereka...kalau tak tercapai objektif pengajaran pada hari ini saya akan ubah cara pengajaran pada hari esoknya tapi mengikut perancangan yang sama” (P2/tb-u3: 44-49). Ini menunjukkan tidak semua pelaksanaan pengajaran yang dirancang menggunakan KSPK dan KSPK dirujuk apabila perlu.

Kenyataan P2, P3 dan P4 menunjukkan penggunaan kurikulum secara menyeluruh menyumbang kepada keterlibatan murid ke program LINUS. Kenyataan mereka seperti berikut: —..tapi bila saya ikut kurikulum bulat-bulat, memang murid tak dapat kuasai 4M...saya balik yang stress” (P2/tb-u3: 102-104). Respons P3 pula:

—..ada ketikanya saya tak boleh laksanakan sebab saya nak capai hasrat 4M tu...dulu boleh...sekarang macam dah tak boleh” (P3/tb-u4: 89-92) dan respons P4 ialah: —..dah tak boleh sebab LINUS...bila guru tahun satu buat saringan...mereka dapati murid prasekolah belum menguasai 4M” (P4/tb-u3: 98-103). Maklum balas ini menunjukkan bahawa kemasukan murid ke program LINUS boleh dikurangkan jika guru prasekolah mengajar tidak terlalu mengikut kurikulum.

Dapatan diatas, menunjukkan peserta tidak menggunakan kurikulum dalam melaksanakan pengajaran di bilik darjah. Peserta lebih melihat kepada kehendak ibu bapa, pentadbir dan guru tahun satu. Sekaligus memberi impak yang negatif dalam amalan pengajaran di prasekolah. Petikan tersebut juga memberi gambaran bahawa Peserta tidak menguasai dan mengaplikasi Amalan Bersesuaian Perkembangan (ABP) yang ditekankan dalam kurikulum. Walau bagaimanapun di sepanjang tempoh pengutipan data di lokasi kajian, peserta tidak merujuk KSPK dalam melaksanakan pengajaran. ini menunjukkan KSPK akan dirujuk apabila peserta ketandusan idea dalam merancang aktiviti di prasekolah. Sungguhpun begitu KSPK yang dibekalkan oleh KPM di simpan dalam fail pengajaran bersama rancangan pengajaran tahunan dan tema tahunan dan disusun di rak penyimpanan. Ini menunjukkan bahawa peserta tidak begitu menerima penggunaan KSPK malah KSPK hanya di rujuk apabila perlu sahaja. Walau bagaimanapun dari aspek memahami fungsi kurikulum, dapatan kajian menunjukkan peserta memahami fungsi kurikulum tetapi kandungan kurikulum itu seolah-olah menghadkan kreativiti mereka sepertimana kenyataan P4 berikut: —..memang tidak dinafikan fungsi KSPK tapi kandungan KSPK tu menyempitkan kreativiti saya....misalnya penggunaan tema...dalam KSPK setiap hasil pembelajaran tu perlu habis dalam satu tempoh pengajaran tapi murid saya belum mencapai hasil pembelajaran dalam tempoh yang ditetapkan” (P4/tdk-u3: 18-24).

Ini menunjukkan hanya guru prasekolah yang boleh merancang hasil dan fokus pembelajaran dalam pengajaran dan bukannya kurikulum Pengetahuan Kefahaman Kandungan. Pengetahuan kefahaman kandungan mempengaruhi pengetahuan peserta kajian memahami isi kandungan yang perlu diajar untuk memenuhi keperluan murid dari aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Pengetahuan kefahaman kandungan Peserta dikategorikan dalam tiga aspek yang perlu diterjemahkan dalam pengajaran iaitu i) keperluan menguasai bacaan dan tulisan dalam Bahasa Malaysia; ii) keperluan menguasai asas Matematik; dan iii) keperluan menguasai pengetahuan dan nilai.

Semua peserta kajian menyatakan bermula dari menyediakan RPT dan seterusnya RPH perancangan teliti telah dibuat untuk memastikan keperluan membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dapat direalisasikan di prasekolah. Semua Peserta berpendapat bahawa perancangan aktiviti pengajaran adalah mengikut keperluan pembelajaran murid dan selari dengan hasrat yang terkandung dalam KSPK. Oleh yang demikian keperluan murid menguasai kemahiran membaca dan menulis perlu diambil kira dalam merancang pengajaran. Berikut adalah analisis keperluan menguasai bacaan dan tulisan yang diperoleh dalam kajian ini.

—..RPT disediakan setelah kami mengadakan mesyuarat panitia prasekolah. Selepas berbincang dan meneliti hasrat KSPK, saya merasakan satu pendekatan perlu dibuat untuk memenuhi hasrat itu terutama dalam penguasaan 4M murid”

(P2/tb-u3: 5-9)

—..Mulai tahun ni RPT saya dirancang mengikut keperluan murid dan hasrat KSPK. Sebab tu saya tekankan penguasaan kemahiran 4M”

(P3/tb-u3: 8-10)

—..saya menyediakan RPH mengikut keperluan murid dengan berpandukan tema yang telah disusun tapi..pengajaran saya masih fokus pada penguasaan 4M murid. Sebab tu juga hasrat KSPK”

(P4/tb-u3: 8-11)

Kenyataan P2, P3 dan P4 membuktikan guru prasekolah tidak memberi fokus pada penggunaan tunjang dalam pengajaran malah lebih memberi fokus kepada penguasaan 4M. Manakala dari aspek kefahaman kandungan juga meliputi prinsip,

kesepaduan tunjang, pendekatan dan Amalan Bersesuaian Perkembangan (ABP) disamping melahirkan insan seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Dapatan kajian menunjukkan peserta memahami pendekatan yang sesuai untuk prasekolah sepertimana petikan berikut: —..murid yang masuk prasekolah ni 4+ dan 5+. Pembelajaran mestilah menggembirakan dan menyeronokkan dan diajar melalui komponen komponen pembelajaran yang telah dirancang” (P1/tb-u3: 135-137). Kenyataan ini menunjukkan peserta belum menguasai pengetahuan mengaplikasikan tunjang pembelajaran yang terkandung dalam KSPK.

Merujuk kepada pengetahuan kefahaman kandungan KSPK, dapatan kajian ini menunjukkan peserta belum menguasai kefahaman tersebut sepertimana kenyataan P1 berikut: —..saya tahu tapi saya tak faham, macam tunjang-tunjang pembelajaran tu saya tahu tapi saya tak faham kandungannya, maksud saya cara macamana nak guna” (P1/tb-u3: 120-121).

Hasrat yang terkandung dalam KSPK adalah untuk menyediakan murid ke tahun satu dengan menguasai kemahiran mengenal huruf, nombor, membatangkan suku kata dan membaca ayat mudah. Namun begitu kajian ini mendapati, peserta lebih fokus mencapai hasrat tersebut berbanding fokus perkembangan menyeluruh murid seperti kenyataan berikut: —..saya memang tak ikut seperti fokus pembelajaran dalam KSPK tetapi lebih fokus pada hasrat dalam KSPK tu” (P3/tb-u5: 23-24). Kenyataan P2 dan P3 itu menunjukkan peserta tidak memahami kandungan KSPK sepenuhnya. Ini membuktikan bahawa peserta kurang jelas mengenai fungsi KSPK secara khusus.

Manakala dari aspek kefahaman ABP pula kajian ini mendapati peserta tidak memahami pengetahuan dan kefahaman mengenai ABP. Setelah pengkaji memberi sedikit ulasan mengenai ABP, Peserta memaklumkan mereka sukar untuk merancang pengajaran jika mengambil kira perkembangan murid seperti petikan berikut: —..murid pra ni ada 4+ dan 5+, susah saya nak rancang pengajaran untuk dua tahap umur

ni”(P2/tb-u2: 45-47). Malah peserta juga kurang jelas dengan penerangan pegawai prasekolah mengenai ABP yang hanya diberi sekali penerangan dalam kursus yang telah dihadiri, seperti kenyataan peserta dibawah:

—..saya pernah dengar ABP ni sekali je tapi saya tak ambik tahu langsung sebab saya tak faham”  
(P1/tb-u2: 32-33).

—..mungkin ada ditaklimatkan ABP...tapi saya tak ambik kisah sangat sebab kadang-kadang saya rasa macam menyusahkan”  
(P3/tb-u2: 69-71)

—..tahu ABP ni tapi saya tak pandai cara nak laksanakan”  
(P4/tb-u4: 59)

Kenyataan P1, P3 dan P4 membuktikan tidak semua peserta menerima pendedahan mengenai ABP dalam pengajaran di prasekolah. Malah mereka juga tiada ilmu untuk melaksanakan ABP di bilik darjah. Ini menunjukkan peserta tiada pengetahuan dan kefahaman mengenai APB. Walaupun begitu Peserta tetap melaksanakan pengajaran mengikut pengalaman mereka.

Berkenaan penggunaan waktu pengajaran modul teras asas dan modul bertema yang diperuntukan dalam KSPK pula, kajian ini menunjukkan tumpuan pengajaran lebih diberi pada modul teras asas sepertimana petikan berikut:

—..jadual waktu pembelajaran saya yang susun sendiri tapi jarang sekali diikuti”  
(P1/tb-u5: 34-35)

—..peruntukan waktu pengajaran telah dinyatakan dalam KSPK tapi dalam taklimat yang diberi oleh PPD jadual waktu itu adalah fleksibel”  
(P2/tb-u5: 32-34)

—..masa telah ditetapkan dalam KSPK tu, saya susun dan dokumenkan tapi tidak semuanya boleh diikuti”  
(P4/tb-u5: 36-38)

Kenyataan P1, P2 dan P4 membuktikan kebimbangan terlampau terhadap penguasaan 4M murid, menjadikan peserta tidak mahir dalam menggunakan waktu untuk modul teras asas dan modul bertema. Misalannya pengajaran dalam Bahasa Inggeris diganti dengan kemahiran membaca dalam Bahasa Malaysia. Walaupun masa

yang diperuntukkan Bahasa Inggeris itu telah ditulis dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH).

Manakala dari aspek peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran pula, kajian ini mendapati sebelum program LINUS diperkenalkan hampir semua prasekolah menggunakan pendekatan belajar melalui bermain dan pengenalan asas 4M di ajar dalam 30 minit sehari. Kini peruntukkan waktu yang diberi hanya 60 minit seminggu untuk Bahasa Malaysia dan 60 minit untuk Bahasa Inggeris sepertimana petikan temu bual di bawah:

—..asas 4M tu saya mula pada pertengahan semester 1, semester satu juga saya latih cara pegang pensel, kenal huruf kecil, masuk bulan 3 baru saya ajar yang 3M tu”

(P2/tb-u4: 102-104)

—..saya mula kenalkan 3M pada murid-murid sejak awal tahun lagi...nak mereka kenal huruf dan angka bukan senang, dapat belakang depan lupa...dapat depan belakang lupa...memang saya tak sempat laksana aktiviti berpusatkan murid”

(P3/tb-u4: 99-102)

—..saya kenalkan 4M pada awal tahun tapi M yang ke empat tu memang saya tak buat la...cuma saya tanya dalam perbualan pagi atau masa set induksi je (saja), tambahan pula masa pun dah di kurangkan ke 90 minit untuk BM tu”

(P4/tb-u4: 96-98)

Kenyataan P2, P3 dan P4 menunjukkan mereka menulis modul bertema dalam rancangan pengajaran harian tetapi tidak menggunakan modul tersebut dalam pengajaran. Dan peruntukkan masa yang dicadangkan dalam KSPK sebanyak 340 minit modul tersebut diguna untuk modul kemahiran asas. Kajian turut mendapati peserta tidak mengaplikasikan kemahiran asas Bahasa Inggeris yang ditetapkan dalam KSPK.

Seperti maklum balas berikut: —..sebab saya sendiri tak berapa mahir berbahasa Inggeris” (P1/tdk-u4: 46-47). Menurut P2: —..saya tak mahir berbahasa Inggeris, macam mana saya nak ajar” (P2/tdk-u3: 74-75). P3 pula menyatakan: —..saya pun bukannya pandai sangat BI ni” (P3/tdk-u4: 56) dan menurut P4 pula: —..saya memang tak pandai ajar BI...memang saya surrender la” (P4/tdk-u3: 60). Kenyataan P1, P2, P3



dan P4 menunjukkan Bahasa Inggeris tidak di ajar diprasekolah. Malah peruntukan masa untuk kemahiran asas Bahasa Inggeris tidak digunakan di prasekolah walaupun telah di tetapkan dalam kurikulum.

Justeru dari aspek menggunakan Bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran, dapatan kajian menunjukkan peserta tidak yakin menggunakan Bahasa Inggeris dalam pengajaran. Peserta tiada keyakinan diri menggunakan Bahasa Inggeris dalam pengajaran kerana tidak mahir berbahasa Inggeris. Malah terdapat dalam kalangan peserta belum menerima pendedahan oleh KPM mengenai penggunaan Bahasa Inggeris dalam pengajaran, seperti kenyataan P3 berikut: “...kita bukan opsyen BI, mengajar BI pun tak pernah. JPN belum diberi kursus penggunaan BI lagi” (P3: 60-62). Petikan tersebut membuktikan peserta belum bersedia mengaplikasikan Bahasa Inggeris dalam pengajaran.

Walau bagaimanapun kemahiran asas 4M lebih ditekankan dalam pengajaran di prasekolah berbanding penggunaan modul bertema. Malah penggunaan masa untuk kemahiran asas Bahasa Inggeris juga tidak digunakan dan telah di tukar dengan kemahiran asas Bahasa Malaysia sepertimana kenyataan P2 berikut: “...masa untuk BI saya guna untuk BM, masa yang ditetapkan untuk BM tu pun tidak cukup” (P2/tb/u5: 120-121). Semua peserta kajian menyatakan bermula dari menyediakan RPT dan seterusnya RPH perancangan teliti telah dibuat untuk memastikan keperluan membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dapat direalisasikan di prasekolah. Semua Peserta berpendapat bahawa perancangan aktiviti pengajaran adalah mengikut keperluan pembelajaran murid dan selari dengan hasrat yang terkandung dalam KSPK. Oleh yang demikian keperluan murid menguasai kemahiran membaca dan menulis perlu diambil kira dalam merancang pengajaran. Berikut adalah analisis keperluan menguasai bacaan dan tulisan yang diperoleh dalam kajian ini.

#### 4.5.2.1 Melaksanakan Pendekatan Pengajaran.

Pendekatan pengajaran merupakan perancangan strategi melaksanakan penyampaian ilmu di bilik darjah. Terdapat berbagai jenis pendekatan yang boleh diamalkan di prasekolah seperti; i) berpusatkan guru, ii) berpusatkan murid, iii) belajar melalui bermain, dan iv) pendekatan bertema. Dapatan temu bual menunjukkan bahawa kefahaman pendekatan pengajaran guru prasekolah berada di dua peringkat iaitu di peringkat asas dan maju. Ini menunjukkan guru yang berpengalaman lebih menguasai pendekatan mengajar prasekolah berbanding guru novis.

Peserta memiliki pengetahuan dan kefahaman pendekatan pengajaran yang sesuai diamalkan dalam di prasekolah. Walau bagaimana pun mereka kurang mahir melaksanakan pendekatan berpusatkan murid dalam pengajaran seperti respons berikut: —..pendekatan mengajar di prasekolah adalah belajar melalui bermain tapi saya kurang mahir melakukan pendekatan itu” (P1/tb-u3: 32-36). Situasi itu berlaku apabila terdapat 4M dalam kurikulum tersebut, seperti: —..sebelum ada kurikulum standard ni memang saya boleh amalkan pendekatan itu tapi sekarang ni macam susah sedikit sebab sasaran yang hendak dicapai adalah 4M” (P1/tb-u3: 44-45).

Petikan P1/tb-u3:44-45 menunjukkan Peserta mengalami konflik dalam kerjaya iaitu antara ilmu pedagogi dan kurikulum. Justeru kajian ini juga mendapati Peserta tidak mampu melaksanakan pendekatan belajar melalui bermain. Situasi itu berlaku apabila ada segelintir ibu bapa mula mendesak dan mengharapkan anak mereka menguasai 4M sebelum melangkah ke tahun satu. Ilmu yang dipelajari ketika menerima latihan perguruan tidak dapat di amalkan kerana desakan itu. Akhirnya kemahiran menggunakan pendekatan bertema itu sedikit demi sedikit ditinggalkan. Seperti kenyataan berikut: —..pengajaran di prasekolah konsepnya belajar melalui bermain tapi saya sendiri tak mahir mengajar stail tu sekarang” (P2/tb/u1: 110-112).

Dari aspek pengelolaan pengajaran, kajian ini mendapati Peserta mengelola murid menggunakan pendekatan kemahiran asas 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Kemahiran menaakul kurang diberi pendedahan. Melalui pemerhatian ke atas proses pengajaran Peserta, didapati pendekatan pengajaran yang digunakan lebih kepada berpusatkan guru. Setelah melalui lima kali pemerhatian, empat darinya menunjukkan guru mengajar secara formal dan pengawalan bilik darjah yang baik, seperti kenyataan berikut: —.melalui pendekatan berpusatkan guru akan memudahkan pengurusan disiplin murid dalam bilik darjah” (P1/tb-u3: 66-68). Tambah beliau lagi: —.dalam kurikulum tu hasratnya untuk celik kan 4M murid prasekolah. Ibu bapa mintalah kita celik kan anak mereka” (P1/tb-u3: 82-84). Ini menunjukkan pengelolaan pengajaran P lebih bersifat formal dan berbeza dengan ilmu pedagogi prasekolah.

Dari aspek penggunaan lembaran kerja, kajian juga mendapati peserta banyak menggunakan lembaran kerja dalam setiap sesi pengajaran berbanding bahan bantu yang berkaitan dengan tema pembelajaran. Sepertimana kenyataan P3 berikut: —.sukar guna pendekatan pengajaran berpusatkan murid sebab kehendak ibu bapa mendesak saya mengajar seperti guru tahun satu walaupun mereka telah ditaklimatkan oleh GPK1” (P3/tb-u2: 271-273). Data temu bual tersebut menunjukkan ibu bapa tidak sabar menunggu untuk melihat anak mereka berjaya dalam akademik. Dapatan ini memberi gambaran bahawa ibu bapa kurang jelas mengenai hasrat kurikulum prasekolah seperti kenyataan berikut: —.ibu bapa di taklimatkan tentang hasrat KSPK...dalam KSPK disebut pada peringkat prasekolah murid di dedahkan dengan 4M...kefahaman saya adalah asas tapi kefahaman ibu bapa adalah menguasai” (P2/tb-u2: 30-34).

Manakala dari aspek taklimat LINUS, dapatan kajian menunjukkan pihak sekolah telah memberi taklimat LINUS kepada semua ibu bapa murid tahun satu dan prasekolah. Namun begitu taklimat tersebut telah memberi peluang ibu bapa mendesak guru prasekolah mengajar anak mereka supaya menguasai 4M seperti yang dihasratkan

dalam kurikulum. Seperti kenyataan P3 berikut: —...sekarang heboh orang bercerita tentang LINUS...ada ibu bapa yang beri amaran kepada saya, hujung tahun ni anaknya mesti boleh baca dan tulis” (P3/tb-u2: 33-38). Ini menunjukkan pendekatan bertema tidak langsung diberi perhatian kerana peserta melaksanakan pengajaran mengikut kehendak ibu bapa dan bukan mengikut kurikulum. Seperti petikan temu bual berikut: —...kalau ikut tema memang tak boleh langsung...kalau tak di latih dari awal tahun memang murid tidak akan kuasai 4M” (P4/tb-u2: 30-35). Situasi ini menunjukkan bahawa peserta melaksanakan pengajaran dengan melihat keperluan dan keupayaan murid namun tidak melihat psikologi murid.

Kajian ini membuktikan bahawa literasi dan numerasi (LINUS) menjadi penghalang kepada peserta menggunakan pendekatan belajar melalui bermain. Ini dibuktikan melalui kenyataan P1 berikut: —...saya mula kenalkan 4M pada awal tahun seperti saranan KPM tapi murid saya tidak menguasai hingga bulan Jun, jadi saya terpaksa lanjutkan pengajaran kemahiran asas hingga ke hari ini” (P1/tb-u4: 57-61). Kajian ini membuktikan bahawa LINUS menjadi penyebab guru prasekolah tidak melaksanakan pendekatan belajar melalui bermain dalam konteks sebenar.

Manakala melalui insiden kritikal yang diperhatikan, kajian mendapati murid tidak bersuara dan tekun membuat tugas yang diberi. Insiden yang berlaku seperti berikut; bilik darjah senyap dan sunyi. Seorang murid menjerit apabila penselnya diambil oleh rakan. Semua murid berhenti membuat kerja dan memberikan tumpuan kepada murid yang menjerit. P1 berdiri dan murid yang mengambil pensel terus memulangkan pensel tersebut pada rakannya. Murid-murid lain menyambung tugas. Pengkaji meminta penjelasan P1 kenapa tingkah laku murid demikian, respon beliau: —...dengan cara macam ini saya mudah mengawal kelas” (P1/tdk-u1: 17-18). Dapatan ini menunjukkan pengurusan disiplin murid di bilik darjah lebih terkawal jika guru

menggunakan pendekatan pengajaran berpusatkan guru. Namun murid belajar dalam keadaan sedikit tertekan.

Ini menunjukkan Peserta telah meninggalkan pendekatan belajar melalui bermain di prasekolah. Pembelajaran di prasekolah dijadikan lebih bersifat formal dan pendekatan berpusatkan murid sememangnya tidak berlaku lagi di prasekolah. Sepertimana kenyataan P1 berikut: “...jarang sekali laksanakan aktiviti berpusatkan murid, saya lebih kerap guna berpusatkan guru...senang saya nak kawal bilik darjah” (P1/tb-u4: 90-93). Petikan ini memberi gambaran bahawa aktiviti bertema dan penerokaan pembelajaran tidak berlaku di prasekolah.

Daripada aspek pendekatan pengajaran yang lain, kajian ini mendapati pengajaran berpusatkan murid adalah sukar dijalankan di bilik darjah kerana akan mendatangkan masalah disiplin sepertimana kenyataan P2: “...berpusatkan murid ni rumit sebab tempoh masa sesuatu aktiviti tu lama” (P2/tb-u4: 81-82). Lantaran itu pengurusan disiplin di bilik darjah boleh dikawal dengan baik, seperti kenyataan P3: “...saya kadang-kadang guna juga berpusatkan murid ni tapi lebih banyak guna berpusatkan guru, kerana lebih senang dan mudah, disiplin pun terkawal” (P3/tb-u4: 110-112). Manakala P4 pula menyatakan: “...memang betul KSPK menekankan pendekatan berpusatkan murid...tapi nak laksanakan tu tidak semudah yang dirancang” (P4/tb-u4: 92-96). Kenyataan P2, P3 dan P4 menunjukkan pelaksanaan pengajaran di bilik darjah prasekolah kurang menggunakan pendekatan berpusatkan murid dan lebih banyak menggunakan pendekatan berpusatkan guru. Malah kenyataan P4/tb-u4: 92-96 menunjukkan sesuatu syor yang diberi oleh pihak KPM tidak memudahkan tugas guru prasekolah di bilik darjah.

Justeru kenyataan di atas membuktikan bahawa guru prasekolah kini kurang menggunakan pendekatan mengajar berpusatkan murid. Guru prasekolah lebih banyak menggunakan pendekatan mengajar berpusatkan guru dan konsep pengajaran lebih

terarah ke aliran formal seperti tahun satu. Bagi elemen pendekatan belajar melalui bermain pula, kajian ini mendapati peserta memiliki pengetahuan dan kefahaman mengenai pendekatan yang sesuai digunakan dalam pengajaran di prasekolah namun tidak boleh melaksanakan pendekatan tersebut kerana bimbang murid tidak menguasai 4M sebelum ke tahun satu. Sepertimana kenyataan P1 berikut: —.memang saya tahu pendekatan mengajar di prasekolah adalah belajar melalui bermain...tapi tak semudah itu untuk dilaksanakan.

Keadaan hari ini, kalau murid darjah satu tidak pandai membaca dan menulis, guru besar dan guru tahun satu akan menunding jari ke arah guru prasekolah” (P1/tdk-u3: 48-52). Kenyataan P1/tdk-u3:48-52 menunjukkan bahawa peserta tertekan apabila pihak pentadbir menyalahkan guru prasekolah sekiranya murid prasekolah ramai terlibat dalam program LINUS apabila mereka ke tahun 1.

Dari aspek LINUS, dapatan kajian menunjukkan pihak pentadbir sering melontarkan persoalan mengapa murid prasekolah ramai terlibat dalam LINUS seperti laporan yang dikeluarkan oleh KPM. Kenyataan seperti berikut—..mereka berpendapat adalah mustahil saya tak boleh ajar 25 orang murid dalam tempoh setahun. Tapi mereka lupa bahawa murid yang masuk ke prasekolah tu bukan dari kalangan murid yang cerdas. Murid yang cerdas, ibu bapa hantar anak mereka ke tadika swasta” (P1/tb/u4: 101-105). Manakala P2 menyatakan ketidakpuasan hati terhadap pentadbir yang sering mempersoalkan keupayaan guru memaksimumkan peratus kemasukan murid prasekolah ke program LINUS, seperti petikan berikut: —..sebagai guru besar, mereka patutnya tahu bahawa murid yang kita ambil untuk belajar di prasekolah ni adalah dari berbagai berlatarbelakangkan” (P2/tb-u4: 112-124).

P3 dan P4 juga tidak bersetuju dengan kenyataan pentadbir yang mengatakan bahawa kemasukan murid prasekolah ke program LINUS adalah disebabkan oleh pengajaran guru prasekolah tidak memberangsangkan. Kenyataan berikut: —..sebelum

KSPK di perkenalkan memang saya guna pendekatan yang sama tapi mulai 2013 pendekatan saya berubah sebab saya mula tertekan dengan tohmahan guru tahun satu dan guru besar tak pertahankan saya” (P3/tb/u4: 111-113). Manakala P4 pula menyatakan: —.kami di prasekolah ajar asas 4M saja, sangat tak adil bila pentadbir mempersoalkan kredibiliti guru prasekolah, dah memang opsyen pun prasekolah. Dapat latihan dulu pun memang belajar asas saja” (P4/tb-u4: 109-113).

Suasana dan corak pendidikan prasekolah yang menggunakan konsep belajar melalui bermain menimbulkan perasaan kurang senang dalam kalangan sesetengah rakan sejawat. Lantaran telah menimbulkan tekanan dalam kalangan peserta, seperti: —.tapi bila ada budak pra masuk ke LINUS, pandai pulak mereka tempelak kita balik..kadang-kadang saya fed up” (P3/tb-u2: 139-143). Kenyataan ini menunjukkan guru prasekolah berasa kecewa dengan tindakan pihak pentadbir.

#### **4.5.2.2 Kemahiran Menyampaikan Pengajaran.**

Setiap guru perlu menguasai kemahiran menyampaikan pengajaran agar ilmu dapat disampaikan dengan berkesan. Walau bagaimana pun, dapatan kajian ini menunjukkan Peserta belum menguasai kemahiran menyampaikan pengajaran kerana mereka belum memahami kurikulum sepertimana kenyataan P1 berikut: —..saya tak tahu nak masukkan semua tunjang dalam pengajaran sebab saya rasa terikat pula dengan tema” (P1/tb-u3: 230-231).

Daripada aspek penyampaian pengajaran, analisis temu bual mendapati penyampaian pengajaran peserta lebih berbentuk formal kerana mereka tiada kemahiran menyampaikan pengajaran. Peserta lebih banyak menggunakan pen marker dan papan putih sepertimana kenyataan P1 berikut: —..saya tak pandai nak ajar asas huruf dan nombor dalam bentuk bermain tapi saya tahu dengan kaedah bermain murid lebih mudah faham tapi saya tak pandai guna kaedah tu...senang nak ajar guna papan putih ni la”(P1/tb-u3: 254-257).

Walau bagaimanapun peserta memiliki pengetahuan mengenai kaedah, teknik dan strategi pengajaran prasekolah tetapi mereka tidak mahir dalam penyampaian pengajaran sepertimana kenyataan berikut:

— .saya tahu kaedah yang sesuai, strategi yang sesuai untuk prasekolah tapi saya tak mahir nak menyampaikan...sebab tu kalau saya buat pun hanya dalam masa yang sangat singkat”

(P1/tb-u3: 270-272)

— .saya tak yakin mengajar melalui bermain...saya rasa macam murid tak faham”

(P4/tb-u3: 220-221)

Kenyataan P1 dan P4 menunjukkan bahawa tidak semua guru mahir dalam penyampaian pengajaran terutama dalam konteks belajar melalui bermain. Walau bagaimana pun, kajian ini mendapati peserta merancang, mengelola, memimpin dan mengawal proses pengajaran di bilik darjah seperti biasa dengan mengikut pengalaman lalu. Dalam aspek merancang, peserta menyusun rancangan pengajaran dengan menyediakan bahan bantu yang bersesuaian. Mereka mengelola rancangan pengajaran dengan melaksanakan pengajaran. Ketika proses mengelola mereka juga memimpin murid dalam pengajaran dan seterusnya mengawal perjalanan pengajaran. Namun kehendak semasa menjadikan mereka mengajar seperti guru di aliran perdana dan mengajar mengikut pengalaman lalu.

Oleh hal yang demikian, guru perlu mengambil berat mengenai Fokus Pembelajaran (FP). Fokus pembelajaran adalah berkaitan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai. Kemahiran menyampaikan FB adalah berdasarkan tunjang pembelajaran yang telah ditentukan. Pemilihan tersebut perlu selari dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai serta mengikut keperluan perkembangan murid. Dapatan kajian ini membuktikan Peserta berpengetahuan memilih FP yang sesuai untuk murid prasekolah, sepertimana petikan berikut:

— .memilih FP tidaklah susah, cadangan sudah pun ada dalam KSPK”

(P1/tb-u5: 80-81)



—..fokus pembelajaran ditentukan berdasarkan dari objektif dan tema yang digunakan tunjang pembelajaran juga dirujuk untuk memenuhi keperluan pembelajaran murid”

(P2/tb-u5: 76-79)

Berdasarkan kenyataan P1 dan P2 menunjukkan peserta mempunyai pengetahuan dan kefahaman memilih dan menentukan FP. Namun begitu kajian ini mendapati peserta belum menguasai kemahiran menyampaikan ilmu dalam mencapai FP yang telah ditetapkan sepertimana kenyataan P4 berikut: —..cari dan pilih fokus pembelajaran tak lah susah sangat tapi nak capai apa yang kita target tu susah sikit” (P4/tb-u5: 67-69). Manakala kenyataan P3 pula: —..pilih fokus pembelajaran mudah tapi nak sampaikan tu yang jadi masalah” (P3/tb-u5:68-69). Ini menunjukkan guru tiada kemahiran dalam menyampaikan pengajaran. Peserta memiliki pengetahuan dan kefahaman pendekatan pengajaran yang sesuai diamalkan dalam di prasekolah. Walau bagaimana pun mereka kurang mahir melaksanakan pendekatan berpusatkan murid dalam pengajaran seperti respons berikut: —..pendekatan mengajar di prasekolah adalah belajar melalui bermain tapi saya kurang mahir melakukan pendekatan itu” (P1/tb-u3: 32-36). Situasi itu berlaku apabila terdapat 4M dalam kurikulum tersebut, seperti: —..sebelum ada kurikulum standard ni memang saya boleh amalkan pendekatan itu tapi sekarang ni macam susah sedikit sebab sasaran yang hendak dicapai adalah 4M” (P1/tb-u3: 44-45). Petikan P1/tb-u3:44-45 menunjukkan Peserta mengalami konflik dalam kerjaya iaitu antara ilmu pedagogi dan kurikulum. Justeru kajian ini juga mendapati Peserta tidak mampu melaksanakan pendekatan belajar melalui bermain. Situasi itu berlaku apabila ada segelintir ibu bapa mula mendesak dan mengharapkan anak mereka menguasai 4M sebelum melangkah ke tahun satu. Ilmu yang dipelajari ketika menerima latihan perguruan tidak dapat di amalkan kerana desakan itu. Akhirnya kemahiran menggunakan pendekatan bertema itu sedikit demi sedikit ditinggalkan. Seperti kenyataan berikut: —..pengajaran di prasekolah konsepnya belajar melalui bermain tapi saya sendiri tak mahir mengajar stail tu sekarang” (P2/tb/u1: 110-112).

#### 4.5.2.3 Integrasi ICT.

Alatan ICT yang dibekalkan oleh KPM ke prasekolah terdiri daripada televisyen, radio, komputer dan alat perakam video. Malah ada antara prasekolah dibekalkan dengan alat teknologi LCD. Untuk menggunakan semua perlatan ICT itu setiap guru prasekolah perlu ada kemahiran. Lebih-lebih lagi untuk digunakan dalam pengajaran. Data temubual kajian ini mendapati P memahami apa yang dikatakan integrasi ICT dalam pengajaran seperti kenyataan berikut:

—..seperti yang saya tahu dan faham, alatan ICT ni adalah alat teknologi yang digunakan dalam pengajaran...ini termasuklah televisyen, LCD, radio, perakam CD dan sebagainya”

(P2/tb-u3: 220-225)

—..alatan ICT ni adalah alatan teknologi...iaitu apa saja teknologi yang digunakan dalam pengajaran itulah di namakan integrasi ICT. Jadi televisyen ke radio ke boleh juga di kategorikan sebagai ICT. Tidak semestinya gunakan komputer, jadi menggunakan TV, cd dan radio lebih mudah dalam pengajaran”

(P4/tdk-u3: 111-121)

Walau bagaimanapun peserta didapati memiliki pengetahuan kepentingan integrasi ICT dalam pengajaran tetapi belum memiliki kemahiran menggunakan dan mengaplikasi peralatan ICT tersebut sepenuhnya dalam pengajaran seperti petikan berikut:

—..saya memang tak mahir guna komputer dalam mengajar, hasrat hati nak juga guna ICT dalam mengajar tapi tak pandai”

(P1/tb-u3: 202-205)

—..integrasi ICT dalam pengajaran ada juga saya guna tapi yang banyaknya guna televisyen dan perakam CD la...kalau guna komputer tu memang tak adalah sebab komputer yang ada dalam kelas ni pun memang dah jadi tukun”

(P3/tb-u3: 150-154)

—..saya guna mana yang lebih mudah dan senang mengawal kelas...saya pun tak lah mahir sangat bab ICT ni tapi yang asas-asas tu boleh la”

(P4/tb-u3: 119-121)

Kenyataan P1, P3 dan P4 menunjukkan guru prasekolah mengetahui kepentingan integrasi ICT dalam pengajaran tetapi tidak boleh mengaplikasikannya secara total

dalam pengajaran dan pembelajaran. Mereka tiada kemahiran mengintegrasikan ICT di bilik darjah.

Namun begitu seorang peserta mahir menggunakan alatan ICT, sepertimana kenyataan berikut:—..alhamdulillah saya mahir guna alatan ICT ni, kalau dalam pengajaran tu adakalanya komputer ni saya gunakan di awal set induksi adakalanya juga di akhir pengajaran...di pertengahan pengajaran tu ada juga tapi tak berapa menjadi sebab perhatian murid sukar dikawal” (P2/tb-u3: 200-210). Dapatan ini menunjukkan Peserta memiliki pengetahuan dan kemahiran integrasi ICT tetapi tiada kemahiran mengawal disiplin murid dalam pengajaran integrasi ICT.

Data temu bual di atas menunjukkan guru yang baru mengajar, boleh menguasai kemahiran menggunakan alatan ICT berbanding guru berpengalaman. Oleh itu guru berpengalaman perlu mencari ilmu ICT agar pengintegrasian ICT dalam pengajaran dapat di realisasikan. Walau bagaimanapun dari insiden kritikal yang diperhatikan kajian ini mendapati kebanyakan peserta menggunakan televisyen, perakam CD dan radio dalam pengajaran mereka. Penggunaan radio lebih kerap berbanding komputer dan CD interaktif. Radio dimainkan lagu-lagu yang berkaitan dengan tema pengajaran hari ini. Penggunaan televisyen dan CD pula lebih kepada cerita yang berkaitan dengan tema pengajaran. Insiden kritikal juga mendapati penggunaan alatan komputer dalam pengajaran tidak berlaku.

Analisis dokumen kajian ini mendapati setiap prasekolah dibekalkan CD interaktif oleh pihak KPM. Modul penggunaan CD tersebut turut disertakan. Penerimaan itu direkodkan pada tahun 2010. Didapati juga peralatan ICT yang terdapat di prasekolah tidak disenggara dengan baik. Kenyataan berikut memberi gambaran mengenai prihal tersebut: —..saya usaha minta dari pejabat tapi tak pernah dapat... komputer ini sejak 2010 dah rosak... komputer ini tak boleh lagi dibaiki. Pihak pejabat minta tunggu...tiap tahun saya minta, naik jemu lah pulak” (P3/tb-u3: 152-169). Ini membuktikan alatan

teknologi terutamanya komputer di prasekolah tidak disenggara dengan baik dan pihak pentadbir tidak mengambil berat perihal seggara alatan ICT di prasekolah.

#### **4.5.2.4 Melaksanakan Integrasi Tunjang.**

Tunjang pembelajaran menggantikan domain yang digunapakai dalam KPK. Tunjang pembelajaran merupakan kandungan pengajaran yang mengandungi fokus pembelajaran, standard kandungan dan standard pembelajaran. Kefahaman guru tentang penggunaan tunjang boleh membantu mereka merancang pengajaran dan menetapkan objektif serta menentukan strategi yang boleh digunakan dalam penyampaian pengajaran. Selaras dengan kemahiran serta nilai murni yang boleh dikuasai oleh setiap murid.

Enam tunjang pembelajaran di perkenalkan oleh KSPK iaitu Tunjang Komunikasi, Kerohanian, Sikap dan Moral, Sains dan Teknologi, Kemanusiaan, Perkembangan Fizikal dan Estetika, serta Perkembangan Sosioemosi. Dalam konteks kajian ini, pengurusan pengurusan pengajaran meliputi konsep pengajaran yang memfokuskan kefahaman penggunaan tunjang yang secara keseluruhannya mempengaruhi penyampaian guru di bilik darjah. Oleh itu, kefahaman tersebut meliputi pengetahuan tentang fungsi tunjang pembelajaran dalam KSPK. Temu bual berstruktur dan separa berstruktur digunakan untuk menjawab soalan kajian. Dapatan kajian diperoleh melalui temu bual utama. Berikut adalah analisis dapatan tentang kefahaman 6 tunjang kspk.

Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran. Pengajaran dan pembelajaran di prasekolah berlaku di dalam dan luar bilik darjah. Pengajaran dan pembelajaran di prasekolah boleh mengikut apa yang telah dirancang dan juga boleh berlaku aktiviti ad hoc yang disebabkan emosi murid tidak stabil pada hari itu. Oleh itu objektif pengajaran guru boleh berubah. Dari aspek melaksanakan integrasi tunjang dalam pengajaran dan pembelajaran, kajian ini mendapati peserta memahami bahawa

penggunaan kurikulum prasekolah adalah merentas semua aspek perkembangan murid. Sepertimana petikan berikut: “...kanak-kanak berkembang secara holistik dan pengajaran saya memang merentas kesemua tunjang tersebut” (P1/tb-u2: 40-42) dan: “...konsepnya sama saja...intergrasikan semua tunjang dalam pengajaran atau guna satu tunjang dalam pengajaran juga boleh...apa pun bergantung pada kreativiti guru tu sendiri” (P2/tb-u3: 61-64). Kenyataan ini membuktikan peserta ada pengetahuan menggunakan tunjang pembelajaran dalam pengajaran.

Melalui respons yang diberi mengenai kefahaman fungsi tunjang dalam KSPK, di dapati semua Peserta ada pengetahuan dan kefahaman mengenai fungsi tunjang dalam pengajaran yang terkandung dalam kurikulum. Kefahaman ini juga ditunjukkan dalam penulisan rancangan pengajaran harian yang telah difailkan.

Pengintegrasian tunjang atau lebih dikenali dengan pendekatan bersepadu dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran juga melibatkan i) standard pembelajaran; ii) standard kandungan, dan iii) objektif pembelajaran. Pengintegrasian ini seharusnya selari dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam sesebuah pembelajaran. Kefahaman kesepaduan tunjang dan objektif pembelajaran yang sesuai dengan keperluan pembelajaran membantu guru lebih fokus kepada perkara yang hendak diajar dari awal hingga selesai sesi persekolahan.

Daripada aspek menulis integrasi tunjang dalam RPH, analisis dokumen kajian ini mendapati peserta memiliki kefahaman dan pengetahuan mengintegrasikan tunjang dalam menulis rancangan mengajar harian. Penulisan rancangan mengajar menunjukkan peserta mengintegrasikan sekurang-kurangnya dua tunjang dalam pengajaran. Ini membuktikan peserta memiliki pengetahuan dan kefahaman menulis integrasi tunjang dalam rancangan mengajar, seperti kenyataan berikut:

“...objektif pembelajaran ditentukan berdasarkan tema dan tunjang yang dipilih untuk menentukan kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid”  
(P1/Tb-u4: 43-44)

—..objektif pembelajaran ditentukan berdasarkan tema dan tunjang pembelajaran yang perlu kuasai oleh murid. Sekurang-kurangnya sepadukan dua tunjang dalam sesuatu pembelajaran”

(P2/Tb-u4: 53-56)

—..pilih tema dan gunakan sekurang-kurangnya dua tunjang dalam sesuatu pengajaran untuk mencapai objektif pembelajaran yang telah ditetapkan”

(P3/Tb-U4: 68-71)

—..objektif pembelajaran berdasarkan tema dan integrasi tunjang tu adalah tunjang yang digunakan sesuai untuk mencapai objektif tu”

(P4/Tb-u4: 74-80)

Kenyataan P1, P2, P3 dan P4 menunjukkan peserta memiliki pengetahuan dan faham peranan integrasi tunjang dalam menentukann objektif pembelajaran. Walau bagaimana melalui aspek pengintegrasian tunjang dalam pengajaran, kajian ini mendapati peserta jarang sekali mengamalkannya dalam pengajaran, sepertimana petikan P1 berikut: —..dalam RPH tulis integrasi tunjang tapi buatnya kadang-kadang...sebab lebih terfokus dengan kemahiran asas” (P1/tb-u4: 56-58).

Manakala respons lain: —..sebenarnya tak boleh nak buat sangat integrasi tunjang ni...rancang boleh la...saya nak kejar 4M tu supaya murid ni tak masuk ke LINUS” (P2/tb-4: 83-85) dan data temu bual berikut: —..jadi saya tak fikir integrasi tunjang ni boleh elakkan murid saya masuk LINUS...baik saya teruskan dengan kemahiran asas je (saja)” (P3/tb-u4: 97-99). Analisis temu bual di atas menunjukkan pelaksanaan integrasi tunjang dalam pengajaran hanya di tulis dalam rancangan mengajar tetapi tidak diaplikasikan dalam bilik darjah. Secara tidak langsung memberi gambaran bahawa KSPK yang dibekalkan tidak difahami dan tidak dirujuk sepenuhnya oleh peserta. Hasil pembelajaran dan fokus yang dicadangkan dalam KSPK juga kurang diberi perhatian.

Sungguhpun begitu, dapatan kajian melalui pemerhatian di dapati peserta mengintegrasikan tunjang dalam pengajaran cuma mereka tidak menyedari pengintegrasian itu sebenarnya berlaku dalam pengajaran mereka. Situasi di perhatikan semasa guru memulakan sesi pengajaran dan menamatkan sesuatu topik pengajaran.

Analisis ini menunjukkan terdapat dalam kalangan peserta sememangnya melakukan integrasi tunjang dalam pengajaran mereka.

Dari aspek penggunaan lembaran kerja, kajian juga mendapati peserta banyak menggunakan lembaran kerja dalam setiap sesi pengajaran berbanding bahan bantu yang berkaitan dengan tema pembelajaran. Sepertimana kenyataan P3 berikut: —.sukar guna pendekatan pengajaran berpusatkan murid sebab kehendak ibu bapa mendesak saya mengajar seperti guru tahun satu walaupun mereka telah ditaklimatkan oleh GPK1” (P3/tb-u2: 271-273). Data temu bual tersebut menunjukkan ibu bapa tidak sabar menunggu untuk melihat anak mereka berjaya dalam akademik. Dapatan ini memberi gambaran bahawa ibu bapa kurang jelas mengenai hasrat kurikulum prasekolah seperti kenyataan berikut: —.ibu bapa di taklimatkan tentang hasrat KSPK...dalam KSPK disebut pada peringkat prasekolah murid di dedahkan dengan 4M...kefahaman saya adalah asas tapi kefahaman ibu bapa adalah menguasai” (P2/tb-u2: 30-34). Perbandingan respons peserta seperti di Jadual 4.4

Jadual 4.4

Jadual Perbandingan Respons dengan Pelaksanaan Pengajaran

Sub Tema	P1	P2	P3	P4
Melaksanakan kurikulum	<p><b>Panduan Mengajar</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- kurang menggunakan KSPK sebagai panduan mengajar</li> <li>- KSPK dirujuk apabila perlu</li> <li>- tidak menggunakan modul bertema</li> <li>- banyak menggunakan modul kemahiran asas</li> </ul> <p><b>Pengetahuan Kefahaman Kandungan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- kurang pengetahuan kefahaman kandungan KSPK</li> <li>- memberi fokus pada kemahiran membaca, menulis dan mengira</li> <li>- tidak memahami ABP</li> <li>- tidak mengajar seperti yang dirancang</li> </ul> <p><b>Kemahiran menyampaikan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- memiliki pengetahuan kepentingan belajar melalui bermain</li> <li>- tidak memiliki kemahiran menggunakan pendekatan belajar melalui bermain</li> <li>- kurang kemahiran menyampaikan ilmu melalui kaedah bermain</li> <li>- lebih menggunakan pendekatan guru</li> <li>- tidak menggunakan pendekatan murid</li> <li>- lebih banyak menggunakan kemahiran modul asas</li> <li>- tidak menggunakan modul bertema</li> </ul>	<p><b>Panduan Mengajar</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- menggunakan KSPK sebagai panduan sebelum mengajar</li> <li>- KSPK dirujuk setiap hari</li> <li>- Sehari seminggu menggunakan modul bertema</li> <li>- Lebih kerap menggunakan modul kemahiran asas</li> </ul> <p><b>Pengetahuan Kefahaman Kandungan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- memiliki pengetahuan tetapi kurang kefahaman kandungan KSPK</li> <li>- memberi fokus pada kemahiran membaca, menulis dan mengira</li> <li>- kurang memahami ABP</li> <li>- kadang-kadang mengajar seperti yang dirancang</li> </ul> <p><b>Kemahiran menyampaikan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- memiliki pengetahuan kepentingan belajar melalui bermain</li> <li>- memiliki kemahiran menggunakan pendekatan belajar melalui bermain</li> <li>- boleh menyampaikan ilmu melalui kaedah bermain</li> <li>- lebih menggunakan pendekatan berpusatkan guru</li> <li>- kurang menggunakan pendekatan murid berpusatkan murid</li> </ul>	<p><b>Panduan Mengajar</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- kurang menggunakan KSPK sebagai panduan mengajar</li> <li>- KSPK dirujuk apabila perlu</li> <li>- Tidak menggunakan modul bertema</li> <li>- Banyak menggunakan modul kemahiran asas</li> </ul> <p><b>Pengetahuan Kefahaman Kandungan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- memiliki pengetahuan tetapi kurang kefahaman kandungan KSPK</li> <li>- memberi fokus pada kemahiran membaca, menulis dan mengira</li> <li>- tidak memahami ABP</li> <li>- tidak mengajar seperti yang dirancang</li> </ul> <p><b>Kemahiran menyampaikan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- memiliki pengetahuan kepentingan belajar melalui bermain</li> <li>- kurang kemahiran menggunakan pendekatan belajar melalui bermain</li> <li>- kurang kemahiran menyampaikan ilmu melalui kaedah bermain</li> <li>- lebih menggunakan pendekatan berpusatkan guru</li> <li>- tidak menggunakan pendekatan berpusatkan murid</li> </ul>	<p><b>Panduan Mengajar</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- kurang menggunakan KSPK sebagai panduan mengajar</li> <li>- KSPK dirujuk apabila perlu</li> <li>- Tidak menggunakan modul bertema</li> <li>- Banyak menggunakan modul kemahiran asas</li> </ul> <p><b>Pengetahuan Kefahaman Kandungan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- memiliki pengetahuan tetapi kurang kefahaman kandungan KSPK</li> <li>- memberi fokus pada kemahiran membaca, menulis dan mengira</li> <li>- tidak memahami ABP</li> <li>- tidak mengajar seperti yang dirancang</li> </ul> <p><b>Kemahiran menyampaikan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- memiliki pengetahuan kepentingan belajar melalui bermain</li> <li>- tidak memiliki kemahiran menggunakan pendekatan belajar melalui bermain</li> <li>- kurang kemahiran menyampaikan ilmu melalui kaedah bermain</li> <li>- lebih menggunakan pendekatan berpusatkan guru</li> <li>- tidak menggunakan</li> </ul>



<p>Melaksanakan integrasi</p>	<p><b>Integrasi tunjang dalam pdp</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- memiliki pengetahuan dan kefahaman merancang integrasi tunjang dalam mencapai objekif pengajaran</li> <li>- berpendapat integrasi tunjang tidak boleh menyelesaikan masalah LINUS</li> <li>- tidak melaksanakan integrasi tunjang</li> <li>- lebih banyak menggunakan kemahiran asas</li> <li>- tidak mahir melaksanakan integrasi tunjang</li> </ul> <p><b>Integrasi ICT dalam pdp</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- tidak mahir kendali komputer dalam pdp</li> <li>- tidak melaksanakan integrasi ICT dalam pdp</li> </ul>	<p><b>Integrasi tunjang dalam pdp</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki pengetahuan dan kefahaman merancang integrasi tunjang dalam mencapai objekif pengajaran</li> <li>- melaksanakan integrasi tunjang</li> <li>- menggunakan kemahiran asas dalam pdp</li> <li>- menggunakan 2 -3 tunjang dalam satu pengajaran</li> </ul> <p><b>Integrasi ICT dalam pdp</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- mahir kendali komputer dalam pdp</li> <li>- melaksanakan integrasi ICT dalam pdp sekali seminggu</li> </ul>	<p><b>Integrasi tunjang dalam pdp</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki pengetahuan dan kefahaman merancang integrasi tunjang dalam mencapai objekif pengajaran</li> <li>- kadang-kadang melaksanakan integrasi tunjang</li> <li>- lebih banyak menggunakan kemahiran asas</li> <li>- kurang mahir melaksanakan integrasi tunjang</li> </ul> <p><b>Integrasi ICT dalam pdp</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- tidak mahir kendali komputer dalam pdp</li> <li>- tidak melaksanakan integrasi ICT dalam pdp</li> </ul>	<p>pendekatan berpusatkan murid</p> <p><b>Integrasi tunjang dalam pdp</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki pengetahuan dan kefahaman merancang integrasi tunjang dalam mencapai objekif pengajaran</li> <li>- kadang-kadang melaksanakan integrasi tunjang</li> <li>- lebih banyak menggunakan kemahiran asas</li> <li>- kurang mahir melaksanakan integrasi tunjang</li> </ul> <p><b>Integrasi ICT dalam pdp</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- tidak mahir kendali komputer dalam pdp</li> <li>- tidak melaksanakan integrasi ICT dalam pdp</li> </ul>
-------------------------------	---	---	---	---

#### 4.6 Pelaksanaan Pentaksiran

Pentaksiran ialah suatu proses mengumpul maklumat daripada pelbagai sumber tentang pengetahuan, kemahiran dan nilai. Pelaksanaan pentaksiran dalam dapatan kajian ini meliputi i) kaedah pentaksiran dan ii) pelaporan. Pendekatan belajar melalui bermain yang ditekankan di prasekolah boleh membantu guru mentaksir murid melalui aktiviti main terancang kerana main adalah naluri semulajadi kanak-kanak dan secara tidak langsung dengan kekreatifan guru juga pentaksiran boleh dijalankan tanpa disedari oleh murid. Pentaksiran di prasekolah dapat memberi maklum balas yang berguna kepada guru. Maklumat tersebut mampu menyokong pembelajaran dan perkembangan murid.

Melalui pentaksiran guru prasekolah boleh menggunakan pendekatan tertentu untuk merancang pengajaran yang lebih baik untuk membimbing murid. Mereka boleh membuat pertimbangan tentang sesuatu situasi, menilai segala maklumat yang diperolehi, membuat keputusan, menyatakan dan menjelaskan keputusan kepada pihak lain seperti ibu bapa atau guru tahun satu.

Dari aspek pelaksanaan pentaksiran, analisis data temu bual mendapati peserta tidak menjalankan pentaksiran setiap hari tetapi hanya dilakukan sekali untuk satu semester seperti kenyataan berikut: —..saya buat pentaksiran dua kali setahun, iaitu dalam bulan Mei dan bulan Oktober...sepatutnya buat setiap hari tapi tak sempat” (P1/tb-u2: 27-31). Sebagaimana yang telah disarankan oleh KPM pentaksiran perlu berlaku setiap hari tetapi tidak dapat disempurnakan kerana peserta didapati sukar untuk memberi perhatian penuh pada setiap murid sepertimana kenyataan P1 berikut: —..sebab tumpuan diberikan pada seorang murid untuk sesuatu pentaksiran itu agak lama” (P1/tb-u2: 33-34).

Dapatan di atas membuktikan bahawa peserta tidak memiliki kefahaman mengenai pelaksanaan pentaksiran prasekolah secara keseluruhannya, seperti petikan

berikut: —.pentaksiran boleh dibuat pada bila-bila masa tetapi dalam waktu pengajaran dan pembelajaran sahaja” (P1/tb-u1: 44-45). Ini menunjukkan peserta belum memiliki pengetahuan proses pelaksanaan pentaksiran dan kurang memiliki ilmu pentaksiran.

Walau bagaimanapun kajian mendapati peserta tetap menjalankan pentaksiran mengikut arahan yang dikeluarkan oleh JPN dan KPM. Sepertimana petikan berikut: —.KPM telah keluar arahan buat pentaksiran ini lama dah sejak 2003” (P2/tb-u2: 23). Kenyataan lain: —.pentaksiran memang wujud di prasekolah...lama dah arahan tu” (P3/tb-u2: 17-18) dan petikan berikut: —.pentaksiran dah lama kat prasekolah, awal lagi dari PBS...saya mula jalankan pentaksiran di prasekolah sejak 2005 atas arahan JPN” (P4/tb-u2:16-18). Kenyataan P2, P3 dan P4 menunjukkan pentaksiran memang telah berlaku di prasekolah sejak awal 2003.

Berkaitan aspek tujuan pentaksiran pula, analisis temu bual mendapati peserta memiliki pengetahuan mengenai tujuan pentaksiran di peringkat prasekolah sepertimana petikan berikut: —.kita buat pentaksiran untuk kita nilai murid kita samada dia telah menguasai sesuatu kemahiran atau sebaliknya” (P1/tb-u4: 62-66). Kajian turut mendapati bahawa pentaksiran membantu peserta menambahbaik pengajaran atau pendekatan mengajar seperti kenyataan berikut: —.selain itu hasil pentaksiran juga boleh membantu saya menambahbaik pendekatan mengajar, menukar atau menambah bahan bantu mengajar dan bila mengajar tidaklah kita syok sendiri” (P1/tb-u4: 82-88).

Dapatan kajian ini menunjukkan peserta menjadikan pentaksiran sebagai salah satu alat untuk mengukur tahap pencapaian murid. Seperti kenyataan P2 berikut: —.kalau tak ada pentaksiran, susah juga kita nak tahu tahap penguasaan murid. Lain la kalau murid saya lima orang saja..ni 25 orang, memang susah nak tahu sapa dah kuasai perkembangan dan siapa yang belum..saya tak boleh beri perhatian penuh pada setiap murid sebab kadang-kadang tu pengajaran memerlukan saya beri perhatian pada murid

yang lambat” (P2/tb-u2: 48-56). Ini menunjukkan pentaksiran tidak boleh berlaku setiap hari kerana tumpuan lebih perlu diberi kepada murid yang memerlukan.

Walau bagaimanapun dapatan kajian menunjukkan peserta memerlukan pentaksiran berlaku di prasekolah, sepertimana kenyataan di bawah:

—..pentaksiran ni penting untuk saya tahu tahap penguasaan murid..dari situ saya boleh kenal mana murid yang cepat dan mana murid lambat...dari pentaksiran juga saya boleh tahu samada pengajaran saya difahami atau tidak oleh murid..kalau mereka tak faham, bererti strategi pengajaran saya ada yang tak kena”

(P2/tb-u2:89-96)

—..pentaksiran ni bertujuan untuk kita tahu setakat mana murid dah kuasai sesuatu kemahiran..kalau mereka belum kuasai kemahiran, maka saya akan ubahlah cara pengajaran..mungkin bahan bantu yang tidak sesuai digunakan dalam pengajaran, mungkin kaedah pengajaran saya tidak menyeronokkan..dari situ saya dapat nilai pengajaran saya sendiri”

(P3/tb-u2: 38-44)

—..tujuan pentaksiran adalah untuk saya tahu tahap mana penguasaan kemahiran anak murid saya. Melalui pentaksiran, memudahkan saya menyediakan laporan deskriptif yang perlu dilaporkan kepada waris pada setiap hujung semester”

(P4/tb-u2: 36-44)

Kenyataan P2, P3 dan P4 menunjukkan peserta mengetahui tujuan diadakan pentaksiran pada peringkat prasekolah.

Walau bagaimana dari aspek masa mentaksir, dapatan kajian menunjukkan tempoh masa menjalankan pentaksiran adalah dalam perancangan peribadi peserta. KPM telah memberi pendedahan mengenai pentaksiran dengan menerangkan beberapa kaedah pentaksiran dalam pendidikan prasekolah dan peserta hanya memilih kaedah yang sesuai digunakan untuk mentaksir murid. Sepertimana kenyataan P3 berikut:

—..saya buat pentaksiran mengikut apa yang saya ajar pada minggu itu..saya tak boleh ikut yang diajar setiap hari sebab setiap murid tu berlainan masa taksirannya..kalau ikut apa yang diajar pentaksiran tu lebih luas dan mudah” (P3/tb-u2: 48-51). Kenyataan tersebut disokong petikan berikut:

—..pentaksiran ni tak boleh siap dalam sehari..saya kena rancang murid mana dulu perlu di taksir..supaya senang untuk direkodkan” (P3/tdk-3: 42-44). Sama seperti petikan berikut: —..saya buat pentaksiran ni bila perlu

je..tak dapat buat setiap hari..sebab untuk mentaksir ni saya kena tengok juga kesediaan murid..kadang-kadang emosinya tak stabil..bila emosi tak stabil, dah pastilah mengganggu penerimaan ilmunya pada hari itu” (P4/tb-u2: 60-65). Kenyataan P3 dan P4 menunjukkan pentaksiran boleh berlaku dalam pengajaran atau di luar waktu pengajaran guru.

Manakala tempoh masa pentaksiran pula bergantung pada perancangan peserta.

Seperti mana petikan temu bual berikut:

—..saya jalankan pentaksiran ni dua kali saja setahun iaitu dalam bulan Mei dan bulan Oktober..sebab saya perlu memaklumkan pada ibu bapa pada bulan Jun dan bulan November...pentaksiran ini tak boleh dijalankan dalam satu hari untuk semua murid tapi dalam 3 ke 4 orang tu boleh...kalau semua sekali memang tak sempat”

(P1/tb-u2: 32-37).

—..di prasekolah pentaksiran saya buat sebulan sekali tapi saya mula dalam bulan febuari...dan di bantu oleh ppm. Saya buat laporan keseluruhan pentaksiran itu dalam bulan Mei sebab perjumpaan dengan waris untuk semester 1 dalam bulan Jun”

(P2/tb-u2: 38-44)

—..tempoh pentaksiran berlaku di prasekolah dalam tiga bulan...saya mulakan pentaksiran dalam bulan March...bulan Mei saya akan buat laporan keseluruhan dan fail pentaksiran di kemaskini sebelum perjumpaan dengan waris murid”

(P3/tb-u2: 30-34)

—..pentaksiran dibuat dalam tempoh empat bulan dalam setiap semester...pentaksiran pertama mula dalam bulan febuari, kemaskini pada bulan Mei dan perjumpaan dengan waris dalam bulan Jun...masa ni lah saya jelaskan pada waris kelemahan dan kekuatan anak mereka”

(P4/tb-u2: 35-39)

Berdasarkan dapatan temu bual diatas, kajian ini mendapati laporan pentaksiran di sediakan dalam dua peringkat iaitu dalam bulan Mei dan bulan Oktober setiap tahun. Manakala proses pentaksiran berlaku pada setiap bulan walaupun terdapat dalam kalangan peserta yang belum memiliki ilmu pentaksiran. Sehubungan itu kajian ini turut mendapati semua peserta memulakan pentaksiran di prasekolah pada bulan Febuari dan mengemaskini fail pentaksiran pada bulan Mei untuk semester satu dan pentaksiran untuk semester dua pula bermula bulan Julai dan dikemaskini pada bulan Oktober. Ini

menunjukkan peserta memiliki pengetahuan mentadbir pentaksiran di prasekolah. Manakala fail pentaksiran disediakan untuk setiap murid dan disusun di ruang penyimpanan.

#### **4.6.1 Melaksanakan Kaedah Pentaksiran.**

Dapatan kajian berkaitan melaksanakan kaedah pentaksiran merangkumi i) senarai semak, ii) rekod anekdot, iii) hasil kerja murid dan iv) portfolio. Bahagian ini membincangkan kaedah pentaksiran di prasekolah. Analisis temu bual menunjukkan peserta menjalankan pentaksiran berpandukan panduan yang dibekalkan oleh KPM dan JPN. Panduan yang dibekalkan oleh JPN telah dikemaskini dan diubah mengikut keperluan semasa. Sepertimana kenyataan P2 berikut: “...saya ikut panduan yang diberi tapi ada juga saya ubah ikut kemampuan pencapaian murid” (P2/tb-u2: 16-19). Ini membuktikan peserta memiliki pengetahuan menggunakan panduan kaedah mentaksir yang dibekalkan oleh KPM.

Dari aspek memahami panduan pentaksiran yang dibekalkan KPM, kajian ini mendapati peserta sukar memahami dokumen tersebut kerana terlalu detail seperti kenyataan berikut: “...saya mengikut panduan yang dibekalkan oleh JPN..KPM pun ada bagi tapi saya lebih senang ikut yang JPN bekalkan...lebih mudah dan senang” (P1/tdk-u3: 20-23). Sama seperti petikan P1 lagi: “...kalau ikut yang JPN punya, saya hanya perlu menanda di ruang yang disediakan dan sekali sahaja huraian laporan dalam setiap semester” (P1/tdk-u3: 42-44).

Kenyataan P1 disokong oleh kenyataan P2 berikut: “...saya guna modul pentaksiran yang dibekalkan oleh JPN...walaupun KPM ada beri contoh rekod pentaksiran tapi saya ikut yang JPN bekalkan...pihak JPN dah murnikan contoh pentaksiran KPM..lebih mudah faham dan mudah dilengkapkan” (P2/tdk-3:32-35). Ini membuktikan modul pentaksiran yang dikeluarkan oleh KPM hanya digunakan sebagai

panduan pentaksiran sahaja. Manakala proses mentaksir pula, peserta menggunakan modul yang dikeluarkan oleh JPN.

Dari aspek proses mentaksir, dapatan menunjukkan peserta menetapkan objektif hasil pembelajaran untuk membentuk instrumen pentaksiran. Sepertimana petikan berikut: —..saya menetapkan objektif pengajaran dalam rancangan pengajaran harian..di situ juga saya rancang apa yang perlu saya taksir ke atas murid untuk objektif itu.. setelah itu saya akan susun nama murid mana yang perlu saya taksir dahulu ..biasanya saya akan taksir murid yang cepat terlebih dahulu” (P2/tb-u2: 52-56). Ini membuktikan peserta merancang instrumen yang sesuai untuk pentaksiran.

Melalui aspek kaedah pentaksiran, dapatan kajian menunjukkan peserta memiliki pengetahuan mengenai kaedah mentaksir dan memahami kaedah pentaksiran yang sesuai untuk murid prasekolah, sepertimana kenyataan berikut: —..senarai semak, anekdot, running rekod, pemerhatian tu adalah kaedah pentaksiran, tapi saya tak mahir guna semua kaedah tu” (P3/tb-u2: 110-112). Walaupun begitu analisis temu bual menunjukkan peserta tidak menjalankan pentaksiran mengikut apa yang telah diajar pada hari itu tetapi mengikut apa yang telah dipelajari pada hari-hari sebelumnya. Sepertimana kenyataan P1 berikut: —..yang diajar hari ini, tak boleh taksir semua...kalau guna yang semalam, hari ini kita taksir sebab ada masa saya uji juga murid ni” (P1/tb-u2: 87-89). Ini membuktikan pentaksiran tidak selesai mengikut tempoh yang telah ditetapkan dalam takwim tahunan.

Dari aspek penglibatan murid dalam pentaksiran, dapatan kajian menunjukkan pentaksiran yang dijalankan tidak melibatkan semua kanak-kanak tetapi hanya seorang dalam satu-satu masa. Manakala proses pentaksiran pula, analisis temu bual mendapati peserta melaksanakan pentaksiran secara kumpulan. Sepertimana kenyataan berikut —..yang ni senang je (saja), setakat menguasai nama-nama alatan murid boleh sebut

secara berkumpulan 4 orang..kerja pun cepat siap”(P1/tdk-u3: 51-52). Ini membuktikan peserta menggunakan alternatif sendiri untuk melicinkan tugas mentaksir.

Sungguhpun begitu dari aspek perekodan, dapatan kajian ini menunjukkan peserta menggunakan catatan ringkas keseluruhan pentaksiran dalam perekodan. Sepertimana kenyataan P1 berikut: “..saya menggunakan catatan ringkas dalam mentaksir penguasaan tunjang.. misalnya tunjang kerohanian sikap dan nilai..saya rekodkan..murid telah menguasai cara mengambil wuduk..dan saya juga menggunakan senarai semak”(P1/tb-u3: 23-26). Walau bagaimanapun dapatan kajian mengenai pelaporan hasil pentaksiran menunjukkan catatan ringkas di buat mengikut tunjang, seperti kenyataan berikut:

“..selepas siap mentaksir, ppm akan masukkan ke dalam fail pentaksiran...bersama hasil kerja murid tersebut dan laporan hanya dibuat sekali sahaja untuk setiap satu tunjang...setelah siap semua pentaksiran, baru saya sediakan laporan..biasanya dalam bulan Mei”  
(P1/tb-u3: 33-39)

Kenyataan diatas menunjukkan peserta juga menggunakan pentaksiran portfolio.

Berkaitan aspek dokumen pentaksiran pula, kajian ini mendapati peserta bersetuju mengatakan pentaksiran di prasekolah boleh menggunakan berbagai jenis dokumen pentaksiran antaranya menggunakan senarai semak, rekod anekdot, dan portfolio dan sebagainya. Sepertimana kenyataan di bawah:

“..untuk jalankan pentaksiran saya guna senarai semak yang disediakan oleh JPN.. saya tak buat apa-apa catatan tapi saya buat laporan untuk setiap kemahiran yang di taksir..laporan itu saya siapkan dalam bulan Mei setelah semua pentaksiran selesai”  
(P3/t-u2: 34-40)

“..saya gunakan rekod pentaksiran yang disediakan JPN..dalam tu saya tick dan buat catatan ringkas di ruang yang disediakan dan hasil kerja murid juga saya minta ppm masukkan ke dalam fail pentaksiran..tapi hanya hasil kerja yang telah di nilai dan berkualiti”  
(P4/tb-u3:70-75)

“..setelah selesai semua pentaksiran, saya sediakan pula pelaporan. Pelaporan itu saya rangkumkan untuk semua tunjang dan saya akan lapor apa yang telah dikuasai dan belum dikuasai oleh murid”  
(P4/tb-u3:77-80)

Kenyataan P3 dan P4 menunjukkan peserta menggunakan dua jenis kaedah pentaksiran yang paling dominan iaitu senarai semak dan portfolio.



Manakala dari aspek pengesahan pentaksiran murid, dapatan kajian menunjukkan pihak pentadbir telah diberi mandat menurunkan tandatangan pada rekod pentaksiran murid yang telah dikemaskini oleh guru. Guru menghantar laporan deskriptif kepada pentadbir tanpa menyertakan pentaksiran portfolio murid. Seperti kenyataan berikut: —.guru besar atau GPK 1 hanya menurunkan tandatangan pada rekod pentaksiran tu...bila pentaksiran dah siap, saya hantar ke pejabat. Pembantu akan ambil semula dan simpan di rak yang telah disediakan” (P2/tb-u3: 58-63). Sama seperti kenyataan P2: —.pentadbir yang menandatangani rekod pentaksiran ni ialah GPK1, memang dari dulu lagi tugas itu diambil oleh GPK1...beliau datang ke prasekolah dan tandatangan semua rekod pentaksiran” (P2/tb-u3: 59-63).

Kenyataan berikut: —.pentadbir hanya menandatangani rekod pentaksiran, GB tidak terlibat langsung dalam mentaksir murid..saya hantar fail-fail pentaksiran ke pejabat, setelah ditandatangani, bawa semula ke prasekolah dan disusun di rak”(P3/tb-u3: 57-60). Seperti P1 dan P3, peranan pentadbir adalah sama, —.peranan pentadbir hanya sah dan tandatangan pentaksiran saja. Dia tidak terlibat dalam hal-hal mentaksir” (P4/tb-u3:90-93). Kenyataan tersebut membuktikan bahawa guru besar dan guru penolong kanan kurikulum yang berhak mengesahkan pentaksiran di prasekolah.

Walau bagaimanapun data yang diperoleh dari temubual tidak berstruktur, mendapati peserta tidak setuju pentaksiran dibuat secara terperinci sepertimana petikan berikut: —.buat pentaksiran kat pra ni pun sebenarnya untuk bagi tahu guru tahun satu dan ibu bapa berkenaan pencapaian akademik murid je..kalau bab penguasaan kemahiran 6 tunjang tu mereka tak kisah mana pun”(P1/tdk2: 60-65). Sama seperti kenyataan P2 berikut: —.saya rasalah pentaksiran yang kita buat di prasekolah ni tidaklah sepeenting pentaksiran yang dibuat di arus perdana..sebab akhirnya yang nak dilapor pada guru tahun satu hanyalah pencapaian akademik mereka, penguasaan

kemahiran 6 tunjang tu hanya di maklumkan secara asasnya saja..cikgu tahun satu bukan kisah sangat dengan tunjang-tunjang tu”(P2/tdk2: 68-75).

Kenyataan tersebut disokong petikan berikut —.yang kita nak beritahu cikgu tahun satu pun hanyalah pencapaian akademik murid tu..mereka nak ambil tahu penguasaan 6 tunjang tu, mereka lebih fokus pada 3M. Kita je heboh nak taksir bagi benda tu.. guru tahun satu akan tanya ‘budak ni dah kenal a b c ke belum, dah pandai baca dua suka kata ke belum’. Kalau diikutkan kepenatan kita merekod pentaksiran tu tak berbaloi rasanya dengan apa yang patut guru tahun satu dan ibu bapa mahukan” (P3/tdk2:88-98). Juga kenyataan P4: —.buat pentaksiran ni penat sebenarnya...tapi apa yang kita taksir tu tak semua di ambil kira oleh guru tahun satu dan ibu bapa. Mereka lebih suka tahu tahap pencapaian akademik murid. Mereka bukan kisah sangat bab tunjang ni” (P4/tdk2: 82-87). Kenyataan tersebut membuktikan tidak berlaku kesinambungan pentaksiran dari prasekolah ke tahun satu.

Kenyataan diatas menunjukkan semua peserta memiliki pengetahuan mentadbir pentaksiran di prasekolah, memahami tujuan diadakan pentaksiran di peringkat prasekolah, memiliki pengetahuan cara merekod dan melapor pentaksiran. Peserta juga memiliki pengetahuan bahawa pentadbir sekolah perlu menandatangani fail pentaksiran murid. Ini menunjukkan pentadbir sekolah turut berperanan dalam pentaksiran di peringkat prasekolah.

Daripada aspek kaedah pentaksiran, dapatan kajian menunjukkan semua peserta menggunakan pentaksiran portfolio dengan menjadikan lembaran kerja sebagai alat pentaksiran sepertimana kenyataan P4 berikut: —.saya guna kaedah yang senang nak buat, senang nak urus, senang nak lapor ha..ha (ketawa)..sebab tu saya pilih guna senarai semak dan portfolio” (P4/tb-u2: 130-133). Kajian turut mendapati peserta menyediakan fail pentaksiran untuk semua murid. Setiap fail di labelkan dengan nama dan gambar murid.

Lembaran kerja yang telah dinilai dan berkualiti dimasukkan ke dalam fail tersebut. Manakala lembaran kerja yang kurang kualiti di masukkan dalam rak dan dibuat kerja secara berkumpulan seperti kenyataan berikut: —.lepas murid balik, saya nilai lembaran kerja mereka, mana yang ok tu PPM simpan dalam fail, mana yang tak ok tu PPM simpan di rak. Lain kali kalau murid nak perbaiki lembaran kerja boleh rujuk hasil kerja mereka yang di rak tu” (P3/tb-u2: 178-182). Ini menunjukkan guru prasekolah memberi peluang murid memperbaiki pentaksiran mereka.

Walau bagaimanapun hasil temubual tidak berstruktur, peserta memaklumkan bahawa pentaksiran yang dilaksanakan tidaklah sama seperti yang dinyatakan sebelum ini. Kegagalan memahami KSPK menyebabkan pentaksiran tidak dilaksanakan dan ditambah pula dengan penggunaan rekod pentaksiran yang disyorkan oleh KPM dan JPN. Seperti menurut mereka:

—..sebenarnya saya tak berapa mahir dengan KSPK..saya buat pentaksiran ikut senarai semak yang ada tu saja..kalau guna KPK dulu tu senang je pentaksirannya. Cuma guna yang laporan keseluruhan perkembangan murid”

(P1/tdk-u3: 68-72)

—..untuk buat pentaksiran tu, saya mesti menguasai KSPK..saya faham KSPK..saya tahu apa yang dihasratkan KSPK..cuma bila nak laksana tu leceh sikit..yang mudah asalkan murid menguasai 4M sudah..mak ayah tak kisah dengan perkembangan 6 tunjang tu..yang mereka nak anak mereka pandai membaca, menulis dan mengira..M yang ke 4 tu tambah-tambah je dalam pengajaran”

(P2/tdk-u3: 56-66)

—..kalau tak mahir kspk, memang tak boleh buat pentaksiran..saya faham kspk tu tapi tak lah faham semuanya. Kalau macam tunjang ketampilan diri tu..saya mentaksir keberanian murid memberi pendapat ataupun bercerita di hadapan kelas..saya buat macam tu saja”

(P3/tdk-u3: 53-60)

—..saya tak berapa mahir kspk ni..baru nak pandai kpk tukar pulak pada kspk..bila tak mahir kspk susah jugaklah saya nak buat pentaksiran”

(P4/tdk-u3: 87-89)

Situasi ini menunjukkan peserta kurang menguasai KSPK. Sekiranya mereka faham KSPK sudah pasti pentaksiran boleh dilaksanakan dengan sempurna. Peserta juga

memberi gambaran kurang selesa dengan KSPK, lantas pentaksiran kurang diberi perhatian.

Dari aspek melengkapkan fail pentaksiran, melalui analisis dokumen dapatan kajian menunjukkan peserta tidak melengkapkan fail pentaksiran murid. Dapatan ini bercanggah dengan dapatan temubual yang telah dijalankan. Maklumat diri murid diisi di ruang biodata murid. Maklumat pentaksiran tidak dinyatakan dalam rekod pentaksiran walaupun rekod tersebut dilengkapkan dengan senarai semak dan ruangan catatan laporan deskriptif.

Ini menunjukkan setiap guru prasekolah memiliki pengetahuan bagaimana menjalankan pentaksiran tetapi tidak melaksanakannya. Hanya satu laporan dalam satu fail yang dipenuhi dengan hasil lembaran kerja murid. Lembaran kerja yang tidak dinilai. Oleh itu dapatlah dirumuskan bahawa ada dalam kalangan guru prasekolah belum memiliki kemahiran mentadbir rekod pentaksiran dengan baik.

Berbagai kaedah pentaksiran yang dicadangkan oleh KPM untuk diaplikasikan di prasekolah. Antaranya adalah kaedah pemerhatian. Kaedah Pemerhatian menggunakan senarai semak sebagai instrument yang dibina oleh guru berdasarkan perkembangan murid. Dari aspek melaksanakan kaedah senarai semak, kajian ini mendapati tiga orang Peserta menggunakan teknik pemerhatian. Peserta tersebut membuat penilaian semasa murid sedang menjalankan aktiviti pembelajaran. Sepertimana kenyataan berikut: —..saya buat pemerhatian selama 2 minggu untuk semua murid. Tak sempat buat pemerhatian tiap hari” (P3/tb-u4: 130-133). Namun begitu seorang peserta yang menjalankan Pemerhatian serentak untuk dua orang murid sepertimana petikan berikut: —..saya guna pemerhatian semasa murid buat aktiviti dan saya perhatikan perlakuan dua orang murid...dalam sehari saya boleh buat pemerhatian untuk 4 orang murid sahaja” (P2/tb-u3: 214-216). Manakala P4 pula menyatakan kaedah pemerhatian boleh berlaku dalam pdp dan tidak memerlukan penetapan masa sepertimana menurutnya:

—..pemerhatian tu memang saya buat setiap hari tapi saya tak sempat nak rekod dan instrumen yang saya sediakan tu saya isi bila *free*” (P4/tb-u4: 420-422).

Berhubung tindakan selepas pemerhatian, analisis temu bual mendapati peserta merekodkan pemerhatian itu dalam fail pentaksiran dan memasukkan data itu di web yang disediakan oleh KPM. Semua Peserta memasukkan data setelah tamat semua pemerhatian sepertimana kenyataan berikut: —..saya akan masukkan data itu sekali dalam satu semester” (P2/tb-u3:222-223). Ini menunjukkan peserta terpaksa menjalankan pentaksiran untuk melengkapkan data pentaksiran secara *online* seperti yang dikehendaki KPM.

#### **4.6.1.1 Senarai Semak.**

Melalui sub tema kaedah pentaksiran diatas, muncul beberapa sub topik di dalamnya iaitu (i) senarai semak; (ii) rekod anekdot; dan (iii) portfolio. Dapatan pemerhatian dan analisis dokumen menyokong kemunculan sub topik ini. Dapatan ini juga diperoleh melalui temu bual tidak berstruktur bersama peserta.

Senarai semak dalam kajian ini adalah merujuk kepada keadah pentaksiran yang digunakan di bilik darjah prasekolah. Kajian ini mendapati semua peserta menggunakan instrumen senarai semak sebagai alat pentaksiran mereka. Seperti kenyataan P1 berikut: —..senarai semak ini telah dimurnikan oleh pihak JPN, jadi ikutlah apa yang telah diberi” (P1/tb-u2: 92-93).

Walaupun begitu melalui analisis dokumen, kajian ini mendapati instrumen tersebut tidak digunakan sepenuhnya malah pentaksiran juga tidak berlaku sepertimana kenyataan P1 berikut: —..bukan tidak digunakan tapi belum dilengkapkan” (P1/tb-u2: 95) dan di sokong dengan kenyataan: —..mmm... sebenarnya saya tak buat pun pentaksiran” (P1/tb-u2:110-111). Data temu bual berikut juga memberi maksud yang sama, seperti: —..saya gunakan instrumen senarai semak dalam pentaksiran sebab mudah digunakan, hanya tick kan saja” (P4/tb-u3:110-111). Melalui analisis dokumen

didapati instrumen senarai semak yang dinyatakan oleh peserta sebelum ini tidak digunakan. Sepertimana petikan berikut: —.tugasan itu memang tick saja kan..ok la jujur saya cakap memang saya tak buat pentaksiran, saya cuma menulis laporan deskriptif sahaja” (P4/tb-u3: 118-120). Ini menunjukkan pentaksiran tidak berlaku di semua prasekolah di Malaysia walaupun arahan telah dikeluarkan oleh KPM. Dapatan ini disokong oleh petikan berikut: —.instrumen tu banyak, saya tak sempat nak tengok sorang demi sorang” (P4/tb-u3: 125). Petikan tersebut juga memberi gambaran bahawa peserta belum memahami ABP dalam pengajaran dan perkaitannya dengan pentaksiran.

#### **4.6.1.2 Rekod anekdot.**

Rekod anekdot adalah satu alat dalam pentaksiran yang digunakan di prasekolah dan peserta telah didedahkan cara menggunakan rekod tersebut. Sepertimana yang dijelaskan oleh peserta berikut: —.rekod ini memang telah digunapakai sejak 2003 di prasekolah, cara menggunakan rekod itu pun telah diberi oleh pegawai di PPD dan JPN” (P3/tb-u3: 72-74).

Walau bagaimana dari aspek penggunaan rekod, kajian ini mendapati peserta belum memahami penggunaan rekod tersebut, sepertimana kenyataan P1 berikut: —.saya tahu rekod anekdot tapi saya tak tahu cara nak guna rekod tu” (P1/tb-u3: 89-90). Sama seperti kenyataan P4: —.saya tak berapa nak faham anekdot tu, tak faham cara nak taksir guna tu” (P4/tb-u3: 104-105). Kenyataan ini menunjukkan peserta mengetahui kaedah pentaksiran anekdot tetapi belum mahir mengaplikasikan kaedah tersebut.

Sungguhpun begitu terdapat dalam kalangan peserta mahir menggunakan kaedah pentaksiran anekdot. Sepertimana kenyataan P2 berikut: —.saya guna kalau ada murid bermasalah misalnya, lambat menguasai sesuatu perkembangan” (P2/tb-u3: 82-83). Melalui analisis dokumen, didapati rekod tersebut digunakan untuk mentaksir seorang

murid sahaja. Ini memberi gambaran bahawa hanya murid yang bermasalah di prasekolah akan menggunakan pentaksiran anekdot.

Secara kesimpulannya, peserta memiliki pengetahuan fungsi rekod anekdot dalam pentaksiran tetapi tidak memiliki pengetahuan merekod pentaksiran menggunakan kaedah tersebut.

#### **4.6.1.3 Portfolio.**

Portfolio merupakan satu lagi kaedah pentaksiran yang diamalkan di prasekolah. Pentaksiran ini mudah dijalankan dan sering menjadi amalan guru dalam menilai murid. Kajian ini mendapati peserta menggunakan pentaksiran portfolio ini kerana kaedah tersebut adalah mudah dan boleh dibuat secara kelas, seperti dapatan berikut: —.buat portfolio mudah sikit, nilai pun senang” (P1/tb-u3: 110). Dapatan ini disokong analisis temu bual berikut: —.nak tadbir tu senang, beri tugas dan arahan secara kelas, siap kerja kita nilai” (P3/tb-u3: 105-106). Tambahnya lagi: —.siap nilai, saya pilih dan masukkan dalam fail portfolio. Mana yang tak ok tu, saya beri tugas yang sama tapi pada sesi yang lain” (P3/tb-u3: 109-101). Dapatan ini menunjukkan guru prasekolah lebih selesa menggunakan pentaksiran portfolio untuk mengukur keupayaan dan penguasaan murid. Malah petikan P3/tb-u3: 109-101 juga membuktikan murid sentiasa berpeluang memperbaiki kemampuan diri melalui pentaksiran.

Dari aspek lembaran kerja, analisis temu bual menunjukkan peserta mengedarkan lembaran kerja setelah selesai sesuatu aktiviti. Tunjuk cara diberikan terlebih dahulu. Kemudian mengedarkan lembaran kerja mengikut kumpulan. Setelah semua murid menerima lembaran kerja, peserta akan memberi arahan tugas. Peserta juga tidak menetapkan masa menyiapkan tugas itu. Setelah tugas siap, peserta akan memberi skor sepertimana kenyataan P2 berikut: —.saya akan nilai, tugas yang siap saja. Yang tak siap, murid akan sambung pada hari esok” (P2/tb-u3: 198-200)

Manakala melalui analisis dokumen, kajian mendapati fail portfolio murid diisi dengan tugas lembaran kerja yang telah dinilai. Fail tersebut dilabel dengan nama murid. Ini juga memudahkan proses penyimpanan tugas. Keseluruhannya, Peserta boleh mentadbir urus pentaksiran portfolio murid berbanding kaedah pentaksiran lain.

Namun demikian sikap negatif peserta menjadikan pentaksiran prasekolah sering di perkatakan dalam kalangan guru. Menanggukkan pentaksiran yang sepatutnya dijadualkan juga menjadikan pentaksiran di prasekolah sebagai beban terhadap tugas. Sepertimana petikan berikut: —..ada ke cikgu buat pentaksiran hari-hari..kalau betul-betul buat hari-hari..memang tak habislah rancangan pengajaran tahunan..ngajar diprasekolah ni tak sama dengan tahun satu,..nak mengajar huruf A kecil pun ambik masa seminggu...memang tak sempat buat pentaksiran tu”(P1/tdk-u3: 150-159). Kajian juga mendapati Peserta berasa kecewa dengan laporan pentaksiran yang dipanjangkan kepada guru tahun satu. Dapatan seperti petikan: —..sebelum ni saya dayakan juga buat pentaksiran tu, tapi sekarang macam dah malas sebab bila sampai ke tahun satu, tak dirujuk pun oleh guru lain”(P1/tdk-u3: 170-172). Ini menggambarkan peserta kecewa dengan pentaksiran yang tiada kesinambungan di tahun satu.

Melalui aspek sikap dalam pentaksiran, kajian ini mendapati tiga daripada empat Peserta kurang setuju pentaksiran secara terperinci mengikut tunjang pembelajaran dilaksanakan di prasekolah, seperti yang dinyatakan seperti berikut: —..sebenarnya mentaksir murid prasekolah ni susah sebab tak konsisten..misalnya..semalam Nadia boleh baca ayat pendek kan...hari ni saya uji semula..dia tak boleh pulak. Jadi macamana saya nak lapor kan tu..sedangkan esok GPK 1 nak tandatangan..perkara macam ni yang saya maksudkan susah tu”(P3/tdk-u3: 171-175). Dapatan berikutnya: —..tapi kan, kalau pentaksiran tu hanya diberi dalam bentuk laporan keseluruhan, adalah lebih baik”(P3/tdk-u3: 180-181).



Kajian juga mendapati bahawa semua peserta bersetuju pelaporan pentaksiran murid dibuat sekali dalam setahun. Manakala cara dan corak mentaksir itu perlu diberi kebebasan kepada guru. Sepertimana kenyataan P4 berikut: —. adalah lebih baik kalau kita diberi kebebasan mentaksir..maksudnya..dalam setahun tu kita perlu melaporkan sekali je pentaksiran murid iaitu dalam bulan Oktober, barulah dapat yang benar..kalau ikut bulan atau semester, proses mentaksir tu jadi macam tak valid..misalnya...kemahiran komunikasi, bulan April kita tandakan ✓ pada senarai semak yang murid boleh membatangkan sukakata mudah, bila kita uji pulak sukukata yang sama dalam bulan September, mereka tak boleh membatangkan...itu maksudnya tak valid” (P4/tdk-u3: 120-131). Semua peserta berpendapat bahawa pentaksiran di prasekolah tidak perlu mengikut tunjang pembelajaran seperti yang terkandung dalam kurikulum. Pendapat itu seperti kenyataan di bawah:

—..susah sebenarnya mentaksir di prasekolah ni, lebih-lebih lagi mentaksir ikut tunjang...saya naik stress dengan pentaksiran ni..nak kena cakap dengan ibu bapa, dengan guru tahun satu lagi..nak kena terangkan satu-satu..kalau kita taksir kemudian lepaskan pada guru tahun satu senang sikit.. tapi nak jumpa satu-satu ni...leceh. Itu prosedur yang JPN bagitau”

(P1/tdk-u4: 33-38).

—..serius saya cakap, saya sebenarnya stress dengan pentaksiran ni..sibuk nak ikut tunjang..kan lebih senang buat pentaksiran macam yang mula-mula dulu...satu perkembangan satu laporan pentaksiran..macam ni susah sebenarnya...nampak senang je mentaksir di pra ni tapi hakikatnya pentaksiran ni la yang susah. Tapi nak tak nak kena buat juga sebab dah tu kerjanya. Bila tak buat nanti timbul lak isu lain”

(P2/tdk-u4:29-35)

Manakala kenyataan berikut: —..jujur saya cakap, saya tak suka buat pentaksiran di prasekolah setiap hari..tak mudah..tambahan pulak mentaksir kena ikut tunjang.. walaupun murid tak ramai tapi report tu mesti *detail*..kang kita report yang elok-elok..bila masuk tahun 1 dah tak elok..kena pulak ke LINUS..teruklah kita kena hentam dengan guru tahun satu” (P3/tdk-4: 40-51). Petikan ini memberi gambaran bahawa peserta berasa kurang puas hati dengan tindakan rakan sejawat.

Kajian turut mendapati bahawa peserta tidak seronok menjalankan tanggungjawab mentaksir dengan pelbagai kaedah terutama yang menggunakan kaedah anekdot. Semua Peserta lebih senang menggunakan senarai semak sebagai instrument pentaksiran berbanding yang menulis prilaku murid dalam rekod anekdot. Sepertimana kenyataan P4 berikut: —.yang jadi masalahnya proses mentaksir tu..detail sangat..kalau dulu tu kita hanya melaporkan keseluruhan kemahiran memang mudah dan ringkas, gunakan lembaran kerja..di nilai..dan failkan..senang..memang siap seperti yang di kehendaki”(P4/tdk-4: 35-40).

Walau bagaimana pun dapatan temu bual ini bertentangan dengan apa yang diperhatikan. Keseluruhan waktu belajar di prasekolah adalah 4 jam 30 minit. Tempoh masa guru mengajar sehari di prasekolah adalah 3 jam 30 minit. 30 minit adalah untuk Pendidikan Islam dan lagi 30 minit adalah masa rehat. Pengkaji memerhatikan peserta tidak menggunakan masa senggang dalam waktu Pendidikan Islam untuk menjalankan pentaksiran. Walaupun hakikatnya setiap guru prasekolah perlu membantu ustazah atau ustaz yang mengajar Pendidikan Islam tetapi mereka tidak berbuat demikian. Peserta didapati duduk berehat di ruang dapur prasekolah. Berikut adalah dapatan dari analisis temu bual:

—..kalau ikutkan jadualnya memang saya perlu bantu ustazah tu dalam pengajarannya tapi kesihatan saya ni kalau makan lambat saya akan dapat gastrik. Jadi ada peluang rehat ni saya makan”  
(P1/tdk-u4: 28-32)

—..ha..ha..kalau ikutkan memang macam tu la..tapi bila saya duduk di kelas, saya lihat ustaz tu tak selesa pula nak mengajar..so time tu la saya ambik peluang rehat”  
(P2/tdk-u4: 22-25)

—..sepatutnya memang saya yang tolong ustazah tu..bila saya tanya dia kata tak perlu tolong..dia sendiri boleh *handle*..so saya ambiklah peluang tu rehat..penat tau dari jam 7.30 tadi..ni baru dapat makan”  
(P3/tdk-u4: 25-30)

Kenyataan P1, P2 dan P3 memberi gambaran bahawa terdapat dalam kalangan guru prasekolah tidak membantu ustaz atau ustazah dalam pengajaran Pendidikan Islam. Walaupun arahan membantu itu telah ditetapkan oleh KPM.

Manakala domain menjalankan pentaksiran dalam waktu rehat, dapatan kajian menunjukkan semua peserta tidak melaksanakan pentaksiran dalam waktu rehat kerana peserta juga perlukan rehat seperti guru-guru lain. Sepertimana kenyataan P1 berikut: —.agak-agaklah nak buat pentaksiran waktu tu, kadang-kadang saya nak makan pun tak senang” (P1/tdk-u4: 10-12). Kenyataan tersebut disokong petikan berikut: —.peluang tu yang saya cari nak rehat atau urusan pengurusan yang lain..takkan waktu tu pun nak taksir” (P2/tdk-u4: 9-12). Situasi ini menunjukkan guru prasekolah memerlukan masa rehat sama seperti guru-guru di aliran perdana.

Begitu juga dengan penggunaan masa mata pelajaran Agama Islam, kajian ini mendapati bahawa guru pendidikan Islam tidak selesa mengajar jika peserta menjalankan pentaksiran semasa sesi pengajarannya. Ini dinyatakan seperti berikut: —.saya tidak buat pentaksiran waktu tu... ustazah tu pun tak selesa kalau saya ada...saya ajar lain, ustazah tu ajar lain... camana nak taksir” (P3/tdk-u4: 11-13). Sama seperti P1, P2 dan P3, P4 juga turut memberi respons yang hampir sama: —.takkan saya nak buat pentaksiran waktu orang lain pulak... patutnya waktu saya lah kan... ada peluang ni saya rehatlah dulu... ngajar budak pra ni penatnya tak sama dengan murid atas tu”(P4/tdk-u4: 22-26). Dapatan ini menunjukkan peserta tidak menjalankan pentaksiran dalam waktu mata pelajaran Pendidikan Islam. Jadi dapatan ini menunjukkan peserta negatif dengan masa dan proses melaksanakan pentaksiran di prasekolah. Rumusnya semua peserta hanya setuju jika pentaksiran mudah perlu diadakan pada peringkat prasekolah dan tidak perlu membuat pentaksiran yang terperinci.

#### 4.6.1.4 Hasil Kerja Murid.

Tugas yang diberi pada murid prasekolah merupakan salah satu alat untuk mengukur dan mengesan kelebihan dan kelemahan murid dalam pembelajaran dari semasa ke semasa. Hasil kerja yang dibuat juga dapat membantu guru mengenal pasti keberkesanan penyampaian pengajaran. Penilaian tugas murid adalah sebagai medium untuk merangsang aktiviti mengikut keperluan dan kemahiran mereka. Oleh itu kajian ini mendapati tugas murid sememangnya dinilai oleh guru dan mereka memiliki pengetahuan tujuan tugas diberikan sepertimana petikan berikut: —. tugas murid yang telah dinilai dan didokumentasi boleh membantu meningkatkan motivasi mereka” (P1/tb-u4:180-181).

Hasil kerja murid ini termasuklah kerja kumpulan dan kerja individu. Kerja kumpulan lebih kepada tugas yang besar, misalnya membuat model bas dari bahan terbuang dan tugas individu pula lebih kepada lembaran kerja murid. Dalam aspek penilaian hasil kerja, kajian ini mendapati semua peserta memberi skor pada tugas murid. Skor yang diberi dalam bentuk markah dan gred. Sepertimana kenyataan P1 berikut: —. penilaian dibuat mengikut objektif yang disasarkan oleh guru. Guru akan memberi skor pada penilaian itu (P1/tb-u4:186-187).

Melalui aspek dokumentasi hasil kerja, kajian ini mendapati hasil kerja murid didokumenkan dalam bentuk portfolio dan di pameran di ruang pameran dalam bilik darjah. Manakala tugas berkumpulan seperti menanam sayuran di pamerkan di luar bilik darjah. Sepertimana kenyataan berikut oleh peserta 2: —. dokumentasi tugas projek berkumpulan, pameran di bilik darjah adalah seperti lembaran kerja berkumpulan atau individu. Semua tugas itu dinilai terlebih dahulu dan penilaian mengikut objektif pengajaran (P2/tb-u4: 159-163).

Walau bagaimanapun kajian ini mendapati pendokumentasian hasil kerja murid adalah mengikut kriteria dalam bentuk tugas yang diberi oleh guru. Sepertimana

kenyataan berikut: –Tugasan tersebut didokumenkan mengikut kriteria. Kriteria yang dimaksudkan seperti kerja kumpulan dan kerja individu. Tugas tersebut dinilai terlebih dahulu. Bentuk penilaian pula lebih menggunakan simbol ataupun huruf. Setelah dinilai tugas di masukkan ke dalam fail murid dan hasil kerja tersebut dikategorikan sebagai pentaksiran portfolio (P3/tb-u4: 149-155). Kenyataan P1, P2 dan P3 menunjukkan pentaksiran portfolio popular dalam kalangan guru prasekolah.

Berkaitan kepentingan pendokumentasian pula, analisis data temu bual menunjukkan bahawa semua peserta bertanggungjawab memaklumkan kepada ibu bapa mengenai tahap pencapaian anak mereka. Pencapaian itu termasuklah perkembangan menyeluruh murid dan kemahiran asas. Sepertimana dipersetujui oleh peserta 1 dan 2: –Pendokumentasian tugas bertujuan untuk menjelaskan kepada ibu bapa berkenaan tahap pencapaian anak mereka (P1/tb-u4: 196-198). Kenyataan tersebut disokong petikan berikut: –.tujuan pendokumentasian tugas adalah penting untuk guru melihat tahap penguasaan murid, peningkatan penguasaan secara berperingkat” (P2/tb-u4: 177-185). Ini membuktikan pendokumentasian tugas membantu guru memberi motivasi kepada murid untuk meningkatkan prestasi mereka.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru prasekolah perlu menerangkan kepada guru tahun satu berkenaan tahap penguasaan murid mereka apabila mereka melangkah ke tahun satu, sepertimana kenyataan berikut: –.pendokumentasian tugas adalah penting untuk memberi gambaran awal kepada guru tahun satu berkenaan penguasaan dan tahap pencapaian murid prasekolah sebelum ke aliran formal” (P4/tb-u4: 173-175).

Berkaitan tugas mendokumentasikan hasil kerja, dapatan kajian ini menunjukkan tugas mendokumentasikan tugas murid dilakukan oleh pembantu pengurusan murid (PPM). PPM memasukkan hasil kerja dalam fail individu murid. Di prasekolah P1, menggunakan cop bintang untuk memberi penilaian tugas murid. Fail

di susun mengikut abjad. Guru menilai tugas terlebih dahulu. Manakala untuk tugas projek atau berkumpulan, guru menilai dan memilih tugas yang baik dan di pameran di ruang pameran tugas. Tugas yang dipamer sentiasa bertukar setiap minggu sepertimana kenyataan P4 berikut: —..kalau tugas tu tak tukar, lama-lama jemu juga mata murid ni pandang, saya pun jemu” (P4/tb-u4: 201-202). Ini membuktikan pameran hasil kerja murid sentiasa terkini di prasekolah.

Bagi elemen kemaskini tugas, dapatan kajian ini menunjukkan tiga daripada empat prasekolah didapati mengemaskini tugas murid pada setiap hari jumaat dengan memasukkan tugas tersebut ke dalam fail individu. Tugas tersebut juga dinilai dan dicop terlebih dahulu. PPM ditugas memasukkan tugas itu ke dalam fail murid. Sepertimana kenyataan P3 berikut: —..setiap tugas yang telah saya nilai, diambil tindakan oleh PPM” (P3/tb-u4: 166-168). Begitu juga dengan tugas berkumpulan, guru menilai dengan memberi gred dan PPM mempamerkan hasil kerja tersebut di ruangan pameran tugas. Tugas yang dipamerkan untuk tempoh dua hingga tiga minggu. Sepertimana kenyataan P2 berikut: —..mana tugas yang susah atau yang lambat disiapkan akan dipamer dalam 2-3 minggu juga. Mana yang siap tak sampai sejak tu dipamer dalam 3-4 hari sahaja” (P2/tb-u3: 193-196). Namun semua itu bergantung pada projek yang dijalankan. Tugas kumpulan dijalankan sehari dalam masa seminggu.

Walaupun bagaimanapun kajian ini mendapati hasil pendokumentasian tersebut dikumpul dan diberi semula kepada murid pada akhir semester. Iaitu dalam bulan Jun dan bulan November setiap tahun. Banyak hasil tugas murid difailkan. Pengkaji juga berpendapat adalah wajar hasil tugas itu diberi kepada murid pada setiap hujung semester persekolahan kerana ruang penyimpanan adalah terhad di setiap prasekolah. Oleh itu secara keseluruhannya kajian mendapati semua peserta memiliki pengetahuan mengurus hasil kerja murid dengan baik.

#### 4.6.2 Pelaporan.

Berkaitan dengan pelaporan pentaksiran, dapatan kajian ini menunjukkan setiap peserta menyediakan laporan pentaksiran. Penyediaan pelaporan adalah berbentuk deskriptif untuk setiap tunjang pembelajaran dan setiap pelaporan itu ditandatangani oleh guru prasekolah sepertimana petikan berikut: —.saya sediakan laporan pentaksiran tu dua kali setahun iaitu dalam bulan Mei dan bulan November. Setelah saya sign (tanda tangan) saya serahkan kepada guru besar untuk pengesahan” (P2/tb-u4: 320-322).

Kenyataan P2 disokong oleh kenyataan P3 dan P4 yang mengatakan palaporan yang telah ditandatangani dihantar untuk pengesahan oleh pihak pentadbir. Sepertimana petikan berikut: —.saya memang buat laporan ringkas yang merangkumi semua tunjang. Setelah saya sign, saya hantar ke pejabat untuk disahkan oleh guru besar atau guru penolong kanan kurikulum” (P3/tb-u4: 235-237). Manakala kenyataan P4: —.saya buat laporan dua kali setahun iaitu bulan Mei dan bulan November, tapi ringkas saja la. Setelah siap saya tandatangan, saya akan hantar untuk pengesahan kepada guru besar” (P4/tb-u4: 233-235). Situasi ini memberi gambaran bahawa palaporan pentaksiran sememangnya perlu disediakan oleh setiap peserta sekurang-kurangnya dua kali setahun.

Namun begitu seorang peserta menyediakan laporan pentaksiran dengan menyediakan catatan ringkas yang merangkumi semua tunjang pembelajaran dan pelaporan itu hanya ditandatangani oleh guru prasekolah tanpa pengesahan dari guru besar. Ini dibuktikan melalui kenyataan berikut: —.saya buat catatan ringkas dengan menggunakan format yang saya buat sendiri. Pelaporan itu saya akan tandatangan dalam perjumpaan waris” (P1/tb-u4: 292-295). Keadaan ini membuktikan masih terdapat dalam kalangan guru prasekolah yang menyediakan laporan pentaksiran sekali untuk tempoh satu tahun. Ini juga membuktikan pentaksiran masih berlaku di prasekolah

walaupun tidak mengikut standard yang ditetapkan oleh KPM. Perbandingan respons Peserta terhadap pelaksanaan pentaksiran seperti di Jadual 4.5

Universiti Malaya



Jadual 4.5

*Perbandingan Respons Peserta dengan Pelaksanaan Pentaksiran*

Sub Tema	P1	P2	P3	P4
<p>Kaedah Pentaksiran</p>	<p style="text-align: center;"><b>Pemerhatian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tidak menjalankan pemerhatian secara khusus</li> <li>- Pemerhatian secara kelas</li> <li>- Tidak melaporkan pemerhatian yang dijalankan</li> </ul> <p style="text-align: center;"><b>Hasil kerja</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menggunakan hasil kerja murid sebagai alat pentaksiran</li> <li>- Menilai hasil kerja murid seminggu sekali</li> <li>- Memberi tugas bertulis setiap hari</li> <li>- Memasukkan semua hasil kerja murid dalam fail portolio</li> </ul>	<p style="text-align: center;"><b>Pemerhatian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menjalankan pemerhatian secara khusus 2 kali sebulan</li> <li>- Menjalankan pemerhatian dalam bentuk kumpulan</li> <li>- Melaporkan pemerhatian setelah tamat sesuatu aktiviti</li> </ul> <p style="text-align: center;"><b>Hasil kerja</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menggunakan hasil kerja murid sebagai salah satu alat pentaksiran</li> <li>- Menilai hasil kerja murid setelah siap</li> <li>- Memberi tugas individu setiap hari</li> <li>- Memberi tugas berkumpulan seminggu sekali</li> <li>- Memasukkan hasil kerja yang berkualiti ke dalam fail portfolio</li> </ul>	<p style="text-align: center;"><b>Pemerhatian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tidak menjalankan pemerhatian secara khusus</li> <li>- Pemerhatian secara kelas 2 kali setahun</li> <li>- Melaporkan hasil pemerhatian secara naratif</li> </ul> <p style="text-align: center;"><b>Hasil kerja</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menggunakan hasil kerja murid sebagai alat pentaksiran</li> <li>- Menilai hasil kerja murid setiap sekali</li> <li>- Memberi tugas bertulis secara individu setiap hari</li> <li>- Memasukkan semua hasil kerja murid dalam fail portolio</li> </ul>	<p style="text-align: center;"><b>Pemerhatian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tidak menjalankan pemerhatian</li> <li>- Pemerhatian secara kelas</li> <li>- Tiada laporan pemerhatian</li> </ul> <p style="text-align: center;"><b>Hasil kerja</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menggunakan hasil kerja murid sebagai alat pentaksiran</li> <li>- Menilai hasil kerja murid setiap hari</li> <li>- Memberi tugas bertulis setiap hari</li> <li>- Memilih hasil kerja berkualiti dan masukan ke dalam fail portolio</li> </ul>

<p>Rekod Pentaksiran</p>	<p><b>Senarai semak</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memperbanyakkan item senarai semak yang dibekalkan JPN</li> <li>- Tidak melaksanakan pentaksiran menggunakan senarai semak</li> <li>- Menyediakan fail pentaksiran murid</li> <li>- Menyediakan rekod pentaksiran</li> <li>- Fail pentaksiran dilabelkan</li> </ul> <p><b>Rekod anekdot</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tidak menggunakan rekod anekdot dalam pentaksiran</li> <li>- Tidak tahu menggunakan rekod anekdot</li> </ul> <p><b>Portfolio</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Banyak menggunakan portfolio</li> <li>- hasil kerja murid sebagai alat pentaksiran</li> <li>- Memberi tugas kepada murid setiap hari</li> <li>- Tidak menilai hasil kerja murid setiap hari</li> <li>- Menilai hasil kerja peribadi murid dijadikan portfolio</li> </ul>	<p><b>Senarai semak</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyediakan item senarai semak berdasarkan senarai sermak yang dibekalkan JPN</li> <li>- Melaksanakan pentaksiran menggunakan senarai semak sekali untuk satu semester</li> <li>- Menyediakan fail pentaksiran murid</li> <li>- Menyediakan rekod pentaksiran</li> <li>- Fail pentaksiran dilabelkan</li> </ul> <p><b>Rekod anekdot</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menggunakan rekod anekdot untuk murid istimewa sahaja</li> <li>- Kurang mahir menggunakan rekod anekdot</li> </ul> <p><b>Portfolio</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menggunakan portfolio sebagai alat pentaksiran</li> <li>- hasil kerja murid yang berkualiti difailkan</li> <li>- Memberi tugas kepada murid setiap hari</li> <li>- Menilai hasil kerja murid setiap hari</li> <li>- Menilai hasil kerja peribadi murid dijadikan portfolio</li> </ul>	<p><b>Senarai semak</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyediakan item senarai semak berdasarkan senarai sermak yang dibekalkan JPN</li> <li>- Melaksanakan pentaksiran menggunakan senarai semak sekali untuk satu semester</li> <li>- Menyediakan fail pentaksiran murid</li> <li>- Menyediakan rekod pentaksiran</li> <li>- Fail pentaksiran dilabelkan</li> </ul> <p><b>Rekod anekdot</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tidak menggunakan rekod anekdot dalam pentaksiran</li> <li>- Tidak tahu menggunakan rekod anekdot</li> </ul> <p><b>Portfolio</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Banyak menggunakan portfolio</li> <li>- hasil kerja murid sebagai alat pentaksiran</li> <li>- Memberi tugas kepada murid setiap hari</li> <li>- Hasil kerja murid dinilai setiap hari</li> <li>- Menilai hasil kerja peribadi murid yang baik dijadikan portfolio</li> </ul>	<p><b>Senarai semak</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyediakan item senarai semak berdasarkan senarai sermak yang dibekalkan JPN</li> <li>- Melaksanakan pentaksiran menggunakan senarai semak sekali untuk satu semester</li> <li>- Menyediakan fail pentaksiran murid</li> <li>- Menyediakan rekod pentaksiran</li> <li>- Fail pentaksiran dilabelkan</li> </ul> <p><b>Rekod anekdot</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tidak menggunakan rekod anekdot dalam pentaksiran</li> <li>- Tidak tahu menggunakan rekod anekdot</li> </ul> <p><b>Portfolio</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Banyak menggunakan portfolio</li> <li>- hasil kerja murid sebagai alat pentaksiran</li> <li>- Memberi tugas kepada murid setiap hari</li> <li>- Menilai hasil kerja murid setiap hari</li> <li>- Menilai hasil kerja peribadi murid dijadikan portfolio</li> </ul>
<p>Pelaporan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyediakan laporan dalam bentuk ulasan ringkas</li> <li>- Laporan di tandatangani guru</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyediakan laporan deskriptif untuk setiap perkembangan murid yang dipecahkan kepada bahagian fizikal, bahasa, kognitif, emosi dan nilai</li> <li>- Laporan ditandatangani guru dan pentadbir</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyediakan pelaporan keseluruhan perkembangan secara ringkas</li> <li>- Laporan ditandatangani guru dan pentadbir</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyediakan pelaporan dalam bentuk ulasan yang merangkumi keseluruhan perkembangan.</li> <li>- Pelaporan ditandatangani guru dan pentadbir</li> </ul>

#### **4.6.3 Kesimpulan**

Rumusan keseluruhan kajian ini mendapati bahawa tiga daripada empat peserta memiliki pengetahuan dan kefahaman pengurusan pengajaran yang menyeluruh di bilik darjah, ini dapat ditunjukkan melalui respons temu bual dan pemerhatian pengurusan pengajaran yang dilakukan ke atas peserta. Kajian turut mendapati semua peserta melaksanakan pengurusan pengajaran berpandukan buku pengurusan prasekolah yang dikeluarkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta pengetahuan asas yang dimiliki oleh peserta mengenai tadbir urus pengurusan pengajaran di prasekolah.

Universiti Malaysia

## Deskripsi Dapatan Pengurusan Pengajaran

Bahagian ini adalah rumusan keseluruhan dapatan kajian mengenai pengurusan pengajaran peserta, dengan merujuk kepada soalan kajian kedua (SK2). Secara keseluruhannya, semua peserta melaksanakan pengurusan pengajaran di prasekolah. Namun mereka masih menggunakan pendekatan pengajaran berpusatkan guru. Peserta juga tahu pendekatan yang sesuai untuk murid prasekolah tapi mereka tidak melaksanakan pendekatan itu dalam pengajaran di bilik darjah. Kajian juga mendapati pendekatan berpusatkan murid tidak diaplikasikan oleh peserta. Seorang daripada 4 peserta ada menggunakan pendekatan belajar melalui bermain.

- a) Kajian mendapati peserta memiliki pengetahuan tentang tunjang yang terkandung dalam KSPK tetapi mereka tiada pengetahuan mengintegrasikan tunjang dalam pengajaran. Tumpuan Peserta lebih kepada penguasaan kemahiran asas. Modul bertema tidak diikuti sepenuhnya. Lantaran itu perancangan pengajaran peserta lebih terarah kepada 4M.
- b) Kajian turut mendapati peserta lebih banyak menggunakan pendekatan berpusatkan guru berbanding berpusatkan murid. Murid tidak berpeluang meneroka dan mereka belajar seperti kelas di arus perdana. Penggunaan buku latihan dan buku tulis juga didapati digunakan secara berterusan
- c) Kajian ini juga mendapati peserta memiliki kefahaman mengintegrasikan ICT dalam bilik darjah tetapi mereka tiada kemahiran menggunakan alatan tersebut dalam pengajaran.
- d) Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa, semua peserta mempunyai pengetahuan dan kefahaman pentaksiran di prasekolah. Semua peserta juga memiliki pengetahuan tentang hal-hal tadbir urus pentaksiran. Tadbir urus utama yang mereka rekod pentaksiran murid.

- e) Peserta memiliki pengetahuan melaksanakan pentaksiran di prasekolah. Namun ada diantara mereka belum mahir mentaksir. Kajian juga mendapati peserta cenderung menggunakan senarai semak sebagai alat pentaksiran dan menggunakan pentaksiran portfolio iaitu menggunakan lembaran kerja.
- f) Dapatan keseluruhan kajian mendapati peserta memiliki pengetahuan tujuan melaksanakan pentaksiran di prasekolah. Peserta juga berpendapat melalui pentaksiran, mereka dapat menilai hasil pengajaran dan memantau pencapaian murid.
- g) Secara dasarnya Peserta menggunakan rekod pentaksiran yang dibekalkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri. Terdapat juga peserta menggunakan pentaksiran portfolio untuk menyokong pentaksiran senarai semak.
- h) Peserta menyediakan Rancangan Pengajaran Harian di komputer. Berdasarkan arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri. Cetakkan Rancangan Pengajaran di buat setiap hari kecuali seorang peserta mencetak Rancangan Pengajaran untuk satu semester. Semua Rancangan Pengajaran di tandatangi oleh pihak pentadbir.
- i) Keseluruhannya, peserta memiliki pengetahuan kepentingan bahan bantu mengajar dalam pengajaran di prasekolah. Bahan bantu yang disediakan juga mengikut tema. Namun begitu seorang peserta sering menggunakan bahan bantu yang berulang-ulang. Terdapat juga bahan bantu yang dibeli oleh pihak pentadbir melebihi standard murid prasekolah. Jadi berlaku pembaziran dan penggunaan perkapita alatan prasekolah.
- j) Dapatan kajian juga mendapati tiga peserta belum menguasai kemahiran menggunakan ICT sebagai bahan bantu.

- k) Rumusan keseluruhan mengenai pengurusan pengajaran, peserta di dapati memiliki pengetahuan tersebut. Namun seorang daripada mereka masih belum menguasai pengurusan pengajaran yang baik.

#### **4.7 Tugas Sampingan dalam Pengurusan Pengoperasian dan Pengajaran**

Definisi tugas sampingan dalam konteks kajian ini ialah tugas yang perlu dilaksanakan oleh guru prasekolah selain dari tugas hakiki mengurus dan mentadbir pengajaran di bilik darjah. Tugas sampingan dalam konteks kajian ini merangkumi i) tugas *ad hoc*, ii) tugas bukan rutin dan iii) PPD, JPN dan KPM. Tugas sampingan adalah tugas yang diberi selain dari tugas hakiki dan dilakukan mengikut arahan ketua jabatan. Lantaran itu tugas sampingan ini ialah tugas-tugas yang wajib dilakukan oleh guru prasekolah selain dari mengajar di bilik darjah prasekolah. Tema pengurusan sekolah muncul daripada analisa data kajian ini. Tema ini mampu menjawab soalan kajian yang ke 3.

Temu bual berstruktur dan separa berstruktur diguna untuk menjawab soalan kajian ini. Tema yang wujud di petik hasil dari soalan temu bual berstruktur. Manakala, temu bual separa struktur diguna untuk mendapatkan penjelasan berkenaan jawapan daripada soalan berstruktur yang diberikan oleh peserta. Dapatan kajian diperoleh melalui temu bual utama, pemerhatian dan analisis dokumen. Berikut adalah analisis dapatan tentang tugas sampingan dalam pengurusan pengajaran guru prasekolah.

##### **4.7.1 Tugas *ad hoc***

Tugasan *ad hoc* dalam konteks kajian ini meliputi i) arahan pengurusan, ii) melaksanakan tugas dan iii) guru relief. PPM. Tugas *ad hoc* adalah tugas atau perkara yang dilakukan tanpa adanya perancangan awal. Kajian ini mendapati tugas *ad hoc* yang diberi oleh pentadbir banyak mengganggu tugas hakiki di prasekolah. Berkaitan tugas *ad hoc*, kajian ini mendapati bahawa tugas yang selalu diterima adalah

menggantikan guru lain menghadiri kursus atau mesyuarat yang dianjurkan oleh PPD, JPN atau KPM. Sepertimana kenyataan P4 berikut: "...saya kerap menggantikan guru lain ke mesyuarat luar. Mesyuarat mula pukul 2, pukul 11 baru pejabat bagitahu. Kalau mesyuarat tu di PPD tak apalah juga...ni ke JPN, 2 jam dari sekolah ni" (4/tb-u4: 302-304). Ini menunjukkan guru prasekolah perlu menyediakan tugas untuk murid. Sekiranya tiada tugas yang disediakan, PPM akan sukar untuk mengawal bilik darjah.

#### **4.7.1.1 Arahan Pengurusan.**

Tugas sampingan dalam pengurusan sekolah yang terpaksa dilaksanakan oleh Peserta banyak mengganggu tugas mereka di bilik darjah. Walaupun tugas tersebut seharusnya dibuat oleh pihak pejabat seperti: "...begini juga dengan hari sukan sekolah..surat menyurat waris pun saya yang sediakan"(P1/tb-u3: 135-136). Analisis data temu bual mendapati segala surat menyurat yang difailkan menggunakan *letterhead* sekolah. Sepertimana kenyataan P1 berikut: "...saya sediakan..saya yang rangka..serahkan kepada pembantu, pembantu yang taip dan print atas *letterhead* sekolah dan ditandatangani oleh pentadbir" (P1/tb-u3: 143-145). Ini memberi gambaran bahawa segala tugas yang berkaitan dengan prasekolah perlu di selesaikan dari mula hingga ke akhirnya oleh warga prasekolah sendiri.

Masalah pembantu tidak hadir bertugas turut menjadikan tugas mengajar di prasekolah tidak seronok. Tidak seronok yang dimaksudkan ialah apabila tugas-tugas pembantu itu turut perlu dilaksanakan oleh guru prasekolah. Seperti menyediakan sarapan dan minum pagi murid, mengemaskan ruang masak dan ruang makan. Sepertimana kenyataan P2 berikut: "...kes pembantu tidak datang bertugas, sakit misalnya, saya juga yang perlu ambil alih kerja dia...saya perlu masak, mengemas, mengajar.. nak tak nak kena buat juga" (P2/tb-u3: 118-127). Petikan ini memberi gambaran guru prasekolah tertekan membuat kerja selain dari *duty* mereka di bilik

darjah. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa setiap tugas yang ada di prasekolah, perlu diselesaikan oleh warga prasekolah dan tiada bantuan dari pihak lain.

Manakala dari aspek pemilihan murid prasekolah, analisis temu bual menunjukkan tanggungjawab penuh diberi kepada guru prasekolah untuk pemilihan tersebut. Sepertimana kenyataan P2 berikut: —.permohonan dihantar ke pejabat tapi pemilihan saya yang kena buat. Bila saya dah pilih, HEM pun setuju...dan menurunkan tandatangan, barulah surat tawaran diproses oleh kerani” (P2/tb-u4: 323-326). Ini membuktikan guru prasekolah yang perlu menyemak dan memikirkan golongan murid sepertimana yang layak diterima ke prasekolah dan bukannya lakukan pihak pentadbir.

Permohonan kemasukan ke prasekolah di terima oleh pihak pejabat. Pembantu tadbir akan menapis borang permohonan kemasukan murid. Namun pemilihan kemasukan murid dilakukan oleh peserta dan penolong kanan HEM. Manakala urusan memaklumkan permohonan berjaya atau sebaliknya disediakan oleh pembantu tadbir dan ditandatangani oleh guru besar.

Berkenaan tugas diluar sekolah, dapatan kajian menunjukkan peserta tetap memberi kerjasama seperti mengiringi murid ke temasya sukan dan perkhemahan. Walaupun begitu sebarang aktiviti yang dijalankan pada sesi pagi tetap mengganggu pengajaran peserta. Sepertimana yang dinyatakan oleh peserta berikut: —.kalau sukan diadakan disebelah pagi, murid saya akan tinggal dengan pembantu” (P3/tb-u3: 121-122). Tambah P3: —.sapatutnya ada guru tahun satu yang perlu *relief* (ganti) kelas saya tapi mereka tak masuk..jadi murid saya tak belajar apa-apa la pada hari itu kecuali pembantu saya edarkan lembaran kerja” (P3/tb-u3: 126-128). Kenyataan berikut: —.saya memang buat stok lembaran kerja ni..manalah tahu kadang-kadang ada kerja ad hoc” (P3/tb-u3: 132-133). Ini menunjukkan lembaran kerja yang disediakan tidak mengikut tema.



Dari aspek lembaran kerja, analisis temu bual mendapati terdapat lembaran kerja telah siap dan disusun di rak. Lembaran kerja terdiri dari.. pelbagai tema yang digunakan untuk tempoh setahun pengajaran, sepertimana kenyataan P4 berikut: ---.setiap tema yang digunakan tu saya memang sediakan lembaran kerja, saya memang buat extra” (P4/tb-u3: 190-192). Dari penganalisan dokumen, kajian ini mendapati lembaran kerja yang disediakan oleh murid tidak dinilai oleh guru. Apabila ditanya kepada peserta, respons P4: ---.saya hanya akan nilai lembaran kerja yang saya beri sahaja sebab ada perkaitannya dengan apa yang saya ajar” (P4/tb-u3: 167-168). Menurutny lagi: ---.lembaran yang diedarkan pembantu tu adalah untuk peneguhan saja” (P4/tb-u3: 170).

Mengenai tindakan menangani tugas-tugas sampingan, dapatan kajian menunjukkan peserta terpaksa menerima dengan hati terbuka. Sekiranya terlalu memikirkan beban tugas yang sedang dialami pasti akan mengundang tekanan. P1 turut mengadakan perbincangan dengan pihak pengurusan agar segala tugas sampingan yang dilaksanakan adalah dalam pengetahuan mereka (P1/tb-u3:145-148).

Menurut P2 pula, setiap permasalahan yang berlaku di prasekolah akan dibawa dalam pengetahuan pihak pengurusan. Pihak pengurusan turut dimaklumkan supaya tidak mendatangkan masalah di kemudian hari. Beliau turut mengadakan mesyuarat panitia prasekolah untuk membincangkan cara-cara meminimakan gangguan dalam tugas pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Tambahnya lagi, beliau tidak terlalu memikirkan tugas-tugas yang datang kerana tugas tersebut dilakukan mengikut kemampuan diri (P2/tb-u3: 134-141).

Manakala respons P3 pula, beliau tidak begitu mengambil berat dengan tugas-tugas sampingan yang datang di prasekolah. Hanya mendahulukan tugas yang lebih penting. Memandangkan kesihatan peserta juga kurang memuaskan, tindakan tersebut diambil untuk mengurangkan tekanan. Menurutny lagi, jika terlalu memikirkan beban

kerja tersebut, sudah pasti murid akan terabai dan pengajaran dan pembelajaran tidak akan berlaku (P3/tb-u3: 140-146).

P4 pula mengatakan, tugas sampingan yang datang di terima secara berlapang dada. Tidak terlalu memikirkan beban kerja kerana tidak mahu mengganggu kesihatan. Namun begitu beliau tetap mendahulukan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Beliau turut mengadakan perbincangan bersama panitia berkenaan isu atau masalah yang timbul di prasekolah (P4/tb-u3:150-155)

Berdasarkan respons diatas, menunjukkan peserta tidak berupaya menolak tugas yang diberi oleh pihak pentadbir. Setiap arahan yang diberi dilaksanakan dengan sebaik mungkin walaupun itu bukan tugas mereka. Mereka tetap menerima tugas yang diberi. Sepertimana kenyataan berikut:

—..seperti menguruskan karnival prasekolah peringkat daerah..sekolah saya jadi tuan rumah. Jadi saya lah yang menjadi tonggakunya tapi dibantu oleh guru-guru lain juga. Automatiklah PPD lantik saya sebagai setiausaha karnival ...jadi segala surat menyurat saya lah yang uruskan..mengadakan mesyuarat..dan segalanya lah yang berkaitan dengan karnival tu”

(P1/tb-u3: 125-130)

—..macam satu kes murid saya ni..tak datang ke sekolah hampir 3 minggu..saya perlu telefon waris bertanya keadaan murid, kenapa tak datang ke sekolah..ada kalanya saya perlu ke rumah murid untuk mengetahui lebih lanjut kenapa lama tidak hadir ke sekolah..PPD tak mahu ada murid yang tercicir..kerja-kerja yang macam ni lah yang kadang-kadang mengganggu pengajaran saya di bilik darjah”

(P2/tb-u3: 118-124)

—..macam iklan kemasukan murid prasekolah pada tahun hadapan..sepatutnya kerja-kerja pengiklanan itu diuruskan oleh pihak pengurusan kan..tapi saya di arahkan untuk mengambil kerja pengiklanan tu..saya perlu tempah banner, gantung banner di pagar sekolah, tampal iklan di masjid, hantar flyers pun saya”

(P3/tb-u3: 121-124)

Melalui analisis dokumen, kajian ini mendapati semua jawatan yang disandang oleh peserta adalah mengikut surat lantikan yang dikeluarkan oleh pihak pentadbir, PPD dan JPN. Tugas dalam dan aktiviti luar sekolah dikeluarkan oleh pentadbir. Manakala tugas luar sekolah dikeluarkan oleh PPD dan JPN.

Berkaitan tugas bukan prasekolah, analisis temu bual mendapati peserta menerima banyak tugas yang tidak berkaitan dengan prasekolah. Sepertimana kenyataan P1 berikut: “...memang banyak kerja lain yang perlu saya buat, yang tak ada kena mengena langsung dengan prasekolah” (P1/tb-u2: 130-131). Kajian mendapati peserta berpeluang memberi alasan tetapi peserta tidak berani menolak tugas. Sebagaimana petikan berikut: “...saya di lantik sebagai setiausaha PIBG..saya dah cuba tolak tapi tidak dibenarkan oleh pentadbir..alasan mereka ikut suara ramai” (P1/tb-u2: 134-136) dan “...bila nak buat mesyuarat agong, ...macam-macam nak kena buat..tahun depan memang saya nekad lepaskan jawatan tu..masuk ni dah dua kali saya pegang jawatan setiausaha ni” (P1/tb-u4: 139-141).

Walaupun KPM telah mengeluarkan memo agar guru prasekolah tidak diberi tugas-tugas penting di sekolah, namun kajian ini mendapati situasi itu masih berlaku sepertimana kenyataan P2 berikut: “...kalau ikutkan memo yang KPM keluarkan tu, guru prasekolah tidak digalakkan memegang jawatan penting dalam pengurusan sekolah, tapi siapa saya nak melawan pentadbir” (P2/tb-u2:128-132) dan “...saya diberi tugas Penolong Ketua Unit Jawatankuasa Sarana Sekolah dan ada kalanya saya perlu meninggalkan bilik darjah untuk menghadiri mesyuarat”(P2/tb-u2:136-138).

Kajian ini mendapati pihak pengurusan yang tidak membenarkan peserta menolak atau meletak jawatan yang diberi oleh pentadbir. Sepertimana petikan berikut: “...saya pun tak tahu kenapa ada orang tertentu mensasarkan guru prasekolah dengan jawatan-jawatan penting kat sekolah ni” (P3/tb-u2: 130-132). Walau bagaimanapun dari aspek bakat dan kelebihan diri, analisis temu bual mendapati pihak pentadbir mengambil kira kelebihan yang dimiliki oleh peserta sebelum memberi sesuatu tanggungjawab. Seperti mana petikan berikut: “...saya pemain bola jaring negeri, saya memang aktif. Sekarang pun saya menjadi jurulatih pasukan bola jaring daerah..aktiviti luar seperti perkhemahan juga memang saya minat..selalu juga join rakan-rakan guru di daerah ni berkhemah di

hutan-hutan lipur di Malaysia” (P3/tdk-u3: 110-115). Ini menunjukkan peserta adalah seorang yang aktif dan pentadbir mengambil kira kelebihan yang dimiliki peserta sebelum mengagihkan tugas.

Kajian ini juga mendapati pentadbir melihat pengalaman peserta. Kecekapan menjalankan tugas dan sikap positif yang dimiliki peserta turut menjadi perhatian pihak pentadbir, seperti: “...semasa di sekolah lama dulu saya mengajar di aliran perdana. Di sana saya memegang jawatan guru buku teks” (P4/tb-u2: 133-135) dan “...sampai sini saya diarahkan mengajar prasekolah, tapi pentadbir suruh juga saya urus buku teks, saya pegang buku teks dah lebih 10 tahun di sini” (P4/tb-u2: 140-143). Menurutnya lagi: “...walhal pekeliling dah keluar beritahu bahawa guru prasekolah jangan dibebankan dengan kerja-kerja pengurusan sekolah tapi siapa saya nak melawan pentadbir” (P4/tb-u2: 147-150). Situasi ini memberi gambaran bahawa guru prasekolah tertekan dengan tugas yang melibatkan murid selain dari prasekolah. Keadaan ini juga menunjukkan pihak pentadbir tidak mengambil inisiatif untuk melatih pelapis untuk satu-satu jawatan itu.

Manakala dari aspek motivasi kerja, analisis temu bual menunjukkan bahawa peserta kurang bermotivasi dalam menjalankan tugas hakiki mereka kerana perlu melaksanakan tugas sampingan yang diberi. Kegagalan menyempurnakan tugas boleh mengundang masalah dalam kerjaya. Seperti kenyataan berikut: “...kegagalan menyempurnakan tugasan mengikut tempoh yang ditetapkan akan menimbulkan masalah kepada guru-guru lain dan pentadbir. Kegagalan tersebut bukan saja menyusahkan orang lain malah boleh menimbulkan masalah hubungan sosial sesama rakan setugas (P1/tb-u3: 192-195).

Berhubung sikap terhadap tugas pula, kajian ini mendapati peserta tidak mempamerkan kelemahan diri sebagai guru. Oleh itu setiap tanggungjawab yang diberi oleh pentadbir diselesaikan dengan sempurna agar tidak mewujudkan hubungan tidak

sihat dalam kalangan rakan sejawat. Sepertimana kenyataan P2 berikut: —.jadi jika tidak memberi kerjasama boleh mengundang hubungan tidak sihat dalam kalangan guru. Malah boleh memburukkan lagi keadaan apabila prasekolah memerlukan bantuan mereka (P2/tb-u3: 279-285).

Manakala dari aspek melaksanakan tugas, dapatan kajian menunjukkan peserta tetap melaksanakan tugas sampingan yang diberi oleh pentadbir walaupun sukar bagi mereka melaksanakannya. Malah peserta berpendapat, sebagai guru mereka harus melaksanakan tugas yang diberi oleh ketua. Secara tidak langsung hubungan dengan pentadbir sekolah bertambah erat. Menurutny lagi, seperti kenyataan berikut: —.hubungan yang erat dengan pentadbir memudahkan sebarang urusan berkaitan dengan prasekolah” (P3/tb-u3: 140-150). Kenyataan P2 dan P3 menunjukkan guru prasekolah tetap melaksanakan tugas sampingan yang diarahkan oleh pentadbir walaupun tugas utama mereka adalah di bilik darjah.

Melalui analisis dokumen, kajian ini mendapati setiap peserta menerima senaskah buku tugas untuk tahun semasa. Buku tersebut yang disediakan oleh pihak pentadbir. Antaranya Pengurusan Kurikulum, Pengurusan HEM dan Pengurusan Ko-kurikulum. Didalamnya tersenarai jawatan yang disandang oleh peserta. Walaubagaimana pun tugas sampingan tersebut menjejaskan perhatian peserta di bilik darjah, sepertimana kenyataan berikut: —.tapi kalau tugas itu menuntut masa sebelum murid pulang, memang sangat mengganggu konsentrasi saya..bila ada mesyuarat, masa sekurang-kurangnya 45 minit akan diambil, murid tinggal di bilik darjah dengan diawasi pembantu..pembantu kawal dengan bagi tugas dalam lembaran kerja ataupun menonton televisyen je la..dia tak boleh mengajar..itu memang termaktub dalam terma perjawatan pembantu pengurusan murid” (P1/tb-u3: 215-222). Situasi ini membuktikan tugas guru prasekolah di bilik darjah tidak boleh diambil alih oleh PPM.

Berkaitan gangguan tugas hakiki, analisis temu bual mendapati tugas sampingan sedikit sebanyak mengganggu tugas hakiki guru prasekolah. Perhatian tidak dapat diberi dalam bilik darjah kerana guru memikirkan tindakan yang perlu diambil untuk tugas sampingan yang perlu disiapkan. Ada ketikanya mereka tidak berjumpa murid kerana menyiapkan tugas sampingan itu, seperti: “...ada kalanya sehari tak jumpa murid...harapkan pembantu saja la yang uruskan mereka” (P2/tb-u3: 300-301).

Pihak KPM sering menganjurkan aktiviti prasekolah hingga ke peringkat kebangsaan. Tujuannya adalah untuk mencungkil dan mengenegahkan bakat murid. Aktiviti anjuran KPM adalah seperti karnival sukan. Peserta juga bertanggungjawab untuk melatih dan membawa murid ke karnival prasekolah. Karnival tersebut diadakan dalam tiga peringkat iaitu untuk peringkat daerah, negeri dan kebangsaan. Untuk menyertai karnival tersebut murid perlu dilatih setiap hari. Manakala pemilihan murid pula hanyalah segelintir sahaja yang terlibat. Analisis temu bual mendapati peserta meninggalkan murid yang tidak terlibat di bilik darjah, seperti petikan berikut: “...latihan sukan atau kebudayaan untuk karnival prasekolah..memang tinggallah murid...ye la latihan untuk murid prasekolah tak boleh di buat pada sebelah petang..aktiviti padang pula tak boleh lewat dari jam 10 pagi..cuaca dah mula panas” (P2/tb-u3: 305-310). Lantaran itu peserta tidak dapat memberi tumpuan dalam bilik darjah. Seperti: “...perkara macam ni yang buat saya jadi hilang fokus di prasekolah” (P2/tb-u3: 315).

“...karnival sukan prasekolah di adakan pada bulan Oktober..murid perlu di latih dari bulan Febuari..latihan mula jam 8 pagi hingga jam 10..jadi masa pengajaran dan pembelajaran tinggal 1 jam 30 minit..lagi 30 minit waktu rehat..dan murid yang terlibat dalam karnival tu bukan semua..mungkin dalam 12 orang..jadi murid yang lagi 13 tinggallah di bilik darjah..mereka tak boleh di bawa bersama ke padang sebab sukar untuk di kawal..saya tinggalkan dengan pembantu di bilik darjah..saya kesian juga dengan murid tapi nak buat macam mana..yang nak latih saya..nak ajar pun saya”

(P2/tb-u3: 320-330)

Berkaitan peranan PPM pula, dapatan kajian menunjukkan PPM hanya mengawasi murid sepanjang ketiadaan guru di bilik darjah. Sepertimana kenyataan berikut: —..murid tinggallah dengan pembantu...pembantu tak boleh buat apa...kawal dan perhati budak saja..pembantu tak boleh mengajar..memang mereka tiada tauliah mengajar..jadi alat media la yang digunakan” (P3/tb-u3: 185-190) dan —..tu yang kadang-kadang bila pembantu menyediakan makanan di dapur, murid bising dan berlakulah masalah disiplin seperti bergaduh, budak tak boleh duduk diam”(P3/tb-u3: 193-195).

#### 4.7.1.2 PPD, JPN, KPM.

Arahan bukan sahaja dikeluarkan oleh guru besar tetapi juga PPD, JPM dan KPM. Tugas sampingan yang diarahkan oleh guru besar, selalunya berkait rapat dengan arahan yang dikeluarkan oleh Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Arahan yang dikeluarkan oleh tiga bahagian tersebut adalah melaksanakan sifar LINUS. PPD mewakili JPN dalam segala urusan pengurusan jabatan di peringkat daerah. PPD juga bertanggungjawab mengenai perjalanan pengurusan sekolah, kegiatan kokurikulum di peringkat daerah, memastikan peningkatan prestasi akademik dan ko-kurikulum sekolah-sekolah dalam daerah. Seperti kenyataan P1 berikut: —..selalunya tugas ko-kurikulum tu dikeluarkan oleh pihak PPD. Misalannya aktiviti luar seperti perkhemahan daerah. Sampai di sekolah, pentadbir yang *arrowkan* kepada siapa mereka mahu” (P1/tb-u3: 350-353).

Manakala surat tugas luar, analisis temu bual mendapati surat berkaitan tugas luar bilik darjah dikeluarkan oleh PPD dan JPN. Sepertimana kenyataan P3: —..surat-surat tugas luar tu jabatan atau PPD yang keluarkan..kalau mengiring murid, pihak sekolah saja yang keluarkan surat” (P3/tb-u3: 145-147). Antara surat yang diterima dari PPD, JPN dan KPM adalah jemputan menyertai karnival prasekolah yang melibatkan pertandingan aktiviti luar antara prasekolah di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan.

Manakala surat sebagai guru pengiring untuk aktiviti ko kurikulum seperti sukan, permainan dan persatuan dikeluarkan oleh pihak sekolah dan PPD. Melalui surat-surat tersebut peserta diminta melatih murid prasekolah untuk ke karnival yang dianjurkan oleh PPD untuk peringkat daerah.

Walau bagaimana pun untuk sebarang aktiviti luar yang dianjurkan oleh PPD mendapat persetujuan dari semua pentadbir di setiap daerah. Oleh itu setiap guru yang berpotensi diberi tanggungjawab untuk membantu tugas-tugas tersebut. Sepertimana kenyataan P2 berikut: —..mereka lantik saya sebagai jurulatih bola jaring daerah, prestasi saya dilihat apabila saya terpilih mewakili negeri dalam sukan MAKSAK” (P2/tb-u3: 368-370).

Kajian ini juga mendapati peserta bermotivasi melaksanakan tugas sampingan. Peserta berpendapat, mereka diberi peluang mendapatkan pengalaman dan pengalaman itu berkait dengan kenaikan pangkat. Sepertimana petikan berikut: —..pengalaman buat kerja-kerja sampingan ni membantu saya memohon ke gred yang lebih baik” (P2/tb-u4: 250-251).

Sungguhpun begitu, dapatan kajian menunjukkan terdapat dalam kalangan peserta tidak bermotivasi dalam kerjaya. Kepenatan melaksanakan tugas sampingan tidak mendapat sebarang imbuhan dari pihak pentadbir. Malah mereka menerima amaran jika tugas yang diberi mengambil masa yang panjang. Sepertimana kenyataan berikut: —..walaupun saya buat kerja bersungguh-sungguh, mereka bukan nak bagi saya APC pun” (P1/tb-u5: 320-322). Kenyataan ini memberi gambaran bahawa guru prasekolah juga memerlukan sokongan pentadbir sebagai motivasi mereka dalam kerjaya.

Manakala dari aspek hubungan dengan rakan setugas pula, kajian ini mendapati motivasi peserta amat tertanggu akibat kesibukan menyempurnakan tugas sampingan yang tidak mendapat sokongan dari rakan setugas, seperti: —..memang sangat



mengganggu perhatian saya di bilik darjah..pernah seminggu saya tak mengajar sebab menyiapkan tugas yang diberi oleh pentadbir..tugas tu menyiapkan laporan kewangan PIBG yang hendak dibentangkan dalam mesyuarat Agong..bayangkan apa murid saya dapat selama seminggu tu..bila saya sibuk menyiapkan laporan tu tak ada pulak cikgu tahun satu yang *relief* kelas saya..saya suarakan pada petadbir, mereka dah beri arahan tapi cikgu tu tak masuk kelas..alasanya sebab pembantu ada di prasekolah”(P4/tb-u3: 180-189). Kenyataan ini memberi gambaran bahawa motivasi kerja peserta terganggu akibat hubungan peserta dengan rakan sejawat di tahun satu kurang memberangsangkan.

Walau bagaimanapun kajian ini mendapati, peserta percaya kelebihan yang mereka miliki telah menarik perhatian pentadbir untuk mereka memikul tugas dan tanggungjawab tersebut. Seperti kenyataan P1 berikut: —.pengalaman melaksanakan tugas lain sebelum ini menjadikan pentadbir yakin dan percaya atas kemampuan saya. Sebagai guru paling lama bertugas di sekolah itu dan memiliki banyak pengalaman melaksanakan tugas pengurusan turut menjadi punca kerap diberi tugas-tugas sampingan" (P1/tb-u3: 283-289). Situasi pemikiran yang positif ini memberi gambaran bahawa guru masih lagi bermotivasi dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.

Pihak pentadbir yakin dan percaya guru prasekolah juga mampu melaksanakan tugas-tugas pengurusan. Namun meninggalkan murid menjadikan guru berasa tidak selesa dengan tugas yang banyak. Apa pun sebagai guru mereka tidak dapat lari dari melaksanakan tugas sampingan tersebut (P2/tb-u3: 327-332). Berfikiran positif atas kemampuan diri juga menjadi punca menerima tanggungjawab itu (P3/tb-u3: 203-204). Kepercayaan pentadbir atas kemampuan guru prasekolah perlu diambil perhatian. Tidak semua guru berpeluang menerima tugas dari pentadbir. Apabila diberi tugas, bererti guru prasekolah turut dinilai kredibilitinya (P4/tb-u3: 198-202).

Pihak pentadbir juga dilihat yakin dan percaya dengan kemampuan guru prasekolah. Mereka tidak membiarkan guru prasekolah hanya memberi tumpuan di bilik darjah, malah pihak pentadbir memberi ruang guru prasekolah bersosial dengan persekitaran di sekolah. Bakat dan kelebihan diri yang dimiliki oleh guru prasekolah diketengahkan. Pihak pentadbir dilihat memberi ruang dan peluang kepada guru prasekolah menunjukkan kredibiliti masing-masing. Secara tidak langsung menggalakkan motivasi guru dalam kerjaya.

Walaupun sibuk dengan tugas sampingan, pencapaian akademik murid tetap diberi perhatian oleh peserta. Kajian ini mendapati, peserta berusaha membimbing murid mengenal 4M walaupun diganggu oleh tugas sampingan. Sepertimana kenyataan berikut:

—..macam mana saya nak cakap ye..mmm..murid saya dah boleh membatangkan suku kata..tapi belum pandai membaca lancar..hampir semua dah kenal huruf, menulis pun dah boleh tapi memang kena latih lagi la..otot-otot tangan tu sebab tulisan mereka ni tak cantik..kadang-kadang ada yang tulis terbalik..tapi untuk setakat bulan July ni tak ada murid yang tak kenal huruf”

(P1/tb-u3: 300-306)

—..Alhamdulillah, untuk setakat ni murid saya dah kenal huruf, kenal angka..ada seorang belum kenal betul lagi..dia tak dapat membezakan huruf b dan d, huruf g dan p..angka pula dia kenal tapi tak pandai tulis dengan sempurna lagi..saya perlu latih otot tangan dan kordinasi mata tangannya..membatangkan suku kata tu ada yang dah boleh..membaca dua suku kata pun ada yang boleh..membaca lancar belum lagi..kalau di ajar dan di latih hari-hari boleh budak ni tapi tu la..kadang-kadang tak dapat buat sebab tugas yang *ad hoc* tu la”

(P2/tb-u3: 345-352)

—..pencapaian murid saya untuk setakat hari ni Alhamdulillah..ada empat orang lagi yang belum kenal huruf ..angka mereka kenal..membaca suku kata mudah dah ada yang boleh, membaca ayat mudah tu belum lagi..menyebut beberapa perkataan Bahasa Inggeris tu mereka boleh la juga..bertutur tidak lah lagi..menulis dengan baik tu ada seorang..memang cantik tulisannya ..yang lain tu perlu dibimbing lagi. perkembangan yang lain tu susah nak cakap tapi keseluruhannya saya kategorikan memuaskan”

(P3/tb-u3: 220-209)

—.. *so far so good*..boleh lah..mereka kenal dah huruf-huruf vokal dan huruf konsonan..ada juga yang dah boleh membatangkan suku kata, mengeja perkataan mudah..ada seorang dah boleh mula membaca ayat-

ayat pendek..perkembangan lain tu tak boleh la saya nak bagi tahu sebab memang prinsipnya tak boleh diberitahu pada orang luar kecuali waris mereka”

(P4/tb-u3: 220-227)

Melalui insiden kritikal, kajian ini mendapati peserta membuat tindakan segera jika dipanggil oleh pihak pentadbir. Semasa ketiadaan peserta di bilik darjah, pembantu mengagihkan lembaran kerja atau memberi peluang murid menonton cerita di televisyen. Sekiranya pembantu sibuk menyiapkan makan minum murid, peserta sendiri yang mengagihkan tugas lembaran kerja atau menonton televisyen sebelum keluar ke pejabat. Peserta dipanggil ke pejabat sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu untuk membantu kerja-kerja pengurusan. Minimum tempoh masa meninggalkan bilik darjah adalah satu jam.

Dapatan kajian juga menunjukkan peserta menguruskan buku teks sekolah. Buku teks dari tahun 1 hingga 6. Sekiranya ada pertukaran atau perpindahan murid, peserta dilihat akan berada di bilik buku teks lebih lama berbanding di bilik darjah prasekolah. Sepertimana kenyataan P3 berikut: “...awal tahun saya memang sibuk uruskan buku teks, kalau murid pindah saya juga yang mengurus buku teks mereka. Kadang-kadang hampir 4 jam juga saya berada di bilik buku teks tu” (P3/tb-u4: 130-133). Situasi ini memberi gambaran bahawa peserta tidak bermotivasi melaksanakan tugas-tugas yang menuntut lebih banyak masa digunakan. Oleh itu pihak pentadbir perlu mengambil berat menaikkan motivasi kakitangan dibawah tanggungjawab mereka.

#### **4.7.2 Mengambil Alih Tugas Pembantu Pengurusan Murid (PPM).**

Jawatan PPM adalah tetap dan berpencen dengan gred N17 seperti yang telah diwartakan. PPM bertanggungjawab membantu menjalankan kerja-kerja guru di bilik darjah. Mereka juga perlu membantu pengajaran guru dan membimbing pembelajaran murid. Pendapat peserta selari dengan pekeliling perkhidmatan bilangan 9 tahun 2003, iaitu PPM perlu membantu guru prasekolah dalam hal ehwal pengurusan dan pengurusan bilik darjah disamping menyediakan makanan dan mengemas prasekolah.

Walaupun begitu kajian ini mendapati, kadang kala PPM tidak hadir bertugas tanpa memaklumkan kepada peserta. Sepertimana petikan temu bual berikut: —. PPM saya ni kerap tak datang kerja, tapi dia hantar sijil sakit ke pejabat. Bila tak datang kerja, dia tak maklumkan pada saya, dia hanya telefon pejabat. Pihak pejabat yang maklumkan kepada saya. Jadi tugas-tugas dia tu sayalah yang kena buat. Lebih ketaranya tugas di dapur tu...memang saya jadi kelam kabut..nak masak, nak ngajar, nak kawal kelas..kalau pembantu tak datang memang kerja saya tertangguh” (P1/tb-u4: 160-168). Petikan P1/tb-u4: 160-168 menunjukkan tugas *ad hoc* di bilik darjah yang perlu disempunakan oleh guru prasekolah.

Kesimpulannya peserta mengalami gangguan dalam pengurusan bilik darjah. Tugas-tugas sampingan dalam mengurus bilik darjah ini adalah seperti menjalankan kerja-kerja pembantu pengurusan murid yang tidak hadir bertugas, keciciran murid dan aktiviti luar sekolah.

Dari aspek tugas PPM, dapatan kajian ini menunjukkan peserta menjalankan tugas-tugas PPM berserta tugas mereka sendiri sekiranya PPM tidak hadir bertugas. Sepertimana kenyataan P4 berikut: —.apabila pembantu tak hadir bertugas, kerja-kerjanya saya perlu ambil alih tapi kalau saya tidak datang bertugas, kerja-kerja saya dia tak boleh ambil alih..saya perlu siapkan sarapan, siapkan kudapan jam 9.45 pagi..saya perlu kemas bilik darjah, kemas dapur, kemas tandas dan bersihkan longkang..kerja-kerja tu saya buat selepas habis sesi pengajaran..jadi memang saya tak ada masa rehat”(P4/tb-u3:128-133). Ini menunjukkan tugas di prasekolah hanya melibatkan warga prasekolah sahaja. Tidak menggunakan tenaga luar untuk membantu segala urusan di prasekolah.

Berdasarkan insiden kritikal, kajian ini mendapati keadaan peserta menjadi kelam kabut apabila pembantu lewat hadir ke sekolah. Sekiranya pembantu tidak hadir, peserta sendiri yang menyediakan makanan dan minuman murid. Mereka tidak

mendapatkannya dari kantin sekolah sepertimana kenyataan P1 berikut: —..saya tak ambik makanan dari kantin sekola sebab pembekal telah hantar bahan mentah sepertimana menu yang dirancang. Jadi saya perlu habiskan bahan mentah tu” (P1/tb-u4: 180-186). Ini menunjukkan peserta mengambil berat zat makanan yang diambil oleh murid di samping penggunaan menu yang telah dirancang. Melalui aspek slip tidak hadir bertugas, dapatan kajian menunjukkan slip ketidakhadiran pembantu dikeluarkan oleh Klinik Kesihatan dan di simpan dalam fail pembantu di prasekolah.

Walaupun bagaimanapun kajian ini mendapati PPM banyak membantu meringankan kerja-kerja guru prasekolah terutama dalam tugas hakiki di dalam dan diluar bilik darjah. Sepertimana kenyataan P2 berikut: —..kerja-kerja saya banyak dibantu oleh PPM, buat BBM, kemas kini akaun perkapita, melengkapkan rekod pentaksiran tapi lebih banyak bantu sediakan makan minum murid la” (P2/tb-u3: 302-304). Ini membuktikan PPM juga membantu dalam hal-hal pengurusan terutamanya yang berkaitan dengan makan minum murid prasekolah, penyediaan bahan bantu, mengemaskini pentaksiran dan mengemas dan menyusun atur ruang pembelajaran di bilik darjah.

Berhubung tugas yang dibantu PPM, peserta mengatakan pembantu menolong menguruskan portfolio murid, mengemas dalam dan luar bilik darjah, menyediakan bahan bantu mengajar, merancang menu, membuat akaun belian barang-barang dapur dan membantu dalam aktiviti luar seperti sukan dan lawatan. Sepertimana kenyataan P3 berikut: —Dengan adanya pembantu di prasekolah, aktiviti luar yang dirancang dapat berjalan dengan lancar” (P3/tb-u4:120-221). Ini menunjukkan tanpa pembantu adalah sukar untuk guru melaksanakan aktiviti luar bilik darjah.

Dari aspek membantu waktu pengajaran, kajian ini mendapati PPM membantu pengajaran guru. PPM menyediakan bahan bantu untuk pengajaran guru. Penyediaan bahan bantu dibuat pada sesi sebelah petang hari sebelumnya. Sepertimana petikan

berikut: —.PPM akan tolong waktu pengajaran saya kalau saya minta, biasanya BBM disediakan pada sebelah petang sebab pagi dia sibuk menyediakan makan minum murid dan mengemas ruang dapur” (P3/tb-u4: 235-240). Ini menunjukkan PPM tidak membantu sesi pengajaran guru kecuali diminta berbuat demikian.

Walaupun bagaimanapun PPM tidak membantu pengajaran guru walaupun telah diminta berbuat demikian. Sepertimana kenyataan P3 berikut: —.saya malas nak cakap galak kali, walaupun saya ada tetamu, PPM tak mahu bantu kawal kelas. Nak tunggu saya cakap baru nak tolong. Alasannya sibuk tugas di dapur” (P3/tb-u4: 260-264). Ini membuktikan PPM hanya menguruskan kerja-kerja di dapur sepanjang hari dan hanya membantu guru apabila diperlukan. Walaupun kerja-kerja tersebut sepatutnya boleh diselesaikan pada sesi petang.

Dari aspek menyediakan BBM, analisis temu bual mendapati PPM banyak menyediakan kad-kad bergambar dan perkataan bergambar. Bahan bantu berbentuk alat tidak banyak di buat. Sepertimana kenyataan P2 berikut: —.PPM saya tak pandai buat BBM yang canggih-canggih. Setakat kat imbasan atau kad bergambar tu boleh la” (P2/tb-u4: 280-283). Ini membuktikan tidak semua PPM mahir membuat BBM dan peserta banyak menggunakan bahan bantu yang dibekalkan oleh KPM.

Berkaitan tugas menyediakan BBM, kajian ini mendapati PPM menyediakan bahan bantu mengajar pada sesi sebelah petang. Tugas-tugas yang dibuat pada sesi pagi adalah menyediakan makan minum murid, mengemaskini fail pentaksiran dan portfolio murid, membantu sesi pengajaran guru. Berkaitan tugas yang di bantu oleh PPM, kajian ini mendapati bahawa PPM banyak membantu meringankan beban kerja guru prasekolah seperti kerja-kerja berkaitan akaun makanan murid, menyediakan bahan bantu, membantu aktiviti-aktiviti ko kurikulum dan tugas yang berkaitan dengan prasekolah.

Sungguhpun begitu, guru prasekolah juga berperanan mengurus PPM prasekolah kerana mereka mempunyai hubungan kerjaya yang sangat rapat. Dapatan kajian ini menunjukkan peserta memahami emosi PPM tetapi kenyataan P2: —..setakat hari ni pembantu saya tak lah banyak buat masalah cuma dia ni kadang-kadang moody..bila moody saya nak minta tolong pun susah..akhirnya kerja yang sepatutnya dia buat saya yang kena uruskan..misalnya fotostat lembaran kerja, merekod kehadiran..jadi bila kerja-kerja mudah tu saya terpaksa buat, tentulah pengajaran saya terjejas kan” (P2/tb-u3: 150-155). Ini menunjukkan PPM tidak pandai mengawal emosi ketika ke tempat kerja.

Dari aspek kebersihan, analisis temu bual mendapati terdapat dalam kalangan PPM kurang menjaga kebersihan persekitaran bilik darjah. Walaupun teguran telah diberi oleh guru, mereka masih belum mengubah sikap. Situasi ini juga boleh mengundang stress dalam kalangan guru. Sepertimana kenyataan P2 berikut: —..kadang-kadang tu lepas murid makan, di biarkan saja pinggan mangkuk berselerak atas sinki tu..budak balik, dia pun balik tapi dia minta kebenaran pentadbir bukan kebenaran saya..nak tak nak saya jugalah yang kena basuh pinggan mangkuk tu...memang saya stress” (P2/tdk-u3: 150-154).

Menguruskan emosi PPM sangat menuntut kesabaran sepertimana dapatan berikut: —..yang ni tak banyak masalah disiplin atau sosial tapi kerja-kerja yang patut dia buat tapi tak di buat..misalnya kalau saya ada pelawat, sepatutnya dia yang kawal murid dan bimbing mereka tapi dia biarkan..jadi budak-budak bising la..kalau saya tak minta tolong, memang dia tak tolong..yang jadi rutin dia kemas bilik darjah, luar bilik darjah dan masak. Membantu dalam bilik pnp memang jarang sekali. Kalau saya panggil minta bantu baru dia datang kalau tidak dia asyik berkemas di dapur tu la..sepatutnya kemas tu lepas semua murid balik kan tapi ni tak..masa saya sibuk mengajar masa tu jugalah dia sibuk berkemas” (P3/tb-u3: 158-169). Lantaran itu dapatan kajian ini menunjukkan

peserta stress dengan tindakan PPM seperti petikan berikut: —.teguran telah diberikan tapi dia tetap macam tu, saya pula malas nak ingatkan selalu. Lagi pun dia bukan sehari dua di sekolah ni..dah hampir 15 tahun” (P3/tb-u3: 175-180). Ini menunjukkan peserta stress menguruskan PPM.

#### 4.7.3 Guru Relief.

Guru kanan kurikulum berhak mengeluarkan jadual relief dan ditandatangani oleh guru besar untuk menggantikan guru yang tidak hadir bertugas. Arahan telah dikeluarkan oleh KPM pada 2003 tidak membenarkan guru prasekolah diberi jadual relief. Namun pentadbir berhak tidak mematuhi arahan tersebut dengan alasan yang munasabah. Antara alasan pentadbir adalah guru sakit, guru menghadiri mesyuarat dan guru berkursus.

Berhubung aspek menerima tugas guru *relief*, kajian ini mendapati peserta menerima tugas tersebut tanpa bantahan sepertimana kenyataan berikut: —.saya tak berani ingkar arahan ketua, banyak buruk dari baiknya nanti” (P2/tb-u4: 200-201). Kenyataan ini pula: —.pergi juga relief tu tapi hati saya bersungut juga, kita dah penat 4 jam di prasekolah ditambah lagi dengan dua masa...memang tak rehatlah kalau dapat relief ni” (P1/tb-u5: 56-58). Ini menunjukkan guru prasekolah tidak boleh menolak tugas guru *relief* (guru ganti) yang telah ditetapkan oleh pihak pentadbir. Namun begitu peserta hanya *relief* (guru ganti) kelas tahun satu sahaja.

Dari aspek kerja-kerja pengurusan, dapatan kajian menunjukkan kerja-kerja memasukkan data secara online dan mengemaskini pentaksiran tertanggung akibat *relief* (guru ganti) kelas. Malah ada tugas yang perlu dibawa balik dan disiapkan di rumah seperti mana petikan berikut: —.pagi kita mengajar, habis kelas kena pergi *relief* (guru ganti) pula. Petang kena pergi aktiviti ko-kurikulum lagi...tak cukup masa nak siapkan kerja-kerja mentaksir tu..kemas kini rekod lagi..key in data pentaksiran pun tak sempat. Nama saja ngajar budak prasekolah tapi kerjanya banyak tak macam orang lain” (P1/tb-



u3: 189-193). Ini menunjukkan relief kelas itu sebagai satu beban kepada guru prasekolah dalam melaksanakan kerja-kerja pengurusan di bilik darjah.

Petikan P1/tb-u3: 189-193 menunjukkan guru prasekolah tidak berpuas hati dengan lebih masa bertugas di bilik darjah kerana masa mereka mengajar di prasekolah adalah 4 jam sehari berbanding guru lain disamping kerja-kerja pengurusan yang perlu dilaksanakan.

#### **4.7.4 Melaksanakan Program Sifar LINUS.**

Literasi dan numerasi (LINUS) merupakan tahap yang perlu dilepasi oleh setiap murid prasekolah sama seperti yang dihasratkan dalam kurikulum. Walaupun LINUS dimulakan di tahun satu tetapi kesinambungannya lahir dari prasekolah. Kajian ini mendapati peserta berusaha memastikan setiap murid mengenal huruf dan angka dengan mengharapkan tidak ada murid yang tercicir seperti kenyataan berikut: –Pihak pentadbir juga sering mengingatkan agar semua murid prasekolah tidak terlibat dalam program LINUS apabila melangkah ke tahun satu” (P1/tdk-u4: 40-48). Kenyataan tersebut menunjukkan peserta memahami hasrat dan harapan pentadbir namun dalam masa yang sama mereka diberi tugas sampingan yang juga perlu diberi perhatian.

Sehubungan itu kajian ini mendapati peserta berasa gusar apabila terdapat murid prasekolah terlibat dalam program LINUS pada tahun sebelumnya. Mereka cenderung membimbing murid yang lemah. Apabila lebih peruntukan masa diberi pada murid yang lemah, murid yang asalnya boleh maju kurang pula diberi perhatian. Akibatnya apabila melangkah ke tahun satu terdapat dalam kalangan mereka belum menguasai kemahiran membaca. Pihak pentadbir memberi peringatan agar murid prasekolah diberi pendedahan 4M. Lantaran itu peserta mengabaikan penguasaan tunjang dan memberi lebih tumpuan kepada kemahiran asas murid. Namun tugas-tugas sampingan yang diberi oleh pihak pentadbir sedikit sebanyak mengganggu tumpuan beliau dibilik darjah (P2/tdk-u4: 32-40).

Kajian mendapati peserta tidak mahu lagi diperkatakan oleh guru tahun satu akibat peratus kemasukan murid prasekolah ke program LINUS pada tahun sebelumnya agak membimbangkan seperti petikan berikut: —..bimbingan dan perhatian diberi kepada murid tersebut tetapi mereka masih belum menguasai huruf dan angka. Kini mereka telah berada di tahun dua. Untuk setakat hari ni, lagi dua orang masih mengikuti program LINUS (P3/tb/u5: 110-112).

Berdasarkan petikan tersebut, peserta terus menggunakan pendekatan berpusatkan guru untuk memastikan semua murid prasekolah tidak terlibat dalam program LINUS apabila mereka ke tahun satu. Namun petikan seperti: —..tetapi apabila kerja tugas sampingan itu menuntut perhatian, penumpuan dalam pengajaran dan pembelajaran dibilik darjah juga terganggu” (P3/tb-u4: 38-49). Petikan tersebut menunjukkan Peserta berasa tertekan apabila guru tahun satu, pentadbir dan ibu bapa seolah-olah menuntut zero linus berlaku saban tahun.

Daripada aspek menguasai 4M, dapatan kajian menunjukkan peserta sentiasa berusaha memastikan murid prasekolah menguasai 4M. Perhatian lebih diberi kepada murid yang lambat. Peserta sentiasa menyusun aktiviti pengukuhan untuk membantu murid-murid yang cepat. Menggunakan cara yang sama seperti murid prasekolah sebelumnya, seperti petikan berikut: —..dengan kaedah ini, murid saya tidak terlibat dalam program LINUS tapi tumpuan kurang diberi kepada tunjang-tunjang pembelajaran dalam modul bertema” (P2/tb-u5: 36-40). Manakala kenyataan P4: —..keperluan murid ke tahun satu adalah 4M dan tugas-tugas sampingan yang diberi oleh pihak pentadbir tu di buat dalam waktu senggang atau dalam waktu Pendidikan Islam” (P4/tb-u4: 35-44). Ini menunjukkan peserta tetap melaksanakan arahan pentadbir walaupun memo larangan memberi tugas berlebihan kepada guru prasekolah telah dikeluarkan oleh KPM.

Manakala dari aspek perkembangan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (JERIS) pula, tidak ditekankan secara menyeluruh melalui pengajaran dan pembelajaran guru. Secara tidak langsung ilmu pedagogi yang dipelajari tidak di amalkan di prasekolah sepertimana kenyataan berikut: —.masa mula-mula mengajar prasekolah dalam tahun 2000, memang saya tekankan perkembangan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial murid prasekolah. Aktiviti pengajaran yang dibuat memang menyeronokkan...saya beri peluang murid meneroka dunia pembelajaran mereka, buat aktiviti berkebun...bermain pasir dan air” (P1/tb-u4: 60-65). Kenyataan tersebut memberi gambaran bahawa ilmu yang dipelajari tidak selari dengan ilmu yang disampaikan.

Berkaitan LINUS pula, analisis temu bual menunjukkan peserta tidak berpuashati dengan pentadbir dan rakan sejawat yang menyalahkan guru prasekolah. Sepertimana kenyataan P1 berikut: —.masa tu belum ada LINUS tapi sekarang, kalau saya buat aktiviti seperti yang saya katakan tadi, akan adalah suara-suara sumbang yang mengatakan \_patutlah budak pra ni tak pandai baca, asyik main je (saja)‘ ...mereka tak tahu pembelajaran di prasekolah ni tak sama konsepnya dengan arus perdana...tiap tahun saya terangkan dalam mesyuarat guru...tak tahu lah samada mereka betul tak faham atau buat-buat tak faham...jadi sekarang memang saya dah tak ambik kisah dengan perkembangan JERIS tu...saya lebih fokus pada kemahiran asas...target saya tahun hadapan tidak ada murid saya terlibat dalam program LINUS” (P1/tb-u4: 68-76). Data temubual diatas menunjukkan peserta tertekan apabila tidak dapat mengaplikasikan ilmu yang telah dipelajari tetapi lebih menyenangkan kerja guru tahun satu. Secara tidak langsung memberi gambaran bahawa guru tiada kepuasan kerja yang optimum.

Manakala dari aspek opsyen pula, kajian ini mendapati bahawa semua peserta adalah opsyen prasekolah. Jadi mereka faham pendekatan pengajaran yang perlu dan

sesuai digunakan di prasekolah tetapi keadaan hari ini memaksa mereka meninggalkan pendekatan pengajaran yang sesuai untuk prasekolah, seperti petikan berikut: —.asalnya dalam pendidikan prasekolah, kita menekankan perkembangan murid...seperti perkembangan estetika daya kreatif, perkembangan fizikal, perkembangan emosi dan dua lagi perkembangan tu, tapi sejak guna kurikulum baru, semua tu dah tak di ambil kisah” (P2/tb-u4: 58-62). Kenyataan ini sama seperti berikut:

—..sekarang ni dah tak kira nak tengok JERIS tu, orang tahu budak pra ni boleh baca, tulis dan kira..saya memang tahu keperluan murid prasekolah ni..sepatutnya dalam bulan-bulan pertama ke sekolah tu mereka tidak boleh memegang pensel..mereka dikenalkan dengan persekitaran dahulu..mengenal warna, mengenal bentuk, perasaan sayang, suka, marah..maksudnya benda-benda asas dahulu..tapi pihak atasan tidak setuju, mereka kata \_ranti murid ni lambat mengenal 3M<sup>4</sup> jadi murid akan bosan maka timbullah masalah disiplin di bilik darjah” (P3/tb-u4: 62-72)

—..tapi bila datang KPK dah mula hilang sikit aktiviti yang seronok tu..perkembangan JERIS dah mula sikit-sikit diketepikan..datang pulak KSPK lagi lah hilang terus keseronokkan mengajar di prasekolah tu..dalam KSPK tu bukan tak ada perkembangan tu tapi tak dapat dibuat sebab terikat dengan masa..masa telah dibahagi dua..iaitu untuk kemahiran modul asas dan kemahiran modul bertema..lepas tu hasratnya pula memperkenalkan 4M, memanglah itu yang pihak pentadbir nampak..di tambah pulak dengan LINUS pada 2012..langsunglah fokus pada kemahiran asas dalam pengajaran dan pembelajaran di prasekolah” (P4/tb-u4: 59-69)

Kenyataan P3 dan P4 tersebut menunjukkan pedagogi dan pendekatan pengajaran yang sesuai di peringkat prasekolah tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna kerana kehendak pihak pentadbir dan ibu bapa yang mahukan setiap murid prasekolah boleh menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira. Malah peserta setuju mengatakan penumpuan pengajaran kini lebih kepada keyakinan diri, berbahasa dengan baik dan sebagainya.

Dapatan kajian ini menunjukkan perhatian pengajaran kini lebih diberi perhatian dalam kemahiran asas murid. Ibu bapa, guru tahun satu mahupun pihak pentadbir, tetap mensasarkan murid prasekolah mesti boleh membaca, menulis, mengira sepertimana kenyataan berikut: —..sebagai guru yang memang opsyen prasekolah, saya memang

faham dan tahu keperluan murid pra. Mereka ingin seronok ke sekolah, mereka ingin meneroka, sebab tu mereka banyak bertanya...tapi atas desakan pihak atasan, ibu bapa...saya terpaksa mengalah mengikut kehendak mereka iaitu sifar LINUS...jadi saya banyaklah mengajar dan membimbing kemahiran asas sahaja” (P2/tb-u4: 65-75). Petikan temu bual itu juga memberi gambaran bahawa guru terpaksa meninggalkan pendekatan belajar melalui bermain.

Sungguhpun demikian peserta akur pada arahan yang dikeluarkan oleh pihak pengurusan seperti kenyataan P2 berikut: —.saya orang bawahan memang tak berani nak protes saranan ketua” (P2/tb-u5: 32-33). Pengajaran peserta tidak lagi fokus kepada keperluan murid prasekolah dalam menguasai JERIS. Secara tidak langsung berlaku masalah disiplin dalam kalangan murid apabila mula menunjukkan kebosanan dalam persekitaran pembelajaran di bilik darjah.

#### **4.7.5 Tugas Bukan Rutin**

Tugas bukan rutin meliputi tugas-tugas dan tanggungjawab yang diberi oleh ketua dan aktiviti ko-kurikulum luar sekolah. Menerima tugas bukan rutin kadang kala menyebabkan seseorang guru itu merasa terbeban. Namun sebagai pentadbir, guru besar berhak mengeluarkan arahan tugas itu kepada mereka. Oleh hal yang demikian, kajian ini mendapati tugas bukan rutin yang diberi kepada guru prasekolah adalah lebih besar tanggungjawabnya sepertimana petikan berikut: —.di sekolah ni saya memegang jawatan setiuasaha buku teks untuk darjah 1 hingga darjah 6” (P3/tb-u6: 22-23). Berkaitan tugas sebagai setiuasaha buku teks, P3 menambah: —.kalau buku teks tak cukup, saya terpaksa cari buku tu di sekolah lain. Kalau tak ada di sekolah yang dekat, saya terpaksa pergi ke sekolah yang jauh. Yang pasti buku teks mesti cukup” (P3/tb-u6: 33-36). Kenyataan ini memberi gambaran bahawa guru prasekolah juga memegang tugas yang berat di tambah pula dengan tempoh masa mengajar yang panjang di bilik darjah.

Manakala tugas bukan rutin lain yang diberi kepada peserta adalah Pengerusi Unit Ko-kurikulum. Tugas aktiviti ko-kurikulum berlaku pada setiap minggu. Jawatan sebagai pengerusi unit beruniform atau persatuan atau sukan dan permainan adalah lebih sesuai disandang oleh guru dari aliran perdana. Kajian ini mendapati peserta menguruskan tugas lebih mencabar sepertimana petikan berikut: —.saya dilantik sebagai pengerusi unit beruniform. Jika ada aktiviti beruniform diadakan diluar sekolah seperti yang dianjurkan oleh PPD atau JPN, saya perlu menghadirinya. Sebelum hari kejadian, saya perlu membuat persediaan dengan mengadakan mesyuarat dengan semua AJK yang terlibat, memastikan kebajikan murid dan guru pengiring dijaga” (P2/tb-u6: 18-24). Walaupun tugas tersebut adalah berkala tetapi tanggungjawab itu adalah besar.

Guru prasekolah juga terlibat dalam Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Walaupun ibu bapa murid prasekolah tidak terlibat dalam PIBG tetapi sebagai guru di sekolah itu, mereka terlibat secara automatik dalam PIBG. Dapatan kajian ini menunjukkan peserta diberi tanggungjawab dalam AJK induk PIBG sepertimana kenyataan berikut: —.saya dilantik sebagai bendahari PIBG dalam mesyuarat yang lalu. Saya bertanggungjawab memastikan semua murid membayar yuran PIBG, saya juga perlu menyemak kewangan PIBG. Sebarang pengeluaran wang dari PIBG, saya sendiri perlu uruskan dengan pihak bank” (P4/tb-u6: 32-38)

Dari aspek emosi dan motivasi dalam melaksanakan tugas bukan rutin, kajian ini mendapati peserta berasa tertekan dengan tanggungjawab yang diterima sepertimana kenyataan berikut: —.dah lama saya pegang jawatan setiausaha buku teks ni..hampir 10 tahun dah...patutnya bagilah pada cikgu lain...latih budak tarian pun saya juga..kalau ada orang besar-besar nak datang, saya juga yang latih budak tarian..saya penat..saya letih (air mata bergenang)” P3/tb-u6: 62-66). Tambah P3 lagi: —.kemudian bila bagi APC, orang lain juga yang dapat..selama saya bertugas disini, saya belum terima lagi

APC (riak muka sedih)” (P3/tb-u6: 83-35). Kenyataan ini memberi gambaran guru prasekolah juga memerlukan sokongan dan penghargaan dari pihak pentadbir.

Walau bagaimanapun, terdapat dalam kalangan peserta seronok melaksanakan tugas bukan rutin sepertimana kenyataan berikut: “...saya ok je..setakat hari ni tak de la menganggu tugas hakiki saya. Mungkin sebab saya belum berkeluarga jadi saya banyak masa untuk laksanakan tugas bukan rutin tu. Saya pun baru saja terima APC” (P2/tb-u6: 50-54).

Kenyataan P2/tb-u6:50-54 itu membuktikan tidak semua dalam kalangan guru prasekolah menolak tugas yang diberi oleh ketua. Malah tugas mereka juga dihargai. Sebagai guru mereka tetap menerima cabaran dan yakin mampu melakukan pelbagai tugas. Kesimpulannya, tugas sampingan berlebihan yang diberi oleh pentadbir sedikit sebanyak menganggu tugas hakiki guru prasekolah di bilik darjah. Perbandingan respons peserta seperti di Jadual 4.6

Jadual 4.6

Perbandingan Respons Peserta dengan Tugas Sampingan

Sub Tema	P1	P2	P3	P4
Tugas Ad hoc	<p><b>Guru Relief</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Relief kelas tahun 1-6</li> <li>- Seminggu sekali</li> </ul> <p><b>Rutin PPM</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menjalankan tugas ppm jika mereka tidak hadir bertugas</li> </ul> <p><b>Arahan Pengurusan</b></p> <p>Menggantikan guru yang tidak dapat hadir berkursus atau mesyuarat</p> <p><b>PPD, JPN KPM</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kelas tambahan selepas sesi persekolahan</li> <li>- Menyediakan soalan peperiksaan</li> <li>- Menyediakan lembaran kerja untuk latihan setiap hari</li> </ul>	<p><b>Guru Relief</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Relief kelas tahun 1</li> <li>- Sebulan dua kali</li> </ul> <p><b>Rutin PPM</b></p> <p>Menjalankan tugas ppm jika mereka tidak hadir bertugas</p> <p><b>Arahan Pengurusan</b></p> <p>Tidak berpeluang menggantikan guru ke mesyuarat di peringkat daerah atau jabatan</p> <p><b>PPD, JPN KPM</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tiada kelas tambahan</li> <li>- Membuat latihan tubi setiap pagi</li> <li>- Tidak menyediakan soalan peperiksaan</li> </ul>	<p><b>Guru Relief</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Relief kelas tahun 1-3</li> <li>- Seminggu 2 kali</li> </ul> <p><b>Rutin PPM</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menjalankan tugas ppm jika mereka tidak hadir bertugas</li> </ul> <p><b>Arahan Pengurusan</b></p> <p>Menggantikan guru yang tidak dapat hadir ke mesyuarat atau kursus</p> <p><b>PPD, JPN KPM</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kelas tambahan untuk murid yang lemah</li> <li>- Tidak menyediakan soalan peperiksaan</li> <li>- Membuat latihan tubi sebelum balik</li> </ul>	<p><b>Guru Relief</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Relief kelas tahun 1-3</li> <li>- Seminggu sekali</li> </ul> <p><b>Rutin PPM</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menjalankan tugas ppm jika mereka tidak hadir bertugas</li> </ul> <p><b>Arahan Pengurusan</b></p> <p>Menggantikan guru ke mesyuarat di peringkat daerah atau jabatan</p> <p><b>PPD, JPN KPM</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kelas tambahan selepas sesi persekolahan</li> <li>- Tidak menyediakan soalan peperiksaan</li> <li>- Menyediakan banyak lembaran kerja untuk latihan</li> </ul>
Tugas Bukan Rutin	<p><b>Ko-kurikulum</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengiringi murid ke aktiviti luar sekolah</li> <li>- Jurulatih bola jaring daerah</li> <li>- Jurulatih bola jaring sekolah</li> </ul> <p><b>Tugas dan tanggungjawab</b></p> <p>Memegang jawatan setiausaha PIBG</p>	<p><b>Ko-kurikulum</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengikuti aktiviti luar sekolah</li> <li>- Tidak terlibat dengan aktiviti peringkat daerah</li> <li>- Jurulatih tari sekolah</li> </ul> <p><b>Tugas dan tanggungjawab</b></p> <p>Memegang jawatan pengerusi jawatankuasa bertindak sekolah</p>	<p><b>Ko-kurikulum</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengiringi murid ke aktiviti perkhemahan luar sekolah</li> <li>- Terlibat dalam aktiviti sukan dan permainan peringkat daerah</li> <li>- Jurulatih olahraga sekolah dan daerah</li> </ul> <p><b>Tugas dan tanggungjawab</b></p> <p>Memegang jawatan guru buku teks sekolah</p>	<p><b>Ko-kurikulum</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengiringi murid ke aktiviti luar sekolah</li> <li>- Melibatkan diri dalam aktiviti sukan dan permainan peringkat daerah</li> <li>- Jurulatih bola sepak prasekolah daerah</li> </ul> <p><b>Tugas dan tanggungjawab</b></p> <p>Memegang jawatan setiausaha serana sekolah</p>



### **Deskripsi Dapatan Tugas Sampingan dalam Pengurusan Pengajaran**

Bahagian ini adalah rumusan keseluruhan dapatan kajian mengenai tugas sampingan dalam pengurusan pengajaran peserta, dengan merujuk kepada soalan kajian ketiga (SK3). Deskripsi dapatan tugas sampingan dalam pengurusan pengajaran peserta adalah seperti berikut:

- a) Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa, semua peserta memegang jawatan penting dalam pengurusan sekolah.
- b) Peserta memegang tanggungjawab yang diberi oleh pihak sekolah dan pihak PPD.
- c) Peserta menyempurnakan kerja-kerja pengurusan pengurusan bilik darjah di samping tugas yang diberi oleh pihak pentadbir
- d) Peserta dipilih sebagai jurulatih prasekolah daerah dan negeri
- e) Pembantu pengurusan murid tidak boleh menggantikan guru mengajar kerana tidak dibenarkan seperti yang termaktub dalam pekeiling.

#### **4.7.6 Kesimpulan**

Rumusan keseluruhan kajian ini mendapati bahawa peserta memegang tanggungjawab penting dalam pengurusan pengajaran prasekolah dan didapati mereka mendahulukan tugas sampingan berbanding tugas hakiki di bilik darjah. Peserta mengutamakan hubungan sosial antara rakan setugas dan pihak pentadbir. Lantaran itu mereka cepat membuat tindakan atas tugas yang diberi.

## **Bab 5: Perbincangan, Implikasi Dan Cadangan**

### **5.1 Pendahuluan**

Bab ini membincangkan dapatan kajian secara menyeluruh yang melibatkan pengurusan pengoperasian dan pengajaran guru prasekolah di bilik darjah. Bab ini turut membincangkan implikasi kajian serta mengemukakan beberapa cadangan yang bertujuan untuk peningkatan profesionalisme guru prasekolah, khususnya berkaitan dengan pengurusan pengoperasian dan pengajaran di bilik darjah secara keseluruhannya. Bab ini turut membincang dan merumuskan dapatan yang ditemui dari penyelidikan ini selaras dengan objektif kajian seterusnya menjawab soalan kajian berikut:

1. Bagaimanakah pengurusan pengoperasian guru prasekolah di bilik darjah dari aspek pengurusan bilik darjah
2. Bagaimana pengurusan pengajaran guru prasekolah di bilik darjah dari aspek:
  - i. Penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH)
  - ii. Penyediaan Bahan Bantu Mengajar (BBM)
  - iii. Melaksanakan Pengajaran
  - iv. Melaksanakan Pentaksiran
3. Bagaimanakah tugas sampingan memberi kesan terhadap tugas hakiki guru prasekolah di bilik darjah.

Bab ini juga membincangkan implikasi kajian serta mengemukakan cadangan bagi tujuan peningkatan pengurusan pengoperasian dan pengajaran guru prasekolah, khususnya berkaitan dengan pengurusan pengoperasian bilik darjah, pelaksanaan kurikulum, pengurusan pentaksiran, penyediaan RPH, penyediaan BBM dan tugas sampingan guru prasekolah secara keseluruhannya.

### **5.2 Perbincangan Dapatan Kajian**

Perbincangan dapatan kajian ini berdasarkan persoalan kajian yang dibangunkan dalam Bab 1. Hal-hal ini termasuklah pengurusan pengoperasian, pengurusan pengajaran dan tugas sampingan peserta kajian. Bahagian ini juga membincangkan

dapatan kajian, perbincangan atau cadangan daripada kajian lepas, bagi mengukuhkan dapatan yang diperoleh dalam kajian ini.

### **5.2.1 Pengurusan Pengoperasian**

Perbincangan pengurusan pengoperasian bilik darjah prasekolah adalah berdasarkan soalan kajian pertama yang dibangunkan dalam kajian ini. Tema yang wujud dari pengurusan tersebut adalah pengurusan bilik darjah. Tema ini selari dengan tema pengkaji terdahulu seperti Caroline, 2014; Junaidah, 2013; dan Munira, 2010 yang mengkaji tentang pengurusan pengajaran.

Menerusi protokol temu bual, protokol pemerhatian dan analisis kandungan dokumen yang dijalankan, peserta didapati memiliki pengetahuan pengurusan pengoperasian bilik darjah berdasarkan panduan pengurusan prasekolah yang dibekalkan oleh KPM. Peserta adalah pengurus dalam bilik darjah. Oleh itu mereka perlu memiliki ilmu pengurusan sama seperti guru-guru lain. Namun kajian ini mendapati para peserta tidak diberi peluang membuat keputusan dalam pengurusan pengoperasian bilik darjah. Dapatan ini menolak kajian yang dijalankan oleh Abd Ghani dan K Anandan (2012), Leithwood (2010), Sugarman (2010) dan KPM (2003) yang menyatakan setiap guru diberi peluang membuat keputusan dalam pengurusan bilik darjah. Penglibatan guru dalam proses membuat keputusan mempunyai hubungan dan sokongan pihak pentadbir yang menekankan sistem pengurusan birokrasi yang bercirikan autoriti berhierarki.

Perkara yang ditadbir di prasekolah juga adalah dalam tanggungjawab peserta. Dapatan kajian ini membuktikan peserta diberi peluang membuat keputusan sendiri sekiranya terdapat hal-hal berbangkit di prasekolah. Namun begitu mereka perlu memaklumkan kepada pihak pentadbir mengenai keputusan yang telah dibuat. Secara tepatnya konsep pengurusan pengurusan prasekolah dan teori pengurusan yang mendasari kajian ini adalah berkaitan.

Dapatan ini menyokong kajian yang dijalankan oleh Fatimah (2014), Sugarman (2010) dan Mohd Izham (2015) yang mengatakan guru-guru yang berpeluang mempengaruhi sesuatu keputusan akan lebih bermotivasi dan dengan itu mereka lebih komited terhadap tugas dan tanggungjawab mereka di bilik darjah. Namun begitu kajian ini menolak dapatan kajian yang dilakukan oleh dan Baharin & Suzana (2010) yang mengatakan peratus bilangan guru yang diberi peluang membuat keputusan masih rendah. Dapatan mereka hanya pentadbir seperti guru besar, guru penolong kanan 1, guru penolong kanan HEM dan guru penolong kanan ko-kurikulum adalah lebih berautoriti membuat keputusan.

Manakala dalam aspek pengurusan, dapatan kajian ini menunjukkan peserta memiliki pengetahuan mengenai tanggungjawab mereka sebagai pengurus prasekolah. Namun masyarakat berpendapat proses pengurusan prasekolah adalah di bawah tadbiran guru besar sepenuhnya. Walhal pengurusan prasekolah boleh dikategorikan mengurus sebuah sekolah kerana pengurusannya melibatkan daripada pelbagai aspek. Antaranya, murid, pengurusan fail, kewangan, kehadiran, daftar harta modal, daftar inventori, menu, kesihatan murid, fasiliti dalam dan luar bilik darjah. Dapatan ini menyokong kajian Rosnah (2013) menyatakan guru adalah pengurus di bilik darjah yang melibatkan pengurusan dan pengajaran. Begitu jugalah dengan guru prasekolah. Mereka bertanggungjawab pada orang yang dipimpin iaitu murid prasekolah dan pembantu pengurusan murid. Sebagai pengurus di bilik darjah, guru prasekolah mempunyai autoriti bagaimana mencorak pengurusannya. Mereka berkuasa terhadap pengurusan itu. Dapatan ini menyokong kajian Margeret Burchinal (2005) yang mengatakan guru perlu belajar memahami kekuatan dan kelemahan bilik darjah dari segi sumber, keupayaan dan keseluruhan sistem sebagai strategi untuk memenangi persaingan.

Begitu juga dengan kajian Mohd Izham (2014) dan Hasani (2007) yang menyatakan guru adalah pengurus di bilik darjah dan memerlukan peluang menerima

dan melakukan perubahan dalam mentransformasikan hala tuju pendidikan kebangsaan. Sungguhpun begitu kajian ini menolak dapatan Baharin & Suzana (2010) dan Wan Roslina (2012) yang mengatakan bahawa guru masih lagi dalam keadaan ‘menerima arahan’ dan bukan menyumbang ke arah membuat keputusan dalam pengurusan pengajaran.

Walau bagaimanapun pengurusan juga berkait rapat dengan kepimpinan. Menurut Charles dan Senter (2002) pengurusan di bilik darjah yang cemerlang boleh membantu perjalanan pembelajaran murid dengan lebih sempurna. Dapatan kajian menunjukkan semua peserta memainkan peranan sebagai pengurus di bilik darjah. Mereka sendiri yang mencorakkan perjalanan pengajaran dan pengurusan prasekolah. Segala urusan seperti inventori prasekolah, fasiliti, jadual, perancangan tahunan, perancangan aktiviti luar, ruang pembelajaran, susun atur peralatan di bilik darjah adalah di bawah pengurusan guru prasekolah. Tugas itu dibantu oleh PPM namun sebarang keputusan tetap dibuat oleh guru prasekolah. Ini menyokong kenyataan yang dikeluarkan oleh KPM (BPSM, 2018).

Pengetahuan prinsip dalam pengurusan, membantu peserta melaksanakan pengurusan. Prinsip tersebut adalah gabungan sikap guru, rutin dan peraturan, iklim bilik darjah dan aspek pengurusan. Dapatan kajian ini menyokong kajian yang dijalankan oleh Hazri (2003); Leithwood (2010) dan Rozita (2012) yang mengatakan kepimpinan dan pengurusan menjadi *core business* pada guru. Pengurusan pengoperasian yang cemerlang di bilik darjah mempunyai kemampuan untuk memberikan kesan positif yang signifikan terhadap pembelajaran murid. Kajian ini juga menyokong dapatan Abd Said (2012), Collay, M. (2011) dan Sharifah Zainiah (2005) yang mengatakan gabungan daripada sikap guru, rutin dan peraturan, iklim bilik darjah, dan aspek pengurusan yang mengutamakan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

### 5.2.1.1 Pengurusan Bilik Darjah.

Prinsip am dalam mengurus bilik darjah secara berkesan adalah dengan amalan demokrasi yang merupakan pertimbangan penting bagi pentadbir bilik darjah untuk mengurus murid yang kolektif. Masalah murid yang sering dianggap remeh sebenarnya memerlukan perhatian dan pertimbangan yang luas. Melalui kajian ini, didapati peserta berperanan sebagai pentadbir di bilik darjah. Sebagai pentadbir bilik darjah yang menerima murid daripada pelbagai golongan, guru prasekolah bertanggungjawab memudahkan proses interaksi antara murid dan kakitangan prasekolah dan perlu mengamalkan ciri-ciri kepimpinan demokratik.

Justeru itu guru prasekolah haruslah diberikan kesempatan untuk menentukan corak tindakan yang perlu dilaksanakan untuk murid dan bilik darjahnya. Dapatan ini menyokong kajian Mohd Izham (2015), yang mengatakan guru yang memiliki pengetahuan pengurusan yang tinggi mampu mengurus semua komponen yang dikehendaki.

Manakala urusan pengurusan guru prasekolah bukan sekadar murid malah meliputi, pengurusan fail, fail pengajaran, perkapita, inventori dan jadual. Walaupun peserta berpengetahuan dalam urusan pengurusan di bilik darjah, namun mereka perlu juga mencari ilmu yang berkaitan dengan pengurusan agar sistem pengurusan mereka lebih teratur. Tugas merancang, mengurus, mengelola dan memimpin itu memerlukan ilmu dan tidak hanya pada teorinya sahaja. Dapatan ini menyokong kajian yang dijalankan oleh Rosnah (2013), Mageret Burchinal (2005) dan Eneng (2011) yang mengatakan guru harus sentiasa belajar untuk membolehkan mereka kekal bersaing seiring dengan perubahan masa, persekitaran dan teknologi.

Oleh hal yang demikian, melalui temu bual yang dilakukan, semua peserta menyatakan bahawa mereka sememangnya berpeluang merancang, mengelola, memimpin dan mengawal pengurusan di bilik darjah. Mereka turut berpeluang

membuat keputusan yang berkaitan dengan prasekolah. Peserta bertanggungjawab ke atas ruang lingkup prasekolah. Seharusnya mereka berhak membuat sebarang keputusan berkaitan prasekolah

Panduan pengurusan dalam kajian ini adalah merujuk kepada panduan atau pekeliling yang digunapakai dalam pengurusan bilik darjah. Panduan pengurusan ini berkait rapat dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh KPM dalam pengoperasian sesebuah prasekolah di Malaysia. Walaupun peserta tidak dapat menyatakan semua pekeliling yang telah diterima tetapi peserta kajian mempunyai kefahaman mematuhi peraturan yang dikeluarkan oleh pihak atasan.

Justeru dalam melaksanakan pengurusan bilik darjah dan pelaksanaan pengajaran setiap guru memerlukan dokumen sokongan sebagai panduan. Melalui kajian ini didapati semua peserta menggunakan buku Panduan Pengurusan Pendidikan Prasekolah dan pekeliling yang dikeluarkan oleh KPM. Pekeliling dirujuk jika terdapat isu berbangkit. Manakala buku panduan pula, adalah rujukan pentadbir dan peserta. Dapatan ini menyokong kajian Hamdan (2013) dan Tan (2012) yang mengatakan setiap keputusan dan tindakan yang tertakluk pada pekeliling dan akta boleh melancarkan sesuatu pengurusan. Walau bagaimana pun kajian ini menolak dapatan Wan Roslina (2012) yang mendapati 91.6 peratus daripada guru dalam kajiannya menyuarakan bahawa penglibatan mereka dalam membuat keputusan di peringkat sekolah masih berada pada tahap yang rendah walaupun mereka menggunakan pekeliling yang diterima sebagai panduan dalam urusan pengurusan.

#### ***a. Perkapita.***

Setiap prasekolah menerima bantuan geran perkapita mengikut enrolmen murid. Perkapita tersebut adalah untuk makan minum, peralatan dan kokurikulum. Namun begitu kajian ini mendapati penggunaan bantuan perkapita tidak diurus dengan sempurna. Walaupun perkapita di oleh pentadbir, seharusnya guru perlu dimaklumkan

tentang pergerakan bantuan perkapita khususnya bantuan peralatan. Kajian mendapati terdapat dalam kalangan guru tidak menguasai kemahiran mengurus perkapita. Dapatan ini menyokong kajian Husaina, Ranjeetham dan Muhammad Faizal (2015) yang mengatakan kebanyakan guru tidak mempunyai kemahiran mengurus kewangan sekolah. Ini menyebabkan banyak tanggungjawab kewangan dikendalikan oleh guru besar.

***b. Inventori.***

Inventori di prasekolah meliputi semua peralatan termasuklah peralatan hapus kira. Setiap alat yang diterima direkodkan menggunakan borang-borang yang disediakan. Barang-barang yang berharga melebihi RM 500, direkodkan dalam buku daftar harta modal. Alatan tersebut seperti alat-alat elektrik. Peralatan hapus kira pula adalah seperti warna, pensel, apron dan sebagainya. Kajian ini mendapati pengurusan inventori di prasekolah diurus dengan baik walaupun tidak diurus oleh guru prasekolah. Kajian ini menyokong dapatan Zaidatol (2003) yang mengatakan organisasi yang diurus dengan sempurna membolehkan semua sumber yang dibekalkan dapatan digunakan semaksimum mungkin untuk menghasilkan pengurusan yang berkesan.

***c. Takwim tahunan.***

Takwim tahunan prasekolah dirancang dalam mesyuarat panitia prasekolah yang selalunya diadakan sebelum sesi persekolahan bermula. Dapatan kajian ini menunjukkan semua peserta menyediakan takwim tahunan yang merangkumi aktiviti ko-kurikulum, sukan tahunan, mesyuarat waris dan hari anugerah. Dapatan ini selari dengan saranan KPM (2006) agar setiap pentadbir menyediakan takwim tahunan supaya perjalanan sekolah lebih teratur dan terancang.

***d. Rancangan Pengajaran Tahunan.***

Rancangan Pengajaran Tahunan mengandungi secara ringkas isi pengajaran berdasarkan kurikulum yang dikeluarkan oleh KPM. Dokumen tersebut perlu disiapkan



sebelum sesi persekolahan bermula. Dapatan ini selari dengan saranan KPM (1993) yang mewajibkan setiap guru perlu menyediakan RPT sebelum sesi persekolahan bermula.

Walaupun penyediaan RPT di komputer, RPT tetap di dokumenkan. RPT difailkan dan disemak oleh pihak pentadbir. Penggunaan tema tahunan juga di rancang dan didokumenkan dalam fail yang sama. Dapatan ini tidak bercanggah dengan pekeliling ikhtisas bil 3/1999: Penyediaan Rekod Pengajaran dan Pembelajaran KP (BS) 8591/Jilid XV/ (3) 9 Mac 1999 yang mengatakan RPT dan RPH bolehlah disediakan dalam apa jua bentuk yang munasabah dan sesuai dengan teknologi semasa. Kajian ini menunjukkan semua peserta menyediakan RPT mengikut kurikulum, kesesuaian tahap kebolehan murid dan takwim tahunan. Dapatan ini selari dengan pekeliling dan arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (SPI Bil 3/1999).

#### *e. Jadual.*

Penyediaan jadual waktu dan jadual menu merupakan dua elemen yang perlu disediakan oleh guru prasekolah. Dapatan kajian ini menunjukkan setiap peserta menyediakan jadual waktu mengikut cadangan yang diberikan oleh KPM. Jadual yang dirancang mengikut tunjang dengan memasukkan slot pengajaran Pendidikan Islam. Walau bagaimanapun, pengajaran yang dilakukan oleh guru tidak mengikut jadual yang telah dirancang. Dapatan ini menyokong hasil pemantauan KPM (JNJK, 2012) yang mendapati lebih dari 40% proses pengajaran di prasekolah tidak berlaku mengikut jadual.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa penggunaan jadual waktu di prasekolah adalah fleksibel dan mengikut kesesuaian aktiviti. Dapatan ini selari dengan cadangan KPM, 2010 yang mengatakan pelaksanaan jadual waktu prasekolah di Malaysia adalah fleksibel. Manakala penyediaan jadual menu pula, dapatan kajian menunjukkan semua peserta merancang penyediaan jadual berpandukan piramid

makanan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Dapatan ini selari dengan dapatan Walker (2001) yang mengatakan pemakanan yang berkhasiat menghasilkan kesihatan fizikal yang baik dan menyumbang kepada kesihatan mental yang berkualiti.


Kajian ini juga menunjukkan perancangan menu yang disusun oleh guru dan PPM mengambilkira penggunaan empat nutrient asas makanan iaitu karbohidrat, protein, lemak dan vitamin. Dapatan ini selari dengan saranan KPM (2003) yang mengatakan perancangan menu perlu seimbang untuk membolehkan murid memperolehi zat makanan yang berkualiti. Kesimpulannya, prasekolah juga tidak dapat merawat murid yang mengalami masalah pemakanan yang tidak sihat tetapi boleh memainkan peranan penting dalam membantu mencegah ianya bermula.

#### ***f. Fasiliti.***

Berhubung peralatan pula, setiap tugas-tugas pengurusan di pejabat atau di bilik darjah amat memerlukan peralatan terutamanya peralatan ICT. Mengisi data secara online amat memerlukan peralatan ini. Walau bagaimana pun melalui pemerhatian, dapatan kajian ini menunjukkan peralatan ICT yang terdapat di prasekolah tidak digunakan kerana peserta tiada kemahiran menggunakan peralatan tersebut. Peserta perlu mencari ilmu menggunakan peralatan tersebut agar memudahkan kerja-kerja pengurusan. Dapatan kajian ini menyokong kajian yang dijalankan oleh Rosnaini (2011) dan Sandra (2012) yang menyatakan sikap guru yang negatif terhadap ICT menjadikan penggunaan ICT dalam tugas di bilik darjah sering bertanggah malah mendapati 67% daripada responden tidak memiliki kemahiran dalam bidang pengkomputeran.

Dapatan kajian juga menunjukkan kemudahan sumber elektrik juga merupakan masalah yang dihadapi oleh peserta dalam menggunakan peralatan ICT di bilik darjah. Kajian ini menyokong dapatan Sharifah Nor Puteh & Kamarul Azman Abd Salam

(2011) yang mengatakan kemudahan fizikal hanya 65.5% membantu penggunaan ICT di bilik darjah.



*Rajah 5.1*  
Tema Pengurusan Pengoperasian membina Dekripsi Kajian

### 5.2.2 Pengurusan Pengajaran

Perbincangan mengenai pengurusan pengajaran adalah menjawab soalan kajian yang kedua yang dikemukakan dalam kajian ini. Setiap guru yang memegang tanggungjawab sebagai guru kelas harus menguasai tadbir urus yang baik untuk memastikan pengoperasian bilik darjah berjalan dengan baik dan cemerlang. Namun begitu pengurusan pengajaran bilik darjah prasekolah berbeza dengan pengurusan pengajaran di arus perdana kerana tugas dan tanggungjawab mereka adalah berbeza. Pengurusan pengajaran guru prasekolah adalah meliputi aktiviti yang terdapat di prasekolah. Aspek yang dibincangkan berkaitan dengan pengurusan pengajaran dalam kajian ini ialah i) Penyediaan RPH, ii) Penyediaan BBM, iii) Pelaksanaan Kurikulum dan iv) Pelaksanaan Pentaksiran.

### **5.2.2.1 Penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH).**

Penyediaan RPH yang baik ialah apabila objektif pembelajaran dicapai oleh murid dan secara tidak langsung meningkatkan keyakinan guru dalam mengajar mengikut seperti yang telah dirancangan. RPH merupakan terjemahan Rancangan Pelajaran Tahunan (RPT) yang mengandungi maklumat seperti objektif cara bagaimana hendak mencapai objektif dan kenyataan sejauh mana objektif itu tercapai. (SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 3/1999: Penyediaan Rekod Pengajaran dan Pembelajaran KP (BS) 8591/Jilid XV/ (3) 9 Mac 1999).

Kajian ini mendapati peserta memiliki pengetahuan menyediakan RPH. RPH peserta didokumenkan dan dinamakan fail Rancangan Pengajaran Harian. Mereka menyediakan RPH dalam bentuk bercetak. Dapatan ini selari dengan Surat Pekeliling Iktisas Bil. 3 Tahun 1999 yang menyatakan rekod pengajaran dan pembelajaran boleh disediakan dalam apa jua bentuk yang munasabah dan sesuai dengan teknologi semasa (KPM, 1999).

Dapatan kajian juga mendapati, peserta terikat dengan format RPH yang dicadangkan oleh JPN. Cadangan penggunaan format ini menyebabkan catatan RPH peserta adalah ringkas. Oleh itu perincian aktiviti pengajaran tidak dimasukkan dalam RPH. Lantaran itu menyebabkan maklumat pengetahuan, kemahiran dan nilai yang disampaikan tidak dicatatkan dalam RPH.

Hasil kajian juga menunjukkan peserta mempunyai pengetahuan dan kefahaman memindahkan isi pelajaran secara bertulis tetapi dari segi praktikalnya peserta masih kurang memahami bagaimana menterjemah idea berkaitan pengajaran dalam RPH. Mengintegrasikan tunjang adalah menggabungkan dua atau tiga tunjang dalam satu pengajaran. Pelaksanaannya disusun mengikut urutan peristiwa agar pengajaran dapat disampaikan dengan lebih menyeluruh. Begitu juga dalam penulisan RPH perlu menyatakan tunjang-tunjang yang terlibat dalam sesuatu aktiviti yang dirancang.

Menerusi temu bual dan analisis dokumen kajian ini mendapati, peserta mengintegrasikan tunjang dalam penulisan RPH. Minimum tunjang yang diintegrasikan adalah dua dan maksimum empat. Namun begitu, peserta mengajar tidak mengikut apa yang telah dirancang. Kajian ini menyokong laporan JNJK 2013 yang mengatakan guru mengajar tidak mengikut apa yang telah dirancang.

Kajian juga mendapati peserta tidak menulis refleksi dalam RPH pada akhir sesi pengajaran. Menurut Nor Hasniza (2012) refleksi merupakan satu proses kognitif individu yang aktif menghasilkan cetusan pengalaman dengan pengujian tindak balas dan pemikiran yang waras untuk menghasilkan integrasi antara pemahaman dengan pengalaman baru. Penulisan refleksi pada setiap hari adalah untuk membantu guru merancang pengajaran pada hari esok. Sekiranya refleksi yang ditulis tidak mencapai hasil pembelajaran hari ini, maka guru perlu merancang pengajaran lain supaya hasil pembelajaran dapat dicapai.

Namun melalui temu bual dan analisis dokumen, kajian ini mendapati Peserta menggunakan laptop peribadi untuk menulis RPH. Arahan menulis RPH di komputer telah dikeluarkan oleh JPN. Tetapi peralatan pengkomputeran di prasekolah kebanyakannya tidak berfungsi dengan baik. Dapatan ini selari dengan hasil kajian oleh Sharifah Nor Puteh dan Kamarul Azman (2011b) yang mengatakan perkakasan komputer yang dibekalkan ke sekolah-sekolah telah rosak dan tidak disenggara dengan baik.

Oleh itu kajian ini berpendapat, sesuatu perubahan yang dilakukan dalam pendidikan perlulah mengambil berat dengan kemudahan fasiliti yang terdapat di sesebuah sekolah. Pihak yang berkepentingan tidaklah hanya merancang sesuatu perubahan sahaja, seharusnya perlu mengambil inisiatif agar kemudahan fasiliti mencukupi sebelum membuat sebarang perubahan. Oleh yang demikian, kajian ini membuktikan bahawa, kegagalan guru melaksanakan pengurusan RPH seperti yang

disarankan pihak atasan bukan hanya datang daripada guru semata-mata malah juga datang daripada pihak berkepentingan dalam pengoperasian prasekolah.

#### **5.2.2.2 Penyediaan Bahan Bantu Mengajar (BBM).**

Berdasarkan maklumat pengajaran yang terkandung di dalam KSPK (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009b), persediaan pengajaran guru perlulah merangkumi beberapa aspek penting. Antaranya RPH yang mengandungi kandungan pembelajaran, perancangan aktiviti berdasarkan tunjang dan set induksi serta bahan bantu yang akan digunakan. Melalui respons yang beri oleh peserta, kajian ini mendapati peserta banyak menggunakan BBM yang disediakan oleh Pembantu Pengurusan Murid (PPM). Seorang peserta kerap menggunakan bahan maujud sebagai BBM. Peserta jarang sekali menggunakan BBM yang dibekalkan oleh KPM kerana BBM tersebut tidak sesuai untuk peringkat umur prasekolah.

Oleh itu kajian ini menyokong laporan pemeriksaan pengajaran JNJK (2012) yang mengatakan guru prasekolah tidak menggunakan BBM yang dibekalkan oleh KPM. Namun begitu kajian ini menolak pandangan Rohaty (1999), Surayah Zaidon (2003) dan Lihana Borhan (2005) yang menyatakan guru prasekolah tidak cekap dalam menggunakan BBM semasa melaksanakan pengajaran di kelas prasekolah akibat kegagalan mengurus BBM dengan baik.

Menerusi pemerhatian, kajian ini juga mendapati BBM yang telah digunakan dipamer di sudut-sudut pembelajaran. Secara tidak langsung ini memberi peluang murid mendalami dan meneroka pembelajaran yang telah mereka lalui. Oleh itu kajian ini menyokong pandangan KPM (2018) yang mengatakan mempamerkan BBM boleh mengukuhkan pembelajaran kerana murid dapat mengalami apa yang diajar.

Oleh yang demikian, kajian ini berpendapat penggunaan BBM amat membantu guru menyampaikan ilmu kepada murid. BBM yang dibina seharusnya mengikut apa yang diajar dan berkait dengan persekitaran murid. BBM yang berkualiti dan murah

sesuai untuk prasekolah kerana BBM prasekolah sering bertukar ganti. Begitu juga dengan BBM untuk mainan seperti main pondok-pondok. Seharusnya BBM yang digunakan adalah yang original (asli) iaitu peralatan yang sebenar. Misalannya pisau, sudu, sudip, kualiti dan sebagainya. Penggunaan BBM yang original (asli) ini boleh melatih murid menggunakan peralatan dengan berhati-hati. Rajah 5.2 menunjukkan tema dan sub tema pengurusan pengajaran.

### **5.2.2.3 Pelaksanaan Pengajaran.**

Perbincangan pelaksanaan pengajaran ini adalah berdasarkan sub soalan kajian pertama yang dikemukakan dalam kajian ini. Pelaksanaan pengajaran ini adalah berkaitan dengan pengetahuan dan kefahaman mengenai kandungan KSPK sepertimana yang dipersoalkan melalui kajian Sharifah Nor Puteh dan Aliza Ali (2011a) dan KPM (JNJK) (2013).

Melalui protokol temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen yang telah dijalankan, peserta memiliki pengetahuan mengenai kurikulum dalam berbentuk abstrak dan cenderung kepada menambah nilai pengetahuan akademik. Dapatan kajian ini menyokong Surayah Zaidon (2003) dan KPM (JNJK, 2013) yang mengatakan pelaksanaan pedagogi di prasekolah lebih cenderung kepada memberi kemahiran asas membaca, menulis dan mengira. Lantaran itu persepsi guru terhadap pengajaran dan pembelajaran di prasekolah serta penggunaan kurikulum kurang difahami.

#### ***a. Melaksanakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Semaknan 2017***

Dalam pendidikan prasekolah, kurikulum merupakan elemen penting yang perlu dikuasai oleh setiap pelaksanaannya (Abd Halim, 2014). Manakala Lord & McFarland (2010) pula berpendapat kurikulum prasekolah mampu mewujudkan persekitaran pembelajaran yang aktif. Kurikulum prasekolah dibahagikan kepada dua iaitu kurikulum nyata dan kurikulum tersembunyi (Eliason & Jenkins, 1990). Kurikulum nyata ialah yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Manakala kurikulum

tersembunyi ialah perkara yang dipelajari secara tidak langsung dan berlaku perubahan tingkah laku murid juga secara tidak langsung daripada tindakan guru atau pengaruh persekitaran.

Temu bual yang dilakukan mendapati kefahaman KSPK Peserta adalah abstrak, dan tidak menyeluruh walaupun telah menggunakannya sejak 2010. Kefahaman ini merujuk kepada hasrat dan kandungan KSPK. Peserta menyatakan kefahaman hasrat KSPK yang tidak jelas dan kefahaman kandungan yang kurang dikuasai. Dapatan ini menyokong pandangan Abdul Halim (2014) yang menyatakan, kegagalan guru memahami kurikulum menyebabkan mereka tidak dapat menguasai pengajaran di dalam bilik darjah. Kurang kefahaman kurikulum dalam kalangan Peserta ditemui melalui respons mengenai pengajaran yang tidak mengikut kurikulum dan pentaksiran yang kurang fokus pada KSPK.

Oleh itu kajian ini menyokong dapatan Ashnida (2004) dan Bordova (2010) yang mengatakan guru perlu menguasai pedagogi dan kurikulum agar objektif pengajaran dapat dikuasai oleh murid. Kajian ini juga menyokong dapatan Hasniza Nordin (2014) dan Aliza (2015) yang menyatakan bahawa guru perlu memahami kurikulum sesuatu mata pelajaran untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan. Namun menolak dapatan kajian Duffy & Perry (1991) dan Arend (1998) yang menyatakan bahawa, kefahaman guru terhadap konsep pengajaran dalam kurikulum adalah berdasarkan persepsi, kepercayaan dan pengalaman mereka sebagai guru.

Walau bagaimanapun, temu bual dan pemerhatian yang dilakukan mendapati Peserta tidak merujuk KSPK dalam pengajaran tetapi menggunakan KSPK ketika merancang pengajaran. Dapatan kajian ini menyokong kajian Zuraidah & Hashimah (2004), yang mengatakan guru prasekolah lebih cenderung menggunakan pengalaman lalu berbanding kurikulum dalam pengajaran di bilik darjah.



Namun begitu kajian ini mendapati peserta mengetahui fungsi KSPK tetapi mereka tidak memahami kandungan dan hasrat KSPK secara total. Malah hasil pembelajaran yang dihasratkan dalam KSPK tidak dapat dicapai sepertimana yang dikehendaki. Kajian ini menyokong dapatan Bordova (2010) yang mendapati 75% dari guru prasekolah belum menguasai kefahaman kandungan kurikulum walaupun telah mempunyai pengalaman mengajar melebihi 5 tahun.

Kajian ini turut mendapati kefahaman guru terhadap hasrat kurikulum kurang dihayati dan difahami. Ini dapat dilihat melalui kefahaman Peserta terhadap isi pelajaran dan hasil pembelajaran yang dihasratkan kurikulum. Lantaran itu dapatan kajian menunjukkan peserta lebih memberi tumpuan kepada aspek kognitif seperti membaca, menulis dan mengira (lebih kepada operasi asas matematik). Dapatan ini bertentangan dengan Magdeline anak Nor (2012), Said Ambotang (2012) dan Baxtar (2007) yang mengatakan tujuan utama pendidikan prasekolah adalah untuk meningkatkan perkembangan murid dan membentuk jati diri mereka dengan menitikberatkan perkembangan yang seimbang dari aspek intelek dan sahsiah.

Dapatan kajian ini menunjukkan Peserta tidak memiliki pengetahuan menggunakan ABP yang ditekankan dalam KSPK. Malah peserta melaksanakan pengajaran tanpa mengambil kira penggunaan ABP. Dapatan ini menyokong kenyataan Lihana (2005) dan Mariani (2006), yang mengatakan guru prasekolah tidak mengikut ABP murid dalam pengajaran walaupun dalam KSPK telah dicadangkan penggunaan ABP. Oleh itu kajian ini berpendapat perubahan yang berlaku dalam kurikulum haruslah di terima oleh setiap guru. Sepertimana yang dinyatakan oleh Sulaiman (2004), bahawa transformasi kurikulum adalah untuk menambah baik kurikulum yang sedia ada. Transformasi kurikulum prasekolah iaitu dari KPK ke KSPK yang menekankan perkembangan holistik murid dengan memperkenalkan ABP dalam tunjang-tunjang

pembelajaran. Enam tunjang yang diperkenalkan dalam KSPK adalah merupakan elemen yang digunapakai dalam KPK sebelum ini.

Dapatan ini mengukuhkan pandangan Sulaiman (2004) dan Wina Sanjaya (2006), yang mengatakan transformasi kurikulum sukar dilaksanakan jika guru sebagai agen pelaksana mempunyai pemahaman yang kurang jelas terhadap kurikulum tersebut dan guru haruslah mempunyai ilmu khususnya dalam bidang mata pelajaran yang diajar.

Namun, kajian ini berpendapat bahawa, pelaksanaan pengajaran perlulah mengikut kurikulum dan selari dengan hasrat yang terkandung dalam KSPK yang mengkehendaki setiap murid menguasai kemahiran membaca, menulis, mengira dan menaakul. Kajian juga mendapati pengajaran peserta lebih memberi fokus kepada aspek kongnitif kerana tuntutan pihak pentadbir dan ibu bapa. Pentadbir mengkehendaki semua murid prasekolah menguasai 4M agar dapat mengurangkan peratus kemasukan murid tahun satu ke program LINUS dan ibu bapa pula mengkehendaki anak mereka menguasai 4M sebelum mereka ke aliran perdana.

#### ***b. Tunjang Pembelajaran.***

Tunjang pembelajaran dalam kajian ini merujuk kepada isi pelajaran yang terkandung dalam KSPK. Tunjang pembelajaran berkait rapat dengan Fokus Pembelajaran, Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran. Penggunaan tunjang pembelajaran adalah merentas dalam pengajaran Modul Asas dan Modul Bertema. Melalui temu bual dan pemerhatian yang telah dilakukan, kajian ini mendapati peserta tidak memahami dan tidak melaksanakan integrasi tunjang dalam pengajaran. Peserta tersebut dilihat keliru dengan pengintegrasian itu. Dapatan kajian ini menyokong dapatan Aliza dan Zamri Mahmod (2015) yang mengatakan kurikulum yang digunakan di prasekolah juga tidak begitu di ambil berat.

Menerusi temu bual dan pemerhatian pula, didapati Peserta lebih memberi fokus kepada penguasaan 4M murid prasekolah. Menguasai 4M juga adalah hasrat yang

terkandung dalam KSPK. Peserta hanya merancang penggunaan tunjang pembelajaran dalam penulisan RPH tetapi tidak melaksanakannya dalam pengajaran. Malah tumpuan lebih diberi kepada kemahiran kognitif dalam menguasai 4M disamping memperkenalkan operasi asas matematik.

Dapatan kajian ini bertentangan dengan dapatan Zamri Mahamod dan Magdeline anak Nor (2012), Ahmad Yunus Kasim dan Ab Halim Tamuri (2010) serta Anderson dan Pavan (1998) yang mengatakan, bahawa pembentukan jati diri murid sepatutnya menjadi tujuan utama pendidikan di sekolah dan selari dengan pandangan Eliasom dan Jenkins (1990), yang mengatakan, pelbagai aspek perkembangan murid boleh dicungkil melalui pengajaran dan pembelajaran pada peringkat awal persekolahan.

### ***c. Integrasi Tunjang.***

KSPK menekankan penggunaan tunjang dalam penulisan RPH dan pengajaran guru. Integrasi tunjang adalah menggabungkan dua atau tiga tunjang dalam satu slot pengajaran. Melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen mendapati Peserta tidak mengintegrasikan tunjang dalam pengajaran. Kajian juga mendapati, Peserta lebih mengutamakan pengajaran dalam aspek kognitif kerana kehendak ibu bapa murid yang mahukan anak mereka memperoleh kemahiran membaca, menulis dan mengira sebelum melangkah ke tahun satu.

Kajian ini menolak dapatan Siti Hidayana (2012), dan Magdeline anak Nor (2012), yang mengatakan bahawa tujuan utama pendidikan di sekolah adalah untuk melahirkan generasi yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial untuk mencapai perkembangan yang menyeluruh. Walau bagaimana pun dapatan kajian ini menyokong kenyataan JNJK (2013) yang mendapati kemahiran setiap tunjang itu belum dikuasai sepenuhnya oleh guru dan KPM (2015) yang mendapati guru lebih memberi tumpuan kepada pencapaian dan penguasaan 4M murid prasekolah.

Pengintegrasian tunjang juga melibatkan pengintegrasian ICT. Dunia pendidikan di abad 21 ini seharusnya setiap guru mahir menguasai ICT dalam pengajaran. Peserta mengetahui kepentingan menguasai kemahiran mengguna ICT dalam pengajaran. Walau bagaimanapun dari segi amalan penggunaan alatan teknologi dalam pengajaran, Peserta masih belum menguasai kaedah penggunaan dan pelaksanaannya. Kajian ini mendapati Peserta tidak mengaplikasikan ICT di bilik darjah kerana kurang memahami kaedah pengaplikasian alatan tersebut dalam pengajaran. Dapatan ini menyokong kajian Abd Rahman (2000) yang mengatakan tahap kesediaan guru sekolah menengah masih rendah dari segi penggunaan ICT dalam pengajaran dan dapatan Lee (2009) yang mengatakan guru hanya mampu mengendalikan kemudahan ICT tanpa mampu mengetahui penggunaannya dalam pengajaran.

Kajian ini berpendapat bahawa warga pendidik harus mengetahui penggunaan alatan ICT amat penting dalam pengajaran. Seharusnya pihak pentadbir mengambil inisiatif menganjurkan kursus pendek untuk guru-guru yang belum mahir menggunakan ICT dalam pengajaran dengan menggunakan bilik media atau bilik komputer yang terdapat di sekolah. Golongan pentadbir atau panitia perlu bertindak sebagai pemudahcara. Dengan cara ini sedikit sebanyak terdapat juga usaha untuk menambah pengetahuan guru-guru yang tidak atau belum mahir mengintegrasikan ICT dalam pengajaran.

Konsep pengajaran di prasekolah adalah berbeza sama sekali dengan konsep pengajaran di aliran perdana tahun satu. Peserta memiliki pengetahuan dan kefahaman pengajaran yang sesuai diaplikasi di prasekolah. Mereka memiliki pengetahuan pendekatan, bahan bantu dan konsep pengajaran yang sesuai di prasekolah. Namun atas kehendak ibu bapa dan pihak pentadbir menjadikan konsep pengajaran di prasekolah lebih menjurus ke arah formal.

Kajian ini mendapati peserta kurang menggunakan konsep belajar melalui bermain. Mereka mengatakan konsep tersebut tidak sesuai digunakan kini kerana mereka lebih fokus mencapai apa yang dihasratkan oleh pentadbir dan ibu bapa yang memastikan setiap murid prasekolah boleh menguasai 4M sebelum mereka ke tahun 1. Oleh itu Peserta lebih memberi tumpuan terhadap penguasaan tentang huruf, suku kata dan nombor kepada murid prasekolah. Dapatan ini menolak kajian yang dijalankan oleh Emily (2008) yang mengatakan konsep belajar kanak-kanak lebih kepada bermain dengan diarah oleh diri mereka sendiri tanpa mengambilkira tujuan bermain. Manakala kajian Watanabe (2011) dan Mariani (2012) pula mengatakan pendekatan belajar melalui bermain dapat membantu kanak-kanak peroleh tingkah laku yang baru. Namun kajian ini menyokong dapatan Nazariyah (2014) yang mengatakan pengajaran asas kepada literasi dan numerasi perlu dimulakan pada peringkat prasekolah atau tadika. Kajian ini juga menyokong dapatan Mariani (2006) yang mendapati guru prasekolah terlalu memberikan penumpuan terhadap keperluan akademik murid sebagai ukuran prestasi kerja mereka.

Walaupun begitu peserta amat memahami konsep yang sesuai digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran di prasekolah. Mereka memahami bahawa konsep belajar melalui bermain amat sesuai digunakan untuk pengajaran murid berumur 5+ ke bawah. Aktiviti melalui konsep tersebut juga membuka ruang untuk murid meneroka dunia mereka. Dapatan ini menyokong kajian yang dijalankan oleh Tajul (2004), Christidou (2005), Emily (2008), Donna M. Bagley, (2009) Sharifah Noor Puteh et al. (2011), Mariani (2010) dan Watanabe (2011) yang bersetuju mengatakan konsep belajar melalui bermain adalah pendekatan yang terancang dan berstruktur bagi memberi peluang kepada murid belajar dalam keupayaan kognitif, suasana yang menyeronokkan dan bermakna. Malah konsep ini diberi penekanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di prasekolah kerana bermain adalah fitrah semulajadi kanak-kanak.

#### ***d. Melaksanakan Pendekatan Pengajaran.***

Surayah Zaidon (2003) mengatakan pendekatan pengajaran adalah mengikut cara pengelolaan murid, cara menjalankan aktiviti, keaktifan pengajaran guru atau murid dan kreativiti guru dalam pengajaran. Setiap guru perlu menguasai pendekatan yang sesuai digunakan sebelum mengajar perkara yang baharu kepada murid. Tanpa merancang pendekatan mengajar, boleh menyebabkan guru mengajar seolah-olah seperti syok sendiri (Zamri Mahamod & Magdeline anak Nor, 2012). Manakala menurut Aliza (2011) pula, pendekatan pengajaran dalam pengelolaan murid adalah seperti pendekatan individu, pendekatan berpasangan, pendekatan kumpulan kecil atau besar dan pendekatan kelas. Namun begitu di prasekolah terdapat pelbagai pendekatan pengajaran yang boleh diaplikasi oleh guru.

Kajian ini mendapati Peserta kerap menggunakan pendekatan berpusatkan guru. Jarang sekali dilihat Peserta menggunakan pendekatan berpusatkan murid, pendekatan bertema dan pendekatan bermain. Peserta memberi alasan proses pengawalan bilik darjah menjadi lebih mudah jika menggunakan pendekatan berpusatkan guru kerana pengajaran akan lebih berpandu. Melalui pemerhatian juga, tiga orang peserta dilihat menggunakan pendekatan tersebut. Displin murid juga adalah terkawal di sepanjang sesi pengajaran guru. Dapatan ini menyokong kajian Nik Faezah (1996), Zulkiflie (2004) dan Khairuddin (2008), yang menyatakan disiplin murid di bilik darjah boleh dikawal sekiranya proses pengajaran guru di bilik darjah menggunakan pendekatan berpusatkan guru. Dapatan ini juga menyokong pemantauan JNJK (2013) yang melaporkan pengajaran guru banyak menggunakan pendekatan berpusatkan guru berbanding berpusatkan murid.

Namun kajian ini bertentangan dapatan Aliza & Zamri (2013), Sharifah Nor Puteh (2012) dan Bartlet (2012) yang mengatakan pengajaran berpusatkan murid amat sesuai digunakan dalam pendekatan pengajaran di prasekolah kerana pada peringkat umur di

bawah 5 tahun, daya ingin tahu murid adalah tinggi. Kajian ini juga menyangkal pandangan KPM (2010, 2012) yang mengatakan pendekatan pengajaran berpusatkan murid mampu menyediakan peluang untuk meneroka sesuatu topik dengan cara yang lebih mendalam, lebih banyak pilihan, memberi motivasi untuk kepuasan murid dan pengawasan murid juga lebih mudah dan terkawal. Disokong juga dengan kajian Norhaliza (2012) yang mengatakan pendekatan murid secara berkumpulan membolehkan guru membimbing murid mengikut kebolehan dalam menjalankan aktiviti disamping aktiviti pengukuhan dan pengayaan mengikut keperluan murid.

Manakala pendekatan bertema pula dianggap sebagai rangsangan kearah pembelajaran murid (KPM, 2010). Oleh itu beberapa faktor perlu diambil kira dalam pemilihan tema. Antara tema yang dipilih haruslah mampu merentas semua tunjang, bersesuaian dan berkaitan dengan pengalaman dan kehidupan murid, sesuai dengan situasi, masa dan peristiwa (Olga et. al, 2012).

Walau bagaimana pun kajian ini mendapati pendekatan bertema tidak diaplikasikan di bilik darjah prasekolah dan pengajaran guru didapati bersifat formal dalam memperkenalkan 4M kepada murid. Menerusi pemerhatian Peserta dilihat mengikut kehendak pentadbir dan ibu bapa yang menghendaki anak mereka menguasai 4M sebelum melangkah ke tahun satu. Mereka mengenyepikan keperluan murid tetapi memenuhi kehendak ibu bapa dan pihak pentadbir sekolah. Pentadbir pula mahukan semua murid prasekolah tidak terlibat dalam program LINUS. Dua perkara ini menjadikan Peserta mengabaikan pendekatan bertema. Kajian ini menyokong pandangan Mariani (2012) yang mengatakan guru prasekolah terlalu memberikan penumpuan terhadap keperluan akademik murid sebagai ukuran prestasi kerja mereka. Malah kajian ini juga menyokong laporan JNJK (2013) yang melaporkan guru prasekolah mengajar tidak menggunakan tema sepertimana yang dirancang dalam RPH.

Dapatan ini bertentangan dengan saranan *The National Association on the Education of Young Children* (2009) yang menetapkan bahawa amalan pengajaran guru prasekolah perlu merangkumi keperluan perkembangan murid, iaitu melibatkan tahap umur dan tidak hanya fokus pada pencapaian akademik murid semata-mata. Namun kajian ini menyokong dapatan Tarmizi (2008) yang mengatakan guru kurang menguasai sesuatu tema secara mendalam dan sukar mengaitkan pengajaran mereka. Senario ini menyukarkan guru mencapai standard prestasi yang dihasratkan.

Menguasai sesuatu pendekatan pengajaran berkait rapat dengan pengetahuan dan hasrat kurikulum. Oleh itu seseorang guru prasekolah itu haruslah menguasai KSPK sebelum memilih pendekatan yang sesuai digunakan dalam pengajaran. Lantaran itu kajian ini mendapati pengetahuan Peserta mengenai kandungan dan hasrat KSPK adalah tidak menyeluruh. Walaupun KSPK telah digunakan sejak 2010, Peserta tidak dapat menjelaskan dengan tepat berkaitan isi pengajaran. Malah peserta boleh menyatakan tunjang pembelajaran yang terdapat dalam KSPK tetapi tidak dapat menjelaskan isi pelajaran yang sesuai berkaitan tunjang-tunjang tersebut. Ada diantara Peserta yang mengajar persis guru tahun satu. Apabila guru tidak jelas mengenai isi pelajaran dan hasil pembelajaran, sudah pasti kurikulum tidak dihayati dan difahami. Sepertimana pendapat Abd Halim (2014), menyatakan pengetahuan kandungan kurikulum guru amat penting untuk menyampaikan pengajaran kepada murid.

Dapatan ini menyokong kajian Tengku Zawawi, (2010) yang menyatakan guru kurang memahami kurikulum dan masih menggunakan proses matematik yang berbentuk prosedur terutama dalam topik pecahan. Guru hanya memberi pengetahuan tentang peraturan matematik. Namun begitu kajian ini menolak dapatan Yusminah (2004) dan Souto-Manning, & Dice (2007), yang menyatakan seorang guru yang berkelayakan dan mendapat latihan boleh dan mahir mengaplikasikan kesemua



kurikulum yang sedang digunakan dan kemahiran yang berkaitan dengan pedagogi yang merupakan kunci utama dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran murid.

Kajian ini juga mendapati Peserta tidak memahami ABP. Lantaran itu mereka dilihat bersungguh memperkenalkan 4M kepada murid. Kesungguhan itu adalah kerana mereka bimbang murid prasekolah tidak menguasai literasi dan numerasi apabila berada di tahun satu. Mereka tahu dan memahami keperluan murid prasekolah iaitu menguasai perkembangan asas seperti kemahiran motor halus, motor kasar, koordinasi mata tangan dan sebagainya sepertimana yang diterapkan melalui tunjang dalam KSPK tetapi dengan kehadiran LINUS, corak pengajaran mereka berubah.

Namun, kajian ini berpendapat pelaksanaan pengajaran yang dilaksanakan oleh Peserta adalah selari dengan hasrat KSPK yang menghendaki murid prasekolah menguasai kemahiran 4M untuk menyediakan murid ke Tahun Satu. Malah kajian ini juga mendapati, peserta terdorong melaksanakan pengajaran yang tertumpu kepada aspek kognitif kerana tuntutan ibu bapa murid yang mahukan anak-anak mereka menguasai aspek tersebut sebelum melangkah ke tahun satu.

*e. LINUS.*

LINUS merupakan program pemulihan yang disusun untuk murid memperolehi kemahiran literasi dan numerasi ketika berada di tahap satu sekolah rendah. Literasi adalah keupayaan murid untuk membaca, menulis dan memahami perkataan dalam bahasa Malaysia, ayat tunggal dan ayat majmuk yang mudah serta mengaplikasikan pengetahuan tersebut dalam pembelajaran dan komunikasi harian. Manakala Numerasi pula adalah keupayaan melakukan operasi asas Matematik dan memahami idea Matematik serta mengapikasi pengetahuan dan kemahiran Matematik dalam kehidupan harian.

Sehubungan itu pihak sekolah telah mengambil inisiatif untuk membuat saringan LINUS pada semua murid tahun satu di setiap awal tahun. Saringan tersebut dilakukan

keatas murid yang telah menduduki prasekolah bersama murid dari tadika KEMAS, PERPADUAN dan swasta. Walau bagaimana pun melalui temu bual didapati Peserta tidak bersetuju murid yang baru menjejaki tahun satu di saring untuk LINUS kerana guru yang mengajar mereka ketika di prasekolah bukanlah beropsyen Bahasa Malaysia ataupun Matematik.

Dapatan ini mengukuhkan kajian Zaidah (2005) yang mengatakan setiap guru yang mengajar perlu menguasai isi kandungan mata pelajaran yang diajar dan tahu bagaimana menterjemahkannya dalam pengajaran. Kajian turut menyokong pandangan (Aslan & Kingdon, 2011; Metzler & Woessmann, 2012) yang mengatakan setiap guru itu harus mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang yang diajar.

Pihak pentadbir maklum bahawa prasekolah menerima kemasukan murid dari pelbagai sudut dan mengambil kira pendapatan ibu bapa tetapi tidak mengambil kira latar belakang ibu bapa. Jadi terdapat murid yang memang mengalami masalah pembelajaran seperti lembam dan *minor autism* tetapi ada segelintir ibu bapa tidak dapat mengenal pasti kekurangan dan tidak dapat menerima hakikat kekurangan anak mereka. Apabila diminta merujuk kepada doktor, mereka tidak membuat tindakan seperti yang disyorkan. Sekiranya ibu bapa memberi kerjasama dengan menghantar anak mereka ke sekolah khas, sekurang-kurangnya anak itu boleh di bimbing dengan cara pendidikan khas.

Walaupun bagaimanapun kajian ini mendapati pihak pentadbir meletakkan kesalahan kepada guru apabila terdapat segelintir murid prasekolah terlibat dalam program LINUS. Mereka seolah-olah meletakkan kelemahan murid prasekolah menguasai literasi dan numerasi diletak di bahu guru semata-mata. Kajian ini menyokong dapatan Nazariyah (2014) yang mengatakan tidak terdapat pemuafakatan antara ibu bapa dan pihak sekolah untuk mengurangkan LINUS. Kajian ini juga disokong oleh pengkaji

barat iaitu Stefanski dan Jacobson (2013) yang mengatakan permuafakatan antara sekolah dengan komuniti adalah terlibat secara menyeluruh dalam proses pendidikan.

Pentadbir maklum bahawa guru prasekolah juga diberi jawatan dan tugas-tugas lain di sekolah. Penumpuan mereka dalam pengajaran dan pembelajaran juga terganggu dengan tugas-tugas yang diberi. Dapatan ini menyokong kajian Jaafar (2006); Kamaruddin (2007); Gindan (2001) dan Siti Hajar (2013) yang menyatakan beban tugas guru hari ini menjadikan pengajaran di bilik darjah menjadi tugas kedua selepas tugas-tugas lain. Kajian turut disokong oleh K.Anandan (2012) dan Norashid (2014) yang mengatakan terdapat agihan tugas yang tidak seimbang dalam kalangan guru. Namun kajian ini menolak kenyataan CUEPACS bertarikh 8hb Februari, 2011 yang mengatakan guru sebenarnya tidak terbeban dengan tugas hakiki yang ada kecuali mereka sendiri yang membebankan diri mereka.

Sehubungan itu umum mengetahui guru prasekolah menerima latihan dalam opsyen prasekolah. Mereka juga menerima latihan dari Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Guru prasekolah bertugas mengajar dan membimbing murid prasekolah. Membantu meningkatkan perkembangan menyeluruh mereka iaitu perkembangan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Peserta tidak mengajar Bahasa Malaysia dan Matematik secara total tetapi hanya memperkenalkan asas Bahasa Malaysia, Matematik, Bahasa Inggeris dan Sains di prasekolah. Semua asas itu dimasukkan dalam tunjang-tunjang pembelajaran.

Oleh itu kajian ini berpendapat adalah tidak adil murid prasekolah disaring untuk program LINUS. Pihak KPM perlu maklum bahawa tidak semua peserta boleh mengajar literasi dan numerasi dengan cara dan teknik yang betul. Mereka bukanlah opsyen Bahasa Malaysia atau Matematik. Jadi pengajaran dan latihan literasi dan numerasi tidak dilakukan setiap hari. Walaupun kurikulum menyatakan hasrat murid prasekolah boleh mengenal huruf, membatangkan perkataan dan membaca ayat mudah

pada akhir persekolahan tetapi peruntukkan masa tidak diagih dengan betul. Hanya 90 minit BM dan 90 minit BI diberi, Peserta tidak cukup masa untuk membimbing murid seorang demi seorang. Tambahan pula dari sudut psikologinya seseorang kanak-kanak itu tidak boleh memberi lebih tumpuan pada satu-satu masa.

Kajian ini berpendapat seharusnya saringan LINUS ini dibuat untuk murid tahun satu naik ke tahun dua kerana guru yang mengajar BM, BI dan Matematik adalah guru opsyen. Malah tempoh belajar mereka juga adalah setahun dan peruntukkan masa untuk setiap mata pelajaran itu adalah 45 minit sehari. Berbanding dengan cara mengajar bukan opsyen. Murid prasekolah tidak boleh ditekan untuk menguasai literasi dan numerasi dengan baik.

***f. Integrasi ICT.***

Mengaplikasi dan mengintergrasikan ICT dalam pengajaran adalah melibatkan semua alatan teknologi. Sepertimana yang dikatakan oleh Abd Rahman (2000), mengaplikasi dan mengintergrasikan ICT adalah termasuk memahami penggunaan alat teknologi secara proaktif dalam pengajaran dan dalam kehidupan seharian. Memahami dan mengenali teknologi maklumat juga boleh membantu mencapai matlamat dalam pengajaran. Mengintergrasikan teknologi juga bermaksud boleh menggabungkan penggunaan alat teknologi maklumat dalam merancang dan melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (Siti Hidayana, 2012; Sharifah Nor Puteh & Kamarul Azman, 2011b).

Menerusi pemerhatian dan temu bual, didapati Peserta kurang faham dan kurang mahir mengendalikan dan mengintegrasikan alat ICT dalam pengajaran. Kajian ini menyokong dapatan kajian Abd Rahman (2000) dan Rosnaini (2011), yang mengatakan kefahaman guru masih berada di tahap sederhana dalam memahami pengintegrasian ICT dalam pengajaran. Kajian ini juga mengukuhkan kajian Karimah (2005) yang

mengatakan guru-guru tadika kurang menggunakan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran.

Namun dapatan ini bertentangan dengan kajian Berglund (2011) dan Klerfelt (2010) yang mengatakan setiap guru yang mendapat latihan perguruan harus boleh mengintegrasikan ICT dalam pengajaran di bilik darjah kerana mereka tahu pengintegrasian ini memberi peluang pembelajaran yang berkesan kepada murid. Integrasi ICT juga mampu memberi pengalaman pembelajaran dalam cara dan kadar yang berlainan untuk memenuhi keperluan setiap individu. Walau bagaimana pun, kajian ini mendapati murid diberi peluang menggunakan komputer secara berpasangan untuk menggalakkan mereka bersama-sama meneroka dan memperolehi pembelajaran. Kajian ini menyokong dapatan kajian Shukri (2004), Lee (2001) dan Mohd Arif (2001) yang mengatakan penggunaan ICT boleh membentuk persepsi pemikiran murid.

Manakala proses pengoperasian ICT boleh dikendalikan oleh guru tetapi melalui kajian ini Peserta didapati tiada kemahiran dalam menggunakan alatan tersebut dalam pengajaran. Mereka mahir menggunakan alat teknologi seperti televisyen dan radio tetapi mengintegrasikan alatan seperti komputer, internet dalam pengajaran sememangnya tidak semua Peserta mahir mengendalikannya. Kajian ini berpendapat seharusnya pihak yang bertanggungjawab seperti pentadbir sekolah memberi peluang kepada guru prasekolah untuk mendalami ilmu ICT. Antara aktiviti yang boleh membantu guru adalah melalui kursus-kursus pendek yang diadakan di makmal komputer sekolah dengan menjemput tenaga mahir menunjuk cara menggunakan dan mengendalikan alatan tersebut. Pihak yang berkepentingan seperti agensi yang membekalkan alatan ICT ke sekolah-sekolah juga seharusnya yang membekalkan tenaga mahir.

Melalui alternatif tersebut alatan ICT yang dibekalkan ke prasekolah akan dapatlah berfungsi dengan sempurna. Jika alatan dibekalkan tetapi tidak diberi tunjuk

ajar cara menggunakannya, sudah pastilah alatan itu akan terbiar dan tidak disenggara. Sepertimana dapatan kajian Mohd Arif (2011) yang mengatakan hal seperti ini menyebabkan wujudnya masalah disiplin di dalam kelas dan dalam masa yang sama menyebabkan alat bantu mengajar yang dibekalkan seperti komputer riba, LCD projektor dan sebagainya akan menjadi gajah putih.

Beberapa perkara yang dinyatakan berkaitan integrasi ICT dalam pengajaran memberi gambaran bahawa semua peserta memiliki pengetahuan kepentingan mengintegrasikan ICT dalam pengajaran tapi mereka tiada kemahiran mengaplikasikannya. Dapatan ini menyokong kajian Hasniza (2014) dan Richard, Lynette & Laurie (2012) yang mengatakan pengintegrasian ICT dalam pengajaran memerlukan kefahaman sebagai perwakilan tentang sesuatu konsep bagaimana menggunakan alat tersebut. Pengintegrasian ICT juga memerlukan strategi pedagogi dalam penyampaian isi pelajaran yang mudah dan senang difahami oleh murid.

Oleh yang demikian, kajian ini berpandangan integrasi ICT boleh diaplikasikan dalam pengajaran guru sekiranya guru melengkapkan diri dengan ilmu ICT dalam pengajaran. Guru perlu diberi latihan menggunakan ICT dalam pengajaran dan di beri kursus yang berkaitan. Namun pihak yang berkepentingan harus memastikan fasiliti ICT dilengkapkan di semua prasekolah di seluruh Malaysia termasuk di kawasan pedalaman.

### **5.2.3 Pentaksiran**

Pentaksiran adalah satu proses mendapatkan gambaran tentang prestasi pembelajaran seseorang murid dalam aktiviti pembelajaran dan pentaksiran dijalankan secara berterusan (Naimah Ishak, 2011). Guru adalah individu yang bertanggungjawab dalam pentaksiran murid. Tujuan utama pentaksiran dalam bilik darjah adalah untuk mendapat maklumat tentang kemajuan dan pencapaian seseorang murid (McMillan,

2000). Oleh itu kualiti pentaksiran di bilik darjah yang diamalkan oleh guru prasekolah perlu diberi perhatian.

Menerusi temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen, didapati peserta memiliki pengetahuan kepentingan pentaksiran kepada murid prasekolah. Peserta maklum tentang buku pentaksiran yang dibekalkan oleh KPM dan JPN. Mereka juga mengetahui kaedah pentaksiran yang perlu digunakan iaitu senarai semak, rekod anekdot, portfolio dan rekod berterusan. Walau bagaimana pun, kajian ini mendapati peserta tidak menjalankan pentaksiran sebagaimana yang difahami. Peserta juga dilihat kurang mahir merancang aktiviti yang berkaitan dengan tunjang pembelajaran. Oleh kerana itulah pentaksiran tidak dijalankan di prasekolah. Pentaksiran yang dibuat hanyalah untuk memenuhi arahan pihak atasan.

Dapatan kajian ini menyokong kajian yang telah dijalankan oleh Sylvia Chong (2009) yang mendapati majoriti guru mengakui mereka kurang mahir dalam semua isi kandungan kurikulum dan ini secara tidak langsung menjejaskan pelaksanaan pentaksiran. Kajian ini juga turut menyokong dapatan kajian Asraf (2013), yang mendapati faktor guru adalah yang paling penting dalam melaksanakan pentaksiran. Dapatan kajian tersebut menunjukkan guru-guru mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran yang sederhana tinggi dalam melaksanakan pentaksiran. Kajian ini juga mendapati kaedah pentaksiran yang digunakan oleh Peserta lebih menggunakan senarai semak berbanding rekod anekdot dan rekod berterusan. Menggunakan senarai semak lebih mudah berbanding rekod-rekod lain kerana kaedahnya mudah dan masa mentaksir juga tidak lama. Kajian ini menyokong dapatan Kyriacou, C. & Chien, P. (2004), yang mengatakan bahawa jadual waktu guru-guru yang agak padat menyukarkan guru untuk melaksanakan pentaksiran. Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Menurut Muhammad (2004), yang mengatakan guru tiada masa membuat penilaian formatif

terhadap murid prasekolah kerana guru banyak memberi tumpuan pada pengurusan pengajaran bilik darjah.

Walau bagaimanapun kajian ini mendapati peserta lebih selesa menggunakan senarai semak sebagai kaedah pentaksiran berbanding rekod anekdot dan rekod berterusan. Menggunakan senarai semak lebih mudah berbanding rekod-rekod lain kerana kaedahnya mudah dan masa mentaksir juga tidak lama. Dengan menggunakan kaedah senarai semak banyak maklumat boleh direkod dan boleh dirujuk oleh sesiapa sahaja. Manakala penggunaan rekod anekdot dan rekod berterusan pula jarang sekali digunakan. Malah hanya diguna jika terdapat murid yang bermasalah sahaja.

Sungguhpun begitu, kajian ini juga mendapati pentaksiran yang dijalankan ke atas murid prasekolah dilihat kurang berjaya dengan menggunakan senarai semak. Sememangnya fail rekod pentaksiran disediakan untuk setiap murid namun rekod tersebut tidak dilengkapkan dengan sempurna. Semua peserta menggemari pentaksiran portfolio dengan menilai hasil kerja murid. Hasil kerja tersebut di nilai dan diberi grad. Penggunaan masa untuk menilai hasil kerja adalah amat mencukupi kerana prosesnya boleh berlaku serentak dalam pengajaran guru. Dapatan ini menolak kajian Surayah Zaidon (2004) yang mengatakan antara masalah yang dihadapi guru yang menggunakan pentaksiran portfolio ialah latihan yang terbatas, bilangan murid yang ramai iaitu 25 orang dalam setiap bilik darjah dan menilai hasil kerja memerlukan tempoh masa yang panjang.

Namun begitu dapatan kajian ini mengukuhkan pandangan Rohaty (2012) yang mengatakan kaedah portfolio amat sesuai di guna untuk menilai dan mentaksir murid prasekolah. Kajian ini juga berpendapat pentaksiran bersifat autentik adalah amat sesuai digunakan di peringkat prasekolah. Pentaksiran autentik lebih cenderung menggunakan portfolio kerana perubahan tingkah laku murid boleh dilihat selain dari menjadikan portfolio sebagai evidens pentaksiran.



Kajian ini turut mendapati Peserta berusaha menggunakan instrumen pentaksiran senarai semak yang dibekalkan oleh KPM dan membuat pentaksiran portfolio tetapi ibu bapa masih inginkan anak mereka menjalani ujian di peringkat prasekolah. Menurut Rohaty (2012), guru-guru mengetahui bahawa pentaksiran murid prasekolah tidak boleh di nilai melalui peperiksaan kerana murid prasekolah hanya di taksir tahap penguasaan kemahiran asas sahaja. Namun Ibu bapa lebih menekankan pencapaian akademik berbanding perkembangan menyeluruh anak mereka. Dapatan ini menyokong kajian yang dijalankan oleh Nor Hashimah & Yahya (2003), yang mengatakan ibu bapa lebih menggemari stail peperiksaan dan memberi gred kepada penilaian murid berdasarkan peperiksaan. Manakala kajian Azizi & Jamaluddin (2012) mendapati ibu bapa sering mendesak guru prasekolah memberi peperiksaan untuk menilai penguasaan 4M anak-anak mereka.

Menurut James H. McMilan (2000), pentaksiran berlaku setiap hari supaya guru dapat menilai perubahan tingkah laku yang berlaku dalam kalangan murid. Namun, kajian ini mendapati pentaksiran di prasekolah tidak berlaku setiap hari tetapi P dilihat memberi tugas berbentuk lembaran kerja atau buku latihan. Namun lembaran kerja dan buku latihan tersebut tidak di nilai pada hari yang sama. Kajian ini mengukuhkan dapatan pemantauan PPDJJ (2015) yang mendapati guru tidak menjalankan pentaksiran ke atas murid prasekolah. Dapatan ini seolah menolak standard pentaksiran ke tiga yang terkandung dalam KSPK yang mengatakan pentaksiran harus dijalankan secara berterusan sepanjang masa.

Kajian ini juga mendapati Peserta menyediakan laporan deskriptif iaitu laporan yang menggambarkan atau menjelaskan sesuatu dengan lebih terperinci untuk pentaksiran keseluruhan murid prasekolah. Mereka menyediakan laporan pada setiap bulan Jun dan November. Laporan diberi dan dijelaskan kepada ibu bapa atau waris

murid dalam perjumpaan dengan ibu bapa yang diadakan pada bulan Jun dan November.

Namun begitu kajian ini berpendapat ibu bapa seharusnya mengetahui perkembangan yang perlu dikuasai oleh anak mereka sebelum melangkah ke tahun satu. Setiap murid itu seharusnya menguasai kemahiran berbahasa, kemahiran-kemahiran asas seperti motor kasar dan motor halus, menguasai prabaca, pratulis dan pranombor. Setelah setiap kemahiran itu dikuasai oleh murid, maka sudah pasti mereka boleh menguasai asas bacaan, boleh membatangkan suku kata dan sebagainya. Kajian ini juga berpandangan perhatian pengajaran guru bukan hanya mengembangkan kognitif murid malah juga menanam dan mengembangkan kemahiran jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial mereka.

Lantaran itu, kajian ini berpendapat penglibatan ibu bapa adalah perlu dalam aktiviti di prasekolah. Aktiviti yang dimaksudkan adalah seperti temasya sukan prasekolah, hari penyampaian hadiah dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Dapatan ini menyokong program yang terkandung dalam Serana Ibu Bapa yang dikeluarkan oleh KPM, yang mana buku tersebut mengatakan ibu bapa perlu mengambil maklum tugas dan peranan guru prasekolah. Ibu bapa juga perlu menyokong transformasi yang berlaku dalam dunia pendidikan dan melibatkan diri dengan sekolah.

#### **5.2.3.1 Kaedah Pentaksiran.**

Menurut KPM (2011), pentaksiran adalah satu proses untuk mendapatkan gambaran tentang prestasi pembelajaran seseorang murid dalam sesuatu mata pelajaran atau aktiviti pembelajaran. Pentaksiran juga bertujuan untuk mendapatkan maklumat secara berterusan tentang pengajaran dan pembelajaran serta memperbaiki pengajaran guru. Oleh itu pelbagai kaedah boleh digunakan dalam pentaksiran.

Melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen, kajian ini mendapati peserta menggunakan portfolio dan kaedah senarai semak dalam pentaksiran. Portfolio

digunakan hampir setiap hari. Penilaian pentaksiran dibuat ke atas lembaran kerja dan buku latihan. Dapatan ini menyokong pandangan Rohaty (2012), yang mengatakan kaedah portfolio sesuai di gunakan untuk menilai dan mentaksir murid prasekolah. Namun begitu dapatan ini menolak pandangan Surayah Zaidon (2004) yang mengatakan pentaksiran bersifat portfolio boleh menyebabkan kawalan disiplin murid menjadi rumit dan objektif yang disasarkan tidak akan tercapai.

Kajian ini turut mendapati Peserta negatif terhadap pentaksiran di prasekolah. Mereka tidak menjalankan pentaksiran seperti yang disyorkan oleh KPM. Fail-fail pentaksiran juga tidak dilengkapkan. Hanya seorang peserta yang melengkapkan fail pentaksiran setiap murid prasekolah. Dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Ghazali et al. (2012) dan Rahman & Ali (2008) yang mengatakan bahawa guru mempunyai sikap yang sederhana terhadap pentaksiran.

Namun kajian ini berpendapat, guru prasekolah bebas menggunakan kaedah pentaksiran yang sesuai untuk murid prasekolah kerana hanya guru yang mengetahui kelebihan dan kelemahan murid mereka. Secara tidak langsung boleh memberi gambaran kepada ibu bapa atau guru tahun satu tahap penguasaan dan bakat yang ada pada setiap murid prasekolah. Jadi guru prasekolah perlu diberi peluang memilih kaedah pentaksiran yang sesuai diaplikasikan di bilik darjah. Rajah 5.2 menunjukkan tema dan sub tema tugas sampingan



Rajah 5.2

Tema dan Sub Tema Pengurusan Pengajaran membina Dekripsi Kajian

#### 5.2.4 Tugas Sampingan

Perbincangan tugas sampingan ini adalah berdasarkan kepada soalan kajian pertama (SK3) yang dikemukakan dalam kajian ini. Tugas sampingan adalah tugas lain dari tugas hakiki seorang guru di bilik darjah dan dilakukan mengikut arahan ketua jabatan. Lantaran itu tugas sampingan ini ialah tugas-tugas yang wajib dilakukan oleh guru prasekolah selain dari mengajar di bilik darjah prasekolah.

Melalui tugas sampingan ini guru-guru semakin tertekan apabila terdapat pihak yang berkepentingan terus menagih produk murid yang lebih berkualiti setiap tahun. Raja Muda Perlis, mahu semua guru bersedia melakukan transformasi bagi meningkatkan kualiti pendidikan negara. Lantaran itu, setiap guru perlu berubah daripada amalan tugas biasa ke tahap yang lebih berprestasi tinggi (Utusan Malaysia, 13 Jan. 2011, m.s.2).

Melalui temu bual dan pemerhatian, kajian ini mendapati P memegang jawatan penting dalam pengurusan sekolah. Tugas-tugas tersebut adalah seperti sebagai Penolong Ketua Unit Jawatankuasa Sarana Sekolah, guru buku teks sekolah dan beberapa jawatan penting yang menuntut guru banyak menggunakan masa untuk tugas

tersebut. Oleh itu situasi tersebut mengundang tekanan dalam kalangan peserta dan tumpuan dalam pengajaran dan pembelajaran guru di bilik darjah juga terganggu akibat tugas sampingan ini.

Kajian ini menyokong dapatan Punanesvaran (2000), Hanapi (2004), Fun (2008) dan Klassen dan Chiu (2010) yang mengatakan bahawa faktor kerja tambahan yang diberi oleh pentadbir secara tidak adil menyebabkan guru berasa tertekan kerana terpaksa membuat lebih kerja dalam masa yang singkat. Dapatan ini juga mengukuhkan pendapat Kamarudin (2007) mengatakan guru terpaksa melakukan juga kerja-kerja perkeranian seperti mengisi borang, menyediakan sistem fail dan menguruskan kerja-kerja pengurusan lain yang bukan dalam bidang tugas pengajaran dan pembelajaran.

Namun dikebanyakan negara, guru yang mengajar di prasekolah tidak memegang jawatan lain selain dari mengajar di bilik darjah dan lebih memberi tumpuan pada pembelajaran di bilik darjah. Berbanding Malaysia yang melibatkan guru prasekolah memegang satu jawatan dalam pengurusan iaitu setiap satu dalam Pengurusan akademik, Pengurusan hal ehwal murid dan Pengurusan Ko-kurikulum. Penglibatan itu perlu kerana ianya diambil kira dalam pemberian markah oleh ketua jabatan dalam sasaran kerja tahunan (SKT). Kajian ini berpendapat pihak yang berkepentingan seharusnya mengambil berat dengan tugas mengajar guru prasekolah. Peruntukkan masa mengajar mereka lebih panjang berbanding guru yang mengajar di arus perdana.

Menurut Nortini (2002), pengurusan sekolah menjadi semakin kompleks apabila berlakunya transformasi dalam pendidikan. Guru dibebani tugas-tugas lain selain dari tugas hakikinya mengajar dan mendidik murid-murid. Begitu juga guru prasekolah. Umum melihat tugas dan tanggungjawab sebagai guru prasekolah mudah dan tidak banyak karenah tetapi hakikatnya tugas guru prasekolah lebih mencabar berbanding

guru mata pelajaran lain. Guru prasekolah juga kadang-kalanya bertindak menjalankan tugas sebagai kerani dalam satu-satu masa.

Kajian ini mendapati peserta menunaikan tugas-tugas sampingan atas arahan yang dikeluarkan oleh pihak pentadbir sekolah dan PPD. Tanggungjawab tugas sampingan tersebut memerlukan tindakan segera. Jadi, pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah ditinggalkan dengan pengawasan pembantu. Dapatan ini menyokong dapatan pengkaji terdahulu seperti Mohd Hasani (2007), Emily (2008) dan Junaidah (2013) menyatakan tanggungjawab yang berlebihan di sekolah telah mengganggu pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Namun, di kebanyakan Negara maju seperti Jepun dan Australia, tugas sampingan guru prasekolah bukanlah datang daripada pihak pengurusan sekolah tetapi datang daripada ibu bapa dan murid prasekolah itu sendiri. Tugas sampingan seperti mengisi data murid secara online, tugas-tugas pengurusan sekolah tidak langsung memberi tamparan kepada guru prasekolah di Negara tersebut. Berbanding Malaysia, guru prasekolah menanggung kerja yang sama seperti guru-guru mata pelajaran lain di arus perdana.

Melalui temu bual dan analisis data, kajian ini mendapati peserta membuat kerja tugas sampingan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Mereka memberi tugas berbentuk lembaran kerja kepada murid sambil mengisi data secara online. Oleh itu kajian ini berpendapat, tugas-tugas perkeranian di prasekolah diberi kepada pembantu pengurusan murid secara mutlak. Mereka perlu diberi kursus mengenai tugas perkeranian tersebut. Sebarang arahan berkaitan tugas perkeranian daripada pihak atasan, disalurkan terus kepada nama pembantu pengurusan murid.

Namun begitu kajian ini mendapati, peserta tetap melaksanakan tugas sampingan yang diberi dengan lebih saksama. Mereka berpendapat sebagai guru dan penjawat awam, mereka berasa perlu untuk taat kepada ketua jabatan. Oleh yang

demikian kajian ini berpendapat, guru prasekolah seharusnya boleh menerima tugas sampingan yang diberi oleh ketua tetapi agihan tugas itu seharusnya adil dan saksama. Dalam hal ini pentadbir perlu lebih peka. Adil dan saksama bermaksud, pentadbir perlu mengambil kira tempoh masa mengajar guru prasekolah, tanggungjawab di bilik darjah prasekolah dan aliran perdana.

#### **5.2.4.1 Arahan Pengurusan.**

Tugas sampingan yang diterima oleh guru berkait rapat dengan arahan pihak pengurusan sekolah. Sebagai pentadbir, guru besar berkuasa untuk memberi tugas kepada orang bawahan mereka. Manakala guru sebagai orang bawahan hanya mampu akur dengan arahan. Pentadbir yang menggunakan corak pengurusan yang demokrasi akan mencorakkan pengurusan organisasi yang adil (Suhaimi, 2011).

Kajian ini mendapati peserta melaksanakan tugas yang bukan rutin melebihi tugas hakiki. Pemerhatian yang dilakukan dalam tempoh dua minggu, didapati peserta melaksanakan tugas bukan rutin setiap minggu iaitu 3 hari dalam seminggu. Tugas tersebut adalah berkaitan dengan aktiviti luar sekolah seperti perkhemahan murid tahun 6, mengiring murid ke kejohanan sukan daerah dan menghadiri mesyuarat pengurus sekolah. Situasi ini menjadikan tugas dan tanggungjawab guru prasekolah di bilik darjah dikecilkan. Dapatan ini selari dengan kajian Abd Said (2012) dan Norashid (2014) yang mengatakan tugas professional guru prasekolah telah menjadi kecil berbanding tugas sampingan mereka. Namun dapatan ini bertentangan dengan saranan Raja Muda Perlis yang mahukan kaum guru agar bersedia berubah daripada amalan tugas biasa ke tahap yang berprestasi tinggi, sentiasa berkorban masa, tenaga dan telus dalam tugas mereka (Utusan Malaysia, 13 Jan. 2011, m.s.2).

Walau bagaimanapun peserta berpendapat, tugas sampingan yang diterima boleh dilaksanakan sekiranya pihak pentadbir telus dan adil dalam mengagihkan tugas. Peserta maklum bahawa pihak pentadbir mengeluarkan arahan adalah berdasarkan

tugasan yang diberi oleh pihak JPN dan PPD. Dapatan ini menyokong Asraf (2013), K.Anandan (2012) dan Kyriacou dan Chien (2004) yang mengatakan pentadbir berperanan menstruktur organisasi sekolah dengan mengagihkan tugas secara adil kepada semua kakitangan di bawah tadbiran mereka.

Oleh yang demikian, kajian ini berpendapat setiap pentadbir harus peka pada memo yang dikeluarkan oleh KPM, dimana memo tersebut memaklumkan bahawa tugas sampingan yang diberi kepada guru prasekolah seharusnya tidak berlebihan kerana tugas dan tanggungjawab guru di prasekolah adalah sangat besar berbanding guru di aliran perdana. Tanggungjawab atau jawatan pada tugas ko-kurikulum pula hanyalah sebagai ahli jawatankuasa dan bukan sebagai pengerusi.

#### **5.2.4.2 Tugas *Ad hoc*.**

Tugas ad-hoc yang sering diberi oleh pihak pentadbir apabila sesuatu tugas perlu disempurnakan dalam masa terdekat. Kajian ini mendapati peserta menerima tugas ad-hoc dari pentadbir adalah seperti menggantikan guru ke mesyuarat luar seperti di PPD atau JPN, *relief* kelas tahun satu dan melaksanakan tugas PPM. Dapatan kajian juga menunjukkan melaksanakan tugas ad hoc ini memberi tekanan kepada peserta. Tekanan terjadi apabila tugas yang dilakukan itu tidak digemari atau tidak seronok melaksanakan tugas tersebut. Dapatan ini menyokong Raja Maria (2011), Mokhtar (2007) yang mengatakan guru-guru mengalami tekanan melaksanakan tugas sampingan dan tugas yang diterima dari pihak pengurusan yang memerlukan tindakan segera. Adakalanya tugas itu bukan satu yang di rancang tetapi muncul dari situasi yang tidak diduga (Abdul Shukur 2004).

Kajian ini mendapati Peserta memerlukan motivasi untuk kekal dalam kerjaya sebagai guru prasekolah. Motivasi yang diperlukan adalah penghargaan sendiri yang diterima dari pihak pentadbir sekolah. Malah kajian juga mendapati anugerah khidmat cemerlang merupakan satu bentuk motivasi yang diperlukan oleh guru prasekolah.



Semua Peserta mengatakan sokongan dan penghargaan dari pentadbir merupakan galakkan motivasi untuk terus berada dalam dunia prasekolah.

Keseluruhannya dapatan kajian ini menyokong kajian yang dijalankan oleh Abd Halim (2014), Mohd Shahrizan (2013), Faizah (2013) dan Olga et. al, (2012) yang mengatakan bahawa sokongan pentadbir dalam melaksanakan penilaian prestasi yang adil dapat meningkatkan komitmen serta motivasi kerja guru yang tinggi. Manakala guru yang dinilai secara tidak adil melemahkan komitmen mereka dalam kerja-kerja hakiki. Dapatan ini juga turut menyokong kajian yang dijalankan oleh Abdul Said dan Susie (2013), yang mendapati bahawa penilaian prestasi yang telus, adil serta menyeluruh oleh guru besar terhadap guru tadbirannya dapat membantu meningkatkan prestasi dan motivasi kerja mereka juga untuk terus bersaing di peringkat global.

Kajian ini turut menyokong dapatan Mohd Abd Rahman (2004) yang mendapati penghargaan merupakan faktor yang boleh menyebabkan guru hilang motivasi kerja. Faktor penghargaan adalah merujuk kepada penghargaan yang diberikan kepada guru-guru yang berdedikasi, dan cemerlang dalam akademik dan ko kurikulum.

Untuk mencapai hasil pembelajaran yang berkesan, seseorang guru juga memerlukan motivasi. Menerusi temu bual dan pemerhatian, kajian ini mendapati seorang Peserta menjadikan murid prasekolah sebagai motivasi diri dalam mencapai matlamat. Peserta menetapkan matlamat agar tiada murid prasekolah terlibat dalam program LINUS apabila mereka ke tahun satu. Kajian ini menyokong dapatan Kajian yang dijalankan oleh Rosli (2006) yang mendapati guru perlu mempunyai motivasi semasa menyampaikan pengajarannya dan bijak mengubah bentuk komunikasi pada situasi yang berbeza untuk mencapai matlamat.

Kajian ini juga mendapati semua Peserta mengalami tekanan apabila pihak pentadbir mula mempertikaikan kredibiliti mereka sebagai guru prasekolah yang di kategorikan gagal apabila terdapat murid prasekolah terlibat ke program LINUS. Situasi

ini berlaku apabila pentadbir mensasarkan tiada murid prasekolah terlibat dalam program LINUS kerana pihak pentadbir berpendapat guru yang mengajar di prasekolah adalah guru yang terlatih dan menggunakan kurikulum yang sama dengan prasekolah lain. Maka pentadbir mengatakan tidak seharusnya murid prasekolah terlibat dalam program LINUS.


Kemasukan murid prasekolah ke program LINUS juga telah mengakibatkan Peserta di cemuh oleh guru tahun satu. Situasi ini sangat memberi tekanan kepada Peserta. PPD juga turut memberi tekanan kepada Peserta apabila ada sebilangan murid prasekolah KPM terlibat dalam program LINUS. Isu ini dibangkitkan dalam mesyuarat bersama pentadbir dan guru prasekolah di PPD dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN). Perbandingan yang dilakukan oleh pihak KPM turut melaporkan bahawa murid prasekolah KPM lebih ramai terlibat dalam program LINUS berbanding murid dari tadika swasta. Sebagai seorang guru pendidikan awal kanak-kanak, Peserta memiliki pengetahuan mengenai keperluan psikologi murid prasekolah.

Dunia mereka adalah bermain. Pembelajaran yang sesuai untuk mereka adalah melalui bermain. Murid prasekolah juga perlu menguasai perkembangan asas seperti kemahiran motor halus, kemahiran motor kasar, koordinasi mata tangan dan kemahiran otot tangan sebelum menguasai 4M. Sekiranya semua perkembangan tersebut diabaikan, kemahiran menulis murid tidak berlaku dengan baik. Oleh itu kajian ini berpendapat setiap pentadbir perlu memberi sokongan kepada guru prasekolah dan bukannya memberi tekanan kepada mereka. Pentadbir perlu berbincang bersama guru prasekolah mengenai kelemahan dan kelebihan pengajaran guru serta mencari inisiatif bagaimana untuk menyelesaikan sesuatu isu yang timbul.

Walau bagaimana pun melalui temu bual, kajian ini mendapati peserta tidak mendapat kepuasan kerja yang optimum. Mereka berpendapat ilmu psikologi kanak-kanak yang dipelajari semasa di IPTA tidak dapat diaplikasikan sepenuhnya di

prasekolah kerana kehendak ibu bapa dan pentadbir yang lebih berkehendakkan murid prasekolah menguasai kemahiran membaca, menulis, mengira dan menaakul lebih awal. Situasi ini menimbulkan tekanan kepada Peserta. Dapatan ini menyokong kajian Emily (2008) yang mengatakan guru yang gagal menyesuaikan diri dan mempraktikkan ilmu keguruan dalam opsyen menyebabkan mereka gagal mencapai tahap kepuasan dalam kerja seharian.

Dapatan ini juga menyokong kajian yang dilakukan oleh Faizah (2013), Junaidah (2013), Sarimah (2009), Mohd Izham (2006) dan Griffith J. (2004) yang mengatakan kepuasan kerja berkait rapat dengan motivasi dan moral kerja yang diceburi. Oleh itu kajian ini berpendapat pemimpin organisasi yakni guru besar perlu memenuhi keperluan intrinsik orang bawahan untuk meningkatkan motivasi mereka dan kepuasan kerja mereka juga akan bertambah. Rajah 5.3 menunjukkan tema dan sub tema tugas sampingan



Rajah 5.3  
Tema dan Sub Tema Tugas Sampingan Yang Membina Dekripsi Kajian

### 5.3 Implikasi Kajian

Kajian ini meneroka Pengurusan Pengoperasian dan Pengajaran dalam kalangan guru prasekolah. Fokus kajian adalah terhadap pengurusan pengoperasian, pengurusan pengajaran dan tugas sampingan. Kajian ini secara amnya mendapati Peserta

mempunyai pengetahuan dan kefahaman dalam pengurusan pengajaran melalui aspek pengurusan dan kefahaman konsep pengajaran. Selain itu, Peserta juga mempunyai pengurusan pengajaran dalam aspek pentaksiran, rancangan pengajaran harian dan bahan bantu mengajar. Tugas sampingan juga memberi impak dalam pengurusan pengajaran Peserta. Hal ini mempengaruhi perlakuan dan tindakan mereka dalam profesion keguruan.

Secara keseluruhannya dapatan kajian ini telah memberi beberapa implikasi pada peringkat KPM khususnya Bahagian Pembangunan Kurikulum sebagai pembuat KSPK. Di samping itu kajian ini juga memberi implikasi kepada pihak pentadbir sekolah, JPN dan PPD. Oleh yang demikian, terdapat beberapa implikasi di mana pihak berkepentingan dalam pendidikan prasekolah harus mengambil maklum supaya guru prasekolah tidak keliru dalam mengurus pengajaran di bilik darjah. Pengurusan pengajaran peserta adalah berasaskan matlamat yang dihasratkan oleh KPM.

Oleh itu untuk mencapai matlamat tersebut pengurusan pengajaran guru perlulah berlandaskan kurikulum dan perancangan yang bersifat formal yang memperlihatkan peserta ingin mentadbir prasekolah dengan cemerlang dan melaksanakan kurikulum sepertimana yang ditetapkan dalam pengurusan prasekolah dan kurikulum. Namun yang berlaku adalah sebaliknya. Bersesuaian dengan tujuan kajian ini untuk meneroka pengurusan pengoperasian dan pengurusan pengajaran secara holistik mengikut kurikulum.

Justeru kajian ini yang bersifat kualitatif boleh memberi impak yang bermanfaat menerusi dapatan kajian yang dilaporkan. Sehubungan itu terdapat beberapa implikasi yang perlu pihak berkepentingan dengan dunia prasekolah mengambil maklum supaya guru prasekolah terus bermotivasi mengurus pengajaran di bilik darjah demi merealisasikan harapan Negara.

### **5.3.1 Implikasi Terhadap Pengurusan Pengajaran Prasekolah.**

Kajian ini dilaksanakan terhadap empat orang peserta. Dua diantaranya merupakan guru opsyen dan dua lagi merupakan guru yang telah bertukar opsyen dari Bahasa Melayu ke prasekolah. Pertukaran opsyen dibuat melalui kursus-kursus yang telah dihadiri dan telah mengajar di prasekolah melebihi 7 tahun. Namun pengetahuan dan kemahiran dalam mengurus pengajaran dalam kalangan mereka adalah berbeza menyebabkan pengurusan pengajaran di bilik darjah belum mencapai yang optima. Peserta juga keliru samada mengajar mengikut perkembangan murid atau kurikulum atau untuk memenuhi harapan pentadbir dan ibu bapa.

Oleh yang demikian, hasil kajian ini mendapati pengurusan pengajaran peserta adalah mengikut panduan pengurusan prasekolah yang meliputi pengurusan perkapita, inventori, fasiliti, aktiviti kurikulum dan aktiviti ko-kurikulum. Namun ada ketikanya panduan tersebut diketapikan kerana mengikut arahan pentadbir. Implikasinya, peserta tidak dapat mengikut mengurus pengajaran dengan sempurna, panduan pengurusan prasekolah diabaikan, hasrat kurikulum untuk membina insan seimbang juga tidak dapat direalisasikan dan hanya tinggal retorik. Oleh itu pemeriksaan berkala perlu dilakukan oleh pegawai prasekolah di PPD dan JPN. Pendedahan mengenai pengurusan pengajaran prasekolah juga perlu diberi kepada pihak pengurusan sekolah supaya tidak berlaku kekeliruan dan percanggahan arahan kepada guru prasekolah.

### **5.3.2 Implikasi Terhadap Pengoperasian Prasekolah.**

Secara keseluruhannya, pengoperasian prasekolah memerlukan kemudahan asas dan infrastruktur yang secukupnya dan selasa untuk pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Fasiliti di prasekolah dalam konteks Malaysia adalah merujuk kepada bilik darjah yang selamat, kemudahan asas yang mencukupi, pendawaian yang selamat, peralatan permainan luar, peralatan teknologi dan kemudahan perhubungan awam. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati, pendawaian elektirk di bilik darjah tidak

sempurna. Misalnya, sekolah P1 dan P2, pendawaian litar letrik yang disambungkan dari bilik darjah prasekolah ke pondok jaga adalah tidak sesuai dan merbahaya kepada murid dan guru. Lantaran itu alat teknologi seperti televisyen, radio dan komputer tidak boleh digunakan. Walaupun pihak prasekolah telah memaklumkan kepada pihak pentadbir, namun belum ada tindakan lanjut diambil. Begitu juga dengan keadaan dapur dan ruang makan murid di prasekolah. Hanya terdapat satu dapur dan satu ruang makan untuk 50 orang murid. Ruang makan yang disediakan sempit dan tidak sesuai untuk bilangan murid. Manakala dapur hanya disediakan satu untuk dua buah bilik darjah. Situasi ini bermula semasa berlakunya kelas perluasan prasekolah.

Peralatan teknologi yang di terdapat di prasekolah tidak berfungsi dengan baik. Alatan seperti televisyen, radio, komputer dan pencetak memang terdapat di bilik darjah perasekolah tetapi alatan tersebut tidak berfungsi dengan baik. Malah hanya dijadikan sebagai syarat “ada” alatan itu di prasekolah. Dari segi pengurusan pengajaran, ianya mengganggu matamat yang hendak dicapai. Keadaan ini memberi implikasi terhadap pengoperasian prasekolah yang dihasratkan bertaraf dunia di abad 21 ini. Malah ia juga memberi implikasi kepada pelaksanaan kurikulum yang lebih komprehensif dilaksanakan di bilik darjah prasekolah yang terletak di pinggir dan luar bandar.

### **5.3.3 Implikasi Terhadap Polisi Pendidikan Prasekolah.**

Secara teknikalnya, guru prasekolah cenderung mengajar kemahiran asas 4M. Walaupun kurang sesuai namun tidak menjadi kesalahan, kerana 4M merupakan matlamat utama dalam KSPK. Walau bagaimanapun, ia memberi implikasi besar kepada disiplin pelaksanaan KSPK secara keseluruhannya. Oleh yang demikian, pihak yang bertanggungjawab dalam pengoperasian pendidikan prasekolah di Malaysia harus menyemak semula sukatan pelajaran yang digunapakai dalam latihan guru yang dikendalikan oleh Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS). Sukatan yang boleh melatih bakal guru untuk menguasai

kurikulum prasekolah, pengurusan dan pengurusan bilik darjah, pentaksiran murid, sistem fail dan sebagainya.

Seharusnya guru yang mengajar di prasekolah adalah beropsyen prasekolah. Walau bagaimana pun, kini guru prasekolah ramai yang menyambung pelajaran ke peringkat ijazah dan telah menukar jurusan ke Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris atau kaunseling. Namun apabila tamat pengajian, mereka diarahkan semula mengajar di kelas prasekolah dengan menaikkan gred guru prasekolah ke DG 42. Impaknya motivasi guru itu sendiri terganggu kerana minat mereka telah berubah. Mereka menyambung pengajian untuk beralih opsyen, namun pilihan itu tidak dilayan oleh pihak atasan.

Manakala sesetengah dalam kalangan guru prasekolah memegang gred DG 48. Kenaikan gred itu berdasarkan kecemerlangan mereka dalam kerjaya. Namun dengan gred itu memberi alasan kepada pihak pentadbir untuk memberi mereka jawatan-jawatan penting di sekolah. Tugas yang memerlukan mereka meninggalkan bilik darjah dalam tempoh masa yang panjang. Oleh itu situasi ini mengganggu pengajaran guru di bilik darjah. Bukan hanya mengganggu pengajaran guru malah perhatian pada murid prasekolah juga terabai dan hanya pembantu sahaja yang mengawasi murid di bilik darjah.

Tugas guru prasekolah di bantu oleh pembantu pengurusan murid. Prosedur standard operasi (SOP) tugas pembantu pengurusan murid adalah membantu kerja-kerja di prasekolah seperti memasak makanan, mengemas bilik darjah, membantu pengurusan fail dan membantu pengajaran guru tetapi mereka tidak dibenarkan mengajar di bilik darjah prasekolah. Membantu pengajaran adalah seperti menyediakan BBM atau lembaran kerja. Oleh yang demikian, sekiranya guru prasekolah terlibat dengan tugas-tugas luar seperti karnival atau pun mesyuarat, PPM tidak boleh menggantikan pengajaran guru prasekolah. Guru tahun satu perlu mengambil alih tugas guru

prasekolah sekiranya guru keluar atas urusan rasmi atau bercuti sakit. Situasi ini mengundang masalah kepada pihak pentadir untuk menyusun jadual relief dan menyebabkan guru-guru lain kurang selesa dengan peraturan itu.

#### **5.3.4 Implikasi Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Prasekolah.**

Enam tunjang pembelajaran terdapat dalam Modul Teras Asas dan Modul Bertema. Fokus dan hasil pembelajaran yang dicadangkan mengelirukan guru. Lantaran kajian ini mendapati guru lebih cenderung mengajar kemahiran membaca, menulis dan mengira dengan menggunakan buku tulis dan buku kerja sebagai alat penilaian. Fokus guru hanyalah pada kemahiran tersebut tanpa mengambil kira pengguna 6 tunjang seperti yang disarankan KSPK. Situasi ini memberi impak pada kurikulum yang digunakan.

Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati peralatan pembelajaran yang terdapat di kelas prasekolah sangat kurang, rosak dan tidak terkini. Oleh yang demikian integrasi ICT dalam pengajaran seperti yang dinyatakan dalam KSPK tidak dilaksanakan. Tambahan pula alat ICT yang tidak disenggara dan guru tidak mahir mengguna dan mengendalikan alatan ICT dalam pdp.

Alat teknologi yang terdapat di prasekolah adalah seperti televisyen, radio, komputer, pencetak, LCD dan perakam cakera padat. CD interaktif yang dibekalkan oleh pihak KPM juga tidak digunakan kerana kurang sesuai untuk peringkat umur murid prasekolah. Guru Prasekolah boleh menggunakan komputer untuk kerja-kerja pengurusan tetapi mengintegrasikan ICT dalam pengajaran mereka kurang mahir. Malah perisian komputer yang terdapat diprasekolah adalah perisian yang tidak terkini. Teknologi pada abad ini berubah terlalu pantas.

Kajian ini juga mendapati guru prasekolah mengajar seperti berkonsepkan pendidikan formal. Situasi ini berlaku apabila pihak pentadbir mensasarkan murid prasekolah tidak terlibat dalam program LINUS. Jadi untuk melatih murid menguasai



bacaan, tulisan dan awal matematik, memerlukan masa yang panjang kerana setiap murid itu berbeza perkembangannya. Secara tidak langsung menjadikan kurikulum prasekolah (KSPK) yang dikeluarkan sendiri oleh KPM tidak diikuti sepenuhnya di prasekolah. KSPK itu menetapkan 6 tunjang dalam KSPK tersebut dan murid prasekolah perlu menguasainya. Aktiviti yang sesuai mengikut tunjang-tunjang tersebut tidak dapat dijalankan sepenuhnya kerana guru perlu membimbing murid menguasai 4M sebelum murid itu ke tahun satu. Walaupun guru menyediakan RPH tetapi tidak mengikut apa yang dirancang sebab mereka lebih memberi tumpuan pada 4M.

Kurikulum yang dirancang oleh KPM sangat baik dan sesuai diaplikasikan di prasekolah. Tetapi guru prasekolah tidak berjaya menghabiskan semua kurikulum tersebut untuk tempoh satu tahun kerana kekangan LINUS. Kajian juga mendapati fokus dan hasil pembelajaran yang dihasratkan KSPK tidak tercapai sepenuhnya. Keadaan ini berlaku kerana desakan pentadbir dan ibu bapa yang bekehendakkan anak mereka menguasai 4M sebelum ke tahun satu. Malah peserta juga memaklumkan murid akan terlibat dalam program LINUS ketika di tahun satu jika mereka mengajar mengikut fokus dan hasil pembelajaran KSPK dan murid tidak mengikut LINUS jika mereka tidak mengikut KSPK.

KSPK yang disediakan melatih murid menguasai Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Oleh itu penggunaan Bahasa Inggeris juga dimasukkan dalam KSPK tersebut tetapi tidak dilaksanakan. Situasi ini berlaku guru prasekolah tidak menguasai Bahasa Inggeris dengan baik. Mereka tiada keyakinan untuk mengajar dalam Bahasa Inggeris. Walaupun hanya 60 minit ditetapkan dalam satu minggu. Guru prasekolah juga tidak menguasai nahu dan diftong dalam Bahasa Inggeris. Malah dalam latihan perguruan yang diterima juga tidak menekankan penggunaan Bahasa Inggeris di prasekolah.

Menguasai KBAT memerlukan pengalaman. Oleh yang demikian, murid prasekolah perlu dilatih lebih awal untuk menggalakkan mereka berfikir diluar kotak.

Jadi guru perlu merancang aktiviti yang boleh membawa dan melatih murid berfikir. Guru boleh merancang aktiviti yang mencabar di bilik darjah. Aktiviti berkumpulan boleh melatih murid berfikir diluar kotak. Oleh itu guru prasekolah perlu lebih kreatif dalam pengajaran mereka. Soalan-saoalan peperiksaan pada peringkat UPSR juga telah menggunakan soalan KBAT. Jadi, mereka perlu diberi peluang meneroka persekitaran pembelajaran di prasekolah supaya apa yang dilihat boleh difikir dengan lebih jauh. Namun tekanan LINUS menjadikan pengajaran tidak menerapkan KBAT.

KPM juga menetapkan guru prasekolah membuat pentaksiran untuk semua murid prasekolah. Modul pentaksiran disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). Namun pentaksiran yang berlaku di prasekolah tidak mengikut modul yang dibekalkan. Menurut Peserta, modul tersebut terlalu rigid dan kaedah pentaksiran yang pelbagai. Mereka tidak memahami penggunaan modul tersebut. Impaknya pentaksiran tidak berlaku dalam konteks yang sebenar di prasekolah. Kebanyakan guru prasekolah menggunakan kaedah senarai semak dan portfolio dalam pentaksiran. Terdapat juga dalam kalangan Peserta menggunakan senarai semak yang dibina sendiri.

### **5.3.5 Implikasi Terhadap Sistem Pendidikan Prasekolah di Malaysia.**

Kajian ini memberi manfaat dalam bidang ilmu, institusi pendidikan, pendidik dan masyarakat di Malaysia. Kajian yang berkaitan dengan pengurusan pengajaran iaitu bagaimana guru prasekolah merancang perjalanan bilik darjah, mengelola pdp, memimpin murid prasekolah dan mengawal perjalanan bilik darjah. Kepentingan pengetahuan mengurus pengajaran yang merangkumi pelbagai aspek termasuk kurikulum, ko-kurikulum, pengurusan dan segala yang berkaitan dengan pengurusan pengajaran yang berkualiti telah menjadi tumpuan KPM yang diterjemahkan dalam PPPM 2013-2025. Oleh itu, dapatan kajian ini memberi implikasi bahawa pengurusan pengajaran dan pelaksanaan pengajaran terbaik yang diamalkan dan diaplikasikan oleh

guru prasekolah dalam bentuk deskripsi dapat memberi gambaran tahap kualiti profesional yang diperlukan dalam pendidikan prasekolah.

Kajian ini juga memberi gambaran kepada masyarakat bahawa pendidikan prasekolah yang berada di bawah tadbiran KPM dikendalikan oleh guru-guru yang mendapat latihan dari IPTA dan bertauliah. Guru yang mengetahui dan memahami psikologi dan keperluan murid serta mengetahui konsep pengajaran yang bersesuaian untuk murid prasekolah. Kefahaman dan pengetahuan mereka berbeza dengan guru-guru lain di arus perdana. Guru aliran perdana hanya memegang satu pengkhususan mata pelajaran. Manakala guru prasekolah perlu menguasai asas semua mata pelajaran.

Namun begitu masih terdapat sesetengah masyarakat beranggapan guru prasekolah adalah guru lepasan SPM sama seperti guru tadika perpaduan dan tadika KEMAS. Walaupun bakat mereka telah diketengahkan oleh pihak yang berkepentingan, guru prasekolah masih dikategorikan rendah ilmunya berbanding guru di arus perdana. Impaknya masyarakat beranggapan pembelajaran prasekolah tiada beza dengan pembelajaran di tadika perpaduan dan tadika KEMAS.

### **5.3.6 Implikasi Teori.**

Kajian ini menggunakan tiga teori iaitu pengurusan, pengurusan bilik darjah dan motivasi. Teori pengurusan yang digunakan telah dipelopori oleh Stoner, Freeman dan Gilbert. Teori ini menekankan merancang, mengelola, memimpin dan mengawal. Semua elemen tersebut sangat bersesuaian dengan pengoperasian prasekolah. Manakala teori pengurusan bilik darjah yang dipelopori oleh Kuonin pula banyak mengutarakan proses dalam pengurusan bilik darjah yang meliputi persekitaran bilik darjah, disiplin murid dan perjalanan proses pengajaran. Manakala teori motivasi yang digunakan adalah teori Abraham Maslow. Teori ini mengutarakan motivasi yang diperlukan oleh guru atau pekerja dalam kerjaya.

Sehubungan itu pengkaji berpendapat bahawa kedua teori pengurusan dan pengurusan bilik darjah perlu digabungkan untuk dijadikan panduan dalam pengurusan pengajaran di prasekolah. Pengurusan pengajaran di prasekolah tidak boleh berdiri dalam sendiri dalam teori pengurusan bilik darjah. Begitu juga dengan teori pengurusan. Penggunaan teori pengurusan melihat keseluruhan pengurusan sebuah organisasi manakala teori pengurusan bilik darjah menggariskan panduan dalam proses pengajaran. Impaknya dalam prasekolah kedua-dua teori tersebut perlu digabungkan untuk mendapatkan gambaran keseluruhan pengoperasian bilik darjah prasekolah. Penggabungan teori ini diperlukan kerana dalam pengurusan prasekolah melibatkan pengurusan yang merangkumi pengurusan peralatan, kewangan, lawatan, pengajaran dan sebagainya.

#### **5.4 Cadangan Kajian**

Bahagian ini membincangkan cadangan kajian secara menyeluruh yang melibatkan pengurusan pengajaran guru prasekolah di bilik darjah. Bagaimana pengurusan pengajaran, tadbir urus pengajaran dan bentuk tugas sampingan dalam pengurusan pengajaran empat Peserta. Bab ini mengemukakan beberapa cadangan untuk peningkatan profesionalisme guru prasekolah.

##### **5.4.1 Cadangan Pelaksanaan Pengajaran**

Konsep pengajaran di prasekolah hampir ditinggalkan dalam pengajaran guru prasekolah dewasa ini. Situasi ini berlaku lantaran KSPK yang digunapakai menekankan matlamat penguasaan kemahiran asas 4M. Oleh itu setiap guru prasekolah perlu berpengetahuan tentang aspek persediaan dan pelaksanaan pengajaran yang sememangnya melibatkan pemikiran logik murid prasekolah dalam menaakul pengajaran guru yang menekankan kemahiran melalui Modul Asas Teras.

Justeru aktiviti bermain dalam pengajaran berasaskan Modul Bertema perlu dipertingkatkan agar dapat mencungkil dan mengembangkan kreativiti murid. Aktiviti

bermain yang sesuai untuk peringkat prasekolah adalah aktiviti bermain dalam pembelajaran terancang. Iaitu aktiviti bermain yang dapat mencapai hasil pembelajaran yang dihasratkan. Aktiviti bersahaja seperti drama, bercerita, bermain bongkah dan sebagainya dapat menarik minat murid belajar dengan seronok seolah-olah bermain di rumah. Melalui aktiviti seperti itu juga akan dapat menanam literasi bahasa dalam komunikasi harian murid.

Namun begitu penguasaan Bahasa Inggeris guru juga perlu dipertingkatkan untuk merealisasikan hasrat yang terkandung dalam KSPK. Umum mengetahui guru yang mengajar di prasekolah mendapat latihan perguruan dalam bidang prasekolah. Jadi untuk mengajar dalam Bahasa Inggeris walaupun hanya 60 minit seminggu, guru prasekolah tiada keyakinan diri kerana kekurangan mereka dalam menguasai bahasa tersebut. Tambahan pula tidak semua guru prasekolah lulus mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pekara ini tidak boleh dipandang ringan oleh pihak-pihak yang berkepentingan. Waima dalam penggunaan kosa kata Bahasa Inggeris sekiranya salah, adalah sukar untuk diperbetulkan.

Walau bagaimanapun pelaksanaan pengajaran berbahasa Inggeris dilihat sukar dilaksanakan di kawasan-kawasan dialek pekat bahasa ibunda tempatan. Misalannya dialek bahasa Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Guru-guru yang mengajar di sekolah rendah mahupun murid sekolah menengah di negeri-negeri tersebut rata-ratanya menggunakan bahasa tempatan dalam pengajaran mereka untuk memudahkan murid faham apa yang ingin disampaikan. Terutama di kawasan-kawasan luar bandar.

Oleh itu adalah dicadangkan supaya guru prasekolah diberi latihan khusus untuk mengajar dalam Bahasa Inggeris. Mereka perlu dilatih oleh guru-guru Bahasa Inggeris dan kursus juga dikendalikan dalam Bahasa Inggeris agar guru dapat membiasakan diri. Tempoh kursus pula dalam jangkaan 3 bulan. Kajian ini juga mencadangkan guru yang mempunyai opsyen Bahasa Inggeris mengajar bahasa tersebut di prasekolah sama

konsepnya seperti guru Pendidikan Islam. Oleh itu kajian ini juga mencadangkan guru prasekolah diberi masa untuk mengambil alih kelas elektif guru Bahasa Inggeris tersebut.

Di samping penguasaan Bahasa Inggeris, kemahiran penggunaan alatan ICT juga perlu diperluaskan kerana kajian ini mendapati ada dalam kalangan guru prasekolah tidak mahir menggunakan peralatan ICT dalam pengajaran. Pengintegrasian ICT dalam pdp tidak berlaku kerana kelemahan P menguasai kemahiran tersebut. Sehubungan itu kajian ini mencadangkan setiap guru prasekolah diberi alat ICT seperti komputer riba. Mereka juga diberi pendedahan menggunakan alatan tersebut dalam pengajaran. Kursus berkaitan integrasi ICT dalam pdp perlu diadakan dan dinilai oleh mereka yang mahir dalam kurikulum. Melalui cara ini juga memudahkan pihak yang berkepentingan menyediakan laporan pemantauan pdp guru prasekolah.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa, Peserta lebih memberi tumpuan dalam pengajaran Modul Teras Asas yang menjadikan amalan pedagogi hanya menggunakan pendekatan tertentu sahaja. Mereka lebih memberi tumpuan dalam penguasaan 4M murid prasekolah. Oleh itu kajian ini mencadangkan agar guru prasekolah diberi peluang meneroka aspek berkaitan Modul Bertema dan Modul Teras Asas dengan lebih mendalam. Mereka juga perlu diberi peluang mengaplikasikan ilmu Pendidikan Awal Kanak-kanak yang telah dipelajari semasa menerima latihan perguruan. Pihak yang berkepentingan seharusnya memahami kemahiran yang perlu dikuasai oleh setiap murid yang berumur 5 hingga 6 tahun dalam kehidupan mereka. Oleh itu mereka tidak perlu mendesak murid pada peringkat umur ini menguasai literasi dan numerasi dengan baik.

#### **5.4.1 Cadangan Pentaksiran Prasekolah**

Pentaksiran pada peringkat prasekolah harus dilaksanakan supaya dapat mengetahui tahap penguasaan murid dan keberkesanan pengajaran guru. Kaedah pentaksiran yang disediakan oleh KPM adalah senarai semak, anekdot, rekod

berterusan, analisis hasil kerja, menggunakan maklumat dan menganalisis dan menginterpretasi. Melalui kaedah yang pelbagai ini, menyukarkan guru melaksanakan pentaksiran.

Oleh itu kajian ini mencadangkan agar pihak KPM menetapkan kaedah pentaksiran yang paling dominan digunakan untuk murid prasekolah normal dan prasekolah keperluan khas. Pihak PPD atau JPN perlu mengadakan kursus pembinaan modul pentaksiran untuk kedua prasekolah ini. Kaedah pentaksiran boleh menggunakan seperti yang disarankan KPM tetapi kandungan pentaksiran itu harus mengikut kemampuan guru melaksanakannya. Senarai semak tidak terlalu detail untuk setiap tunjang. Cukup sekadar menggambarkan tahap penguasaan murid.

#### **5.4.3 Cadangan Rancangan Mengajar Harian**

Selaras pada zaman sains dan teknologi ini, RPH disediakan melalui ICT. Oleh itu guru prasekolah menyediakan RPH mereka dalam komputer dan mencetak RPH tersebut untuk tempoh satu minggu selepas pengajaran. RPH tersebut di semak dan ditandatangani oleh pihak pentadbir. Namun terdapat RPH yang dicetak itu adalah RPH yang telah digunakan pada tahun sebelumnya dan P hanya menukar tarikh sahaja. Keadaan ini tidak salah jika tahap penguasaan murid itu sama seperti tahun sebelumnya. Sekiranya tahap itu berbeza, RPH juga harus berbeza.

Oleh itu kajian ini mencadangkan penulisan RPH guru prasekolah kembali menggunakan buku rekod pengajaran kerana buku ini akan disimpan oleh pihak sekolah pada setiap hujung tahun. Apabila menggunakan buku rekod pengajaran, sudah pasti isi pengajaran juga berubah. Guru akan merubah rancangan pengajaran setiap hari. Secara tidak langsung guru juga akan ingat kandungan KSPK secara keseluruhannya. Rancangan pengajaran guru perlu mengikut hasil pembelajaran yang dihasratkan.

#### 5.4.4 Cadangan Tugas Sampingan

Setiap guru diberi tugas sampingan untuk membantu pengurusan pengurusan sekolah berjalan dengan lancar termasuklah guru prasekolah. Namun terdapat guru prasekolah memegang jawatan penting di sekolah dan tugas itu melibatkan pengurusan sekolah keseluruhannya. Memandangkan guru prasekolah memegang gred jawatan lebih tinggi berbanding guru-guru di aliran perdana, mereka diberi tugas tersebut oleh pentadbir. Walhal pengurusan prasekolah menuntut guru memberi lebih tumpuan dalam pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan bilik darjah.

KPM telah mengeluarkan senarai tugas guru prasekolah dan memo mengenai tugas dan tanggungjawab guru prasekolah kepada pihak pentadbir. Memo tersebut mengatakan guru prasekolah tidak boleh diberikan jawatan penting di sekolah tetapi mereka boleh diberi jawatan sebagai ahli jawatankuasa. Oleh itu kajian ini mencadangkan guru-guru prasekolah tidak seharusnya memegang jawatan penting seperti penyelarasan buku teks dan penyelarasan bertindas serana sekolah kerana tugas-tugas ini menuntut guru berada diluar bilik darjah dalam tempoh yang lama.


Begitu juga dengan latihan-latihan sukan dan permainan murid prasekolah. Jika guru prasekolah sendiri yang melatih murid, sudah pasti bilik darjah juga ditinggalkan. Keadaan ini berlaku kerana murid prasekolah hanya boleh dilatih pada sesi pagi sahaja. Adalah sukar untuk mereka hadir latihan pada sesi petang. Oleh itu kajian ini mencadangkan agar semua latihan sukan dan permainan murid prasekolah dilatih oleh guru sukan iaitu guru yang mempunyai opsyen sukan. Bukan sukan prasekolah sahaja, malah sukan di aliran perdana juga. Guru sukan hanya mengajar mata pelajaran elektif sahaja di kelas aliran perdana tidak melibatkan kelas-kelas peperiksaan penting. Oleh itu bilangan guru sukan di setiap sekolah perlu diperbanyakkan.



Jadual 5.1

Konstruk Cadangan Kerangka Pengurusan Pengoperasian dan Pengajaran

<p><b>Pelaksanaan Pengurusan Pengoperasian dan Pengajaran di Bilik Darjah Prasekolah</b></p> <p>Meliputi Latihan sebelum dan semasa bertugas secara berterusan atau berkala, mengikuti kursus pengurusan prasekolah dan pengajaran pada peringkat Sarjana Muda, Sarjana atau Doktor Falsafah</p>	<p>Pelaksanaan Pengurusan Pengoperasian</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Perkapita</li> <li>- Inventori</li> <li>- Jadual Waktu</li> <li>- Jadual Menu</li> <li>- Fail Pengajaran</li> <li>- Hal Ehwal Murid</li> <li>- Ko kurikulum</li> <li>- Kurikulum</li> </ul> </li> </ul>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Rancangan Pengajaran Tahunan</li> <li>- KSPK</li> </ul>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Fasiliti                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Peralatan luar dan dalam bilik darjah</li> <li>- Peralatan ICT</li> </ul> </li> </ul>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pendekatan Pengajaran</li> </ul>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>- KSPK</li> </ul>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengetahuan dan Kefahaman Kandungan</li> </ul>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kemahiran Menyampaikan Pengajaran</li> </ul>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Integrasi Tunjang</li> </ul>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Integrasi ICT</li> </ul>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>- RPH                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Perancangan mengikut tema</li> <li>- Penulisan integrasi tunjang</li> </ul> </li> </ul>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pentaksiran                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kaedah</li> <li>- Merekod</li> <li>- Melapor</li> </ul> </li> </ul>	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bahan Bantu                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Alat teknologi ICT</li> <li>- Kreativiti sendiri</li> </ul> </li> </ul>	
	<p>Pengurusan Tugas Sampingan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan Sekolah                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tugas bukan rutin</li> <li>- Tugas ad hoc</li> </ul> </li> </ul>



*Rajah 5.4*  
Cadangan Kerangka Pengurusan Pengoperasian dan Pengajaran Prasekolah Luar Bandar

## 5.5 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian terhadap pengurusan pengajaran yang berkaitan dengan pengurusan bilik darjah, pelaksanaan kurikulum, konsep pengajaran, pentaksiran membantu memahami pengurusan pengajaran secara realiti di sekolah. Kajian berkaitan pengurusan pengajaran terhadap sesuatu bidang pengurusan pengajaran dapat memberi kefahaman tentang sejauh mana pengurusan pengajaran berlaku seperti yang dihasratkan dalam pengoperasian sebuah prasekolah di Malaysia.

Menurut Mohd Izham (2006) dengan menjalankan kajian berkaitan pengurusan sesebuah sekolah telah mengenal pasti faktor perancangan, pengelolaan, kepimpinan dan mengawal pengurusan dapat diperbaiki pada masa hadapan. Tambahan pula transformasi dalam pendidikan di Malaysia kerap berlaku dalam abad ini. Oleh itu setiap maklum balas yang peroleh perlu diperhalusi bagi tujuan penambahbaikan pengurusan pengajaran khususnya dalam pengoperasian prasekolah.

Memandangkan kajian ini kajian kes kualitatif, pengkaji cuba mengenal pasti pengurusan pengoperasian, pengurusan pengajaran dan tugas sampingan dalam pengurusan pengajaran guru prasekolah. Kajian ini tidak boleh digeneralisasikan untuk mewakili keseluruhan konteks prasekolah. Justeru diharapkan kajian kes ini dapat

memberi gambaran sebenar tentang pengurusan pengajaran yang berlaku dalam pengoperasian prasekolah di Malaysia secara keseluruhannya. Penjelasan terhadap fenomena pengoperasian prasekolah yang dihadapi oleh guru prasekolah menerusi pengurusan pengajaran perlu diperhalusi dengan lebih mendalam. Menerusi penerangan dan penjelasan terhadap fenomena tersebut pihak yang berkaitan perlu merancang dan melaksanakan program yang sesuai untuk membantu guru dan pentadbir sekolah dalam menjayakan prasekolah bertaraf dunia yang melahirkan generasi berilmu dan berkemahiran seperti yang dihasratkan.

Oleh yang demikian adalah diharapkan agar kajian berkaitan pengurusan pengajaran ini dapat diperhalusi dengan mengkaji beberapa konstruk lain dalam model pengurusan pengajaran khususnya prasekolah. Kajian juga boleh melibatkan guru yang berlainan prasekolah seperti prasekolah pendidikan khas. Ini kerana, kajian ini hanya memberi tumpuan terhadap guru prasekolah normal. Adalah diharap kajian masa depan dicadangkan melibatkan guru prasekolah pendidikan khas, tadika-tadika swasta, KEMAS dan Perpaduan supaya dapat membanding bezakan pengurusan pengajaran prasekolah-prasekolah tersebut. Dapatan kajian mungkin lebih menarik kerana melibatkan pelbagai faktor yang mencetuskan polemik terhadap pengoperasian prasekolah di Malaysia.

Kajian lanjut perlu juga mengambil kira mengenai lokasi kerana kajian ini hanya berlaku di daerah Jempol, Negeri Sembilan dengan sebilangan sekolah yang terlibat adalah luar Bandar dan kawasan felda. Oleh itu dicadangkan kajian lanjut boleh dialihkan ke kawasan Bandar, pinggir Bandar, sekolah orang asli dan meneroka penemuan hasil dapatan yang pelbagai, lebih luas dan berbeza mengikut lokasi dan tempat guru prasekolah bertugas.

Manakala proses pemerhatian adalah dicadangkan melibatkan bilangan Peserta, tempoh yang lebih panjang agar mendapat corak dan kefahaman sebenar mengenai

pengurusan pengajaran dalam melaksanakan transformasi pendidikan prasekolah. Temu bual boleh diperincikan dengan melibatkan corak pengurusan, perancangan, pengelolaan, kepimpinan dan pengawalan secara menyeluruh dengan mengambil kira peranan pembantu pengurusan murid dan pentadbir sekolah.

## **Penutup**

Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka Pengurusan Pengoperasian dan Pengajaran guru prasekolah di daerah Jempol, Negeri Sembilan dengan lebih memberi tumpuan kepada pengurusan bilik darjah, pelaksanaan kurikulum dan tugas sampingan guru iaitu bagaimana guru merancang, mengelola, memimpin dan mengawal pengurusan pengoperasian dan pengajaran di bilik darjah prasekolah. Kajian kes bersifat kualitatif ini dilaksanakan di dua buah sekolah yang mempunyai 2 buah bilik darjah prasekolah. Dua buah sekolah yang mempunyai 2 orang guru prasekolah setiap satunya.

Sungguhpun begitu kajian ini dapat memberi gambaran terperinci mengenai pengurusan pengajaran guru prasekolah dari segi pengurusan bilik darjah, kefahaman konsep pengajaran, tadbir urus pengajaran dan tugas sampingan yang diterima dalam pengajaran di prasekolah. Dapatan kajian ini membantu semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan transformasi kurikulum dan pengoperasian prasekolah agar guru dapat mengurus dan melaksanakan kurikulum dengan lebih cemerlang.

Perbincangan, implikasi kajian dan cadangan yang dikemukakan dalam kajian ini dapat membantu semua pihak yang terlibat meningkatkan program latihan dan kursus untuk menyediakan guru prasekolah yang lebih profesional dan berpengetahuan. Perhatian semua pihak terhadap dapatan kajian ini dapat memastikan pengurusan pengajaran lebih efisien dalam melahirkan insan seimbang dan berdaya saing.

## Rujukan

- Abd. Shatar Che Abd. Rahman. (2007). *Pengetahuan kandungan dan pedagogi guru Pendidikan Moral Tingkatan Empat di sebuah sekolah* (Doctoral dissertation, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya).
- Abdul Ghani Kanesan, A., & Anandan, K. (2013). PENGARUH KEPIMPINAN PENTADBIR SEKOLAH TERHADAP PEMBELAJARAN PELAJAR: PERANAN EFIKASI KOLEKTIF GURU SEBAGAI MEDIATOR. In *Prosiding Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Ke-19 2012* (pp. 113- 132). Institut Aminuddin Baki.
- Abdul Kadir.Z, (2011). *Sudut Pandang Muhyiddin Yassin*. Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Abdul, S. A. (2004). *Kepimpinan unggul tonggak pengurusan pendidikan cemerlang*. Prosiding Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke 12. Institut Aminudin Baki.
- Abdullah, A. S. (1994). *Penilaian semula situasi pengurusan sekolah*.
- Abdullah, M. K., & Laji, H. (2016). Kepimpinan Pengajaran dan Sikap Guru Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(1), 48-58.
- Abdullah, M. N. B. *Pengamalan Kompetensi Dalam Kalangan Pensyarah Pendidikan Islam Institut Pendidikan Guru Di Malaysia*.
- Abdullah<sup>1</sup>, M., Nor, M. M., Damaety, F., & Chee, J. (2017). Teaching Approaches in the Classroom among Preschool Teachers. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(3), 2222-6990.
- Abu, B., & Mamat, S. (2009). *Pengetahuan Etika Profesion Perguruan Dalam Kalangan Guru Pelatih 4SPH Fakulti Pendidikan UTM*.
- Adiyodi, C. K. K. (2010). *Classroom instruction in three preschools for children with special needs* (Doctoral dissertation, Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya).
- Adnan, M., Ayob, A., Tek, O. E., Ibrahim, M. N., Ishak, N., & Sheriff, J. (2017). Memperkasa pembangunan modal insan Malaysia di peringkat kanakkanak: Kajian kebolehlaksanaan dan kebolehintegrasian pendidikan STEM dalam kurikulum PERMATA Negara (Enhancing Malaysian human capital from early childhood: A study in the feasibility and integratability of the STEM system in the PERMATA Negara curriculum). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(1).
- Affendi, F. (2014). *Tahap kepuasan kerja dan komitmen organisasi dalam kalangan guru kolej vokasional: pendekatan structural equation model* (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Ahmad, R. H. (2005). *Kepenggunaan dan kepemimpinan sekolah: Pembangunan dan penambahbaikan pengajaran*. *Jurnal Pemimpin*, 5, 1-10.

- Ahmad, R., Ismail, A., & Ismail, W. K. W. (2007). Sistem penilaian prestasi sektor awam di Malaysia: Pemikiran semula terhadap peranan dan tanggungjawab pegawai penilai prestasi. *Jurnal Kemusiaan*, 5(2).
- Ahmad, S. F., & Tamuri, A. H. (2010). Persepsi guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi multimedia dalam pengajaran j-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 53-64.
- Aladdin, A., Hamat, A., & Yusof, M. S. (2004). Penggunaan PBBK (Pembelajaran Bahasa Berbantuan Komputer) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Asing: Satu Tinjauan Awal. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 4(1).
- Ali, A., & Mahamod, Z. (2017). Analisis Keperluan Terhadap Pengguna Sasaran Modul Pendekatan Berasaskan Bermain bagi Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Kanak-kanak Prasekolah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(1), 1-8.
- Ali, M. S. M., & Pihie, Z. A. L. (2007, June). Amalan kepimpinan pengajaran pengetua sekolah menengah luar bandar. In *Paper work of seminar pengurusan dan kepimpinan pendidikan ke-14 IAB, Genting Highland*.
- Ali, R. M. D. R. (2011). *Faktor-faktor yang mendorong tekanan kerja (stres) dikalangan guru-guru sekolah menengah di daerah Pasir Puteh* (Doctoral dissertation, Open University Malaysia).
- Ali, R. M. D. R. (2011). *Faktor-faktor yang mendorong tekanan kerja (stres) dikalangan guru-guru sekolah menengah di daerah Pasir Puteh* (Doctoral dissertation, Open University Malaysia).
- Anderson, B., & Communities, I. (1991). Reflections on the Origin and Spread of Nationalism. *London, New York, 21993*.
- ANUSUYA, A., & KALIAPPAN, P. (2013). *Tahap kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah dengan efikasi guru di SK Zon Batu Anam, Segamat* (Doctoral dissertation, Thesis University Teknologi Malaysia).
- Asmah, M. (2001). Play in Brunei preschool classrooms. *J Appl Res Educ*, 12(4), 2003-2013.
- Atan, A. M. (2014). *Beban Tugas Guru Dalam Pelaksanaan PBS Di Sekolah Kebangsaan Bandar Dan Luar Bandar Di Daerah Muar* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Avolio, B. J., & Bass, B. M. (2004). Multifactor leadership questionnaire (MLQ). *Mind Garden*, 29.
- Avolio, B. J., Zhu, W., Koh, W., & Bhatia, P. (2004). Transformational leadership and organizational commitment: Mediating role of psychological empowerment and moderating role of structural distance. *Journal of Organizational Behavior: The International Journal of Industrial, Occupational and Organizational Psychology and Behavior*, 25(8), 951-968.
- Awang, M. M., Ahmad, A. R., & Rahman, M. M. A. (2014). Penggunaan Peta Minda oleh Pelajar Pintar Cerdas dalam Pembelajaran Sejarah (The Use of

- Mind Maps by Gifted Students in Learning History). *Jurnal Pendidikan Malaysia | Malaysian Journal of Education*, 39(2), 95-100.
- Bagley, D. M., & Klass, P. H. (1997). Comparison of the quality of preschoolers' play in housekeeping and thematic sociodramatic play centers. *Journal of Research in Childhood Education*, 12(1), 71-77.
- Bakar, N. A., & Ramli Basri & Fooi, F. S. (2015). Hubungan kepemimpinan Guru dengan pencapaian akademik pelajar. *International Journal of Education and Training*, 1(2), 1-11.
- Bakar, N. A., & Ramli Basri & Fooi, F. S. (2015). Hubungan kepemimpinan Guru dengan pencapaian akademik pelajar. *International Journal of Education and Training*, 1(2), 1-11.
- Bakar, N. A., Basri, R., Abas, N., & Pendidikan, F. P. (2013). Kepimpinan pengajaran pengetua dan kepimpinan guru. In *Prosiding Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan (GREDEC 2013)*. hlm (pp. 419-430).
- Bakar, R. (2008). Hubungan kepuasan kerja dengan locus kawalan guru kaunseling di sekolah menengah di negeri Selangor.
- Bakar, S. A. (1996). *Kajian mengenai Beban Tugas guru sekolah menengah di daerah Johor Bahru, Johor* (Doctoral dissertation, UTM).
- Barbetta, P. M., Norona, K. L., & Bicaid, D. F. (2005). Classroom behavior management: A dozen common mistakes and what to do instead. *Preventing School Failure: Alternative Education for Children and Youth*, 49(3), 11-19.
- Barnham, C. (2015). Quantitative and qualitative research: Perceptual foundations. *International Journal of Market Research*, 57(6), 837-854.
- Basha, H. I., Syuhaila, N., & Sihes, A. J. (2003). *Gaya Pengajaran Guru Dalam Proses Pengajaran Lukisan Kejuruteraan Di Sekolah-sekolah Negeri Melaka* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Bass, B. M., & Bass, R. (2009). *The Bass handbook of leadership: Theory, research, and managerial applications*. Simon and Schuster.
- Bass, B. M., & Riggio, R. E. (2006). *Transformational leadership*. Psychology Press.
- Berg, J. H., Carver, C. L., & Mangin, M. M. (2014). Teacher leader model standards: Implications for preparation, policy, and practice. *Journal of Research on Leadership Education*, 9(2), 195-217.
- Berglund, S. R. (2011). Enable Emergent Literacy by Including ICT in Preschool class: A socio cultural approach to ensure a positive learning atmosphere.
- Bernard, H. R., & Bernard, H. R. (2012). *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches*. Sage.
- Bity Salwana, A., Basri, A., Yussof, M., Ramlee, M., & Mohammed Sani, I. (2008, June). KOMPETENSI PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA DALAM BIDANG PENGURUSAN KURIKULUM. In *Prosiding Seminar*

*Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Ke-15 2008* (pp. 40-50). Institut Aminuddin Baki.

- Blase, J., & Blase, J. (2000). Effective instructional leadership: Teachers' perspectives on how principals promote teaching and learning in schools. *Journal of educational administration*, 38(2), 130-141.
- Bodrova, E., & Leong, D. (2010). Curriculum and play in early child development. *Encyclopedia on early childhood development*, 1-citation\_lastpage.
- Borhan, L. (2003). Penilaian Autentik dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak Melalui Portfolio. *Masalah Pendidikan*, 26, 13-20.
- Brame, C. J. (2013). Flipping the classroom. Retrieved, August, 29, 2013.
- Bruce, T. (2012). *Early childhood education*. Hachette UK.
- Bryman, A. (2016). *Social research methods*. Oxford university press.
- Burung, V. J. (2011). *Stres dikalangan guru-guru Kemahiran Hidup Bersepadu di Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Kota Samarahan, Sarawak* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Carruthers, B. G., Schensul, S. L., Schensul, J. J., & LeCompte, M. D. (1999). *Essential ethnographic methods: Observations, interviews, and questionnaires* (Vol. 2). Rowman Altamira.
- Chappuis, S., & Stiggins, R. J. (2002). Classroom assessment for learning. *Educational leadership*, 60(1), 40-44.
- Chee, J., Nor, M. M., Othman, A. J., & Rahman, M. N. A. (2018). ISU PENGETAHUAN KANDUNGAN, PEDAGOGI DAN TEKNOLOGI DALAM KALANGAN GURU PRASEKOLAH. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(1), 7-21.
- Chin, R., & Mohd Yusoff, N. (2017). Penggunaan strategi pembelajaran bahasa untuk menguasai kemahiran membaca dalam kalangan murid pemulihan khas.
- Chong, S. N. Y., & Cheah, H. M. (2009). A values, skills and knowledge framework for initial teacher preparation programmes. *Australian Journal of Teacher Education*, 34(3), 1-17.
- Christidou, V., & Hatzinikita, V. (2006). Preschool children's explanations of plant growth and rain formation: A comparative analysis. *Research in Science Education*, 36(3), 187-210.
- Chua, Y. P. (2011). *Kaedah dan statistik penyelidikan: kaedah penyelidikan*. McGraw-Hill Education.
- Cohen, J. (1960). A coefficient of agreement for nominal scales. *Educational and psychological measurement*, 20(1), 37-46.
- Cohen, J. (1968). Weighted kappa: Nominal scale agreement provision for scaled disagreement or partial credit. *Psychological bulletin*, 70(4), 213.



- Coleman, M. (2000). The female secondary headteacher in England and Wales: leadership and management styles. *Educational Research*, 42(1), 13-27.
- Collay, M. (2011). *Everyday teacher leadership: Taking action where you are* (Vol. 14). John Wiley & Sons.
- Corbin, J., Strauss, A., & Strauss, A. L. (2014). *Basics of qualitative research*. sage.
- Craft, A. (2002). *Continuing professional development: A practical guide for teachers and schools*. Routledge.
- Cresswell, J. W. (2008). Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research. *New York, NY: Prentice Hall*.
- Creswell, J. W. (2002). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative* (pp. 146-166). Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Creswell, J. W. (2014). *Educational research: planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research+ Video-enhanced Pearson Etext Access Card*. Pearson College Division.
- Cuban, L. (2006). Getting past futile pedagogical wars. *Phi Delta Kappan*, 87(10), 793-795.
- Dali, M. H. (2010). *Pengurusan bilik darjah untuk guru novis*. Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Damit, H. D. (2014). *Penggunaan multimedia menurut persepsi guru tadika kerajaan dan swasta di Wilayah Persekutuan Labuan* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Sabah).
- Daud, A. R. (2000). Kefahaman terhadap konsep penggunaan ICT di dalam bilik darjah. In *International Conference'Education & ICT in the New Millennium, Parkroyal, Kuala Lumpur*.
- David, C., & Ambotang, A. S. (2014). *Profesionalisme guru novis dalam pengurusan pengetahuan, kesediaan mengajar dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)*.
- Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (Eds.). (2011). *The Sage handbook of qualitative research*. Sage.
- DI SABAH, P. E. S., TINJAUAN, S., RENDAH, S. D. S., SABAH, K. G. D. D. T., RENDAH, K. G. D. S., TERENGGANU, M. S. D. M., & KES, S. K. DALAM KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL: LESSON STUDY.
- Driscoll, D. L., Appiah-Yeboah, A., Salib, P., & Rupert, D. J. (2007). Merging qualitative and quantitative data in mixed methods research: How to and why not.
- Dugan, J. P. (2006). Explorations using the social change model: Leadership development among college men and women. *Journal of college student development*, 47(2), 217-225.
- Eisenhardt, K. M. (1989). Building theories from case study research. *Academy of management review*, 14(4), 532-550.

- Eneng, M. (2011). *Persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah, kecerdasan emosional dan kepimpinan instruksional pengetua sekolah agama menengah atas di Provinsi Banten Indonesia/Eneng Muslihah* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Eng, J. A. J. (2014). *Pengurusan bilik darjah: Strategi-strategi mewujudkan komuniti pembelajaran berkesan*. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Eng, J. A. J. (2016). *Pengurusan Aktiviti Luar Sekolah: Panduan Pengurusan Aktiviti di Luar Sekolah*. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Findley, B., & Varble, D. (2006). Creating a conducive classroom environment: Classroom management is the key. *College Teaching Methods & Styles Journal*, 2(3), 1-6.
- Fooi, F. S. (2003). Pengurusan dan Keberkesanan Sekolah. Dalam Zaidatol Akmaliah Lope Pihie & Foo Say Fooi (pytg). *Pengurusan dan Kepemimpinan Pendidikan: Satu Langkah ke Hadapan*.
- Fraenkel, J. R., Wallen, N. E., & Hyun, H. H. (2011). *How to design and evaluate research in education*. New York: McGraw-Hill Humanities/Social Sciences/Languages.
- Fromberg, D. P. (2002). *Play and meaning in early childhood education*. Allyn & Bacon.
- Gagné, M., Forest, J., Gilbert, M. H., Aubé, C., Morin, E., & Malorni, A. (2010). The Motivation at Work Scale: Validation evidence in two languages. *Educational and psychological measurement*, 70(4), 628-646.
- Galbraith, J., & Winterbottom, M. (2011). Peer-tutoring: what's in it for the tutor?. *Educational Studies*, 37(3), 321-332.
- Geier, M. T. (2016). Leadership in extreme contexts: Transformational leadership, performance beyond expectations?. *Journal of Leadership & Organizational Studies*, 23(3), 234-247.
- Ghani, M. F. A., Radzi, N. M., Ghavifekr, S., Kenayatullah, H. B., & Muhamad, M. (2017). pengurusan disiplin murid di sekolah kawasan bandar dan luar bandar: Perspektif pemimpin sekolah. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 1(1), 7-40.
- Ghavifekr, S., & Hussin, S. (2011). Managing systemic change in a technology-based education system: A Malaysian case study. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 28, 455-464.
- Gholami, L. (2015). Teacher self-efficacy and teacher burnout: A study of relations. *International Letters of Social and Humanistic Sciences*, 60, 83-86.
- Gliner, J. A., Morgan, G. A., & Leech, N. L. (2011). *Research methods in applied settings: An integrated approach to design and analysis*. Routledge.
- Grbich, C. (2012). *Qualitative data analysis: An introduction*. Sage.

- Griffith, J. (2004). Relation of principal transformational leadership to school staff job satisfaction, staff turnover, and school performance. *Journal of educational administration*, 42(3), 333-356.
- Hall, C. (2013). Implementing a Reggio Emilia inspired approach in a mainstream Western Australian context: The impact on early childhood teachers' professional role.
- Hammersley, M. (2008). *Questioning qualitative inquiry: Critical essays*. Sage.
- Hamzah, H., & Samuel, J. N. (2014). *Pengurusan bilik darjah dan tingkah laku*. Oxford Fajar.
- Hamzah, M. I. M. (2006). *Pengurusan proses perubahan terancang di beberapa buah sekolah bestari di Malaysia* (Doctoral dissertation, Jabatan Pengurusan, Perancangan dan Dasar Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya).
- Harris, A., & Muijs, D. (2004). *Improving schools through teacher leadership*. McGraw-Hill Education (UK).
- Hashim, N. H., & Lah, Y. C. (2003). *Panduan pendidikan prasekolah*. PTS Publications & Distributors.
- Hashim, R. (1998). Pengurusan pendidikan untuk sekolah daripada perspektif Islam. In *Prosiding Seminar Pendidikan Guru Untuk Sekolah Berkesan* (pp. 62-63).
- Holloway, I., & Galvin, K. (2016). *Qualitative research in nursing and healthcare*. John Wiley & Sons.
- Howes, C., Pianta, R., Bryant, D., Hamre, B., Downer, J., & Soliday-Hong, S. (2008). Ensuring effective teaching in early childhood education through linked professional development systems, quality rating systems and state competencies: The role of research in an evidence-driven system. *Charlottesville, VA: National Center for Research in Early Childhood Education*.
- Hu, X. (2015). Pre-service teachers' information communication technology (ICT) adoption in preschool settings in Hong Kong. *HKU Theses Online (HKUTO)*.
- Hua, A. K. (2016). Pengenalan rangkakerja metodologi dalam kajian penyelidikan: Satu kajian kes. *Journal home page*, 1(1).
- Hussain, A. (1996). Dasar, status pelaksanaan dan masa depan pendidikan prasekolah di Malaysia. In *Seminar Kebangsaan Pendidikan Prasekolah*. Pulau Pinang: Bahagian Perancangan & Penyelidikan.
- Hussein, M. (1993). Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah.
- Hussin, S. (1995). *The art of research and dissertation writing*. Asas Tunas Publications.
- Ibrahim, M. Y. (2012). Model kepemimpinan pengajaran, efikasi dan kompetensi pengajaran. *Phd thesis, UMT, not published*.

- Idris, N. (2005). *Pedagogi dalam pendidikan matematik*. Utusan Publications.
- Idris, N. (2013). *Penyelidikan dalam pendidikan*. McGraw-Hill Education.
- Ishak, H., Ab Halim Tamuri, R. A. M., & Bari, S. (2012). Amalan Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran). *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(4), 11-24.
- Ishak, N. I. (2011, October). School based assessment as transformation in educational assessment. In *Keynote speaker at the International Seminar on Measurement and Evaluation (ICMEE 4) at USM [Universiti Sains Malaysia] in Pulau Pinang, Malaysia*, on (pp. 9-12).
- Ishak, R. (2013). *Pembinaan profil amalan terbaik organisasi pembelajaran untuk sekolah Malaysia/Rosnah bt Ishak* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Ismail, M., & Hamdan, A. R. (2006). *Tahap Minat, pengetahuan Dan Kemahiran, latihan Guru Dan Beban Guru Dan Beben Tugas Guru Program Pemulihan Khas Sekolah Kebangsaan Daerah Pontian Johor* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Ismail, S., & Talip, F. A. (2010). Kepuasan bekerja staf akademik jabatan pendidikan teknikal dan kejuruteraan, fakulti pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. *Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*, 1-7.
- Jaafar, F. M. (2009). Kepentingan aktiviti bermain di dalam pendidikan prasekolah. *The Malaysian Education Dean's Council (MEDC) Journal*, 3, 1-8.
- Jacobi, F., Wittchen, H. U., Höltig, C., Höfler, M., Pfister, H., Müller, N., & Lieb, R. (2004). Prevalence, co-morbidity and correlates of mental disorders in the general population: results from the German Health Interview and Examination Survey (GHS). *Psychological medicine*, 34(4), 597-611.
- Jaeger, P. T., & Burnett, G. (2010). *Information worlds: Behavior, technology, and social context in the age of the Internet*. Routledge.
- Jamian, A. R. (2016). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 1-12.
- Jamian, A. R. (2016). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 1-12.
- Jamshed, S. (2014). Qualitative research method-interviewing and observation. *Journal of basic and clinical pharmacy*, 5(4), 87.
- Jani, J., Boon, O. K., Madon, M. S., Ahmad, H., Khalid, N. H. M., & Ahmad, Y. (2009). Pendekatan Pengajaran, Gaya Belajar dan Jenis Penilaian dalam Mata Pelajaran Sains Sukan di Sekolah Menengah (Teaching Approach, Learning Style and Types of Evaluation in Sport Science Subject at Secondary Schools). *Jurnal Pendidikan Malaysia | Malaysian Journal of Education*, 34(2), 81-91.

- Jenkins, L. T., & Eliason, C. (2008). *A practical guide to early childhood curriculum*. Pearson Merrill/Prentice Hall.
- Kamaruddin, Z. (2008). Penglibatan guru dalam membuat keputusan, sokongan organisasi dan komitmen kerja. *Universiti Sains Malaysia*.
- Kamarudin, N., & Halim, L. (2012). Konsep pengurusan alatan dan bahan untuk pembelajaran sains di makmal. *Jurnal Teknologi*, 60(1), 65-70.
- Karim.R, 2013. Apa Maksud Program LINUS? Blog Cigu Ruzimah
- Katzenmeyer, M., & Moller, G. (2009). *Awakening the sleeping giant: Helping teachers develop as leaders*. Corwin Press.
- KC, M., SJ, G., & NF, P. (2010). Educational Management Administration & Leadership.
- Kenayathulla, H. B. (2012). Cost benefit analysis in Malaysian education. *Jurnal Internasional Manajemen Pendidikan*, 4(02).
- Kenayathulla, H. B., Subramaniam, R., & Ghani, M. F. A. (2017). Pengurusan kewangan di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Kuala Kangsar, Perak: Satu kajian kes. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(4), 62-82.
- Krippendorff, K. (2018). *Content analysis: An introduction to its methodology*. Sage publications.
- Kursunoglu, A., & Tanriogen, A. (2009). The relationship between teachers' perceptions towards instructional leadership behaviors of their principals and teachers' attitudes towards change. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 1(1), 252-258.
- Kyriacou, C., & Chien, P. Y. (2009). Teacher stress in Taiwanese primary schools. *The Journal of Educational Enquiry*, 5(2).
- Kyriacou, C., & Chien, P. Y. (2009). Teacher stress in Taiwanese primary schools. *The Journal of Educational Enquiry*, 5(2).
- Lambert, L. (2003). Leadership redefined: An evocative context for teacher leadership. *School leadership & management*, 23(4), 421-430.
- Landis, J. R., & Koch, G. G. (1977). The measurement of observer agreement for categorical data. *biometrics*, 159-174.
- Lebar, M. S. (2000). Pengurusan pendidikan dan pendidikan di Malaysia. *Petaling Jaya: Addison Wesley Longman Malaysia Sdn. Bhd.*
- Lee, W. Y. M. (2001). *Learning to teach: A case study of kindergarten teachers in Hong Kong* (Doctoral dissertation, University of Illinois at Urbana-Champaign).
- Leithwood, K., & Jantzi, D. (2000). The effects of transformational leadership on organizational conditions and student engagement with school. *Journal of educational administration*, 38(2), 112-129.

- Leithwood, K., Anderson, S., Mascall, B., & Strauss, T. (2010). School leaders' influences on student learning: The four paths. *The principles of educational leadership and management*, 2, 13-30.
- Leithwood, K., Harris, A., & Hopkins, D. (2008). Seven strong claims about successful school leadership. *School leadership and management*, 28(1), 27-42.
- Leithwood, K., Patten, S., & Jantzi, D. (2010). Testing a conception of how school leadership influences student learning. *Educational Administration Quarterly*, 46(5), 671-706.
- Lopintsova, O., Paloniemi, K., & Wahlroos, K. (2012). Multicultural Education through Expressive Methods in Early Childhood Education.
- Lumpkin, A. (2007). Caring teachers the key to student learning. *Kappa Delta Pi Record*, 43(4), 158-160.
- Mahamod, Z., & anak Nor, M. (2012). Penguasaan pengetahuan pedagogi kandungan guru bahasa iban. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 12(2).
- Mahamod, Z., & Embi, M. A. (2005). Penggunaan strategi pembelajaran bahasa untuk menguasai kemahiran membaca. *Sains Humanika*, 42(1).
- Mahamod, Z., & Ishak, N. M. (2003). Analisis Cohen Kappa dalam Penyelidikan Bahasa: Satu Pengalaman. *Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi*.
- Mahmud, R., Ismail, M. A., & Ibrahim, J. (2011). Tahap kemahiran dan pengintegrasian ICT di kalangan guru sekolah bestari. *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia*, 1(1), 5-13.
- Mahmud, R., Ismail, M. A., & Ibrahim, J. (2011). Tahap kemahiran dan pengintegrasian ICT di kalangan guru sekolah bestari. *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia*, 1(1), 5-13.
- Majzub, R. M. (2003). *Pendidikan prasekolah: Cabaran kualiti*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Majzub, R. M. (2009). The development of a web based ecological assessment of school readiness (WEBEASR). *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 1(1), 2568- 2572.
- Majzub, R. M. (2013). Teacher trainees' self evaluation during teaching practicum. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 102, 195-203.
- Majzub, R. M., & Rashid, A. A. (2012). School readiness among preschool children. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 46, 3524-3529.
- Makhtar, M. A., Fauzi, M. N. H., Hasan, A., & Othman, H. (2015). Tahap Motivasi Terhadap Pelajar Kolej Vokasional dalam Melaksanakan Kerja-Kerja Kemahiran Teknikal.
- Malaysia, K. P. (2001). Kurikulum Prasekolah Kebangsaan. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Malaysia, K. P. (2009). Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

- Malaysia, K. P. (2017). Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. *Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum*.
- Malaysia, K. P. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2015. *Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm, 1*.
- Marohaini, Y. (2004). Penyelidikan kualitatif: Pengalaman kerja lapangan kajian. *Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya*.
- Marshall, C., & Rossman, G. B. (2014). *Designing qualitative research*. Sage publications.
- Maslow, A. H., Stephens, D. C., Heil, G., & Bennis, W. (1998). *Maslow on management*. New York: John Wiley.
- Masnan, A. H. (2014). *Amalan pedagogi guru prasekolah permulaan* (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Matsuno, S. (2009). Self-, peer-, and teacher-assessments in Japanese university EFL writing classrooms. *Language Testing, 26*(1), 075-100.
- Maxwell, J. A. (2012). *Qualitative research design: An interactive approach* (Vol. 41). Sage publications.
- McCormick Smith, M., & Chao, T. (2018). Critical Science and Mathematics Early Childhood Education: Theorizing Reggio, Play, and Critical Pedagogy into an Actionable Cycle. *Education Sciences, 8*(4), 162.
- McKesson, S. (2011). *Research in Education: A Conceptual Introduction*.
- McLeod, J., Fisher, J., & Hoover, G. (2003). *The key elements of classroom management: Managing time and space, student behavior, and instructional strategies*. ASCD.
- McMillan, J. H., & Schumacher, S. (1984). *Research in education: A conceptual introduction*. Little, Brown.
- Merriam, S. B. (1988). *Case study research in education: A qualitative approach*. Jossey-Bass.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education. Revised and Expanded from "Case Study Research in Education."*. Jossey-Bass Publishers, 350 Sansome St, San Francisco, CA 94104.
- Merriam, S. B., & Grenier, R. S. (Eds.). (2019). *Qualitative research in practice: Examples for discussion and analysis*. Jossey-Bass.
- Mertens, D. M. (2014). *Research and evaluation in education and psychology: Integrating diversity with quantitative, qualitative, and mixed methods*. Sage publications.
- Mihandoost, Z., Elias, H., Nor, S., & Mahmud, R. (2011). The effectiveness of the intervention program on reading fluency and reading motivation of students with dyslexia. *Asian Social Science, 7*(3), 187.

- Miles, M. B., Huberman, A. M., Huberman, M. A., & Huberman, M. (1994). *Qualitative data analysis: An expanded sourcebook*. sage.
- Miller, E., & Almon, J. (2009). Crisis in the kindergarten: Why children need to play in school. *Alliance for Childhood (NJ3a)*.
- Miller, J. A., & Bogatova, T. (2009). Quality improvements in the early care and education workforce: Outcomes and impact of the TEACH Early Childhood® Pro Wells, M. B. (2015). Predicting preschool teacher retention and turnover in newly hired Head Start teachers across the first half of the school year. *Early Childhood Research Quarterly*, 30, 152-159. *Evaluation and program planning*, 32(3), 257-277.
- Mohamad, J., & Yaacob, N. R. N. (2013). Kajian tentang kepuasan bekerja dalam kalangan Guru-guru pendidikan khas (a study on job satisfaction among special Education teachers). *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 28, 103-115.
- Mohd Hamzah, M.I (2015). Kepimpinan Berkualiti mengenai Kompetensi yang diperlukan untuk memimpin dengan berkesan.
- Mohd. Shahrizan Abdullah. (2013). *Kepuasan Kerja Dan Komitmen Kerja Dalam Kalangan Guru-guru Sukan Dan Permainan Daerah Muar, Johor* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Mohsin, M. (2010). *Pelaksanaan kurikulum pendidikan jasmani oleh guru Tingkatan Satu* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Mowen, J. C. (2000). *The 3M model of motivation and personality: Theory and empirical applications to consumer behavior*. Springer Science & Business Media.
- Muhammad, F. (2012). *Komunikasi pengetua dan motivasi guru Sekolah Menengah di Daerah Jempol, Negeri Sembilan*(Doctoral dissertation, Institut Kepimpinan Pendidikan, Universiti Malaya).
- Muijs, D. (2011). Leadership and organisational performance: from research to prescription?. *International Journal of Educational Management*, 25(1), 45-60.
- Muijs, D., & Harris, A. (2003). Teacher leadership—Improvement through empowerment? An overview of the literature. *Educational Management & Administration*, 31(4), 437-448.
- Muijs, D., & Harris, A. (2006). Teacher led school improvement: Teacher leadership in the UK. *Teaching and teacher education*, 22(8), 961-972.
- Muijs, D., Harris, A., Lumby, J., Morrison, M., & Sood, K. (2006). Leadership and leadership development in highly effective further education providers. Is there a relationship?. *Journal of further and higher education*, 30(1), 87-106.
- Musfah, J. (2012). *Pendidikan holistik: pendekatan lintas perspektif*. Prenada Media.
- Mutch, C. (2006). Qualitative Research for Education: An Introduction to Theory and Methods [Book Review]. *Qualitative Research Journal*, 6(1), 92.



- Myers, M. D., & Avison, D. (Eds.). (2002). *Qualitative research in information systems: a reader*. Sage.
- New, R. S. (1998). Reggio Emilia's commitment to children and community: A reconceptualization of quality and DAP. *Early Years, 18*(2), 11-18.
- Nor, M. M. (2001). Pentaksiran Autentik: Keperluan Penilaian Di Peringkat Pendidikan Prasekolah [Authentic evaluation: The Need for Evaluation at the Pre-School Educational level]. *Masalah Pendidikan, 24*, 83-94.
- Nordin, A. L. (2004). *Pendidikan awal kanak-kanak: Teori dan amali*. Penerbit Universiti Malaya.
- Nordin, M. R. M., Shaari, S., & Kamarodzan, N. (2017). Cabaran Guru Program Linus (Literasi) Di Sekolah-Sekolah Murid Orang Asli Negeri Perak. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi, 8*.
- Northouse, P. G. (2018). *Leadership: Theory and practice*. Sage publications.
- NOVICE, P. C. K. O., & SCHOOLS, S. S. (2014). Pengetahuan pedagogi kandungan guru Bahasa Iban yang baharu dengan yang berpengalaman di sekolah-sekolah menengah di Sarawak. *Malaysian journal of Learning and Instruction, 11*, 207-236.
- Othman, L. (2014). Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metod. *Tanjung Malim Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris*.
- Othman, N., & Omar, H. M. (2014). Beban tugas dan motivasi pengajaran Guru di sekolah menengah daerah Ranau. *Jurnal Pemikir Pendidikan, 5*.
- Othman, N., & Omar, H. M. (2014). Beban tugas dan motivasi pengajaran Guru di sekolah menengah daerah Ranau. *Jurnal Pemikir Pendidikan, 5*.
- Park, H. J. (2005). *The relationship between teacher-perceived children's play styles and their pretend play behaviors* (Doctoral dissertation).
- Pate, J. L., James, L., & Leech, D. (2005). Teacher Leaders: A Catalyst for Instructional Leadership. *Online Submission*.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative evaluation and research methods*. SAGE Publications, inc.
- Peng, C. F., Arshad, M., & Zahari Ishak & Cheong, L. S. (2008). Pendidikan kesusasteraan awal kanak-kanak: Isu dan masalah. *Masalah Pendidikan, 31*(1), 77- 89.
- Pianta, R., Howes, C., Burchinal, M., Bryant, D., Clifford, R., Early, D., & Barbarin, O. (2005). Features of pre-kindergarten programs, classrooms, and teachers: Do they predict observed classroom quality and child-teacher interactions?. *Applied developmental science, 9*(3), 144-159.
- Popa, B. M. (2012). The relationship between leadership effectiveness and organizational performance. *Journal of defense resources management, 3*(1), 123-126.

- Puteh, S. N., & Ali, A. (2016). Pendekatan bermain dalam pengajaran bahasa dan literasi bagi pendidikan prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(2), 1-16.
- Puteh, S. N., & Ali, A. (2016). Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Kurikulum Berasaskan Bermain bagi Aspek Perkembangan Bahasa dan Literasi Murid Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1), 141-159.
- Puteh, S. N., Ali, M. M., Salleh, N. M., & Alias, A. (2009). Penggunaan dan pengurusan bahan pengajaran dan pembelajaran dalam kurikulum permainan pendidikan awal kanak-kanak. *Laporan Akhir Penyelidikan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Rahmad Sukor, A. S., & Shahril, J. (2005). Peranan kepimpinan guru dalam mempengaruhi iklim bilik darjah. *Masalah Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya*, 28, 117-129.
- Rahmad Sukor, A. S., & Shahril, J. (2005). Peranan kepimpinan guru dalam mempengaruhi iklim bilik darjah. *Masalah Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya*, 28, 117-129.
- Rahman, M. N. A., & Noor, W. N. B. W. M. (2018). PELAKSANAAN KURIKULUM STANDARD PRASEKOLAH KEBANGSAAN SEMAKAN 2017: RETROSPEKSI GURU. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(3), 59-71.
- Rahman, S., Nordin, A. B., & Alias, N. (2017). Penggunaan ICT merentas Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK): Tinjauan di prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1(4), 12-20.
- Rahman, S., Nordin, A. B., & Alias, N. (2017). Penggunaan ICT merentas Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK): Tinjauan di prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1(4), 12-20.
- Raja Muda Mahu Guru Sedia Lakukan Transformasi Pendidikan (2011). Dicapai November 30, 2015. <http://berita.nurizan.com/utusan/raja-muda-mahu-guru-sedialakukan-transformasi-pendidikan/>
- Rashid, N. A., Boon, P. Y., & Wong, K. W. (2010). *Asas kepimpinan dan perkembangan profesional guru*. Oxford Fajar.
- Rasid, R. A. (2008). *Amalan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah kebangsaan di daerah Melaka Tengah, Melaka* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Rissing, S. W., & Cogan, J. G. (2009). Can an inquiry approach improve college student learning in a teaching laboratory?. *CBE—Life Sciences Education*, 8(1), 55-61.
- Roeser, R. W., Schonert-Reichl, K. A., Jha, A., Cullen, M., Wallace, L., Wilensky, R., .. & Harrison, J. (2013). Mindfulness training and reductions in teacher stress and burnout: Results from two randomized, waitlist-control field trials. *Journal of Educational Psychology*, 105(3), 787.

- Roslina, W., & Ismail, W. (2011). *Korelasi Amalan Kepemimpinan Pengajaran Pemimpin Pertengahan Dengan Iklim Sekolah, Sikap Guru dan Komitmen Organisasi di Sekolah Menengah Kebangsaan* (Doctoral dissertation, Universiti Utara Malaysia).
- Ross, J. A., & Gray, P. (2006). School leadership and student achievement: The mediating effects of teacher beliefs. *Canadian Journal of Education/Revue canadienne de l'éducation*, 798-822.
- Ruhaidah, H. (2011). *Penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran kemahiran asas membaca di kelas pemulihan khas murid tahun tiga di daerah Kota Marudu* (Doctoral dissertation, Universiti Utara Malaysia).
- Sabran, R. H. (2009). *Kefahaman dan Kemahiran ICT Dalam Kalangan Pelajar-Pelajar Berpendidikan Agama*.
- Safei, H. A. A. (2016). *Sosiologi Dakwah Rekonsepsi, Revitalisasi, dan Inovasi*. Deepublish.
- Said, H. B., & Sukor, M. A. B. (2011). *Penyeliaan pengajaran di sekolah-sekolah kebangsaan daerah Johor Bahru*.
- Said, R. R., & Jamian, A. R. (2012). AMALAN PENGAJARAN KARANGAN GURU CEMERLANG DI DALAM BILIK DARJAH: KAJIAN SATU KES PELBAGAI LOKASI. *Journal of Educators & Education/Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 27.
- SANI, N. A., & YUNUS, F. (2018). Amalan Perancangan, Pelaksanaan dan Pentaksiran dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Pranumerasi di Tadika Swasta (Planning, Implementation and Assessment Practices in the Teaching and Learning Process of Prenumeration in Private Kindergarten). *Jurnal Pendidikan Malaysia| Malaysian Journal of Education*, 43(02), 101-110.
- Schensul, J. J., & LeCompte, M. D. (2012). *Essential ethnographic methods: A mixed methods approach* (Vol. 3). Rowman Altamira.
- Schutt, R. K. (2002). *Qualitative research and evaluation methods* 3rd ed.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2016). *Research methods for business: A skill building approach*. John Wiley & Sons.
- Semelka, R. C., Tomei, E., Wagner, S., Mayo, J., Caputo, G., O'Sullivan, M., ... & Higgins, C. B. (1990). Interstudy reproducibility of dimensional and functional measurements between cine magnetic resonance studies in the morphologically abnormal left ventricle. *American heart journal*, 119(6), 1367-1373.
- Senge, P. M. (1991). The fifth discipline, the art and practice of the learning organization. *Performance+ Instruction*, 30(5), 37-37.
- Shaari, A. S., Yusof, A., Khan, J., Khan, M., Tang, S. M., & Lim, K. T. (2008). Keadilan penilaian prestasi dalam kalangan guru dan hubungannya dengan motivasi kerja dan prestasi akademik sekolah. *International Journal of Management Studies (IJMS)*, 15, 159-176.

- Shahril, M. (2002). Ciri-ciri kepimpinan pengetua/guru besar berkesan yang dapat menghadapi cabaran dan harapan pada abad ke 21 ini. *Jurnal Institut Pengetua*, 2(1), 7-16.
- Shariza, S. (2017). *Pembangunan modul latihan pendidikan seksualiti untuk guru program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) peringkat Sekolah Rendah*/Shariza Said (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Shepard, L. A. (1993). Chapter 9: Evaluating test validity. *Review of research in education*, 19(1), 405-450.
- Siew, W. H., Tan, K. L., Abbaspour Babaei, M., Cheah, P. S., & Ling, K. H. (2013). MicroRNAs and intellectual disability (ID) in Down syndrome, X-linked ID, and Fragile X syndrome. *Frontiers in cellular neuroscience*, 7, 41.
- Silins, H., & Mulford, B. (2002). Leadership and school results. In *Second international handbook of educational leadership and administration* (pp. 561-612). Springer, Dordrecht.
- Simkins, T., Sisum, C., & Memon, M. (2003). School leadership in Pakistan: Exploring the headteacher's role. *School Effectiveness and School Improvement*, 14(3), 275- 291.
- Singh, S., & Esa, A. (2008). Kepimpinan dalam menghadapi isu-isu semasa pendidikan.
- Skaalvik, E. M., & Skaalvik, S. (2009). Does school context matter? Relations with teacher burnout and job satisfaction. *Teaching and teacher education*, 25(3), 518-524.
- Skaalvik, E. M., & Skaalvik, S. (2010). Teacher self-efficacy and teacher burnout: A study of relations. *Teaching and teacher education*, 26(4), 1059-1069.
- Skibbe, L. E., Connor, C. M., Morrison, F. J., & Jewkes, A. M. (2011). Schooling effects on preschoolers' self-regulation, early literacy, and language growth. *Early Childhood Research Quarterly*, 26(1), 42-49.
- Smaldino, S. E., Lowther, D. L., Russell, J. D., & Mims, C. (2008). Instructional technology and media for learning.
- Snyder, M., & Cantor, N. (1998). Understanding personality and social behavior: A functionalist strategy.
- Spencer, L. M., & Spencer, P. S. M. (2008). *Competence at Work models for superior performance*. John Wiley & Sons.
- Spodek, B., & Saracho, O. N. (1993). *Right from the start: Teaching children ages three to eight*. Allyn & Bacon.
- Stauss, A., & Corbin, J. (1990). Basics of qualitative research: grounded theory procedures and techniques. *Beverly Hills, (CA: Sage*.
- Stirling, J., & Belk, L. (2002). Effective teaching, quality physical education and the New Zealand curriculum. *New Zealand Physical Educator*, 35(1), 69.

- Stoner, J.A., Freeman, R.E., & Gilbert, D. R. (2010). *Management* (6<sup>th</sup> Ed.) Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall, Inc.
- Straus, A., & Corbin, J. (1998). *Basics of qualitative research: Techniques and procedures for developing grounded theory*.
- Stremmel, A. J., & Hill, L. T. (2002). *Teaching and learning: Collaborative exploration of the Reggio Emilia approach*. Prentice Hall.
- Struyven, K., Jacobs, K., & Dochy, F. (2013). Why do they want to teach? The multiple reasons of different groups of students for undertaking teacher education. *European journal of psychology of education*, 28(3), 1007-1022.
- Sualman, I. (2001). Persepsi dan komunikasi: kesannya ke atas ketaatan, personaliti, motivasi dan kepuasan kerja.
- Sudiro, A. (2008). Pengaruh Timbal-Balik Antara Kepuasan Kerja Dengan Kepuasan Keluarga dan Komitmen Kerja Serta Dampaknya Terhadap Prestasi Kerja dan Karier Dosen. *Jurnal Manajemen dan Kewirausahaan*, 10(1), 38-49.
- Sugarman, B. (1997). Learning, working, managing, sharing: The new paradigm of the learning organization. *The Journal of Pedagogy, Pluralism & Practice*.
- Sulaiman, T. (2004). *Pelaksanaan pengajaran kemahiran menyiasat di prasekolah dan tahap 1 sekolah rendah* (Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia).
- Tan, A. M. (2010). *Pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) di Malaysia: kesediaan guru, isu, dan panduan pelaksanaan*. Gerakbudaya Enterprise.
- Teli, D., Jentsch, M. F., & James, P. A. (2012). Naturally ventilated classrooms: An assessment of existing comfort models for predicting the thermal sensation and preference of primary school children. *Energy and Buildings*, 53, 166-182.
- Thornton, L., & Brunton, P. (2009). *Understanding the Reggio approach: Early years education in practice*. Routledge.
- Tondeur, J., Van Keer, H., Van Braak, J., & Valcke, M. (2008). ICT integration in the classroom: Challenging the potential of a school policy. *Computers & education*, 51(1), 212-223.
- Tonn, J. C. (2008). *Mary P. Follett: Creating democracy, transforming management*. Yale University Press.
- Troen, V., & Boles, K. C. (2008). *Who's teaching your children?: Why the teacher crisis is worse than you think and what can be done about it*. Yale University Press.
- UNESCO (2000). *World education report*. Paris france: UNESCO Publishing house (c.68 and UNDP (2001)
- Ungang, C. A. (2008). Penggunaan bahan bantu mengajar dalam kemahiran asas membaca di kelas pemulihan: Kajian kes di lima buah sekolah daerah Serian. *Miri: Jilid*, 8.

- Van Droogenbroeck, F., Spruyt, B., & Vanroelen, C. (2014). Burnout among senior teachers: Investigating the role of workload and interpersonal relationships at work. *Teaching and Teacher Education*, 43, 99-109.
- Watanabe, N. (2011). *Forgiveness in Japanese children and adolescents: Dispositional, emotional, and parental influence* (Doctoral dissertation).
- Webb, R. (2010). The impact of educational reform on primary school teachers: The English experience. *Primary Children Educational Research Journal*, 5, 17-38.
- Weber, J. (1996). Leading the instructional program in Smith SC St Piele PK (eds) School leadership: handbook for excellence. USA: ERIC Clearinghouse on Educational Aianagement.
- Wolcott, H. F. (2008). *Writing up qualitative research*. Sage Publications.
- Wortham, S. (2006). *Learning identity: The joint emergence of social identification and academic learning*. Cambridge University Press.
- Wortham, S. C. (2002). *Early childhood curriculum: Developmental bases for learning and teaching*. Merrill/Prentice Hall.
- Worthington, E. (2008). Effective learning environments in preschools.
- Yacob, R. (2006). *Proses sosialisasi guru baru: kajian kes di dua buah sekolah rendah* (Doctoral dissertation, Jabatan Asas Pendidikan & Kemanusiaan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya).
- Yahaya, A. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisis & Interpretasi Data*. PTS Professional.
- Yahaya, A., & Ramli, J. (2003). *Keberkesanan pendidikan prasekolah KEMAS dan swasta: perbandingan mengikut persepsi ibu bapa*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Yılmaz, K., & Altinkurt, Y. (2012). Chapter 9 the relationship between organizational justice, organizational trust and organizational citizenship behaviors in secondary schools in Turkey. In *Discretionary behavior and performance in educational organizations: The missing link in educational leadership and management* (pp. 223-248). Emerald Group Publishing Limited.
- Yin, R. K. (1998). The abridged version of case study research: Design and method.
- Yin, R. K. (2017). *Case study research and applications: Design and methods*. Sage publications.
- Zaharah, M. (2002). *Amalan pengurusan pentadbir akademik universiti: Satu kajian kes* (Doctoral dissertation, Doctoral dissertation. Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Zainal, T. Z. T., Mustapha, R., & Habib, A. R. (2009). Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan Guru Matematik bagi Tajuk Pecahan: Kajian Kes di Sekolah Rendah (Pedagogical Content Knowledge of Mathematic Teachers on Fraction:

A Case Study at Primary Schools). *Jurnal Pendidikan Malaysia| Malaysian Journal of Education*, 34(1), 131-153.

Zainal, T. Z. T., Mustapha, R., & Habib, A. R. (2009). Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan Guru Matematik bagi Tajuk Pecahan: Kajian Kes di Sekolah Rendah (Pedagogical Content Knowledge of Mathematic Teachers on Fraction: A Case Study at Primary Schools). *Jurnal Pendidikan Malaysia| Malaysian Journal of Education*, 34(1), 131-153.

Zakaria, O. (2016). *Kepimpinan instruksional guru besar di sekolah kurang murid/Zakaria Othman* (Doctoral dissertation, University of Malaya).

Universiti Malaya